PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15

HARI PERTAMA	KHAMIS, 13 NOVEMBER 2025	BIL. 14 TAHUN 15

HADIR

Speaker Dewan Negeri Johor
YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.
(Rengit)

Menteri Besar Johor (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan)
YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.
(Machap)

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya
YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
YB Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi
YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid
(Semerah)

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
YB Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia
YB Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi
YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan
YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah
(Mahkota)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

YB Puan Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

TIDAK HADIR

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, DMIJ., PIS II.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abd Aziz bin Engan, DPSM.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, DMIJ., PIS, PSI.

Persidangan bermula jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(YB Speaker membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Maju Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi ini kita memulakan Mesyuarat Ketiga (Belanjawan 2026) bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Persidangan kali ni akan mengambil masa selama enam (6) hari bermula pada hari ini, 13 November, 17 hingga 21 November 2026.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini juga, kita akan mendengar Pembentangan Belanjawan 2026 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Pembentangan belanjawan ini juga boleh diikuti melalui *live streaming* di *facebook* rasmi YAB Menteri Besar Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, hari ini kita akan bersidang menggunakan sistem baharu yang sudah pun di *upgrade* dan saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana meluluskan peruntukan yang besar untuk menaik taraf kemudahan Dewan ini supaya kita dapat bersidang dengan lebih selesa dan semoga Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berbahas dengan lebih berkesan.

Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran pemerhati-pemerhati seperti berikut:-

Ketua-Ketua UMNO Bahagian Negeri Johor (Dewan bertepuk). Persatuan Veteran Angkatan Tentera Negeri Johor, ada ya. Persatuan Veteran Tentera dan Bekas Polis Negeri Johor (Dewan bertepuk). Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru Negeri Johor. Persatuan Ketua Kampung Negeri Johor, Naib Canselor Penolong Pendaftar Universiti, Akademi Debat Johor, Dewan Muda Johor, Penggerak Sakinah Negeri Johor, Persatuan-Persatuan Negeri Johor, Penggiat-Penggiat Seni Negeri Johor, Ketua-Ketua Pemimpin Komuniti Penduduk, Jabatan-Jabatan Negeri dan Persekutuan, Badan-Badan Berkanun Negeri Johor, Gabungan Persatuan Teksi-Teksi Berdaftar Negeri Johor, *E-Hailing* dan *P-Hailing* dan tidak lupa mahasiswa dan pelajar negeri Johor. Ada lebih kurang 200 termasuk yang ada di dalam Dewan dan satu lagi di bilik yang lain. Tahniah kepada mereka yang hadir. Terima kasih.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 29 hingga 32 Tahun 2025.

Bilangan 29 Tahun 2025	-	Laporan Jawatankuasa Belanjawan Negeri Mengenai Peranggaran Negeri Johor Tahun 2026.
Bilangan 30 Tahun 2025	-	Peranggaran Pembangunan Tahun 2026.
Bilangan 31 Tahun 2025	-	Penyata Kewangan Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2024.

Bilangan 32 Tahun 2025 - Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Johor dan Penyata Memorandum mengenai :

- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Johor Tahun 2023.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 33 hingga 34 Tahun 2025.

Bilangan 33 Tahun 2025 - Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua Tahun 2025.

Bilangan 34 Tahun 2025 - Peranggaran Tambahan Pembangunan Ketiga Tahun 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2025.

Bilangan 35 Tahun 2025 - Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Dengan izin Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 36 dan 37 2025.

Bilangan 36 Tahun 2025 - Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.

Bilangan 37 Tahun 2025 - Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3), supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025 dikemukakan sekarang tanpa mengikut Susunan Perkara-Perkara Mesyuarat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini iaitu Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025 dikemukakan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Sebelum saya menjemput Yang Amat Berhormat Machap, saya nak jual pantun terlebih dahulu Yang Amat Berhormat.

Makan ketupat rendang hati, hanya terjual di Batu Pahat; Bajet 2026 amat dinanti-nanti, pasti sarat agenda rakyat. (Dewan bertepuk).

Saya harap Yang Amat Berhormat jawab nanti tetapi saya nak mengingatkan sekali lagi sepertimana yang saya pernah sebut di dalam Dewan ini sebelum ini iaitu anak Raja duduk merayu, duduk merayu suaranya keras; bukan namanya orang Melayu, jika berpantun tengok kertas. Jadi, jangan tengok kertas Yang Amat Berhormat bila jawab pantun saya, jawab spontan.

Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Bismillahirahmaanirrahim. (Bacaan selawat). Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua dapat kita bersama-sama hadir dalam sesi pembentangan Belanjawan Johor 2026, Selawat dan salam buat Nabi Junjungan, Nabi Muhammad SAW pemimpin Agong yang sentiasa menjadi teladan dan pedoman buat kita sehingga ke akhir zaman.

Sebelum saya meneruskan pembentangan Belanjawan, izinkan saya terlebih dulu merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Sempena Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh ta'zim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat DiRaja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan juga Bangsa Johor.

Payung mahkota menaung gemilang, menjulang daulat negeri bertuah; Raja memimpin bangsa cemerlang, mengangkat Johor megah bermaruah.

Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada patik dan kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Pohon meranti berdiri hebat, daunnya rimbun meneduhi bumi; luhur kasih menyantuni rakyat, Johor sejahtera, rakyat harmoni. (Dewan bertepuk.)

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya baca pantun tak baca ikut kertas, ikut *i-pad*. Pada kesempatan ini, bagi pihak kerajaan negeri saya jugan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan persekutuan atas pengumuman peruntukan sebanyak RM4.8 bilion bagi perbelanjaan pembangunan, *Rolling Plan* Pertama 2026 di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 untuk negeri

Johor yang merangkumi 152 projek serta 435 projek sambungan. Saya yakin, projek-projek ini akan memberi impak besar kepada Bangsa Johor secara keseluruhannya. 'Terima kasih daun keladi, kecil tapak tangan, nyiru Johor tadahkan'.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Johor yang baharu, Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abdul Rahman, rakan-rakan Yang Berhormat EXCO, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Daerah, Datuk-Datuk Bandar, YDP-YDP, seluruh Pegawai Kanan kerajaan negeri dan persekutuan, Badan-Badan Berkanun serta GLC negeri Johor yang telah memberikan kerjasama erat, dedikasi dan komitmen tinggi sepanjang tahun ini. Sama-samalah kita teruskan agenda untuk membangunkan dan memajukan negeri yang kita cintai ini. 'Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, syukur alhamdulillah ekonomi dan prestasi Johor Darul Ta'zim negeri yang kita semua cintai ini berada dalam keadaan yang cukup memberangsangkan. Seperti yang kita semua sedia maklum, sepanjang tempoh tiga (3) tahun enam (6) bulan ini Johor telah menarik pelaburan berjumlah RM218 bilion. (Dewan bertepuk) Menghasilkan lebih 64,000 peluang pekerjaan dengan kadar pengangguran yang terus kekal rendah pada 2.3%. Pertumbuhan KDNK 6.4% menjadikan Johor negeri dengan pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di Malaysia. (Dewan bertepuk). Nilai hasil jualan pertanian RM27.2 bilion juga adalah yang tertinggi dalam negara.

Dari segi hasil negeri pula, kita insha Allah bakal mencecah RM2.5 bilion. (Dewan bertepuk) Jauh melangkaui unjuran asal yang dibentangkan dalam Belanjawan Johor 2025. Lebih daripada itu, kutipan zakat hasil PBT, PKPJ dan keuntungan GLC-GLC negeri, semuanya menunjukkan peningkatan yang amat positif. Alhamdulillah, air yang dihajati, pancuran yang terbit. Segala puji bagi Allah SWT. (Bacaan zikir). Tiada daya dan upaya kecuali dengan pertolongan dan keizinan Allah SWT. Saya menginsafi bahawa segala limpahan rezeki dan peningkatan hasil yang dinikmati ini merupakan anugerah dan kurniaan dariNya jua.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Talaq ayat kedua (2) dan yang ketiga (3) yang berbunyi, (bacaan ayat Al-Quran) yang bermaksud, 'Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hati'. Ayat ini jelas memperingatkan kita bahawa Allah SWT akan memberikan rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hati kita dengan syarat kita bertakwa. Persoalannya Datuk Speaker ialah apakah ciri-ciri orang yang bertaqwa? Sekali lagi, Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat ke 177 yang menerangkan ciri-ciri orang bertaqwa. 'Kebaikan itu bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan ke arah barat tetapi kebaikan itu ialah orang yang beriman kepada Allah, hari akhirat, para malaikat, kitab-kitab dan nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kaum kerabat, anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang yang dalam perjalanan, peminta sedekah dan untuk memerdekakan hamba sahaya, yang melaksanakan solat dan menunaikan zakat, orang yang menepati janji apabila berjanji dan orang yang sabar dalam kesusahan, penderitaan dan ketika peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa'.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahlir-Ahli Yang Berhormat, sidang Dewan yang saya hormati sekalian, sama-samalah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT agar Johor terus dilimpahkan rezeki yang melimpah ruah dari jalan yang tidak terlintas di hati kita. Agar kita semua dapat terus membela mereka yang belum terbela dan membantu mereka yang belum dibantu. Biarlah yang hilang dicari, yang terapung digenangi, yang terbenam diselami. Insya-Allah dengan sifat-sifat taqwa, kerajaan negeri akan terus istiqamah dalam membantu seberapa ramai mungkin Bangsa Johor yang memerlukan. Setiap ringgit dan setiap sen hasil negeri akan dipulangkan kepada rakyat dan juga Bangsa Johor yang dikasihi. (Dewan bertepuk). Inilah semangat yang bakal dizahirkan di dalam Belanjawan Johor 2026 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi Belanjawan Johor 2026 sukacita saya maklumkan bahawa unjuran hasil negeri Johor adalah sebanyak RM2,550,750,000.00 manakala unjuran perbelanjaan adalah sebanyak RM2,546,293,000.00. Ini bermakna bahawa Belanjawan Johor 2026 sekali lagi merupakan Belanjawan *surplus* sebanyak RM4,457,000.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan Johor 2026 dirangka dengan iltizam dan tekad bahawa setiap inisiatif yang akan dilaksanakan tidak lain, tidak bukan untuk menjamin kebajikan dan kesejahteraan Bangsa Johor. Justeru, berpaksikan tema Bangsa Johor Sejahtera, belanjawan ini akan dibentangkan selaras dengan enam (6) Teras Maju Johor, merangkumi 260 Inisiatif. 'Negeri Johor penuh santunan, permata selatan jadi penyeri; enam (6) teras nadi pembangunan, Maju Johor agenda negeri'. 'Gema tekad membangun watan, harapan disemai penuh berkat; Maju Johor pacu kemajuan, rakyat disantuni belanjawan diangkat'.

TERAS PERTAMA : TADBIR URUS KERAJAAN

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjayakan teras Pertama, Tadbir Urus Kerajaan, sebanyak 35 inisiatif akan dilaksanakan.

PEMBANGUNAN TADBIR URUS KOMUNITI

Inisiatif pertama, Program Jelajah Orang Johor (JOJ) yang melibatkan 56 DUN. Kita memperuntukkan sumbangan sebanyak RM8 juta.

Inistiatif kedua, Kenaikan Elaun Ketua Kampung dan Batin Orang Asli sebanyak RM300.00 sebulan bermula Januari tahun hadapan. (Dewan Bertepuk). Tambahan peruntukan sebanyak RM2.6 juta.

Inisiatif ketiga, Geran Pengurusan dan Pentadbiran 73 JKKR FELDA Serta Lapan (8) JKKP FELCRA berjumlah RM810,000.00.

Inisiatif keempat, Geran Pengurusan dan Pentadbiran Persatuan Ketua Kampung dengan peruntukan sebanyak RM120,000.00.

Inisiatif kelima, Bantuan Caruman Lindung Kendiri kepada Ketua Kampung, Setiausaha JPK dan Ketua Masyarakat yang turut dipanjangkan kepada Batin Orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM240,000.00.

PENGUKUHAN TADBIR URUS SYIAR ISLAM

Inisiatif keenam, Program Semarak Subuh akan diteruskan pada tahun 2026 dengan pelaksanaannya ditambah daripada dua (2) kali kepada tiga (3) kali seminggu (dewan bertepuk), dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2,920,000.00.

Inisiatif ketujuh, Kenaikan Elaun Guru KAFA sebanyak RM150.00 sebulan melibatkan 2,150 guru dengan peruntukan RM5.92 juta.

Inisiatif kelapan, Bantuan Pengurusan Tahfiz Swasta melibatkan 167 sekolah tahfiz dan sekolah agama dengan peruntukan RM2.5 juta.

Inisiatif kesembilan, Bantuan O*ne-Off* untuk Bilik-bilik Guru kali ketiga yang akan memberi manfaat kepada 54,000 guru-guru, 1,780 buah sekolah termasuklah sekolah agama, SJKC dan SJKT dengan peruntukan sebanyak RM8.9 juta. (Dewan bertepuk).

Inisiatif ke-10, Sumbangan *One-Off* kepada semua PIBG, mana Datuk Yahya, peruntukan sebanyak RM2.95 juta (dewan bertepuk). Apa lagi Datuk?

PENGUKUHAN STRUKTUR JENTERA PENTADBIRAN NEGERI

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif Ke-11, Penubuhan Majlis AI Johor yang akan berperanan untuk menjadikan Johor sebagai Hab AI dan Data Serantau pada tahun 2030.

Inisiatif Ke-12, Sumbangan kepada Pegawai-Pegawai Daerah ditingkatkan dengan bantuan sebanyak RM3 juta. (Dewan bertepuk).

Inisiatif Ke-13, Penyaluran Geran Keseimbangan buat PBT dengan peruntukan berjumlah RM16 juta. (Dewan bertepuk).

Inisiatif Ke-14, Kajian Bagi Penggabungan Fungsi Serta Struktur Pejabat Daerah dan Tanah serta kenaikan gred jawatan Pegawai Daerah dan Pentadbir Tanah.

Inisiatif Ke-15, menaiktaraf Unit-Unit di Pejabat Setiausaha Kerajaan kepada Bahagian.

Inisiatif Ke-16, Penambahbaikan Program-Program Penempatan Silang di Pihak Berkuasa Tempatan.

Inisiatif Ke-17, untuk terus menyokong Pelaksanaan Cukai Petak Bagi Hak Milik Strata yang bermula pada awal tahun ini, kerajaan negeri akan memberikan rebat 10% ke atas cukai petak 2026 yang dijelaskan sebelum 31 Mei 2026.

PERKHIDMATAN DIGITAL

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif ke-18, Penyediaan Pusat Aduan Bersepadu Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM2.65 juta.

Inisiatif ke19, Penggantian Infrastruktur, Perkakasan *Server* Sistem iSpeks dengan peruntukan sebanyak RM6.08 juta.

Inisiatif ke-20, Pembangunan Sistem Hasil Tanah Johor Versi 3.0 dengan peruntukan sebanyak RM4.25 juta.

Inisiatif ke-21, Pengukuhan Komunikasi Digital Agenda Perumahan Rakyat dengan peruntukan RM700,000.00.

Inisiatif ke-22, penambahan 19 Modul Bayaran Di Aplikasi Johor Pay dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Inisiatif ke-23, Pembangunan Sistem Permohonan Permit Memasuki Hutan Simpan Kekal Negeri Johor Secara Dalam Talian dengan peruntukan sebanyak RM490,000.00.

Inisiatif ke-24, Perkhidmatan *WIFI* Premium Maju Johor di lokasi strategik seperti hospital, terminal bas dan PPR, RSK dengan peruntukan sebanyak RM272,000.00.

Inisiatif ke-25, Peningkatan Teknologi serta Penggunaan Sistem GIS dan *Remote Sensing* di Taman Negara Johor, peruntukan RM820,000.00.

Inisiatif ke-26, Penggunaan Teknologi Dron dan Lidar bagi pemantauan operasi pengalihan bahan batuan.

Inisiatif ke-27, Kajian Pembangunan Sistem ELCM yang akan mempercepatkan proses permohonan pembangunan tanah.

TRANSFORMASI PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif yang ke-28, Program Kerjasama Dengan Universiti Terkemuka Dunia seperti Oxford, Harvard, Massachusetts Institute of Technology (MIT) dan Stanford dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Inisiatif ke-29, Program Pembangunan Bakat Pegawai Tadbir Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Inisiatif ke-30, Program Pengajian Pasca Siswazah di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM2.96 juta.

Inisiatif ke-31, Program Peningkatan Kemahiran *Upskilling* Dan *Reskilling* Penjawat Awam dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.

Inisiatif ke-32, Program Diploma dan Sijil Profesional bagi kumpulan pelaksana dengan peruntukan sebanyak RM970,000.00.

Inisiatif ke-33, kita akan meneruskan Program Johor Sihat dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Insiatif ke-34, Program Klinik Kaunseling RM774,000.00.

Insiatif ke-35, Perlaksanaan Program HELP, Seluhur Kasih Simbiosis Bersama bagi menyantuni penjawat awam dan pesara yang kurang bernasib baik dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00.

TERAS KEDUA : PEMBANGUNAN EKONOMI

Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Teras Kedua pula, Pembangunan Ekonomi sebanyak 53 inisiatif akan dilaksanakan.

MEMPERKASA MISI PELABURAN DAN MEMPERTINGKAT KERJASAMA SERANTAU

Inisiatif pertama, perlaksanaan Global Investment Quest bagi misi perdagangan berimpak tinggi untuk menarik pelaburan berkualiti membuka pasaran baru dan mengukuhkan Johor sebagai destinasi pelaburan terunggul rantau ini dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

Inisiatif kedua, penganjuran Johor Economic Forum dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Inisiatif ketiga, promosi dan penjenamaan negeri Johor, *Made in Johor* dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Inisiatif keempat, pelaksanaan *Invest Johor Strategic Branding* dan *Website Enhancement* dengan peruntukan sebanyak RM400,000.00.

Inisiatif kelima, *Engagement Session with Investors* dengan peruntukan sebanyak RM100,000.00.

Inisiatif keenam, Penganjuran Asean Quantum Summit dengan peruntukan sebanyak RM100,000.00.

Inisiatif ketujuh, Transformasi Digital IMF-CJ di mana pelabur boleh mengemukakan pertanyaan atau permohonan pelaburan di JS-SEZ secara atas talian.

MENYEDIAKAN TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN DAN BERPENDAPATAN TINGGI

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif kelapan, Program Pembangunan Kemahiran Johor Pro Mahir dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.

Inisiatif kesembilan, Penganjuran *JTDC Job Fair* dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Inisiatif ke-10, *JTDC Connect* memfokus kepada promosi Program Pembangunan Bakat dan Penempatan Kerja Graduan oleh JTDC dengan peruntukan sebanyak RM650,000.00.

Inisiatif ke-11, Program Geran Peralatan TVET dengan peruntukan RM2 juta.

Inisiatif ke-12, Promosi dan Publisiti JTDC, RM1 juta.

MEMACU INDUSTRI PELANCONGAN

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif ke-13, Promosi dan Publisiti Visit Johor 2026 dengan peruntukan sebanyak RM5.55 juta.

Inisiatif ke-14, Penganjuran Acara-Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa, RM6 juta.

Inisiatif ke-15, Sambutan Ketibaan Pelancong Di 17 Pintu Masuk Negeri Johor, RM500,000.00.

Inisiatif ke-16, Menaiktaraf Fasiliti Taman Eko Rimba, RM1.75 juta.

Inisiatif ke-17, Menaiktaraf Fasiliti Taman Negara RM430,000.00.

Inisiatif ke-18, Latihan Sumber Manusia Pelancongan RM200,000.00.

Inisiatif ke-19, Program Semangat Bangsa Johor, RM500,000.00.

Inisiatif ke-20, Penganjuran Sambutan Hari Muzium Antarabangsa, RM500,000.00.

Inisiatif ke-21, Bantuan Kepada Pertubuhan dan Persatuan Pelancongan dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

KETERJAMINAN BEKALAN MAKANAN

Inisiatif ke-22, Pembangunan Industri Sawah Padi Luar Jelapang, peruntukan sebanyak RM2.5 juta.

Inisiatif ke-23, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Moden, peruntukan sebanyak RM5 juta.

Inisiatif ke-24, Program Memperkasa Industri Agromakanan Utama, RM2 juta.

Inisiatif ke-25, Penubuhan Johor *Agriculture Research* and *Development Centre*, peruntukan sebanyak RM2 juta.

Inisiatif ke-26, Penjenamaan Durian Dan Nanas Johor, peruntukan sebanyak RM1 juta.

Inisiatif ke-27, Program Memperkasa Pertanian Pintar dan Mekanisme Pertanian dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Inisiatif ke-28, Pembangunan Industri Lada Hitam, RM550,000.00.

Inisiatif ke-29, Program Karnival Pertanian, RM500,000.00.

Inisiatif ke-30, Program Pengembangan Pertanian dan Latihan Usahawan Tani, RM500,000.00.

Inisiatif ke-31, Program Kolaborasi Agro Makanan RM200,000.00.

Inisiatif ke-32, Program Pembangunan Komoditi Ternakan, RM1 juta.

Inisiatif ke-33, Program Kawalan Penyakit dan Kesihatan Ternakan, RM600,000.00.

Inisiatif ke-34, Program Pembangunan Sumber Manusia, Kemajuan Kerjaya, Ternakan dan Program Pemerkasaan Inovasi Penternakan, RM225,000.00.

Inisiatif ke-35, Program Perekayasan dan Peningkatan Produktiviti Industri Akuakultur RM720,000.00.

Inisiatif ke-36, Program Konservasi dan Pengurusan Sumber Perikanan, RM700,000.00.

Inisiatif ke-37, Program Pembangunan Estet Kerang-Kerangan dan Program Pemerkasaan Nelayan Darat, RM600,000.00.

Inisiatif ke-38, Program Transformasi Industri Pengeluaran Benih Ikan Marin dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00.

PEMBANGUNAN USAHAWAN

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif ke-39, Insentif Khemah Usahawan Mikro peruntukan sebanyak RM3 juta.

Inisiatif ke-40, Program Pengembangan Produk Meh Support Lokal, peruntukan RM2 juta.

Inisiatif ke-41, Bantuan Bertapak Usahawan Maju Johor RM1.7 juta.

Inisiatif ke-42, Program Didik Usahawan Bangsa Johor, RM1 juta.

Inisiatif ke-43, Pembinaan Kemudahan Hub Ekonomi Belia di Pusat Perdagangan Pontian, RM1.15 juta.

Inisiatif ke-44, Program Youth Toward Entrepreneur peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Inisiatif ke-45, Pemerkasaan Koperasi Johor, RM500,000.00.

Inisiatif ke-46, Pemerkasaan Majlis Pembangunan Usahawan RM100,000.00.

MEMPERKUKUH EKONOMI HALAL

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif ke-47, Penstrukturan Semula PIJ Halal Ventures Sdn. Bhd. kepada entiti baru dikenali sebagai Johor Halal Development Corporation Sdn. Bhd. (JHDC).

Inisiatif ke-48, *Halal Green Lane* diperkenalkan bagi mempercepatkan proses pensijilan halal dengan sasaran tempoh kelulusan Sijil Pengesahan Halal Malaysia dipendekkan daripada hanya 15 hari berbanding 30 hari sebelum ini.

Inisiatif ke-49, Mempersijilkan Halal 500 Usahawan Muslim dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Inisiatif ke-50, Program Kursus Profesional Eksekutif Halal dengan Kursus Profesional Auditor Halal dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00.

Inisiatif ke-51, Program Insentif Kepada Usahawan Kantin Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) yang telah memperolehi pensijilan halal dengan peruntukan sebanyak RM442,000.00.

Inisiatif ke-52, Program TVET Pengurusan Industri Halal dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Inisiatif ke-53, Pensijilan Halal Pengusaha Makanan Industri Asas Ternakan dengan peruntukan RM200,000.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum ke teras yang seterusnya. Saya mohon untuk membasahkan tekak.

YB Speaker : Sila Yang Amat Berhormat.

TERAS KETIGA : JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ke teras yang paling panjang. Teras ketiga, Jaringan Keselamatan Sosial dengan 67 Inisiatif yang bakal diumumkan.

Inisiatif pertama, Program Infak Jumaat Johor yang diilhamkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor. Syukur Alhamdulillah, inisiatif yang kita mulakan pada bulan Oktober yang lalu dengan peruntukan RM1.7 juta telah mendapat maklum balas yang sangat positif daripada rakyat. Sebagai contoh, sebab saya Buloh Kasap berkongsi di kawasan beliau sini, di surau Jumaat As-Shuhadah. AJK masjid di sana Datuk Speaker, bermesyuarat untuk menjayakan Program Infak Jumaat ini. Dan hasil mesyuarat itu, mereka memerlukan RM750.00 untuk membeli barang-barang basah. Jadi, AJK masjid pergi ke kedai, pergi ke kedai Wak Mintarto, betul eh? Orang Jawa? Jadi tuan kedai tanya, nak beli barang banyak-banyak ini untuk apa? Dia kata, kita ada buat Program Infak Jumaat, kita bagi makanan percuma kepada rakyat. Bila Wak Mintarto mendengar jawapan itu, beliau kata kepada AJK masjid tak payah bayar, saya infakkan makanan untuk rakyat (Dewan bertepuk). Di Surau Jumaat Al-Muhajirin pula, saya difahamkan selepas minggu pertama, dia buat Program Infak Jumaat melalui hasil bantuan daripada kerajaan negeri dan juga Majlis Agama Islam Negeri Johor, minggu yang berikutnya AJK masjid pakat ramai-ramai, mereka sendiri yang berinfak untuk menjayakan Program Infak Jumaat pada minggu yang berikutnya (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, justeru itu, program ini akan diperluaskan perlaksanaannya pada tahun 2026 dengan peruntukan berjumlah RM26.9 juta (Dewan bertepuk). Pada kesempatan ini, saya juga ingin menyeru kepada seluruh Bangsa Johor sama ada pihak swasta, pertubuhan mahupun individu untuk terus bersama-sama menyemai semangat dan budaya berinfak, insya-Allah.

BANTUAN KASIH JOHOR (BKJ)

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif kedua, Bantuan Kasih Johor atau BKJ untuk anak-anak yatim di negeri Johor dalam bentuk tunai dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional

(SSPN) sebanyak RM2,000.00 seorang (Dewan bertepuk) yang akan memanfaatkan seramai 12,307 anak yatim dengan peruntukan sebanyak RM24.6 juta.

Inisiatif ketiga, BKJ Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar dan Miskin sebanyak RM2,000.00 seorang yang akan memanfaatkan 9,714 KIR dengan peruntukan sebanyak RM19,43 juta. (Dewan bertepuk).

Inisiatif keempat, BKJ untuk Ibu-ibu Tunggal. Saya cakap ibu tunggal bukan bapa tunggal. BKJ Ibu Tunggal yang berdaftar di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) sebanyak RM500.00 seorang yang akan memanfaatkan 48,537.5 dengan peruntukan sebanyak RM24.27 juta. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif kelima, BKJ untuk Pemandu Teksi serta *e* dan *p-hailing* sebanyak RM400.00 seorang yang akan memanfaatkan 42,524 penerima dengan peruntukan sebanyak RM17 juta. (Dewan bertepuk).

Inisiatif keenam, BKJ Petani, Penternak dan Nelayan sebanyak RM400.00 seorang yang akan memanfaatkan 33,976 penerima dengan peruntukan sebanyak RM13.6 juta. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif ketujuh, BKJ untuk penerima Bantuan Bulanan Orang Kurang Upaya (OKU) sebanyak RM400.00 seorang yang akan memanfaatkan 28,686 penerima dengan peruntukan sebanyak RM11.47 juta. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif kelapan, BKJ untuk Veteran, ATM, Pesara dan bekas Polis serta Pesara Marin sebanyak RM400.00 seorang yang akan memanfaatkan 25,000 penerima dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif kesembilan, BKJ untuk Bantuan Bulanan Warga Emas sebanyak RM400.00 seorang yang akan memanfaatkan 17,725 penerima dengan peruntukan sebanyak RM7.08 juta.

Inisiatif ke-10, BKJ Peserta PPR dan RSK sebanyak RM400.00 seorang yang akan memanfaatkan 15,000 orang ketua isi rumah dengan peruntukan sebanyak RM6 juta. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif ke-11, BKJ bantuan untuk Pengawal Keselamatan, Pekerja Pembersihan Sekolah serta Pekerja Am SWM Warganegara Malaysia sebanyak RM400.00 seorang maaf tersasul, memanfaatkan 14,992 penerima dengan peruntukan sebanyak RM6 juta. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif ke-12, BKJ untuk Pesakit-pesakit Dialisis, bantuan sebanyak RM600.00 seorang yang akan memanfaatkan 8,275 penerima dengan peruntukan sebanyak RM4.97 juta.

Inisiatif ke-13, BKJ untuk Pesakit-pesakit Kanser sebanyak RM600.00 seorang yang akan memanfaatkan 3,301 penerima dengan peruntukan sebanyak RM1.98 juta.

Inisiatif ke-14, BKJ untuk KIR Orang Asli sebanyak RM400.00 seorang yang akan memanfaatkan 5,041 KIR dengan peruntukan sebanyak RM2.02 juta.

Inisiatif ke-15, BKJ Ketua-Ketua Blok FELDA sebanyak RM400.00 seorang akan memanfaatkan 2,548 penerima dengan peruntukan sebanyak RM1.02 juta.

Inisiatif ke-16, BKJ Pelatih PDK sebanyak RM600.00 seorang kepada 2,590 pelatih dengan peruntukan sebanyak RM1.55 juta.

Inisiatif ke-17, BKJ Sukarelawan KEMAS sebanyak RM600.00 seorang kepada 1,173 sukarelawan dengan peruntukan sebanyak RM704,000.00.

Inisiatif ke-18, BKJ bantuan kepada Pegawai Masjid dan Surau, Penggerak DUN, Guru-Guru Al-Quran, Guru-Guru Takmir serta Penyelia Al-Quran sebanyak RM1,000.00 seorang yang akan memanfaatkan 8,813 penerima dengan peruntukan sebanyak RM8.8 juta.

Inisiatif ke-19, Bantuan Kasih Johor untuk Ketua-Ketua Kampung, Ketua Masyarakat Batin dan juga Pengerusi JPKOA sebanyak RM1,000.00 seorang melibatkan RM873,000.00. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif ke-20, BKJ untuk Penggerak Sakinah Wanita dan Hospital di bawah YPKDT sebanyak RM1,000.00 seorang dengan peruntukan sebanyak RM87,000.00.

Inisiatif ke-21, Bantuan khas untuk Pengamal-pengamal media BKJ sebanyak RM1,000.00 seorang dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif ke-22, BKJ untuk Penggiat Industri Pelancongan Johor sebanyak RM400.00 seorang yang akan memanfaatkan 1,350 penerima yang melibatkan pemandu-pemandu pelancong, pemandu-pemandu bot dengan peruntukan sebanyak RM540.000.00.

Inisiatif yang ke-23, BKJ khas untuk *Southern Volunteers* sebanyak RM100.00 seorang yang akan memanfaatkan 62,490 penerima dengan peruntukan sebanyak RM6.25 juta.

Inisiatif ke-24, BKJ Pra Universiti untuk pelajar-pelajar tingkatan 6 dan asasi sebanyak RM200.00 seorang yang akan memanfaatkan 11,000 penerima dengan peruntukan sebanyak RM2.31 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif ke-25, kita akan teruskan Program Anak Angkat Makmur Johor dengan peruntukan sebanyak RM1.75 juta.

Inisiatif ke-26, Jualan Kasih Johor juga akan diteruskan dengan peruntukan berganda berjumlah RM15.4 juta. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif ke-27, Baucar Kasih Johor melalui kerjasama kerajaan negeri dan juga PBT-PBT sebanyak RM14.9 juta.

Inisiatif ke-28, Bantuan Dapur Kasih Johor dan Belanja Dapur Asnaf bagi membantu lebih 16,500 keluarga dengan peruntukan sebanyak RM9 juta.

Inisiatif ke-29, Bantuan Tabung Bencara Negeri dengan peruntukan RM6 juta.

PEMBASMIAN KEMISKINAN NEGERI JOHOR

Inisiatif ke-30, Bantuan Kewangan Bulanan dan Bantuan Am JKM kepada 193,000 penerima dengan peruntukan sebanyak RM24.2 juta. Kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor juga akan terus melaksanakan program-program kebajikan ummah seperti berikut:

Inisiatif ke-31, Bantuan Perubatan Bulanan kepada 7,000 orang Asnaf berjumlah RM100.5 juta.

Inisiatif ke-32, Bantuan Sara Hidup Bulanan kepada 19,340 fakir miskin berjumlah RM82.8 juta.

Inisiatif ke-33, Bantuan Hari Raya sebanyak RM20 juta kepada 90,000 penerima.

Inisiatif ke-34, Bantuan Bencana Alam sebanyak RM3 juta.

Inisiatif ke-35, Bantuan Gerobok Rezeki Johor melalui penyediaan barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung dan minyak masak di 112 masjid dengan peruntukan sebanyak RM2.08 juta.

Inisiatif ke-36, Skim Takaful Berkelompok sebanyak RM569,000.00.

AGENDA PERUMAHAN JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif ke-37, Program Bangsa Johor Bahagia yang diilhamkan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah dengan peruntukan sebanyak RM12.9 juta.

Inisiatif ke-38, sebanyak 8,915 unit Rumah Mampu Milik Johor akan siap dibina pada tahun hadapan dengan kerjasama PKPJ, kerajaan persekutuan dan juga pemaju.

Inisiatif ke-39, Perumahan Kasih Johor. PKJ subsidi bina baru yang akan memanfaatkan 1,500 penerima dengan peruntukan sebanyak RM83.7 juta.

Inisiatif ke-40, PKJ Bina Baru Dan Baik Pulih Rumah Daif dengan peruntukan sebanyak RM85.8 juta.

Inisiatif ke-41, PKJ Penyelenggaraan dan Pembaikan PPR, RSK serta Flat Awam dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Inisiatif ke-42, PKJ Wakaf Johor untuk pembangunan rumah di atas tanah wakaf dengan peruntukan sebanyak RM18 juta.

Inisiatif ke-43, PKJ Bantuan Rumah Sewa yang akan memanfaatkan 20,000 orang dengan peruntukan sebanyak RM40 juta.

Inisiatif ke-44, PKJ Bantuan Beli Rumah Pertama yang akan memanfaatkan 20,000 orang dengan peruntukan sebanyak RM80 juta.

Inisiatif ke-45, PKJ Bantuan Masuk Rumah Pertama, RM17.83 juta.

Inisiatif ke-46, Program Pemulihan Kelayakan Penghuni PPR dan RSK bagi memastikan hanya golongan yang benar-benar layak untuk menikmati kemudahan PPR dengan kadar sewa yang rendah serta tiada lagi elemen *sublet*.

PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI WANITA

Yang Berhormat Datuk Speaker, Inisiatif Ke-47 ialah Sinergi Yayasan DiRaja Johor yang melambangkan kebersamaan serta tekad di antara kerajaan negeri dan Yayasan-Yayasan DiRaja dalam memperkukuh kesejahteraan Bangsa Johor melibatkan Yayasan Sultan Ibrahim, Yayasan Raja Zarith Sofiah dan Yayasan Tunku Laksamana Johor dengan peruntukan sebanyak RM4.5 juta.

Inisiatif Ke-48, menyantuni masyarakat Tiong Hua dan juga India sejumlah RM12 juta diperuntukkan kepada Yayasan Sultanah Fatimah, Yayasan Sultanah Rogayah dan NGO-NGO lain.

Inisiatif Ke-49, bantuan khas komuniti Rukun Tetangga (KRT) RM700,000.00.

Inisiatif ke-50, Menaik Taraf dan Membaik Pulih 21 premis Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti dan 3 pusat aktiviti warga emas rm2.29 juta.

Inisiatif ke-51, Bantuan Geran Pengurusan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dengan peruntukan RM740,000.00.

Inisiatif ke-52, Program Pemulihan Pelatih OKU PDK, RM300,000.00.

Inisiatif ke-53, Membina Dewan Makan dan Menaik Taraf Rumah Persona Johor RM400,000.00.

Inisiatif ke-54, Program Pemerkasaan Sokongan Ekonomi Wanita RM2.5 juta.

Inisiatif ke-55, Program Kebudayaan Johor *Cultural* dengan peruntukan RM250,000.00.

Inisiatif ke-56, Program Latihan Kepada *Child Support Team* Johor RM150,000.00.

Inisiatif Ke-57, *Women Cancer Reproductive Awareness* peruntukan sebanyak RM100,000.00.

KESEJAHTERAAN DAN KESIHATAN BANGSA JOHOR

Inisiatif Ke-58, Melanjutkan Tempoh Operasi Klinik Kesihatan Terpilih dan Penambahan Doktor *Locum* di Jabatan Kecemasan di HSA dan HSI dengan peruntukan sebanyak RM2.8 juta.

Inisiatif ke-59, Penghantaran Ubat Melalui Pos RM2.1 juta.

Inisiatif ke-60, Program Bantuan Katil ICU dan sumbangan ambulans RM1.6 juta.

Inisiatif ke-61, Pembelian Satu (1) Unit *Neurosurgery Microscope* yang akan memanfaatkan ribuan pesakit *neurosurgery* di kawasan utara Johor dengan peruntukan sebanyak RM1.4 juta di kawasan Datuk Speaker di Batu Pahat.

Inisiatif ke-62, Pembelian *Transport Strechter* bagi 12 Hospital di Johor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Inisiatif ke-63, Pendigitalan Perkhidmatan Kesihatan Premier di lima (5) Klinik Kesihatan dalam daerah Johor Bahru yang akan memberi manfaat kepada hampir 1 juta penduduk dengan jumlah peruntukan sebanyak RM900,000.00.

Inisiatif ke-64, Bantuan Peralatan Kesihatan dan Pemberian Kit Kecemasan yang akan memanfaatkan 160 sekolah agama dengan peruntukan sebanyak RM240,000.00.

Inisiatif ke-65, Program Johor Bebas Denggi RM200,000.00.

Inisiatif ke-66, Bantuan kepada Pantri-pantri di fasiliti hospital dan klinik-klinik seluruh negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM3.5 juta.

Inisiatif ke-67, Bantuan Saringan *Mamogram* dan *Ultrasound* melalui kerjasama KPJ dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Jadi, Yang Berhormat Speaker, lepas ini siapa yang nak buat mamogram dan ultrasound boleh pergi ketujuh-tujuh hospital KPJ untuk membantu hospital-hospital kerajaan persekutuan. Yang Berhormat Speaker, boleh saya minum air?

YB Speaker : Ha, sila Yang Amat Berhormat.

TERAS KEEMPAT : KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN ASAS

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ke Teras Keempat. Kemudahan dan Keperluan Asas, ada 29 inisiatif.

PENYELESAIAN ISU MTD, PEMBINAAN JALAN RAYA DAN INFRASTRUKTUR PENCAHAYAAN AWAM

Inisiatif pertama, bagi menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh Mesyuarat Tindakan DUN yang diadakan di setiap DUN, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM27.04 juta. (Dewan bertepuk)

Inisiatif kedua, Penyelenggaraan Jalan Negeri, Jalan PBT, Jalan Kampung dan juga Jalan-jalan Pertanian berjumlah RM655 juta.

Inisiatif ketiga, Projek Menaik Taraf dan Melebar Jalan-Jalan Kampung RM50 juta.

Inisiatif keempat, Membina dan Menaik Taraf Jalan-Jalan Utama dengan peruntukan sebanyak RM45 juta.

Inisiatif kelima, Melaksanakan Kajian Awalan Bagi Cadangan Menaik Taraf dan Membina Jalan RM1.15 juta.

Inisiatif keenam, Membina dan Menaik Taraf Jambatan serta Melebarkan Jalan RM22.76 juta.

Inisiatif ketujuh, Pemasangan dan Menaik Taraf Lampu Jalan RM16.88 juta.

PEMERKASAAN PRASARANA PENGANGKUTAN AWAM

Inisiatif kelapan, Perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) dengan peruntukan RM31 juta.

Inisiatif kesembilan, *Shuttle* Bas Johor bagi perkhidmatan bas percuma ke HSA, HSI, Zoo Johor dan SSI dengan peruntukan sebanyak RM1.42 juta.

Inisiatif ke-10, Menaik Taraf Terminal Bas Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang serta Terminal Bas dan Teksi Bandar Penawar RM2.6 juta.

Inisiatif ke-11, Pendigitalan Terminal Bas Awam Pintar dan Penambahbaikan Tiang Bas di Laluan BMJ sebanyak RM895,000.00.

Inisiatif ke-12, Program Pengangkutan Awam dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

PENGURUSAN SUMBER AIR

Inisiatif Ke-13, Meningkatkan Sistem Agihan di Rengit, Batu Pahat dan pengajian paip utama di Redong, Segamat dengan peruntukan RM44.5 juta.

Inisiatif ke-14, Perkhidmatan Sewaan Stesen Telemetri Kualiti Air dengan peruntukan sebanyak RM1.1 juta.

Inisiatif ke-15, Sistem Pemantauan Kualiti Air dengan peruntukan sebanyak RM600,000.00.

Inisiatif ke-16, Penyediaan *Catchment Management Plan* Empangan Juaseh dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Inisiatif ke-17, Penyediaan *Emergency Response Plan* bagi empangan RM850,000.00.

PEMERKASAAN KEMUDAHAN KOMUNITI

Inisiatif ke-18, Pembangunan dan Naik Taraf Pusat Aktiviti Komuniti RM20 juta.

Inisiatif ke-19, Pembangunan Taman Inklusif di Hutan Bandar Mutiara Rini RM6.4 juta,

Inisiatif ke-20, Membina Serta Menaik Taraf Dewan dan Balairaya RM4.3 juta.

Inisiatif ke-21, Menaik Taraf Gerai-gerai RM11.15 juta.

Inisiatif ke-22, Menaik Taraf Pasar Borong di Pontian RM2.55 juta.

PENGUKUHAN INFRASTUKTUR INSTITUSI ISLAM

Inisiatif ke-23, Baik Pulih dan Naik Taraf Sekolah Agama Kerajaan Negeri RM9.66 juta.

Inisiatif ke-24, Pembangunan dan Pembukaan Empat (4) Tanah Perkuburan Baru di daerah Johor Bahru dengan peruntukan sebanyak RM19.3 juta.

Inisiatif ke-25, Menaik Taraf Tanah Perkuburan dengan peruntukan sebanyak RM4.53 juta.

Inisiatif ke-26, Pembinaan Enam (6) Buah Masjid Kariah Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM25.6 juta.

Inisiatif ke-27, Menaik Taraf Masjid-Masjid RM7.8 juta.

Inisiatif ke-28, Menaik Taraf Rumah Pegawai, Guru-guru Agama, Kakitangan Jabatan Agama Islam RM1.9 juta.

Inisiatif ke-29, Menaik Taraf Bangunan-bangunan Mahkamah Syariah dengan peruntukan sebanyak RM650,000.00.

TERAS KELIMA : KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ke teras kelima. Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar dengan 21 inisiatif.

MENGURANGKAN RISIKO BENCANA

Inisiatif pertama, Menaik Taraf dan Membina Baharu Sistem Perparitan Longkang Serta Kolam Tadahan yang melibatkan kawasan *hotspot* banjir dengan peruntukan sebanyak RM22.6 juta.

Inisiatif kedua, Rancangan Tebatan Banjir yang merangkumi kajian dan projek-projek pengurangan risiko banjir dengan peruntukan sebanyak RM9.6 juta.

Inisiatif ketiga, Menaik Taraf Lembangan Sungai termasuk menaik taraf *log boom* dengan peruntukan sebanyak RM7 juta.

Inisiatif keempat, Kerja-Kerja Pengawalan Hakisan Pantai RM2.55 juta.

Inisiatif kelima, Menaik Taraf Saliran Pertanian RM3.36 juta.

Inisiatif keenam, Penggalian Muara Sungai RM1.65 juta.

Inisiatif ketujuh, Menaik Taraf Komponen Mekanikal dan Elektrikal Di Pintu-Pintu Air RM1.2 juta.

Inisiatif kelapan, Pembinaan dan Naik Taraf Stesen Telemetri Di Pintu Air Sungai RM880,000.00.

Inisiatif kesembilan, Pengkelasan Peta Mikrozonasi Seismik Di Daerah Segamat dengan peruntukan RM736,000.00.

PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR, BIODIVERSITI DAN TAMAN NEGARA

Inisiatif Ke-10, Pembangunan Raja Zarith Sofia *Learning Centre*. Inisiatif ini merupakan hasil kerjasama antara *Johor Sustainability Centre* (JSC) dan Saitama *City Hall*, Jepun yang bakal mewujudkan sebuah pembelajaran berteraskan prinsip kelestarian dan inovasi Johor. Insya-Allah, ia akan disempurnakan, Datuk Seri Hasni, pada 24 November ini oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Inisiatif Ke-11, Pelaksanaan Program Johor *Green Deal Summit* dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Inisiatif ke-12, Transformasi Sungai Johor untuk mengatasi isu pencemaran sungai RM7 juta.

Inisiatif ke13, Program Johor Bersih RM700,000.00.

Inisiatif ke-14, Pelaksanaan Kerja-Kerja Penandaan dan Penyelenggaraan Sempadan Hutan RM1.39 juta.

Inisiatif ke-15, Pemulihan dan Restorasi Hutan RM450,000.00.

Inisiatif ke-16, Pembangunan Data Persempadan Taman-Taman Negara Johor, RM560,000.00.

Inisiatif ke-17, Pengurusan Habitat Harimau di Taman Negara Johor, Endau-Rompin, RM225,000.00.

INFRASTRUKTUR BANDAR, KEINDAHAN DAN KESELAMATAN

Inisiatif ke-18, Penganjuran Johor *Sport City Forum* RM1.0 juta. Tranformasi bandaraya Johor Bahru bagi mencorak identitinya sebagai bandaraya antarabangsa yang moden dengan peruntukan sebanyak RM13 juta.

Inisiatif ke-19, Pemasangan CCTV Di Kawasan Tumpuan Utama, RM10.53 juta.

Inisiatif ke-20, Penyelenggaraan dan Naik Taraf Landskap, Pengindahan Taman Awam dan Laluan Pejalan Kaki, RM52.25 juta.

TERAS KEENAM : ORANG MUDA JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker, teras yang terakhir ialah Orang Muda Johor. Insya-Allah 55 inisiatif akan diumumkan.

Inisiatif pertama, Program *Back To School,* Bantuan Pakaian Sekolah yang bakal memanfaatkan 189,000 pelajar dalam golongan B40 dan Asnaf dengan peruntukan sebanyak RM28.8 juta (Dewan bertepuk.)

Inisiatif kedua, Skim Pinjaman Pelajaran Mahasiswa IPT yang bakal memanfaatkan 2.100 mahasiswa, RM18 juta.

Inisiatif ketiga, Bantuan Laptop Siswa Johor, RM13.56 juta bakal memanfaatkan 5,000 mahasiswa.

Inisiatif keempat, Bantuan Pendaftaran Mahasiswa sebanyak RM9 juta.

Inisiatif kelima, Biasiswa Orang Muda Johor, RM4.95 juta.

Inisiatif keenam, Dermasiswa Luar Negara Timur Tengah, RM3.81 juta.

Inisiatif ketujuh, Pinjaman Pendidikan Bidang Perubatan Di Luar Negara, RM3 juta.

Inisiatif kelapan, Biasiswa Kenangan Dato Onn', RM650,000.00.

Inisiatif kesembilan, Insentif Program Persatuan Mahasiswa Anak Johor, RM700,000.00.

Inisiatif ke-10, Bantuan Tambang Pengajian Pendidikan, RM500,00.00.

Inisiatif ke-11, Bantuan Tiket Penerbangan Bagi Mahasiswa IPTA Di Sabah Dan Sarawak Serta Bas Percuma Bagi Mahasiswa IPTA Di Semenanjung Sempena Musim Perayaan, peruntukan sebanyak RM1.4 juta.

Inisiatif ke12, Bantuan Makanan Pelajar Tuisyen SPM 2026 yang bakal memanfaatkan 12,000 orang pelajar, RM2.52 juta.

Inisiatif ke-13, Program Pemantapan Akademik Calon SPM, RM2.2 juta.

Inisiatif ke-14, Transformasi Infrastruktur Sekolah Rintis Bangsa Johor ataupun SRBJ Fasa kedua, RM15.72 juta.

Inisiatif ke-15, Pengisian Modul Guru dan Murid (SRBJ) RM7.0 juta.

Inisiatif ke-16, inisiatif ini Datuk Speaker adalah inisiatif baru yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. TABIKA KEMAS Bangsa Johor dengan peruntukan sebanyak RM2 juta. (Dewan bertepuk.)

Inisiatif ke-17, Menaik Taraf *Johor Skill Campus* di Pasir Gudang dan juga Kota Tinggi dengan peruntukan RM12.8 juta.

Inisiatif ke-18, Transformasi Kolej Universiti YPJ, peruntukan sebanyak RM4 juta.

Inisiatif ke-19, Bantuan kepada Sekolah Pendidikan Khas *Celebralpalsy* dengan peruntukan sebanyak RM1.0 juta.

Inisiatif ke-20, Insentif Galakan Hafaz Al-Quran kepada 931 hufaz, dengan peruntukan sebanyak RM5.4 juta (Dewan bertepuk).

Inisiatif ke-21, Bantuan Yuran Persekolahan Sekolah Agama yang memanfaatkan 20,000 orang pelajar golongan asnaf dengan peruntukan sebanyak RM2 juta.

Inisiatif ke-22, Orientasi Kerjaya dan Kenegaraan, yang bakal memanfaatkan 30,000 pelajar tingkatan 5 dengan peruntukan sebanyak RM2 juta.

Inisiatif ke-23, Jelajah Mahasiswa Johor RM1.3 juta.

Inisiatif ke-24, Bazar Buku Antarabangsa Johor dengan peruntukan sebanyak RM400,000.00.

PEMERKASAAN KEPIMPINAN ORANG MUDA JOHOR

Inisiatif ke-25, Memperkasa Program *Southern Volunteers* dengan peruntukan RM2.45 juta.

Inisiatif ke-26, *Johor Youth Leadership Programme* dengan peruntukan sebanyak RM6.4 juta.

Inisiatif ke-27, *Johor Heritage Rangers* dengan peruntukan sebanyak RM560,000.00.

Inisiatif ke-28, Sambutan Hari Belia Negeri Johor, RM500,000.00.

Inisiatif ke-29, Dewan Muda Johor, RM500,000.00.

Inisiatif ke-30, Dana Pengurusan dan Pentadbiran Majlis Belia Negeri Johor, RM300,000.000.

Inisiatif ke-31, *Johor Student Leader Council* (JLSC) RM200,000.00.

Inisiatif ke-32, Majlis Belia OKU Negeri Johor, RM100,00.00.

SUKAN BERPRESTASI TINGGI DAN BAKAT ATLET JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker, menjunjung titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor, Johor juga perlu menerajui Agenda *Sports Nation*. Menjelang tahun 2030 dengan kerjasama erat antara kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, institusi pendidikan, persatuan sukan dan sektor korporat bagi membentuk sebuah eko sistem sukan yang inklusif, moden dan bertaraf antarabangsa.

Inisiatif ke-33, *Jewel Rising*, Bola Jaring dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Inisiatif ke-34, *Johor For Goal* dan Latihan Pusat Para SUKMA, sempena temasya SUKMA 2026, RM7.5 juta.

Inisiatif ke-35, Persediaan Penganjuran Serta Persiapan Sekretariat Sukan SEA 2027 dan Para ASIAN 2027 dengan peruntukan sebanyak RM5.5 juta.

Inisiatif ke-36, Karnival Bangsa Johor, RM5.6 juta.

Inisiatif ke-37, *Johor Sports Ambassador* dan *Johor Youth Icon,* RM1.69 juta.

Inisiatif ke-38, *JDT Cycling Team,* RM1 juta.

Inisiatif ke-39, Pembangunan Bakat Sukan Bola Keranjang, RM500,000.00.

Inisiatif ke-40, *Johor Open Kabaddi,* RM500,000.00.

Inisiatif ke-41, Festival Sukan Penjawat Awam Negeri Johor, RM500,00.00.

Inisiatif ke-42, Himpunan Pesilat Johor, RM300,000.00.

Inisiatif ke-43, Pembangunan Sukan Ragbi, RM1 juta.

Inisiatif ke-44, *Johor e-Sport Championship,* RM250,000.00.

Inisiatif ke-45, *Johor Cycling Series,* RM200,000.00.

Inisiatif ke-46, Pembangunan Bakat Tinju, RM100,000.00.

Inisiatif ke-47, Pembangunan Program Persatuan Orang Pekak, RM100,000.00.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INDUSTRI SUKAN JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif ke-48, *Johor Khabib Gym* dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Inisiatif ke-49, pembangunan *Tunku Mahkota Ismail Youth Centre* Pengerang, RM10 juta.

Inisiatif ke-50, Tunku Mahkota Ismail *Youth Centre* (TMIYC) *Activator,* RM500,000.00.

Inisiatif ke-51, Akademi Badminton Johor - Lee Chong Wei, RM5 juta.

Inisiatif ke-52, Menaiktaraf Dan Membaik Pulih Fasiliti Sukan RM4.0 juta.

Inisiatif ke-53, Membina Gelanggang *Pickelball* RM1.0 juta.

Inisiatif ke-54, Pembangunan Bakat Sukan Permotoran Kolaborasi Bersama JDT *Racing* dengan peruntukan RM1 juta.

Inisiatif ke-55, Pembangunan Bakat Sukan Permotoran - M*otorcross* dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, syukur alhamdulilah, saya berada di penghujung pembentangan Belanjawan Johor 2026, yang bertemakan 'Bangsa Johor Sejahtera'. Setiap dasar, inisiatif dan peruntukan yang diumumkan ini hanya boleh berjaya jika kita semua bekerjasama, berganding bahu membanting tulang dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan ini. Saya merayu dan memohon sokongan serta bantuan daripada semua pihak terutamanya mereka yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai tanda kasih dan penghargaan kepada penjawat-penjawat awam, dan selari dengan semangat *whole of nation approach* yang Johor terapkan, kerajaan negeri ingin menzahirkan penghargaan kepada 140,185 penjawat awam persekutuan, yang berkhidmat di negeri Johor melalui insentif khas untuk penjawat-penjawat awam persekutuan. Setiap penjawat awam persekutuan yang berkhidmat di negeri ini akan menerima bantuan sebanyak RM500.00 seorang (Dewan bertepuk) dengan peruntukan berjumlah RM70.01 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini adalah kali pertama dalam sejarah (Dewan bertepuk) di mana kerajaan negeri Johor mengumumkan insentif khas untuk penjawat-penjawat awam persekutuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak dilupakan juga, sebagai tanda penghargaan atas dedikasi dan usaha luar biasa penjawat-penjawat awam negeri Johor, saya dengan sukacitanya mengumumkan insentif khas penjawat awam negeri sebanyak 2 bulan gaji kepada kakitangan kerajaan negeri serta kakitangan awam persekutuan yang dibayar gaji oleh kerajaan negeri Johor, yang semuanya akan disalurkan pada bulan Disember ini (Dewan bertepuk).

Semoga insentif-insentif ini akan menjadi pemangkin motivasi untuk kita terus meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan, melaksanakan tugas dengan penuh integriti, serta memberikan yang terbaik kepada Bangsa Johor yang kita semua cintai (Dewan bertepuk).

Marilah kita semua bersatu hati, memperkukuh semangat muafakat dan melaksanakan belanjawan ini dengan penuh tanggungjawab, saya yakin Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan Johor 2026 akan menjadi titik perubahan baru dalam usaha menjadikan Johor lebih maju, lebih makmur, lebih bahagia dan lebih sejahtera, insya-Allah. Sekian, wabbillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) dan (4) ditangguhkan sementara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana saya beranggapan dan menganggap bajet ini adalah merupakan *Super Budget Johor* ya, (Dewan bertepuk.) Dan, kalau saya mengamati terutamanya teras kedua mengenai pembangunan ekonomi, saya yakin bahawa langkah-langkah yang dikemukakan itu menjamin sebenarnya cita-cita kita untuk menjadi Johor Maju menjelang 2030, insya-Allah. Dan saya juga menganggap ini sebagai durian runtuh khususnya kepada rakyat keseluruhannya, kerana inisiatif ini, Bantuan Kasih Johor naik begitu besar daripada RM100.00 kepada RM400.00 dan ada sampai RM1,000.00. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

Dan satu *tag line* yang penting khususnya yang menjadi cabaran kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat apabila Yang Amat Berhormat menyebut tentang bantu mereka yang belum dibantu. Maka ini adalah tugas dan tanggungjawab Yang Berhormat untuk mengenalpasti, mencari mereka yang masih tertinggal, yang mungkin berada dalam kampung kita ataupun jiran bersebelahan rumah. Dan ini adalah tanggungjawab kita sebenarnya untuk membantukan bajet ini.

Alhamdulilah, selesai sudah ucapan Belanjawan negeri Johor 2026 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan tema ‘Bangsa Johor Sejahtera’. Tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Isnin, 17 November 2025, jam 9:30 pagi. Di mana Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Kedua Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025 akan dimulakan. Selamat berehat, yang nak pergi Sabah pergilah Sabah, tapi balik pada hari Ahad untuk sambung persidangan pada hari Isnin. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15

HARI KEDUA	ISNIN, 17 NOVEMBER 2025	BIL. 14 TAHUN 15

HADIR

YB Speaker
YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.
(Rengit)

Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan)
YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.
(Machap)

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya
YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
YB Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi
YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid
(Semerah)

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
YB Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan
YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah
(Mahkota)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

YB Puan Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

TIDAK HADIR

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia
Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi
Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, DMIJ., PIS II.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abd Aziz bin Engan, DPSM.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, DMIJ., PIS, PSI.

Persidangan bermula jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(YB Speaker membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Maju Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di Dewan ini untuk menyambung persidangan kita pada hari ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan Yang Berbahagia Dr. Muhammad bin Taslim, bekas Ahli Dewan Negeri Kawasan Maharani mulai 8 Mac 2008 hingga 6 April 2018 telah meninggal dunia pada 28 Oktober 2025. Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Yang Berbahagia Dr. Muhammad bin Taslim. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan bagi orang-orang Islam, kita membacakan Al-Fatihah dan bukan Islam bertafakur selama 1 minit. Al-Fatihah. Terima kasih.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Senggarang nombor 1.

Apakah langkah-langkah jabatan dalam meningkatkan populasi dan produktiviti ternakan ruminan terutamanya lembu dan kambing tempatan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap import?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Endau.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Endau nombor 2.

Sejauh manakah Projek Lembah Tenusu Jemaluang memberi manfaat kepada penternak-penternak di daerah Mersing?

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon izin untuk menjawab bersekali soalan Yang Berhormat ADUN Senggarang dan Endau.

Yang Berhormat Datuk Speaker, industri penternakan khususnya sub sektor ruminan dan tenusu merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara. Ia bukan sahaja membekalkan sumber protein berkualiti tinggi kepada rakyat, malah menyumbang secara langsung kepada usaha untuk mengukuhkan Agenda Keterjaminan Negara. Namun begitu, rekod semasa menunjukkan kadar sara diri atau SSR bagi sub sektor

ini masih rendah iaitu daging lembu dan kerbau 15.9%, daging kambing dan bebiri 10.6% dan susu segar adalah 66.8%. Kadar kebergantungan import menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu daging lembu dan kerbau 89.6%, daging kambing dan bebiri 84.5% mana kala susu segar adalah 56.6%. Sehubungan dengan itu, pembangunan industri penternakan ruminan menjadi antara fokus utama dalam Agenda Keterjaminan Makanan Negeri Johor dengan penglibatan pelbagai pihak terutamanya Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pemain industri.

Untuk makluman Yang Berhormat Senggarang, antara langkah utama untuk meningkatkan populasi dan produktiviti ternakan ruminan tempatan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan import adalah termasuklah yang pertama, meningkatkan kualiti baka ternakan melalui Program Bantuan Baka Lembu.

Kedua, memperkenalkan perkhidmatan AI ternakan atau permanian berhadas.

Yang ketiga, perlaksanaan Program Kawalan Penyakit bagi menjamin kesihatan ternakan.

Keempat, menambah baik pengurusan ternakan terutama dalam aspek infrastruktur, pemakanan dan nutrisi haiwan serta program sokongan dan latihan kepada penternak.

Dan yang kelima, menaik taraf Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau TKPM Ternakan.

Selain itu, kerajaan turut menggalakkan penglibatan ladang-ladang milik kerajaan dan swasta dalam memperluas pembangunan industri ternakan di samping memupuk penyertaan golongan muda sebagai generasi pelapis dan pemain utama sektor ini. Bagi melengkapkan rantaian nilai, turut dirancang ialah pembangunan rumah sembelihan ruminan moden untuk meningkatkan kecekapan logistik, jaminan kebersihan dan kualiti hasil ternakan. Secara keseluruhannya sebanyak RM19.8 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam tempoh 5 tahun sejak 2021 hingga 2025, khusus bagi pembangunan industri penternakan ruminan di Johor menerusi pelbagai program.

Prestasi industri ternakan ruminan Johor telah menunjukkan perkembangan positif. Dari segi pengeluaran Johor merupakan antara pengeluar utama ruminan dalam negara dengan populasi sebanyak 160,840 ekor, menjadikannya negeri kedua tertinggi selepas Pahang. Kerajaan negeri Johor mensasarkan jumlah populasi sebanyak 200 ekor ternakan ruminan menjelang tahun 2027. Ini bermakna bagi mencapai sasaran tersebut, Johor perlu menambah kira-kira 20% jumlah ternakan yang baharu. Dalam pembangunan industri ternakan ruminan, Johor juga mengambil bahagian secara serius dalam usaha untuk merancakkan industri tenusu negara.

Untuk makluman Dewan dan Yang Berhormat Endau, Projek Jemaluang Dairy Valley atau JDV ialah sebuah inisiatif strategik Agenda Keterjaminan Makanan Kerajaan Johor yang dibangunkan di Jemaluang, Mersing sebagai hab penternakan tenusu berskala besar pertama di negeri ini. Pembangunan projek ini adalah melalui kerjasama antara beberapa pihak. Antaranya yang pertama kerajaan negeri Johor melalui penyediaan tanah seluas 680 ekar.

Yang kedua, penglibatan Majlis Pembangunan Ekonomi, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECERDC yang berperanan membangunkan kemudahan serta fasiliti merangkumi pelbagai infrastruktur dengan peruntukan RM68.5 juta yang telah siap dibina 30 Jun yang lalu.

Dan ketiga, melibatkan pihak pelabur dan rakan pelaksana projek iaitu Jemaluang Dairy Valley Sdn. Bhd. dengan nilai pelaburan RM120 juta. Syarikat ini merupakan syarikat yang ditubuhkan menerusi kerjasama antara Kulim Malaysia Berhad dan A2 Fresh Holding Sdn. Bhd. Dengan matlamat utama untuk meningkatkan pengeluaran susu segar Johor, meningkatkan kadar sara diri atau SSR susu negara serta mengukuhkan industri tenusu

nasional, maka JDV mengunjurkan purata 7.9 juta liter susu setahun dalam tempoh 5 tahun pertama dan akan meningkat dari semasa ke semasa.

Untuk makluman seisi Dewan, waktu ini Johor mengeluarkan lebih kurang enam (6) ke tujuh (7) juta liter setahun, rekod 2024 yang melibatkan 94 penternak dan dengan adanya projek JDV ini kita mensasarkan jumlah sekali ganda iaitu RM13 ke RM15 juta setahun menjelang 2030. Bagi fasa pertama sebanyak 1,000 ekor lembu tenusu bunting dengan jenis baka campuran A2 Jersey Frasien telah tiba dari Australia. Perahan susu pertama dijangka bermula Januari 2026. Kapasiti keseluruhan ladang JDV ini adalah sebanyak 4,000 ekor lembu tenusu di mana tujuh (7) unit telah siap dibina oleh ECERDC mana kala lima (5) unit lagi akan dibina oleh JDV Sdn. Bhd. Ladang-ladang lembu JDV Sdn. Bhd. dilengkapi dengan pelbagai teknologi terkini seperti *rotary milking parlour, health monitoring system comfort technology*, *centralised feed management system* dan *smart waste management system* yang menepati piawaian antarabangsa bagi mempastikan kecekapan pengurusan serta pengurusan haiwan yang tinggi dan menjadikannya antara fasiliti penternakan lembu tenusu moden di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Endau juga, Projek JDV bukan sahaja berperanan untuk meningkatkan tahap SSR pengeluaran susu negara malah akan menjadi pemangkin kepada kemajuan sosio ekonomi tempatan. Antaranya projek ini juga membuka peluang pekerjaan baru bagi penduduk tempatan. Untuk makluman Dewan, setakat ini 12 orang pekerja tempatan telah dilantik mana kala JDV Sdn. Bhd. mensasarkan 100 orang pekerja termasuk penternak satelit menjelang apabila ia dilaksanakan nanti.

Yang kedua, JDV akan melaksanakan program *Satelite Farmer* atau Penternak Tenusu Satelit dan dijangka melahirkan 30 penternak satelit selaras dengan petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan. Penternak satelit akan bekerjasama secara langsung dengan ladang induk JDV sebagai sebahagian ekosistem tenusu negara, sebagai sebahagian daripada ekosistem tenusu Johor.

Yang ketiga, JDV juga akan berperanan sebagai *milk collection centre* atau pusat pengumpulan susu segar daripada penternak-penternak setempat.

Yang keempat JDV juga akan berperanan sebagai *Johor Dairy Center of Excellence* atau Pusat Kecemerlangan Tenusu Johor, hab latihan dan teknologi bagi memperkasakan penternak dengan manfaat kepada latihan teknikal, pemindahan teknologi dan jaringan pasarannya disediakan oleh JDV.

Dan, yang kelima memperkenalkan konsep *Dairy Tourism* sebagai daya tarikan baharu yang berpotensi mengangkat nama daerah Mersing sebagai destinasi pelancongan agro ternama di negeri Johor dan Malaysia. Antara komponen yang dicadangkan adalah *Dairy Cafe*, *Steak House, Educational Tour* dan sebagainya. Kerajaan negeri Johor komited untuk memperkukuh industri ruminan dan tenusu melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi peningkatan populasi ternakan, permodenan teknologi, pembangunan bakat serta penglibatan aktif penternak tempatan. Dengan perlaksanaan projek berimpak tinggi seperti Jemaluang Dairy Valley ini, Johor bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan kadar sara diri negara tetapi turut membuka peluang ekonomi baharu yang mampu meningkatkan kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, jemput Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih juga Yang Berhormat EXCO atas jawapan diberikan. Kalau kita lihat di kampung-kampung khususnya, ramai penternak-penternak kecil yang menternak 10, 20 ekor lembu. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada Program Bantuan Baka, apakah lagi strategi kerajaan negeri untuk mempastikan penternak-

penternak kecil ini, benar-benar mendapat manfaat secara langsung daripada pembangunan industri ruminan ini. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengakui bahawa di negeri ini ada ramai penternak-penternak berskala kecil dan sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Senggarang, saya mengharapkan agar penternak-penternak kecil yang sebahagiannya masih belum mendaftarkan ternakan mereka kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar berbuat demikian untuk kebaikan mereka juga, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menjawab soalan Yang Berhormat Senggarang berkenaan program lain bagi meningkatkan populasi atau baka lembu terutama kepada penternak kecil, kerajaan negeri sentiasa memastikan pembangunan industri ruminan tidak hanya dimanfaatkan oleh ladang berskala besar tetapi turut memberikan impak langsung kepada penternak kecil yang merupakan tulang belakang industri ini. Terdapat beberapa strategik yang telah dirancang antaranya ialah Kursus Pembangunan Ternakan meliputi pengurusan kandang, nutrisi ruminan, pembiakan bio-sekuriti dan kesihatan ternakan.

Yang kedua, menerusi lawatan ladang berkala bagi memastikan penternak kecil mendapat bimbingan terus terhadap amalan terbaik.

Yang ketiga, program pemindahan teknologi terutama berkaitan sistem makanan berpusat, pengurusan najis dan penggunaan teknologi digital dan Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kedua ialah berkenaan dengan pembangunan infrastruktur melalui penaiktarafan TKPM tempatan. Kita faham ada banyak TKPM yang dijalankan di negeri ini, jadi Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan kerajaan cuba untuk menaik taraf TKPM ini melalui kandang *standard* atau semi *standard* yang lebih selamat dan efisen, kemudahan air, letrik, jalan ladang dan akses logistik yang lebih baik dan ruang operasi yang membolehkan penternak mengembangkan bilangan ternakan secara terkawal. Dengan infrastruktur yang stabil, penternak kecil dapat meningkatkan kadar kelahiran, pengurangan kadar kematian dan seterusnya meningkatkan produktiviti semasa.

Kerajaan turut melaksanakan bantuan berfasa termasuk antaranya penambahbaikan kandang menerusi bantuan peralatan dan bahan binaan kandang.

Yang kedua, pembelian peralatan asas seperti mesin *chopper* dan peralatan kesihatan ternakan. Langkah ini bagi mengurangkan kos operasi penternak kecil dan membolehkan mereka memberi tumpuan kepada pembiakan serta pertumbuhan potensi ternakan.

Seterusnya, walaupun program AI dan peningkatan baka adalah fokus utama, kerajaan juga memastikan ia benar-benar sampai kepada penternak kecil melalui perkhidmatan AI bergerak.

Kedua, penjadualan mengikut lokaliti supaya penternak tidak perlu menanggung kos perjalanan dan ketiganya bagi pemantauan kadar kejayaan AI melalui rekod penternak. Ia memastikan penternak kecil turut menerima baka berkualiti tinggi menerusi AI bukan hanya ladang-ladang besar sahaja. Terima kasih YB Pengerusi.

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) : Mohon soalan tambahan Datuk Speaker.

YB Speaker : Sila Kukup.

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) : Terima kasih Datuk Speaker. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada EXCO Pertanian di atas penubuhan JDV ini. Kalau kita lihat JDV ini amat bergantung kepada lembu *import*, sudah tentu kos *import* adalah sangat tinggi dan kita lihat sudah tentu ada risiko penyakit dan juga adaptasi lembu kepada iklim kita.

Bagaimanakah langkah perlu diambil oleh pihak kerajaan negeri untuk memastikan kos *import* dan juga lembu yang kita *import* itu boleh memberi penghasilan yang kita inginkan? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih atas pandangan dan soalan daripada Kukup. Saya mengakui bahawa permulaan bagi projek Jemaluang *Dairy Valley* ini, satu kos yang sangat besar, lebih kurang RM200,000.00 lebih kurang. Melibatkan saya sebutkan jawapan tadi RM200 juta *sorry* RM200 juta. Melibatkan jawapan saya tadi RM68 juta lebih kurang daripada ECER dan RM120 juta daripada syarikat pelaksana. Tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi memulakan satu projek berskala besar, kita perlukan apa ni, lembu yang benar-benar berkualiti dan boleh menghasilkan jumlah tenusu, susu yang kita sasarkan. Sebab itu, kalau boleh saya maklumkan kepada Dewan ini, saya akui nilainya sangat besar iaitu lebih kurang seekor lembu tenusu itu nilai lebih kurang antara RM11,000.00 ke RM12,000.00 setiap ekor dan bagi memastikan keselamatannya terjamin, pertama, dia perlu dikuarantin dulu untuk pastikan dia selamat selepas melalui perjalanan yang jauh daripada Australia ke Johor dan kita tidak membenarkan sebarang lawatan waktu ini, dipantau sepanjang masa 24 jam sehingga lembu ini benar-benar dilihat atau dinilai oleh pihak Veterinar telah selamat untuk menjalankan operasi tenusunya di sini. Insya-Allah, menjelang Januari ini keluaran susu pertama kita akan dapat hasilkan dan kita akan nilai prestasinya dari masa ke semasa, insya-Allah.

Dan dalam masa yang sama Datuk Pengerusi, saya ingin mengajak pengusaha-pengusaha tempatan untuk menjalankan kerjasama dengan JDV Sdn. Bhd. JDV Sdn. Bhd. sentiasa membuka ruang kepada pemain-pemain kecil di sekitar Jemaluang, khasnya Mersing, Kota Tinggi dan sebagainya untuk melihat teknologi yang boleh dipindahkan kepada pengusaha-pengusaha tempatan, insya-Allah, terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran 6 orang pemerhati daripada DUN kawasan Larkin.

Dijemput Yang Berhormat Pulai Sebatang.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Pulai Sebatang soalan nombor 3, terima kasih.

Apakah tindakan kerajaan negeri melalui *Task Force* 100,000 RMMJ untuk memastikan sasaran 8,915 unit pada tahun 2026 dapat disiapkan tepat mengikut jadual tanpa kelewatan atau terbengkalai?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Sedili.

YB Tuan Muszaide bin Makmor (Sedili) : Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Sedili nombor 4.

Mohon perkongsian berkenaan rumah kos rendah yang sering dibina di kawasan membangun dan bandar, adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan membina Taman Perumahan Kos Rendah di kawasan Sedili? Mohon agar ada perancangan pembinaan tersebut seiring dengan pembangunan yang akan dilaksanakan dalam kawasan Sedili.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Maharani.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan saya nombor 5.

Adakah kerajaan negeri Johor bercadang untuk membina atau menyediakan Rumah Transit khusus untuk golongan B40 di daerah Muar bagi membantu mereka yang masih belum mampu memiliki rumah sendiri?

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, Pulai Sebatang, Sedili, Maharani yang telah mengemukakan persoalan berhubung hala tuju dan komitmen kerajaan negeri dalam menyediakan perumahan mampu milik, perumahan kos rendah dan kemudahan transit kediaman bagi rakyat Johor. Izinkan saya menjawab secara bersekali kerana ketiga-tiga soalan ini berkait rapat dengan Agenda Perumahan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama bagi isu perlaksanaan Projek Rumah Mampu Milik Johor yang bersubsidi bagi mencapai sasaran 8,915 pada tahun 2026. Sukacita dimaklumkan bahawa negeri Johor berada di landasan yang kukuh untuk mencapai sasaran 30,000 unit Rumah Mampu Milik menjelang 2026. Sebagai sebahagian daripada sasaran besar 100,000 unit menjelang 2030 sehingga suku ketiga Q3/2025 negeri Johor telah berjaya menyiapkan 20,183 unit RMMJ dengan CCC yakni pencapaian 67% daripada sasaran bagi tempoh 2022 sehingga 2026 sepanjang 5 tahun. Melalui *task force* 100,000 Rumah Mampu Milik Johor yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, ekosistem pemantauan telah diperkukuh dengan pendekatan berasaskan data, *intervensi* bersasaran dan tindakan segera terhadap projek yang berisiko lewat. Pemantauan ini dijalankan secara rapi oleh PKPJ bersama PBT-PBT dan juga PTG meliputi status tanah, kelulusan teknikal, jadual fizikal tapak serta pematuhan dasar perumahan negeri. Jawatankuasa *planning design* dan *review committee* atau dipanggil PDRC turut memainkan peranan penting sebagai *platform* penyelarasan teknikal dan kawal selia. Setakat ini, PDRC telah mencatat rekod kukuh sepanjang tiga (3) tahun ini di mana 33 mesyuarat telah diadakan melibatkan 10 daerah dalam negeri Johor telah berjumpa 136 pemaju-pemaju perumahan Johor melibatkan 170 projek-projek perumahan dan melibatkan keseluruhan 16 PBT seluruh negeri Johor. Hasil mekanisma ini kerajaan negeri telah berjaya mengikat komitmen 40,601 unit Rumah Mampu Milik Johor untuk disiapkan menjelang tahun 2030. Sebarang pemaju yang gagal mematuhi jadual pembangunan akan dikenakan tindakan termasuk sekatan kelulusan, pengenaan kaveat pendaftar serta tindakan di bawah Akta 118 seperti LAD, penggantungan atau pembatalan lesen APDL.

Kedua, berkaitan cadangan pembinaan Taman Perumahan Kos Rendah di Sedili. Untuk makluman Dewan yang mulia, pada masa ini tiada projek kos rendah baharu yang dirancang khusus di kawasan tersebut. Namun demikian, kerajaan negeri tidak pernah meminggirkan kawasan Sedili dalam Agenda Perumahan Rakyat. Keperluan Sedili pada masa ini turut ditampung oleh 2,086 Rumah Mampu Milik di kawasan sekitar daerah Kota Tinggi iaitu di Taman Kota Jaya 2, 87 unit, Taman Desa Impian 50 unit, Taman Kota Selesa 96 unit, PPR Tenggara 400 unit, Taman Seri Harmoni 60 unit, Taman Kota Selesa Tambahan 58 unit, Residensi Prima Kota Tinggi 625 unit, Bandar Akademik 62 unit, Taman Scientex Kota Tinggi 99 unit, Pangsapuri Desaru Utama 95 unit, Taman Penawar Harmoni di bawah KEJORA 454 unit. Ke semua ini menjadikan jumlah keseluruhan 2,086 unit sebagai penawaran Rumah Mampu Milik Johor yang turut memberi manfaat kepada penduduk Sedili dan kawasan sekitarnya.

Ketiga, mengenai cadangan membina Rumah Transit Bangsa Johor di Muar. Kerajaan negeri amat memahami keperluan golongan keluarga B40 yang belum mampu memiliki rumah sendiri. Inisiatif RTBJ menjadi instrumen mobaliti sosial penting bagi menyediakan kediaman sementara yang selamat dan berpatutan kepada keluarga dalam fasa peralihan. Sehingga

kini, Johor telah menyiapkan 308 unit RTBJ, Rumah Transit Bangsa Johor yang telah siap dan baki 408 unit lagi dalam pembangunan. Menjadikan jumlah keseluruhan 716 unit Rumah Transit Bangsa Johor di seluruh negeri merangkumi di daerah Johor Bahru, daerah Kulai, daerah Kota Tinggi, Kluang dan Kota Iskandar. Walaupun tiada RTBJ di Muar ketika ini, daerah tersebut telah disenaraikan sebagai lokasi keutamaan untuk fasa perlaksanaan akan datang dan kajian keboleh laksanaan telah dijalankan oleh PKPJ.

Selain RTBJ, kerajaan negeri turut memperkukuh perumahan untuk golongan rentan melalui 25 unit Rumah Kasih Johor yakni rumah percuma di Muar melibatkan tujuh (7) DUN, 14 unit telah siap dan baki sembilan (9) unit dalam pembinaan. Bagi pembangunan perumahan mampu milik daerah Muar kini mempunyai 179 unit Rumah Mampu Milik bersubsidi yang sedang dibina, 1,295 unit RMMJ tambahan dalam perancangan melibatkan pemaju seperti KPRJ, Scientex dan Pagoh Jaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, inisiatif RMMJ, RTBJ, RKJ, Rumah Prihatin, sistem pemantauan pintar dan tindakan tegas terhadap pemaju membuktikan bahawa kerajaan negeri Johor komited memastikan seluruh Bangsa Johor sama ada di bandar, di pinggir bandar atau kawasan luar bandar seperti Sedili dan Muar mendapat akses kepada kediaman yang selesa, berkualiti dan mampu milik. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Pulai Sebatang.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Pulai Sebatang ada soalan tambahan. Pertama sekali saya nak ucapkan tahniah dan syabaslah kepada YB EXCO di atas perancangan-perancangan yang sangat baik untuk Bangsa Johor ini cuma satu soalan saya. Tadi kita lihat Yang Berhormat EXCO maklumkan bahawa tidak kira sama ada di bandar ataupun di luar bandar kerajaan negeri akan cuba menyediakan kediaman yang selesa. Jadi pembinaan rumah RMJ, RTBJ ini dia menyeluruh di seluruh Johor, tetapi adakah dibuat apa tu bacaan ataupun selidikan mengikut taburan penduduk dan juga mengikut jumlah rumah yang ada di setiap daerah dan juga DUN. Sebab kita tak nak nanti berlaku jurang yang besar di suatu kawasan contoh, Pulai Sebatang sikit, Johor Bahru banyak, dan tidak selari dengan nisbah jumlah keperluan penduduk yang berada di sesuatu kawasan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada Pulai Sebatang. Soalan yang sangat baik. Pertama, bila kita sebut tentang perumahan Mampu Milik Johor ni dia terbahagi kepada dua. Yakni dalam satu-satu dasar pembangunan, 60% kita beri kepada pemaju untuk untuk rumah pasaran bebas. Jadi pemaju akan tetapkan harga rumah, RM600,000.00, RM700,000.00 dan RM1 juta. Terpulang kepada pemaju. Itu 60% adalah hak pemaju. Baki 40% wajib bagi pemaju untuk membina rumah mampu milik yang harganya bermula daripada RM50,000.00 kategori A, RM100,000.00 kategori B, kategori C RM150,000.00 dan kategori D luar bandar RM250,000.00 dan dalam bandar RM300,000.00. Dan rumah ini semua adalah bersubsidi. Sebab itu di peringkat kerajaan ini bila kita nak melihat satu-satu kawasan atau *locality*, kita pertamanya kita tengok juga keseluruhan pembangunan dalam seluruh negeri Johor. Biasanya kebanyakan pemaju-pemaju ini bila menyebut kawasan-kawasan pendalaman dah tentulah banyak rumah tidak di bina di kawasan luar bandar. Antara puncanya ialah sebab pemaju melihat bahawa dia tidak dapat membuat *cross* subsidi. Maknanya, dia tak boleh menjual harga yang mahal dan harga yang mahal ini sedikit keuntungan di *cross* subsidi pada rumah mampu milik. Tetapi dalam masa yang sama kerajaan juga untuk makluman Datuk Speaker kita membuat juga Rumah Kasih, Rumah Percuma. Rumah Percuma kita *allocate*kan lebih kurang dalam 500 unit rumah melibatkan 10 daerah dalam negeri Johor, yang ni rumah percuma kita beri. Dan setakat ini, 170 unit rumah telah siap dan baki insya-Allah akan siap pada Q4 2026. Itu bagi Rumah Percuma.

Untuk memperkasakan lagi untuk daerah luar kita membuat menawarkan dipanggil Rumah Prihatin Johor. Rumah tadi Rumah Kasih, Rumah Percuma. Rumah Prihatin ini adalah mereka yang golongan gaji RM6,000.00 dan ke bawah. Jadi, Rumah Prihatin Johor dia ada dua kategori. Satu kategori berharga RM86,000.00, kerajaan Johor subsidi RM30,000.00. Dan pemohon hanya memerlu cari *loan* bank atau *cash* RM56,000.00, tiga (3) bilik dua (2) bilik air.

Dan rumah kategori kedua Rumah Ibu. Rumah Ibu ni dua (2) bilik satu (1) bilk air harganya RM66,000.00, kerajaan Johor subsidi RM30,000.00 dan mereka hanya perlu cari *loan* atau *cash* hanya RM36,000.00. Sebab tu, inisiatif Rumah Percuma, Rumah Prihatin termasuk juga yang tadi saya bentangkan tentang Rumah RTBJ (Rumah Transit Bangsa Johor). Rumah Transit Bangsa Johor ini pulak adalah rumah untuk golongan mereka yang baharu berkahwin. Di mana, kita beli projek-projek tertentu contoh di Kulai kita beli 216 unit. Kita beli keseluruhan projek itu dan projek ini kita tawarkan balik kepada golongan mereka yang berkahwin untuk dibuat Rumah Transit Bangsa Johor, yang harga pasaran kalau contoh harga di Kulai harga rumah tiga (3) bilik dua (2) bilik air, keluasan 1,000 kaki persegi biasa sewa dalam RM1,000.00 sebulan. Tetapi untuk Rumah Transit Bangsa Johor ni sewanya lebih kurang dalam RM600.00 je Tuan Speaker. Dan RM600.00 itu, RM190.00 kita simpan sebagai simpanan mereka dan akan datang bila dia berkemampuan untuk mendapat *loan* bank dan sebagainya kita akan pulangkan balik duit *cash* itu untuk dibuatkan, dibeli untuk ditawarkan untuk Rumah Mampu Milik Johor.

Jadi, secara keseluruhan untuk makluman Yang Berhormat, Datuk Speaker dan YB Pulai Sebatang, kita sebenarnya memang mengalu-alukan semua pemaju-pemaju perumahan untuk membina lebih banyak rumah mampu milik di luar bandar. Tetapi, kalau nak ikut dari segi geografi, populasi dan sebagainya itu sangat sukar dibuat kerana pemaju ada kekangan-kekangan tertentu, tetapi kerajaan bantu balik dari sudut Rumah Prihatin dan Rumah Percuma itu sendiri. Terima kasih.

YB Speaker : Tahniah Yang Berhormat atas inisiatif kerajaan Johor mengenai dengan perumahan ini. Ya, sila Maharani.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Terima kasih Datuk Speaker. Yang pertama saya ingin mengucapkan terima kasih di atas pencerahan yang diberi. Soalan tambahan saya, memandangkan kawasan Pagoh adalah sedang dibangunkan, di sana terdapat hub pendidikan dan juga hub industri dan juga Bandar Baru Pagoh. Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk pembinaan Rumah Transit Bangsa Johor di kawasan tersebut? Terima kasih,

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada YB Maharani. Sebenarnya di peringkat kerajaan kita bila sebut rumah transit ini adalah rumah di mana pemaju bina lepas tu kerajaan beli keseluruhan. Lepas itu, kenapa kerajaan beli keseluruhan sebab kita nak tawarkan kepada mereka yang belum lagi mampu untuk membuat *loan* bank. Mungkin gaji dia RM3,000.00 dan ke bawah, sebab tu kita beli Rumah Transit Bangsa Johor.

Dan untuk makluman YB, di peringkat Muar sendiri sebenarnya kita dah ada perancangan, cuma kita hanya boleh buat Rumah Transit Bangsa Johor ini bila ada pembangunan perumahan di satu-satu projek. Dan di peringkat kerajaan memang saban tahun *allocate*kan *certain amount* untuk kita beli melalui pemaju-pemaju perumahan. Dan, insya-Allah jika di projek Pagoh Jaya sebagai contoh ada rumah yang harganya atas RM100,000.00 dan ke bawah, kerajaan boleh *allocate*kan bajet untuk beli Rumah Transit Bangsa Johor yang kita tawarkan pada mereka golongan yang dah berkahwin yang mungkin baru bekerja untuk peralihan daripada rumah sewa sementara kerajaan kepada pemilikan kekal untuk membeli Rumah Mampu Milik Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Pemanis.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Pemanis nombor 6.

Program Infaq Jumaat dilihat memdapat sambutan yang amat baik daripada masyarakat. Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan peruntukan kepada semua masjid dan surau Jumaat di seluruh negeri Johor tahun hadapan? Adakah kerajaan juga bercadang untuk menambah lagi jumlah peruntukannya?

YB Speaker : Sila

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullah. Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Pemanis bertanya pasal infaq Jumaat. Adakah kerajaan bercadang memberikan peruntukan kepada semua masjid dan surau di seluruh negeri tahun depan. Dan adakah kerajaan bercadang menambah lagi jumlah peruntukan?

Yang Berhormat Pemanis, kerajaan Johor komited dalam memastikan setiap lapisan masyarakat meraikan kemakmuran negeri Johor di pelbagai peringkat. Dalam masa yang sama, keberkatan hidup umat Islam melalui institusi masjid dan surau terus diperkasa dan dipelihara. Terdahulu kerajaan Johor telah membuktikannya dengan pelaksanaan Semarak Subuh, sejak tahun 2024. Dengan pencapaian sebanyak 2,564 kali pelaksanaan dan kehadiran seramai 345,247 orang jemaah serta peruntukan sebanyak RM1.4 juta. Itu tahun 2024 Datuk semasa kita memulakan. Malah pada 2025, peruntukan kekerapan pelaksanaan Semarak Subuh ditingkatkan lagi, di mana jumlah kekerapan pelaksanaan setiap minggu di setiap DUN adalah sebanyak dua (2) kali berbanding tahun 2024 dengan jumlah peruntukannya meningkat kepada RM2.8 juta. Manakala pencapaian pelaksanaan Semarak Subuh 2025 sehingga pada 10 November 2025, ini saya laporkan Datuk Speaker kepada Dewan, adalah sebanyak 3,769 kali dengan penyertaan 307,038 orang jemaah melibatkan 3,682 buah masjid dan surau negeri Johor. Dengan kejayaan dua (2) tahun Semarak Subuh ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun nyatakan, kerajaan Johor terus mengorak langkah demi memartabatkan syiar Islam. Keharmonian dan perpaduan di dalam kalangan masyarakat di negeri ini, oleh itu satu inisiatif baru dilaksanakan pada tahun 2025, bulan Oktober hari tu. Namanya Program Infaq Jumaat yang menjadi medium penting memastikan umat Islam terutamanya bersatu hati dengan institusi masjid melalui cara agihan jamuan kepada para jemaah pada setiap hari Jumaat. Datuk Speaker, jangan pernah kita lupa, Infaq Jumaat ini ilham Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor. Baginda pernah bertitah di dalam Dewan ini. Baginda sendiri akan pastikan semua Bangsa Johor akan dapat makanan dan tidak akan ada kebuluran.

Datuk Speaker ini antara inisiatif tambahan baik yang nak memastikan bukan hanya kita makan kat rumah, pergi masjid pun dapat makan terutamanya hari Jumaat. Datuk Speaker ini antara kelebihan kerajaan Johor Maju Johor pada kali ini. Kita ambil kira semua segmen syiar Allah SWT. Jadi, jangan pernah ada satu kumpulan pun atau mana-mana pihak pun Datuk Speaker yang menafikan syiar Allah di bumi Johor ini, terpasak dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Datuk Speaker, Allah sebut dalam surah Al-Haj ayat 32 (bacaan surah). Kata Allah, demikianlah barang siapa Datuk Speaker yang laksanakan perintah Allah, Syair Allah *confirm* daripada hatinya ada taqwa. Maka kerajaan Maju Johor ini Datuk Speaker menunjukkan bukan dengan tertib sahaja, bahkan dengan pelaksanaan dan inisiatif yang berkesan.

Datuk Speaker, Infaq Johor ini kita laksanakan setiap bulan Oktober hari tu. Dalam tempoh 13 minggu sampai nanti Disember 2025, jumlah peruntukannya sebanyak RM1.716 juta daripada Pejabat Menteri Besar sendiri, di mana setiap masjid dan surau yang terpilih akan

menerima RM1,000.00. Dari Oktober hari itu sampai ke hujung tahun ini Datuk Speaker, setiap DUN akan buat dilebih kurang 2 masjid, cuma di daerah Johor Bahru empat (4) masjid Datuk Speaker sebab orangnya lebih ramai. Maka untuk 6 minggu itu sahaja, sebanyak 792 agihan jamuan dijalankan di setiap DUN. Menerusi Program Infaq Jumaat Johor 2025 sekaligus mencapai 46% dari sasaran keseluruhan pelaksanaan program sehingga akhir 2025 nanti. Dalam tempoh yang sama juga seramai 383,066 orang jemaah menikmati manfaat dari inisiatif ini. Di mana 53,046 orang daripadanya terdiri daripada anak-anak sekolah. Malah sokongan dari pihak jawatankuasa masjid dan surau sangat memberangsangkan apabila turut menyumbang sama dalam penyediaan jamuan tersebut dengan jumlah terkumpul sebanyak RM276,426.00.

Datuk Speaker, Menteri Besar hajatkan kerajaan negeri bagi RM1,000.00 kepada masjid, surau. Tapi rupa-rupanya Datuk Speaker orang kampung kita, orang bandar kita dia nampak program ini baik dia infaq sama. Nilainya tadi orang ramai sumbang saja tu, tengok dekat LED tu, RM270,000.00 lebih orang Johor berinfaq. Datuk Speaker ini jelas, nak tepuk, tepuk cepat. Tepuk, tepuk. (Dewan bertepuk). Ini jelas Datuk Speaker, sama macam hadis Rasullullah yang Nabi Muhammad sebut ketika Baginda sampai kat kota Madinah waktu hijrah dahulu. Apa Nabi kata Datuk Speaker, Nabi suruh kita pertama cara nak masuk syurga dengan sejahtera, af shu salam, bagi salam. Waat imuttoa, bagi orang makan.

Maka ini Datuk Speaker, kerajaan negeri bagi orang makan bukan ikut hanya kawasan yang diketuai oleh kerajaan, semua DUN kita buat. Maka bagi makan ni memang perintah Allah, ini perintah Nabi. Maka laksanakan semua DUN dapat manfaat. Datuk Speaker, kemudiannya ini menunjukkan rakyat menyambut baik inisiatif kerajaan Maju Johor. Selaras dengan syariat Islam dalam menggalakkan amalan memberi makan kepada orang. Melihat kepada sambutan yang amat menggalakkan ini, bagi perancangan tahun depan kerajaan Maju Johor berhasrat meneruskannya dengan cara pengabungan dana dari pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta dan lain-lain sebelum disalurkan kepada masjid dan surau berkenaan.

Bagi maksud menyuburkan amalan berinfak dalam kalangan masyarakat Islam di negeri Johor maka peruntukan sebuah masjid dan surau yang terpilih itu untuk melaksanakan program ini dikekalkan Datuk Speaker. YB Pemanis kita kekalkan kepada RM1,000.00 tapi bilangan masjid dan surau Jumaat ini ditambah di setiap DUN dengan peruntukan RM26.9 juta setahun. (Dewan bertepuk). Ini memang *marvellous*, Datuk Speaker. Melampau betul kesungguhan kita nak bagi orang makan. Dia punya carta Datuk Speaker, boleh tengok dekat kita punya *LED.* Datuk Speaker, kalau ikut laporan setakat 7 November 2025, keseluruhan masjid dan surau kita diimarahkan dengan cukup baik dan mudah-mudahan Datuk Speaker, Infaq Jumaat ini dapat sokongan semua pihak. Wallahualam.

YB Speaker : Jemput Pemanis.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO kerana telah memberikan jawapan yang panjang lebar berkaitan dengan Infaq Jumaat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam tempoh sebulan lebih ini, kita menjalankan Program Infaq Jumaat ini, saya rasa pun seronok juga sebab tadi bila diumumkan ada anak-anak pelajar sekolah kita yang bila kita sediakan makan tu, datang jumpa, terima kasih, terima kasih pakcik YB. Pakcik YB. Tapi bila yang mahasiswa tu dia kata terima kasih abang YB. Jadi kita pun rasa seronoklah bila ada program-program infaq yang baik seperti ini. Dan, bila kita bagi sedekah macam ini sudah tentulah nanti rezeki untuk negeri Johor akan bertambah, cumalah, saya nak tanya, ini soalan tambahan saya kepada YB EXCO. Kita dah bagi RM1,000.00 pada setiap masjid atau pun surau untuk Jumaat ini. Tapi ada juga kedengaran suara-suara mengatakan tak dapatlah, tak rasalah, kan. Adalah, ada, ada. Tapi, mungkin kita nak salahkan pentadbiran masjid dan surau tu pun tak boleh juga. Kita bagi RM1,000.00

yang datang kariah tu ramai, jadi bila makan mee siam kecik aje, nasi lemak je, jadi ada yang pertikai dia kata apalah bantuan macam ni. Sikit sangat. Jadi, nak tanyalah pandangan daripada Yang Berhormat EXCO adakah dengan peruntukan yang diberikan ini kita pantau, maksudnya RM1,000.00 tu betul dibelanjakan RM1,000.00 bukan nanti bagi RM1,000.00 dia belanja RM700.00 je, RM300.00 disimpan dalam akaun lagi. Jadi, ada tak pemantauan dibuat tentang perkara ini. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, terima kasih YB Pemanis soalan tambahan. Itu yang makan mee siam. Yang makan betis kambing pun banyak juga Datuk Speaker. Nak bagitahu Datuk Speaker, ini soal pembudayaan. Kita nak mula membudayakan orang Johor terutamanya selepas ini kena menambah infaq kepada masjid dan surau dan menyokong usaha baik beri makan kepada orang.

Datuk Speaker, kita ada garis panduan supaya masjid dan surau tidak ter... apa tu terjurus kepada perangai yang kurang elok. Dan, saya percaya Datuk Speaker, pengurusan masjid surau kita di negeri Johor memang semuanya bagus dan baik-baik belaka. Tapi, YB Pemanis kalau ada aduan, tak ada masalah, adukan aja. Kita akan segera buat semakan sebab apa Datuk Speaker, ikut garis panduan yang kita sediakan ini, pertama, garis panduannya urusetia di peringkat daerah akan menyediakan laporan perlaksanaan termasuk sumbangan dana oleh Jawatankuasa Masjid dan Surau Negeri Johor selewat-lewatnya sehari selepas program tersebut. Maksudnya keadaan kalau ada masjid surau yang mungkin nak ngelat.

Kita tak kata ada, kalau ada, dia tak akan selamat sebab pelaporan itu akan disemak oleh peringkat daerah. Jadi sebab itu, penggerak-penggerak di setiap DUN, kita kena lebih proaktif. Takkan tak proaktif Datuk Speaker, Datuk MB dah umumkan dah semua 56 DUN penggeraknya akan dapat RM1,000.00 *one off*. Saya percaya mereka lebih bersemangat.

Kemudian, nak bagitahu laporan bukti agihan dan laporan bergambar bagi bulan Oktober Datuk Speaker, 2025 telah diterima dan dari 10 Pejabat Kadi Daerah pada 5 November. Maksudnya laporan ini berkala. Kita senang buat pemantauan dan kita boleh buat cepat pembetulan. Selanjutnya laporan pelaksanaan tersebut akan dimajukan kepada Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat selaras dengan ulasan yang diberikan oleh Pegawai Kewangan Negeri bagi perlaksanaan program ini. Jadi, YB Pemanis jangan risau, dia punya mekanisme dah baik, cuma kalau berlaku juga saya boleh kata, siaplah jawatankuasa tersebut, kita masuk. Saya akan sendiri akan turun membetulkan keadaan itu. Sebab ini bukan duit kita, ini duit kerajaan, duit penginfaq, duit orang ramai. Barang siapa yang berani buat dajal Datuk Speaker, kita akan ajar betul-betul termasuk kita buatkan aduan kepada pihak yang berkuasa. Jangan main-main dengan kita Datuk Speaker.

Jabatan Agama Islam negeri Johor juga melalui Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau melaksanakan tindakan turun padang di masjid dan surau Jumaat yang menjalankan Program Infaq Jumaat 2025 dan memantau perjalanan program tersebut. Mudah-mudahan dengan semua gerak kerja terangkum ini Datuk Speaker, tidak langsung ada berlaku sebarang ketirisan dan mudah-mudahan usaha kita nak beri makan pada orang ramai diberkati Allah SWT. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat di tempat saya, saya nak cadangkan satu, dua masjid daripada bagi dia nasi, kita nak tukar kepada burger sebab kebanyakan mereka ni dah makan di rumah sebelum datang ke masjid. Jadi mereka kalau bagi burger mungkin dia makan kat situ jadi lagi meriah, ni cadanganlah. Kalau tak burger pun aiskrim.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker saya memang pernah baca satu buku. Buku tu pun dah tak jumpa dah. Memang orang Rengit ni ala-ala *western* begitu. Saya macam pernah dengar begitu. Jadi, kalau orang Rengit nak makan burger, tak ada masalah. Apa tu, *fish and chip* pun ok. Kita ok je. Tak ada masalah.

YB Speaker : Salah tu Yang Berhormat. Orang Rengit suka makan Korea sekarang ni. Dijemput Yang Berhormat Kempas. Saya minta maaf, dijemput Yang Berhormat Johor Lama.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Terima kasih Datuk Speaker, soalan Johor Lama nombor 7.

Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan kesejahteraan emosi dan mental kanak-kanak di negeri ini terus dipelihara, khususnya dalam menghadapi cabaran dunia moden yang semakin mencabar dengan pengaruh media sosial, tekanan akademik dan isu keselamatan sosial?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Pemanis.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Datuk Speaker, soalan Pemanis nombor 8.

Apakah usaha kerajaan bagi menangani kejadian keganasan terutama di kalangan kanak-kanak akibat terpengaruh dengan permainan atas talian seperti yang berlaku di Johor baru-baru ini sehingga mengakibatkan kecederaan serius kepada mangsa yang merupakan ahli keluarga sendiri?

YB Speaker : Sila, Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Johor Lama dan Pemanis. Antara soalan-soalan yang dikemukakan oleh kedua-dua ini adalah tentang usaha kerajaan negeri untuk memastikan kesejahteraan emosi kanak-kanak di negeri ini terus terjaga dan terpelihara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan emosi dan mental kanak-kanak terus terpelihara khususnya dalam menghadapi cabaran dunia moden yang semakin kompleks akibat pengaruh media sosial, tekanan akademik serta isu keselamatan sosial yang kian meningkat serta memandang serius insiden keganasan melibatkan kanak-kanak akibat pengaruh permainan dalam talian.

Datuk Speaker, bagi mencapai hasrat ini pelbagai usaha bersepadu telah dan sedang dilaksanakan melalui agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Kesihatan, Polis DiRaja Malaysia serta rakan strategik badan bukan kerajaan. Antaranya ialah dengan melaksanakan program-program perlindungan kanak-kanak seperti berikut :

Pertama, pendidikan dan kesedaran digital. Kementerian Komunikasi dan Digital bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mempergiat program Klik dengan bijak dan literasi digital bagi mendidik ibu bapa dan kanak-kanak mengenai keselamat siber dan risiko permainan berunsur ganas. Dan, kempen tersebut bersamanya adalah kempen Internet Selamat. Kempen ini bertujuan membentuk persekitaran internet selamat dan beretika khususnya bagi kanak-kanak dan remaja bagi menangani masalah kawalan penggunaan selamat.

Seterusnya Jabatan kebajikan Masyarakat Negeri Johor melaksanakan Program Celik Keselamatan Siber Kanak-Kanak yang telah memberi manfaat kepada lebih 18,000 pelajar seluruh negeri Johor sejak tahun 2023. Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut memasukkan elemen keselamatan siber, pengurusan emosi dan tanggungjawab digital dalam kurikulum sekolah.

Seterusnya Datuk Speaker, adalah pemantauan dan kawalan kandungan. MCMC menjalankan pemantauan terhadap permainan dan kandungan dalam talian yang mengandungi unsur ganas dan lucah. Kerajaan juga sedang meneliti mekanisme kawal selia baharu termasuk pelesenan permainan dalam talian dan had umur pengguna. Ibu bapa hendaklah menggunakan aplikasi kawalan ibu bapa iaitu *parental control* bagi memantau aktiviti anak-anak di internet.

Seterusnya intervensi psiko sosial dan kaunseling. Jabatan pendidikan Negeri Johor bersama Jabatan Kesihatan melaksanakan Program Minda Sihat Sekolah Johor, Program Peers dan Program Literasi Digital Beretika bagi membina daya tahan emosi murid-murid. YPKDT, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan LPPKN menyediakan Program Kaunseling Keluarga, Bimbingan Ibu Bapa Digital serta Talian Kasih 15999 sebagai saluran bantuan segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor percaya bahawa kesejahteraan emosi dan mental kanak-kanak ini adalah asas kepada pembentukan generasi muda yang seimbang dan berdaya tahan. Oleh itu, pendekatan holistik yang melibatkan sekolah, keluarga, komuniti serta agensi kerajaan akan terus diperkukuh bagi memastikan anak-anak Johor ini membesar dalam persekitaran yang selamat, positif dan menyokong kesejahteraan mental mereka. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Jemput Johor Lama.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih YB EXCO atas jawapan tadi. Cumanya tadi dalam jawapan YB EXCO ada sebutkan tentang usahasama di antara pelbagai agensi. Jadi, apakah kolaborasi inter agensi yang telah dilaksanakan? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Antara program kolaborasi inter agensi yang telah dan sedang dilaksanakan adalah sentiasa mengadakan perbincangan kes iaitu kes pengurusan kanak-kanak yang melibatkan pelbagai agensi bersama Polis DiRaja Malaysia, Hospital, Jabatan Pendidikan, Jabatan Agama Islam, pihak kedutaan dan badan bukan berkanun yang berkaitan. Seterusnya satu perkhidmatan Perlindungan Kanak-kanak bersama Mahkamah, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan agensi-agensi yang berkaitan.

Seterusnya Datuk Speaker, satu kesedaran Kempen Literasi Digital dan Keselamatan Siber yang terus dilaksanakan bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk terus mendidik kanak-kanak serta ibu bapa tentang penggunaan media sosial secara berhemah dan selamat.

Seterusnya satu program yang berterusan sekarang adalah Program seperti Klik Dengan Bijak dijalankan di sekolah-sekolah serta komuniti tempatan seluruh Johor. Seterusnya kerajaan negeri Johor telah membangunkan modul program bersama pihak universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan kes kanak-kanak yang ada sekarang adalah namanya Modul Lindungi Permata Johor yang dibangunkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor bersama Universiti Kebangsaan Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Jemput Pemanis.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Terima kasih Datuk Speaker. Saya mendengar dengan teliti jawapan daripada Yang Berhormat EXCO tadi. Saya bangkitkan soalan berkaitan dengan kanak-kanak ini sebab di Batu Pahat baru-baru ini ada seorang kanak ini hampir menyebabkan adiknya terbunuh kerana terpengaruh dengan permainan di platform

sosial yang kita lihat pada hari ini memang sangat sukar dikawal, Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi kegusaran ini bukan pada saya sahaja tetapi di kalangan ibu bapa yang ada memang kita lihat pengaruhnya memang amat besar. Jadi, saya nak tanya dengan YB EXCO tentang walau pun dah ada pelbagai undang-undang, pelbagai kaedah perlaksanaan dibuat untuk memantau dan sebagainya, tetapi masih lagi berlaku perkara-perkara, tragedi-tragedi seperti yang saya sebutkan tadi ni, adakah selain daripada fokus kepada kanak-kanak ini, adakah juga pihak kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan mengadakan program inisiatif untuk membantu juga institusi keluarga dan juga remaja supaya mereka tidak terlibat dengan perkara-perkara sebegini. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada program-program dan nasihat diberikan kepada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, Yayasan Pembangunan Keluarga dan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Negeri Johor terus menjalankan fungsi mengenengahkan kesejahteraan keluarga dengan menjalankan pelbagai program-program kekeluargaan, perkahwinan, keibubapaan melalui modul terbitan mereka dengan nama Modul Keluarga, Keseimbangan Keluarga dan Kerjaya. Modul-modul seperti Pendidikan, Keselamatan Keluarga dan Anak, modul-modul Pra Perkahwinan, modul Kasih Keibubapaan Digital dan modul di bawah Program-Program Pekerti.

Program-program ini Yang Berhormat Datuk Speaker seperti Program Kasih Ibu Bapa merupakan satu modul baharu yang berkaitan ibu bapa siber. Modul ini dibangunkan bagi memperkasa ibu bapa dengan ilmu serta kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan cabaran anak-anak generasi digital hari ini. Antara topik-topik dalam modul itu ialah adab dan etika di dunia siber, mengenali gaya keibubapaan digital, mempelajari kemahiran keibubapaan digital.

Datuk Speaker, selain itu satu modul Pendidikan Keselamatan, Keluarga dan Anak menekankan topik yang menyentuh tentang keselamatan siber, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ibu bapa itu sendiri, penjaga dan masyarakat mengenai pentingnya menjaga keselamatan keluarga di alam siber. Satu program lagi juga Yang Berhormat Datuk Speaker iaitu Program Pekerti Negara. Ianya merupakan inisiatif bagi menyokong dasar dan pelan tindakan pekerti iaitu aspek advokasi dan promosi dengan memperluaskan akses remaja kepada program pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial. LPPKN juga telah membangunkan beberapa modul pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial untuk golongan ibu bapa, remaja dan keluarga bagi melengkapkan perkhidmatan kafetin yang ditawarkan. Modul ini diguna pakai bagi memperluas program ini kepada agensi lain dan memanfaatkan kumpulan sasar agensi tersebut dengan perkongsian sumber strategik.

Antara objektif perlaksanaan program ini Datuk Speaker, adalah untuk meningkatkan pengetahuan remaja berkenaan kesihatan reproduktif dan sosial, khususnya mengubah persepsi terhadap pendidikan seksualiti. Seterusnya, mendorong perubahan positif dengan amalan penjagaan kesihatan produktif dan tingkah laku seksual serta sosial remaja hari ini.

Datuk Speaker, ia juga untuk memperkasa remaja dalam membentuk keputusan yang positif berkenaan kesihatan reproduktif dan tingkah laku seksual serta sosial. Ia juga akan melahirkan remaja yang berkemahiran dalam pendidikan kesihatan reproduktif seterusnya menjadi agen perubahan kepada remaja itu sendiri. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Kempas. Dijemput Yang Berhormat Simpang Jeram.

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram) : Assalamualaikum warahmatullah, salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Simpang Jeram nombor 10.

Kes salah laku dan jenayah di sekolah suatu perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Sekolah adalah tempat selamat untuk mendidik, melahirkan insan yang berilmu dan berdisplin. Apakah ada modul yang akan dilaksanakan di peringkat negeri bagi mengatasi masalah ini?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 11.

Apakah langkah-langkah keselamatan yang telah dan bakal diperkenalkan untuk meningkatkan keselamatan para pelajar di sekolah Johor?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Gambir.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 12, terima kasih.

Buli dan masalah disiplin/jenayah di sekolah menjadi isu hangat diperkatakan. Apakah ada usaha dari kerajaan negeri Johor untuk mengusul/mencadang kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia bagi menambahbaik tahap disiplin pelajar untuk mengatasi budaya ini?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Senggarang nombor 13.

Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor serta agensi berkaitan bagi memastikan keselamatan murid sekolah di seluruh negeri Johor sentiasa terpelihara, khususnya melibatkan isu buli, vandalisme, penyalahgunaan bahan terlarang dan keselamatan fizikal di sekolah?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 14.

Belakangan ini kes-kes yang melibatkan pelajar kian hangat didedahkan dan berlaku dalam keadaan yang membimbangkan. Justeru, apakah langkah mitigasi dan preventif JPN Johor dalam memastikan kes-kes berat tidak berlaku dalam kalangan pelajar sekolah di dalam negeri Johor ini?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 15.

Apakah langkah intervensi awal yang akan dan telah dilaksanakan bagi mengesan pelajar berisiko tinggi terlibat dalam kes disiplin dan jenayah sebelum perkara serius berlaku?

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh, terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kempas, Simpang Jeram, Stulang, Gambir, Senggarang, Sungai

Balang dan Panti di atas persoalan yang diberikan berkenaan salah laku pelajar, isu keselamatan di sekolah dan langkah-langkah pencegahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor amat memandang serius isu keselamatan murid di sekolah termasuk masalah buli, vandalisme, penyalahgunaan bahan terlarang, ponteng sekolah, isu mental, masalah sosial serta keselamatan fizikal di sekolah. Kerajaan Negeri Johor sangat komited untuk memastikan setiap murid dibentuk dengan nilai murni dan karakter unggul selaras dengan prinsip Karamah Insaniah serta Aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melalui perlaksanaan Modul Karakter Murid Johor (KrMJ), kolaborasi antara agensi bersama PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan, kerajaan negeri yakin sekolah-sekolah di negeri Johor akan terus menjadi zon selamat, berdisiplin dan sejahtera, sejajar dengan Visi Maju Johor, Berintegriti dan Ihsan.

Kerajaan negeri Johor sentiasa memandang serius isu salah laku dan jenayah dalam kalangan murid sekolah. Sehubungan dengan itu, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025 serta dasar Pembangunan Insan Johor Berkarakter 2023/2030, Kerajaan Negeri Johor telah memperkasakan melalui pengukuhan Modul Karakter Murid Johor yang menekankan pembentukan jati diri murid berasaskan nilai karamah insaniah dan kemuliaan maruah dan tanggungjawab sosial sebagai asas kepada sahsiah dan disiplin pelajar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Karakter Murid Johor ini sebenarnya telah berlaku lama bermula pada tahun 2017 lagi. Bagi memastikan keberkesanan modul ini, kami telah melakukan perubahan segera, *immediately form* dengan izin yang sedang dilaksanakan melalui Kempen Anti Buli dan Anti Sosial yang melibatkan ceramah, aktiviti kesedaran, poster dan modul khas di sekolah bagi mendidik murid tentang kepentingan hormat-menghormati, keselamatan diri dan etika sosial. Pemantapan tadbir urus sahsiah murid di sekolah, perlaksanaan PLC *Professional learning Community* untuk membimbing guru dalam pendekatan bimbingan berasaskan nilai. Pemantauan berasaskan data digital melalui sistem sahsiah diri murid bagi tindakan pantas terhadap kes disiplin dan Program Minda Sihat, Psikometrik dan SPIER untuk membina daya tahan emosi dan rakan sebaya penyokong, Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) memainkan peranan kritikal sebagai kaunselor dan intervensi psiko sosial dalam mengenal pasti murid berisiko, memberikan kaunseling individu dan kumpulan serta merujuk murid kepada agensi sokongan sekiranya perlu.

Pemantauan mengejut dan berkala oleh pegawai JPN, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah bagi mengenal pasti risiko keselamatan. Seterusnya pengukuhan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan penguatkuasaaan Tatacara Keselamatan bagi menangani masalah jenayah di sekolah. Integrasi program DARVIH (Data, Analisis, Respons, Vigilance, Intervensi, Hubungan) sebagai sistem pemantauan berasaskan data bagi mengenal pasti murid berisiko tinggi dan melaksanakan intervensi segera. Melaksanakan juga audit keselamatan di semua institusi pendidikan dalam pematuhan Prosedur Operasi *Standard* (SOP), operasi keselamatan dan melaksanakan Program Intervensi Bangkit Bermaruah (CSR) iaitu Program Khidmat Komuniti Masyarakat dan Pembangunan Sahsiah untuk murid yang digantung sekolah.

Negeri Johor juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas, Johor Safe Zone yang melibatkan beberapa portfolio EXCO Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan sekolah-sekolah di negeri Johor adalah tempat yang selamat. Langkah-langkah ini turut disokong oleh bimbingan berterusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Pejabat Pendidikan Daerah melalui sesi latihan, taklimat, perlaksanaan serta pemantauan berkala.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor sentiasa bekerja rapat dengan semua pihak berkepentingan melalui Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan juga telah menjalikan kolaborasi strategik dengan PDRM Kontijen Johor telah terlibat secara langsung dengan menempatkan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) menerusi Program Jom Ke Sekolah dan

Sekolah Rakan Cop Johor (SRJ) dan terkini adalah melalui penggunaan kod imbasan QR bagi pemeriksaan Polis Peronda di semua sekolah dan asrama sekolah dalam negeri Johor. Tugas pegawai PPS adalah membantu sekolah dalam menangani isu disiplin dan keselamatan, menjadi rujukan isu dan kes yang melibatkan perundangan, membuat rondaan dan pemantauan berkala, merangka dan menjalankan aktiviti pencegahan jenayah dan masalah disiplin pelajar dan memberi pendidikan keselamatan dan salah laku jenayah di sekolah.

Selain itu, semua agensi dalam Kerajaan Negeri Johor serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT), penglibatan ibu bapa, komuniti dan swasta (PIBKS) turut digerakkan untuk melaksanakan program pemulihan intervensi serta sosial serta bimbingan akhlak kepada murid yang berisiko. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua yang berada di dalam Dewan ini yang sentiasa cakna dan membantu dalam kempen Anti Buli dan salah laku dalam negeri Johor. Terima kasih kepada semua pegawai kerajaan. (Dewan bertepuk.)

Akhir sekali, semua pihak harus bekerjasama dalam memastikan isu masalah disiplin di sekolah dapat dicegah dan diatasi sebaiknya. Sokongan dan dokongan ibu bapa serta komuniti adalah amat penting dalam mendokong pertumbuhan sahsiah pelajar. Semoga anak-anak negeri Johor terus dilindungi dan dipelihara dari segala masalah jenayah agar menjadi individu dan masyarakat yang maju, berdaya saing serta tinggi akhlak budi pekerti, terima kasih.

YB Speker : Dijemput Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan terima kasih kepada YB EXCO yang memberikan jawapan. Dan, saya rasa untuk tujuan komunikasi yang lebih berkesan, saya mencadangkan agar kerajaan Johor membangunkan satu *Apps* yang selaras dan *standard* untuk semua sekolah di mana yang berfungsi sebagai satu saluran untuk pelajar dan ibu bapa untuk kemukakan aduan, makluman, maklum balas ataupun cadangan supaya menyenangkan ibu bapa dan pelajar untuk berkomunikasi dengan pihak sekolah, mengelakkan masalah tidak melaporkan sebarang kes, walaupun kes itu kecil atau dianggap remeh kerana sebarang makluman yang disalurkan mungkin berguna untuk pemantauan pada masa depan. Dan, aduan dan maklumat sebegini kepada sekolah juga mengelakkan ditapis dan tiada tindakan diambil. Jadi, soalan saya adakah kerajaan Johor boleh mempertimbangkan untuk membangunkan satu *Apps* untuk komunikasi untuk semua sekolah? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan : Terima kasih Yang Berhormat Stulang di atas soalan, terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Mungkin kita akan bawa kepada Jawatankuasa Johor Safe Zone tersebut. Dalam masa yang sama Yang Berhormat, dalam talian untuk kita merekod aduan di peringkat kerajaan negeri dan juga kerajaan pusat, kita dah ada talian yang diberikan mulai Program Talian *Whatsapp* Kementerian Pendidikan Malaysia dalam talian 014-8009325 yang telah kita adakan untuk memberi kepada ibu bapa dan juga guru-guru untuk melaporkan segala kejadian yang berlaku. Dalam masa yang sama di pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor juga ada talian *hotline* 24 jam, di talian 15999. Itu 2 talian yang kita ada untuk ibu bapa dan juga pihak sekolah menyampaikan maklumat tentang salah laku pelajar-pelajar di sekolah, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Gambir.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih YB EXCO di atas jawapan yang telah diberikan. Soalan tambahan saya adalah sejauh manakah keberkesanan Program Kempen Anti Buli yang telah pun diperkenalkan baru-baru ini, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan : Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempen Anti Buli #Johorsafezone dan Sekolah Bebas Buli yang dilaksanakan sebelum ini menunjukkan keberkesanan sederhana dengan peningkatan keselamatan murid dan guru terhadap pelaporan insiden buli. Namun, keberkesanan penuh masih bergantung kepada perlaksanaan di sekolah masing-masing. Antara indikator positif yang dicatat termasuk peningkatan kadar pelaporan awal oleh guru dan murid, peningkatan kehadiran murid ke sesi kaunseling dan intervensi tingkah laku, pengukuhan peranan guru disiplin serta PPS dalam rondaan *hotspot*. Untuk meningkatkan keberkesanan kempen ini, Kerajaan Negeri Johor melaksanakan tindakan seperti berikut. Pengukuhan pengawasan fizikal ke sekolah iaitu penetapan zone *hotspot* dengan rondaan wajib oleh PPS dan pentadbir serta kewajipan memasang CCTV berfokus di sekolah kategori risiko tinggi.

Seterusnya sistem pelaporan dan respon pantas iaitu penubuhan Unit Respon Segera (SPB) di peringkat daerah untuk turun ke sekolah dalam masa 48 jam. Seterusnya intervensi pelajar berisiko tinggi pengaktifan ujian *urine* berfokus bagi murid yang menunjukkan tingkah laku ganas atau penyalahgunaan bahan dan penyeragaman Prosedur Siasatan Dalaman iaitu semua sekolah mesti mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas 12/2023 Dalam Penyiasatan Dokumentasi dan Tatatertib serta fail kes diwajibkan lengkap dalam masa tujuh (7) hari bagi mengelakkan kelewatan tindakan. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempen Anti Buli ini telah dilakukan dengan secara baik dan dapat sokongan semua dan saya harap dengan adanya kempen ini akan mengurangkan lagi kes-kes tata salahlaku dalam negeri Johor ini, terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat, ada juga keperluan EXCO ataupun menteri, buat lawatan mengejut, jangan beritahu PPD, jangan beritahu sekolah, ya. Sebab saya ada pengalaman dahulu bila saya melawat satu sekolah di Putrajaya, bila saya masuk *Security Guard* tak tahan pun. Bila saya keluar saya tengok dia tengah baca surat khabar. Tapi bila saya pergi satu sekolah di pendalaman di Hulu Terengganu, dia tahan saya, dia tak bagi masuk selagi saya tak sain buku log. Ha itu yang betul. Jadi kita belum pernah mendengar kes orang luar serbu sekolah, tembak dan sebagainya seperti di luar negara. Jadi sebelum berlaku, kita kena pastikan benda ini dikawal lebih awal. Sebab itu perlu EXCO dan Menteri buat lawatan mengejut. Jangan beritahu pihak sekolah, jangan beritahu PPD dan sebagainya. Ok, saya jemput Yang Berhormat Parit Yaani. Ada. Ke dah lupa soalan?

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri (Parit Yaani) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 16.

Apakah langkah yang diambil bagi menggalakkan lebih ramai belia Johor kembali bekerja atau berniaga di negeri sendiri selepas tamat pengajian?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 17

Apakah usaha kerajaan negeri untuk mengurangkan penghijrahan belia kampung ke bandar serta menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan desa berpendapatan tinggi?

YB Speaker : Sila

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Panti dan juga Parit Yaani bersekali Yang Berhormat Datuk Speaker dengan soalan-soalan Yang Berhormat Panti berikutan dengan konteks dan tujuan

soalan yang hampir sama, iaitu soalan yang pertama, apakah langkah yang diambil bagi menggalakkan lebih ramai belia-belia Johor kembali bekerja atau berniaga di negeri sendiri iaitu Johor selepas tamat pengajiannya. Dan soalan daripada Yang Berhormat Panti iaitu apakah usaha-usaha kerajaan negeri bagi mengurangkan penghijrahan belia kampung ke bandar serta menggalakkan lebih ramai peluang-peluang pekerjaan di desa berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih dan juga tahniah Yang Berhormat Parit Yaani atas keprihatinan Yang Berhormat menggalakkan lebih ramai belia-belia Johor kembali menyumbang bakti semula ke negeri Johor yang kita sayangi, khususnya dalam sektor keusahawanan selain menggalakkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di kawasan-kawasan setempat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Dewan Negeri, untuk makluman antara geran permulaan perniagaan untuk anak-anak muda telah pun dilaksanakan merangkumi beberapa program atau beberapa siri program di bawah Perbadanan Usahawan Johor dan juga Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor. Untuk makluman, menerusi Perbadanan Usahawan Johor (PUJB) dengan satu program iaitu dipanggil *Mentor Mentee Zero To Hero.* Itu merupakan inisiatif di bawah Belanjawan 2025 bagi merupakan satu inisiatif yang cukup baik memperkasakan usahawan-usahawan belia bagi bertujuan untuk membimbing usahawan-usahawan yang baharu memulakan perniagaan menerusi konsep *mentor mentee* yang mana *mentor* akan dipilih daripada usahawan-usahawa yang terbukti berjaya dalam kelangsungan perniagaan mereka serta mampu berkongsi pengalaman dan juga membimbing sedikit sebanyak usahawan-usahawan muda untuk berjaya dan mengorak langkah dalam dunia perniagaan.

Program ini juga sedang dilaksanakan sehingga 3 bulan, programnya bermula pada bulan April hingga pada Ogos 2025 dengan memfokuskan dan tertumpu mengenalkan usahawan-usahawan baharu kepada usahawan Johor yang telah berjaya supaya dapat belajar melalui pengalaman-pengalaman daripada *mentor* mereka dan diakhiri program ini seramai 30 usahawan-usahawan belia menerima manfaat menerusi tawaran geran permulaan perniagaannya bermula RM10,000.00 seorang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada itu di bawah program-program, jabatan-jabatan, agensi di bawah Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor juga menerusi Yayasan Inovasi Malaysia contohnya, yang merupakan salah satu agensi di bawah MOSTI, iaitu MySis, program yang akar umbi merupakan sebuah projek yang bermatlamatkan dan mempertingkatkan dan memacu usaha-usaha pembangunan dan juga pengkomersilan inovasi peringkat akar umbi yang berpotensi di Malaysia melalui kolaborasi dengan pelbagai pihak seperti kerajaan, industri, masyarakat akar umbi dan juga golongan muda termasuk penyediaan peluang pembinaan dengan kapasiti kepada pihak-pihak yang terlibat.

Program ini bertujuan juga untuk mempertingkatkan usaha-usaha pembangunan dan juga pengkomersilan inovasi akar umbi merangkumi penyediaan peluang pembinaan, kapasiti kepada *inovator* dan juga akar umbi tempatan. Program ini untuk makluman turut sedikit sebanyak menambah nilai produk inovasi daripada pembangunan prototaip kepada pra pengkomersilan. Banyak lagi program-program untuk meningkatkan anak-anak muda untuk balik ataupun berpeluang dalam program-program keusahawanan. Contohnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah program SME Corp Malaysia sentiasa komited dalam memperkasakan belia-belia berkelayakan di negeri Johor. Antaranya program yang disediakan adalah program Tunas Usahawan Belia Bumputera (TIUB). Program ini menyediakan bantuan bagi pembangunan kapasiti berbentuk latihan, geran, permulaan perniagaan sehingga RM15,000.00 ribu sekiranya layak dan tamat latihan dan khidmat nasihat juga kepada belia Bumiputera yang berumur 18 tahun hingga 30 tahun diberikan. Belia Bumiputera yang terpilih akan didedahkan dengan pengetahuan-pengetahuan asas dan

juga menjalankan perniagaan seperti pengurusan akaun, asas sumber manusia, stok dan pemasaran melalui digital seperti *facebook, X, twitter,* edagang, *tik tok* dan sebagainya,

Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak lagi program-program kalau kita nak sebut, saya percaya dan saya yakin hari ini lebih 62,000 masyarakat di negeri Johor, khasnya telah mendaftar dalam sistem PADU, di situlah banyak program-program, banyak latihan-latihan ataupun sahaja yang boleh boleh mereka, kita bantu di peringkat PUJB kita akan bantu, sekiranya tidak dapat membantu, di bawah Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor yang mempunyai 49 agensi dengan satu (1) kolaborasi yang cukup hebat, kalau saya bentangkan, pada tahun lepas sahaja hampir sahaja RM700 juta kita telah kongsikan kepada usahawan-usahawan negeri Johor. Saya yakin, pada tahun ini apabila pembentangan belanjawan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang cukup komprehensif, saya yakin pada tahun ini lebih banyak dan saya lihat dari segi pembangunan akar umbi yang dititikberatkan oleh Yang Amat Berhormat, kita bermula berikan lebih tambah nilai peruntukan RM3.0 juta untuk usahawan-usahawan mikro dengan program khemah-khemah kita akan berikan kepada semua usahawan-usahawan yang baharu. (Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Datuk Speaker untuk menjawab soalan Yang Berhormat Panti, usaha-usaha kerajaan negeri juga untuk mengurangkan penghijrahan belia kampung ke bandar dan menggalakkan peluang-peluang pekerjaan di kawasan luar bandar yang berpendapatan tinggi dan berimpak, termasuklah kerajaan negeri sentiasa, kalau kita lihat sentiasa komited dan memastikan kesejahteraan dari segi sosio-ekonomi rakyat termasuk mengurangkan kadar penghijrahan belia luar bandar ke kawasan bandar melalui Unit Strategik Modal Insan (SMI) dan juga *Johor Talent Development Council* dengan pelbagai-pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi menggalakkan peluang-peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di kawasan luar bandar agar belia-belia kekal bekerja dan menetap di daerah masing-masing. Antara usaha-usaha yang boleh saya kongsikan di bawah portfolio saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan iaitu melalui program-program *out reach* iaitu karnival kerjaya yang dilaksanakan bersama kolaborasi inisiatif yang cukup baik dengan Program Jelajah Orang Johor dan juga Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor ini cukup-cukup terkesan. Program ini kita lihat berfungsi sebagai salah satu platfrom padanan pekerjaan di peringkat daerah dengan menghimpunkan pelbagai majikan strategik bagi membuka peluang kerjaya kepada penduduk tempatan termasuk golongan-golongan belia dan graduan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, kalau kita lihat peruntukan JOJ tahun hadapan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar meningkat naik. Betul ya Yang Berhormat Datuk Zahari, *so* saya mengharapkan pada tahun hadapan dengan adanya kolaborasi-kolaborasi ini dengan agensi-agensi padanan untuk kita membantu belia-belia dari segi usahawan *Expert Talent* ini kita bawakan agensi-agensi yang sewajarnya dan saya mengharap agensi-agensi sewajarnya seperti SMI, *Talent Development Centre* ini akan mengikuti program-program JOJ di 56 DUN pada tahun hadapan. Sekian itu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Saya jemput Panti dahulu.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang diberikan cuma saya tertarik dengan beberapa program yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO terutama tentang *Zero To Hero,* Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor. Soalan saya bagaimanakah kerajaan membuat pengukuran tentang kejayaan program-program yang disebutkan tadi atau impak yang telah memberi kesan kerajaan negeri atau negeri secara umumnya mungkin dari segi berapa ramaikah usahawan desa yang terlibat ataupun peluang-peluang pekerjaan yang telah dicipta hasil daripada program-program tersebut? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Panti. Soalan tambahan yang cukup baik

dengan program-program yang kita lihat, dengan program-program *Mentor Mentee* ini yang telah dilaksanakan pada tahun lepas kalau mengikut permintaan Yang Berhormat Panti memang cukup ramai tetapi dengan kapasiti peruntukan yang disediakan itu yang cukup-cukup *limited* sebanyak RM500,000.00 yang diperuntukan bagi program bimbingan *Mentor Mentee* ini untuk 11 usahawan belia dan yang baru memulakan perniagaan. Untuk makluman Yang Berhormat Panti, program ini diletakkan di bawah teras yang ke-6 iaitu Teras Orang Muda Johor dalam Belanjawan Johor 2025, menunjukkan ia dimasukkan dalam agenda strategik kerajaan negeri. Kalau kita nak lihat statistik berapakah yang diminta oleh YB Panti dan dengan berapakah peluang-peluang pekerjaan yang dari segi program *out reach* dalam program-program Jelajah Orang Johor, insya-Allah pihak saya dan juga SMI dan juga *Johor Talent* akan memberi satu jawapan bertulis berapakah jumlah yang kita dapat di 56 DUN untuk Jelajah Orang Johor, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat , oleh kerana soalan ini pada saya cukup penting dan ia juga dibangkitkan oleh Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor, saya jemput Yang Berhormat Tiram.

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Tiram nombor 18.

Apakah perancangan menangani kesesakan di HSA dan HSI dan KPI pengurangan masa menunggu di Jabatan Kecemasan?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Puteri Wangsa.

YB Puan Amira Aisya binti Abd. Aziz (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan saya nombor 19.

Susulan lawatan YAB Menteri Besar ke Hospital Sultan Ismail pada bulan Julai 2025 realiti kekurangan tenaga kerja kesihatan di negeri Johor amat menjadi kebimbangan rakyat Johor. Mohon kerajaan negeri menjelaskan langkah-langkah intenvensi yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah ini.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Senai.

YB Tuan Wong Bor Yang (Senai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, nombor 20.

Apakah sistem Smart Queue System (SQS) yang dilaksanakan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru berjaya memendekkan masa menunggu pesakit seperti perancangan? Adakah kemungkinan sistem ini akan diperluas di hospital lain seperti di Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai?

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Datuk Speaker kerana mengizinkan menjawab tiga (3) soalan yang mengenai sistem kesihatan dalam negeri Johor ini. Pagi hari berjalan-jalan, singgah sebentar beli jamu, Kurang garam seimbang badan, Kurang gula dan minyak jaga jantung selalu. Selamat pagi dan salam maju Johor kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan juga seisi Dewan sekalian. Terima kasih soalan daripada Tiram, Puteri Wangsa dan juga Senai yang apa ni kemukakan soalan mengenai inisiatif yang telah dilakukan di HSA ataupun HSI yang terutamanya bagi Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru (HSA), Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP) telah dipindahkan dari Zon Hijau Jabatan Kecemasan Trauma ke Bangunan Poliklinik Pakar dan kerajaan negeri telah menyalurkan bantuan sebanyak RM100,000.00 bagi menaik taraf peralaan kelengkapan di KRPSWP. Kerajaan negeri telah memberi bantuan dengan menempatkan personal Southern Voluenteer seramai 20 hingga 25 orang bagi membantu

kelancaran menggerakan pesakit di Jabatan Kecemasan dan Trauma dan juga wad. Kerajaan negeri juga telah menyediakan dana bagi membayar elaun *locum* untuk dua (2) orang pegawai perubatan *locum* 8:00 malam hingga ke 12:00 tengah malam oleh pegawai perubatan dari swasta dan 11:00 malam hingga 7:00 pagi oleh pegawai perubatan dari HSA JB.

Kerajaan negeri Johor telah memberi peruntukan bagi menaik taraf ruang menunggu bagi Zon Hijau di Jabatan Kecemasan dan Trauma HAS, JB supaya lebih selesa dan dengan berhawa dingin, sebelumnya tak ada berhawa dingin dan mulai sekarang kalau siapa yang pergi ke Jabatan Kecemasan dan Trauma tempat menunggunya telah mempunyai aircond. Dan pihak KKM juga dalam perancangan membina satu hospital baru iaitu HSA 2 JB dan dalam bajet tahun 2026 ia telah diluluskan dan telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang keenam, Hospital Pasir Gudang telah mula beroperasi sejak Julai 2025 iaitu Jabatan Kecemasan dan beberapa klinik pakar serta dua (2) wad telah mula operasi dan ia dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Mac tahun 2026. Dan Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi HSI pula di klinik pakar telah menggalakkkan pesakit hadir mengikut masa temu janji dan tidak hadir terlalu awal dan telah mula memindahkan sebahagian temu janji pesakit ke Hospital Pasir Gudang dan klinik kesihatan. Di wad pula bagi secara pengurusan dalaman kita telah menggunakan sistem mengoptimumkan pengunaan katil melalui *bed management unit* dengan izin, ataupun kalau di luaran kami menggunakan mengoptimumkan pengunaan katil melalui program hospital kluster di antara Hospital Pasir Gudang, Hospital Kota Tinggi dan Hospital Mersing.

Di Jabatan Kecemasan pula mendapat Pegawai Perubatan dan Pembantu Pegawai Perubatan dari luar HSI JB untuk turut berkhidmat bersama inisiatif *locum* yang ditanggung oleh kerajaan Negeri. Dan peluang berkhidmat di Zon Hijau melalui inisiatif Klinik Rawatan Pesakit Luar Waktu Pejabat KRPLWP turut dibuka kepada pegawai perubatan KKM selain dari HSI JB contohnya dari Hospital Pasr Gudang dan Hospital Sultanah Aminah. Dan untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, graf yang dipaparkan di LED skrin menunjukkan purata menunggu dalam jam bagi pesakit di Zon Hijau Hospital Sultan Ismail Johor Bahru, Zon Hijau merupakan sistem perawatan di Jabatan kecemasan bagi kes-kes yang dikategorikan sebagai tidak kritikal.

Selain dari jumlah pesakit dan jumlah anggota yang bertugas pada satu-satu masa, kesesakan di zon yang lebih kritikal seperti di Zon Kuning dan Zon Merah turut mempengaruhi waktu menunggu kerana susunan petugas perlu dibuat berdasarkan keperluan semasa. Penurunan waktu menunggu pada bulan Ogos hingga Oktober berbanding bulan Jun 2025 berkemungkinan dari inisiatif kerajaan negeri mewujudkan slot *locum* di Zon Hijau bermula pada pertengahan Julai 2025 yang boleh disertai oleh anggota kesihatan dari luar Hospital Sultan Ismail.

Di satu graf lagi yang telah ditunjukkan, dipaparkan graf ini antara menunjukkan dua (2) pecahan komponen melibatkan jumlah aduan dan aduan berkaitan waktu menunggu di Jabatan Kecemasan Hospital Sultan Ismail Johor Bahru telah menunjukan penurunan. Bagi *Smart Que System* (SQS) yang telah dilaksanakan di Hospital Sultan Aminah Johor Bahru. SQS telah dilancarkan pada bulan Julai 2025 secara berfasa iaitu dalam empat (4) fasa. Kini sistem ini adalah dalam fasa ke-3 dan fasa ke-4 akan bemula pada pertengahan bulan November 2025. Tujuan SQS adalah bagi mengurangkan masa beratur, mendapat nombor dan proses pendaftaran di Poliklinik Pakar HSA JB.

Time Motion Study dengan izin, bagi menentukan impak keberkesanan projek SQS ini adalah masih proses kajian. Kajian ini dianggarkan selesai pada akhir bulan Januari 2026. Laporan berkaitan akan dimajukan kepada kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) seawal bulan Februari 2026. Sekiranya sistem ini memberi impak yang besar, JKNJ akan mencadangkan untuk memperluaskan implementasi kepada hospital-hospital lain seperti Hospital Temenggung Sri Maharaja Tun Ismail Kulai. Walau bagaimanapun

pelaksanaan ini memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi dan permohonan peruntukan perlu mendapat kelulusan yang mengambil masa yang panjang. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Tiram dulu.

YB Tuan Azizul bin Bachok (Tiram) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan itu tadi. Yang Berhormat jika kita lihat di HSI itu sendiri terdapat satu Kesihatan Sultan Ismail dalam kawasan HSI. Sebagaimana saya pernah ditaklimatkan kehadiran ke KK HSI ini sendiri secara puratanya hampir 1,500 orang sehari, jadi saya rasa Tiram rasakan ianya juga menyumbang kepada kesesakan khususnya kesesakan *parking* kenderaan di kawasan HSI, jadi ada pandangan atau pun cadangan daripada pihak kerajaan tentang kesesakan parkir kenderaan yang berada di kawasan HSI, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Terima kasih soalan tambahan daripada YB Tiram. Yang Berhormat Datuk Speaker suka saya kongsikan dengan seisi Dewan, Klinik Kesihatan Sultan Ismail ini dia uniknya sedikit kerana dia terletak dalam kompaun dalam kawasan Hospital Sultan Ismail, *so* dia juga menyumbang kepada kesesakan kepada hospital dan juga parkir. Dan suka saya kongsikan dengan seisi Dewan sekalian pihak kerajaan negeri dengan menerusi inisiatif kerajaan negeri kami telah mengenal pasti satu kawasan yang terletak di Pusat Komersial Mount Austin yang lebih kurang jaraknya 3 km daripada klinik yang sedia ada dan kita telah menyewakan satu bangunan yang asalnya adalah pasar dan dengan peruntukan kerajaan negeri kita menaik tarafkannya sebagai satu klinik kesihatan.

Dan mudah-mudahan kerja menaik taraf telah selesai sekarang dalam proses pemindahan mudah-mudahan akan beroperasi pada pertengahan bulan Disember nanti dan Klinik Ibu dan Anak dalam Klinik Kesihatan Sultan Ismail akan dipindahkan ke dalam bangunan fasa asalnya di Pusat Komersial Mount Austin tersebut dan juga perkhidmatan pengambilan ubat, *drive thru* juga akan dipindahkan ke bangunan yang baru. Mudah-mudahan dengan ada program decanting dapat mengurangkan kesesakan di KK HSI dan juga dapat apa ni melegakan situasi kekurangan parkir di kawasan HSI ini, terima kasih.

YB Speaker : Jemput Puteri Wangsa.

YB Puan Amira Aisya binti Abd Aziz (Puteri Wangsa) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan itu tadi. Kita semua sedia maklum bahawa dalam negara Malaysia ini kita ada kekurangan tenaga kerja kesihatan di mana laporan menunjukkan 2020 sehingga 2024, lebih 9,000 tenaga kerja kesihatan kita berhijrah ke luar negara. Dan kalau di Johor lebih 15 hingga ke 18,000 jururawat kita yang tidak bekerja dalam Johor tetapi bekerja di Singapura. Saya faham bawa isu ini adalah isu yang berat dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga sudah memberikan komitmen untuk berbincang dengan kerajaan persekutuan.

Pertama saya harapkan agar ada respon dalam ucapan Yang Berhormat EXCO atau pun Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam penggulugan nanti respon daripada kerajaan persekutuan supaya semua ADUN tahu tentang apa yang kerajaan persekutuan rancangkan supaya kita dapat pastikan tenaga kerja kesihatan kekal dalam Malaysia dan kedua saya ingin bertanya kerana strategi di Johor pula berbeza kerana mudah untuk mereka berpindah ke Singapura. Sekiranya ada inisiatif atau pun insentif berbeza daripada kerajaan negeri untuk pastikan tenaga kerja kesihatan kita tak keluar daripada Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih soalan tambahan, soalan yang baik daripada Puteri Wangsa. Yang Berhormat Datuk Speaker kami tak boleh nafikan kami berada di dalam situasi pengurangan tenaga kerja khususnya dalam sistem perubatan, bukan saja di negeri Johor tetapi seluruh Malaysia dan dengan inisiatif kerajaan negeri, kami telah menubuhkan satu Jawatankuasa Taskforce bersama di antara kerajaan negeri dan juga pihak Kementerian Kesihatan dan antaranya satu isu yang kami

sering bincangkan dalam *Taskforce* tersebut adalah cara penyelesaian untuk apa ni kekurangan kakitangan dalam sistem perubatan di sini.

Mudah-mudahan dengan adanya *Taskforce* kami dapat bekerjasama dengan pihak kementerian supaya dapat menyalurkan lebih ramai lagi petugas kesihatan ke negeri Johor ini dan pihak Kementerian telah, menerusi beberapa inisiatif mereka telah apa ni menerima doktor-doktor kontrak tersebut menjadikan dia sebagai doktor *permanent,* mudah-mudahan dengan adanya inisiatif tersebut kita dapat mengekalkan lebih ramai lagi doktor atau pun jururawat yang masih berkontrak menjadi *permanent,* boleh mengekalkan mereka dalam sisem perubatan kita. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada soalan lisan yang belum di jawab akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Persidangan ini saya tangguhkan selama 20 minit dan kita akan masuk balik pada 11:35 pagi. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:10 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:30 pagi.

Jurutulis : **PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.**

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112 (2), maka perbahasan atas Rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini. Dimaklumkan bahawa tempoh perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah selama tiga (3) hari iaitu mulai hari ini 17 November hingga 19 November 2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menyeru nama kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat berdasarkan senarai giliran yang saya perolehi. Untuk pencadang rundingan, masa yang diberikan ialah 40 minit, penyokong diberi masa 30 minit, pengimbang kerajaan diberi masa 30 minit. Manakala Ahli-Ahli Dewan yang lain akan diberi masa 20 minit sahaja.

Bagi membolehkan lebih ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berucap, saya memohon kerjasama semua agar menepati masa yang diberikan. Suka saya mengingkatkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya menjaga adab dan tatatertib ketika berada dalam perbahasan di dalam Dewan ini, selaras dengan Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bil. 45.

Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025 dimulakan sekarang. Dijemput Yang Berhormat Kukup.

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) : Bismillahirahmanirahim, (Doa). Assalamualaikum warahmatullahitaalahi wabarakatauh salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Dari Kukup ke Johor Bahru, semangat Johor terus membara, Bangsa Johor teguh bersatu, maju negeri rakyat sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana memberi ruang serta peluang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Johor 2026 pada pagi yang penuh bermakna ini. Saya juga juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi Menteri Besar Johor atas kejayaan beliau membentangkan Belanjawan Negeri Johor 2026 pada hari Khamis yang lalu selama hampir 1 jam 30 minit yang turut disiarkan secara langsung, *live streaming* melalui laman rasmi *facebook* Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dengan tema "Bangsa Johor Sejahtera".

Bagi Belanjawan Negeri Johor 2026, Yang Amat Berhormat Menteri Besar memaklumkan bahawa unjuran hasil negeri adalah sebanyak RM2,557,750,000.00. Manakala unjuran perbelanjaan negeri pula dianggarkan sebanyak RM2,546,293,000.00. Ini bermakna

Belanjawan Johor 2026 sekali lagi merupakan belanjawan lebihan *surplus* dengan jumlah sebanyak RM4,457,000.00.

Pencapaian ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Johor telah berjaya mengekalkan belanjawan lebihan selama tiga (3) tahun berturut-turut. (Dewan bertepuk.) Satu rekod yang amat membanggakan dan mencerminkan pengurusan fizikal yang berdisiplin, telus serta berkesan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Belanjawan yang dibentangkan ini mencerminkan kerajaan negeri yang stabil, makmur dan berdaya saing yang diterajui oleh Barisan Nasional yang sentiasa cakna kepada keperluan rakyat Bangsa Johor seperti pepatah Melayu berkata, "Orang berbudi, kita berbahasa; orang memberi, kita merasa". Setiap sokongan rakyat wajar dibalas dengan inisiatif yang membawa kesejahteraan bersama. Alhamdulillah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta barisan kepimpinan kerajaan negeri yang berjaya menyediakan Belanjawan Johor 2026 berasaskan 6 teras Maju Johor dengan 260 inisiatif bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri agar manfaatnya dapat dinikmati seluruh rakyat.

Belanjawan ini bersifat inklusif, memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, tanpa mengira kaum, latar belakang pendidikan atau tahap pendapatan. Daripada penjawat awam negeri dan persekutuan hingga golongan kurang berkemampuan dan Orang Kurang Upaya, semuanya turut mendapat perhatian. Malah pemeliharaan alam sekitar serta keseimbangan ekosistem flora dan fauna turut diberi keutamaan.

Bagi memastikan kejayaan Belanjawan Johor 2026, marilah kita bersatu hati dan bekerja sebagai satu pasukan, sama ada pihak kerajaan mahu pun pengimbang demi pembangunan negeri yang kita cintai ini. Dengan kesepaduan ini, impian menjadi Johor sebagai negeri maju menjelang 2030 pasti dapat direalisasikan. Saya mengharap pihak pengimbang ketika Belanjawan dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mereka tidak mengangkat tangan. Tetapi saya lihat mereka tersenyum lebar walau pun mereka tidak mengangkat tangan menyatakan sokongan, saya faham mereka ibarat, anak dara yang dipinang anak raja, diam tanda setuju. Betul? (Dewan bertepuk.)

Yang Berhormat Datuk Speaker, peruntukan khusus kerajaan persekutuan kepada Kerajaan Negeri Johor. Kerajaan persekutuan telah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap kemajuan negeri Johor melalui pelbagai inisiatif dan projek strategik. Antaranya, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), dana pembangunan awam termasuk naik taraf lebuhraya Senai-Desaru Fasa 2A, Cahaya Baru ke Sungai Johor bagi memperkukuhkan hubungan logistik antara dua wilayah ini. Projek ini dijangka menarik pelaburan bernilai tinggi dalam sektor digital, logistik dan tenaga hijau serta membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Johor. Projek naik taraf jalan persekutuan dan negeri termasuk persimpangan seksyen 16 Johor Bahru-Kulai-Gelang Patah dan Jalan Parit Panjang-Ayer Baloi ke Tol Sedenak-Pontian bagi meningkatkan kelancaran trafik serta merancakkan pembangunan luar bandar dan kawasan industri.

Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB), Sungai Mengkibol-Kluang, RTB Sg. Chaah, Segamat akan mengurangkan risiko banjir melindungi lebih 20,000 penduduk dan kawasan pertanian. Peningkatan kemudahan awam di Johor Bahru, penggantian lif dan eskalator di Jalan Sultan Iskandar (CIQ), serta naiktaraf kemudahan di Johor Bahru Sentral memudahkan urusan rentas sempadan dan pelancongan. Infrastruktur digital dan ekonomi hijau, Johor menjadi hub penting projek MADANI *Submarine Cable System* dan pelaksanaan projek tenaga solar berskala bersar oleh GLC memperkukuh agenda tenaga hijau negara. Sektor pertanian dan perikanan lestari. Penambahan peruntukan bagi program peningkatan hasil pertanian dan pembangunan pelabuhan perikanan untuk meningkatkan pendapatan nelayan dan petani tempatan.

Inisiatif penjawat awam dan pekerja GIG. Kira-kira 140,000 penjawat awam persekutuan di Johor menerima bantuan RM500.00, manakala kerajaan negeri menambah RM500.00 lagi sebagai inisiatif khas buat kali pertama dalam sejarah negeri Johor. (Dewan bertepuk.) Selain itu, perlindungan sosial diberikan kepada pekerja GIG, seperti pemandu e-hailing dan penghantar makanan di Johor Bahru dan Iskandar Puteri.

Pemuliharaan alam sekitar dan eko-pelancongan. Peruntukan RM5 juta untuk pembanguan fasa ke-2, Pusat Santuari Gajah Negeri Johor. YB Sedili jangan takut, sudah ada orang yang akan melindungi gajah tuan-tuan di sana.

Secara keseluruhan, Belanjawan 2026 memperlihatkan perhatian serius kerajaan persekutuan terhadap kemajuan Johor. Dan kami merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan persekutuan atas sokongan dan peruntukan strategik. Ini memperkukuhkan Johor sebagai negeri maju, stabil dan pintu utama masuk utama negara ke rantau Asean.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang menzahirkan kepentingan tinggi terhadap isu-isu rakyat serta masa depan pembangunan negeri Johor. Titah Tunku bukan sekadar ingatan tetapi sebagai penegasan agar negeri Johor diberi perhatian sewajarnya oleh kerajaan persekutuan. Saya menyatakan sokongan penuh terhadap titah Tunku yang menekankan keperluan mempercepatkan projek pembangunan dan infrastruktur persekutuan masih tertangguh di negeri Johor.

Johor bukan sahaja menjadi pintu masuk utama negara, malah merupakan antara penyumbang pelaburan tertinggi kepada Malaysia melalui sektor perindustrian, pelabuhan, logistik, teknologi dan pelancongan dengan kedudukan strategik yang menghubungkan Malaysia – Singapura, Johor secara konsisten menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi nasional. Namun begitu, beberapa projek infrastruktur kritikal masih tidak bergerak pada kadar yang sepatutnya, seperti peningkatan sistem pengangkutan dan aliran pelancongan yang amat penting bagi menjelang Tahun Melawat Johor 2026. Naik taraf prasarana pengurusan banjir dan sistem aliran di kawasan berisiko tinggi, pembangunan fasiliti kesihatan dan pendidikan termasuk hospital baru yang telah diumumkan tetapi belum menunjukkan kemajuan signifikan. Pemerolehan aset strategik persekutuan bagi menyokong sektor maritim dan mobiliti di wilayah selatan.

Titah Tunku turut menekankan kepentingan menyelesaikan isu-isu besar, khususnya kesesakan lalu lintas di Johor Bahru terutamanya apabila projek RTS beroperasi kelak dan keperluan penyelesaian menyeluruh seperti sistem pengangkutan bertingkat dan infrastruktur alternatif di Bukit Cagar. Kelewatan projek kesihatan utama termasuk Hospital Pasir Gudang, isu-isu berpanjangan di Hospital Sultanah Aminah serta kemajuan projek HSA 2 yang masih tidak kukuh.

Keprihatinan ini membuktikan bahawa Tunku sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat dan menitikberatkan mutu perkhidmatan awam. Maka, saya mendesak kerajaan persekutuan untuk memberikan komitmen yang lebih jelas, tegas dengan menyalurkan peruntukan berskala besar dan segera, menetapkan garis masa yang ketat dan telus, mengurangkan kerenah birokrasi yang melambatkan kelulusan projek, memberikan keutamaan kepada projek-projek yang memberikan impak langsung kepada rakyat Johor.

Sehubungan itu, saya juga menyeru agar kerajaan persekutuan mengambil serius titah Tunku, manakala kerajaan negeri akan terus bekerjasama secara konstruktif bagi memastikan isu-isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan segera. Jika kita mahu Johor terus menjadi pemangkin pertumbuhan Malaysia, maka sokongan persekutuan tidak boleh lagi bersifat separuh hati atau sekadar di atas kertas. Johor telah memberi sumbangan besar kepada negara. Kini, tiba masanya kita menerima sokongan setimpal agar pembangunan

negeri ini berkembang pesat dan memberi manfaat menyeluruh kepada rakyat. Dengan semangat Bangsa Johor Sejahtera, saya yakin Johor akan terus mara ke hadapan mendokong visi Johor Maju 2030.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini izinkan saya menumpukan perhatian kepada 2 agenda besar yang menjadi denyut nadi kesejahteraan Johor dalam Belanjawan Johor 2026. Ini iaitu pemerkasaan ekosistem halal dan pengukuhan jaringan keselamatan sosial. Kedua-dua fokus ini bukan sahaja menjadi tuntutan semasa, malah menjadi asas kepada pembinaan negeri yang berdaya tahan, inklusif dan sejahtera.

Belanjawan Johor 2026 membawa banyak inisiatif positif. Namun, untuk menjadikan Johor benar-benar bersedia menghadapi ekonomi masa depan 2 teras ini, Halal dan Keselamatan Sosial perlu ditambahbaik dengan pendekatan strategik berasaskan data dan berimpak jangka panjang. Kita perlu melihat industri halal bukan sekadar pensijlian tetapi sebagai ekosistem, ekonomi bernilai tinggi yang melahirkan pekerja profesional dan peluang eksport. Kita juga perlu melihat keselamatan sosial bukan sekadar bantuan tunai tetapi sebagai platform mobiliti sosial untuk mengeluarkan keluarga dari perangkap kemiskinan secara mampan. Hanya dengan kombinasi dasar yang berani, kritikal dan berkesan, Johor mampu muncul sebagai negeri yang bukan sahaja makmur, tetapi adil, berdaya tahan dan berintegriti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penubuhan Johor Halal Development Corporation (JHDC) adalah baik, tetapi ianya perlu penjelasan yang lebih jelas. Transformasi PIJ Halal Ventures kepada Johor Halal Development Corporation merupakan langkah positif namun mandat Johor Halal Development Corporation masih belum dihuraikan secara terperinci, sama ada ia bertindak sebagai *regulator, enable*, pemudahcara atau v*ehicle* pelaburan. Kekaburan mandat ini boleh menyebabkan pertindihan dengan agensi seperti JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, MPOB dan MITI. Saya ingin mencadangkan supaya garis skop jelas Johor Halal Development Corporation dalam dokumen dasar negeri.

Yang kedua, bentuk *Halal Steering Council* melibatkan industri, akademik dan ulama untuk memastikan ketelusan serta libat urus yang lebih kukuh. Dengan jumlah pensijilan halal kepada 500 usahawan adalah merupakan sasaran yang rendah dan impak yang terhad. Dengan jumlah usahawan Muslim di Johor melebihi 200,000, sasaran 500 usahawan bersijil halal terlalu kecil dan tidak mencerminkan potensi negeri. Kukup ingin mencadangkan supaya tingkatkan sasaran kepada sekurang-kurangnya 5,000 usahawan dalam tempoh lima (5) tahun. Laksanakan kaedah *cluster-based halal upgrading*, contohnya kluster makanan laut boleh dilakukan di Pontian, *cluster-bakery* Batu Pahat, kluster herba boleh buat di Kluang.

Profesional bakat halal baik tetapi *fragmanted*. Kursus profesional halal eksekutif dan auditor adalah usaha baik, tetapi pendekatan semasa bersifat terpencil ini tidak diintegrasi dalam ekosistem pekerjaan. Kukup ingin mencadangkan satu Akademi Profesional Halal Johor dengan kerjasama universiti dan industri dibentuk, mewujudkan halal *career pathway* dengan standard gaji industri, memasukkan modul halal dalam TVET arus perdana bukan hanya program terpencil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas komitmen berterusan kerajaan negeri melalui Bantuan Kasih Johor dalam Belanjawan 2026. Ia merangkumi lebih 20 kategori penerima menunjukkan kesungguhan kerajaan menyantuni rakyat termasuk di DUN Kukup dan daerah Pontian.

Bantuan *one-off* ini memberi impak segera tanpa mengira latar belakang ekonomi atau lokasi, namun di lapangan terdapat keresahan daripada masyarakat kampung dan bimbang tercicir kerana tidak tersenarai atau tidak berdaftar dalam mana-mana sistem bantuan sedia ada. Isu ini menggambarkan cabaran yang lebih besar iaitu ekosistem keselamatan sosial yang terlalu

bergantung kepada bantuan tunai, infak dan bantuan makanan tetapi belum cukup kukuh untuk melonjakkan mobiliti sosial kumpulan rentan.

Bantuan tunai dan program kebajikan memang membantu keperluan mendesak tetapi tidak menyelesaikan masalah asas seperti pendapatan tidak stabil, peluang pekerjaan terhad dan kenaikan kos sara hidup. Oleh itu, pelaksanaan Bantuan Kasih Johor perlu digabungkan dengan strategi jangka panjang yang lebih mampan. Kukup mencadangkan:

1. Sistem pendaftaran dan daftar bersepadu. Mewujudkan *Integrated Poverty Database* Johor supaya data MAINJ, JKM, e-Kasih, PBT dan agensi negeri dapat dipadankan secara automatik memastikan tiada pertindihan bantuan dan tiada rakyat yang layak tercicir.

2. Pendaftaran bergerak ke kampung dan pesisir, program *mobil registration* di kampung, pulau dan kawasan pendalaman untuk membantu mereka yang tidak mempunyai akses kepada pejabat kerajaan.

3. Audit pelaksanaan dan libat urus masyarakat. Pemantauan berkala oleh agensi negeri dengan penglibatan penghulu, ketua kampung dan NGO tempatan bagi memastikan bantuan sampai kepada sasaran sebenar.

4. Mengurangkan kebergantungan bantuan tunai. Mengalihkan sebahagian peruntukan tunai kepada program peningkatan pendapatan seperti projek ekonomi kecil, keusahawan komuniti dan latihan kemahiran, memperkenalkan *social mobility lab* khusus untuk asnaf dan keluarga rentan sebagai platform intervensi berfokus.

5. *Exit plan* untuk penerima bantuan. Penerima bantuan makanan seperti Gerobok Rezeki, Dapur Kasih atau Infak Jumaat perlu ditawarkan laluan keluar melalui program pekerjaan, peningkatan kemahiran dan sokongan keusahawan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan menambah baik mekanisme pelaksanaan bakul Kasih Johor dan mengukuhkan strategi keselamatan sosial jangka panjang, saya yakin bantuan kerajaan negeri bukan sahaja menyantuni ramai tetapi benar-benar mampu mengeluarkan keluarga rentan daripada kitaran kemiskinan. Ini bukan sekadar menunaikan tanggungjawab kebajikan tetapi membina sebuah negeri yang berdaya saing, sejahtera dan meninggalkan tiada siapa di belakang. Inilah makna sebenar Bangsa Johor Sejahtera. Bukan hanya slogan tetapi realiti yang dirasai rakyat dari bandar sampai ke pendalaman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk menguruskan segala Bakul Bantuan Kasih Johor ini kadang-kadang Pejabat DUN pun kekurangan bantuan untuk pengurusan. Jadi apalah salahnya setiap kali projek ini ditambah sedikit untuk urusan pengurusan kerana apabila ramai datang sudah tentulah untuk minum dan makan. Ada juga yang terpaksa disewa. Jadi mohonlah Yang Amat Berhormat Menteri Besar mohon mempertimbangkan setiap kali penyaluran Bakul Bantuan Kasih Johor ini ada disertakan dengan bantuan pengurusan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menekankan bahawa Belanjawan Negeri Johor 2026 bukan sahaja bersifat strategik bagi keseluruhan negeri tetapi juga banyak memberi manfaat yang jelas dan signifikan khususnya di DUN Kukup serta daerah Pontian.

1. Melalui peruntukan penyelenggaraan jalan negeri, jalan kampung dan jalan pertanian. Penduduk Kukup dan Pontian akan menikmati akses lebih lancar ke kawasan peladangan, pelabuhan kecil serta kawasan pesisir.

2. Projek pembangunan ekonomi seperti peningkatan Pasar Borong Pontian akan memberi manfaat langsung kepada nelayan, petani dan peniaga tempatan. Dengan

adanya peningkatan Pasar Borong Pontian ini menyediakan kemudahan moden, cekap dan peluang perniagaan yang lebih luas.

3. Projek pemuliharaan alam sekitar dan eko pelancongan termasuk tebatan banjir, penghijauan dan perlindungan hutan bakau di kawasan pesisir seperti Tanjung Piai dan Kukup bukan sahaja memelihara alam sekitar tetapi turut membuka peluang ekonomi melalui pelancongan lestari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat mengalukan peruntukan bajet bagi pembinaan kemudahan hab ekonomi belia Pontian di Pusat Perdagangan Pontian. Inisiatif ini bukan sahaja mengisi jurang fasiliti pembangunan belia di daerah Pontian, malah menjadi lonjakan baharu kepada agenda merakyatkan ekonomi dan memperkukuhkan peranan anak muda sebagai pemacu pembangunan masa depan. Projek ini atau pun hab ekonomi belia ini perlu menjadi pemangkin ekonomi serantau melalui penyediaan, penyediaan ruang usahawan dan inkubator perniagaan. Ini boleh membimbing belia memulakan perniagaan kecil, urusan sosial serta inovasi komersial.

Kedua, Pusat Latihan Kemahiran Digital dan Teknikal yang memberi penekanan kepada kemahiran masa depan seperti teknologi maklumat, pemasaran digital, automasi asas kewangan perniagaan dan transformasi digital IKS.

Ketiga, kemudahan aktiviti kreatif dan inovasi belia termasuklah ruang produksi kreatif, bengkel reka bentuk, *marker space* dan studio kecil.

Keempat, *platform* program dan ekspo industri yang membolehkan kerjasama dengan industri, agensi kerajaan seperti teknologi koperasi dan komuniti setempat. Melalui program berkala seperti ekspo belia, pameran kerjaya, *showcase,* inovasi, dialog industri dan festival usahawan Pontian dapat menarik lebih banyak aktiviti ekonomi berskala daerah dan wilayah.

Dengan kemudahan yang terancang dan berfokus, hab ekonomi belia ini bakal memperkukuhkan ekosistem ekonomi setempat. Impak bukan sahaja pada peluang pekerjaaan dan peningkatan pendapatan belia, tetapi kepada peniaga kecil, ekonomi digital, aktiviti kreatif dan pembangunan komuniti. Peranan strategik pusat perdagangan Pontian sebagai lokasi memberi nilai tambah kedudukannya yang matang sebagai kawasan tumpuan perniagaan menjadikan idea sebagai pusat rujukan pembangunan belia. Dengan pelaksanaan yang cekap, hab ini berpotensi menjadi contoh model pembangunan belia negeri seiring dengan visi Johor Maju 2030. Harapan bagi kawasan Pontian dan DUN Kukup khususnya amat tinggi. Janganlah esok hab belia hanya merupakan satu bangunan kosongan sahaja untuk mengumpulkan belia tanpa ciri-ciri yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin membangkitkan perbahasan ini berkaitan dengan Tahun Melawat Johor 2026 yang kini semakin hampir tinggal hanya sebulan lagi. Alhamdulillah syukur kepada Allah atas usaha-usaha dan kerja-kerja promosi yang dijalankan oleh kerajaan negeri dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar dan berkesan. Seharusnya meletakkan Johor sebagai salah satu destinasi pelancongan utama Malaysia di rantau asia. Kerajaan negeri Johor melalui *Majestic Johor, Tourism Johor,* Pejabat Daerah, dan agensi berkaitan untuk menggerakkan pelbagai inisiatif pelancongan khususnya di kawasan DUN Kukup.

Antaranya ialah meningkatkan tarikan pelancong, pembangunan dua (2) tarikan utama di DUN Kukup iaitu Tanah Penghujung Benua Asia di Tanjung Piai dan Pulau Kukup, Pulau Bakau kedua terbesar di dunia. Kedua-dua hampir siap sepenuhnya untuk menerima pengunjung. Tarikan ini bukan sahaja menawarkan keindahan alam semula jadi tetapi juga membawa nilai sejarah biodiversiti pendidikan, penyelidikan kesedaran alam sekitar, manfaat ekonomi kepada masyarakat kampung. Kemasukan pelancongan ke Kukup, Tanjung Piai membuka peluang kepada penduduk kampung, pengusaha *homestay*, kedai makan,

pemandu bot, agen pelancongan serta industri IKS. Kerajaan juga memperkenalkan pengurangan harga tiket dan pakej promosi menarik bagi menggalak lebih ramai lagi pelancong domestik berkunjung.

Promosi publisiti yang menyeluruh berbagai festival, program budaya, aktiviti eko pelancongan serta kempen media sosial dan digital telah dijalankan. Penerbitan bahan promosi pelbagai bahasa, dokumentasi pendek, dokumentari pendek dan kerjasama dengan media nasional serta antarabangsa meluaskan capaian promosi. Kerjasama dengan hotel, restoran, syarikat penerbangan dan pengangkutan membolehkan penyedia, menyediakan pakej pelancongan yang lengkap, promosi *bundle* tiket, laluan lawatan strategik di seluruh Johor, penambahan baik laluan masuk, papan tanda awam, *walkway*, tempat rehat dan kemudahan asas selain memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung. Sudah tentu segala yang kita buat ini ada cabaran dan kekurangannya. Walaupun banyak kejayaan dicapai, terdapat aspek-aspek yang perlu diperkukuhkan:

Pertama, promosi visual belum mencukupi terutamanya *billboard* secara strategik, papan iklan di lokasi tumpuan, pemasaran digital dan juga penyertaan dalam pameran pelancongan global perlu dipertingkatkan. Kukup ingin mencadangkan agar kerajaan negeri mempertimbangkan beberapa inovasi-inovasi tambahan:

i. Pakej pelancongan berkumpulan dan diskaun untuk sekolah, IPT dan syarikat.
ii. Promosi melalui *influencer* antarabangsa dan platform digital global untuk menarik pelancong luar negara, dan juga;
iii. Pemantauan penilaian berkala terhadap bilangan pelawat tahap kepuasan pelancong dan juga impak ekonomi kepada peniaga tempatan dan komuniti.

Langkah ini memastikan setiap usaha promosi memberikan pulangan terbaik kepada negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya yakin bahawa gabungan perancangan rapi, promosi menyeluruh, penglibatan komuniti dan kerjasama sektor swasta akan menjadi Tahun Melawat Johor 2026 sebagai pemangkin utama pembangunan pelancongan negeri. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan pelancong malah menaikkan pendapatan penduduk, memperkukuhkan ekonomi setempat, memartabatkan warisan Johor dan menempatkan Johor sebagai destinasi pelancongan unggul di Malaysia dan Asian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin membawa juga isu-isu yang berkaitan dengan DUN Kukup. Yang pertama, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia iaitu isu infrastruktur yang semakin membimbangkan keadaan jalan rosak dan tidak selamat di Laluan *Tanjung Bin Industrial Park* menuju ke Jambatan Sungai Pulai. Laluan ini menggabungkan Gelang Patah ke Kukup, sekali lagi EXCO Kerja Raya tak ada. Yang lepas pun saya membangkitkan perkara ini tidak mendapat jawapan yang tuntas. Saya berharap perkara ini dapat dilaporkan dan saya perlukan jawapan untuk kemasalahan masyarakat di Kukup.

Isu jalan ini bukan perkara baharu malah telah lama berkali dibangkitkan persoalan utama ialah bilakah penyelesaian yang menyeluruh dan tuntas dapat direalisasikan. Ini bukan soal keselesaan pengguna, tetapi juga menyentuh keselamatan nyawa. Kerosakan jalan ini sangat serius, permukaan yang beralun tidak rata terutamanya apabila treler dan lori tangki berat menggunakan jalan kampung untuk menuju ke Perindustrian Tanjung Bin. Situasi ini berlaku laluan daripada Sungai Pulai ke Tanjung Bin Industrial Park belum dibuka. Inilah yang menyebabkan lori-lori tangki masuk ke kampung-kampung kerana jalan tidak dibuka sekali.

Saya ingin bertanya apakah pelan jangka panjang kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah laluan ini?Bilakah laluan rasmi dari Jambatan Sungai Pulai ke Tanjung Bin ini akan dibuka sepenuhnya kepada kenderaan berat? Yang ketiga, bilakah pihak Seaport Worldwide Sendirian Berhad dijangka menyerahkan kawasan dan asset berkaitan kepada kerajaan

negeri dan pusat? Pada masa yang sama saya ingin merakamkan penghargaan atas kemajuan pelaburan di kawasan ini khususnya projek besar seperti Tanjung Bin Power Plant yang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Johor, membuka peluang pekerjaan serta mengukuhkan kedudukan negeri sebagai hub tenaga perindustrian strategik negara. Walau bagaimanapun kemajuan pelaburan mestilah disokong oleh sistem infrastruktur yang cekap, selamat dan berkualiti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menarik perhatian berhubung dengan persediaan menghadapi banjir dan Monsun Timur Laut yang semakin menjadi cabaran kepada kerajaan negeri Johor, khususnya di kawasan persisiran dan kawasan rendah. Dalam menghadapi musim monsun beberapa langkah persediaan perlu diberi tumpuan seperti menyelenggara, membersih longkang dan parit, memastikan sistem pemantauan cuaca dan amaran banjir berfungsi dengan baik. Menetapkan zon larangan pembangunan dan memastikan rumah serta struktur di kawasan rendah dilindungi. Menjalankan program kesedaran kepada penduduk kampung dan lain-lain komuniti, menyediakan pusat pemindahan sementara lengkap dengan bekalan makanan, ubat, tempat tidur dan kemudahan asas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada YB Pemanis selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam. Banyak juga yang telah kami bincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Iklim, tapi apa yang menyedihkan ada juga perkara-pekara yang dikemukakan tidak mendapat tindakan segera daripada pihak kerajaan. Inilah kita tidak mahu ada risiko-risiko yang terjadi dan kita hanya untuk mengurangkan risiko ini dengan membaiki segala perkara-perkara yang telah kita nyatakan. Kita tidak mahu hanya memberi bantuan secara *one off* kepada mangsa-mangsa banjir, tetapi secara tuntas dan dalam jangka masa panjang segala apa yang dikemukakan ini perlu diambil perhatian oleh jabatan-jabatan yang berkenaan.

Rakyat Johor mengharapkan lebih daripada sekadar bantuan sementara, perlu ada strategi menyeluruh dan berterusan, termasuk penyelenggaraan sistem saliran, tebatan banjir, pemantauan risiko dan pendidikan komuniti, supaya kesan banjir dapat diminimumkan dan tragedi yang sama tidak berulang dari tahun ke tahun. Saya juga ingin mengetahui bagaimana kerajaan negeri merancang untuk memastikan keselamatan nyawa, harta benda dan kelangsungan ekonomi rakyat di jamin secara berkesan, bukan sekadar memberi bantuan selepas tragedi berlaku. Adakah perancangan ini melibatkan kolabarasi antara semua agensi teknikal, Pihak Berkuasa Tempatan dan komuniti setempat untuk memastikan langkah pencegahan yang berkesan dan lestari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyampaikan di kesempatan ini mengenai hakisan pantai di kawasan Rimba Terjun. Saya menyatakan bahawa isu ini amat mendesak dan perkara ini telah pun saya bangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah bersama dengan pihak EXCO. Kita hanya di peringkat awal mendapat peruntukan yang kecil RM500,000.00 hanya untuk membina hakisan sepanjang 100 meter, tetapi kalau dilihat hakisan ini amat panjang dan ianya melibatkan kawasan perumahan yang berhampiran, kawasan-kawasan bakau yang sepatutnya menjadi penampan kepada kawasan pantai tersebut telah habis lesap sama sekali. Sebab itulah saya beberapa kali membangkitkan supaya masalah hakisan di Pantai Rimba Terjun ini dapat ditangani segera, kerana ianya amat membimbangkan, terlalu hampir dengan kawasan perumahan penduduk.

Saya juga mencadangkan supaya di dalam Belanjawan Negeri Johor 2026 memperuntukkan dana khusus untuk projek kawalan hakisan di kawasan Rimba Terjun dengan tumpuan kepada pembinaan benteng pemecah ombak, *break wall water,* di bahagian kritikal Taman Seri Pantai. Pemulihan bakau menanam kembali pokok bakau sebagai benteng semulajadi terhadap ombak sekaligus memperkukuhkan pemuliharaan alam sekitar. Reka bentuk struktur tepi pantai yang mampan, pemantauan berterusan dan kajian serta penilaian risiko perlu dilaksanakan segera. Dengan peruntukan segera dan tindakan strategik ini keselamatan penduduk Taman Seri Pantai dapat dijamin dan hakisan tidak akan terus meragut tanah berharga serta mengancam kehidupan mereka,

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang masalah nelayan di kawasan DUN Kukup dan juga Pontian iaitu isu kenaikan harga peralatan nilaian yang semakin tidak terkawal. Dalam setahun nelayan terpaksa menghadapi 2 hingga 3 kali kenaikan harga, melibatkan barang keperluan penting seperti jaring, enjin bot, tali, pelampung dan kotak simpanan ikan. Lebih membebankan, kesemua peralatan ini perlu dibeli secara tunai tanpa sebarang skim ansuran dan subsidi. Harga jaring pukat yang dulunya sekitar RM300.00 – RM400.00 satu unit kini telah mencecah RM700.00. Enjin sangkut bersaiz kecil yang dulu berharga RM5,000.00 se unit dan sekarang ini telah meningkat RM8,000.00 seunit.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan kerajaan negeri bersama agensi persekutuan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mempertimbangkan pelaksanaan mekanisma kawalan harga ke atas peralatan nelayan utama, sama ada melalui subsidi bersasar atau harga siling yang munasabah. Di samping itu juga saya mencadangkan agar agensi pembiayaan seperti Tekun Nasional dan Agro Bank memperkenalkan Skim Pinjam Mikro Khas untuk para nelayan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terakhir sekali saya ingin membawa isu Terminal Feri Antarabangsa Kukup, dicadangkan bersama dengan Pengangkutan Awam Johor supaya feri ini dipindahkan ke Tanjung Piai kerana apa tuan-tuan, kerana kawasan di Feri Antarabangsa Kukup ini apabila musim perayaan terlalu sesak. Dan ianya tidak boleh dikawal lagi dan selain daripada melimpah hingga ke jalan menyebabkan sistem pengangkutan awam kita terjejas. Apabila musim perayaan kawasan itu tidak boleh dilalui, sedangkan kita mempunyai kawasan yang luas seperti di Tanjung Piai. Apalah salahnya kajian dibuat dari tahun ke tahun supaya kawasan dan perkembangan ekonomi ini dapat diperluaskan lagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadang, terima kasih, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Tahniah Yang Berhormat, mudah-mudahan suara Yang Berhormat itu sampai ke Putrajaya, ya kita memang memerlukan peruntukan yang besar. Sebab itu saya dukacita juga sebab permohonan saya untuk membina Pusat Dialisis DUN Rengit akhirnya ditolak setelah dua (2) tahun saya sewa bangunan untuk persiapan, tapi bila ditolak tidak ditolak dengan hitam putih. Jadi kita nak merayu pun payah, dah jadi kita ni dah jadi macam pengemis pulak. Jadi saya harap suara Yang Berhormat itu sampai ke Putrajaya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran pemerhati seramai 65 orang iaitu daripada DUN Kawasan Sri Medan 37 orang, 23 orang daripada DUN Kawasan Pulai Sebatang dan lima (5) orang daripada Kawasan DUN Kukup. Dijemput Yang Berhormat Pulai Sebatang.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bismillahirahmaanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Maju Johor, salam Bangsa Johor sejahtera, Belanjawan 2026. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker di atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya sebagai pembahas penyokong kepada pembentangan Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 17 haribulan yang lalu. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya ingin mengambil kesempatan merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah serta ucap selamat Ke bawah Duli Yang Maha Muli Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung Sultan Ibrahim sempena ulang tahun hari keputeraan Ke bawah Duli Yang Maha Muli Seri Paduka Baginda Tuanku pada 22 November ini.

Patik dan mewakili keseluruhan rakyat Pulai Sebatang mendoakan agar Tuanku sentiasa dikurniakan keafiatan dan dilimpahi dengan segala kebahagian serta kesejahteraan untuk terus menaungi sekalian rakyat dan juga Bangsa Johor ini. Burung Merak dalam hikayat, hikayat luhur cerita diraja, Tuanku tunggak naungan rakyat, negeri makmur negara sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Pulai Sebatang juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor serta barisan EXCO dan juga kepimpinan kerajaan negeri kerana telah sekali

lagi berjaya membuktikan bahawa kepimpinan dan kestabilan politik yang ada di Johor ini dan kebijaksanaan kepimpinan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Johor sekali lagi menjadi juara dalam pertumbuhan ekonomi negara, tahniah.

Daripada tahun 2022 peningkatan terus berlaku daripada tahun 2022, 2023, 2024 dan 2025 sepanjang 2022 hingga 2025 ini peningkatan sebanyak RM870 juta. Ini satu pencapaian yang sangat kita banggakan sebagai Bangsa Johor. Saya yakin kestabilan politik serta kebijaksanaan dan pentadbiran kerajaan negeri di bawah pimpinan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor merupakan faktor utama dalam memberikan keyakinan kepada para pelabur untuk melabur di negeri ini dan sekaligus dapat memberikan limpahan rezeki dalam pelbagai bentuk untuk Bangsa Johor, negeri Johor serta sekaligus kepada semua penduduk yang ada dalam negeri Johor ini.

Sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada tahun ini pelbagai insentif yang telah diberikan kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan juga tanpa mengira sama ada mereka itu mengundi atau pun tidak mengundi di negeri Johor ini. Pada tahun lepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah memberi inisiatif, insentif kepada *frontliner* dan alhamdulillah pada tahun ini mereka-mereka yang bekerja di dalam negeri Johor ini yang gajinya dibayar di bawah kerajaan persekutuan akan mendapat bonus sebanyak RM500.00.

Ini satu kejayaan membuktikan kerajaan Johor ini tanpa mengambilkira, menyatakan tanda terima kasih di atas segala jasa yang telah diberikan kepada keseluruhan rakyat dan juga Bangsa Johor ini. Hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya saya nak bawa ucapan terima kasih daripada keseluruhan warga Pulai Sebatang, daripada lapisan petani, penternak, ibu tunggal, warga emas dan sebagainya di atas pemberian insentif yang telah kita berikan pada bulan 10 yang lalu dan mereka berterima kasih sekali lagi apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor mengumumkan pemberian insentif seterusnya pada fasa yang ke–2, yang kita akan laksanakan pada bulan Januari dan Februari tahun hadapan, terima kasih.

Dan hari ini saya nak menyampaikan ucapan khas terima kasih daripada warga pendidik Pontian, daripada PPD Pontian kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan juga kepada barisan kepimpinan kerajaan negeri di atas pemberian Bantuan Kasih Johor kepada keseluruhan pelajar SPM dan juga STPM. Mereka berterima kasih di atas pemberian bantuan kit SPM dan juga bantuan sarapan selama 10 hari kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM. Kita doakan mudah-mudahan pelajar-pelajar ini akan mendapat keputusan cemerlang di dalam keputusan SPM pada tahun ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor juga telah.. minta maaf Datuk Speaker. Pemberian insentif-insentif ini sebenarnya satu pemberian yang baik, tetapi sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kukup tadi perlu ada beberapa penambah baikan yang perlu kita lihat.

Saya berterima kasih banyak kepada jabatan-jabatan yang banyak membantu dalam pengurusan pemberian insentif-insentif ini, tetapi pada masa-masa akan datang kita berharap kaedah-kaedah ini akan dapat diperhalusi dan diperbaiki supaya penerima-penerima ini adalah penerima-penerima yang betul-betul layak. Walau bagaimana pun Yang Amat Berhormat telah memberikan tanda terima kasih kepada keseluruhan Bangsa Johor dan juga rakyat Johor melalui insentif-insentif ini. Pimpinan bersih bijak bestari; pembangunan mampan maju negeri; terima kasih daun keladi; tahun hadapan beri lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita akui setiap apa jua perancangan yang kita laksanakan ada kekurangannya. Setiap apa jua yang kita laksanakan pasti ada kelemahannya. Kita dengar ada desas-desus di sebelah pihak ada menyatakan bahawa Belanjawan Johor 2026 ini tidak mampu memberi manfaat kepada rakyat Johor. Kita dengar desas-desus bahawa ada yang menyatakan rakyat Johor tidak merasai limpahan hasil kerajaan negeri. Kita harap mereka-mereka yang menyatakan perkara ini dapatlah lihat daripada mata helang. Lihat

sesuatu dari segi perspektif yang lebih luas, bukan lihat dari sudut pandang yang sempit dan juga dalam masa jangka yang pendek.

Sekiranya kita lihat pembentangan Belanjawan 2026 ini, banyak ruang-ruang pekerjaan yang telah diberikan kepada anak-anak Johor. TVET juga diperkasakan. Kita ada rumah RMMJ sebanyak 8,915 unit. Kita ada Rumah Prihatin, kita ada Rumah Kasih, di bawah pembangunan teras ekonomi juga, lebih RM61 juta yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk rakyat Johor. Agak terkilan juga, apabila kita lihat di blok pengimbang, belanjawan yang sebegini baik tidak mendapat sambutan yang baik di kalangan blok pengimbang. Sebagaimana yang disebutkan Yang Berhormat Kukup, umpama mungkin anak dara dipinang anak raja, diam tanda setuju. Tetapi hakikatnya, ini soal rakyat, ini soal pemberian kepada rakyat. Seharusnya perkara yang baik ini, kita bersepakat, bersama-sama menyokong. Kita ada dengar juga desas-desus mengatakan bahawa Johor perlukan semangat perpaduan. Johor perlukan semangat kerjasama di antara semua parti, tetapi tidak dapat dibuktikan di dalam Dewan ini, setiap tahun kita lihat, tidak ada angkat tangan tanda setuju yang dibuat oleh pihak pengimbang (Dewan bertepuk).

Jadi hari ini, saya nak minta Johor telah buat yang terbaik untuk kerajaan negeri Johor. Johor telah membuktikan pembangunan ekonomi yang pesat tahun demi tahun. Tetapi agak mengecewakan apabila kita lihat sebagaimana yang disebut oleh Kukup, pimpinan kerajaan persekutuan seolah-olah menganaktirikan kerajaan Johor ini.

Pemangku Sultan Johor ada menzahirkan kebimbangan berkaitan dengan projek-projek dan juga pencapaian kerajaan persekutuan di dalam negeri Johor ini. Pemangku Sultan Johor ada bertitah berkaitan dengan masalah lalu lintas yang bakal timbul apabila *Project Rapid Traffic System* ini dijangka siap pada tahun 2027 nanti. Sehingga ke hari ini kita difahamkan kerajaan persekutuan memaklumkan bahawa tiada langsung atau pun tiada peruntukan mencukupi untuk menampung kos dalam pembinaan menaik taraf atau pun pembinaan jalan di sekitar kawasan Bukit Cagar.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harap rakan-rakan di blok pengimbang dapat sama-sama menyatakan hasrat Pemangku Sultan Johor ini berkaitan dengan perkara-perkara pembangunan projek-projek yang berada di dalam negeri Johor ini. Kita tahu bahawa setiap tahun pulangan cukai yang diberi oleh negeri Johor kepada kerajaan persekutuan berjumlah hampir 25% yang mana kalau ditukarkan kepada ringgit nilainya adalah lebih kurang RM48 bilion setahun. Tetapi pulangan yang kita dapat untuk negeri Johor ini tidak sampai 3% daripada hasil cukai yang kita pulangkan kepada kerajaan persekutuan. Jadi kita harap titah Pemangku Sultan Johor ini dapat kita sama-sama bawa ke peringkat kerajaan persekutuan supaya projek-projek yang dirancang di dalam negeri Johor ini dapat dilaksanakan mengikut sebagaimana perancangan dan juga dapat dilaksanakan sebagaimana jadual yang ditetapkan. Kita akui bahawa banyak projek-projek persekutuan berlaku lewat, contohnya seperti pembinaan HSA 2. Lambat dari segi projek pembinaan Hospital Pasir Gudang dan sebagainya dan apa yang merisaukan sekarang ini apabila projek *Rapid Traffic System* ini siap, kita khuatir Bandaraya Johor akan bertambah sesak, Bandaraya Johor akan bertambah padat dengan keadaan-keadaan trafik-trafik apabila RTS ini siap nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya izinkan saya membawa isu kawasan yang berkait rapat menyokong teras-teras yang ada di dalam Belanjawan Johor 2026 dengan beberapa penambahbaikan dan juga cadangan.

Yang pertama, berkaitan dengan Teras Tadbir Urus Kerajaan. Di bawah inisiatif 1, sebanyak RM8 juta telah diperuntukkan untuk Program Jelajah Orang Johor (JOJ). Satu program yang baik, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana meneruskan projek JOJ ini. Tetapi saya ingin mencadangkan beberapa penambahbaikan yang mungkin kita boleh fikirkan bersama. Projek JOJ ini dilaksanakan mengikut DUN. Bermaknanya ada keseluruhan 56 DUN dalam tempoh satu (1) tahun perlu dilaksanakan. Agak cemburu juga

saya apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor turun di Kukup. Juga turun di kawasan-kawasan DUN lain, tetapi tidak turun di kawasan Pulai Sebatang. Begitu juga dengan rakyat Pulai Sebatang. Mereka ingin berjumpa dengan pemimpin yang mereka kasihi, pemimpin yang bijak untuk mentadbir negeri untuk bersama-sama dengan mereka di Pulai Sebatang (Dewan bertepuk).

Jadi saya ingin mencadangkan sekiranya satu daerah itu mempunyai DUN, dalam empat (4) DUN bawah empat (4). Contoh macam Pontianlah, kita ada Benut, Kukup, Pulai Sebatang dan juga Pekan Nenas. Kita laksanakan JOJ dalam tempoh satu (1) hari. Empat-empat DUN bergerak dalam masa satu (1) hari tetapi berlangsung daripada pagi hingga ke malam. Dan mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor boleh turun Semarak Subuh di Kukup, kemudian tengah hari Kenduri Kampung di Pulai Sebatang, petang mungkin Ziarah Kasih di Benut dan juga malam, Malam Kebudayaan di Pekan Nenas. Jadi, adillah kami di daerah Pontian ini dapat lihat wajah pemimpin yang kami sayangi, turun di setiap DUN yang berada di setiap daerah (Dewan bertepuk).

Yang keduanya, berkaitan dengan inisiatif kenaikan sebanyak RM300.00 elaun ketua kampung dan juga tok batin. Sebenarnya saya nak bawa tentang kenaikan isu elaun ini dan alhamdulillah telah pun dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, ada tambahan kenaikan elaun tahun ini, jadi hari ini saya bawa ketua-ketua kampung yang ada di dalam DUN Pulai Sebatang sebagai tanda terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Johor dan juga kepada kerajaan negeri di atas kenaikan elaun ini (Dewan bertepuk).

Kalau kita lihat kepada elaun ketua kampung dan juga tok batin ini, ia terbahagi kepada dua (2). Dulu kerajaan negeri bagi RM700.00, kerajaan persekutuan bagi RM500.00 berjumlah RM1,200.00. Di bawah paras gaji yang ditetapkan. Kemudian diumumkan oleh kerajaan negeri tambahan RM300.00 menjadikan keseluruhan elaun berjumlah RM1,500.00. Kita maklum bahawa jawatan ketua kampung ini, dia tidak termasuk di dalam skim perkhidmatan. Apabila dia tidak termasuk di dalam skim perkhidmatan, bermaknanya mereka tidak mendapat kelayakan sebagaimana kakitangan kerajaan yang lain. Mereka tiada cuti tahunan, mereka tiada cuti sakit, mereka tiada faedah-faedah lain, sebagaimana pekerja-pekerja kakitangan kerajaan. Tetapi kita bersyukur dan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat YB EXCO Buloh Kasap kerana telah usahakan caruman lindungi diri PERKESO kepada keseluruhan ketua kampung yang ada di dalam negeri Johor ini. Bermaknanya, tahun ini ada perlindungan PERKESO dan tahun depan disambung dan saya harap siapa pun yang memerintah akan teruskan perkara yang baik tentang kebajikan ketua-ketua kampung ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila saya sebutkan yang tadi, tiada faedah-faedah diterima oleh ketua kampung ini sebagaimana kakitangan kerajaan yang lain, mungkin saya boleh cadangkan di sini untuk kerajaan negeri melihat semula dari segi perjawatan. Mungkin boleh dibawa perjawatan ketua kampung ini di bawah kerajaan negeri supaya dapat faedah-faedah sebagaimana kakitangan kerajaan terutamanya apabila berkaitan dengan rawatan-rawatan hospital. Saya faham kalau ketua kampung ini dia sebenarnya kerja sampingan, tetapi apabila kita lihat berlaku masalah di kampung, pintu rumah ketua kampunglah yang diketuk terlebih dahulu sebelum pintu rumah pegawai daerah. Pintu ketua kampunglah yang diketuk dulu berlakunya banjir, sekiranya berlaku banjir tetapi bukan pintu rumah jurutera JPS. Jadi kita harap perkara ini dapat dilihat dan juga ditambah baik, tetapi apa pun saya terima kasih banyak di atas segala keistimewaan yang telah diberikan kepada ketua kampung.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, Teras 3, Jaringan Keselamatan Sosial. Kita lihat ada 67 inisiatif dengan peruntukan melebihi RM960 juta. Di bawah inisiatif ke-39 ada Rumah Prihatin. Saya tahniah kepada YB EXCO mengumumkan pelbagai bantuan insentif berbentuk Perumahan Rakyat, dari segi Rumah Prihatinnya, Rumah Kasihnya, Rumah RMMJnya, cuma mungkin kita boleh buat sikit dari segi penambahbaikan sebelum ini Rumah Prihatin hanya mereka yang pernah atau pun telah berkahwin tetapi tidak diberikan peluang kepada mereka

yang bujang mungkin kita boleh buka peluang Rumah Prihatin ini untuk orang bujang juga memohon.

Untuk Rumah Prihatin ini kita faham bahawa, RM30,000.00 diberikan subsidi oleh kerajaan negeri, mana kala baki duit itu perlu ditunjukkan dengan bukti akaun bank di dalam akaun pemohon. Tetapi rata-rata yang kita terima di pejabat DUN, pemohon-pemohon ini mereka gagal membuktikan jumlah duit sebanyak RM56,000.00 itu. Kalau misalnya rumah yang tiga (3) bilik itulah, saya bagi contoh kalau RM56,000.00 mereka gagal membuktikan adanya duit dalam akaun mereka, jadi mungkin kita boleh cadangkan syarat pembuktian duit di dalam akaun itu mungkin boleh dijadikan sebagai bukan syarat wajib tetapi syarat-syarat yang lain itu sekiranya mereka memenuhi maka boleh dikeluarkan atau sijil atau pun tawaran Rumah Prihatin dan sijil atau tawaran rumah tersebut boleh dijadikan sebagai dokumen untuk mereka mohon *loan* di bank tetapi bergantung kepada pendapatan mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Teras ke-4, Kemudahan dan Keperluan Asas. Ada 29 insentif dengan peruntukan melebihi sebanyak RM1 bilion. Ini termasuklah pemberian *one-off* kepada penerima-penerima daripada pelbagai lapisan pendapatan.

Yang pertama berkaitan dengan, inisiatif pertama berkaitan dengan penyelesaian isu MTD. Mesyuarat Tindakan Daerah berjumlah sebanyak RM27.04 juta. Saya bawa hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker, permohonan mesyuarat MTD di bawah DUN Pulai Sebatang. Saya harap RM27.4 juta ini termasuk permohonan Pulai Sebatang di bawah kerja-kerja baik pulih pintu air JPS. Saya bawa dalam Mesyuarat Tindakan DUN. YB Ah Soon ada datang, dan kita bincangkan perkara ini, tetapi baru-baru ini pada bulan september, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ada umum RM100,000.00 untuk Pulai Sebatang, tetapi untuk kolam takungan banjir Mukim Ayer Baloi dan juga Mukim Pontian. Yang kita mohon di bawah MTD ini macam tak ada peruntukannya iaitu pintu air yang telah uzur bagi PKPS Parit Rambai 6/84 dan juga PKPS Parit Singgam, Mukim Ayer Baloi. Keseluruhan permohonan yang kita mohon ini dalam RM1.4 juta. Jadi saya harap RM27 juta yang ada dalam Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar umumkan itu, RM1.4 nya dapat disalurkan kepada Pulai Sebatang.

Yang keduanya, berkaitan dengan naik taraf dan juga lebar jalan-jalan kampung. Belanjawan memperuntukkan sebanyak RM50 juta. Di bawah Pulai Sebatang, di bawah Mesyuarat Tindakan DUN kita bawa juga berkaitan dengan jalan-jalan kampung ini, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, daripada tahun 2022 hingga tahun 2027 ada 51 senarai kampung daripada ketua-ketua kampung dan alhamdulillah 24 daripadanya telah dapat diselesaikan dengan kita bawa permohonan ini ke peringkat kerajaan persekutuan.

Tetapi sehingga ke hari ini permohonan Pulai Sebatang kepada kerajaan negeri untuk menaik taraf dan baik pulih jalan-jalan kampung ini nampaknya macam belum ada. Jadi, apabila pembentangan bajet ini sebanyak RM50 juta ini saya harap permohonan Pulai Sebatang sebanyak 24 jalan saya, tak naklah baca satu-satu senarai jalan ini panjangkan, sebanyak 24 senarai permohonan jalan dibawa Mesyuarat Tindakan DUN berjumlah RM1.78 juta ini dapat dimasukan di dalam pembentangan bajet yang telah diumumkan sebanyak RM50 juta.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, ha ini banyak ni kalau nak cerita pasal Mesyuarat Tindakan DUN yang masih belum selesai. Kerja-kerja menaik taraf persimpangan Parit Jawa – Parit Kudus saya harap juga dapat dimasukan di dalam naik taraf, jambatan dan juga lebar jalan. Inisiatif ke-6, sebanyak RM22.7 juta, Persimpangan Parit Jawa dan juga Parit Kudus ini, kita dah minta pihak JKR buatkan *briefing project* dan sebagainya, JKR dan buatkan *briefing project* dah masuk dalam RJ5T, cuma kita tak tahu *ranking* nombor berapa. Sekarang ini persimpangan Jalan Parit Jawa dan juga Parit Kudus ini akan menjadi semakin terdesak apabila berlakunya pembinaan Projek Jambatan Pontian Besar sebab mereka-mereka akan lalu daripada Johor Bahru nak ke Kayu Ara Pasong dan sebelah utara, pasti mereka akan lalu persimpangan Kampung Jawa dan juga Parit Kudus ini. *Brief* JKR kata, jumlah kosnya adalah

sebanyak RM11.5 juta. Jadi saya harap perkara ini juga dapat dilihat oleh kerajaan negeri untuk kita lihat supaya menjadi projek *priority* di bawah RJ5T.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, Teras Orang Muda, Teras 6. Teras 6, Orang Muda Johor. Sebanyak 55 insentif peruntukan melebihi RM211 juta. Saya nak terima kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana peruntukan RM500,000.00 kepada Dewan Muda Johor. Peruntukan RM500,000.00 ini kepada Dewan Muda Johor ini bukan sekadar angka, ia jelas memberikan syarat bahawa kerajaan negeri meletakkan anak muda sebagai agen penggerak pembangunan Johor. Sejak tahun 2020 hingga tahun 2025, jumlah DMJ, ahli DMJ adalah seramai 300 ahli. Ini merupakan sebuah *talent pool* ataupun kilang pemimpin yang bukan sahaja besar tetapi aktif, kompeten dan juga terbukti mampu turun ke lapangan. Di daerah Pontian sendiri, kita ada saudara Syawal sebagai Pengerusi Majlis Belia Daerah Pontian, kita ada saudara Syafiq sebagai Persatuan daripada 4B Pontian dan Pegawai Khas saya sendiri Cik Ainul Asyikin juga merupakan produk DMJ 3.0. Jadi, saya nak mencadangkan di sini oleh kerana kita ada ahli DMJ ini daripada tahun 2020 hingga tahun 2025 ini ada 300 ahli, kita nak mencadangkan agar kerajaan negeri menubuhkan secara rasmi Alumni DMJ dan kita juga nak mencadangkan bahawa mereka-mereka ini dijadikan penggerak untuk Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Teras Ke-6, inisiatif yang ke-49. Saya nak ucap tahniah kepada sahabat di sebelah saya ini, Penawar yang berada di dalam Parlimen Pengerang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor umum TMIYC untuk Pengerang RM10 juta tahun depan. Jadi, saya nak minta jugalah tengokan TMIYC untuk daerah Pontian yang merangkumi empat DUN, Pulai Sebatang, Benut, Kukup dan juga Pekan Nanas. Kalau nak dikira dari segi jumlah orang muda ha ini jangan marah pula ye Penawar, nak ditengokan dari segi jumlah orang muda, jumlah orang muda yang ada dalam daerah Pontian lebih banyak berbanding Pengerang iaitu sebanyak 69,274 orang. Jadi bermaknanya, layaklah sekiranya kerajaan negeri membantu Majlis Perbandaran Pontian dari segi peruntukan untuk pembinaan TMIYC Pontian yang kita harap-harapkan, yang kita telah bincangkan dalam Mesyuarat Tindakan DUN sejak daripada tahun 2023 sehinggalah ke hari ini.

Isu kawasan seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya bawa beberapa isu kawasan yang kita telah bawa di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah tetapi bertahun-tahun tidak selesai. Yang pertamanya berkaitan dengan Balai Polis Pontian. Balai Polis Pontian yang lama ini dia berada di tepi Jalan FT 005 jalan protokol, dia berhadapan dengan stadium mini Pontian, berhampiran dengan Laut Pontian dan sangat berhampiran dengan Pusat Pentadbiran Pontian. Tetapi masalahnya Balai Polis Pontian itu telah kosong terlalu lama dan terbiar sehingga mencacatkan pemandangan dan penglihatan dan kadang-kadang kalau lalu rasa seram. JKR juga telah memberikan laporan bahawa bangunan-bangunan kuarters balai polis lama ini sudah tidak selamat diduduki tetapi di bahagian hadapan itu masih ada lagi beroperasi beberapa pejabat polis di bahagian hadapan tetapi keseluruhan kuarters telah tidak diduduki dan mencacatkan pemandangan.

Apabila kita siasat dan kita bawa dalam Mesyuarat Tindakan Daerah pada tahun 2023, sehingga hari ini tidak dapat selesai. Tanah milik balai polis itu adalah tanah milik Persekutuan. Apabila kita siasat Lot 220 dan Lot 221 ini merangkumi bukan hanya balai polis lama itu tetapi kuarters kerajaan yang berada di belakang balai polis itu yang diduduki oleh kakitangan kerajaan negeri termasuk juga stadium mini, rumah VIP, sebahagian daripada laman DiRaja dan juga Rumah Ketua Balai Polis yang lama serta gelanggang tenis itu sebenarnya adalah tanah Persekutuan. Saya yakin perkara ini bukan hanya berlaku di Pulai Sebatang, bukan hanya berlaku dalam daerah Pontian tetapi berlaku di lain-lain daerah yang mana bangunan-bangunan kerajaan Persekutuan terbiar tapi kami kerajaan negeri tidak dapat membuat apa-apa penambahbaikan kerana kekangan-kekangan warta dan juga undang-undang. Jadi, saya lihat perkara ini dapat dilihat oleh kerajaan negeri untuk membantu melihat apa yang kita boleh buat berkaitan dengan isu Balai Polis Pontian.

Yang keduanya isu pendidikan. Saya minta Yang Berhormat YB EXCO tengokan Sekolah Kebangsaan Ayer Baloi. Sekolah Kebangsaan Ayer Baloi ini langsung tak ada padang, di situlah kereta parking, di situlah pelajar-pelajar bermain sukan dan sekarang ini mereka tengah mengusahakan untuk membuat kutipan sumbangan untuk beli tanah di belakang Sekolah Kebangsaan Ayer Baloi untuk dijadikan, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon …

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya teruskan. Berkaitan dengan Sekolah Kebangsaan Ayer Baloi tadi saya harap EXCO Pendidikan dapat lihat tentang isu ini kerana untuk pembelian tanah itu saya difahamkan kosnya lebih kurang dalam RM250,000.00.

Seterusnya berkaitan dengan pendidikan, Makmal Komputer Sekolah Dato' Penggawa Barat. Isu ini telah timbul semenjak tahun saya rasa sebelum tahun 2020 lagi tentang Makmal Komputer Sekolah Dato' Penggawa Barat ini. Bangunan ini telah diberitahu oleh JKR tidak selamat diduduki dan juga syor roboh. JPN dah datang dah ke Sekolah Dato' Penggawa Barat ini untuk melihat makmal komputer ini. Surat telah berkali-kali dihantar oleh PPD Pontian kepada JPN dan juga kepada KPM tetapi setelah bertahun-tahun, lebih daripada 5 tahun sehingga hari ini masih belum ada lagi sebarang tindakan positif daripada pihak KPM berkaitan dengan merobohkan Makmal Komputer Sekolah Dato' Penggawa Barat.

Hasrat daripada warga pendidik Pulai Sebatang, kita sangat bangga apabila kerajaan negeri melaksanakan dan merancang Sekolah Rintis Bangsa Johor tetap kami-kami di daerah-daerah juga tidak mahu ketinggalan walaupun kita akur hanya empat (4) sekolah, dua (2) sekolah rendah dan juga dua sekolah menengah yang dipilih sebagai projek rintis. Tapi, kita harap di daerah-daerah lain terutamanya di Pulai Sebatang, warga pendidik mencadangkan supaya kalaulah tidak pun dilaksanakan SRBJ itu di kawasan-kawasan lain, tapi kita harap EXCO Pendidikan dapat bantu kita dari segi *smart tv* di sekolah. Ini penting, ini adalah keperluan pada masa kini yang mana ia berkait rapat dengan Dasar Pendidikan Digital Negara. Jadi, saya harap adalah bajet untuk diberikan kepada daerah-daerah yang lain untuk pemberian *smart tv* di sekolah-sekolah.

Isu lain yang masih lagi kekal di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah yang tidak selesai-selesai sehingga kini bertahun-tahun antaranya adalah Padang Hoki Pontian. YB EXCO dah turun ke Pontian tengok Padang Hoki Pontian ini. Padang Hoki Pontian ini telah rosak, jadi sakit mata bila kita pergi di Taman Megah itu sebelah main futsal tapi sebelah padang tu sangat teruk tak dapat dibuat apa-apa mendatangkan kerugian kepada daerah. Tetapi, masalahnya sekarang ini tidak dapat dibaik pulih kerana kos nak baik pulih itu melebihi RM1 juta dan saya harap YB EXCO dah turun ke daerah Pontian, dah tengok pun padang ini, jadi adalah tindakan positif yang dibuat untuk menambah baik dan baik pulih Padang Hoki Pontian ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya berkaitan dengan longkang kawasan bandar. Longkang kawasan bandar ini bukan hanya berlaku di Pulai Sebatang, bukan hanya berlaku di daerah Pontian tetapi saya rasa berlaku juga di daerah-daerah lain yang mana di kawasan bandar kita dah naik taraf. Majlis kita menjadi bandaraya, perbandaran tetapi kita tak dapat nak naik taraf longkang kerana kawasan tersebut terdiri daripada geran besar yang ada banyak nama. Kawasan itu bercukai Yang Berhormat Datuk Speaker, tetapi longkang belakang apabila berlaku banjir kilat dan apabila berlaku pembiakan aedes, Majlis Perbandaran, Majlis Bandaraya nak naik taraf longkang itu tak boleh sebab dia berada di rizab bertuan. Jadi, perkara ini sebenarnya berlaku di keseluruhan negeri Johor. Saya bawa isu ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah tetapi banyak sangat kekangan, saya bawa daripada tahun 2022, tahun pertama saya menang sebagai Yang Berhormat. Sehingga ke hari ini tak selesai dan dia melibatkan mula-mula cadang nak isi borang 12B Serah Balik Kurnia Semula tetapi penama tak jumpa, lepas tu nak buat pula PBT Pengambilan Balik Tanah, kos sebahagiannya itu JPPH dah nilaikan RM2.4 juta tak kira lagi kalau kita roboh dapur belakang yang dekat dengan longkang itu. Jadi, isu ini sangat perlu diselesaikan walaupun saya tahu isu ini susah untuk diselesaikan kerana dia melibatkan geran yang besar, banyak nama. Ada

nama yang dah meninggal, ada nama atas nama atas nama dan sebagainya tetapi isu kawasan bandar ini perlu kita selesaikan sekiranya kita betul-betul nak melaungkan Maju Johor 2030. Pasang pelita terang suasana, sumbu dibakar di tepi tirai, berpakat bersama memikirkan cara, walaupun sukar usahakan selesai.

Isu cukai yang terakhir Yang Berhormat Datuk Speaker. Isu cukai di daerah Pontian khasnya di Pulai Sebatang. Kita tidak menolak pembangunan, kita bersetuju sekiranya kawasan itu dikenakan cukai kerana sekiranya dikenakan cukai penduduk boleh desak Majlis Perbandaran ataupun kerajaan tempatan buat longkang, buat lampu jalan, buat balai raya, kutip sampah dan sebagainya. Tetapi, apabila sesuatu kawasan itu nak dikenakan cukai sebelum ni tak pernah kenakan cukai, kita nak minta jabatan-jabatan Pejabat Tanah, Majlis dan sebagainya lihat balik dari segi isu-isu kecil yang boleh mendatangkan kemarahan rakyat, kemarahan penduduk dan kadar cukai itu kita harap dapat diturunkan pada kadar yang minimum terutamanya kampung-kampung yang kita boleh masukan dalam kategori kampung tradisi iaitu dengan kadar cukai sebanyak 0.04%.

Yang keduanya, ada kawasan yang dah sangat cantik, longkang cantik, lampu jalan ada, sampah tak ada masalah, dewan dah ada, taman permainan dah ada tetapi dimasukan dalam kawasan bercukai iaitu di kawasan Parit Mesjid Darat. Jadi, penduduk nak minta penjelasan daripada Majlis Perbandaran, apakah justifikasi yang menyebabkan kawasan yang dah takde masalah itu nak dimasukan? Sebagai YB kawasan, saya setuju tentang peluasan kawasan bercukai cuma selaku pemimpin dan wakil kepada penduduk dan juga wakil kepada rakyat, saya lihat tentang isu-isu geran lidi dan juga isu tarif cukai ini dilihat balik supaya kita dapat meminimumkan ketidakpuasan hati mereka-mereka yang akan dimasukan di dalam kawasan bercukai.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tidak pernah tak bawa isu Palestin. Kalau siapa lihat bahas saya, setiap kali saya berbahas saya sentiasa menyeru rakan-rakan untuk sama-sama kita terus menyokong Palestin (Dewan bertepuk), untuk kita sama-sama terus mendoakan keamanan dan kebebasan bumi Gaza dan juga rakyat Palestin. Tetapi, hari ini kita nak tambah ada lagi satu yang kita juga patut perjuangkan iaitu saudara-saudara kita yang berada di bumi Sudan di daerah Al-Fashir. Kita doa mudah-mudahan Allah terus berikan kekuatan, Allah terus berikan kemenangan buat pejuang-pejuang ini supaya keamanan di bumi Palestin, Gaza dan juga Sudan ini akan dapat dikecapi oleh mereka-mereka yang ditindas. Jadi, mohon terus sokong dan juga mohon terus doa.

Daun nipah di tepi paya, batang pinang dijadikan kalung; selesai sudah perbahasan saya, Pulai Sebatang mohon menyokong. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pulai Sebatang, tahniah. Mudah-mudahan apa yang tertangguh akan dilaksanakan segera. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2:30 petang ini. Mohon YB Stulang bersiap sedia.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:04 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor 2030. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan perbahasan

saya ingin mengalu-alukan pemerhati seramai 80 orang yang terdiri daripada 37 orang pemerhati daripada DUN kawasan Sri Medan. (Dewan bertepuk). 13 orang daripada kawasan Kota Iskandar (Dewan bertepuk) tujuh (7) orang daripada DUN kawasan Kempas (Dewan bertepuk) dan 23 orang daripada Dunia Melayu Islam Negeri Johor (DMDI) Negeri Johor. Selamat datang ke Dewan Negeri Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, dijemput Yang Berhormat Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih. Salam sejahtera, salam perpaduan dan Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, atas ruang yang diberikan untuk saya membahaskan usul Belanjawan 2026. Sebelum memulakan bicara izinkan saya untuk merafakkan sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang bakal menjelang 22 November ini. Patik mendoakan Kebawah Duli Tuanku dikurniakan kebijaksanaan, dilanjutkan usia dan diberikan keafiatan dalam menaung sekalian rakyat. Semoga institusi DiRaja terus menjadi tonggak kestabilan dan payung perpaduan negara. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala bimbingan dan nasihat kepada semua wakil rakyat dalam menjaga kebajikan dan memberi manfaat kepada seluruh Bangsa Johor. Tahniah kepada Mentei Besar Johor, kerana telah membentangkan Belanjawan Johor 2026 yang bertemakan Bangsa Johor Sejahtera, melalui Enam Teras utama dalam memperkasakan Johor menuju negeri maju, makmur dan sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan izinkan saya berkongsi sedikit pendapat dengan Kukup dahulu bahawa kerajaan persekutuan sentiasa ikhlas dalam membantu pembangunan Johor. Ini dibuktikan dalam ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengucapkan jutaan terima kasih kepada PMX dan kerajaan persekutuan atas pengumuman peruntukan sebanyak RM4.8 bilion bagi pembelanjaan pembangunan *Rolling Plan* pertama di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 yang merangkumi 152 projek serta 435 projek sambungan. Dan juga, projek ini merangkumi salah satu projek iaitu RM325 juta untuk menaik taraf Jalan Parit Panjang dari Pekan Ayer Baloi ke persimpangan tol Sedenak, Pontian, Johor. Ini juga memanfaatkan penduduk dan rakyat Tanjung Piai dan Pontian juga. Jadi, kerajaan persekutuan sentiasa ikhlas tentang pembangunan negeri Johor. Dan selain itu, berkenaan isu angkat tangan. Kami sebagai blok pengimbang PH pada tahun 2023, 2024 telah pun ada mengangkat tangan untuk menyokong usul Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ini menandakan tanda sokongan kami dan juga niat baik ikhlas kami untuk berkerjasama dengan kerajaan negeri Johor semasa bacaan kali ketiga. Terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan penyuraian trafik CIQ, BSI dan di sekitar sempadan Tambak Johor dan CIDB Johor Bahru. Pemangku Sultan Johor, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor juga amat prihatin terhadap isu pengangkutan dan kesesakan yang bakal dihadapi atas peningkatan trafik setelah RTS mula beroperasi. Oleh itu penyuraian trafik bagi pengguna jalan raya di Bandaraya Johor Bahru amat penting ekoran bilangan aliran pengguna di sempadan Tambak Johor berkemungkinan mencecah lebih setengah juta setiap hari. Cadangan pembinaan sistem aliran transit automasi, ERT pasti boleh meringankan beban trafik, pasti boleh meringan beban trafik di pusat Bandaraya Johor Bahru. Tiga (3) jajaran yang dicadangkan adalah laluan Iskandar Puteri sepanjang 14.78 kilometer, laluan Skudai 18.8 kilometer dan laluan Tebrau 14 kilometer. Jadi, untuk keberkesanan yang lebih optima saya mencadangkan untuk menambahkan satu lagi jajaran iaitu jajaran *circle* pusat bandaraya Johor Bahru yang menghubungkan ketiga-tiga jajaran ini. Ini akan meningkatkan keberkesanan ERT dengan *connectivity* yang lebih berkesan. Kerana sekarang tiga (3) jajaran, 1,2,3 kalau ada satu jajaran *cirlce* di Johor Bahru dia akan meningkatkan *connectivity* jadi sebagaimana yang kita sedia maklum, *sky bridge* juga akan dibina bagi menghubungkan bangunan-bangunan di CIDB sebagai pelengkap, saya berpendapat bahawa laluan atau jajaran penjalan kaki, jajaran *walkway* yang lebih terancang, tersusun lebar dan selamat perlu diwujudkan di mana ia juga dapat menghubungkan setiap

tempat di CIDB bahkan menjangkaui lebih daripada kawasan ini. Buat masa ini, kita hanya bergantung kepada laluan kaki lima atau jalan di antara bangunan sahaja, di mana ia bukan satu jajaran *walkway* atau *walkway network* yang terancang.

Saya juga mengesyorkan agar laluan *shuttle bus* diwujudkan disekitar CIQ dengan tawaran perkhidmatan dalam lingkungan dua (2) kilometer, juga kitaran *loop* yang pendek supaya para penumpang boleh disuraikan dengan lebih cepat dan lancar. Jadi, adalah dicadangkan supaya *My Bus* Johor Bahru dan Bas Muafakat Johor dapat bekerjasama dengan lebih strategik bagi memperkukuhkan sistem pengangkutan awam di negeri ini. Kerjasama ini penting untuk memastikan perkhidmatan bas awam benar-benar dimanfaatkan oleh lebih ramai penduduk di kawasan Johor Bahru dan sekitarnya. Sebagai contoh, laluan *My Bus* boleh memberi tumpuan kepada jalan-jalan utama seperti Jalan Tebrau, Jalan Skudai, Jalan Tun Razak yang merupakan nadi utama pergerakan harian pusat bandar. Sementara itu, Bas Muafakat Johor pula boleh memainkan peranan sebagai bas *first-last mile connectivity* iaitu bas yang menghubungkan laluan antara kawasan kediaman dan juga jalan utama bagi penumpang yang ingin ke kawasan perumahan dan taman-taman.

Jadi, dengan kata lain cadangan saya ialah untuk laluan bas yang pertama, *loop* jalan utama perlu dihubung kait secara berkesan dengan *loop* yang lebih pendek bagi menghubungkan taman-taman perumahan. Yang kedua, *loop* dalaman atau laluan pendek tidak seharusnya terlalu panjang bagi meningkatkan kekerapan perkhidmatan di sesuatu tempat. Yang ketiga, untuk laluan dengan *ridership* yang tinggi saya mencadangkan agar kekerapan laluan ditambah atau *loop* dipecahkan kepada dua demi memendekkan masa menunggu di sesebuah stesen. Jadi melalui penyelarasan laluan dan jadual yang lebih efisen ini, kedua-dua perkhidmatan ini kita dapat meningkatkan *ridership* serta mengurangkan kesesakan di Bandaraya Johor Bahru selepas RTS siap nanti. Selain itu, bagi memastikan peningkatan kapasiti pengambilan penumpang sehingga 7% di CIQ, BSI dan di sekitar stesen RTS yang bakal siap, saya mengesyorkan agar menambah syarikat pengendali bas atau menyelitkan penggunaan bas dua tingkat *double decker* di kawasan ini disamping masih mengekalkan bas yang sedia ada. Selain itu, pembayaran tanpa tunai bagi menaiki pengangkutan awam ini juga harus dipertingkatkan bagi menjimatkan masa penumpang untuk menaiki bas seterusnya dapat mempercepatkan penyuraian trafik. Dalam konteks ini, dalam isu ini cadangan yang ketujuh adalah saya sekali lagi mengesyorkan agar R&R pandan dapat dibuka semula dengan cepat kerana ia boleh berfungsi sebagai tempat *zone buffer* untuk mengurangkan kesesakan di pusat bandaraya dan CIQ BSI. Jadi kesimpulannya, kerjasama strategik antara setiap pemegang taruh dalam sistem pengangkutan awam bukan sahaja akan mempertingkatkan kecekapan sistem dalam industri ini tetapi juga membawa manfaat ekonomi sosial dan alam sekitar kepada rakyat Johor. Ini adalah langkah penting ke arah mewujudkan ekosistem mobiliti bandar hijau, inklusif dan mampan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu yang kedua adalah berkenaan dengan peralihan tenaga yang berkaitan dengan *EV Charging Bay,* EVCB. Saya mengalu-alukan usaha kerajaan negeri Johor dalam memperluaskan penggunaan kenderaan EV selaras dengan sasaran 1245 *Electric Vehicle Charging Bay* menjelang tahun 2030. Dalam usaha ini kita harus memastikan bahawa setiap pengecasan *EV* mudah diakses oleh setiap lapisan masyarakat. Johor perlu memastikan taburan EVCB yang seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar. Agar tiada pengguna mengalami *range anxiety* dengan izin, atau kebimbangan kehabisan tenaga di kawasan terpencil. Jadi kawasan pelancongan utama seperti Kota Tinggi, Mersing, Pontian, Batu Pahat, Kluang, Muar, Segamat juga wajar dilengkapi dengan kemudahan pengecasan EV yang lebih banyak. Memandangkan pelancong domestik dan antarabangsa yang menggunakan kereta, kenderaan elektrik semakin meningkat. Jawapan yang saya dapat daripada kerajaan adalah tempat-tempat tersebut kita masih kurang lagi *EV charger*. Jadi, saya rasa usaha perlu dipertingkatkan. Jadi langkah ini akan memperkukuhkan imej Johor sebagai satu destinasi pelancongan hijau dan mesra alam serta merangsang sektor pelancongan berasaskan kelestarian. Pada masa yang sama, kita juga tidak boleh mengetepikan aspek teknikal dan tenaga. Peningkatan penggunaan EV akan menyebabkan

permintaan tenaga elektrik meningkat dengan ketara. Ini terutamanya pada waktu puncak. Justeru itu sumber tenaga bagi pengecasan EV harus datang daripada sumber boleh diperbaharui, khususnya tenaga solar. Ini penting bagi memastikan manfaat alam sekitar daripada penggunaan EV benar-benar tercapai dan bukan sekadar beralih daripada petrol ke elektrik tetapi kepada elektrik yang bersih dan mampan.

Jadi kesimpulannya, peralihan kepada kenderaan elektrik bukan sekadar *trend* teknologi tetapi satu langkah strategik ke arah masa depan hijau yang mampan dengan perancangan yang rapi, akses yang menyeluruh serta penekanan kepada penggunaan tenaga boleh diperbaharui Johor berpontesi besar untuk menjadi peneraju negeri hijau di Malaysia. Kita bukan sekadar mahu lebih banyak kenderaan EV di jalan raya, tetapi mahu memastikan setiap kilometer perjalanan itu mesra alam dan memberi manfaat kepada rakyat Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu yang ketiga yang ingin saya bincangkan di sini adalah berkenaan dengan sisa elektrik *(e-waste)*. Kerajaan Johor perlu memulakan rancangan mengendalikan sisa elektrik bermula dari sekarang dan bukannya pada masa sisa elektrik mencecah angka yang sukar dikawal. Sekiranya tidak ditangani dengan baik *e-waste* bukan sahaja mencemarkan alam sekitar malah mempengaruhi kesihatan masyarakat. Justeru itu, saya mencadangkan agar kerajaan Johor, Majlis Pembangunan Hijau Johor, semua PBT, NGO, pihak swasta serta pemegang taruh yang berkaitan agar memulakan inisiatif pengurusan sisa elektrik, elektronik yang lebih berkesan dan terancang, bahkan penubuhan Jawatankuasa Khas atau Majlis khusus untuk sektor ini juga digalakkan. Kita perlu bersikap pro-aktif terhadap pengurusan dan pelupusan sisa elektrik yang kian bertambah dengan kemajuan teknologi. Perkembangan teknologi yang pantas menyebabkan jangka hayat produk elektronik semakin singkat, manakala *volume* pelupusan peralatan elektrik pula meningkat saban tahun. *E-waste* termasuk *solar pv* yang rosak atau tamat tempoh, penggunaan kabel, bateri, komponen elektrik lain-lain seperti bateri kereta, EV, telefon pintar dan sebagainya dan kita menjangkakan peningkatan pada sisa-sisa tersebut.

Jadi, pengurusan *e-Waste* di Malaysia masih terbatas atas faktor kekurangan fasiliti kitar semula yang mencukupi serta berteknologi tinggi menyebabkan sebahagian besar *e-waste* diproses oleh pengitar semula tidak formal yang juga tidak mempunyai peralatan perlindungan atau teknologi yang bersesuaian. Amalan ini membahayakan kesihatan pekerja serta menyebabkan pencemaran tanah dan sumber air yang datangnya daripada sisa toksid seperti plumbum, merkuri dan kadmium.

Seperti yang kita sedia maklum, Johor pernah merekodkan insiden pencemaran sumber air dari sisa toksik industri yang merbahaya. Oleh itu, hal ini perlulah diberi keutamaan agar sejarah yang sama tidak berulang kembali dengan *e-Waste*. Menurut laporan PBB dunia, dunia telah menghasilkan 60 juta tan matrik *e-Waste* pada tahun 2022, meningkat sebanyak 82% berbanding tahun 2010 dan dijangka meningkat lagi 32% kepada 82.2 juta tan matrik menjelang tahun 2030. Di seluruh Malaysia pula, lebih daripada 55,000 tan sisa elektrik dan elektronik telah dihasilkan pada tahun 2024.

Kajian juga menunjukkan antara Januari 2023 hingga Februari 2025, Malaysia telah menjadi destinasi utama bagi pelupusan *e-Waste* dari Amerika Syarikat dengan jumlah import melebihi 131,000 matrik tan. Sudah tiba masanya, Kerajaan Negeri Johor mengambil pendirian yang lebih tegas dalam mengubah dasar *e-Waste* Johor yang komprehensif dan ketat serta rancangan lebih menyeluruh merangkumi tanggung jawab pengilang, insentif untuk pengitar semula yang sah serta kempen kesedaran kepada rakyat. Jadi, dengan langkah yang pro-aktif ini, Johor bukan sahaja dapat melindungi alam sekitar dan kesihatan rakyat, malah memperkukuhkan reputasinya sebagai negeri peneraju dalam pembangunan hijau dan ekonomi kitaran semula di Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu seterusnya adalah berkenaan dengan isu air, yang isu air iaitu tarif air *nondomestic* SAJ. Tarif air untuk kategori bukan domestik Johor telah

dinaikkan pada Julai 2025, di mana blok tarif lama adalah untuk meter padu kosong hingga 35, kadar dia adalah RM3.15. Untuk yang lebih daripada 35 meter kiub, meter padu adalah RM3.55. Untuk blok tarif baru, adalah kenaikan agak tinggi, kosong sampai 35 meter padu adalah RM4.15, di mana kenaikan adalah 31.75% dan untuk 35 meter padu ke atas, tarif baru adalah RM5.30. Jadi, kenaikan adalah 49.30%.

Jadi, boleh dikatakan kenaikan adalah hampir 50%. Dan lazimnya, kebanyakan perniagaan menggunakan air lebih daripada 35 meter padu. Hal ini, hal ini telah menyebabkan peningkatan kos kepada para peniaga, seterusnya membawa kepada kesan rantaian harga barangan keperluan harian. Kenaikan ini memberi kesan kepada semua peniaga termasuk restoran, gerai, pasar, kilang air minuman, kilang ais di mana penggunaan air adalah tinggi. Jadi, saya menyeru dan mencadangkan agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat berbincang dengan pihak SAJ bagi mendapatkan solusi yang terbaik untuk mengurangkan tarif air *nondomestic* agar kenaikan tidak terlalu tinggi dan membebankan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu seterusnya yang saya ingin utarakan adalah berkenaan dengan Bantuan Kasih Johor (BKJ). Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan Johor dengan lebihan hasil yang diperolehi ianya dapat memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan melalui pelbagai Insentif Bantuan Kasih Johor. Saya menyokong sepenuh inisiatif yang diberikan dan turut mencadangkan beberapa mekanisme lain yang boleh dipertimbangkan mengikut kesesuaian terutamanya dalam menyampaikan bantuan secara bersasar dan menyeluruh. Lazimnya, kita memikirkan keperluan bagi pihak penerima dalam masa yang sama saya mencadangkan untuk kita juga mengambil pendekatan, membantu peniaga tempatan dalam kebersamaan menyampaikan hasrat murni ini.

Yang pertama, kaedah yang saya cadangkan yang pertama, kaedah kupon atau baucer tunai. Di mana kaedah ini boleh melibatkan peniaga tempatan seperti peruncit, peniaga makanan dan peniaga pasar basah. Sebagai contoh, bakul makanan, bantuan bakul makanan ia tidak semestinya diberikan secara fizikal malah lebih elok jika diberikan baucer kedai berdekatan, hah. Keadaan ini telah saya amati lebih berkesan kepada penerima dan peruncit melalui Bantuan Bulanan Dapur Kasih Johor yang bernilai RM100.00 setiap isi rumah bagi keluarga angkat DUN sejak 2024. Jika dilihat dari sudut perniagaan tempatan dan peniaga di pasar basah, mereka turut mendapat manfaat secara langsung daripada insentif ini kerana mereka boleh beli di kedai-kedai berdekatan. Kedai-kedai berdekatan tidak akan, bisnes mereka tidak akan turun.

Yang kedua, kaedah kupon atau baucer tunai untuk masakan, makanan siap masak. Melalui ziarah kasih yang saya lakukan di kawasan, tidak semua penerima memerlukan bakul, bantuan bakul makanan. Bagi warga emas yang uzur dan pesakit kronik, kehidupan mereka lebih praktikal dengan bantuan makanan siap masak. Oleh itu, kaedah ini lebih sesuai bagi mereka yang tidak mampu menyediakan makanan harian selain memberi impak ekonomi yang berterusan kepada peniaga ataupun gerai tempatan.

Jadi, kedua-dua kaedah ini boleh juga dilakukan bersempena perayaan seperti sambutan Tahun Baru Cina, Aidilfitri dan Deepavali dengan memberi peluang kepada penerima membuat pilihan mengikut keperluan masing-masing. Bukan semua nak mengguna kaedah ini, kita boleh selitkan kalau dirasakan sesuai. Jadi, saya mencadangkan untuk kaedah ini diaturkan secara terus melalui ke semua 56 ADUN bersama peniaga tempatan kawasan masing-masing bagi memudahkan cara pembahagian.

Selain itu, untuk isu BKJ yang telah diumumkan sebelum ini. Untuk BKJ yang telah diumumkan sebelum ini, yang telah dijalankan sebelum ini adalah Bantuan kepada Ibu Tunggal, warga emas, penghuni PPR, pemandu teksi semua ada, *laptop* dan juga tunai kepada mahasiswa mengikut DUN masing-masing. Kami barisan pengimbang berharap ia boleh melibatkan ke semua 56 ADUN pada masa depan.

Selain itu, bantuan yang diberikan dalam bentuk wang tunai kepada penerima B40 juga perlu diperhalusi ekoran rungutan yang diterima, di mana ianya membebankan mereka dari segi kos pengangkutan juga keperluan untuk penerima yang uzur, bergerak ke tempat tersebut. Kebanyakan mereka ini adalah dari golongan yang kurang berkemampuan dan menggunakan pengangkutan awam untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Mereka memilih bantuan ini diberikan secara *online transfer* di mana ianya tidak membebankan untuk ke tempat perasmian sumbang tersebut.

Selain itu, ada juga orang merungut kepada saya, bahawa bantuan tunai *one-off* RM200.00 kepada pemandu teksi dan *e-hailing* baru-baru ini, saya dapati ianya memakan masa yang agak lama juga bagi penerima untuk berada di tempat perasmian ataupun majlis. Jadi, dalam tempoh tersebut setiap dari mereka telah terlepas peluang untuk mengambil penumpang dan menjana pendapatan, di mana RM200.00 yang diberikan mungkin hanya tinggal RM100.00 lebih sahaja yang dibawa pulang kerana mereka hilang peluang untuk mencari mata pencarian dan penumpang. Jadi, tidak dinafikan ianya tetap memberi manfaat kepada penerima. Tetapi pada pandangan saya, jika yang perlu dimajliskan bolehlah dilakukan dalam skala yang lebih kecil dan di tempat yang bersesuaian untuk pihak yang terlibat untuk menghadirkan diri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu yang seterusnya adalah berkaitan dengan Bantuan Baik Pulih dan Bantuan Bina Baru Rumah. Bagi tahun 2024 dan 2025, pihak MAIJ dan PKPJ telah menawarkan Bantuan Baik Pulih dan juga Bina Baru Rumah Kasih Johor bagi golongan B40 yang layak di ke semua 56 DUN. Jutaan terima kasih kepada MAIJ dan PKPJ yang telah banyak membantu mereka yang layak untuk mendapatkan rumah mereka di baik pulih ataupun dibina baru. Setelah melalui proses yang diperlukan untuk membantu golongan ini, pihak saya telah mengenal pasti beberapa isu yang perlu dipertimbangkan bagi mencapai objektif utama iaitu membantu rakyat yang layak mendapatkan kediaman yang lebih selesa dan kondusif.

Antara kekangan untuk menepati kelayakan yang ditetapkan adalah bagi golongan *border line* di mana pendapatan seisi rumah di atas pagar antara B40 dan M40. Walaupun pada dasarnya mereka tidak layak, seharusnya ada dasar tetap juga dinyatakan di mana golongan ini juga boleh diterima, bergantung kepada komitmen sedia ada dan juga keadaan rumah mereka yang agak daif untuk diduduki. Sebagai contoh, salah satu peserta saya tidak bekerja dan menduduki rumah yang banyak kerosakan serta memerlukan baik pulih tetapi ekoran pendapatan isu rumah anak-anaknya yang sudah bekerja, beliau tidak layak untuk dimasukkan sebagai peserta baik pulih walaupun beliau telah menjelaskan bahawa pendapatan anak-anak itu adalah tidak tetap dan masing-masing mempunyai komitmen sendiri, ianya agar sukar dipertimbangkan.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan dapat meneliti semula komitmen yang ditanggung oleh setiap ahli keluarga kerana pendapatan isi rumah tidak mencerminkan realiti kehidupan yang sedang mereka lalui. Jadi, bagi Bantuan Bina Baru kawasan bandar, agak sukar untuk mendapatkan golongan B40 yang mempunyai tanah hak milik persendirian mahupun ahli keluarga lain telah melayakkan mereka dibantu sebagai peserta Bina Baru atau pihak PKPJ mahupun MAIJ. Jadi, saya mohon agar bagi DUN yang berada di kawasan bandar diberikan kelonggaran sedikit agar mendapatkan kuota baik pulih yang lebihlah berbanding dengan kuota bina baru ya.

Secara keseluruhan, Stulang hari ini berkongsi idea yang berkaitan dengan yang pertama, penyuraian trafik di CIQ, BSI, stesyen RTS dan Bandaraya Johor Bahru. Yang kedua, mengenai pengecasan *EV* dan yang ketiga, pengurusan *e-Waste* dan yang keempat, tarif air SAJ yang *nondomestic* air yang perlu dikurangkan dan juga penambahbaikan kepada Bantuan Kasih Johor dan juga cadangan untuk Bantuan Baik Pulih Dan Bina Baru Rumah Johor.

Kesimpulannya, kita sama-sama ingin melihat Johor berkembang pesat dengan pelaburan dan pendapatan yang meningkat. Perkembangan pesat ekonomi yang menjelmakan modul Shenzhen - Hong Kong di Johor – Singapura, menjadi impian bersama. Ini seirama dengan pantun yang berbunyi, kain batik kain pelikat, coraknya indah berwarna warni, ekonomi Johor terus meningkat, limpahannya rakyat Johor disantuni. Dengan ini, saya menyokong usul Belanjawan 2026 yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat bijak untuk mengurus masa. Mulai hari ini hingga 19 hari bulan nanti, seramai 39 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terlibat dalam perbahasan. Bagi membolehkan semua Ahli Yang Berhormat dapat berucap, saya mohon kerjasama semua agar mematuhi masa yang diberikan. Masa perbahasan yang diberikan maksimum 20 minit seorang untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Bukit Kepong.

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal (Bukit Kepong) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Bismillahirrahmaanirrahim, (bacaan Selawat), Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, alhamdulillah pertama-tamanya marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinnya jua kita dapat berhimpun dalam Dewan yang mulia ini, lambang kematangan demokrasi yang terus subur di negeri Johor yang bertuah. Bukit Kepong ingin memulakan ucapan perbahasan dengan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucapan selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang akan disambut pada 22 November ini. Bukit Kepong dengan penuh takzim dan kasih menzahirkan doa ke hadrat Allah SWT agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anaknda dan kerabat diraja sentiasa dikurniakan keberkatan umur, kesihatan yang berpanjangan serta kesejahteraan berterusan dalam memayungi rakyat dan Bangsa Johor.

Syukur alhamdulillah, pada hari yang penuh bermakna ini Bukit Kepong turut berpeluang mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Johor Tahun 2026 sebagaimana Ahli-Ahli Dewan yang lain sama ada di pihak kerajaan mahupun di pihak pengimbang. Platform yang amat berharga ini akan Bukit Kepong manfaatkan sepenuhnya demi kepentingan negeri Johor serta kebajikan rakyat khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Kepong yang diamanahkan untuk diwakili.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, izinkan Bukit Kepong memulakan perbahasan ini dengan menyorot sabda junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menjadi panduan utama dalam urus tadbir dan amanah, bahawa Rasulullah SAW telah melantik seorang amil pegawai kutipan zakat setelah selesai melaksanakan tugasnya beliau datang kepada Rasulullah dan berkata "Wahai Rasulullah, ini adalah harta untuk tuan dan ini pula hadiah yang diberikan kepadaku. Lalu Rasulullah SAW bersabda, Sekiranya engkau duduk di rumah ayah dan ibumu, adakah engkau akan diberikan hadiah itu? Tidak demi Allah dan jiwa Muhammad berada di dalam genggamannya. Tidaklah seseorang mengambil harta secara khianat melainkan kelak pada hari kiamat ia akan memikulnya di atas kepalanya". Riwayat Al Bukhari, Hadith Ke-6636.

Hadith ini mengingatkan kita bahawa amanah dan integriti adalah asas kepada keberkatan rezeki dan pentadbiran. Ia juga menjadi peringatan bahawa sebarang bentuk salah guna kuasa dan penyalahgunaan harta awam walau sebesar zarah sekalipun tidak akan terlepas daripada hisab Allah SWT.

Maka, dalam semangat ini Bukit Kepong ingin mengajak Dewan yang mulia untuk melihat Belanjawan Negeri Johor 2026 bukan sekadar sebagai dokumen, angka dan peruntukan tetapi sebagai amanah besar yang akan dinilai oleh rakyat di dunia dan Allah di akhirat kelak. Justeru itu, setelah meneliti keseluruhan intipati Belanjawan Negeri Johor 2026, terdapat beberapa perkara yang ingin Bukit Kepong bangkitkan khususnya menyentuh kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat di kawasan Bukit Kepong serta rakyat Johor amnya. Besarlah harapan Bukit Kepong agar isu-isu yang diketengahkan ini diberi perhatian serius serta tindakan segera oleh pihak kerajaan demi memastikan setiap dasar dan peruntukan yang dibentangkan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Bukit Kepong ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap Titah Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang menzahirkan kebimbangan terhadap masalah kesesakan lalu lintas yang dijangka berlaku apabila projek RTS Link antara Johor Bahru dan Singapura mula beroperasi kelak. Tindakan sambil lewa oleh kerajaan perpaduan menyaksikan sehingga kini tiada penyelesaian menyeluruh dikemukakan bagi menampung peningkatan jumlah trafik termasuk pelaksanaan sistem dengan izin, ART bertingkat atau alternatif pengangkutan lain di kawasan sekitar Bukit Chagar. Pulau Pinang mendapat limpahan projek LRT bernilai RM17 bilion, tetapi untuk Johor, kerajaan persekutuan memaklumkan bahawa tiada peruntukan mencukupi untuk menampung kos penyelenggaraan sekiranya penyelesaian bertingkat sepenuhnya dilaksanakan. Ini berlaku walaupun Johor menjadi negeri dengan pertumbuhan KDNK 6.4% iaitu pertumbuhan ekonomi tertinggi di Malaysia.

Ini menunjukkan seolah-olah bahawa kerajaan negeri Johor dianaktirikan oleh kerajaan perpaduan walaupun jumlah MP Pembangkang di Johor antara adalah tertinggi iaitu sebanyak 24 orang, kecuali Pagoh dan Mersing. Sedangkan di Pulau Pinang jumlah MP nya tak lebih daripada 13 orang. Jadi, menjadi tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan YB-YB yang berada di depan saya ini baik di blok sebelah kanan mahupun di blok hadapan saya untuk memastikan kerajaan negeri Johor tidak dianaktirikan dan pembangunan di negeri Johor sewajarnya menjadi agenda utama kerajaan perpaduan. Inilah sikap sebenar kerajaan perpaduan apabila mereka mahu sokongan untuk membentuk kerajaan, mereka merayu kepada Johor tetapi selepas menjadi kerajaan, Johor dilayan seumpama anak tiri. Bukit Kepong meminta sahabat-sahabat daripada DAP, PKR, pihak-pihak kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menegur Perdana Menteri agar segera membantu Johor untuk melaksanakan penyelesaian menyeluruh di projek tersebut dan projek-projek banyak lagi di negeri Johor yang masih tidak dilaksanakan. Kalian sentiasa meminta-minta untuk menjadi sebahagian daripada kerajaan negeri Johor namun, apabila berlaku isu seperti ini kalian mendiamkan diri tanpa secubit pun rasa ingin menegur pimpinan utama parti kalian supaya membantu negeri Johor.

Menyentuh isu yang hampir sama, Bukit Kepong turut ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini atas sikap Ahli Parlimen Pontian merangkap Timbalan Menteri Kerja Raya yang malas untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Mersing mengenai infrastruktur asas di Mersing. Sikap begini adalah amat mengecewakan sekali. Jadi, menjadi tanggungjawab dua orang ADUN kita iaitu Benut dan Pulai Sebatang untuk menegur MP kalian untuk memastikan pembangunan di negeri Johor menjadi keutamaan menteri-menteri yang ada di Putrajaya.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, sangkaan buruk Yang Berhormat Datuk Speaker, Perkara 45(13), terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Cuba baca 13 kalau boleh.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, 45(13), seseorang ahli itu tidak boleh sekali-kali mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik kepada seseorang Ahli yang lain menuduh ke atas diri seseorang Ahli lain,

menggunakan bahasa yang kesat, lajak dalam percakapannya yang mengganggui sahsiah seseorang. Terima kasih.

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal (Bukit Kepong) : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ingin saya tahu ayat yang manakah, perkataan yang manakah yang saya sebut sehingga boleh menyinggung perasaan ADUN yang berkenaan?

YB Timbalan Speaker : Nama tak disebutkan, teruskan.

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal (Bukit Kepong) : Sebagai Ahli Parlimen, yang berasal dari Johor, beliau sepatutnya menunjukkan keikhlasan dan ketulusan untuk membangunkan Johor bukannya sentiasa bermain politik dendam yang tidak berkesudahan. Sungguhpun Parlimen Mersing diwakili oleh Perikatan Nasional, namun harus diingat bahawa Mersing juga merupakan permata pelancongan bagi negeri kita ini. Bagaimana seorang anak Johor boleh melupakan negeri yang telah meletakkannya di persada politik tanah air? Saya tidak mendengar pun mana-mana sahabat-sahabat daripada pihak kerajaan menegur atas sikap Timbalan Menteri tersebut. Adakah kerana beliau berasal dari parti yang sama? Maka YB-YB semua diam membisu.

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) : Yang Berhormat, boleh tak saya celah jugalah, saya memang geram juga lah tengok ini, sebab apa...

YB Timbalan Speaker : Celahan tak boleh. Ada apa-apa nak di..

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal (Bukit Kepong) : Sebagai Bangsa Johor, kita tidak boleh melupakan jati diri dan semangat Johor mesti jadi Johor. Walaupun kita telah bergelar menteri, atau timbalan menteri.

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed (Permas) : mengikut peraturan yang tadi, dia cakap ini Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat kena ikut...

YB Timbalan Speaker : Permas, duduk.

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal (Bukit Kepong) : Semangat ini mesti disemat dalam sanubari setiap Ahli Dewan kita tidak kira sama ada Dewan Negeri ataupun Dewan Rakyat. Bangsa Johor mesti mengutamakan negeri tanah tumpah darah kita.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang pencemaran sungai dan gangguan bekalan air. Bukit Kepong ingin mengutarakan satu lagi isu yang amat membimbangkan iaitu insiden pencemaran Sungai Johor yang berlaku beberapa minggu lalu sehingga menyebabkan gangguan bekalan air kepada sebahagian besar rakyat di negeri ini. Saya dimaklumkan ada lebih kurang 480,000 akaun pengguna terkesan akibat pencemaran ini.

Peristiwa ini sekali lagi membuktikan betapa rapuhnya sistem penguatkuasaan dan pemantauan sumber air kita. Kita tidak boleh terus menunggu bencana berlaku sebelum bertindak. Kerajaan perlu memperkukuhkan sistem pencegahan dan pengawasan agar tragedi seperti ini tidak lagi menjadi rutin tahunan yang mengorbankan kesejahteraan rakyat. Ingat, kita pernah menghadapi bencana pencemaran iaitu Sungai Kim Kim kemudian diikuti dengan pencemaran Taman Mawar. Sebetulnya kerajaan, penjawat awam telah mempunyai pengalaman tentang isu pencemaran ini. Saya ucapkan terima kasih kepada seluruh penjawat awam yang telah membantu menyelesaikan isu pencemaran di Sungai Kim Kim dan Taman Mawar. Namun, kenapa boleh terjadi lagi pencemaran Sungai Johor yang terus mengganggu kita pengguna di negeri ini. Undang-undang berkaitan rizab sungai dan zon penampan sumber air sebenarnya sudah lama wujud. Namun, pelaksanaannya masih longgar dan tidak konsisten. Isu ini menuntut penyelerasan yang lebih erat antara agensi-

agensi berkaitan seperi Pejabat Tanah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar serta Badan Kawal Selia Air Johor melalui satu sistem pemantau bersepadu dan berterusan. Bukit Kepong sangat khuatir tentang isu ini kerana Bukit Kepong, Bukit Pasir, Serom di tengah-tengahnya ada Sungai Muar. Sungai Muar pun, saya rasa akan menghadapi isu yang sama jika kita tidak memastikan penguatkuasaan dijalankan dengan sebaiknya.

Pagi-pagi jangan lupa beriadah; berhenti beriadah makan kuini; Sungai Muar, Sungai Kepong bersih dan indah; punca pendapatan kami dari dahulu hingga kini. Sungai Johor ialah nadi air negeri ini. Kita memerlukan bukan sahaja penguatkuasaan berterusan dan pemantauan masa nyata, *real time monitoring* tetapi juga ketegasan politik untuk memastikan sumber air negeri sentiasa terpelihara. Air bersih bukan sekadar kemudahan asas tetapi hak asasi setiap rakyat Johor yang mesti dilindungi dengan penuh tanggungjawab.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Bukit Kepong ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada pentadbiran negeri kerana telah berjaya membentangkan Belanjawan Johor 2026 yang berjumlah RM2.55 bilion. Menteri Besar menggambarkan belanjawan ini sebagai belanjawan lebihan dan juga kedudukan kewangan negeri yang kukuh serta hasil yang meningkat. Namun, sebagai pihak pembangkang yang bertanggungjawab Bukit Kepong menegaskan bahawa kekayaan negeri Johor ini belum diterjemahkan dalam bentuk kesejahteraan rakyat yang holistik di sebalik setiap angka, data dan statistik yang diungkapkan dalam dokumen Belanjawan Johor 2026, realitinya ramai rakyat masih berdepan dengan tekanan sara hidup seperti yang telah disebutkan oleh Kukup dan Perling tadi. Setiap hari kita melihat bahawa peningkatan harga barang, subsidi ditarik. Yang sebetulnya membebankan kita rakyat Malaysia. Bukit Kepong menyambut baik setiap inisiatif kebajikan yang telah diumumkan namun, pendekatan yang terlalu bergantung kepada bantuan tunai dan dengan izin *one-off* adalah penyelesaian jangka pendek bukan dasar jangka panjang untuk memperkukuh ekonomi rakyat. Kerajaan negeri perlu memperluaskan dasar yang bersifat pembudayaan dengan izin, *empowerment* seperti latihan kemahiran, pembangunan, keusahawan, penyelidikan, peluang pekerjaan supaya rakyat mampu berdikari dan tidak terus bergantung kepada bantuan sementara.

Dokumen Belanjawan 2026 ini masih melihat wanita sebagai golongan yang perlu diberikan ehsan bukan sebagai golongan yang boleh memimpin ekonomi. Bukit Kepong juga ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan terhadap penjawat awam dengan pemberian insentif khas namun Bukit Kepong tertanya-tanya adakah insentif khas ini akan turut dinikmati oleh pesara-pesara kerajaan, pesara-pesara kerajaan persekutuan yang anak negeri Johor, yang merupakan mereka semua pastinya pengundi di negeri Johor.

YB Timbalan Speaker : Masa hampir.

YB Dato' Dr. Haji Sahruddin bin Haji Jamal (Bukit Kepong) : Alang-alang menyeluk pekasam, seluk sampai ke pangkal lengan; alang-alang memberi bantuan, berilah bantuan untuk semua golongan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, memandangkan masa pun dah nak habis, tadi sewaktu saya berada di luar. Saya ada dapat satulah memorandum daripada Persatuan Kebajikan Pemilik-Pemilik Tanah dan Penduduk Kampung Melayu Majidee Negeri Johor. Beliau mengeluh kerana kesukaran untuk bertemu dengan pimpinan di atas. Jadi, adalah harapan saya untuk pihak kerajaan tolong melihat, mempertimbangkan memorandum yang telah di berikan. Datuk Speaker bijak berpantun; pantunnya indah ceria suasana; Datuk MB bijak dan bersopan santun; semoga dapat diselesaikan dengan bijaksana. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Bukit Kepong. Selanjutnya dipersilakan Yang Berhormat Sri Medan.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Bismillahirrahmanirrahim**.** (Bacaan Doa) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Boleh dengar Yang Berhormat Speaker? Saya tak dengar suara saya sendiri. Minta maaflah saya pun tak berapa sihat Yang Berhormat Datuk Speaker, mungkin saya ada, mungkin terpaksa saya baca sepatah-sepatahlah harap Datuk Speaker tak mengganggu perasaan saya.

YB Timbalan Speaker : Insya-Allah.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Salam Maju Johor. Yang saya kasihi Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih bagi ruang kepada Sri Medan untuk petang ini. Kepada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih. Tak apa Bukit Kepong nanti saya cubalah jawab sikit, panas betul tadi. Rakan-rakan saya cuba jawab juga tadi tu ya. Tak apa kita tadi ruang untuk Bukit Kepong jadi kita biarkan sahajalah biar dia bercakap dekat mana nak bercakap pun bercakaplah. Dekat Dewan ke? Dekat *medsos* ke apa kita redha je, tapi insya-Allah rakan-rakan pembangkang, saya ingat bukan kita mengiyakan je, apa yang kerajaan Perpaduan pada hari ni. Saya ingat saya yang kelima yang pertama, kedua pun kita sebut tentang apa yang telah dititahkan oleh Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor. Kita bukan pekak, kita bukan buta dan kita sentiasa dengar dan kita sentiasa ambil tahu dan kita jadi pengimbang sama juga dengan rakan-rakan di blok yang sebelah. Terutamanya saya hendak merafak sembah Yang Berhormat Datuk Speaker, dan juga setinggi tahniah serta ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Ibrahim sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku pada 22 November tahun 2025. Keduanya Yang Berhormat Datuk Speaker, Sri Medan ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kempimpinan Negeri Johor hari ini dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor. Ampun Tuanku.

Yang ketiga Yang Berhormat Datuk Speaker, saya hendak mewakili rakan-rakan saya duduk di kawasan DUN Sri Medan Datuk Speaker, ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Menteri Besar Johor di atas pembentangan Belanjawan Johor Tahun 2026 yang mencakupi banyak perkara. Enam Teras, 260 inisiatif. Saya tak perlu sentuh apa yang Sedili rasa, saya tak perlu sentuh apa Johor Lama rasa tetapi saya nak sentuh apa yang Sri Medan rasa atas pembentangan Belanjawan 2026. Hari ni rakan-rakan saya tu ada Yang Berhormat Datuk Speaker, daripada pagi sampai ke petang, saya jangka tengah hari saya akan bahas tetapi hari ni mereka tunggu juga. Bukan 37 kali, dua orang yang sama tu (Dewan bertepuk).

Kalau Yang Berhormat Datuk Speaker, boleh izinkan mereka hendak menunjukan rasa hormat dan bangga kepada Kerajaan Negeri Johor boleh rakan-rakan semua bangun. Ini dia wakil-wakil penduduk kampung DUN Sri Medan (Dewan bertepuk). Saya teringat kali pertama saya bawa mereka, Yang Berhormat Datuk Speaker, pada saya ingat tahun lepas dalam sidang Dewan kali pertama saya bawa. Saya tak pernah bawa pemerhati daripada DUN Sri Medan. Saya bawa tahun lepas kerana saya hendak tunjukkan dengan kerajaan negeri betapa kerajaan negeri prihatin dengan kita semua terutama ketika itu mangsa-mangsa banjir yang terlibat banjir, bencana banjir pada tahun 2023. Pada ketika itu apa yang kita janjikan kepada mangsa-mangsa banjir meraka akan mendapat RM2,500.00 tetapi malangnya saya dapat keluar RM1,000.00 Yang Berhormat Datuk Speaker. Tetapi bila saya bangkitkan dalam Dewan, Persidangan Dewan Negeri alhamdulillah bukan tanggungjawab negeri saya tak salahkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor tetapi alhamdulillah dengan keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada ketika itu telah diluluskan peruntukan RM11.997 juta bukan untuk DUN Sri Medan sahaja, ramai yang dapat daripada Segamat, daripada Batu Pahat, Sri Medan jadi suara untuk mereka semua. Akhirnya mereka telah terima dah hari ini rakan-rakan saya ingin menunjukkan sokong sekali lagi kepada kerajaan negeri Johor bahawa Belanjawan Johor 2026 adalah yang terbaik (Dewan berterpuk) semenjak saya menjadi Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Saya pun kadang-kadang saya duk fikir juga mana MB nak cari duit banyak-banyak Datuk Speaker ya? Diberi RM11.997 juta jumlah yang besar. Yang sebelah sana mungkin dia buat tak faham sahaja. Tetapi itulah syukur kepada Allah SWT dengan RM12 juta diberi kepada kita semua, kawan-kawan kita daripada DUN Sri Medan akhirnya limpahan rezeki itu berlimpat kali ganda. Dalam tempoh tiga (3) tahun enam (6) bulan jumlah pelaburan negeri Johor telah mencecah RM218 bilion. 64,000 peluang pekerjaan telah wujud dalam negeri Johor dan juga kadar pengangguran dalam negeri Johor kekal dalam paras 2.3%. Apa eh 2.3% macam sikit sangatkan? Walaupun kata ada 100,000 mungkin 2,300 orang tak kerja. Bukan, sebenarnya 2.3% Yang Berhormat Datuk Speaker, saya pun sempat lah saya *study* sikit ya, kadang kita hendak cakap ni kadang-kadang kita pun hendak kena tahu juga apa itu 2.3%. Rupanya bilangan penganggur dibahagi kepada jumlah tenaga buruh, didarabkan 100. Kalau bilangan penganggur ini bermaksud orang yang tidak bekerja. Mereka aktif mencari kerja dan juga mereka yang sedia untuk bekerja. Bukan yang lepak warung. Lepas warung memang tak nak kerja tu kita tidak masuk dalam bilangan pengangguran ini. Dibahagikan kepada jumlah tenaga buruh yang sedang bekerja di campurkan penganggur yang sedang cari kerja. Jadi itulah bila didarabkan kepada 100 akan dapat 2.3% bermaksud negeri Johor ini dia ke depan dalam menangani masalah pengangguran. Jadi, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang menakjubkan saya dah selalu sebut dah saya kalau hendak rasa hormat saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ini, saya ingat tidak boleh diganti dengan sekilo emas sekali pun. Kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini dia mempunyai iltizam untuk membantu kita semua. Saya bercakap hari ini sebagai wakil DUN Sri Medan tetapi sebenarnya lebih daripada itu kalau kita hendak dengan apa yang diusahakan pada hari ini. Unjuran hasil Kerajaan Negeri Johor, negeri Johor RM2.550 bilion. Unjuran perbelanjaan RM2.54 bilion dan serta RM4.45 juta. Saya di Sri Medan memang syukurlah, mudah-mudahan negeri Johor ini akan terus makmur dari segi ekonomi dan juga rakyat di DUN Sri Medan, akan mendapat limpahan berlipat kali ganda kerana apa, hari ini kita dapat pelbagai bantuan-bantuan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, saya ingat Bantuan Kasih Johor, saya ingat dah banyak sangat dah. Ini untuk bulan 12, kita akan mengagihkan banyak lagi bantuan untuk ibu tunggal, bekas tentera, polis, ini pun ada dengar ura-ura pun, bapa tunggal pun nak dapat, minta maaf Kukup dan juga Sungai Balang, tanpa niat, tanpa sangka buruk eh. Bapa tunggal pun minta lagi, apa lagi yang nak kita dustakan hari ini. Sebab tu Yang Berhormat Datuk Speaker eh, Sri Medan walaupun belum ada bacaan pertama ke kedua, ketiga Seri Medan hari ini nak menyatakan bahawa kita menyokong penuh Belanjawan Johor Tahun 2026. Cuma apa yang kita mahu hari ini, kita doa sama-sama rakan-rakan semua nak dengar bahawa hari ini Sri Medan mengharapkan bahawa kita akan mendapat berlipat kali ganda tapi kena bersyukur. Jangan bergaduh, jangan bermasam muka, itu yang selalu pesan di peringkat bawah Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana rezeki itu akan mudah datang bila kita selalu bersyukur.

Sebab itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya teringat tadi disebut oleh apa, Bukit Kepong, minta maaf, Bukit Kepong pun sahabat saya ni eh, kadang-kadang saya pun, saya tengok juga dekat tik tok eh, Timbalan Menteri yang dimaksudkan tadi kan, dia kata sokong tak hendak, tapi projek nak haha, contoh ada macam tu lah. Tapi dekat kita, saya pun memang ada cakap, angkat tangan tak nak tapi semua nak ha, saya pun nak sebut juga. (Dewan bertepuk). Kita kadang-kadang kita serba salah, saya tak pernah anggap Ahli-Ahli Yang Berhormat kat depan saya sebagai musuh saya pun, semua kawan saya, rakan-rakan pengimbang, hari ni kita dah bercakap, kita tak pernah pun bersetuju 100% pun dengan apa yang kerajaan perpaduan buat, kita pun sebagai pengimbang sebenarnya, kita pengimbang.

Hari ini rakan-rakan akan bangkitkan apa yang mungkin kerajaan perpaduan tak dapat tunaikan dengan kita, tak apa, kita akan buat, tapi Yang Berhormat Datuk Speaker eh, saya kadang-kadang pun rasa kecil hati juga. MB dua jam lebih saya ingat, bentangkan Belanjawan 2026, saya tunggu adalah eh seorang, tak ada juga eh, kadang-kadang kita pun

apa lagi nak eh. Saya pun kadang sedih sebagai ADUN yang dah lamalah sebenarnya saya dah 3 penggallah, apa kita nak lagi eh. Jadi, saya harap rakan-rakan pengimbang nilailah, bezakan antara intan dan juga kaca, itu saya nak eh. Semua kawan, pastu yang Bukit Kepong sebut tadi ye, itulah saya dah sebut tadi saya tak ulang lagi lah eh. Ada beberapa perkara yang saya nak bangkitkan Yang Berhormat Datuk Speaker, saya pun tak nak ambil masa yang panjang, 11 minit dah berlalu dah. Saya mencatat perjalanan saya daripada 21 hari bulan 5 tahun 2025, setiap kali perjalanan saya ke kawasan, saya akan catat apa yang saya dengar, apa saya nampak, apa yang saya baca melalui medsos dan sebagainya.

Saya cuba mencatat satu-satu perkara dan akhirnya bila semalam, baru saya sempat tengok satu-satu ada 44 perkara eh, saya nak cuba bangkitkan dalam Dewan Negeri ini, tapi setelah saya senarai pendek saya tahu 44 perkara, Yang Berhormat Datuk Speaker, tak akan bagi saya peluang pun, untuk saya bercakap selama satu jam eh. Saya pendekan. Saya ambil yang penting-penting. Pada hari ini saya nak bercakap kepentingan untuk Sri Medan dan juga mungkin ada kepentingan untuk rakan-rakan saya yang ada di Dewan Negeri Johor.

Yang pertama ha, perkara-perkara ini memang tadi rakan ada sebut, dia kata dia ada bangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, Mesyuarat Tindakan DUN, saya dipengerusikan oleh Yang Berhormat Semerah, EXCO Kerajaan Negeri Johor, memang terbaik dia ni garang sikit ni, tapi saya ok lah, saya cakap dia teruskanlah YB Fared, yang baik, kita yang tua-tua ni, kita tengok aje, yang penting jangan salah jalan je eh. Dia nak cuba selesaikan dalam Mesyuarat Tindakan DUN, dalam Mesyuarat Tindakan Daerah saya dah menyebut banyak kali kan tapi ada juga yang masih belum selesai. Saya nak ucap terima kasih kepada Pegawai Daerah Batu Pahat, saya nak ucap terima kasih kepada JKR Batu Pahat, saya nak ucap terima kasih kepada JPS Batu Pahat dan juga jabatan-jabatan yang selalu mendengar, selalu ambil tindakan dan sebagainya. Tapi ada beberapa perkara yang saya rasa mesti untuk kita kerajaan negeri sambut, bagaimana nak menyelesaikan masalah ini.

Yang pertama sekali, masalah banjir ni Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Sri Medan ni memang dikenali dengan masalah banjir, sampai kawan-kawan saya pun mungkin rakan-rakan Ahli Yang Berhormat pun mungkin dah naik lemas dah, kalau saya bercakap soal banjir. Tapi untuk memastikan Sri Medan maju, untuk memastikan Sri Medan hebat pada masa akan datang, kita perlu menyelesaikan masalah yang asas. Sebab tu saya nak ucap terima kasih di sini, yang kalau boleh direkodkan oleh pihak Jurutulis, saya nak ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, kerana meluluskan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Chaah, terima kasih tu. Saya pun tak tahu *figure* yang sebenar, tapi dua (2), tiga (3) hari lepas, saya sempat tanya dengan Jurutera Daerah, kalau salah saya minta maaf Datuk Speaker, dengar ratus milion je. Kadang-kadang kita nampak, eh apa kena mengena Sungai Chaah dengan Sri Medan. Apa kena mengena ye. Jauh oh, nak sampai air tu ke kawasan Sri Medan pun ambil masa dekat empat atau lima jam. Tapi sebenarnya, penyelesaian masalah banjir di Sri Medan melalui pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Chaah, dia dapat menggabungkan dua RancanganTebatan Banjir yang telah diluluskan sebelum ini Yang Berhormat Datuk Speaker, iaitu kita, airnya, air berpunca adalah daripada Hutan Endau-Rompin. Air yang datang ke Sri Medan bermula daripada Hutan Endau-Rompin, dia akan turun kepada Pekan Chaah, sebelum Pekan Chaah, saya dimaklumkan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran akan dibina Kolam Takungan Banjir.

Ini yang diluluskan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Chaah ni, jadi bila sampai air daripada Hutan Endau-Rompin, dia turun ke Kolam Takungan Banjir di Chaah, dia akan dapat membantu aliran air secara perlahan. Jadi, bila air turun ke Sungai Chaah dan juga ke Sungai Lenek, sebelum sampai ke Simpang Kiri, air berjalan dengan perlahan dan air boleh mengalir sampai ke Kuala Sungai Batu Pahat. Itu yang kita nak, alhamdulillah, cadangan Sri Medan pada sesi yang lepas, sidang yang lepas, diambil kira dan akhirnya peruntukan itu lulus sebab itu rakan Yang Berhormat Bukit Kepong, bukan semua kita minta, dapat, bukan semua kita

minta, tak dapat. Itu yang sepatutnya. Kalau nak kata kenapa Penang eh, Penang dapat apa, LRT, kita tak dapat LRT, kita dapat cuma *Automated Rapid Transit* nilainya kurang, kenapa kerajaan perpaduan menganaktirikan kita, kenapa tak tanya, tak *check* pula, tahun 2025 eh, 2025, kerajaan perpaduan memberi peruntukan kepada Johor RM4.8 bilion dan kepada Pulau Pinang hanya RM2.5 bilion. Ini, macam mana kata, kita dianaktirikan pula hah.

Masa tu 2025, Pulau Pinang dianaktirikan, tahun ni 2025 ha, sebab tu cakap dengan fakta, jadi kita mudahlah, kita tak nak bila kita bercakap ni, yang dengar nanti di luar sana, yang ambil kenyataan kita nanti, rakyat tengok, inilah, inilah, kerajaan perpaduan ni menganaktirikan Johor. Ada yang tak betul, kita akan, saya akan bercakap sekejap lagi. Macam Sungai Kim-Kim Yang Berhormat Datuk Speaker, berlaku 2019, 2019, bulan Mac 2019, siapa Ketua, Menteri Besar pada ketika itu. Kita hari ni, menguruskan ni, masalah yang lepas ni, dalam masa beberapa tahun kita hilang eh, yang lepas, itulah kita tengah uruskan hari ini untuk beri yang terbaik untuk kita menyelesaikan masalah pencemaran. (Dewan bertepuk). Bukan, sebab tu, kita kadang-kadang telah ada *chat gpt* ni, kalau salah saya minta maaf eh. *Chat gpt* ni cepat aje dalam berapa *second* saya boleh dapat ha. Minta maaf tapi itulah saya nak kalau boleh biar apa yang kita katakan tu, biarlah berpijak di bumi yang nyata.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Rancangan Tebatan Banjir tadi, minta maaf eh, dah jauh pula saya pergi dah. Pasal saya tengok Bukit Kepong hilang pula eh. Rancangan Tebatan Banjir, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Chaah, ok. Saya pun sebenarnya dah banyak kali berbincang dengan, ni ada masalah juga berlaku ni. Saya bukanlah kata masalah tak boleh selesai, saya bersyukur kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ni dia prihatin bila kita kadang-kadang kita masuk dalam medsoskan rupanya dia baca Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Datuk Jafni, Yang Berhormat EXCO Kerja Raya, dia baca, dia tahu, apa yang sedang saya lalui di kawasan Parit Sulong dan juga Sri Medan. Jadi, dia telah berapa siri perjumpaan ni, memang dia telah buat dengan saya, jumpa saya untuk selesaikan masalah kerana dalam Rancangan Tebatan Banjir ni, kita suka kan, peruntukan kerajaan beri pada kita, RTB Sungai Batu Pahat RM50 lebih juta. RTB Bandar Batu Pahat RM192 juta. Kita suka, rupanya ada masalah penempatan Yang Berhormat Datuk Speaker, yang sehingga kini belum selesai lagi, mesyuaratnya saya ingat dan lebih daripada 10 kali saya ingat, kalau ibarat main bola tu kita main kat semi final je, final tak pergi-pergi lagi. Ini kita tengah usahakan ni. Tapi saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Datuk Jafni dan juga Yang Berhormat EXCO Kerja Raya, dia pasti akan bantu saya semua. Dan saya tahu, dia bukan sahaja untuk kita sahaja, tapi saya berharap mengharapkan bahawa *win-win situation* akan dapat kita capai nanti insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membangkitkan beberapa perkara eh, tentang RTB tadi, rupanya kita ada juga masalah-masalah di kawasan yang mungkin dihadapi oleh rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat kawasan masing-masing. Yang pertama sekali Yang Berhormat, daripada Chaah dia akan turun ke Sungai Lenek, dia akan turun ke Sungai Simpang Kiri, sebelum jumpa Sungai Simpang Kiri, kita ada kawasan tadahan banjir, kawasan tadahan air, kawasan tadahan air ini masalahnya satu Yang Berhormat Datuk Speaker, ban-ban tanah yang digunakan untuk menyimpan air telah banyak dipecahkan dan saya telah membangkitkan perkara ini di Mesyuarat Tindakan Daerah, saya tahu kemampuan JPS Daerah ini terhad, jadi saya mohon jasa baik, jasa baik daripada Kerajaan Negeri Johor, untuk bantu, macam mana kita nak dapatkan peruntukan bagi membaiki ban-ban tanah. Jadi, bila air disimpan dalam kawasan tadahan banjir, insya-Allah aliran air dapat kita kawal sebelum sampai ke kawasan perkampungan di Sri Medan.

Yang kedua, kita sibuk membersihkan parit ni, rupa-rupanya kita terlupa satu perkara Yang Berhormat Datuk Speaker, tebing-tebing dah mula runtuh dah. Saya dah bangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, jangan salahkan saya, dan saya tahu dia perlukan peruntukan yang besar, kadang-kadang kita mohon 20 meter panjang untuk kerja-kerja pembaikan RM80,000.00. Kalau tempat saya, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ada 560 kilometer panjang parit di DUN Sri Medan, kalau di daerah Batu Pahat sahaja ada 2,750 kilometer

panjang. Tak payah kita ambil banyaklah, kalau 10% di Sri Medan kita ada 56 kilometer. Kita tak payah amik banyak lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, kita amik 1% je, 5.6 kilometer. Macam mana eh nak selesaikan masalah tebing-tebing runtuh ni, kalau kerajaan negeri tak bantu atau kerajaan persekutuan tak bantu.

Sebab tu, saya tak kisahlah konsesi mana pun ha, saya dengar, saya puh sampai dah lupa dah ada berapa konsesi Yang Berhormat Datuk Speaker, sampai saya pun dah tak tahu dah sape yang bertanggungjawab dekat sini, dekat persisir parit, dekat tebing runtuh, baiki jalan, jadi saya pun susah, jadi saya mohon Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk pemerhatian Kerajaan Negeri Johor eh, untuk mengambil isu ni sebagai perkara yang perlu diangkat untuk mendapatkan peruntukan yang besar bagi menyelesaikan masalah tebing-tebing runtuh. Ini belum soal lagi pembersihan parit. Kita ada cuma 40 lebih % sahaja, bayangkan Sri Medan 560 kilometer, kita nak membersihkan parit cuma kita dapat 48 letak lah 50%, hanya 280 kilometer, saya rasa ini tak memadai kerana saya tahu apa yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri Johor untuk kerja-kerja pembersihan parit RM10.9 juta. Kerajaan persekutan hanya keluarkan RM2.9 juta Yang Berhormat Datuk Speaker, cuma lebih kurang dalam 20% saja. Jadi, mana tanggungjawab yang perlu digalas oleh kerajaan persekutuan bagi menangani masalah ini? Soal RTB selesai, bagaimana kita menyelesaikan penyelenggaraan tahunan? Kerana saya difahamkan oleh pihak JPS, satu parit panjang parit itu contoh Kampung Parit Bahru setahun sekali saja dia boleh bersihkan. Jadi, saya mohon jasa baik kepada kerajaan negeri, kemampuan terhad, rujuklah kepada kerajaan persekutan untuk bantu bagi peruntukan pembersihan parit.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini soal internet ni, saya bangga kerajaan negeri Johor ini hari kita mencapaikan Maju Johor 2030, saya dah bercakap banyak kali soal internet ini, capaian internet. Saya rasa dalam tempoh dua (2) tahun ini janganlah ada masalah lagi lah. Saya bukan apa Yang Berhormat Datuk Speaker, Sri Medan kadang-kadang kita sendiri bila kita masuk dalam kawasan, kita tak boleh bukak *handphone*, *line* tak dapat apa semua, kita pun rasa kecewa, kerana kita nak mencapai Negeri Maju 2030. Perkara asas yang mesti kita gerakkan untuk kita selesaikan adalah capaian internet. Saya ini kadang berita ini betul atau tidak betul Yang Berhormat Datuk Speaker nanti kita boleh semak sama-sama. Saya dapat mesej saya ada jumpa Cikgu Md Noh, bekas guru Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman, saya ada jumpa Tok Rosli, saya ada jumpa Abang Nuar, dia cerita, "Tok tahu tak Tok, pencapaian STPM dan SPM di Kampung Parit Puasa Darat yang dulu tu pelajar-pelajar tak dapat pencapaian cemerlang, setelah kita pusingkan kuali tu Tok, akhirnya tahun 2023 kita telah berjaya melahirkan pelajar yang cemerlang dalam STPM dan SPM." Saya minta izin Yang Berhormat Datuk Speaker, nanti yang cakap tu pun orang pakai kupiah, tak akan dia nak membohong kan? Saya perhatikan minta izin Yang Berhormat Datuk Speaker,

YB Timbalan Speaker : Boleh cakap semua tapi dipendekkan.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Kamisan (Sri Medan) : Okey, tapi nanti kata saya tak baca semua nanti apa pula harapan diorang kan? Ini maklumat lanjut berkenaan *WIFI* Kampung Parit Puasa. Tahun 2020 laporan Utusan Malaysia seorang pelajar panjat pokok untuk dapatkan gelombang internet. Kalau yang panjat pokok tu Tok ingatlah semua tahulah, cuma pokok jenis apa Tok jangan tanya saya. Tahun 2021, talian *WIFI* gentian optik internet dipasang hingga hujung Kampung Parit Puasa yang pertama dipasang. Tahun 2023, dua (2) calon SPM Parit Puasa dapat 13A, ini kawasan YB Fared ini, kita pun nak bagi ucap terima kasih pada YB Farid. 13A. Tahun 2024, dua (2) calon cemerlang STPM Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman, pertama saya nak rekod dalam Dewan ini, biar dia bangga, Diana Miswan pencapaian *4.0 Flat*, Anugerah Pelajar Terbaik STPM Sains Sosial Peringkat Kebangsaan Yang Berhormat Datuk Speaker, peringkat kebangsaan tau. Cuma ada capaian internet je. Membantu tau. Nazimudin Zainal cemerlang STPM *4.0 Flat* dan antara calon terbaik peringkat negeri Johor. 3 calon SPM dapat 13A, semuanya cemerlang ini adalah dari bahagian Surau 3 Darat. Yang baru dapat *line* ketika 2021.

Jadi kesimpulannya Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun 2013, kerajaan yang terdahulu ada melancarkan Johor *WIFI*. Hingga hari ini saya pun tak tahu apa status Johor *WIFI*. Boleh tak PBT-PBT saya dimaklumkan 30% tambahan hasil melalui program JS-SEZ. Dengan 30% ini boleh tak Kerajaan Negeri Johor di bawah EXCO berkaitan memperluaskan lagi Johor *WIFI* agar semua kampung-kampung dipelusuk mana-mana pun boleh mendapat capaian internet dengan baik. (Dewan bertepuk.)

Yang Berhormat Datuk Speaker..

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Sri Medan, pendekkan.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Kamisan (Sri Medan) : Macam mana ni eh, okey, BKJ saya dah sentuh tadi, saya bagi pihak kawan-kawan, walaupun dia tak jumpa saya kan, BKJ kita bagi banyak, tahun 2026, 350,000 akan menerima manfaat. Orang kata tak rasa tu saya tak taulah, Sri Medan rasa dan bersyukur kerana dapat Bantuan Kasih Johor. Itu yang saya nak tekankan di sini. Yang kata tak rasa, itu terpulang. Sri Medan tetap rasa. Boleh atau tidak kita dah bagi macam-macam ni, inisiatif kita, 1,2,3 bagi semua orang, PDK bagi, apa semua bagilah, sampai saya dah tak tau apa nak bagi, ibu tunggal daripada pendaftaran 18,000 dah naik pada 50,000 saya dengar, ramai. Untuk program Yang Berhormat Datuk Speaker dengan *surplus* sampai RM4 juta lebih ini, boleh tak, bagi menyokong Tahun Melawat Johor tempat saya ini pun bukan jadi kunjungan orang luar negara pun, tapi kita nak pelancong domestik datang.

Contoh, tempat saya, ada Taman Botani, ada eko pelancongan Sungai Simpang Kiri, ada peninggalan sejarah Perang Dunia Kedua, boleh tak Yang Berhormat Datuk Speaker pesan kat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor berilah peruntukan RM100,000.00 untuk setiap ADUN ni termasuk yang sana tu, bukan sini aje, kita nak menyemarakkan Tahun Melawat Johor dengan program-program di kawasan DUN masing-masing. (Dewan bertepuk.) Bagi RM100,000.00 baru RM5.6 juta. Jadi macam saya tempoh hari Yang Berhormat Datuk Speaker buat rakit, program itu cuma RM6,000.00 je modal tapi kalau ada lebih maka rakit tu penyertaannya dekat 50, oleh kerana kecil adalah 14 penyertaan, tapi telah menarik ramai pengunjung-pengunjung domestik untuk sama-sama dalam program tersebut.

Yang kedua, ini masalah ambulans YB Ah Soon, EXCO minta maaf, YB *sorry* ya, ambulans ni penatlah YB. Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ni asek cerita ambulans je, contoh, di kawasan saya terpaksa menumpang kasih dengan tempat YB Fared, Klinik Bagan, tempat YB Najib, ambulans Tongkang Pecah, jadi ambulans asyik berkurangan, yang ada pun asyik rosak, boleh tak saya cadangkan dengan duit banyak ni, buat satu program kerjasama dengan ambulans-ambulans swasta. Macam mana cara nak buat tu, fikirlah. YB EXCO, fikirlah. Okey hari ni telefon 999, you ada link mana-mana punya ambulans swasta, gilir-gilirlah, mungkin ambulans mana hari ini, esok ambulans mana, jadi tak ada lah putus. Ini kalau orang accident sampai satu jam nak rekod, pergi cek balai polis ada rekod dia. Satu jam kadang-kadang Yang Berhormat Datuk Speaker, kesian, jadi kalau boleh dapat melalui duit yang lebih ni, dengan dengar cerita akhir tahun ni RM100 bilion pelaburan, mesti ada hasil banyak kan? Cuba wujudkan.

Yang ketiga,

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat, pendekkan. Ini orang sakit ni.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Kamisan (Sri Medan) : Yang ketiga, pasal saya nak bagi cadangan. Yang ketiga kelas-kelas mengaji ni banyak. Saya setujulah, eh bayangkan rakan-rakan Ketua Kampung sampai dia bercakap dengan saya, doa lah banyak-banyak MB tu sampai tambah lagi empat (4) tahun, dia kata empat (4) tahun, kenapa? Dia kata tahun pertama sekali saja, seminggu sekali semarak subuh, tahun kedua dua kali seminggu, tahun ketiga, tiga (3) kali seminggu, ni kalau empat (4) tahun kita dah hari-hari kita Semarak Subuh.

Ha, tak ada masalah pun, semua rakan-rakan saya semua okey. Saya belum ada gagal lagi Yang Berhormat Datuk Speaker. Termasuk rakan-rakan saya, belum ada gagal lagi kerana saya menyokong penuh. Ini ada satu tambahan, kelas mengaji ni Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak dah wujud dah di Sri Medan kita wujudkan penggunaan balai raya-balai raya yang dah usang, yang terbengkalai kita bersihkan, boleh tak peruntukan itu kita buat untuk kelas-kelas mengaji di seluruh DUN Sri Medan. Kita bagilah peruntukan tahunan atau apa yang berdaftarlah.

Dan yang keempat, program-program untuk intervensi ini, ponteng sekolah. Kita nak anak-anak pandai, budak-budak ponteng sekolah macam Sri Medan tadi ada 14 kes, budak-budak yang ponteng sekolah, nak kena peruntukan juga. Ada yang motor rosak. Akhirnya kita tak mampu nak betulkan, semoga dapatlah dibantu.

Yang terakhir ini penting, saya pernah bangkitkan, *exit* Sri Medan, *highway* dan juga Balai Bomba, saya mohon jasa baik Yang Berhormat EXCO untuk bagi lah jawapan dekat saya, penat tau orang kampung tanya saya je kan, tapak pelupusan sampah Bukit Payung jadi isu. Ini bukan isu tempat saya tau, Yang Berhormat Datuk Speaker, bayangkan Majlis Daerah Yong Peng tak boleh diberi hak untuk buang sampah dekat tapak pelupusan sampah Bukit Payung, jadi bila lori Majlis Daerah Yong Peng lalu tu kan, SWM kan, dia cuma dapat lambai, tu je lah.

YB Timbalan Speaker : Okey, okey.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Kamisan (Sri Medan) : Jadi saya minta tolong bantu. Dan yang terakhir, ini saya kena, okey, minta maaf banyak. Saya terpanggil untuk menyokong Titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, posting pada 13.11.2025. Tentang ART, LRT, hospital-hospital, saya nak bagi sikit justifikasi, yang pertama, jumlah penduduk Johor Bahru 1.76 juta, penduduk Pulau Pinang 1.77 juta, daerah dan negeri, berapa padatnya Johor Bahru.

Yang kedua, jumlah rumah di Johor Bahru 610,314 buah rumah, Pulau Pinang, 587,008, negeri dan daerah. Bezakan. Yang ketiga, keluasan JB 1,063 kilometer persegi, luas Pulau Pinang 1,032 kilometer persegi, jumlah kenderaan Johor ada 3.8 juta di Pulau Pinang baru 2.67 juta. KDNK 64.3 bilion Johor Bahru, kalau Johor RM148.2 bilion. Pulau Pinang RM116 bilion. CIQ jumlah orang keluar masuk 170,000 orang setiap hari.

YB Timbalan Speaker : Okey, okey.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Kamisan (Sri Medan) : Jadi, inilah saya minta kenapa JB mesti ada LRT bukan ART. Itu yang kita nak. Jadi, macam HSA, apa semua saya tak perlu terangkan di sini lah, nanti rakan-rakan lain akan bantu saya. Jadi, saya mohon maaf Yang Berhormat Datuk Speaker mengambil masa yang panjang. Terima kasih kerana memahami kesihatan saya, saya tak boleh cakap laju Yang Berhormat Datuk Speaker. Ini dah kira paling perlahan saya sebut. (Dewan ketawa.) Jadi terima kasih pada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Saya menyokong Belanjawan 2026, sekian assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Sri Medan. Ini lah bila ada *Chat GPT*. Itu orang sakit. Kalau orang sihat, tak tau macam mana lagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini kita berehat sekejap. Persidangan ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4:00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4:20 petang.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat Kempas.

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani (Kempas) : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. (Bacaan Selawat dan doa). Segala puji-pujian hanya bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad saw serta kerabat, para sahabat dan pengikut baginda hingga ke akhir zaman. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, Kempas sekali lagi diberi ruang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan sempena Mesyuarat Ketiga Belanjawan 2026 bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Sebelum Kempas meneruskan pembentangan belanjawan, izinkan Kempas terlebih dahulu merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucapan selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim sempena ulang tahun keputeraan baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, patik dan seluruh warga Kempas dengan penuh takzim memanjat doa ke hadrat Allah SWT, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong serta seluruh anaknda dan kerabat diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia, dikekalkan dalam afiat dan sejahtera serta dilanjutkan usia pemerintahan agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor dalam limpahan rahmat dan kasih Ilahi. Kempas juga ingin menjunjung setinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang telah memimpin negeri Johor dengan jayanya dalam semua aspek.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas ingin merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta seluruh anggota perkhidmatan awam negeri Johor atas komitmen dan kerja keras yang konsisten dalam mentadbir urus negeri dalam tempoh tiga (3) tahun ini. Hasil kepimpinan berwibawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta pelaksanaan dasar yang terancang, Johor telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM218 bilion dan mencapai KDNK sebanyak 6.4% iaitu yang tertinggi di Malaysia. Kejayaan ini membuktikan bahawa Johor bukan sahaja kekal sebagai destinasi pilihan pelabur, malah muncul sebagai negeri yang paling dinamik pertumbuhan ekonominya. Kempas juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada kerajaan negeri atas peruntukan sebanyak RM209 juta bagi melaksanakan 42 inisiatif tambahan Bantuan Kasih Johor yang diumumkan pada September lalu. Inisiatif ini dapat direalisasikan hasil kekuatan ekonomi negeri yang semakin berkembang. Alhamdulillah di Kempas turut menerima limpahan manfaat tersebut dengan peruntukan sebanyak RM1.1 juta kepada 10,365 di mana antaranya adalah kepada 1,235 pemandu teksi, e-hailing dan P-hailing. Begitu juga dengan bantuan kepada KIR PPR sebanyak 2,252 orang dan banyak lagi bantuan yang diberikan Bantuan Kasih Johor yang telah pun memberi impak menyeluruh kepada rakyat Kempas dan rakyat Johor secara amnya.

Tahniah kepada kerajaan negeri Johor atas kesungguhan menzahirkan rasa syukur melalui tindakan mengembalikan hasil pertumbuhan ekonomi terus kepada rakyat. Peruntukan dan bantuan ini merupakan bukti jelas kerja keras pasukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama EXCO serta pegawai-pegawai kerajaan negeri yang berjaya menjelas pelbagai inisiatif strategik untuk memastikan tiada rakyat yang tercicir. Alhamdulillah usaha kerajaan dalam memastikan rakyat terus menerima manfaat secara langsung, diterjemahkan dengan jelas melalui pembentangan Bajet Johor 2026 pada 13 November yang lepas yang bertemakan Bangsa Johor Sejahtera. Bajet ini bukan sekadar dokumen perbelanjaan, tetapi satu pelan strategik yang berpaksikan kesejahteraan rakyat, pengukuhan ekonomi serta pembangunan jangka panjang negeri Johor. Bajet sebanyak RM2.5 bilion ini dirangka dengan

teliti untuk memastikan setiap masyarakat mendapat perhatian sewajarnya termasuk golongan B40, M40, warga emas, orang kurang upaya, komuniti Orang Asli, belia, pesara, keselamatan dan para pelajar. Pendekatan yang lebih inklusif ini memastikan penyampaian bantuan tidak tertumpu kepada satu kelompok sahaja tetapi benar-benar meliputi seluruh rakyat Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pembangunan sosial. Dalam masa kita mempergiatkan projek-projek infrastruktur, perumahan, kesihatan, keselamatan dan mobiliti rakyat, aspek-aspek seperti penyelidikan, sokongan komuniti, keselamatan makanan, kesihatan mental serta kebajikan keluarga turut diberikan penekanan yang tinggi. Ini selaras dengan aspirasi Johor untuk membangunkan negeri bukan sahaja dari segi ekonomi, tetapi juga kualiti hidup rakyatnya. Bajet Bangsa Johor Sejahtera ini membuktikan kesungguhan kerajaan negeri untuk memastikan bahawa kemajuan ekonomi negeri yang dicapai hasil pelaburan besar, pertumbuhan KDNK yang memberangsangkan dan kecekapan tadbir urus benar-benar kembali kepada rakyat dalam bentuk manfaat yang nyata dan berterusan. Sekali lagi Kempas merakam setinggi penghargaan dan tahniah kepada kerajaan Johor atas komitmen yang tidak pernah luntur dalam memastikan kemakmuran negeri ini terus dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengira latar belakang. Kesungguhan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama barisan EXCO dan seluruh jentera pentadbiran negeri untuk mengangkat Johor sebagai negeri paling maju, sejahtera dan progresif di Malaysia amat dihargai. Pertambahan ini telah membuktikan bahawa kejayaan ekonomi bukanlah matlamat semata-mata, tetapi permulaan kepada agenda yang jauh lebih besar iaitu memastikan rakyat merasai hasilnya secara menyeluruh. Inisiatif demi inisiatif yang diperkenalkan memperlihatkan kesungguhan bahawa tiada rakyat Johor yang akan tercicir daripada arus pembangunan. Insya-Allah dengan sokongan semua pihak termasuk Ahli-Ahli Dewan, jabatan kerajaan, pihak swasta dan rakyat keseluruhannya, Johor akan terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah negeri maju yang berdaya saing, makmur dan penuh nilai kebersamaan sebagai Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu Kempas ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada kerajaan negeri Johor yang sentiasa komited membangunkan tanah-tanah rizab Melayu, baik di bandar mahu pun di luar bandar. Usaha berterusan ini bukan sahaja meningkatkan ekonomi kawasan berkenaan, tetapi turut memastikan kepentingan dan hak orang Melayu terus terpelihara dan tidak terpinggir daripada arus pembangunan negeri. Namun begitu kebelakangan ini muncul provokasi dan dakwaan yang tidak berasas, sesetengah pihak yang cuba mengelirukan rakyat. Mereka mendakwa bahawa kononnya kerajaan negeri boleh menukarkan status pegangan tanah pajakan 99 tahun kepada bebas pada pegangan bebas. Mereka mendakwa tetapi mereka tidak mahu melaksanakannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tuduhan seperti ini bukan sahaja mengelirukan, malah berpotensi menjejaskan keyakinan rakyat terhadap dasar negeri. Kempas percaya di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi, kerajaan negeri sentiasa berpegang teguh kepada prinsip undang-undang dan amanah. Johor melaksanakan prosedur pembaharuan pajakan dengan teratur tanpa sesekali menafikan hak pemilik tanah. Tidak pernah wujud agenda untuk melemahkan kedudukan tanah rizab Melayu, apatah lagi menukarkan status yang telah dilindungi oleh Enakmen Rizab Melayu Johor dan termaktub dalam wasiat Raja-Raja Melayu 1957. Cadangan atau bayangan pertukaran status ini sebenarnya sangat berisiko. Ia membuka ruang pelucutan hak tanah Melayu secara perlahan atas alasan kebebasan pasaran dan jika tidak ditangani boleh membawa kesan buruk kepada generasi mendatang. Tanah warisan telah dijamin sejak sekian lama tidak boleh dijadikan alat mainan politik oleh mana-mana pihak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas sebenarnya telah pun membawa perkara ini di dalam Dewan ini pada sidang perbahasan yang lepas. Justeru itu bagi mengelakkan kekeliruan bagi memperkukuhkan kefahaman rakyat, saya mohon agar kerajaan negeri memberikan penjelasan serta kepimpinan tegas adakah benar atau tidak tindakan menukar

status pemilikan pegangan tanah pada 99 tahun kepada pegangan bebas ini dibenarkan di bawah undang-undang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas ingin memohon kepada kerajaan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses sedia ada bagi permohonan penyambungan semula tempoh pajakan. Kerana bagi kami di Kempas, tanah ini bukan sekadar aset fizikal, ia adalah amanah nenek moyang, benteng ekonomi bangsa dan identiti generasi masa depan. Semoga penjelasan rasmi kerajaan dapat menamatkan segala spekulasi dan memastikan rakyat tidak lagi terperangkap dalam dakyah yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Alhamdulillah tidak lama lagi projek RTS atau pun *Rapid Transit System Link* iaitu sistem trafik keretapi sepanjang empat (4) kilometer yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan Tambak Johor akan siap. Dalam persiapan menghadapi peningkatan jumlah penumpang apabila RTS ini mula beroperasi sepenuhnya, adalah penting untuk kita melihat bukan sahaja kapasiti sistem tersebut, tetapi juga keupayaan rangkaian sokongan di peringkat bandar. RTS dijangka menerima lebih 40,000 penumpang setiap hari, dengan angka ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa. Jika semua penumpang tertumpu di semua stesen dekat bandar, sudah tentu akan menambah beban dan kesesakan di kawasan tersebut. Oleh itu dalam hal ini, Kempas menjunjung tinggi titah Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail yang telah menyuarakan kebimbangan baginda berhubung risiko kesesakan trafik yang lebih teruk apabila RTS beroperasi kelak sekiranya langkah perjalanan sistem sokongan tidak dilaksanakan segera. Titah baginda adalah suatu peringatan tegas bahawa pembangunan RTS mesti bergerak seiring dengan penaiktarafan sistem pengangkutan awam darat yang lebih menyeluruh. Justeru Kempas amat menyokong titah baginda agar kerajaan persekutuan memberikan perhatian serius dan mempertimbangkan kelulusan peruntukan untuk memastikan sistem LRT di negeri Johor. Pelaksanaan LRT ini bukan sahaja selari dengan hasrat baginda untuk menangani kesesakan trafik jangka panjang, ia merupakan penyelesaian moden yang mampu menghubungkan kawasan perumahan yang padat, pusat komersil dan stesen strategik dengan kos lebih rendah berbanding sistem rel konvensional. Disamping itu, bagi mendekatkan jangka masa pendek, Kempas ingin mencadangkan supaya penyenaraian penumpang dilakukan dengan mengoptimumkan peranan stesen di pusat bandar, stesen KTM Kempas, stesen KTM Pasir Gudang dan stesen KTM Kulai.

Dengan strategi menyebaran aliran penumpang ke stesen sokongan ini, ianya dapat mengurangkan tekanan di pusat bandar serta mempercepatkan pergerakan rakyat yang pulang dari Singapura atau bergerak ke dalam metropolitan Johor Bahru. Namun bagitu usaha ini hanya akan berjaya sekiranya ia disokong oleh perkhidmatan *feeder bus* yang cekap, kerap dan selesa. *Feeder bus* ini perlu menghubungkan stesen-stesen kecil seperti stesen Kempas, Pasir Gudang mahu pun Kulai ke kawasan perumahan padat, kawasan industri serta tempat pengangkutan yang lain. Tanpa rangkaian *feeder* yang berfungsi baik, potensi stesen ini tidak dapat dimaksimumkan. Dengan adanya rangkaian bas pengantara yang terancang, pengguna dapat turut serta tersebut dan seterusnya meneruskan perjalanan dengan mudah ke destinasi terakhir mereka. Pendekatan ini akan mengurangkan kesesakan di pusat bandar, khususnya kawasan sekitar CIQ, Bukit Chagar dan pusat komersil JB, yang kedua mempercepatkan pergerakan harian pekerja dan pengguna pengangkutan awam, ketiganya boleh mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian, seterusnya membantu mengurangkan pelepasan karbon dan keempat boleh menghidupkan semula stesen-stesen kecil mobiliti penting dalam Bandaraya Johor Bahru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas yakin bahawa dengan pelaksanaan penyuraian ini ditambah dengan sokongan Belanjawan Johor 2026 yang memperuntukan peningkatan perkhidmatan bas henti-henti, Johor dapat membentuk satu ekosistem pengangkutan awam yang lebih seimbang, cekap dan memenuhi keperluan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas amat prihatin terhadap peningkatan gejala sosial yang melibatkan remaja dan pelajar sekolah sejak kebelakangan ini. Kes buli, rogol, ponteng kelas, pergaduhan, penyalahgunaan gajet serta jenayah serius termasuk kes bunuh yang melibatkan remaja amat membimbangkan kita semua. Walaupun kes ini tidak menggambarkan keseluruhan pelajar, setiap satu kejayaan adalah isyarat bahawa pembinaan akhlak dan sahsiah generasi muda sedang berhadapan tekanan yang semakin meruncing. Pengaruh gajet tanpa kawalan, pendedahan kepada kandungan yang tidak bermoral, permainan video ganas, media sosial yang tidak ditapis serta lemahnya interaksi sosial dunia sebenar menyebabkan sebahagian anak muda hilang arah, hilang sensitiviti dan semakin jauh daripada nilai adab kesantunan dan hormat menghormati. Perubahan corak kehidupan ini jika tidak ditangani dengan serius akan melahirkan yang rapuh jati dirinya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas percaya bahawa isu ini tidak boleh dibiarkan membesar menjadi krisis sosial negeri. Johor perlu kembali membina modal insan anak Johor dengan lebih strategik, sistematik dan menyeluruh. Sudah tiba masanya pendekatan baharu diperkenalkan melangkaui bilik darjah. Sehubungan itu, Kempas mencadangkan agar kerajaan negeri Johor memperkasakan dan memperluaskan Modul Karekter Murid Johor, KRMJ sebagai inisiatif wajib semua kawasan Dewan Negeri khususnya sekolah menengah. Namun modul ini tidak boleh tinggal sebagai kandungan atas kertas, ia perlu diterjemahkan ke dalam bentuk aktiviti berstruktur seperti kem kepimpinan, pembinaan jati diri, pengurusan emosi dan disiplin, penerapan nilai-nilai murni dan memupuk tanggungjawab. Pendekatan fizikal, bersemuka dan beraktiviti ini amat penting untuk mengembalikan kemahiran sosial yang semakin terhakis akibat ketagihan teknologi dan gaya hidup tertutup.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam masa yang sama, Kempas yakin bahawa pembinaan akhlak tidak mungkin berjaya tanpa asas nilai agama dan budaya. Johor terkenal sebagai negeri yang menekankan adab, tertib dan budi, Islam pula mengajar bahawa pembinaan akhlak mesti datang sebelum ilmu, sebelum kepintaran dan sebelum pencapaian. Prinsip melentur buluh biarlah dari rebungnya bukan sekadar pepatah, tetapi falsafah modal insan yang telah membentuk generasi Melayu Johor dan warga bangsa Johor yang beradab santun dan rendah hati.

Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh itu modul KRMJ perlu diperkukuh dengan suntikan nilai agama, budaya Johor, kesantunan Melayu dan prinsip kemanusiaan sejagat, kita bukan sekadar mahu melahirkan pelajar yang cemerlang akademik, tetapi anak Johor yang berjiwa besar, berkarekter, berdisiplin, berakhlak mulia dan bertanggungjawab kepada komuniti. Jika kita benar-benar ingin mengekang budaya buli, jenayah muda dan keruntuhan moral, maka pembinaan modal insan tidak dilaksanakan secara serpihan, ia memerlukan satu kerangka terpadu yang melibatkan sekolah, keluarga, komuniti, masjid, NGO serta kerajaan negeri sebagai pemacu utama. Kempas percaya bahawa pelaburan terbesar negeri bukan pada pembangunan dan infrastruktur tetapi pada jiwa dan akhlak anak-anaknya dan inilah masa untuk Johor mulakan anjakan itu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai penutup Kempas ingin menegaskan bahawa segala cadangan dan pandangan dikemukakan ini, pada hari ini, lahir daripada hasrat yang sama iaitu ingin memastikan Johor terus melangkah sebagai sebuah negeri maju yang bukan sahaja kaya dengan pembangunan fizikal tetapi kukuh dari segi kesejahteraan sosial, integriti, institusi dan pembinaan modal insan. Belanjawan Johor 2026 telah membuka ruang yang luas untuk kita memantapkan lagi asas-asas ini dan Kempas berdiri teguh menyokong setiap usaha yang memberi manfaat langsung kepada rakyat di semua peringkat. Kempas yakin bahawa dengan iltizam, pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, keutuhan pentadbiran negeri serta penyertaan aktif seluruh Ahli Dewan Johor mampu menghadapi cabaran baharu dengan keyakinan yang tinggi. Sama ada dalam isu pembangunan ekonomi, infrastruktur atau pembentukan sahsiah generasi muda, semuanya memerlukan kerjasama erat, kesepakatan dan tindakan kolektif. Ini lah masa untuk kita memperkukuh rasa kebersamaan sebagai Bangsa Johor agar setiap dasar dan projek pembangunan memberikan

pulangan kepada rakyat. Kempas juga ingin menyeru kepada seluruh jentera kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, NGO, komuniti setempat, masjid serta institusi pendidikan berganding bahu dalam menjayakan agenda besar negeri ini. Johor hanya akan bergerak ke hadapan apabila semua pihak memainkan peranan masing-masing dengan penuh rasa tanggungjawab dan kesungguhan. Tiada kejayaan yang dapat dicapai tanpa penglibatan rakyat di peringkat umbi dan tiada dasar yang akan berjaya tanpa pelaksanaan yang berkesan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyampaikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat apa yang disampaikan, pesanan yang disampaikan oleh sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker kepada saya. Ingin saya bacakan pesan Yang Berhormat Datuk Speaker kepada kita semua, beliau memberitahu saya, Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa; kalau tak boleh menambah, jangan mengurang. Kalau tak boleh memperbaiki, jangan merosak; kalau tak pandai menyolek, jangan mencacat. Kalau tak pandai memuji, jangan mengeji. (Dewan bertepuk).

Akhir kata, marilah kita sama-sama berdoa agar negeri Johor terus dipelihara dalam keamanan, dilimpahi keberkatan rezeki dipandu dengan kepimpinan yang berhikmah dan dikurniakan kekuatan untuk memikul amanah besar ini. Semoga Bajet Johor 2026 menjadi pemangkin kepada kemajuan yang lebih inklusif dan masa depan yang lebih sejahtera untuk seluruh rakyat khususnya anak-anak Johor yang bakal mewarisi negeri ini. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wasalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kempas mohon menyokong.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Kempas. Selanjutnya dipersilakan Perling. Test *mic* ok.

YB Tuan Liew Chin Tong (Perling) : Boleh. Terima kasih Datuk Timbalan Speaker. Salam Maju Johor, Salam Malaysia Madani dan Salam sejahtera. Patik merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan Selamat Hari Ulangtahun Keputeraan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang bakal menjelang 22 November ini. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala bimbingan dan nasihat kepada semua wakil rakyat dan rakyat Johor. Ampun Tuanku.

Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan 2026 dan atas kepimpinan beliau secara keseluruhan yang telah membawa Johor ke era kegemilangan. Kerjasama di antara persekutuan dan kerajaan negeri terutamanya di antara Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menghasilkan pengwujudan *Johor-Singapore Special Economic Zone* yang mencetuskan pembangunan begitu pesat di Selatan Johor dan tahun ini perkhidmatan ETS telah sampai ke Kluang dan bakal sampai ke Johor Bahru dan memangnya RTS bakal bermula perkhidmatan pada Januari 2027. Saya juga dimaklum dan ini telah pun disiarkan di media bahawa kalau *rolling stock* kita mencukupi dalam 2 tahun ada besar kemungkinan kerajaan pusat, kerajaan persekutuan bersedia untuk mengadakan *commuter service,* perkhidmatan komuter di antara Johor Bahru ke Kluang. Ini semua adalah projek-projek yang telah dilaksanakan ataupun bakal siap di negeri Johor. Dan saya rasa kita boleh, apa ni, bersedia dan juga berharap dengan atas kerjasama di antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri, kita akan ada lebih banyak projek bersama dan projek-projek akan memanfaatkan semua rakyat.

Saya dengar komen dan ucapan Yang Berhormat Bukit Kepong secara terperinci, dulu semasa saya di pembangkang, saya dengan rakan-rakan menyiapkan belanjawan alternatif setiap tahun, kenapa kami pada masa itu menyiapkan belanjawan alternatif terutamanya di peringkat Parlimen kerana kami rasa satu hari nanti kalau kami jadi kerajaan, kami perlu ada idea, perlu ada idea yang konsisten dan tidak boleh ada idea yang bercanggah. Tapi hari ini saya tak dengar apa idea baru dari Yang Berhormat Bukit Kepong seperti contoh, dia kecam

kerajaan persekutuan mengendalikan isu subsidi dan mengurangkan subsidi. Tapi saatnya nanti dia kata oh ini kalau kita beri pemberian tunai secara lama ini, oh tak baik. Yang mana betul? Saya rasa ini penting untuk pembangkang buat masa ini supaya dia ada idea yang konsisten dan idea yang konsisten akan membantu kita membahas secara lebih baik dan kita boleh membahas idea.

Dan saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat Sri Medan, saya setuju terutamanya idea dan cerita atau perkongsian berkenaan dengan internet, sangat menarik, memang sangat menarik saya harap kita semua boleh terutamanya di peringkat kerajaan negeri dan juga peringkat persekutuan dan PBT boleh cuba guna pakai lebih banyak teknologi baru. Internet melalui *starlink* atau internet melalui apa program sahaja ataupun solar panel dengan apa ini *battery storage*, harga solar panel dan harga *battery storage* sekarang sudah kurang dan lebih, lebih, kita boleh memasangkan dengan lebih banyak berbanding dengan beberapa tahun lalu dan juga lampu solar. Saya sendiri menggunapakaikan peruntukan Ahli Parlimen dan memasangkan lampu solar di jalan di Mukim Tanjung Kupang dan juga memasangkan lampu solar di kawasan kubur orang Islam. Ini semua boleh membawa manfaat kepada rakyat tanpa kos yang begitu tinggi dan teknologi-teknologi baru ini harus kita guna pakai.

Saya nak sebut sikit tentang apa yang disinggung atau disebut oleh Yang Berhormat Sri Medan berkenaan dengan peranan pengimbang. Memang ada persetujuan di antara pihak kalau pengimbang itu bermakna DAP, Keadilan dengan Amanah, memang ada persetujuan di antara pihak kami bersama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa pihak kami akan menyokong belanjawan dan angkat tangan untuk menyokong belanjawan seperti tahun-tahun yang lepas di hujung perbahasan. Di hujung perbahasan memang kami akan menyokong dan kami memang bersetuju dengan apa yang telah dibentangkan dan, tapi kami tidak mengangkat tangan sepanjang masa kerana kami bukan sebahagian daripada penggubalan dasar itu, *so* itu untuk pihak DAP, Keadilan dan Amanah tapi yang lain saya tak pasti lah. Adalah, ok. Bagi kita adalah tanggungjawab kita semua di sini sebagai pemimpin dan Wakil Rakyat untuk memastikan Malaysia dan Johor khususnya membangun dengan rancak dengan kualiti yang tinggi, sekaligus membawa kehidupan yang bermaruah dan selesa kepada seramai mungkin di kalangan Bangsa Johor.

Saya telah meneliti Ucapan Belanjawan Dato' Menteri Besar secara terperinci dan sangat tertarik terutamanya oleh inisiatif-inisiatif Teras Pertama Tadbir Urus Kerajaan di antaranya inisiatif 14, 15, 16 iaitu kajian bagi penggabungan fungsi serta struktur Pejabat Daerah dan Tanah serta kenaikan gred jawatan Pegawai Daerah dan Pentadbir Tanah. Menaiki taraf unit-unit Pejabat SUK kepada Bahagian dan program *Course Fertilization* di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Juga teras ke-5, keselamatan, kebersihan, keselamatan alam sekitar terutamanya inisiatif ke-19, transformasi Bandar raya Johor Bahru. Saya memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menambah baik pentadbiran kerajaan negeri terutamanya ini penting untuk kita mengimbas balik bahawa JCS atau *Johor Civil Service* adalah sebenarnya teladan kepada semua perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan negeri di seluruh Tanah Melayu.

Rakan saya dan juga seorang pakar Francis Hutchinson yang sekarang ini di *Institute of Southeast Asia Studies* ataupun *Yusof Ishak Institution Of Southeast Asia Studies* di Singapura. Dia telah, pernah menulis satu kertas bertajuk *Malaysia's Independence Leaders And Legacies Of State Formation Under British Rules*. Dalam kertas ini beliau berkata bahawa kerana negeri-negeri Melayu *as Federated Malay State* dipimpin oleh pegawai-pegawai British dan hanya Kedah dan Johor mempunyai *Civil Service* peringkat negeri yang, yang ada hasil dan ada pegawai yang berkepimpinan. Maka, Jemaah Menteri pertama negara kita dan juga pegawai-pegawai tinggi, apa ini awam selepas kemerdekaan ramainya dari Johor dan Kedah. Contohnya, contohnya Dato' Onn Jaafar, contohnya Tun Hussein Onn, contohnya Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, dan juga abang dia Dato' Sulaiman Abdul Rahman. Dan juga sebenarnya Tun Musa Hitam pernah jadi ADO di Kluang sebelum dia bertanding sebagai Ahli Parlimen.

Ini adalah contoh di mana, peringkat negeri dan *Johor Civil Service* boleh memimpin kerajaan-kerajaan di seluruh negara dan mewujudkan idea yang baru melalui pelaksanaan di peringkat negeri. Dan saya memang harap kita boleh berusaha lebih banyak supaya peringkat negeri dan terutamanya JCS boleh membawa dan mencetus idea-idea baru melalui pelaksanaan di Johor, JS-SEZ di Selatan Johor dan di seluruh Johor supaya di negeri-negeri lain selepas ini mereka boleh ikut idea dilaksanakan di Johor dan mungkin peringkat persekutuan juga boleh mengambil ikhtibar daripada apa yang dilaksanakan di peringkat negeri.

Ada 5 bidang di mana saya rasa inisiatif-inisiatif yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sangat relevan. Satu ialah, taman-taman, taman-taman yang kita ada di negeri kita diuruskan biasanya oleh PBT ataupun diuruskan oleh Pejabat Daerah. Untuk JS-SEZ ataupun untuk Selatan Johor memang ada beberapa PBT di bawah Johor Bahru, idea *Greater Johor Bahru* pun pernah dicetus tetapi saya harap kali ini, kali ini, kita boleh memastikan kita ada satu entiti ataupun sekurang-kurangnya satu badan *coordination* untuk memastikan koordinasi, badan koordinasi untuk memastikan taman-taman di kawasan Selatan Johor ini boleh mendapat apa ni, nafas baru ataupun suntikan baru kerana taman-taman di kawasan taman besar, taman kecil, taman *pocket park*, semua ini penting untuk kehidupan kita, untuk kehidupan yang lebih selesa untuk rakyat di seluruh Selatan Johor. Saya harap penambaik, penambahbaikan institusi-institusi JCS boleh tumpukan untuk memastikan taman-taman di seluruh sekitar Selatan Johor boleh ditambah baik. Saya bagi contoh di kawasan Perling, taman *roundabout* di Bukit Indah ini memang taman yang semasa ditubuhkan pada tahun 1997 sangat menarik. Idea yang menarik, taman yang besar tetapi selepas hampir 30 tahun saya rasa perlukan suntikan dana, perlukan suntikan idea yang baru supaya taman ini boleh dinaik tarafkan.

Kedua ialah isu sampah. Dan isu sampah ada kaitan dengan banjir, ada kaitan dengan kebersihan, ada kaitan dengan semua dan walaupun kerajaan negeri diikat oleh Akta 672, atau pun Akta Sisa Pepejal 2007, tetapi saya harap kerajaan negeri boleh mengambil inisiatif yang lebih berkesan dan inisiatif yang bersedia untuk mengambil tanggungjawab yang lebih banyak walaupun di bawah Akta 672 kerana saya mendapati bahawa di bawah SWCorp tak ramai pekerja, pegawai penguatkuasa. Saya dimaklumkan bahawa di seluruh selatan Johor, Greater Johor Bahru hanya 20 orang penguatkuasa di bawah SWCorp. Tapi PBT anggap isu sampah ini bukan lagi tanggung jawab dia. Maka kita dalam satu *no man's land* dimana PBT tidak ingin mengambil tanggungjawab tetapi ada kekurangan SWCorp dari segi pekerja atau kakitangan. Saya harap kita boleh fikir bagaimana dalam konteks menambahbaik atau penambahbaikan institusi-institusi dibawah JCS salah satu tumpuan harus kita cari jalan supaya *Greater, Greater* Johor Bahru dapat menguruskan sisa pepejal dengan cara yang lebih baik dan kalau ada idea-idea baru terutamanya selepas Akta 672 dah hampir 20 tahun, kalau kerajaan negeri Johor boleh mencetuskan idea baru ini baik untuk semua.

Ketiga ialah pengurusan banjir. Pengurusan banjir juga perlu idea baru, perlu juga gabungan dan juga koordinasi yang secara lebih terperinci dan lebih efektif. Saya rasa sekarang ini memang semua Ahli-Ahli di Dewan ini kita ada aduan berkenaan dengan banjir dan saya harap kerajaan negeri boleh ambil tindakan yang bersedia untuk mencari jalan untuk mewujudkan badan koordinasi atau penyelarasan yang lebih efektif. Bidang keempat ialah perancangan bandar dan pengangkutan awam. Tadi Yang Berhormat Kempas juga sebut tentang pengangkutan awam. Perancangan bandar sangat penting. Perancangan bandar kalau kita hanya membangun bangunan-bangunan tetapi tanpa mengambil kira keperluan pengangkutan terutamanya pengangkutan awam maka kita akan menghadapi kesesakan jalan raya sampai tak tahu bila.

Yang penting ialah satu hari nanti, kita harus sasarkan bahawa di *Greater* Johor Bahru mungkin kita boleh sasarkan dalam sepuluh tahun, lima puluh peratus penduduk mengguna pakai pengangkutan awam untuk perjalanan utama mereka. Kalau boleh sampai tahap itu bermakna, keramaian rakyat dia tak semestinya mempunyai kereta. Kebanyakan keramaian

rakyat tidak semestinya memerlukan kereta persendirian tetapi dia boleh guna pakai pengangkutan awam maka kesesakan akan kurang dan kita bandar, kita boleh apa menampung lebih ramai penduduk, lebih ramai penduduk tidak perlu mempunyai kereta. *So*, ini adalah satu bidang dimana hanya kalau kuasa dan juga peringkat kerja ini hanya tertumpu di peringkat PBT tidak memuaskan hati dan mencukupi. Dan saya harap kita boleh ada badan koordinasi yang lebih baik untuk bidang ini dan bidang kelima ialah pendigitalan.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memang sebut dalam bajet, Belanjawan bahawa usaha untuk pendigitalan akan dilaksanakan. Kita sudah faham dalam keadaan atau pun dalam suasana baru teknologi baru ini ada banyak teknologi yang kita boleh guna pakai untuk menambah baik pengurusan perkhidmatan kita. Contoh, kalau air. Kita dulu kata *non-revenue water* ini sangat tinggi. Untuk menguruskan *non-revenue water*, teknologi sekarang seperti *A.I* membenarkan *digital twin* dimana dalam suasana digital, dia boleh ada keadaan, memantau keadaan sebenar dan dia boleh tengok dimana air akan tercicir dan bagaimana dia boleh membuat *preemptive maintenance*. Semua ini sebenarnya tidak begitu, kos tidak begitu tinggi. Kita boleh melabur dalam teknologi-teknologi baharu seperti penggunaan *A.I* dalam perkhidmatan *preemptive maintenance* dan saya harap ini juga boleh di ambil kira.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya sebenarnya ada dua lagi subjek atau dua lagi topik. Satu ialah berkenaan dengan ekonomi daya tahan. Dulu idea kita ialah untuk mewujudkan ekonomi yang paling murah untuk pelabur. *Framework* kita ialah untuk menarik pelabur dari negara luar dan supaya mereka datang sini dan mereka guna pakai buruh yang murah kita, atau pun tanah yang murah kita atau pun *electricity* yang murah kita. Tapi saya rasa masa sudah tiba di mana di seluruh dunia, syarikat-syarikat bukan lagi mencari peluang *just in time*, modus operandi sekarang ialah *just in case*. Apa yang mereka ingin memastikan ialah daya tahan. Untuk memastikan daya tahan dan bukan lagi *cheapest source*, bukan lagi input yang paling murah. Kita sebagai rakyat Malaysia dan sebagai kerajaan negeri Johor kita boleh cuba untuk memastikan semua pelan kita, pelan ekonomi kita berasas bukan jadikan kita tempat yang pelabur datang kerana kita murah tetapi pelabur datang kerana kita selamat, pelabur datang kerana kita ada daya tahan. Dan bukan sahaja kita satu tempat untuk pelabur asing tetapi kita juga harus mengguna pakai peluang keemasan ini, sekarang ini memang suasana dunia ada kita menyaksi ketegangan diantara Amerika Syarikat dengan China.

Apa yang kita harus buat atau harus lakukan disini ialah untuk mewujudkan satu hari nanti ada *Malaysia Multinational*, ada ASEAN *Multinational.* Supaya, kita bukan sahaja bergantung kepada pelabur asing tetapi kita mewujudkan *champion-champion* tempatan, dan *champion-champion* tempatan ini dia boleh jadi satu hari nanti jadi gergasi di rantau ini dan mungkin satu hari nanti boleh jadi semacam mini *TSMC*, mini *Samsung* atau pun mini *Huawei*. Dan ini saya harap boleh jadi idea untuk kerajaan negeri dan satu kerangka daya tahan di antara, kerangka daya tahan ialah kepastian atau pun keterjaminan makanan. Hubungan JS-SEZ diantara Malaysia dengan Singapura kalau kita memasarkan Johor sebagai tempat yang paling murah. Satu hari nanti rakyat Singapura, dia mungkin tidak suka kerana dia mungkin kehilangan pekerjaan dan mungkin dia kehilangan kutipan sewa untuk kedai-kedai dia atau pun *customer* dia datang ke Johor. Ini sudah berlaku. Tapi kalau JS-SEZ pun sama dengan Singapura dengan Riau dengan Indonesia, asas dia adalah di atas kerangka daya tahan dan di atas idea keterjaminan makanan. Keterjaminan rangkaian bekalan, *supply chain resilience*, *framework* atau kerangka ini akan membantu kita ada hubungan kita dengan Indonesia, hubungan kita dengan Singapura lebih terjamin dan lebih baik untuk jangka masa panjang.

Akhirnya saya nak sentuh sedikit Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, berkenaan dengan politik sedikit. Saya nak sentuh tentang kemungkinan kita boleh wujud satu tatanan politik baru. *New political order*. Mengimbas balik ke sejarah, selepas pentadbiran Tunku Abdul Rahman, wujudnya ataupun munculnya perdana menteri Tun Abdul Razak Hussein. Sebenarnya kerangka negara yang telah dipatuhi sangat panjang. Berasas tindakan yang diambil oleh Tun Razak dalam beberapa tahun. Idea NEP, idea negara berkecuali, idea ASEAN, idea Barisan Nasional, semua muncul dalam pentadbiran Allahyarham Tun Razak.

Saya rasa kita sudah sampai satu masa di mana kita boleh bersama diantara Barisan Nasional dengan Pakatan Harapan, kita boleh wujudkan tatanan politik baru supaya kita kerjasama di antara parti-parti ini bukan sahaja untuk memenangi pilihan raya tetapi untuk mewujudkan satu era kegemilangan untuk negara kita. Dan saya harap terutamanya di Johor, kerjasama ini penting bukan sahaja untuk Johor tetapi untuk seluruh negara. Saya ingin sentuh sedikit berkenaan dengan pembahagian kerusi Dewan Undangan Negeri. Kawasan saya, kawasan Perling pada 9 Oktober 2022 sebelum PRU, ada seramai 102,621 pengundi. Sekarang ini memang lebih ramailah. Jumlah pengundi di Perling sebenarnya lebih daripada jumlah pengundi di 17 kerusi Parlimen di Johor. Diantara 26 kerusi parlimen, ada 17 kerusi parlimen mempunyai pengundi yang lebih kurang daripada kerusi Perling. Dan di kawasan Selatan Johor ada tujuh kerusi DUN, iaitu Perling, Permas, Johor Jaya, Puteri Wangsa, Tiram, Kota Iskandar dan Skudai yang mempunyai pengundi melebihi 100 ribu pengundi. Saya harap kita boleh ada perbincangan melalui jawatankuasa yang telah ditubuhkan supaya mencari jalan mewujudkan lebih banyak kerusi di selatan Johor untuk memastikan kerusi-kerusi DUN lebih seimbang dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri tidak kira pihak mana, boleh berkhidmat kepada rakyat secara lebih berkesan.

Saya ucapkan terima kasih kepada semua, kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Perling. Lanjutnya dipersilakan ADUN Kota Iskandar.

YB Tuan Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama saya mengucapkan ribuan terima kasih diberi peluang untuk berucap di waktu petang yang begitu mencabar pada petang ini, sebagai pembahas yang dua atau tiga yang terakhir. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, hadirin dan pemerhati yang masih kekal menunggu kita di Persidangan pada petang yang berbahagia ini. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang akhir ini adalah pemerhati daripada Kota Iskandar yang meliputi dua daerah Johor Bahru dan Kulai. Ada ketua kampung, ada penghulu, ada pengerusi masjid, ada pengerusi PIBG, ada pengerusi Jawatankuasa Penduduk, Wakil UMNO Iskandar Puteri dan lain-lain lagi. Ini tanda bahawa mereka juga ingin melihat prestasi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri berbicara tentang perbahasan pada petang yang berbahagia ini.

Pertama sekali, izinkan Kota Iskandar merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pembentangan Belanjawan Negeri Johor 2026 yang begitu menyeluruh, berpaksikan temanya Bangsa Johor Sejahtera. Saya beruntung pada petang ini, selepas berucap selepas ADUN Perling merangkap MP Iskandar Puteri. MP Iskandar Puteri beruntung kerana ada dua ADUN yang sentiasa berkhidmat pertama, Skudai kedua, Kota Iskandar. Jadi saya mencadangkan kepada MP Iskandar Puteri, saya rasa YB Skudai boleh bersetuju kalau kerajaan ada BKJ Bantuan Kasih Johor, kita cadangkan supaya MP Iskandar Puteri wujudkan BKA Bantuan Kasih ADUN. (Dewan bertepuk). Sebab saya dengan YB Marina dah selesaikan dah isu-isu yang berkaitan dalam Iskandar Puteri, jadi kalau ada peruntukan yang lebih itu, MP Iskandar Puteri bagi kepada kami, ADUN untuk menyelesaikan masalah rakyat khasnya dalam kawasan Iskandar Puteri dan Skudai. Belanjawan ini bukan sahaja menumpukan aspek pembangunan ekonomi, tetapi turut menekankan kebajikan, kesihatan, pendidikan, kesejahteraan rakyat serta masa depan negeri Johor secara holistik. Ia adalah cerminan, iltizam kerajaan negeri untuk memastikan kemajuan Johor dinikmati secara saksama oleh semua lapisan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum Kota Iskandar meneruskan ucapan perbahasan ini, izinkan terlebih dahulu patik merafakkan sembah ucapan kepada Ke bawah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera. Patik juga menjungjung setinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor di atas segala tunjuk ajar, dicurahkan dan juga nasihat kepada pentadbir kerajaan negeri demi kesejahteraan Bangsa Johor yang kita cintai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan RM2.5 bilion adalah tertinggi dalam sejarah Johor. Kota Iskandar terpanggil hari ini apabila terbaca satu artikel oleh ADUN Bukit Kepong melalui Malaysia Gazette pada 13 November 2025. Izin tuan pengerusi, saya tunjukkan oleh kerana Bukit Kepong tak ada pada petang ini saya tunjukkan jugalah, kerana dalam erti kata artikel ini, Kepong menyatakan Belanjawan lebihan tetapi rakyat tidak rasa manfaatnya. Bagaimana Seri Medan, bagaimana Pulai Sebatang menyatakan sebentar tadi. Bukit Kepong kesal dengan mantan, dengan MP Pontian tetapi Kota Iskandar kesal dengan Bukti Kepong di atas kenyataan yang dikeluarkan pada 13 haribulan yang lalu. (Dewan bertepuk). Agaknya Bukit Kepong masih bermimpi atau tidak turun ke bawah.

Belanjawan Johor 2026 adalah belanjawan paling menyeluruh, terbesar dalam sejarah tetapi beliau memilih untuk tidak melihatkannya. Oleh kerana Kepong tak ada, saya teruskan dalam bab-bab yang lain. Belanjawan Johor adalah belanjawan yang paling menyeluruh dan besar dalam sejarah. RMJ siap, peluang pekerjaan melonjak tinggi, TVET diperkukuhkan, kebajikan diperluaskan bukan sahaya diperingkat negeri mahupun persekutuan, semua ini jelas kecuali kepada mereka yang menutup mata yang menidakkan apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Kritikan ini merupakan reaksi terhadap kejayaan Johor sebenarnya dan bukan kelemahan Johor.

Sejak selepas pengumuman Bajet 2026 yang lalu, ramai yang Kota Iskandar jumpa mengucapkan syukur, Alhamdulillah serta terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Baru umum, belum dapat terima, belum terima kasih, macam kata yang pernah diungkap pleh mendiang Dato' Seri Samy Velu, hari ini saya pos, semalam sudah sampai. BN tradisinya biasa, membela rakyat dulu, kini dan selamanya. Yang Berhormat Dato Speaker, Kota Iskandar dalam Dewan yang mulia ini ingin menyuarakan rasa kebimbangan rakyat khususnya di kawasan Johor Bahru berkaitan isu kesesakan trafik yang dijangkakan semakin runcing apabila rakan-rakan yang lain tadi menyatakan RTS Link akan bermula beroperasi, Johor Bahru dan Singapura.

Ini senada dengan ucapan Pulai Sebatang dan Seri Medan sebentar tadi. Walaupun RTS adalah projek berimpak yang memberi banyak manfaat kepada Johor, namun kekurangan peruntukan daripada kerajaan pusat bagi tiada peruntukan untuk mencukupi, menampung kos penyelenggaraan pelaksanaan sistem ART Bertingkat iaitu *elaborated* atau pun alternatif pengangkutan lain di kawasan yang sekitar Bukit Chagar. Lebih mencabar lagi, kita di Johor ini seperti oleh rakan-rakan sebentar tadi, Pulau Pinang mampu memperolehi projek LRT yang jauh lebih mahal iaitu RM17 bilion berbanding sistem LRT yang kita mahukan. Ini berkaitan dengan Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan pun menzahirkan kebimbangan dalam isu ini.

Saya sekata dengan rakan-rakan daripada pihak kerajaan sebentar tadi, iaitu projek menaikkan taraf Hospital Sultanah Aminah (HSA) kesihatan negeri perlu di perkasakan. Hospital Pasir Gudang hingga kini masih belum beroperasi walaupun sudah siap sepenuhnya menyebabkan tekanan terhadap hospital lain di daerah Johor Bahru ini. Kerajaan pusat wajar memberi perhatian yang lebih serius Datuk Speaker, kerana infrastruktur kesihatan adalah keperluan rakyat, bukan pilihan. Serta pembinaan kelewatan projek Hospital Aminah HSA 2 supaya masalah ini dapat diselesai segera dan Johor tidak lagi seolah-olah diketepikan. Ada setengahnya daripada diucapkan tadi mengatakan dianak tirikan.

Menurut laporan, ni kalau silap-silap Datuk Yang DiPertua tolong betulkan. Menurut laporan, Johor menyumbang kira-kira RM4.8 bilion setahun dalam hasil cukai kepada kerajaan pusat tetapi hanya mendapat RM1.4 bilion sahaja dari kerajaan melalui bajet. Maka Kota Iskandar pada hari ini mencadangkan kepada negeri Johor memohon sebanyak 40% daripada RM4.8 bilion dipulang balik kepada kerajaan negeri supaya kita merasa keadilan. Datuk Yang DiPertua, Datuk Speaker, kalau 40% itu Johor akan mendapat pulangan balik RM19.2 bilion maka dengan ini Johor boleh membiayai perbelanjaan untuk menampung segala pembangunan infra serta yang lain untuk rakyat Johor semuanya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kota Iskandar bukan sekadar Pusat Pentadbiran Negeri Johor, ia kini berkembang sebagai pintu masuk antarabangsa dari Singapura melalui darat. Kota Iskandar selalu memerhatikan Permas mengikut jalan di Puteri Harbour. Saya Kota Iskandar melihat kerana ada CCTV di situ. Pintu masuk Malaysia melalui terminal feri di Puteri Harbour, Permas jangan nak berdolak dalih. Hub perubahan pelancongan, pendidikan dan ekonomi digital bagi Wilayah Iskandar dan juga tapak utama *event* mega yang akan menjelang Visit Johor pada 2026 dan sebagai pemaju pembangunan dan aspirasi Johor Maju 2030.

Dengan pertumbuhan pesat ini, sistem jalan raya sedia ada sudah tidak mampu menampung aliran trafik harian yang meningkat secara mendadak. Datuk Yang DiPertua, penduduk di kawasan Kota Iskandar setiap hari berhadapan dengan kesesakan yang teruk terutamanya pada waktu pagi dan petang kerana ia melibatkan dua daerah, iaitu daerah Kulai dan daerah Johor Bahru. Saya nyatakan di sini kerana ada wakil daripada daerah Johor Bahru dan Kulai kerana kita selalu berbincang dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Pembangunan Johor Bahru dan daerah Kulai. Saya beri contoh Jalan Gelang Patah, Kampung Ulu Pulai dan Pontian, Kukup rasanya boleh bersetuju kerana jalan ini menghubungkan Gelang Patah ke Pontian. Pertambahan pesat kawasan perumahan baharu disekitarnya tidak diimbangi dengan naik taraf jalan raya yang telah lama berada pada tahap yang lama. Kota Iskandar menyeru supaya kerajaan negeri berkerjasama dengan IRDA, JKR serta pihak berkaitan untuk menaik taraf segera jalan ini sebagai projek keutamaan yang tinggi.

Yang kedua, isu sama turut berlaku di Taman Pulai, Pulai Jaya dan UTM ha ini daerah Kulai. Laluan ini menjadi nadi utama penduduk Datuk Yang DiPertua. Pelajar…

YB Speaker : Dekat Dewan Negeri, Speaker.

YB Datuk Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Oh Dewan Datuk Speaker, minta maaf. Ia nadi utama pelajar dan kakitangan UTM, peningkatan mendadak trafik sejak kebelakangan ini menuntut tindakan drastik meluaskan jalan, menambah lampu isyarat serta membina laluan alternarif. Kadang-kadang Datuk Speaker ada *traffic light* sentiasa hijau, ada ketika *traffic light* sentiasa merah, tak tentu arah pemandu, pengguna jalan raya menggunakannya. Dan sesetengahnya walaupun sistem AI, jangka masa begitu pendek, tiga, empat buah kereta lampu merah, apatah lagi cuaca sekarang dalam keadaan hujan, tak menentu, berlakulah kesesakan yang amat sangat di kedua-dua tempat yang saya nyatakan sebentar tadi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan ini Kota Iskandar mencadangkan sebuah *Task Force Mobility* Kota Iskandar melibatkan IRDA, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Perbandaran Kulai, JKR, PDRM, PLUS dan pemaju-pemaju besar yang beroperasi di dalam Kota Iskandar dan Iskandar Puteri. *Task force* ini diperlukan untuk mempastikan setiap pembangunan baharu mematuhi Penilaian Impak Trafik iaitu TIA dan tidak membebankan jalan yang ada ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kota Iskandar juga ingin menyatakan keresahan di kalangan warga Kota Iskandar Puteri dan Kota Iskandar mengenai isu kekurangan tanah perkuburan di Kota Iskandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu kekurangan tanah perkuburan ini baru di Kota Iskandar amat mendesak. Kawasan-kawasan sedia ada semakin penuh, kalau Datuk Speaker pergi ke Gelang Patah, bukit yang ada sekarang dah penuh, di Kangkar Pulai penuh, di Sungai Melayu masih ada lagi tetapi di kawasan pedalaman Tanjung Kupang, Kampung Pok pun dah hampir penuh. Kota Iskandar mencadangkan PBT khususnya melalui Majlis Bandaraya Iskandar Puteri mensyaratkan penetapan minima 50 ekar tanah perkuburan pada pembangunan yang berskala besar yang sedang berlangsung di kawasan Iskandar Investment Berhad iaitu IIB seluas lebih 2,000 ekar melibatkan enam pemaju berhampiran dengan Kampung Sungai Melayu. Jadi kalau ada 30 ekar Datuk Speaker, kita selaraskan yang ada lima (5) ekar di Kampung Sungai Melayu, maka kita boleh jadikan macam di Tiram, lebih cantik kuburan akan dibina dan keperluan ini masa depan landskap mesti dirancang, bukan setelah masalah timbul.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, Kota Iskandar juga ingin membuat permohonan di dalam Dewan yang mulia ini, pembinaan sekolah agama di Taman Nusa Perintis 1, Gelang Patah. Pengerusi kebajikan sekolah agama pun ada di sini. Yang Berhormat Datuk Speaker, selama 22 tahun, penduduk Taman Nusa Perintis 1, Gelang Patah terpaksa berkongsi fasiliti dengan SK Nusa Perintis kerana ketiadaan sekolah agama sendiri. Kota Iskandar mohon kerajaan negeri mempertimbangkan pembinaan sekolah agama di lot PTD 6906 seluas 0.86 hektar, lebih kurang 2 ekar lebih demi memastikan pembangunan rohani generasi muda terus terjamin tanpa kekangan kapasiti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kota Iskandar ingin menyuarakan juga permohonan hakmilik tanah kepada setinggan lama dalam DUN Kota Iskandar. Kota Iskandar turut mohon agar kerajaan mempercepatkan pemberian hakmilik tanah kepada penduduk setinggan yang lama, yang lebih 20 tahun mendiami kawasan tertentu di dalam DUN Kota Iskandar, sebagai contoh, Kampung Pulai Mutiara, Kampung Dapur Arang dan Kampung Tiram Duku. Dan ini kita telah bincangkan dalam Mesyuarat Tindakan DUN supaya diberi keistimewaan yang terbaik pada akan datang. Profiling kampung-kampung yang terlibat juga perlu disiap segera bagi memudahkan proses pemilikan dan perancangan pembangunan di masa akan datang. Kota Iskandar juga mencadangkan ada satu lagi sebuah kampung yang perlu dibangunkan untuk dijadikan sebagai eko-pelancongan baru iaitu Kampung Pendas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kampung Pendas ini merupakan 90% penduduknya adalah nelayan seperti yang dinyatakan oleh ADUN Kukup sebentar tadi, nelayan sekarang begitu terhimpit dengan pambangunan. Peralatan semakin naik dan nelayan ini bukan macam kita, berada di darat. Kalau nak beli satu enjin bot dan sebagainya kena *cash*. Tidak ada *loan* Datuk Speaker. Tidak macam kita di bandar, tidak ada duit pun kita *loan, zero*. Boleh dapat memiliki motorsikal ataupun kenderaan. Jadi dengan sokongan kerajaan negeri, Kota Iskandar yakin Pendas ini mampu menjadi tarikan pelancong yang memakmurkan ekonomi penduduk setempat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini Kota Iskandar nak cadangkan, oleh sebab banyak GLC-GLC dan *data centre* yang wujud hingga sekarang ini. Cadangan saya, cadangan Kota Iskandar, mencadangkan GLC-GLC yang ada dan *data centre* yang ada menjadikan anak angkat kampung tradisi dalam DUN Kota Iskandar. Kampung tradisi ini sangat relevan. Cadangan ini pun saya rasa boleh diterima. Kita pilih GLC strategik sebagai rakan kongsi warisan. Pilih GLC mempunyai kepakaran dalam pembangunan hartanah, pelancongan, pengurusan aset atau pembangunan komuniti termasuklah *data centre* yang meraih keuntungan yang besar setakat ini. GLC ini boleh beri tanggungjawab untuk membangunkan projek *homestay,* kawasan warisan, pusat kraf di kampung tradisi dalam DUN Kota Iskandar. Maka, tidaklah kampung-kampung yang berada dalam kawasan JS-SEZ ini dan akan datang SFZ yang diadakan di *Forest City* terpencil dengan arus pembangunan dan kenikmatan hasil negara atau negeri yang kita capai ini. GLC juga boleh mewujudkan dana warisan, mohon izin Datuk Speaker iaitu *Heritage Sponsorship Fun* untuk menyokong aktiviti-aktiviti

pemuliharaan kampung tradisi-tradisi, baik pulih rumah tradisional, pembinaan pusat kraf ataupun muzium mini kampung dan ini juga boleh meningkatkan pelancong di masa akan datang. GLC juga boleh bekerjasama dengan Jabatan Kebudayaan Negeri, universiti atau kolej untuk mempromosikan program pendidikan warisan kampung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kota Iskandar merakam penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, IRDA, Tourism Johor, Pejabat Daerah Johor Bahru serta EXCO Perumahan dan pasukan PKPJ atas usaha berterusan membina RMMJ di kawasan Kota Iskandar serta menyediakan pelbagai infrastruktur baru, terutamanya di Kampung Sungai Melayu yang dinamakan eko-pelancongan. Ini cerita, nak cerita pasal Sungai Melayu Datuk Speaker. Sekarang ramai orang Jepun dan Korea berbondong-bondong hasil daripada Tiktok Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada sidang DUN yang lepas yang mencerita tentang keunikan Kampung Sungai Melayu. Bila saya tanya, saya berjumpa dengan pelancong luar negara ini, daripada Jepun dan Korea dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tanya dia, saya tanya bukan dalam bahasa Melayu, saya tanya dalam bahasa Inggeris, *how you know about this village? How you know about this village?* Apa dia cakap Datuk Speaker, dia tak cakap Melayu, *I like Tiktok Chief Minister of Johor about crocodile son and sea mouse.* Rupanya Tiktok ini di like, dilayari oleh pelancong luar negara. Ini saya bukan cerita kosong tuan pengerusi, ini wakil, ini saksi ini. Masa kita jelajah Johor yang lalu ramai pelancong dan sekarang pun ramai pelancong Sungai Melayu. Ini menandakan apa? Sokongan kerajaan negeri walaupun kampung itu tidak terkenal, sekarang telah menjadi multi dunia, mendunia. Jadi kalau kita usaha dan fokus, akhirnya benda ini akan menjadi kenyataan.

Datuk Yang Dipertua, saya juga mengucap terima kasih kepada, selalu cakap Datuk Yang Dipertua ya.

YB Timbalan Speaker : Pergi Parlimen.

YB Datuk Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih, saya ingin merakamkan ucapan terima kasihlah kepada pegawai kerajaan Johor di semua peringkat termasuklah pegawai kerajaan persekutuan yang sentiasa menyokong penuh di atas pembangunan yang berlaku di kawasan Kota Iskandar ini dan terima kasih kepada MP Iskandar Puteri. Lepas ini, bantu kami kerana kita sentiasa berkolaborasi dan termasuk Skudai kerana kita dalam *industry fusing unit*. Ahli Parlimen dia DAP, DUN Skudai DAP tapi Kota Iskandar BN dan UMNO. Walaupun tadi MP Iskandar Puteri menyatakan di Perling 100,000 *votes*, tapi Iskandar Puteri, Kota Iskandar lebih daripada 130,000 pengundi dan kita *serve* bukan hanya kepada 130 tetapi lebih 500 penduduk dalam kawasan Iskandar Puteri ini. Daripada yang lahir hinggalah yang, *serve* kepada orang yang meninggal dunia yang saya nyatakan untuk tambah tanah kubur sebentar tadi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semoga cadangan dan perbahasan ini dapat ditimbangkan demi kesejahteraan rakyat Kota Iskandar dan seluruh Bangsa Johor. Akhirnya, saya menyeru sekali lagi meminta kepada pihak elektrik, yang menjaga elektrik, TNB, sampai lupa nak cakap TNB sebab kekerapan berlaku bekalan gangguan di kawasan Tanjung Kupang. Lapan kampung selalu terganggu dan saya ada terima mesej daripada Taman Mutiara Rini, khasnya Jalan Bakti, sampai sekarang menggunakan *genset*. Ini rasa agak terkilanlah, dalam keadaan negara kita membangun, nak maju ke hadapan, supaya diambil tindakan segera. Semoga segala cadangan dalam kawasan ini dapat dipandang demi kesejahteraan rakyat Kota Iskandar dan seluruh Bangsa Johor. Kota Iskandar berpandangan jauh yang membawa Johor ke tahap yang lebih tinggi untuk mengutamakan kepentingan bersama. Pohon meranti tinggi menjulang, tempat berteduh waktu berkelana, belanjawan disusun demi rakyat gemilang, Johor sejahtera maju bersama. Dengan ini Kota Iskandar menyokong. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumusalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Kota Iskandar. Dijemput Yang Berhormat Permas.

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor, salam Malaysia Madani. Yang dihormati Yang Berhormat Datuk Speaker Dewan Undangan Negeri Johor. Saya cakap terima kasih kerana beri laluan saya untuk berbahas pada petang yang bahagia ini. Sudah pukul lima lebih ya. Jarang kita berlaku macam ini. Hebat jugalah Kota Iskandar, dia sebut-sebut lagi Permas. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tadi bangun untuk mencelah soal Bukit Kepong, tapi tak boleh sebab celahan itu tidak boleh, tidak dibenarkan. Saya akur dan apabila Seri Medan bercakap bahawa, ha biarlah dia cakap. Kalau pembangkang memang macam itulah. Kita cakap apa pun memang tidak kena saja. Dan Seri Medan pun cakap tadi ada kalau sekilo emas, sekilo emas pada Menteri Besar tidak ternilai dan kalau pembangkang ni macam Bukit Kepong ini, kalau kita kasi dia sekilo emas, cadang sekilo emas, dia tidak sokong tapi dia ambil juga. Macam dia sudah bentangkan. Kalau dua kilo pun tidak cukup, dia ambil juga. Sampai badan dia pun sudah bagi pakai lori pun bagi emas banyak-banyak pun kalau sokong tidak sokong dia angkat tangan tetap tidak sokong. Itu pembangkanglah. Jadi, biarkanlah saya dengar nasihat Seri Medan.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz bin Ghazi serta barisan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor dan juga Yang Berbahagia barisan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan dan tidak lupa jugalah yang dikasihi sahabat-sahabat saya, Ahli-Ahli Yang Berhormat teruskanlah berkhidmat, jangan jemu, hadapi cabaran dengan gagah, tunaikan segala amanah, pekakkan segala fitnah dan majukan kawasan anda masing-masing, Insya-Allah penggal hadapan kita bersama lagi. Dan juga seluruh pemerhati yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak pernah pantun, tapi kali ini saya nak pantun juga sebab apa, selepas pembentangan itu, saya memang rasa bersemangatlah dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ini, nak-nak perenggan yang akhir-akhir itu, memang saya bersemangat, jadi saya cipta jugalah pantun walau tidak pandai.

Pantunnya berbunyi, oh Jamilah sering didendang, jadi hiburan dara pujaan, Dewan yang mulia peluang berbincang, perbahasan Bajet jadi tumpuan. Satu lagilah. Indah sungguh hiasan di Dewan, YB-YB tidak jemu di sini, Bajet dibentang mohon sokongan, untuk rakyat limpahan negeri.

Pertama, marilah kita sama-sama merafakkan rasa kesyukuran kerana dengan limpah izin-Nya kita diberi kesihatan yang baik, membolehkan kita sama-sama hadir dalam Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Yang Keempat dan terlebih dahulu Permas ingin merafakkan, sebelum Permas meneruskan pembentangan belanjawan perbahasannya izinkan Permas terlebih dahulu merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucapan selamat kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November 2025. Patik dan seluruh warga Permas dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT semoga ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan Bawah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan seluruh anakanda dan kerabat di Raja serta dikurniakan keberkatan usia, dikekalkan dalam afiat dan sejahtera serta dilanjutkan usia pemerintahan agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor dalam limpahan rakyat rahmat dan kasih Ilahi. Permas juga ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih ke bawah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail Pemangku Sultan Johor yang telah memimpin negeri Johor dengan jayanya dalam semua aspek.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya saya nak ulang balik lah saya amat bersemangat lah dalam, dalam mesyuarat Dewan pada kali ini setelah mendengar bajet yang dibentangkan oleh Menteri Besar Johor. Seperti yang dikatakan tu ada yang katakan bahawa

ada yang kata durian runtuh. Durian runtuh. Sebelum saya membahaskan bajet yang menarik, sukalah saya respon terhadap *posting* Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang menyiarkan titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang berbunyi, dah cakap dah tadi dan saya nak nyatakan kembali apa yang, Yang Amat Mulia berkata iaitu "Saya amat bimbang terhadap kesesakan lalu lintas yang bakal timbul apabila projek Rapid Transit System, RTS link antara Johor Singapura mula beroperasi. Sehingga kini tiada penyelesaian menyeluruh disediakan bagi menampung peningkatan jumlah trafik termasuk perlaksanaan sistem ART bertingkat atau alternatif pengangkutan lain di kawasan sekitar Bukit Chagar. Kerajaan persekutuan memaklumkan bahawa tiada peruntukan mencukupi untuk menampung kos penyelenggaraan penyelesaian bertingkat sepenuhnya dilaksanakan. Namun begitu, Pulau Pinang mampu memperolehi projek LRT yang jauh lebih mahal berbanding sistem ART. Saya juga memantau secara rapat perkembangan beberapa projek kesihatan terutamanya di Johor termasuk Hospital Pasir Gudang, tempat saya ya. Pasir Gudang yang telah lewat siap, isu-isu di Hospital Sultanah Aminah serta kelewatan Projek Hospital Sultanah Aminah 2. Saya berharap agar masalah-masalah ini dapat diselesaikan dengan segera dan Johor tidak lagi seolah-olah diketepikan". Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap kali bermesyuarat berkenaan permasalahan saya akan bangkitkan soal kesesakan lalu lintas. Oleh yang demikian, saya menyokong 100% titah baginda Pemangku Sultan Johor supaya masalah yang ada, adalah kesesakan lalu lintas yang serius disebut juga oleh kerajaan persekutuan bahawa tiada peruntukan mencukupi untuk menampung kos penyelenggaraan sekiranya penyelesaian bertingkat sepenuhnya dilaksanakan.

Pada pandangan saya, kajian perlu dibuat. Dengan mengambil kira hasil dan penumpang dan beberapa jumlah kos yang tidak mencukupi untuk menampung belanja penyelenggaraan dan pihak mana yang perlu menanggung kos tersebut. Katalah ART itu dah siap, ART tu dah siap, jadi kos penyelenggaraan setiap bulan, setiap tahun siapa yang nak tanggung? Maksudnya, saya rasa begitulah. Jika kajian menunjukkan ada pihak yang boleh menanggung kos tersebut maka permohonan peruntukan hendaklah diluluskan oleh kerajaan persekutuan, jika tiada maka alternatif, jika tak ada siapa yang nak menanggung kos tersebut maka alternatif lain perlu dicadangkan kepada kerajaan persekutuan dan kita tidak boleh diam begitu sahaja. Kalau dah tak ada peruntukan tu kita diam je, tak boleh. Kita mesti pikirkan lagi macam mana kita nak selesaikan masalah tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang lebih menarik perhatian saya tentang titah tersebut adalah tentang kelewatan Hospital Pasir Gudang beroperasi. Saya sebagai orang Pasir Gudang dan juga wakil kepada rakyat Pasir Gudang sudah tentu terkesan dengan apa yang berlaku. Saya menjadi tempat pertanyaan dengan kelewatan yang berlaku, hospital ini adalah hospital yang diharapkan dapat menampung pesakit yang terlalu ramai hingga hospital yang ada di daerah Johor Bahru iaitu HSA dan juga HSI tidak lagi mampu menampung pesakit yang ada hingga ramai pesakit terpaksa menunggu terlalu lama untuk mendapat katil dan juga rawatan doktor. Ada juga pesakit yang tidak pulih sepenuhnya terpaksa diminta *discharge* bagi menempatkan pesakit yang lebih kritikal. Ini berlaku ya, memang berlaku perkara tersebut dan saya dah jumpa banyak orang begitu, dia tak berapa sihat lagi tapi terpaksa keluar daripada hospital. Ini menunjukkan bahawa hospital Pasir Gudang benar-benar diperlukan oleh rakyat Johor Bahru dan juga Pasir Gudang khususnya. Ingin saya menceritakanlah kronologi pembinaan Hospital Pasir Gudang. Ini pada asalnya, pada tahun 2011 Dato' Seri Khalid Nordin mula mencadangkan Hospital Pasir Gudang, ketika itu dah nampak, bahawa ketika itu masa itu Naib Ketua Bahagian UMNO Pasir Gudang pergi masuk hospital, ketika itu katilnya adalah di lorong-lorong, di lorong-lorong pejalan kaki dalam wad-wad tersebut. Makna kalau kita panggil dia, dia duduk kat mana, dia kata dia duduk kat *highway*, kita memang sinonim orang Pasir Gudang dengan *highway*. Jadi, kat Pasir Gudang di hospital tersebut memang lalu di lorong. Tapi ketika itu tidak terlalu kritikal sebab masih ada tempat untuk mereka sediakan katil. Tapi ketika itulah bahawa Yang Berhormat Dato' Seri

Khalid Nordin dah tahu pada akan datang ini memang masalah kalau tidak diselesaikan masalah hospital tersebut. Oleh itu pada tahun 2015, di bawah RMK-11 hospital baru Pasir Gudang diluluskan ketika itu. RMK-11 pada tahun 2015, dan pada tahun 2016 Dato' Seri Najib Razak mengumumkan kelulusan RM500 juta untuk hospital tersebut. Kalau ketika itu lulus RM500 juta bermakna katilnya akan ada 500 katil kalau nak dikirakanlah kos tersebut. Dan pada tahun 2017, tapak hospital Pasir Gudang seluas 20.485 hektar telah mendapat Notis 5A.

Untuk mencadangkan sesuatu projek itu bukan sekejap, bukannya sebulan, bukannya setahun Yang Berhormat Datuk Speaker. Dia mengambil masa yang lama. Oleh itulah daripada 2011, 2017 barulah mendapat Notis 5A, makna dapat kelulusan untuk tanah tersebut. Dan pada 2018, majlis pecah tanah diadakan. Bulan Jun, projek dijangkakan bermula pada tahun 2018. Yang Berhormat Datuk Speaker, projek ini untuk dijalankan memang banyak ujiannyalah. Tohmahan yang kami terima, orang Pasir Gudang lah sebab kami yang mengusulkan hospital tersebut dan maka kamilah yang akan di *attack*, *attack* eh. Akan dimacam-macamlah dikatakan. Amat teruk diserang. Terima kasih. Tohmahan yang diterima amat teruk difitnahkan bahawa projek ini palsu ketika itu. Ramai cakap, semua cakap palsu. Maklumlah kita nak pilihan raya, apa pun segalanya memang cakap palsu je ketika itu. Dan kerajaan Barisan Nasional adakan majlis pecah tanah sebanyak 2 kali dia kata. Ha, teruk kita orang kena dulu. Tiba-tiba kita buat majlis pecah tanah 2018, dia kata orang BN ni buat pecah tanah 2 kali, makna kita menipu rakyat bahawa perkara itu tak wujud sebenarnya. Dengan fitnah dan pengkhianatan, saya nak cakap pengkhianatan itu macam keterlaluan dari ahli-ahli parti sendiri dan daripada tokoh-tokoh besar, ahli parti yang ketika itu sama-sama adalah Bukit Kepong lah antaranya Bukit Kepong dan juga Endau masa tu sama orang UMNO ketika itu tapi diorang ini sama-sama membuat sesuatu yang tak bagus, yang memfitnah dan seperti tokoh-tokoh besar pun sama ketika itu UMNO seperti Tun Mahathir dan Tan Sri Muhyidin Yassin hanya kerana kuasa akhirnya Barisan Nasional kalah teruk pada PRU 14 tahun 2018 ketika itu. Akibatnya apa? Apabila kalah ketika itu akibatnya apa? Antara yang menjadi mangsa adalah rakyat Pasir Gudang. Hospital yang dirancang dan akan dioperasi pada tahun 2022 akhirnya hingga kini masih lagi tidak mampu beroperasi. Saya dimaklumkan pada doktornya ada, doktor ada, ada ni dan boleh tengok berubat pun boleh tetapi jururawatnya pula tak ada. Ha, itulah yang berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tolonglah maklumkan kepada Perdana Menteri Malaysia, PMX yang dianggap hebat, buatlah selesaikan dengan kadar segera supaya isu ini dapat diselesaikan dengan cepat. Rakyat di Johor Bahru termasuk Pasir Gudang, rakyat Pasir Gudang ini, termasuk rakyatnya Pasir Gudang ini yang sama-sama, termasuk rakyat yang sama-sama menumbangkan kerajaan Barisan Nasional tidak tahan lagi menanggung derita, bukan kita yang menyokong Barisan Nasional yang menanggung derita tapi yang menjatuhkan juga Barisan Nasional ketika ini juga menderita mengatakan bahawa hospital tidak siap-siap. Jadi saya minta maaf lah pada rakan-rakan dari blok-blok pengimbang dan pembangkang saya bukannya nak marah awak, semua cuma meluahkan perasaan macam mana kita sedih dulu akhirnya hospital ini jadi begini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingatkan habiskanlah cerita pasal Hospital Pasir Gudang ini. Saya pun kalau ingat balik tu rasa alamak hai geram je tapi tak apalah kita dah jadi rakan kan. Ok je lah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dikesempatan Persidangan kali ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz bin Ghazi di atas kejayaan beliau mentadbir negeri Johor dengan baik dan Yang Amat Berhormat juga telah menjadikan negeri Johor sebagai lokasi pelaburan yang terbaiklah. Dan saya tengok bajet yang kita buat tu memang hebat. Dan, alhamdulillah bajet kali ini ada gelombang kedua bagi bantuan Kasih Johor dan akan melanda rakyat. Saya ingat rakyat kali ini akan rasalah apa yang akan diberi oleh kerajaan dan bantuan 2 kali lipat pula tu kali ini akan diterima oleh rakyat Johor bersyukur lah pada apa yang ada, bersyukur banyak-

banyak tapi ada juga yang kata rakyat tak rasa dengan apa yang diberikan hingga Kota Iskandar tadi tunjuk, tunjuk gambar-gambar tu, gambar tu gini lagi, dia kata *act* lagi, dia kata rakyat tak rasa. Takpelah, yang saya terbaca juga lah daripada Bukit Kepong tu yang menafikan perkara tersebut dan saya nak cadangkan lah dia buat apa pun dia tak nak terima, tak nak sokong, saya nak buat usul boleh tak Datuk Speaker, boleh tak?

YB Timbalan Speaker : Ini perbahasan.

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) : Perbahasan untuk saya buat usul akan datang boleh tak? Saya nak cadangkan saja untuk akan datang. Saya nak usulkan lah kat sini bajet-bajet yang kita cadangkan tadi ini siapa yang tak angkat tangan kita jangan bagi yang 2 bulan gaji tu. Boleh tak? Tapi kecuali Johor Jaya, Johor Jaya saya tak boleh, Johor Jaya mesti bagi lah. Yang lain tu saya ingat. (Dewan ketawa). Jadi, saya pun nak masuk saya punya tempat jugalah, saya takut tak sempatlah. Sebab apa, Johor Jaya pun tolong saya juga macam..

YB Timbalan Speaker : Masa Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) : Macam Kota Iskandar kan dia tolong juga. Jadi saya nak masuklah saya punya ini, takut tak dapatlah. Dan akhirlah yang saya nak cakap soal saya di Pasir Gudang ini, di tempat saya kawasan Permas. Saya mintalah apa yang saya nak buat, saya nak memperjuangkan lapan perkara. Saya haraplah perjuangan ini akan saya terlaksana dan saya akan berjuang habis-habisan membujur lalu melintang patah. Saya mesti dapatkan juga pada tahun hadapan, lapan perkara yang saya minta, saya cubalah minta mohon kawan-kawan saya. Saya lupa saya nak cakap terima kasih kepada MBJB, MBPG tak sempat tak ada masa. Jadi saudara sahabat saya, saudara Kasim sampaikanlah bahawa MBPG itu bagus. Saudara Kasim di belakang ini, sahabat saya.

Yang pertama saya nak bina Pusat Sukan Komuniti di Seri Alam. Ha, itu saya nak. Apa pun saya naklah. Saya dah bincang dengan YB Hairi sebenarnya, YB Hairi pun setuju. Alhamdulillah dan suka saya minta bantulah pihak MBPG supaya dapat merealisasi apa yang saya mohon untuk buat Pusat Sukan Komuniti di Seri Alam.

Yang kedua menaik taraf Kampung Nelayan, Kampung Pasir Gudang Baru. Dan Alhamdulillah malam tadi JOJ yang saya yang terakhir saya buat di kampung Pasir Gudang Baru, dia orang pun tak sangka saya boleh buat kali yang terakhir JOJ ini. Dia orang geram, tapi saya buat saja. (Dewan bertepuk). Tak payah tepuk pun tak apalah. Saya tak nak. Jadi Pasir Gudang Baru saya nak majukan dan terima kasih juga kepada pihak MBPG kerana telah bagi RM500,000.00 untuk buat dataran di sana dan pasang lampu tujuh lagi dan juga buat, bagi *stall* lagi sebanyak enam. Terima kasih banyaklah kepada saudara Kasim sampaikan kepada Datuk Bandar dan juga saya nak membersihkan Sungai Masai yang lain sungai-sungai itu *total lost*, tak apalah. Biar saya nak bangunkan Sungai Masai supaya Sungai Masai itu jadi tempat pelancong. Saya nak pelancong itu macam besar sangat, pengunjung-pengunjung datang di Sungai Masai supaya pelancong kalau boleh, pelancong luar negaralah macam Kota Iskandar. Dan saya dengar Yang Berhormat Datuk Speaker, nelayan-nelayan di Sungai Melayu ini dah pandai cakap orang putih. Saya tak sangka sebab kawan saya ada cakap, dia cakap orang, nelayan Kampung Sungai Melayu ini eksyen, pandai cakap orang putih. Habis saya cakap, orang putih itu faham ke dia cakap? Eh, faham tapi kebanyakannya tak faham. Kena belajar lagilah cakap orang putih, Kota Iskandar.

Dan juga saya nak bina jambatan kedua Permaslah. Jalan dah memang teruk, jambatan kedua Permas dan dah dibuat kajian sebanyak RM217 juta untuk jambatan kedua dan jajaran dia pun dah disiapkan semua perkara itu, mudah mudahanlah sebelum 2030 dapat disiapkan.

Yang kelima, membina jambatan merentas dari Kampung Plentong Baru ke Lotus Plentong supaya dapat menyuraikan kesesakan jalan raya.

Yang keenam, membina masjid di Teluk Tropicana dan Dato' Seri Khalid ini dah banyak membina masjid di tempat saya itu. Bina masjid dah, saya ingat lebih daripada sepuluh jadi saya dapat satu pun jadilah. Kalau dapat untuk bekalan saya di akhirat nanti.

Dan nombor tujuh menyelesaikan kesesakan jalan di persimpangan jalan Persisiran Pantai dan Kota Puteri. Dekat situ ada jalan sempit sedikit, ada kesesakan antara perlu diselesaikan.

Dan juga yang kelapan menyelesaikan kesesakan jalan di persimpangan bertingkat Lebuh Raya Pasir Gudang, Seri Alam dan Kota Puteri. Saya minta supaya *u-turn* bertingkatlah macam berada di Perling dan juga Dato' Onn dapat dibuatkan begitu yang paling kecillah saya ingat, supaya dapat dibuatkan.

Dan juga kewangan kerajaan negeri kukuh hasilnya banyak, kenapa tidak usaha saya lapan perkara tidak boleh tercapai? Dan biasanya permintaan yang dibawa oleh sahabat-sahabat saya di wakil-wakil rakyat ini semua terlalu kecil. Terlalu kecil kalau nak dibandingkan yang dijalankan oleh pihak-pihak kerajaan, kakitangan kerajaan yang minta diminta oleh wakil rakyat ini kecil sangat. Dan selebih jumlah yang besar dikawal selia oleh pegawai kerajaan maka permudahkanlah usaha urusan kami membantu masyarakat setempat.

Terima kasih diucapkan kepada semua kakitangan kerajaan dan saya mohon maaflah jika pergerakan saya menyentuh hati dan juga, dan Permas menyokong pembentangan Bajet Tahun 2026. Sekian, wabilahi taufilwalhidayah Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Permas. Dipersilakan Yang Berhormat Kahang.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam Maju Johor. Terlebih dahulu izinkan saya Merafak Sembah Menjunjung setinggi tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim sempena hari keputeraan baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat Diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan juga Bangsa Johor. Patik juga menjunjung setinggi tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan bajet yang cukup inklusif dan holistik. Saya kagum dengan kebijaksanaan beliau mentadbir negeri ini. Bajet Johor 2026 menunjukkan sentuhan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang dekat dengan rakyat. Belanjawan ini jelas lahir daripada mendengar denyut nadi Bangsa Johor itu sendiri. Dalam konteks Johor yang maju, saya harap kerajaan akan terus juga memberi fokus kepada pembangunan kawasan luar bandar. Dan juga untuk memastikan bahawa rakyat di kawasan kampung, FELDA dan kawasan pendalaman menikmati pembangunan dari segi infrastruktur jalan raya, bekalan air bersih, lampu jalan, rangkaian internet, kemudahan komuniti, peluang pekerjaan dan peningkatan ekonomi. Saya berharap agar kerajaan negeri akan membina luar bandar yang lebih maju, lebih selesa dan berdaya saing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin bangkitkan satu isu berkaitan dengan rancangan FELDA di kawasan saya, di mana khususnya rancangan FELDA ini menjadi tunjang ekonomi

dan sosio budaya di kawasan luar bandar. Rancangan FELDA bukan sekadar tanah pertanian, ia adalah nadi kehidupan para peneroka yang menyalurkan usaha, doa dan harapan mereka ke tanah bertuah ini. Sepanjang beberapa dekad, FELDA telah memainkan peranan penting dalam memperkasa ekonomi peneroka melalui peluang pertanian dan usahawan agro. Meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti luar bandar termasuk pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas serta menyemai semangat muafakat dan perpaduan di kalangan generasi peneroka dan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, FELDA telah lama menjadi tunjang ekonomi luar bandar. Menyalurkan rezeki dan harapan kepada para peneroka. Namun begitu tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa cabaran dan permasalahan yang perlu ditangani antaranya ialah pengeluaran geran tanah. Walaupun kerajaan telah mempercepatkan proses, masih terdapat baki peneroka yang menunggu geran bagi lot utama khususnya di kawasan saya di FELDA Kahang Timur. Hal ini menjejaskan hak mereka untuk menggunakan tanah sebagai aset atau menjamin pinjaman bagi pembangunan ekonomi keluarga. Isu yang seterusnya ialah berkaitan dengan permohonan geran tanah generasi kedua FELDA. Generasi kedua FELDA juga isunya di kawasan saya belum dapat diselesaikan. Masih belum mendapat geran. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan tentang masa depan peneroka muda dan keberlanjutan keluarga mereka dalam sektor pertanian. Saya amat-amat berharap supaya kerajaan negeri akan membantu dalam konteks perumahan generasi kedua ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan Kahang merupakan kawasan luar bandar. Sebab itulah saya sentiasa memberi fokus kepada pembangunan kawasan luar bandar di mana salah satu kampung di kawasan saya di Batu 28, Kahang berhampiran dengan Mersing, *border* Mersing ialah Kampung Seri Lukut. Saya percaya bahawa pembangunan di kampung ini harus diberi fokus dan saya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji supaya kampung ini dimasukkan dalam pentadbiran KEJORA seperti mana yang berlaku di kampung yang bersebelahan yang dipanggil Kampung Contoh, Kahang. Saya juga mencadangkan supaya pusat pembangunan pembuangan sampah di Kampung Seri Lukut diadakan dengan segera serta naik taraf Pusat Rekreasi Sungai Temigol.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jeti Kahang yang telah pun dibaik pulih kini seumpamanya gajah putih. Walaupun digunakan ketika musim banjir tetapi saya rasa baik pulih yang dilaksanakan tidak sempurna. Seolah-olah tidak dapat digunakan pada masa-masa yang lain. Jadi saya harap supaya jeti di kawasan Kahang ini dibaik pulih dan kegunaannya digunakan secara meluas bukan sahaja ketika banjir tetapi untuk aktiviti-aktiviti lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker saya juga mencadangkan supaya Kampung India Kahang, Batu 24. Kampung India, Kahang juga dimasukkan di bawah pentadbiran KEJORA dan juga penambahan lampu jalan dan juga jalan kampung dilebarkan dan diturap semula. Memang benar perkara-perkara ini telah pun dibangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan juga dalam Mesyuarat Tindakan DUN, walau bagaimanapun, seringkali kita mendapati bahawa isu ini masih lagi tertangguh dan sering kali isu bajet juga dijadikan sebagai alasan, sebab itulah sekali lagi saya bangkitkan isu ini di Persidangan Dewan Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, status pembinaan Dewan Serbaguna di Kampung India, Kahang yang termasuk kelengkapan futsal masih lagi belum diselesaikan. Saya nak tahu apakah status permohonan tersebut kerana belum ada kelulusan bagi permohonan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Kampung Ilham, Kahang pula saya memohon supaya surau di kampung tersebut dibaik pulih dan selain daripada itu, balai raya juga diberi, dibaik pulih dengan segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Kampung Melayu MARDI pula, saya memohon agar jalan kampung dinaiktaraf dan juga jalan daripada Jalan Mengkibol ke Jalan Kota Tinggi juga dinaiktaraf serta perparitan di sekeliling perkampungan tersebut juga dipantau dan diperbaiki.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan Kluang, kita ada Taman Seri Impian. Taman Seri Impian ini seolah-olah menjadi Bandar Seri Impian tetapi disebelahan Taman Seri Impian ada Taman T6, Taman Seri Lambak yang juga cukup besar, tidak kurang hebat. Saya amat berharap supaya Majlis Daerah Simpang Renggam akan membuat kajian, akan ada *blueprint* untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai Bandar T6 supaya kemudahan di kawasan tersebut dapat diperbaiki dan juga banyak isu-isu seperti pembinaan Dataran Seri Lambak masih lagi belum diselesaikan. Pengurusan stadium baru di T6 juga masih lagi belum diselesaikan dan saya ingin tahu ianya akan diberi kepada pihak mana? Dan juga banyak taman-taman permainan kanak-kanak dan kawasan riadah perlu dibangunkan dan ada yang diperbaiki. Jadi saya amat berharap supaya Bandar T6 ini akan diberi nafas baru, dinaiktaraf sebagai Bandar T6. Dijadikan sebagai kawasan yang moden dengan sistem jalan raya yang jauh lebih baik, diadakan juga rizab untuk rumah PPRT dan juga ada barisan jalan di lingkaran satu taman tersebut yang mempunyai bangunan kedai yang terbengkalai. Dah hampir lebih daripada 20 tahun. Saya ingin tahu apakah tindakan yang akan dilakukan untuk menyelesaikan isu tersebut?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jalan Kluang-Mersing. Sesuatu jalan yang menghubungkan di antara daerah Kluang ke Mersing melalui Kahang. Saya percaya memang telah pun dinaiktaraf tetapi perlu dinaiktaraf secara berterusan kerana jalan ini merupakan jalan yang penting, pada masa yang sama jalan penghubung utama, bukan sahaja ke Mersing tetapi ke Taman Negara dan juga jalan yang menjadi *hotspot* lebih-lebih lagi ketika musim hujan, mudah banjir. Pada malam terlalu gelap dan juga menjadi laluan binatang liar seperti gajah. Jadi, jalan ini perlu dinaik taraf. Pada masa yang sama lampu jalan khususnya di setiap persimpangan perlu diadakan dan juga pelebaran jalan juga perlu diberi fokus oleh agensi-agensi yang berkaitan.

Yang Berhormat Speaker, saya juga mohon agar jalan daripada Taman Seri Impian ke Taman Sri Lambak iaitu pelebaran Jalan Kota Tinggi, juga diberi fokus oleh pihak yang berkenaan supaya sebab kita dapati bahawa laluan ini laluan trafiknya semakin hari semakin meningkat dan juga banyak berlaku kemalangan dan sebagainya. Jadi, saya percaya pelebaran jalan ini juga menjadi satu yang sangat-sangat diharapkan oleh penduduk di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Speaker, Kampung Contoh sebuah lagi kampung di kawasan Kahang, kawasan yang mudah banjir walaupun berada di bawah KEJORA tetapi juga banyak menghadapi cabaran, sering kali dari segi isu gajah, kali ini saya tak nak bawa sangat isu gajah kerana beberapa kali saya bawa dalam sidang Dewan, jadi saya harap kerajaan memang dah tahu tetapi kawasan mudah banjir, saya amat berharap apabila hujung tahun inilah kawasan yang selalu berlakunya banjir. Saya amat berharap pihak JPS sudah pun mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan isu-isu yang berkaitan dengan banjir.

Yang Berhormat Speaker, kawasan pekan Kahang, isu perparitan saya amat berharap akan dapat diselesaikan dan juga saya mohon untuk naik taraf dan baik pulih dataran di kawasan Kahang, begitu juga gerai makan di kawasan pekan Kahang perlu dinaik taraf sudah pun beberapa kali dibangkitkan tetapi saya tengok macam belum ada apa-apa tindakan saya amat berharap tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk diselesaikan.

Dan juga untuk makluman Yang Berhormat Speaker, di kawasan saya juga mempunyai perkampungan Orang Asli, jadi dikesempatan ini, saya juga ingin tahu status rizab tanah perkampungan Orang Asli di kawasan DUN Kahang. Begitu juga ada perkampungan juga menghadapi isu bekalan elektrik dan sebagainya, saya harap kerajaan juga akan memberi fokus untuk menyelesaikan isu-isu tersebut.

Yang Berhormat Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana beliau seorang pemimpin yang cukup prihatin, beliau memberi fokus

untuk membantu seluruh lapisan masyarakat termasuk masyarakat India, tidak gagal untuk memberi peruntukan tahunan, membantu Pengerusi Yayasan Sultanah Rugayah, menerusi Pejabat EXCO, Pejabat Menteri Besar dan memberi bantuan kepada kuil, sekolah-sekolah Tamil, NGO dan sebagainya.

Walau bagaimanapun saya percaya bahawa kini sudah sampai masa bahawa di negeri Johor kita mesti mempunyai satu Pelan Pembangunan Masyarakat India. Kalau boleh dalam konteks 5 tahun dari tahun 2026 hingga 2030. Kerana pelan ini ialah untuk memperkasa masyarakat India Johor melalui peningkatan ekonomi, pendidikan, sosial, budaya dan kepimpinan. Iaitu sasaran pembangunan yang saya maksudkan tadi dalam tempoh 5 tahun. Saya harap kerajaan akan ada satu *blueprint* ataupun membuat kajian dengan kerjasama daripada agensi kerajaan, NGO-NGO India dan juga sektor swasta untuk melihat semula termasuk pihak akademik untuk melihat semula apakah permasalahan dan apakah isu-isu yang sebenarnya boleh diselesaikan supaya taraf masyarakat India ini dapat dinaikan. Dan antara objektif kajian ini ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat India melalui pekerjaan dan keusahawanan. Memperluaskan akses pendidikan dan peluang kerjaya, meningkatkan kesejahteraan sosial dan taraf hidup komuniti terutamanya kumpulan B40.

Yang Berhormat Speaker, kerana masih ada keluarga India yang bergantung kepada pekerjaan yang tidak tetap, tinggal di kawasan perumahan yang lama, daif, bergelut dengan kos sara hidup yang tinggi dan sebagainya. Dan, saya amat berharap supaya kita perlukan satu perhatian yang khusus kepada penyertaan masyarakat India dalam sektor ekonomi baharu contohnya sektor teknologi, keusahawanan digital dan juga industri kreatif terutamanya dalam konteks apa yang berlaku di selatan negeri Johor ini.

Ramai belia India juga masih terperangkap dalam pekerjaan bergaji rendah kerana kekurangan akses latihan teknikal dan modal perniagaan. Jadi kesempatan ini, dalam pelan tersebut saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat menubuhkan satu dana keusahawanan khas untuk masyarakat India termasuk juga untuk belia India di negeri Johor supaya dapat memberi fokus kepada latihan digital, bantuan permulaan perniagaan, geran dan juga pinjaman mikro.

Yang Berhormat Speaker, saya juga mencadangkan supaya penempatan pekerjaan sektor industri yang inklusif supaya anak muda India mendapat peluang saksama di bawah pelaburan baharu yang berlaku di negeri Johor contohnya di *Johor Special Economic Zone* dan juga di kawasan Pembangunan Iskandar Malaysia. Penekanan kepada program-program TVET dan juga latihan kemahiran yang boleh dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan negeri sendiri termasuk YPJ. Kalau kita benar-benar serius mahu membina Johor yang inklusif, pembangunan ekonomi mesti sampai kepada semua lapisan masyarakat. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Speaker, isu pendidikan masyarakat India juga tidak boleh dibiarkan berlarutan. Sekolah Tamil di Johor memainkan peranan penting dalam membentuk asas pendidikan awal tetapi banyak yang masih menghadapi kekurangan fasiliti dan capaian digital. Ada juga masalah infra, ada sekolah-sekolah di kawasan ladang di mana jalan nak ke sekolah pun masih lagi tak sempurna lebih-lebih lagi ketika hari hujan atau musim banjir. Jadi, saya ingin menyeru kepada kerajaan negeri supaya walaupun pendidikan di bawah kerajaan pusat tetapi kerajaan negeri yang prihatin ini boleh membantu menyediakan peruntukan khas tahunan untuk penyelenggaraan sekolah-sekolah Tamil di negeri Johor. Dan juga pada masa yang sama melaksanakan program pendigitalan bilik darjah agar anak-anak ini tidak ketinggalan.

Yang Berhormat Speaker, dikesempatan ini juga saya ingin tahu apakah status pembinaan sekolah SJK(T) Pamol di Kluang, walaupun sudah ada tanah tetapi sekolah tersebut masih lagi tumpang di sebuah sekolah SKJ(C) di sana. Begitu juga dengan pembangunan sekolah SJK(T) Sungai Muar juga difahamkan sudah ada tapak dan sekolah SJK(T) Mengkibol di

Kluang, Sekolah SJK(T) Ladang Sembrong, Sekolah SJK(T) Mados dan juga sekolah SJK(T) Elaeis dan juga sekolah SJK(T) Ladang Lambak di Kluang. Kalau boleh saya inginkan pihak EXCO memberi penjelasan tentang status kini sekolah-sekolah tersebut.

Yang Berhormat Speaker, saya juga mencadangkan supaya dalam konteks pendidikan ini kerajaan negeri juga menawarkan biasiswa kepada pelajar masyarakat India yang cemerlang sebagai simbol keadilan pendidikan. Dan mungkin sebelum ini YPJ juga ada membantu dan sekiranya boleh mohon data dan pencerahan diberikan berapa ramai di kalangan pelajar masyarakat India yang pernah menerima biasiswa daripada Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, dikesempatan ini juga saya ingin membangkitkan isu perumahan dan kesejahteraan sosial. Masih ramai daripada masyarakat India yang khususnya pernah bekerja di *estate* yang belum memiliki rumah sendiri, ada yang tinggal di rumah tumpang, rumah sewa dan juga rumah yang daif dan kawasan yang mempunyai masalah infra.

Kerajaan negeri perlu menyemak semula pelaksanaan Skim Perumahan Mampu Milik supaya benar benar inklusif kepada semua kaum. Saya mencadangkan diwujudkan kuota khas masyarakat India luar bandar di bawah Program Rumah Mampu Milik Johor agar mereka tidak terpinggir daripada peluang memiliki kediaman yang selesa. Pada masa yang sama juga di Johor pada hari ini, kita ada Program Rumah Kasih Johor dan juga Rumah Prihatin Johor tetapi difahamkan hanya terbuka kepada kaum bumiputera, jadi saya mencadangkan supaya program ini juga dibuka kepada masyarakat India dan juga kaum Tiong Hua di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Speaker, kita juga sering mendengar slogan Maju Johor, Muafakat Johor dan sebagainya, tetapi saya juga ingin bertanya jika Johor berapa ramaikah wakil masyarakat India yang pernah dilantik dalam GLC-GLC Kerajaan atau lembaga ataupun *board* di peringkat negeri Johor kerana tanpa penyertaan yang bermakna suara masyarakat India ini akan terus tenggelam. Kita memerlukan satu panel di mana ataupun *think tank* kepada kerajaan supaya dapat menasihati kerajaan atau kerajaan dapat berbincang dengan mereka dalam konteks program permasalahan inisiatif untuk memajukan masyarakat India, saya mencadangkan agar kerajaan negeri menubuhkan Majlis Penasihat Masyarakat India Johor sebagai platform rasmi untuk mengemukakan isu dan cadangan, dasar secara berkala kepada pentadbiran negeri. Dan satu unit pemantauan dan data sosioekonomi etnik masyarakat India. Di mana unit ini bertanggungjawab untuk mengumpul dan menerbitkan laporan tahunan mengenai status sosioekonomi masyarakat India di negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, sebelum kita membuat sebarang data dan sebagainya saya rasa pada hari ini pun kerajaan negeri dalam konteks Bantuan Kasih Johor mula mengumpul data dan maklumat supaya apabila kita mendapat statistik, kita mendapat jumlah sebenarnya *target group* senang untuk memberi bantuan dan sebagainya. Itu yang dilaksanakan menerusi Program Bantuan Kasih Johor. Dalam konteks masyarakat India ini juga kita memerlukan data, kita memerlukan data dan statistik untuk melihat sendiri berapa ramaikah masyuarakat India di peringkat akar umbi yang terkesan dalam isu-isu komuniti ini supaya apabila dah ada data dan sebagainya ini yang memudahkan kita untuk membentuk dasar dalam konteks untuk memperkasakan komuniti itu.

Yang Berhormat Speaker, saya juga mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya memberi peruntukan untuk pembinaan Dewan Kebudayaan India di setiap daerah di negeri Johor, kerana menerusi platform ini ruang untuk program seperti aktiviti tarian klasik, latihan muzikal, program-program, ceramah, motivasi dan sebagainya juga dapat dilaksanakan untuk membantu masyarakat India.

Yang Berhormat Speaker, juga mencadangkan supaya diadakan dana penyelenggaraan rumah ibadat masyarkat India. Memang sebelum ini pun kerajaan negeri banyak membantu dalam konteks peruntukan untuk rumah-rumah ibadat dan sebagainya tetapi apabila ada

bantuan tahunan kepada rumah-rumah ibadat ini banyak lagi program, aktiviti yang dapat dijalankan untuk terus membantu dan memperkasakan masyarakat India. Dan akhirnya juga memperbanyakkan program kepimpinan belia India menerusi Program Mentor India Negeri Johor, latihan kepimpinan, kemahiran komunikasi dan sebagainya terus dijalankan.

Yang Berhormat Speaker, saya amat berharap seperti saya katakan tadi bahawa sudah tiba masa untuk kita ubah pendekatan, hanya sekadar memberi peruntukan tahunan sahaja tidak boleh menyelesaikan isu komuiniti di peringkat akar umbi. Masyarakat India Johor tidak mahu dilihat hanya sebagai penerima bantuan, mereka mahu ruang untuk berdikari, berkembang dan menyumbang. Jadi, kerajaan negeri perlu bergerak dari dasar bersifat jangka pendek seperti bantuan tunai kepada dasar pemberdayaan ekonomi dan sosial yang berasaskan latihan model dan peluang pekerjaan yang sebenar.

Yang Berhormat Speaker, saya ucap terima kasih di atas kesempatan yang telah saya bangkitkan. Saya amat berharap isu-isu yang saya bangkitkan ini akan diberi perhatian dan sewajarnya oleh keraaan negeri dan agensi-agensi dan dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada puan Pegawai Daerah Kluang, PTD Kluang, YDP MPK Kluang, YDP MDSR, JPS dan juga JD JKR Kluang kerana sering kali membantu apabila sahaja kita bangkitkan isu berkaitan dengan kawasan, masalah rakyat, mereka sedia membantu. Tak lupa juga kepada semua anggota agensi kerajaan yang berkhidmat di peringkat daerah Kluang. Dan dengan kata-kata itu, saya menyokong Bajet 2026. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Kahang. Terakhir untuk hari ini, dijemput Yang Berhormat Bekok.

YB Tuan Tan Chong (Bekok) : Terima kasih. Selamat petang, salam Sejahtera, salam Maju Johor. Awal bicara ini, patik merafak sembah menjunjung kasih serta merakamkan setinggi-tinggi tahniah sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang di sambut pada 22 November 2025.

Bagi meneruskan ucapan, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker Dewan yang mulia ini kerana memberikan kesempatan kepada saya Bekok, untuk memberi ucapan balas Belanjawan Negeri Johor yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi pada 13.11.2025 yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang dimuliakan, Bekok menyokong sepenuhnya atas ucapan pembentangan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2026 yang lalu.

Bekok sekali lagi mengucapkan tahniah atas pembentangan Belanjawan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2026 yang dilihat menepati aspirasi rakyat Bangsa Johor. Dan Bekok juga berasa bangga atas pendekatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang menghargai jasa-jasa pegawai-pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang menabur bakti di bumi bertuah Johor Darul Takzim. Kami Bangsa Johor dari bumi Bekok berasa bangga dengan pembentangan bajet 2026 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang dimuliakan, saya amat meneliti segala ucapan dalam pembentangan belanjawan yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor tempoh hari yang sangat lengkap dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat di dalam negeri Johor.

Saya membawa suara rakyat Bangsa Johor Bekok yang melihat bahawa kerajaan negeri Johor yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato Onn Hafiz Ghazi Menteri Besar Johor amat adil dan prihatin serta menjiwai kehendak rakyat Bangsa Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, bila saya kembali ke kawasan setelah pembentangan belanjawan disiarkan melalui radio, *on-line* dan sosial media mereka semua memuji kerajaan Johor yang terus mengutamakan rakyat Bangsa Johor terutamanya golongan B40 dan meneruskan semua bantuan-bantuan yang telah diperkenalkan sebelum ini. Bekok yakin dan percaya sekiranya Kerajaan Negeri Johor meneruskan pendekatan ini dan ramai rakyat Bangsa Johor gembira dengan pendekatan ini, Bekok yakin dan percaya bahawa Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang prihatin dengan berjiwa rakyat Negeri Johor akan terus maju dengan doa-doa yang baik dari rakyat Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang dimuliakan, sepekara lagi yang membuatkan Bekok merasakan pembentangan belanjawan tahun 2026 ini adalah yang terbaik diantara yang terbaik sebelum ini adalah pendekatan Kerajaan Negeri Johor dalam mengembangkan lagi sumber pendapatan dengan memberikan banyak insentif-insentif kepada pelabur-pelabur luar untuk melabur di dalam negeri Johor yang bertuah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang dimuliakan, di sini Bekok ingin mengambil kesempatan ini untuk membawa beberapa perkara permasalahan rakyat di dalam kawasan Bekok yang perlu Kerajaan Negeri Johor ambil maklum dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi memberikan keyakinan kepada mereka yang kebanyakannya adalah penyokong-penyokong tegar Kerajaan Negeri Johor.

Perkara pertama, sistem pengangkutan yang selesa menjadi asas utama pembangunan bagi setiap daerah dalam negeri Johor

Bekok memohon supaya jajaran jalan persekutuan dari Labis ke Gemas Baru Segamat dan dari Labis ke Kulai dapat dinaikkan taraf dari dua lorong kepada empat lorong.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan sekalian, bahawa jajaran yang selesa dan mudah untuk dihubungi bagi setiap daerah dan kawasan adalah tarikan utama pelabur untuk melabur atau mendirikan kilang di satu-satu kawasan. Pelabur juga akan lebih tertarik untuk melabur sekiranya jajaran jalan darat mempunyai hubungan dengan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS).

Di samping itu juga jajaran pengangkutan jalan darat yang selesa, memudahkan bagi urusan pentadbiran syarikat atau agensi kerajaan. Oleh yang demikian, Bekok mengharapkan agar Kerajaan Negeri Johor dapat memanjangkan perkara ini kepada kerajaan persekutuan di mana jalan yang Bekok maksudkannya adalah jalan persekutuan di bawah jagaan kerajaan Persekutuan, di mana dengan adanya jalan persekutuan yang selesa akan mengalakkan lagi perkembangan dan kepesatan ekonomi Johor Utara di masa akan datang yang mana kawasan Johor Utara lebih kepada ekonomi berasaskan pertanian yang mengharapkan jajaran jalan pengangkutan yang lebih selesa dan selamat untuk kami di belah utara Johor.

Perkara kedua, masalah-masalah kerosakan gelanggang futsal yang dibina melalui peruntukan kerajaan di kampung-kampung di dalam DUN Bekok. Golongan belia adalah golongan pelapis untuk memimpin sesebuah negara atau negeri di masa akan datang. Golongan ini perlu kita jaga dan beri perhatian dan keperluan riadah mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker bahawa di dalam DUN Bekok banyak terdapat gelanggang-gelanggang futsal yang dibina untuk anak muda beriadah telah mengalami kerosakan yang agak serius.

Golongan ini perlu kita jaga dan beri perhatian dan keperluan di daerah mereka. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker bahawa di dalam DUN Bekok banyak terdapat gelanggang-gelanggang futsal yang dibina untuk anak muda beriadah telah mengalami kerosakan yang agak serius. Bekok memohon agar EXCO Belia dan Sukan dapat

mengeluarkan peruntukan untuk membaik pulih gelanggang tersebut. Dimana telah memajukan permohonan peruntukan untuk membaik pulih gelanggang-gelanggang futsal tersebut pada pihak. Pihak berkenaan mengata bahawa tiada peruntukan khusus bagi membaik pulih gelanggang futsal tersebut.

Dalam pembentangan belanjawan tempoh hari bahawa Kerajaan Negeri Johor memperuntukkan sejumlah RM1 juta untuk membina gelanggang pickleball dalam negeri Johor. Oleh yang demikian, Bekok mohon perhatian Kerajaan Negeri Johor melalui EXCO Belia dan Sukan Negeri Johor untuk memberi perhatian bagi membina gelanggang pickleball di dalam DUN Bekok.

Oleh yang demikian Bekok mengharapkan Kerajaan Negeri Johor melalui EXCO Belia dan Sukan Negeri Johor dapat memberi perhatian kepada golongan belia khususnya di dalam Kawasan DUN Bekok.

Perkara ketiga, masalah ancaman scammer kepada rakyat Bangsa Johor yang terdedah di dalam sosial media. Sosial media adalah salah satu platform masa kini yang sering diguna untuk menyampaikan berita, situasi atau digunakan sebagai alat perniagaan dewasa. Sosial media merupakan salah satu teknologi terkini yang hadir dalam kehidupan manusia saat ini. Sekarang ini seolah-olah membuat hidup seseorang dan tak bermakna sekiranya gajet tiada dalam tangan. Sosial media kini bagaikan fenomena dalam kehidupan manusia. Namun, dengan kehadiran gajet yang membawa bersama sosial media ini banyak menganggu dan menyusahkan manusia yang mudah terpengaruh dengan tawaran-tawaran yang dikeluarkan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab, boleh kata cakap *scammer*.

Telah berlaku banyak kes di DUN Bekok, di mana seseorang yang telah terpengaruh dengan iklan yang dikeluarkan dan mangsa menekan *link* yang telah diberikan membuatkan mangsa telah menanggung hutang sedang mangsa tidak menerima apa-apa yang ditawarkan oleh *scammer* tersebut. Bila mangsa membuat laporan polis, pihak polis tidak dapat membantu kerana maklumat yang terdapat di dalam *link* tersebut tidak tepat dan susah untuk di siasat. Saya ingin melontarkan dan meminta Kerajaan Negeri Johor melalui Polis Diraja Malaysia agar dapat mencari satu cara bagaimana perkara ini terus menghantui rakyat Bangsa Johor.

Perkara keempat, tahun 2026 adalah merupakan Tahun Melawat Johor di mana tentunya kerajaan Johor akan banyak membuat acara-acara peringkat negeri untuk mempromosikan Tahun Melawat Johor. Kerajaan Negeri Johor sudah pasti telah bersiap sedia untuk menganjurkan acara-acara bagi mempromosikan setiap daerah di dalam negeri Johor bagi meraikan Tahun Melawat Johor pada tahun hadapan.

Bekok ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor melalui EXCO Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor yang telah merangka Jelajah Mejestic Johor dan telah melibat beberapa kawasan di DUN Bekok bagi dimasukan di dalam kalendar Tahun Melawat Johor 2026.

Semoga Jelajah Mejestic Johor yang dijadualkan bermula pada 19 hari bulan 11 tahun 2025 akan berjalan lancar dan mencapai tujuan bagi mempromosikan kawasan-kawasan tarikan pelancongan di DUN Bekok.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang dimuliakan. Perkara kelima, masalah gangguan gajah liar yang sering menganggu tanah-tanaman pekebun-pekebun kecil di dalam DUN Bekok. Keselesaan dan ketenteraman penduduk adalah yang sangat-sangat diharapkan oleh penduduk dan pekebun-pekebun kecil di dalam sesebuah kawasan.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang dimuliakan bahawa di DUN Bekok telah berkali-kali kumpulan gajah liar telah memasuk ke kawasan

pekebun dan kawasan penempatan penduduk. Perkara ini menimbulkan keresahan dan kebimbangan penduduk dan pekebun-pekebun kecil di kawasan DUN Bekok dan DUN Tenang. Terkini DUN Bekok, sekumpulan Gajah Liar telah memusnahkan tanaman durian, kelapa sawit dan pisang serta memusnahkan harta benda pekebun-pekebun kecil seperti pagar dan stor peralatan.

Oleh yang demikian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Perhilitan Negeri Johor, Pegawai dan Kakitangan PERHILITAN Daerah Segamat yang telah banyak membantu dan menangkap gajah liar tersebut. Namun, gajah-gajah liar tersebut tetap datang untuk merosakkan tanam-tanaman pekebun-pekebun kecil.

Pada pagi ini Bekok sekali lagi menerima gambar melalui *WhatsApp* yang menunjukkan pokok kelapa sawit yang telah dimusnahkan. Saya juga menerima panggilan telefon daripada pekebun-pekebun kecil di kawasan Temayor, Jalan Tenang Labis yang dimaklumkan bahawa dalam beberapa hari kebelakangan ini gajah liar sering keluar dari tempat merosakkan tanaman mereka. Masalah gajah liar yang menyerang tanaman pekebun-pekebun kecil di kawasan DUN Tenang pagi ini telah diambil tindakan oleh Ketua Kampung Paya Merah melaporkan kepada pihak PERHILITAN Segamat dan juga di *facebook.*

Oleh yang demikian, saya mengharapkan Kerajaan Negeri Johor untuk mengkaji satu langkah cara mana dan bagaimana yang perlu dilakukan bagi gajah-gajah liar tersebut tidak datang semula merosakkan tanam-tanaman pekebun-pekebun kecil.

Untuk makluman bahawa telah banyak pekebun-pekebun kecil di kawasan saya telah mengalami kerugian akibat gajah-gajah liar tersebut. Bekok merayu kepada Kerajaan Negeri Johor melalui PERHILITAN Negeri Johor untuk menyelesaikan masalah ini.

Perkara yang terakhir, harapan rakyat Bangsa Johor, DUN Bekok. Berkaitan perkhidmatan kereta api ETS. Sebelum itu Bekok merakamkan ucapan terima kasih khas buat kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Johor yang telah menjalankan bagi membina dua buah stesen keretapi ETS di dalam Parlimen Labis, iaitu Stesen Labis dan Stesen Bekok. Sekarang ini kereta api ETS telah berhenti di Stesen Labis dan Bekok dalam fasa percubaan dalam Gemas ke Kluang dan mendapatkan sambutan yang hangat dari masyarakat Parlimen Labis dengan pujian berkaitan keselesaan dan ketepatan masa perjalanan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bekok dimaklumkan bahawa perkhidmatan ETS akan beroperasi sepenuhnya dari JB Sentral ke Utara pada Disember tahun 2025 akan datang. Terima kasih kepada KTMB yang telah mengekalkan Stesen Labis dan Bekok antara stesen singgahan keretapi ETS setelah operasi sepenuh dilakukan pada Disember ini. Oleh yang demikian, besarlah harapan masyarakat Parlimen Labis yang menggunakan perkhidmatan kereta api ETS agar bila ditambah jumlah jadual perjalanan ETS, Labis dan Bekok tidak ditinggalkan sebagai stesen yang singgah oleh keretapi ETS kerana ianya telah menjadi pilihan utama pengangkutan awam darat di Parlimen Labis dan juga boleh menggalakkan sektor pelancongan yang terdapat di Labis dan Bekok.

Akhir kata terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk Bekok sampaikan hasrat rakyat Johor di kawasan DUN Bekok. Bekok memohon perhatian daripada kerajaan negeri Johor atas isu-isu yang telah dibangkit. Sekian, terima kasih. Singgah Kulai beli dukong, Bekok mohon menyokong. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bekok. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok Selasa, 18 November 2025, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 6:45 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15

HARI KETIGA	SELASA, 18 NOVEMBER 2025	BIL. 14 TAHUN 15

HADIR

Speaker Dewan Negeri Johor
YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.
(Rengit)

Menteri Besar Johor (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan)
YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.
(Machap)

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya
YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
YB Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid
(Semerah)

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
YB Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia
YB Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi
YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan
YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah
(Mahkota)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

YB Puan Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

TIDAK HADIR

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Setiausaha Kerajaan Johor.
Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, DMIJ., PIS II.

Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Yang Berhormat Datuk Abd Aziz bin Engan, DPSM.

Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Yang Berhormat Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, DMIJ., PIS, PSI.

Persidangan bermula jam 9:30 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Bismillahirrahmaanirrahim (Doa). Salam Maju Johor, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan menurut Fasal 9, Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 dan menurut Peraturan Tetap Bilangan 8, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Cukup Bilang bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah seramai tiga (3) orang dan Ahli Dewan Negeri seramai 14 orang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar akan merasmikan Majlis Peluncuran Pemasangan 40 Mesin *Automated External Defibrillators* (AED) pada sesi rehat jam 11:00 pagi nanti bertempat di ruang legar Dewan Persidangan ini.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan dan Ketua-ketua Jabatan yang menerima jemputan, dijemput untuk turut serta dalam majlis berkenaan.

Adalah dimaklumkan juga bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan mengadakan taklimat Kempen *Internet* Selamat kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Johor yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penggunaan *internet* secara beretika, selamat dan bertanggungjawab. Taklimat tersebut akan diadakan pada jam 1:00 tengah hari di Bilik Tayangan, Aras 2, Bangunan Sultan Ismail.

Ahli-Ahli Yang Berhormat bersama-sama kita dalam Dewan ini adalah pemerhati seramai 11 orang daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Negeri Johor (FELDA). Daripada FELDA. Selamat datang ke Dewan Negeri Johor, sekian terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan dimulakan sekarang.

Jurutulis : **SOALAN-SOALAN LISAN.**

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Kukup, jemput.

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) : Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Rumah kayu rumah batu, soalan Kukup nombor 1.

Apakah kemajuan terkini projek Rumah Prihatin Johor (RPJ) dan Rumah Kasih Johor (RKJ) yang diperkenalkan sebagai produk baharu untuk golongan berpendapatan rendah terutama kawasan luar bandar?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan ADUN Kukup berbunyi, apakah kemajuan terkini projek Rumah Prihatin Johor yang bersubsidi RM30,000.00 dan juga Rumah Kasih Johor yakni rumah percuma untuk golongan berpendapatan rendah terutama di kawasan luar bandar?

Untuk makluman Yang Berhormat Kukup, Rumah Kasih Johor yang telah dibina pada tahun 2023 bermula dengan 50 unit setiap daerah dan telah siap dibina dan diserahkan kepada para penerima, ini fasa satu (1) tahun pertama. Jumlah peruntukan untuk tahun 2023 adalah sebanyak RM6.5 juta dan manakala untuk tahun 2024 sebanyak 120 unit telah dibina dan akan siap diserahkan sepenuhnya Disember tahun ini yakni 2025 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM22 juta. Dan bagi fasa terkini, tahun 2025 sebanyak 165 unit Rumah Kasih Johor akan dibina dengan 138 peserta telah diperakukan sebagai peserta-peserta RKJ dan Rumah RKJ telah dalam pembinaan. Jumlah peruntukan pada tahun 2025 adalah RM22 juta. Pihak PKPJ bersama ADUN dan pejabat daerah komited untuk melengkapkan 27 peserta lagi sehingga Disember 2025. Seterusnya bagi tahun 2026, pihak kerajaan dalam perancangan menambah bilangan peserta sebanyak 165 peserta untuk melengkapkan sasaran kerajaan sehingga tahun 2026 yakni tahun depan sebanyak 500 unit.

Untuk makluman Yang Berhormat Kukup, bagi program Rumah Prihatin Johor. Rumah Prihatin Johor ini adalah rumah bersubsidi RM30,000.00 se unit. Program Rumah Prihatin Johor ini pula Jawatankuasa Pemilihan Rumah Prihatin Johor Bilangan 1 telah bermesyuarat pada 3 November 2025 dan telah memperakukan seramai 96 peserta RPJ yang pecahannya seramai 36 peserta bagi Rumah Prihatin bernilai RM66,000.00. Manakala seramai 60 peserta lagi bagi Rumah Prihatin bernilai RM86,000.00. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan RPJ adalah seperti berikut.

Jadi, untuk makluman YB Kukup, ini adalah proses *flow chart* dan setakat ini di peringkat Jawatankuasa telah pun bermesyuarat dan insya-Allah proses lantikan kontraktor akan bermula hujung tahun ini dan insya-Allah pada Januari (1/2026) projek akan bermula, terima kasih.

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) : Soalan tambahan Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Jemput.

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' EXCO di atas jawapan yang dibagi tadi. Saya ingin membangkitkan soalan tambahan, biasanya Rumah Prihatin Johor ini dibagi kepada mereka yang telah ada keluarga. Bagaimana pula, adakah kerajaan negeri merancang untuk meluaskan pemberian Rumah Prihatin Johor ini kepada orang-orang bujang yang mempunyai tanah dan juga kepada generasi kedua FELDA? Mohon penjelasan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada YB Kukup.

Kita di Johor ini, alhamdulillah. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi dan kerajaan negeri, pertama kita ada rumah percuma. Rumah percuma ini kita beri rumah percuma kepada mereka golongan B40 ke bawah yang mempunyai kad e-kasih. Dan yang keduanya adalah Rumah Prihatin, Rumah Prihatin sebagaimana dalam *slide* tadi kita ada dua (2) kategori, satu (1) kategori RM86,000.00 kerajaan kasi subsidi RM30,000.00. Mereka cuma cari *loan* bank RM56,000.00 dan kategori kedua, dua (2) bilik sahaja, satu (1) bilik air, harga rumah RM66,000.00 subsidi RM30,000.00 dan mereka cuma cari *loan* bank RM36,000.00.

Jadi kita berhadapan selepas kita buat pro-*filing* seramai 120 orang melibatkan lapan (8) daerah, melibatkan hampir sebahagian kawasan-kawasan ADUN, kita dapati bahawa golongan muda ini pun dia berminat untuk dapatkan Rumah Prihatin ini tetapi dasar yang lepas kita hanya menggalakkan untuk mereka yang golongan berkahwin. Jadi, kita merasakan cadangan daripada YB Kukup tadi, kita insya-Allah kerajaan negeri akan pertimbangkan sekurang-kurangnya di peringkat mereka yang bujang yang mak dia, bapak

dia atau adik-beradik dia nak bantu golongan bujang ini untuk bina rumah ibu, rumah ibu tadi yang RM66,000.00 Datuk Speaker. Sebab itu saya lihat, kita di Johor ini sangat beruntung sebab kita bina rumah yang serendah-rendahnya, maksudnya rumah RM66,000.00 subsidi RM30,000.00, mereka cuma cari RM36,000.00. Bukan itu sahaja, RM36,000.00 yang mereka cari ini khasnya untuk kita boleh tawarkan juga kepada generasi kedua FELDA, dia ada tanah tetapi dia tak boleh nak buat rumah. Jadi, dia boleh pakai Rumah Prihatin ini juga dan untuk makluman kita pun telah longgarkan syarat, dulu dalam geran mesti ada nama pemohon, sekarang ini dalam geran tak perlu ada nama pemohon, asal sahaja mak bapak dia boleh keluarkan Akuan Sumpah ataupun adik-beradik boleh keluarkan Akuan Sumpah atau saudara-mara boleh keluarkan Akuan Sumpah menyatakan tanah ini diberikan pada seseorang, kerajaan pun benarkan juga. Ini lebih kepada kita nak pastikan bahawa lebih ramai golongan Bangsa Johor yang B40 dan ke bawah ini. Rumah Prihatin ini dia punya paras gaji RM6,000.00 dan ke bawah supaya lebih ramai akan dapat manfaat. Yang kita luluskan ini tadi dalam *slide* 120 unit yang dalam permohonan, alhamdulillah daripada 120 itu, setakat data yang kita dapat 96 telah diluluskan di peringkat teknikal. Maknanya 80%, yang ada baki lagi lima (5) kita tangguhkan dan tolak ada 19 permohonan tetapi sebab tolak ini kita pecahkan pecahan yakni 17 calon telah memiliki harta. Rumah percuma, Rumah Prihatin bersubsidr RM30,000.00 ini bagi mereka yang telah memiliki harta dilarang untuk mohon. Ini kita beri tumpuan kepada mereka yang belum memiliki rumah sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Timbalan Speaker : Jelas Yang Berhormat EXCO. Jemput Yang Berhormat Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Terima kasih, selamat pagi Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Pekan Nanas nombor 2, terima kasih.

Apakah perancangan promosi pelaburan antarabangsa selepas misi ke UK dan AS ini termasuk rancangan bagi lawatan balas pelabur, penyertaan dalam forum pelaburan global dan pengukuhan hubungan dengan MIDA *Overseas Centres* serta wakil dagang Malaysia di luar negara?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker. Kerajaan Negeri Johor sentiasa konsisten dalam usaha memperkukuh jaringan promosi antarabangsa bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi selaras dengan aspirasi Johor sebagai pintu masuk pelabuhan serantau melalui Projek Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura. Dalam hal ini Johor kini berada dalam momentum pertumbuhan ekonomi yang paling kukuh dalam sejarah terkini. Dengan komitmen pelaburan mencecah RM56 bilion sehingga suku kedua 2025 dan daripada pagi ini kita telah pun terima satu berita yang cukup baik daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia di mana sehingga suku ketiga tahun 2025, Johor telah pun berjaya mencatatkan jumlah pelaburan komited sebanyak RM91.1 bilion (Dewan bertepuk), diikuti dengan Selangor RM51.9 bilion, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur RM45.9 bilion, Pulau Pinang RM23.7 bilion dan juga Kedah RM17.5 bilion. Sekali lagi Johor telah pun berada di tangga pertama dan kita berada di landasan yang betul dan tepat untuk mencapai sasaran sebanyak RM100 bilion dari segi jumlah pelaburan komited bagi tahun ini mengatasi gabungan pelaburan komited 2 tahun sebelum ini iaitu pada tahun 2023 sebanyak RM43 bilion dan juga tahun 2024 sebanyak RM48.5 billion.

Prestasi luar biasa ini adalah bukti bahawa promosi pelaburan antarabangsa yang dijalankan bukan sekadar misi diplomatik, ia membawa pulangan hasil ekonomi yang nyata, besar dan juga segera kepada negeri Johor. Selepas pelaksanaan misi pelaburan ke United Kingdom dan Amerika Syarikat baharu-baharu ini, kerajaan negeri melalui Invest Johor dan agensi promosi pelaburan lain telah merangka beberapa inisiatif susulan yang menumpukan kepada tiga (3) aspek utama iaitu lawatan balas pelabur, penyertaan dalam pelaburan global serta

pengukuhan jaringan diplomatik pelaburan bersama agensi luar negara. Antara pelaksanaan dan perancangan utama yang telah disusun adalah seperti berikut:

1. Sebagai kesinambungan kepada misi ke UK dan juga Amerika Syarikat, beberapa syarikat yang ditemui semasa misi tersebut telah menyatakan minat untuk melawat Johor pada suku pertama tahun 2026 bagi meninjau tapak industri dan juga membincangkan potensi pelaburan bersama agensi negeri. Kerajaan negeri akan memanfaatkan peluang ini untuk mempamerkan kelebihan lokasi strategik Johor, keupayaan tenaga kerja tempatan serta kemudahan infra struktur yang menyokong pelaburan bernilai tinggi.

2. Sebagai susulan kepada kejayaan forum pertama yang diadakan bersama dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta rakan sejawat dari Singapura, Johor telah menyertai penganjuran Forum Kedua Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura yang dianjurkan oleh *Enterprise Singapore* pada 14 Oktober. Penganjuran ini merupakan satu usaha bersama antara kedua-dua negara bagi menyampaikan perkembangan perlaksanaan JS-SEZ kepada komuniti pelabur Malaysia dan Singapura serta global bagi memperkukuh keyakinan terhadap potensi kerjasama rentas sempadan ini.

3. Kerajaan negeri melalui Invest Johor dan MIDA Johor telah mengadakan satu sesi taklimat kepada pejabat MIDA di luar negara iaitu MIDA *Overseas Centre* pada 27 Oktober 2025 lepas bagi memperkukuh perkongsian maklumat serta penjenamaan Johor dalam rangka promosi global Malaysia. Sesi ini bertujuan menyelaraskan relatif pelaburan negeri dengan promosi antara MIDA agar mesej mengenai kekuatan Johor khususnya dalam konteks JS-SEZ, infra struktur industri dan tenaga kerja berkemahiran dapat disampaikan secara seragam kepada pelabur antarabangsa.

4. Selain komitmen pelabur, misi pelaburan ke Amerika Syarikat turut memberikan delegasi Johor mengenai pendedahan menyeluruh terhadap rantaian nilai teknologi dan kecerdasan buatan global iaitu dalam industri AI. Deligasi kerajaan negeri berpeluang mengadakan sesi libat urus dengan syarikat terkemuka dunia merentas keseluruhan ekosistem AI. Antaranya, daripada pembuat cip seperti *nvidia* peralatan dan automasi seperti *brooks automation, pivitol system* dan *supermicro* sehingga gergasi pusat data seperti Equinix. Deligasi turut melawat *open* AI iaitu peneraju teknologi modul generatif seperti *Chat GPT* bagi memahami perkembangan terkini teknologi AI.

Selain sektor industri lawatan ke *Standford University*, *Havard University* dan MIT membuka ruang kerjasama strategik dan penyelidikan dan pembangunan bakat. Pendedahan menyeluruh ini akan menjadi asas penting dalam penyediaan strategik pembangunan AI negeri Johor serta menjadi penanda aras untuk perbandingan semasa misi pelaburan ke negara lain. Dalam hal ini kerajaan negeri akan melaksanakan misi galakan pelaburan dan kerjasama pendidikan ke negara China pada bulan Disember akan datang. Misi akan memberi tumpuan kepada syarikat berasaskan *robotic* automasi industri, kecerdasan buatan dan sektor *niche investment economy* seperti bioteknologi dan teknologi tenaga bersih. Selain memperkukuh hubungan perdagangan misi ini turut membuka ruang kepada kerjasama institusi pendidikan tinggi di Johor dengan universiti serta pusat penyelidikan di China bagi pembangunan bakat dan teknologi tempatan. Kesemua perlaksanaan dan perancangan ini menunjukan komitmen kerajaan negeri Johor dan melaksanakan strategi promosi pelaburan yang berfokus tersusun dan berimpak tinggi bagi memastikan Johor terus kekal sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini serta menjana hasil negeri yang mampan dan yang paling penting memberi kesan langsung kepada rakyat Johor melalui peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, peningkatan pendapatan isi rumah, peluang latihan dan kerjasama pendidikan serta pewujudan industri masa depan yang akan menjamin kestabilan ekonomi negeri untuk generasi akan datang. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Penawar.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Assalamualakum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 3.

Apakah program-program yang telah dijalankan atau bakal dijalankan bagi penglibatan Bangsa Johor di Yayasan Warisan Johor untuk tahun 2025 yang bakal memberi impak bagi Tahun Melawat Johor 2026?

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Parit Raja, jemput.

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Assalamualakum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Maju Johor Yang Berhormat Datuk Speaker soalan nombor 4.

Apakah acara kebudayaan dan warisan bertaraf antarabangsa yang telah dirancang sempena Tahun Melawat Johor 2026?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Penawar dan Parit Raja bagi saya izin untuk menjawab kedua-dua soalan sekali. Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor terus menunjukan komitmen yang tinggi dalam memperkukuh usaha pemeliharaan, pemuliharaan dan penghayatan seni budaya negeri. Pelaksanaan pelbagai program yang dirancang ini bermatlamat menonjolkan keunikan Bangsa Johor sebagai lambang perpaduan, keharmonian dan kekayaan warisan negeri ini. Program-program yang dijalankan pada tahun 2025 dan bakal dilancarkan pada tahun 2026 ini bukan sahaja memberi impak kepada penglibatan Bangsa Johor tetapi juga diwujudkan sebagai pemangkin bagi menjayakan Tahun Melawat Johor 2026. Yayasan Warisan Johor telah merancang beberapa acara kebudayaan dan warisan yang bertaraf antarabangsa bertepatan dengan aspirasi Tahun Melawat Johor 2026 yang melibatkan kerjasama strategik dengan institut dan negara luar. Antara acara yang bakal dijalankan satu adalah, Wonderful Nusantara Festival. Wonderful Nusantara Festival merupakan salah satu platform utama Yayasan Warisan Johor dan inisiatif penting bagi mengukuhkan hubungan diplomatik serta memperluas jaringan kerjasama budaya antara Johor dan institut kebudayaan terkemuka di Rantau ASEAN melalui platform *International Cultural Community Network* (ICCN) dengan izin. Penganjuran festival ini diperhebat dengan penyertaan lima (5) negara serantau, iaitu Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei, dan Filipina. Festival ini direka untuk memugarkan enam (6) teras utama iaitu, Persembahan Seni Budaya, Sajian Warisan, Kearifan Tempatan, Kraftangan, Permainan Tradisional dan Seni Bela Diri. Ia juga secara khusus memperkenalkan elemen seni silang budaya yang merangkumi seni kaligrafi Cina dan khat Melayu, seni lukisan *henna* kaum India, serta persembahan paluan gendang tiga (3) kaum. Untuk mencapai impak yang lebih besar menjelang Tahun Melawat Johor 2026, Yayasan Warisan Johor akan memperluaskan jaringan kerjasama bersama Majlis Kebudayaan Negeri Johor dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor.

Program yang kedua ialah Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan. Festival ini merupakan satu program mega yang mengumpulkan pakar-pakar dalam bidang pemuziuman dari seluruh negeri di Malaysia, serta negara-negara luar seperti Singapura, Brunei, Thailand, dan Indonesia. Johor telah dipilih buat julung kalinya menjadi tuan rumah penganjuran program ini. Program ini dijangka dilaksanakan selama 7 hari pada bulan Julai di Dataran Angsana Johor, dengan kerjasama daripada Jabatan Muzium Malaysia melalui Kementerian Perpaduan Negara. Aktiviti yang disusun termasuk pameran, perkongsian ilmiah, bengkel, persembahan kebudayaan negeri-negeri dan negara jemputan, aktiviti memasyarakatkan seni, budaya, dan warisan. Beberapa aktiviti sampingan turut diadakan seiring dengan Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada bulan Julai 2026, bertujuan untuk memeriahkan sambutan dan meningkatkan penglibatan masyarakat.

Ketiga, program ketiga ialah *Heritage Mini Painting*. Program ini ialah adalah program *Malaysia Book Of Records Heritage Mini Painting*, iaitu satu program penghasilan sebanyak 5,000 karya lukisan secara *miniature* bersaiz 15cm x 15cm. Penyertaan dibuka kepada semua pelajar sekolah rendah, menengah, IPT mahu pun masyarakat umum. Program ini mendidik masyarakat agar dapat menghasilkan idea secara kreatif dalam mengetahui dan memahami warisan dan budaya dalam bentuk ketara mahu pun tidak ketara yang ada di negeri Johor. Program pengiktirafan MBOR iaitu *Malaysia Book Of Records* akan dibuka penyertaannya pada bulan Februari dan majlis akan dijangka dilaksanakan pada bulan Julai sempena Festival Hari Muzium Antarabangsa 2026.

Keempat ialah Teluk Belanga Fun Run dan *Heritage Virtual Run Challenge*. Acara *Fun Run* ini bertemakan Warisan Negeri Johor dengan mengetengahkan identiti negeri melalui pemakaian Baju Melayu Teluk Belanga. Program ini dicadangkan dalam dua (2) konsep, iaitu *fun run* secara fizikal dan secara *virtual*, bagi memberi peluang kepada semua rakyat negeri Johor berpeluang mengikuti program ini dalam meningkatkan jati diri Bangsa Johor. Program ini akan dilaksanakan pada bulan Julai bersempena bulan sambutan Hari Muzium Antarabangsa dan terbuka kepada seluruh masyarakat tidak mengira umur. Dan selepas itu adalah untuk program Hari Muzium Antarabangsa *Brewforia Fest x Makar Fest.* Program ini berbentuk kebudayaan dan makanan ini akan dilaksanakan bagi memeriahkan sambutan Festival Hari Muzium Antarabangsa. Ia tidak hanya mengetengahkan kebudayaan dari pelbagai negeri dan negara, tetapi juga akan memperkenalkan kopi yang menjadi produk terkenal di negeri Johor, selain mempromosikan produk-produk golongan belia yang popular kini. Program ini dijangka akan mengumpulkan lebih 50,000 orang pengunjung selama empat (4) hari. Ia merupakan program kolaborasi di antara kerajaan negeri melalui Yayasan Warisan Johor dan Makar Fest dan penganjur program belia di Malaysia.

Program seterusnya ialah Program *International Classic Bike Fest*. Program ini merupakan acara perhimpunan bagi penggemar basikal dan motorsikal dalam satu program berbentuk perhimpunan. Ia melibatkan negara Singapura dan Thailand. Dianggarkan sebanyak 1,000 penyertaan akan mengikuti program ini yang diadakan bersempena Hari Muzium Antarabangsa dengan pengisian aktiviti seperti pertandingan, pameran, dan bengkel.

Program seterusnya ialah Simposium Antarabangsa Johor Global : Hubungan Johor dan Asia Barat. Simposium ini adalah satu platform ilmiah yang mengumpulkan cendekiawan, pakar sejarah, budaya, dan aktivis seni untuk berkongsi maklumat tentang hubungan negeri Johor dengan negara-negara luar, khususnya dari Asia Barat seperti Turki, Jordan, Emiriah Arab, Iran, dan Lubnan. Perkongsian ini merangkumi sejarah hubungan sejak zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar sehingga ke pentadbiran Johor Moden kini. Program perkongsian ilmiah ini akan dilaksanakan selama dua (2) hari dan dicadangkan pada bulan Julai sebagai persediaan kepada Sambutan Kemerdekaan pada tahun 2026. Pengisian lain adalah dalam simposium ini termasuk pameran berkaitan sejarah, *podcast*, persembahan kebudayaan, dan aktiviti lawatan berpandu. Program ini selari dengan saranan Pemangku Sultan Johor, agar belia negeri ini bukan sahaja mengenali pembangunan dan ekonomi, malah mahir serta mempunyai semangat jati diri yang tinggi terhadap sejarah, seni dan budaya Johor.

Program seterusnya juga adalah *International Textile Symposium.* Kain Benang Johor merupakan identiti negeri yang mempunyai nilai sejarah dan warisan tersendiri dan semakin mendapat tempat dalam pemakaian rasmi mahupun tidak rasmi dalam kalangan masyarakat negeri Johor. Justeru, simposium ini diadakan sempena Tahun Melawat Johor 2026 untuk mengetengahkan inovasi serta penghasilan produk kraf berasaskan tenunan. Simposium ini melibatkan beberapa negara luar termasuk Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand, Filipina, China, Jepun, dan India untuk memperkenalkan produk negeri ini di mata dunia. Simposium ini akan menonjolkan beberapa segmen pembentangan kertas kerja serta perkongsian ilmu berkaitan produk tenunan oleh artisan. Ia akan dilaksanakan pada bulan Mei bersempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang disambut sedunia pada 18 Mei setiap tahun.

Kerajaan negeri menerusi Yayasan Warisan Johor juga telah merancang beberapa program berimpak tinggi iaitu penglibatan Bangsa Johor dan mengangkat martabat warisan negeri. Antaranya ialah Perasmian Muzium Tokoh Johor. Muzium Tokoh Johor akan dibuka semula dengan imej dan pengisian bersifat interaktif bersempena Tahun Melawat Johor 2026. Pengisian utama muzium ini adalah berkaitan, Sejarah dan Kesultanan Johor Moden, Tokoh-tokoh Johor di Peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, dan Tempatan, Tokoh Pentadbiran Negeri dan Menteri Besar. Cadangan majlis perasmian tersebut akan dirasmikan oleh Pemangku Sultan Johor dan dianggarkan bersempena Hari Kemahkotaan Sultan Johor pada bulan Mac 2026. Cadangan pembukaan bersempena Hari Kemahkotaan ini dilaksanakan bertujuan menarik minat masyarakat mengenali dan mendekati sejarah negeri Johor melalui tokoh-tokoh negeri.

Seterusnya program Jelajah Lestari Zapin dan Program Festival Zapin Jauhar. Jelajah Lestari Zapin merupakan sebuah program yang bertujuan memartabatkan seni warisan zapin melalui jelajah di seluruh daerah Johor. Jelajah ini bergerak mengisi aktiviti bersama-sama Majestic Johor ke daerah-daerah negeri Johor, disusuli pertandingan daerah. Kemuncak kepada jelajah ini adalah Festival Zapin Jauhar. Festival ini dirancang pada 6 hingga 9 November 2025 dan dijangka memberi impak yang besar melalui kerjasama strategik pelbagai pihak seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional, JKKN Johor, Tourism Johor, Majlis Kebudayaan Negeri Johor dan puluhan agensi lain. Festival ini menggabungkan pelbagai elemen tarikan negeri melalui pendekatan daerah, iaitu budaya, sejarah, makanan warisan, industri kecil dan sederhana serta interaktif melibatkan pengunjung dan penganjur.
Akhirnya ialah program Sajian Warisan Johor. Sajian Warisan Johor adalah program yang konsisten diadakan oleh Yayasan Warisan Johor untuk mempromosi dan membudayakan makanan warisan di Johor di kalangan masyarakat negeri Johor. Antara usaha yang dilaksanakan seiring penganjuran program ini ialah mengiktiraf Beriani Johor sebagai Makanan Warisan Johor. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput, Parit Raja.

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, dan terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO saya meneliti jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO dan terima kasih di atas usaha-usaha dan perancangan. Cuma, di sini saya hendak mengemukakan soalan tambahan. Apa dan bagaimana usaha dan perancangan di pihak peringkat kerajaan negeri untuk memberi impak program-program yang telah dirancang yang akan dilaksanakan pada Tahun Melawat Johor 2026 ini di peringkat daerah-daerah? Kerana di peringkat daerah juga mempunyai pelbagai potensi untuk diangkat dan diceritakan di peringkat antarabangsa. Saya lihat tadi program-program yang dilaksanakan berpusat di ibu negeri Johor. Sedangkan di peringkat daerah, di peringkat akar umbi juga mahu merasai program-program yang bertaraf antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Parit Raja. Tidak boleh dinafikan kita mempunyai banyak bakat-bakat yang berada di daerah-daerah. Melalui Yayasan Warisan Johor dan khususnya melalui program Zapin Jauhar tahun lepas, tahun ini kita telah bekerjasama dengan Tourism Johor *especially* melalui Festival Majestic Johor kita telah pergi ke daerah-daerah untuk mengetengahkan khususnya festival zapin. Di mana di setiap daerah kita mengangkat balik semua, menarik balik semua peserta-peserta penarin zapin khususnya dari pihak sekolah, remaja dan juga NGO-NGO dan kali ini juga dibukakan kepada kaum lain. Khususnya masyarakat India dan Cina juga untuk melibatkan diri dalam untuk festival zapin. Tetapi bukan zapin sahaja, tetapi untuk tahun depan, perancangan Yayasan Warisan Johor dengan kerjasama Majis Kebudayaan Negeri Johor dan juga JKKN negeri kita akan mengetengahkan platform untuk persembahan-

persembahan hujung minggu yang boleh dijalankan di peringkat daerah untuk mencungkil balik bakat-bakat di peringkat daerah dan memberi mereka platform yang penting untuk mengetengahkan bakat mereka. Sebab bakat mereka kadang-kandang mereka ada, tetapi bakat mereka simpan dalam tak ada ada tempat nak menunjukkan platform. Kerajaan negeri Yayasan Warisan Johor, Majlis Kebudayaan Negeri Johor dengan kerjasama JKN Johor kita akan mencungkil balik bakat-bakat ini dan harap boleh berjaya program ini. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Penawar.

YB Puan Fauziah bin Misri (Penawar) : Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya untuk memastikan legasi Tahun Melawat Johor 2026 berterusan, apakah inisiatif pembangunan bakat warisan yang telah dirancang untuk melatih dan memperkasa generasi muda Johor sebagai pelapis dalam bidang-bidang seni, budaya dan pemuziuman bagi menjamin kelestarian warisan negeri ini secara jangka masa panjang? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Terima kasih YB Penawar. Bagi memastikan legasi Tahun Melawat Johor 2026 berterusan dan warisan negeri terus terpelihara, kerajaan negeri Johor telah merancang beberapa inisiatif pembangunan bakat yang menyasarkan generasi muda sebagai pelapis dalam bidang seni budaya dan pemuziuman. Antara inisiatif yang dirancang termasuk :

1. Program latihan dan pembangunan bakat warisan. Kursus dan bengkel akan dianjurkan secara berkala melibatkan pakar warisan tempatan untuk melatih generasi muda dalam seni persembahan tradisional, kraftangan, muzik dan tari budaya Johor;

2. Kerjasama dengan inistitut pendidikan, kolaborasi dengan universiti, kolej dan sekolah untuk memperkenalkan silibus seni dan budaya Johor sebagai sebahagian daripada program kurikulum serta aktiviti lapangan;

3. Program aspirasi budaya di muzium dan galeri. Memberi peluang kepada pelajar dan belia untuk menyertai program sukarelawan dan latihan industri di institut budaya bagi mempertingkatkan pendedahan dan minat dalam bidang pemuziuman;

4. Anugerah inisiatiff seni warisan. Menyediakan insentif dan pengiktirafan pada bakat muda yang aktif dalam memellihara mempromosikan seni budaya Johor termasuk bantuan dana untuk projek-projek komuniti berasaskan warisan. Melalui pendekatan ini Johor bukan sahaja dapat memastikan kelestarian warisan, malah membina generasi baru yang bangga dan bertanggungjawab dalam mempertahankan identiti budaya negeri secara berterusan. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Dijemput.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih kepada YB EXCO. Cuma tadi apabila kita lihat ada beberapa slide yang dipaparkan ada satu *slide* tu berkenaan dengan Festival Hari Muzium Antarabangsa peringkat kebangsaan. Ada satu program namanya Teluk Belanga *Fun Run*. Tapi keseluruhan gambar yang berlari tu cekak musang bukan Teluk Belanga, jadi saya harap sebelum kita promosikan kita tengok baliklah *slide* tu, sebab saya rasa macam tak selesa tadi. Teluk Belanga *is* Johor. Cekak Musang bukan, tajuk program Teluk Belanga, yang berlari keseluruhannya cekak musang, jadi saya mintak diperbetulkanlah. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat EXCO ada jawapan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Saya ambil maklum program ini akan dijalankan tahun depan dan mungkin gambar ini mungkin gambar yang diambil daripada gambar luar.

YB Timbalan Speaker : Dia *super impose* la tu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Ha ah, akan diperbetulkan.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Sedili.

YB Tuan Muszaide bin Makmor (Sedili) : Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum warahmatulahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Maju Johor. Soalan Sedili nombor 5.

Berapakah jumlah hak milik tanah yang telah diluluskan kepada peneroka FELDA di seluruh negeri Johor sehingga kini dan berapakah pula bilangan geran hak milik bagi generasi baharu FELDA yang telah diserahkan?

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum warahmatulahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Soalan Pasir Raja nombor 6 dan nombor 7. Terima kasih.

Apakah usaha kerajaan negeri bagi menyelsaikan isu hak milik tanah FELDA?

Apakah langkah ke hadapan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah generasi kedua FELDA?

YB Timbalan Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum warahmatulahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Sedili dan Pasir Raja atas soalan berkenaan dengan peneroka dan generasi baharu FELDA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, FELDA negeri Johor terbahagi kepada dua (2) wilayah pengurusan iaitu FELDA Wilayah Johor Bahru dan FELDA Wilayah Segamat. Terdapat 73 buah Rancangan FELDA di seluruh negeri Johor dengan keluasan 122,124 hektar untuk penempatan dan ladang. Untuk makluman Yang Berhormat Sedili, Pasir Raja dan Ahli Dewan, kerajaan negeri Johor sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu hak milik tanah peneroka FELDA dan generasi baharu. Sehingga kini perlaksanaan dua (2) inisiatif utama sedang giat dijalankan, iaitu permohonan geran hak milk tanah peneroka dan geran lot perumahan generasi FELDA.

Untuk makluman jumlah keseluruhan peneroka FELDA di Johor adalah seramai 27,642 orang peneroka. Jika dikategorikan mengikut wilayah, FELDA Wilayah Johor Bahru mempunyai 17,554 peneroka dan daripada jumlah itu seramai 17,420 peneroka telah menerima geran hak milik. Manakala 134 orang masih di pelbagai Rancangan FELDA dalam proses di peringkat PTD dan FELDA. Manakala di Wilayah Segamat pula, terdapat 10,088 peneroka dengan 10,009 peneroka telah memperolehi geran hak milik dan hanya 79 orang masih belum selesai iaitu di Rancangan FELDA Kahang Timur. Ini bermakna daripada 27,642 peneroka FELDA seramai 27,429 peneroka atau 99% telah menerima geran hak milik masing-masing. Baki 1% atau 213 peneroka lagi akan menerima hak milik menjelang akhir tahun ini.

Dari segi permohonan lot perumahan generasi FELDA pula sehingga September terdapat 12,627 permohonan di seluruh Johor. Daripada jumlah tersebut sebanyak 9,731 permohonan telah diluluskan. Manakala 8,182 pemohon telah menerima Notis 5A daripada angka tersebut 7,805 generasi FELDA iaitu 80% telah menyelesaikan Notis 5A dan menerima geran hak milik masing-masing. Mengikut pecahan FELDA Wilayah Johor Bahru, mencatatkan 10,345 permohonan dengan 7,357 generasi FELDA telah menerima geran. Sementara itu, Wilayah Segamat merekod 2,282 permohonan di mana 448 generasi FELDA telah pun menerima geran.

Berdasarkan rekod ini, Johor kekal sebagai antara negeri paling ke hadapan dalam melaksanakan inisiatif pemberian geran hak milik lot perumahan generasi FELDA dengan kadar penyelesaikan 80%. Johor komited dari segi penyerahan geran kepada generasi kedua FELDA. Secara keseluruhannya kedua-dua inisiatif ini berada pada tahap kemajuan yang tinggi dengan penyelesaikan melebihi 80 hingga 99%. Kerajaan negeri optimis bahawa baki peneroka dan generasi FELDA akan menerima hak milik masing-masing selaras dengan sasaran penyelesaian yang telah ditetapkan. Hal ini membuktikan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan kebajikan warga FELDA terus diberi keutamaan. Antara usaha utama kerajaan negeri bagi mempercepatkan penyelesaian isu ini termasuklah :

Pertama, mewujudkan sekretariat muafakat FELDA negeri Johor yang merupakan langkah proaktif kerajaan negeri Johor untuk mendengar secara langsung mengenai permasalahan dan cadangan, hala tuju pembangunan dan harapan warga FELDA di 73 rancangan FELDA seluruh Johor.

Yang kedua, Mesyuarat penyelarasan berkala bersama tiga (3) pihak utama iaitu FELDA, Pejabat Tanah Daerah serta Pejabat Tanah dan Galian (PTG). Melalui platform ini setiap kes setiap kes tertunggak dikenal pasti satu persatu termasuk isu teknikal seperti semakan lot, status tanah dan keperluan dokumentasi tambahan. Penyesaian, penyelarasan, teknikal antara agensi berkaitan untuk menyelesaikan isu berkaitan status tanah, kelulusan pelan dan dokumentasi pemilikan.

Dan yang ketiga kerajaan negeri juga memastikan kerjasama rapat antara PTD dan FELDA bagi menyelesaikan isu yang melibatkan pelarasan semula sempadan, pelupusan tanah dan pewartaan terutamanya bagi kawasan yang mengalami pertindihan atau kekangan infrastruktur. Pendekatan ini membantu mengurangkan kes tertunggak secara signifikan. Kerajaan Johor akan terus berusaha sedaya upaya untuk memberikan yang terbaik kepada seluruh warga FELDA. Memastikan setiap isu diselesaikan secara tuntas serta menjamin kebajikan dan masa depan komuniti ini sentiasa menjadi keutamaan. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Dijemput Yang Berhormat Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Pekan Nanas nombor 8.

Apakah bentuk kolaborasi strategik antara kerajaan negeri, NGO dan sektor swawta yang dirancang bagi memperkasakan golongan ibu tunggal dan wanita B40, khususnya dalam aspek peningkatan pendapatan dan kemahiran keusahawanan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Pekan Nanas. Soalan yang diajukan kepada saya adalah bentuk kolaborasi strategik antara kerajaan negeri Johor NGO dan sektor swasta yang dirancang bagi memperkasakan golongan ibu tunggal dan wanita B40, khususnya dalam aspek peningkatan pendapatan dan kemahiran keusahawanan.

Yang Berhormat Datuk Speaker untuk maklum Dewan yang mulia ini bahawa pada tahun 2025 kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mula

menjalankan kolaborasi strategik dengan beberapa pihak khusus dalam memperkasakan golongan ibu tunggal, wanita B40 khususnya dalam aspek peningkatan pendapatan dan kemahiran usahawan. Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah menjalankan kerjasama dengan tiga (3) agensi sektor swasta dengan projek yang berbeza dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 yang melibatkan 93 penerima manfaat. Yang Berhormat Datuk Speaker,

Yang pertama program pemerkasaan wanita dengan kerjasama Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Lembaga Pelabuhan Johor;

Kedua, program kewangan sosial melalui Ambank Islamic Berhad;

Ketiga, program pemindahan ilmu Nexus. KTP Nexus mengupaya keusahawanan ibu tunggal melalui kemahiran dengan kolaborasi pusat jaringan komuniti dan industri atau *Centre For Community and Industry Network* dengan izin, di bawah Jabatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan inovasi Universiti Teknologi Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri sentiasa mengalu-alukan lebih banyak lagi agensi atau sektor swasta bersama-sama dalam memastikan objektif kerajaan membantu golongan sasar khususnya ibu tunggal, wanita golongan B40 dan juga orang kurang upaya supaya mampu berdikari dan bebas dari belenggu masalah ekonomi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu Pejabat Pembangunan Wanita Keluarga di negeri Johor di bawah domain program wanita dan ekonomi, banyak menjalan kolaborasi strategik dengan pelbagai NGO seperti MAXUS, CANON, Maybank, Institut Keusahawanan negara INSKEN dan sebagainya. Ini adalah usaha untuk menyokong wanita dalam sektor gig dan keusahawanan digital termasuk memberi latihan sokongan teknikal, peluang menjana pendapatan sendiri serta peluasan kepada lebih banyak platfrom dan rangkaian perniagaan. Inisiatif-inisiatif ini adalah selaras dengan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025 ke 2030 di bawah teras ekonomi iaitu sasaran keberhasilan yang menyasarkan kadar penyertaan wanita dan tenaga buruh meningkat kepada 60% dan peningkatan 1 juta usahawan wanita berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menjelang tahun 2030. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasihlah, Yang Berhormat EXCO Pembangunan Wanita memberikan ucapan yang begitu jelas cuma saya nak mohon Yang Berhormat untuk jelaskan sedikit berkenaan koperasi strategik bersama tiga (3) syarikat swasta yang menjalankan kerjasama dengan YPKDT seperti yang dinyatakan dalam jawapan Yang Berhormat. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Pekan Nanas. Yang Berhormat Datuk Speaker, Program Pemerkasaan Wanita ini Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. dan Lembaga Pelabuhan Johor merupakan program yang dibangunkan khusus dalam membantu golongan sasar menjana pendapatan dan membina kehidupan yang lebih stabil melalui bidang usahawan. Pelaksanaan ini merupakan jalinan kerjasama di kawasan komuniti setempat di sekitar Gelang Patah dan Pasir Gudang khususnya dan mungkin selepas ini akan dibawa ke kawasan-kawasan lain yang berhampiran. Antara program-program yang ditawarkan kepada mereka ini adalah kursus kemahiran asas, kursus keusahawanan, *job training* dan bantuan insentif perniagaan. Pendekatan ini diyakini dapat memberikan pendedahan dan pengalaman kepada peserta dalam memulakan serta menguruskan perniagaan mereka seterus ini. Pemilihan peserta adalah terdiri daripada dua (2) buah kawasan yang telah dipilih dan ianya melibatkan Iskandar Puteri dan Pasir Gudang setakat hari ini.

Kedua, adalah Program Kewangan Sosial yang merupakan program insentif kewangan sosial yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia melalui bank tempatan bagi membantu golongan B40 dan usahawan mikro untuk meningkatkan daya tahan ekonomi mereka dan keluar daripada kelompok miskin melalui pendekatan yang lebih menyeluruh dan beretika.

Datuk Speaker, pada tahun 2025, AmBank Islamic Berhad telah memilih Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sebagai rakan pelaksananya dalam Program iTEKAD di negeri Johor dan kerjasama ini bertujuan untuk memperkasa golongan B40 melalui sokongan kewangan sosial, latihan usahawan dan bimbingan berterusan.

Seterusnya Datuk Speaker, pada masa ini 33 orang peserta daripada kumpulan sasar telah dipilih di kawasan ini untuk menyertai program ini pada tahun 2025 dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan mereka, daya tahan perniagaan mereka dan kemahiran usahawan mereka secara menyeluruh. Bagi memilih peserta, AmBank Islamic Berhad telah bersetuju untuk memberi peluang penyertaan kepada usahawan dari seluruh negeri Johor dengan menetapkan kuota bagi setiap daerah-daerah. Langkah ini bertujuan memastikan penglibatan yang menyeluruh dan inklusif pada setiap daerah selari dengan objektif iTEKAD untuk memperkasa golongan B40 secara menyeluruh di peringkat negeri.

Seterusnya Datuk Speaker, adalah satu program pemindahan ilmu, mengupaya keusahawan ibu tunggal melalui kemahiran yang merupakan satu kerjasama pusat jaringan komuniti dan industri atau *centre for community and industry network* di bawah Jabatan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia. Inisiatif ini akan tertumpu kepada kelompok komuniti ibu tunggal B40 yang kurang mampu bagi memberikan manfaat dari segi peningkatan ekonomi keluarga mereka. Bagi perlaksanaan program ini, beberapa lokaliti telah dikenal pasti bagi lokasi pemilihan peserta. Antara kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti adalah Pangsapuri Rakyat Bandar Putra bagi daerah Kulai. Manakala bagi daerah Johor Bahru pula, program ini akan dilaksanakan di PPR Desa Mutiara, PPR Sri Stulang, PPR Melana dan PPR Larkin. Antara jenis kursus yang ditawarkan kepada peserta termasuk pelbagai kursus-kursus jahitan, kursus urutan, kursus masakan dan sebagainya. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Pekan Nanas, jemput soalan seterusnya.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi soalan nombor 9, terima kasih.

Berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan bagi Program Baik Pulih dan Bina Baru Rumah MAINJ di seluruh Johor termasuk di Pekan Nanas bagi tahun 2024 dan 2025? Berapa jumlah yang telah disiapkan dan apakah punca kelewatan bagi permohonan yang masih belum dilaksanakan?

YB Timbalan Speaker : Dijemput Yang Berhormat Gambir.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Dari Sungai Balang ke Johor Lama, Datuk Speaker nombor 10 soalan saya, terima kasih.

Bagaimanakah kaedah pemilihan penerima Program Baik Pulih Rumah selain ianya melibatkan semakan besama pejabat daerah atau eKasih?

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Endau, jemput.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Endau nombor 11.

Setakat suku tahun ketiga 2025, berapa banyak rumah baru yang dibina oleh MAINJ dalam kawasan DUN Endau?

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 12.

Apakah jenis bantuan yang disediakan oleh MAINJ secara keseluruhan terutamanya bantuan membaiki rumah dan berapakah tempoh sebenar untuk keputusan permohonan diluluskan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih Datuk Speaker, saya akan menjawab bersekali soalan-soalan lain cuma saya nak tanya Gambir, Datuk Speaker. Apa niat dia sebut Johor Lama Datuk Speaker? Johor Lama ini di bawah kendalian saya Datuk Speaker. Apa-apa kena bersurat menyurat, kita bergurau Datuk Speaker.

Datuk Speaker, ada empat (4) soalan yang baik kita terima. Umumnya pasal Rumah Bina Baru MAINJ dan Baik Pulih MAINJ tetapi ada juga cerita pertanyaan pasal bantuan-bantuan MAINJ. Ini antaranya Datuk Speaker yang Menteri Besar umum dalam Bajet 2026, perubatan di bawah MAINJ sahaja pun RM100.5 juta. Ini kalau masih ada orang kata rakyat tak merasa nikmatnya tak tahulah Datuk Speaker. Ini saya nak bagi tahu di Dewan yang mulia, dengar semua, dengar, dengar, dengar. Bagaimana Bajet 2026 Yang Berhormat semua sepatutnya dirasai oleh semua rakyat termasuk sampai ke Bukit Kepong, contohnya (Dewan bertepuk). Dia melainkan kalau rakyat tak rasa ini mungkin kita tak, belum turun banyak tempat tetapi kalau kita turun semua tempat Datuk Speaker, sepayah mana rakyat itu di hujung Semerah Darat sekalipun, itu tempat saya Datuk Speaker, sampai ke tempat Sedili pun sepatutnya rakyat tidak ada masalah asalkan kita Wakil Rakyat semua bagi tahu kepada rakyat senangnya mohon bantuan kepada kerajaan pada hari ini. Itu baru mukadimah Datuk Speaker, belum mula lagi ni, saya baharu nak mula ni, boleh ke?

Datuk Speaker, keempat-empat Yang Berhormat tanya kepada kita, ini saya jawab ada 19 Skim Bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor Datuk Speaker, meliputi empat (4) teras utama kebajikan, kesihatan, pendidikan, kediaman termasuk peningkatan ekonomi yang keseluruhannya Datuk Speaker, keseluruhannya 2024, jumlahnya saya bacakan, maaf 2025, RM236,746,00 tetapi tahun 2025 Datuk Speaker, maaf itu 2025, saya silap, 2026 naik lagi kepada RM299,146,00 peningkatan RM32.4 juta. Itu saya tunjukkan Datuk Speaker, dia punya senarai-senarainya, kalau tak tengok tak tahu dan bila tak tahu itu yang rakyat sendiri tak rasa, jadi tengok masing-masing, jangan ada yang bercakap lagi tak terasa rakyatnya. Kenapa Datuk Speaker? Bantuan bulanan sahaja Datuk Speaker, tahun depan RM82.8 juta, kenaikan RM49.5 juta. Kenapa saya sebut begini biar semua orang tahu, ini berkat kita semualah bayar zakat, siapa suruh? Nabi SAW yang suruh (Doa). Mana Ahli Dewan yang belum bayar zakat, saya semak nanti. Ini pun ketua jabatan bukan tengok sangat ini, tengok betul-betul semakannnya. Sebab apa Datuk Speaker, tahun demi tahun berkat kerajaan ini Datuk Speaker, kita mengimani apa yang Allah sebut dalam Surah Al-An'am Ayat 160, apa Allah kata (bacaan surah), siapa yang buat satu kebajikan Datuk Speaker, Allah ganjarkan kepadanya 10 kebaikan. Ini yang kerajaan Maju Johor tengah buat, ini yang Menteri Besar minta semua EXCO, Wakil Rakyat tolong kerajaan negeri. Lepas itu sebut negeri maju, apa rakyat rasa? Wakil Rakyat tak bagi tahu pada rakyat macam mana rakyat nak tahu? Ini bukan marah, nasihat Datuk Speaker. Wakil Rakyat kena tahu sepatutnya kalau saya buat ujian, ujian lepas ini kalau siapa tak lulus ini siap dia.

Datuk Speaker, bantuan saraan bulanan hari raya, perubatan dialisis, rawatan *one off* Datuk Speaker, IJN ini siapa yang ada sakit jantung, ini saya bagi tahu. MAINJ tahun ini, biasanya Datuk Speaker kita letak setahun RM1 juta biasanya tetapi tahun ini saya arahkan untuk 2026, kita letak terus RM5 juta, saya harap tak habis sebab kalau habis maksudnya rakyat Johor ini ramai sangat jantungnya rosak. Saya harap duit tak habis.

Datuk Speaker, ini biar rakyat rasa ini, saya ulang biar rakyat rasa, MAINJ bagi pihak kerajaan Johor, jangan pisah-pisahkan pula MAINJ ini, kami agensi kerajaan. RM5 juta Bang Long, gajah kita bagi supaya rakyat Johor yang ada keperluan di IJN duitnya tak cukup, yang kaya macam YB Raven tak payahlah minta, yang kaya macam Dato' Jafni tak payahlah ambil pula jual ikannya pun dah boleh, ini gurau. Yang mana yang susah Datuk Speaker, sebut sahaja saya Bangsa Johor. Mana yang duitnya tak cukup di IJN itu tuan-tuan, maka kita boleh dapat sumbangan daripada Majlis Agama Islam bagi rakyat Johor yang tidak berkemampuan. Maka kalau tak rasa lagi tak tahu, saya pergi pada yang berikutnya yang tapak fistula itulah, Datuk Speaker, RM45 juta. Tadi yang kita tengok bantuan perubatan pelbagai itu pun dah RM31 juta. Datuk Speaker maksudnya, semua jenis penyakit orang kampung kita jangan sampai orang kampung susah tak dibantu. Maka saya nak bagi tahu asalkan mohon sahaja dengan MAINJ dengan kerajaan Johor sudah pasti bantuannya sampai.

Datuk Speaker, panjang dekat situ boleh baca sendiri dekat *monitor* masing-masing. Di bawah bantuan perumahan MAINJ Datuk Speaker balik kepada ada tiga (3) soalan yang banyak pasal MAINJ. Sebanyak RM5.7 juta diperuntukkan tahun ini sahaja, bina baru RM2.7 juta, baik pulih RM2 juta, bantuan sewa rumah, ini baru Datuk Speaker RM1 juta. Skim Bantuan Bina Baru dan Baik Pulih Rumah diwujudkan oleh MAINJ sejak 1999 lagi, ini lama dah ini. Pada masa itu saya difahamkan harganya cuma RM18,000.00, masa itu agaknya boleh buatlah ya dan syiling bagi baik pulih rumah RM7,000.00 je masa itu. Namun perubahan harga pembinaan ini mengalami revolusi kenaikan dan terkini Datuk Speaker, bulan Oktober 2025 MAINJ naikkan kadar bina baru rumah yang tiga (3) bilik, ada banyak bilik ada, nanti saya tunjuk dia punya model sekali. Tiga (3) bilik harganya naik pada RM100,000.00 dan baik pulih rumah syilingnya naik RM20,000.00. Ini bagi memastikan harga yang dikenakan relevan dengan harga pasir ke, harga simen semasa. Ini saya tunjukkan Datuk Speaker, dia punya model rumah-rumahnya. Siap ada video semua itu ha.

Datuk Speaker, bagi rumah satu (1) bilik ada, yang mana ini rumah satu (1) bilik Datuk Speaker, Wakil Rakyat kena tanya dengan masyarakat dia, kalau cuma dia sebatang kara tak ada orang lain dalam rumah janganlah minta yang tiga (3) bilik, membazir namanya. Jadi MAINJ bawah kita sekarang ini, bawah Menteri Johor kita buat perubahan. Sebelum ini Datuk Speaker dia seorang ke, dia empat (4) orang dapat tiga (3) bilik. Sebenarnya tak bagus, membazir pun ia juga tetapi kerajaan Maju Johor ini kita guna duit kerajaan, duit MAINJ dengan teliti, tanpa ketirisan. Buktinya, ada rumah satu (1) bilik, sebatang kara dan dia tak punya waris. Rumah dua (2) bilik ada Datuk Speaker, pemohon tak punya anak dan usia pemohon mesti lebih 65 tahun ke atas dan diyakini tak mempunyai cahaya mata untuk tempoh akan datang, ini bahaya juga ini. Nak bagi tahu contohnya orang itu cuma laki bini berdua je, yang pergi minta tiga (3) bilik dah kenapa? Jadi kita bagi dua (2) bilik, agaknya bilik pertama untuk laki bini, bilik kedua tu kalau sedara mara, ketua bahagian datang ke, Dato' Jun datang biliknya ada boleh disuakan untuk berehat, contoh. Ada tiga (3) bilik pula, ada. Terbuka kepada semua golongan asnaf yang layak berusia lingkungan 30 tahun dan ke atas. Ini yang biasa yang masih-masih subur Datuk Speaker, yang biasanya senang dapat anak, ini tiga (3) bilik.

Datuk Speaker, ada bantuan tambahan yang kita mula, saya ulang lagi kalau tak rasa tak tahulah ni. Bayaran sewa rumah sebelum ini tuan-tuan rumah rosak je nak rumah baharu, mana boleh. Datuk Speaker, MAINJ dia kreatif sikit, kita mulakan bantuan sewa rumah, lepas ini mana Wakil Rakyat yang rumah rakyatnya terbakar, kena ribut, ini saya bagi tahu daripada engkau suruh tumpangkan dekat rumah saudara-mara yang pun anak dah 18 orang kan buat sesak rumah orang, carilah Wakil Rakyat rumah sewa kat kampung tu, siapa yang nak bayar? MAINJ bayar. MAINJ kan ada, sebab itu tuan-tuan sebab itu jangan bayar zakat dekat negeri lain. Ada negeri lain Datuk Speaker, dia main ceroboh negeri kita, ada, tak nak sebut negerinya nanti orang tahu negerinya dekat mana.

Tuan-tuan bayar zakat rentas negeri ini, Majlis Kebangsaan Agama Islam di peringkat Kebangsaan MKI dah fatwakan dah, Johor pun dah sambut tak sah hukumnya. Bayar dekat

tempat kita aje lah, kan sudah kata dalilnya (doa), ambik daripada orang kaya kawasan itu (doa), bagi orang miskin kawasan itu juga, apa bendanya engkau bagi sampai ke Perlis? Ini contoh, contoh. Pergi ke Melaka pun tak boleh. Ini saya sebut fakta, tak sah hukumnya. Maka tuan-tuan, maka banyak dah kebajikan rakyat yang kita bantu. Setakat ini MAINJ bersama dengan PKPJ, ini bawah Dato' Jafni ini, menyewa PPR daerah Johor Bahru. Kadar sewa serendah RM65.00, maksimum RM250.00 kepada 371 orang penghuni PPR yang melibatkan RM605,366.00 peruntukan, tetapi ada yang sebut juga ini yang dekat luar, yang dekat Segamat, yang dekat Batu Pahat, yang dekat Tangkak nak buat macam mana? Ada tu penyewa persendirian. Melalui skim ini boleh mohon secara e-MAINJ. Kalau anak-anak buah itu tak nak jumpa Wakil Rakyat, tak nak jumpa ketua kampung, suruh dia main *internet* jelah Datuk Speaker, mohon sendiri pun boleh atau terus hadirkan diri ke pejabat Majlis Agama Islam daerah masing-masing. Di sini sewa rumahnya pun kita hadkan lah RM500.00, jangan pula engkau pergi sewa *home stay* pula Datuk Speaker, tak terbayar nanti, kita bayar aje lah rumah sewa yang kadar-kadar patut. Namanya pun bantuan, bukan mencukupkan kau punya keperluan ya. Jadi meringankan bantuan hadnya RM500.00 sebulan. Yang Berhormat Datuk Speaker, YB-YB tadi ada tanya pada kita Pekan Nanas, Gambir, Endau, Pasir Raja. Mereka sebut ada soal kelewatan Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ini jenis hendak mengakulah, saya mengaku salah. Maju Johor ini dia punya cara, dia kalau ada kelemahan mengaku salah. Dia tidak macam ada setengah orang tu, zaman dia macam Dato' Jun kata, semalam pencemaran semula Sungai Kim Kim waktu zaman dia, zaman sekarang tak selesai kita pula yang masih dipersalahkan. Ini tanggungjawab bersama, tak payah salah-salahkan orang buat sama-sama.

Yang Berhomat Datuk Speaker, memang ada kelewatan, saya mengaku. Tetapi soalannya apa kaedah penambahbaikannya, itu yang hendak tahu. Antaranya Yang Berhormat Datuk Speaker, hamba tanya 2024 soal syarat ketat MAINJ sendiri. Ha ini saya cerita tu, tengok. Macam mana kerajaan negeri kita mengaku kelemahan, kita cerita penambahbaikannya. Yang Berhomat Datuk Speaker, rumah daif ini, saya mula fokus 2024, tapi memang ada kelemahan Yang Berhormat Datuk Speaker, kelemahannya apa, penambahbaikannya memang ada. Contohnya, tengok kita punya jadual itu. Sebelum ini dasar yang sebelum ini ada sedia ada dasarnya Yang Berhormat Datuk Speaker kalau geran pemilikan bersama dahulu penama lain dalam geran kena buat sumpah Yang Berhormat Datuk Speaker, ada empat (4) penama yang orang keempat itu duduk tanah itu, hendak buat rumah baharu kena cari lagi tiga (3) saudara yang dah lari ke Uganda Yang Berhormat Datuk Speaker. Hendak cari macam mana? Tetapi yang sebab yang Uganda tidak dapat jumpa maka tak boleh buat rumah bina baharu. Ini yang saya kata, YB pun ramai yang mengeluh apa ini YB Farid lambat. Saya mengaku lambat, rupanya yang jadi lambat adalah syarat MAINJ sendiri. Maka sebab kita ini kerajaan Maju Johor hendak maju kita buat penambahbaikan. Apa yang kita buat? Itu, geran pemilikan, kalau geran pemilikan bersama penama lain yang berada di Uganda tak payah sibuk-sibuk nak baliklah. Tunggu dia balik menyusahkan orang, maka cukup dengan penama yang duduk sedia ada di tempat itu sahaja yang buat permohonan. Ini yang saya kata kelewatan YB Gambir memang ada, Endau memang ada, saya *confirm* mengaku ya. Kitakan kerajaan yang telus, kerajaan yang telus rakyat sayang. Mudah-mudahan panjang umurnya berkekalan. Aamiin. Geran penama lain saya ambil dua (2) contoh sahaja semua penama dalam geran perlu buat akuan sumpah sama juga tadi. Tetapi sekarang, penama yang duduk atas tanah sahaja yang perlu buat permohonan dengan pengesahan daripada ketua kampung. Cukuplah saudara yang 18 orang geran ramai-ramai tu tak payah dicari pun tak apalah. Balik kampung pun tak pernah, apa hendak menyusahkan kita pula. Itu contohnya ayat orang Semerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kelulusan bantuan perumahan 2024, 2025 tahun 2024 MAINJ meluluskan 44 permohonan bina baru rumah di seluruh negeri Johor. Dalam keadaan kita ada masalah pun Yang Berhormat Datuk Speaker 44 biji rumah kita luluskan. Nilai bina baharu RM4.708 juta. Baik pulih rumah walaupun syaratnya masa itu belum dilonggarkan dapat baiki 282 permohonan dengan kelulusan RM3.256 juta. Semuanya dah siap, itu cerita 2024. Orang tanya balik, YB yang dah siap, siaplah, 2025 ini apa ke hal? Saya cerita sikit,

2025 ada 71 permohonan bina baharu, telah pun lulus nilainya RM7.1 juta. Peruntukan tersebut telah pun disalurkan ke Akaun Amanah Rumah Bantuan Zakat pejabat daerah pada 30 Oktober, tak sampai sebulan pun lagi. Kepada pejabat daerah bagi pelaksanaan pembinaan, maka Yang Berhormat Datuk Speaker, semua YB-YB yang kawasannya ada rumah, nanti saya akan tunjukan jadualnya. Tolong *monitor* bagi pihak kitalah, daerah masing-masing. Ini pun pegawai daerah wakil-wakilnya ramai duit dah masuk jangan lambat pula, ya? Iklan, tender tu buat tolong cepat sikit. Ini wakil rakyat dengar ni kang dia salah aku je sorang. Kalau dia salahkan aku, aku salah korang balik, ha ni bergurau Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, lepas itu pula ada rumah baik pulih tahun ini ada 200 permohonan yang lulus dengan nilai RM4 juta sehingga kini untuk baik pulih terima kasih pejabat daerah, 22 permohonan telah pun siap. Maksudnya ada banyak lagi 188 belum siap dan proses pembinaan lantikan kontraktor oleh pejabat daerah untuk baik pulih 200 biji ini dijangka siap sepenuhnya Disember 2025. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, kita buat perincian ini mengikut daerah. Mari kita tengok jadual masing-masing, daerah-daerahnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tengok jadual itu, mana jadualnya tak keluar? Ha itu dia, Datuk Speaker, 2024 dulu, 2024 saya tengok ada kawasan daerah yang kosong Yang Berhormat Datuk Speaker, tetapi 2025 setiap daerah nampaknya dah ada dah setiap daerah, setiap DUN dah ada cadangan untuk rumah-rumah ini dibaik pulih dan dilaksanakan. Pertanyaan daripada YB Endau dan Pekan Nanas khususnya, bagi menjawab pertanyaan daripada YB Endau dan YB Pekan Nanas berhubung status bina baharu dan baik pulih di kawasan tersebut, maka saya nyatakan statistik seperti berikut. Yang Berhormat Datuk Speaker, ini untuk Pekan Nanas dan juga Endau sebab mereka tanya secara spesifik. Endau, untuk 2024 ada 1 bina baharu masa itu harga lama RM68,900.00 ya. Ada 6 baik pulih tetapi tahun ini, dia Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk Endau 1 bina baharu ada 5 baik pulih. Pekan Nanas, tahun lepas 1 bina baharu 4 baik pulih. Tahun ini 1 bina baharu 5 baik pulih. Dia punya data ada di situ, sedang dalam dilaksanakan.

YB Gambir tanya tentang kaedah penerimaan pemilihan penerima selain menggunakan eKasih saya terangkan Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman YB Gambir, pentadbiran MAINJ menyelaraskan kaedah permohonan dengan pejabat daerah. Terutama semakan menerusi senarai eKasih. Selain itu MAINJ juga menghubungi YB-YB ADUN kawasan dan juga penyelaras DUN yang dilantik, amil-amil agihan, ketua-ketua kampung dan penghulu bagi memainkan peranan mengenal pasti pemilihan pemohon yang sebenar. Bagi tahun 2025 setiap DUN telah pun ditetapkan kuota untuk baik pulih dan bina baru. Semua permohonan ini disemak Datuk Speaker, akan melalui beberapa peringkat penilaian termasuk semakan dokumen, lawatan tapak dan kelulusan di masa tempoh kelulusan purata antara 14 hingga 30 hari selepas dokumen lengkap diterima. Dalam usaha untuk memastikan tiada ketirisan MAINJ Datuk Speaker, dah ambil kaedah baharu. Kalau perasan YB Zahari terima kasih, ketua kampungnya sekarang ini kita lantik menjadi amil agihan zakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, YB ADUN, kita punya ketua kampung masing-masing dah ada taraf baru, *title* baru, amil agihan zakat. Mereka akan bantu kita semak kelulusan, semak kelayakan rakyat masing-masing dan ini akan mempercepatkan urusan kita bertindak kepada semua permohonan. Mudah-mudahan dengan cara ini Bajet 2026 akan lebih dirasai sampai ke peringkat kampung yang jauh di sana. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya kira itu sahaja. Terima kasih banyak-banyak kepada semua, mudah-mudahan kita berjumpa lagi dan mudah-mudahan kita puas hati dengan jawapan saya ini. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ada rasa?

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Speaker. Sedikit sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih YB EXCO yang telah pun memberikan jawapan yang sangat panjang, kompresif dan

lengkap tentang bantuan-bantuan telah pun diberikan oleh kerajaan dan juga MAINJ kepada rakyat Bangsa Johor seluruhnya. Tadi YB EXCO tanya apa kaitan dengan Johor Lama? Jadi, jawapan saya biarlah rahsia. Yang Berhormat Datuk Speaker, kita melihat bahawa terdapat penambahbaikan yang telah pun dilakukan oleh pihak pentadbiran bagi mempercepatkan proses, isu yang berlaku sebelum ini adalah kelewatan-kelewatan, jadi oleh kerana soalan tersebut telah pun, isu tersebut telah pun dijawab dan dijelaskan oleh pihak YB EXCO saya cuma sekadar ingin mengucapkan tahniah dan semoga matlamat kita supaya bantuan-bantuan ini sampai dan dirasai oleh rakyat dapat dicapai itu sahaja, Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Tahniah Yang Berhormat EXCO. Tak payah jawablah tahniah.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker.

YB Timbalan Speaker : Jemput, soalan.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Dia tak tanya soalan kan? Jadi Sri Medan ni hendak ambil kesempatanlah. Saya seronok tadi mendengar jawapan daripada EXCO, jadi dia bukan marah, dia sayang. Pastu dia kena terangkan pada kita semua. Cuma satu yang saya nampak, saya boleh tanya di Parit Sulong sebenarnya tetapi saya biar semua orang dengarkan. Dari segi perbelanjaan Majlis Agama Islam ini dia akan bertambah setiap tahun, contoh kalau untuk bantuan Sri Stulang ya, jadi bantuan orang susah dan sebagainya kerana kita hendak membasmi kemiskinan bukan kerja mudah. Bagaimana pihak Majlis Agama Islam di bawah kepimpinan EXCO Agama yang bijaksana ini kan dan tegas untuk kita melihat keperluan untuk tambahan setiap tahun? Adakah mungkin ada program khas untuk pesakit buah pinggang ya? Jemput Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Jemput, Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih Yang Berhormat Sri Medan. Datuk Speaker, kita cerita tentang pencegahan. Sebenarnya sebagai EXCO Agama kami tidak berapa gembira kalau bantuan perubatan tu, saban tahun meningkat. Maksudnya seolah-olah rakyat kita kurang jaga kesihatan. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya *respond* kepada YB Sri Medan, Datuk Sri Medan bahawa program tambahan yang kita buat pada tahun ini adalah program pendidikan perihal kesihatan. Yang Berhormat Datuk Speaker, tengok dialisis setiap tahun meningkat kalau tanya saya dia tidak membanggakan, tetapi dia merisaukan. Tetapi sehingga itu berlaku Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ada program pendidikan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor yang diletakan di bawah program bantuan dan pelbagai juga dan juga pengurusan. Kita ada buatkan kempen untuk cara hidup sihat. Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau perasan Ahli Majlis yang baru Majlis Agama Islam Negeri Johor adalah mantan Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dato' Dr. Aman. Maka kehadiran beliau ke dalam Ahli Majlis Datuk YB Sri Medan adalah sebagai salah satu perkenan tuanku supaya kami dapat dinasihati cara bagaimana bukan hanya memberi bantuan perubatan tetapi mendidik rakyat supaya mula mengamalkan cara hidup. Datuk Speaker, untuk itu saya tak jawab tambah memang ada program tambahan selain daripada yang kita nyatakan itu berbentuk pemberian tetapi yang berbentuk kesedaran untuk melihat kesihatan rakyat lebih baik. Walahhualam.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Pemanis, jemput.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Terima kasih Datuk Speaker, soalan Pemanis nombor 13.

Apakah status Projek Rancangan Tebatan Banjir khususnya di Daerah Segamat?

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Sri Medan, jemput. Sri Medan.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Sri Medan, saya minta maaf rasa terharu soalan saya naik hari ini. Yang Berhormat Datuk Speaker soalan saya nombor 14.

Mohon EXCO yang berkaitan untuk menjelaskan status terkini bagi projek RTB.

YB Timbalan Speaker : Jemput, Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Pemanis dan Yang Berhormat Sri Medan yang bertanyakan berkenaan status projek-projek tebatan banjir. Ingin saya kongsikan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, projek sedia ada RTB yang dalam pelaksanaan ada 11 iaitu bagi daerah Segamat terdapat dua (2) projek RTB yang berstatus dalam pelaksanaan daerah Kota Tinggi, terdapat tiga (3) projek RTB berstatus dalam pelaksanaan, tiga (3) projek RTB berstatus dalam pelaksanaan di daerah Batu Pahat manakala bagi daerah Muar dan Tangkak terdapat dua (2) projek berstatus dalam pelaksanaan dan satu lagi projek RTB dalam status pra pelaksanaan iaitu di daerah Johor Bahru dan nilai keseluruhan projek Rancangan Tebatan Banjir di negeri Johor bernilai RM2.3 bilion.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker saya mengambil kesempatan ini juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan kerana telah meluluskan empat (4) lagi projek baharu bagi Rancangan Tebatan Banjir berkeutamaan tinggi di negeri Johor. Dalam ucapan Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pertama, ialah RTB Sungai Mengkibol fasa 1 bernilai RM10 juta, RTB Lembangan Sungai Sayong bernilai RM55 juta, RTB Sungai Masai bernilai RM47 juta, dan RTB Sungai Chaah bernilai RM192 juta. Menjadikan keseluruhan 15 projek ini bernilai RM2.6 bilion. Untuk makluman Ahlid-Ahli Dewan bagi daerah Segamat, terdapat 2 projek yang saya sebutkan tadi ialah RTB Sungai Muar Fasa 3 Pakej 1 bernilai RM558.98 juta dijangka siap pada Julai 2027 dan projek ini sekarang pada status 25.04% iaitu mendahului jadual 8.51% atau 71 hari. Dan satu lagi ialah di Sungai Muar Fasa 3 Pakej 2 di daerah Segamat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, untuk projek ini kita ada beberapa cabaran iaitu antaranya ialah bom lama di tapak, di tapak masjid lama. Di tebing Sungai Gatom, Labis dan alhamdulilah kita telah pun menjalankan sesi libat urus dan projek ini masih lagi kekal berada dalam keadaan positif 0.6% dan mendahului jadual sebanyak 9 hari. Nilai projek di sini ialah RM89.6 juta. Bagi daerah Muar, Tangkak terdapat dua lagi projek iaitu Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Muar Fasa 2. Ini merupakan projek sambungan semula Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Sebelum ini kontraktor minta ditamatkan kerana tidak mampu lagi menjalankan projek ini dan alhamdulilah Kementerian Ekonomi dan MOF dan meluluskan siling baharu kepada 331 juta dan projek ini baharu sahaja bermula pada Oktober yang lepas dan insya-Allah dijangka siap pada tahun 2027.

Dan satu lagi di daerah Muar, Tangkak ialah RTB Lembangan Sungai Kesang bernilai RM126.68 juta, dijangka siap pada tahun 2026 dan sekarang statusnya ialah 0.16% mendahului jadual. Bagi daerah Batu Pahat, terdapat tiga (3) projek Rancangan Tebatan Banjir iaitu pertama ialah Rancangan Tebatan Banjir bandar Batu Pahat bernilai RM195.7 juta yang mana dijangka projek ini akan siap pada Januari 2029 sebelum kita rangka untuk dipercepatkan. Bagi tujuan tersebut, saya sendiri telah mengangkat permohonan kepada Ketua Setiausaha Kementerian PETRA supaya kita adakan sedikit *NOC* kepada apa tu rekabentuk sedia ada, supaya satu, kita nak cepat, daripada ban kita pindah rekabentuk kepada *plug wall* supaya projek ini dapat dipercepatkan, seterusnya ianya lebih kukuh. *Plug wall* lebih kukuh berbanding ban. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan seterusnya ialah untuk mengurangkan *maintenance*. Sebab kita faham ini antara kerisauan Yang

Berhormat Sri Medan yang mana kawasan ini terletak di Pekan Parit Sulong. Jadi kita tak nak Pekan Parit Sulong tu ditutupi dengan ban-ban tanah. Jadi, untuk tujuan tersebut kita sudah pun angkat permohonan daripada Kerajaan Negeri Johor supaya di *NOC* kan sebanyak RM26.7 juta, yang telah pun diangkat kepada PETRA dan insya-Allah melalui permohonan Yang Berhormat kawasan Sri Medan juga kita akan angkat pada tahun hadapan projek yang sama di tempat yang sama tapi Fasa 2, supaya kawasan-kawasan dilindungi dapat dipeluaskan lagi. Kawasan ini juga melibatkan PBT 93 lot dan perpindahan mereka yang berada di situ. Dan, insya-Allah mesyuarat demi mesyuarat telah pun kita adakan. Dan saya ingat akan ada penyelesaian di hujung nanti Yang Berhormat Sri Medan.

Satu lagi ialah rancangan tebatan banjir Sungai Batu Pahat bernilai RM56.7 juta Yang ini tiada masalah, setakat ini baru 1% di tapak dan yang ketiga projek memperkukuh struktur dan fasiliti empangan-empangan tebatan banjir khusus di Empangan Sembrong. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan. Projek ini ada mengalami sedikit kelewatan iaitu 5.28% lewat. Kerana apa, kerana kita perlu melaporkan perubahan rekabentuk. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, Empangan Sembrong ini pada asalnya diwujudkan untuk kawasan tadahan air banjir. Namun begitu digunakan juga sebagai loji rawatan air. Jadi empangan ni dah ada dua (2) fungsi, dwi fungsi iaitu satu (1) sebagai tempat tadahan air, yang mana sepatutnya enam (6) bulan akan dilepaskan air tersebut namun disebabkan keperluan orang-orang di kawasan Batu Pahat dan Kluang, kita bina juga loji, jadi air ni terpaksa ditakung lama. Disebabkan itu kita perlukan adakan reka bentuk baru dan insya-Allah kita jangka boleh siap juga pada tahun 2027 walaupun berlaku sedikit kelewatan buat masa sekarang.

Seterusnya di Kota Tinggi, terdapat tiga (3) projek di Kota Tinggi yang pertama, RTB Sungai Pemandi, telah pun siap 77.0% iaitu *a head of time*, dengan izin, 1% bernilai RM42 juta dijangka siap April tahun hadapan 2026. RTB Sungai Johor Fasa 1, Pakej 2, di Kota Tinggi juga bernilai RM187.7 juta. Yang ni mantap Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, *a head of time* dia 63.9% dan kita jangka insya-Allah boleh siap menjelang Januari 2027. Dan yang terakhir RTB Sungai Johor Fasa 1 Pakej 1, di Kota Tinggi bernilai RM575.1 juta.

Di kawasan ini terdapat isu kubur lama, yang tadi bom lama. Yang ni kubur lama di Kampung Panti, sebanyak 307 kubur telah pun dikenalpasti oleh pihak MAIJ dan juga Pejabat Kadi dan insya-Allah menjelang tahun hadapan, sebelum bulan puasa tahun hadapan, mungkin bulan satu (1), bulan dua (2), kita akan pindahkan kubur-kubur ini dan projek boleh dimula semula dan ikut *time line* kita boleh siap seawal 2027. Dan buat masa ini Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, *progress*nya ialah 5.66% mendahului masa. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Dijemput Pemanis.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Terima kasih Datuk Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan berkaitan dengan rancangan tebatan banjir untuk semua dalam negeri Johor khususnya dalam daerah Segamat. Kita dah maklum tadi RTB di Segamat ada dua (2) aje. Pakej bagi Fasa 3, termasuk Fasa 3 ni, sebenarnya terima kasihlah kepada kerajaan atas bantuan untuk kita menyegerakan projek RTB Sungai Muar ni. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO terima kasih jugalah atas inisiatif untuk memberikan dipanggil bantuan khas ada nelayan-nelayan darat. Nelayan darat dia kalau ditempat Datuk Bandar ni dia kata nelayan laut tetapi kita di Segamat ni ada nelayan darat. Nelayan darat dia ada dua (2) kategori, Datuk Timbalan Speaker, satu yang separuh masa. Separuh masa ni pagi dia berbahas kat Dewan petang dia pergi sungai. Jadi ada juga yang sepenuh masa. Cuma bila pihak kerajaan memberi arahan kepada kontraktor untuk memberikan bantuan kepada nelayan-nelayan darat yang terjejas ini, mereka bagi sama rata. Jadi yang sepenuh masa ni minta jasa baik sebab yang bagi bantuan ni kontraktor. Mereka minta kalau boleh dengan pelbagai inisiatif bantuan *one off* yang kerajaan negeri umumkan ni, boleh tak sebahagian nelayan-nelayan kecil darat ini yang memang bekerja sepenuh masa di sungai, bila pendapatan mereka terjejas kerana projek RTB ini, mereka minta kalau boleh

bagilah sedikit lagi bantuan. Betul ada bantuan hari raya, naik sekolah, tapi belum dapat menampung sepenuhnya kos-kos yang sepatutnya mereka kena tanggung sebab, kawasan yang mereka cari ikan itu Datuk Timbalan Speaker, memang terjejas teruk dan mereka tak boleh nak bekerja dah sebab ada projek RTB. Itu sahaja. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Terima kasih Datuk Timbalan Speraker, terima kasih Yang Berhormat Pemanis. Untuk makluman setiap projek-projek RTB ini, kita ada satu *consultant* yang kita dilantik untuk menilai sekiranya berlakunya pencemaran akibat daripada projek. Namun bagi kes yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pemanis, saya perlukan data yang lebih lanjut, supaya sekiranya betul memang ada aktiviti tangkapan ikan di sungai ataupun aktiviti nelayan terjejas akibat daripada kerja-kerja ataupun projek tebatan banjir ianya memang menjadi tanggungjawab pihak apa itu, pihak Pengurus Projek ataupun SO, pihak JPS sendiri untuk ambil tindakan kepada pihak kontraktor dan boleh diberi sedikit pampasan kepada mereka yang terjejas. Mungkin Yang Berhormat Pemanis saya perlu berhubung nanti dengan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian untuk menilai kembali isu-isu yang dibangkitkan. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat...

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Seri Medan) : Yang Berhormat Datuk Speaker, penting.

YB Datuk Timbalan Speaker : Ya, tambahan. Ok.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Seri Medan) : Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang diberi. Saya ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyaklah kepada PM, Yang Berhormat Perdana Menteri, kepada kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri yang membantu projek RTB di kawasan sayalah. Kawasan saya ada ada dua (2). Yang melibatkan kawasan saya RTB bandar Batu Pahat dan juga RTB Sungai Batu Pahat. Ok, terima kasih saya pun dapat kerjasama yang cukup baik daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, daripada Yang Berhormat EXCO YB Fazli dan juga Yang Berhormat EXCO Dato' Jafni. Saya berharap bahawa program RTB ini akan menyelesaikan masalah banjir menjelang tahun 2030, insya-Allah. Jadi apa soalan saya, soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Speaker, projek RTB ini dia mungkin menggunakan dua (2) kaedah yang berbeza. Yang pertama mungkin kaedah tender secara konvensional, yang kedua secara runding terus. Apa yang dilihat di sini perbezaan antara RTB bandar Batu Pahat dan RTB Sungai Batu Pahat di kawasan saya, yang mana RTB Sungai Batu Pahat mungkin cara perlaksanaan di bawah pemantauan terus pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, berbeza pula dengan RTB bandar Batu Pahat kerana dia runding terus melantik perunding. Jadi apa yang menjadi persoalkan saya pada hari ini dalam mereka membuat rekabentuk RTB bandar Batu Pahat mungkin mereka tidak mengambil kira keadaan semasa di tapak. Kerana kebanyakan perjumpaan saya dalam, ingat lebih daripada lima (5), enam (6) kali memang asyik perjumpaan tiada *final* dia lagi ni. Jadi berlaku rumah-rumah yang berada di tepi sungai yang mungkin di luar pengetahuan sebelum ini. Jadi adakah pihak kerajaan ya, atau pihak JPS mewujudkan satu pasukan teknikal semakan apa yang dibuat oleh pihak perunding ini untuk memastikan cadangan mereka ni benar-benar mengambil kira impak sosial, impak fizikal dan juga impak ekonomi. Kalau contoh, kolam takungan banjir yang dicadangkan oleh pihak konsultan, terletak betul-betul di pekan Parit Sulong, sebenarnya tak sesuai kalau ikut dari untuk jangka masa panjang. Adakah pihak kerajaan ya, mempunyai satu pasukan semakan teknikal bagi memantau atau melihat cadangan daripada perunding. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker,

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Terima kasih Datuk Timbalan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Sri Medan. Saya setuju, kerana projek-projek yang sebelum ini kebanyakannya dibuat secara reka dan bina.

Untuk makluman semua projek ini, perolehannya dibuat oleh persekutuan. Dan kita di peringkat negeri hanya menerima projek-projek tersebut, dan insya-Allah saya setuju kerana apabila dibuat secara reka dan bina kita serahkan bulat-bulat kepada konsultan, apa tu perunding untuk tengok kawasan mana yang sesuai dan perunding ni kadang-kadang Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ianya hanya ikut buku. Bila dia tengok kawasan itu kawasan rizab sungai, dia akan binalah di atas tu tanpa mengambil kira, mungkin ada rumah, ada dan sebagainya kawasan tu. Jadi saya setuju dan untuk projek-projek baharu ini, insya-Allah kita akan masukkan sekali lagi projek-projek ini dalam jawatankuasa projek berimpak tinggi yang kali ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri. Sebelum ini projek berimpak tinggi melibatkan RTB dipengerusikan bersama oleh saya dan juga Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), tapi kali ini akan dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Menteri dan ini antara perkara yang kita masukkan, Yang Berhormat Seri Medan dalam agenda seterusnya untuk pemantauan projek-projek baharu ini khususnya projek baharu di negeri Johor. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Perkembangan yang positif semua EXCO, jawapan mereka disertai dengan infograf-infograf sebaik-sebaiknya disarankan agar informasi-informasi ini digunakan sebaik mungkin dan kalau boleh bukan sahaja untuk sendiri-sendiri. Tetapi untuk diwar-warkan, agar dapat dirasai oleh semua pihak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan selama 20 minit sehingga pukul 11:20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112(2) maka perbahasan atas rundingan ini hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini.

Yang Berhormat, dijemput Yang Berhormat Jementah.

YB Puan Ng Kor Sim (Jementah) : Selamat pagi Yang Berhormat Datuk Speaker, barisan EXCO dan Ahli-Ahli Dewan yang lain. Terima kasih Jementah ucapkan atas peluang untuk membahas di Dewan yang mulia ini. Bersamaan ini patik merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang bakal menjelang 22 November ini.

Jementah juga mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas peruntukan sebanyak RM4.8 bilion kepada Johor. Peruntukan tersebut bukan sahaja merangkumi peruntukan bagi menaiktarafkan infrastruktur bertujuan untuk merancakkan ekonomi negeri Johor, malah prasarana bagi kesejahteraan Bangsa Johor. Antaranya termasuk pelebaran Lebuhraya Utara – Selatan di Senai. Pelbagai usaha untuk dilipatgandakan bagi memperkasakan ekosistem JS-SEZ, peruntukan kepada peneroka FELDA, RISDA dan FELCRA. Kerja-kerja menaik taraf hospital dalam negeri Johor serta beberapa sekolah dalam negeri Johor.

Selama tiga (3) tahun ini, Kerajaan MADANI tetap memegang janji dan mentadbir berasaskan dengan 4 teras strategik iaitu reformasi ekonomi dan infrastruktur rakyat, reformasi sosial dan keselamatan, reformasi institusi demokrasi dan perundangan serta reformasi perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selepas 2 bulan berlakunya sebanyak 5 kali gempa bumi di Segamat, gegaran lemah dirasai sekali lagi di Jementah, Segamat Johor pada jam 7.55 malam 3 November yang lalu. Ini sekali lagi menimbulkan kegelisahan dan panik para penduduk. Situasi ini memang dapat difahami. Dalam tempoh 2 bulan ini, kerajaan masih belum mengemukakan pelan tindakan kecemasan atau operasi menyelamat yang teratur. Walaupun Johor bukanlah kawasan yang terdedah kepada gempa bumi yang kuat, kesedaran terhadap risiko bencana alam termasuk gempa bumi adalah penting memandangkan Malaysia tidak kebal sepenuhnya daripada gegaran akibat gempa di kawasan jiran seperti Indonesia dan Filipina.

Jementah memohon supaya kerajaan negeri mewujudkan Pelan Induk Bencana Gempa Bumi Negeri Johor bagi merangka strategi khusus untuk menangani risiko gempa bumi termasuk protokol tindakan segera, pemantauan dan pemulihan. Segala bangunan awam seperti hospital, klinik kesihatan, surau, masjid dan sekolah serta infrastruktur perlu diperkukuhkan dan kerja-kerja ini tidak boleh dilengahkan lagi. Jementah difahami kebanyakan struktur bangunan kerajaan telah dikaji selepas gempa bumi yang berlaku pada bulan Ogos yang lalu. Maka, Jementah memohon supaya maklumat terperinci dapat dikemukakan kepada orang awam supaya menenangkan hati orang awam.

Kajian risiko gempa bumi yang terperinci untuk mengenal pasti kawasan di Johor yang mungkin terjejas oleh gegaran gempa bumi terutamanya kawasan berhampiran dengan pantai atau zon sasar wajib dijalankan. Peta digital yang menunjukkan kawasan berisiko tinggi untuk membantu dalam perancangan bandar dan tindakan kecemasan juga memainkan peranan yang penting bagi operasi menyelamat. Sistem amaran awal dan pemberitahuan segera juga perlu disediakan. Jementah memohon supaya sistem amaran melalui SMS, aplikasi telefon atau media sosial untuk memberi maklumat pantas kepada orang ramai sekiranya berlaku gempa bumi.

Selain daripada itu, pendidikan dan kesedaran awam juga perlu dijalankan dari masa ke semasa. Kempen kesedaran bencana perlu dilaksanakan di sekolah, universiti dan komuniti tentang langkah-langkah keselamatan semasa dan selepas gempa bumi secara konsisten. Latihan dan simulasi gempa bumi di kawasan awam, sekolah dan pejabat untuk membiasakan rakyat untuk tindakan segera juga perlu diambil.

Jementah juga mencadangkan supaya Pasukan Tindakan Cepat Gempa Bumi ditubuhkan. Pasukan Khas yang terdiri dariada agensi kerajaan, BOMBA, Polis dan Sukarelawan perlu dilatih untuk bertindak pantas ketika bencana gempa bumi berlaku. Kerajaan negeri dimohon supaya mengagihkan peruntukan bagi menyediakan stok peralatan kecemasan seperti makanan, air, ubat-ubatan dan alat menyelamat di lokasi strategik seperti dewan serbaguna, sekolah dan bangunan ibadat agama dan bangunan kerajaan yang lain. Seperti mana bencana banjir berlaku, tempat perlindungan sementara juga perlu disediakan bagi mangsa gempa bumi.

Jementah memohon supaya kawasan terbuka yang selamat dan tempat perlindungan sementara perlu disediakan di seluruh Malaysia untuk menampung mangsa jika berlakunya gempa bumi. Dengan melaksanakan langkah-langkah ini, Kerajaan Negeri Johor dapat meminimumkan risiko dan kesan gempa bumi terhadap rakyat dan infrastrukturnya. Kesediaan dan perancangan yang rapi adalah kunci untuk menghadapi sebarang kemungkinan bencana walaupun risikonya dianggap rendah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkhidmatan *ETS* ataupun perkhidmatan *Train Electric* dari Segamat ke utara Semenanjung Malaysia telah pun dilancarkan pada bulan Mac yang lalu dan perkhidmatan dari timur Semenanjung Malaysia ke utara dijangka akan dilancarkan dalam masa yang tersingkat. Pelancaran *ETS* disambut dengan begitu baik oleh penumpang di seluruh Malaysia. Semua orang menantikan bukan sahaja perjalanan yang selesa, selamat dan tidak sesak terutamanya semasa musim perayaan dan cuti sekolah, malah perjalanan antara bandar telah dipermudahkan. Namun, perkhidmatan tersebut masih mempunyai beberapa aspek yang perlu diperbaiki bagi menarik lebih banyak penumpang dan justerunya meninggikan hasil pendapatan KTMB. Dengan rendah dirinya, Jementah membentangkan beberapa cadangan komprehensif yang boleh dilaksanakan oleh KTMB untuk meningkatkan jumlah penumpang dengan memberi perhatian khusus kepada manfaat yang akan dinikmati oleh penduduk luar bandar.

Pertama, keterjangkauan dan inisiatif harga seperti tiket fleksibel dan diskaun boleh diperkenalkan. Diskaun kumpulan dan keluarga akan menggalakkan perjalanan keluarga dengan menawarkan pakej tiket keluarga kepada penumpang. Kad diskaun penduduk luar bandar juga pula boleh dipertimbangkan untuk warga emas, pelajar dan golongan berpendapatan rendah di kawasan luar bandar.

Memandang negara kita akan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026 kurang daripada 2 bulan lagi, KTMB dicadangkan memperkenalkan pakej percutian *ETS*. Ini merupakan salah satu cara untuk bekerjasama dengan syarikat pelancongan tempatan, contohnya pakej *train* campur hotel, campur aktiviti ke destinasi luar bandar seperti Segamat, Kuala Lipis, Sungai Petani atau Arau.

Kedua, pihak KTMB juga diminta untuk mempertimbangkan pengintigerasian dan aksesibiliti. Ini adalah faktor paling kritikal untuk penduduk luar bandar untuk akses ke perkhidmatan keretapi. Jementah mencadangkan supaya perkhidmatan bas pengantara, *feeder bus* yang berjadual dari stesen KTM ke pekan-pekan kecil, kampung dan kawasan perumahan berhampiran. Kemudahan parkir basikal dan motorsikal yang selamat juga amat diperlukan di setiap stesen keretapi. Selain itu, KTMB boleh dipertimbangkan untuk berkolabarasi dengan *e-hailer* di setiap kawasan hentian keretapi. Jementah memohon supaya pihak KTMB menyediakan ruang menunggu yang khas untuk *e-hailer* di semua stesen.

Ketiga, Jementah berharap pihak KTMB supaya menaik tarafkan stesen keretapi supaya memastikan semua stesen mempunyai akses OKU yang lengkap. Buat masa ini, kebanyakan stesen yang telah dinaik taraf, kebelakangan ini memang mempunyai fasibiliti OKU yang minimum seperti tandas dan *ramp* kerusi roda di dalam bangunan. Kekurangan aksesibiliti yang Jementah bangkitkan sini adalah seperti infrastruktur OKU ke dari luar bangunan stesen keretapi ke dalam bangunan stesen keretapi.

Jementah juga mencadang supaya mesin layan diri untuk makanan dan minuman asas atau lebih banyak gerai makanan segera di buka dalam semua stesen keretapi. Pelaksanaan cadangan di atas akan membawa manfaat transformatif kepada penduduk luar bandar terutamanya Segamat yang merupakan kawasan pendalaman yang tidak akses secara langsungnya ke lebuh raya. Dengan memfokuskan pada *first and last mall connectivity,* keterjangkauan dan penambahbaikan perkhidmatan asas, KTM bukan sahaja akan berjaya menarik lebih ramai penumpang malah akan memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan sosial ekonomi yang inklusif. Transformasi KTM menjadi satu sistem pengangkutan yang mesra penguna dan boleh diakses oleh semua terutamanya penduduk luar bandar dan menjadi nadi kepada perpaduan dan kemajuan negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan perkhidmatan *ETS* dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur dijangka berlancar dalam bulan depan. Jementah memohon supaya kerajaan negeri memandang berat atas prasarana bagi mengintegrasikan Lapangan Terbang Senai dengan Stesen Keretapi Senai. Pengintegrasian Lapangan Terbang Senai dengan Stesen

Keretapi Senai, melalui pembinaan prasarana yang menghubungkan kedua-dua pengangkutan ini adalah langkah strategik yang membawa manfaat besar ke negeri Johor dari pelbagai aspek.

Senai berperanan sebagai *Southern Gateway* Malaysia. Dia merupakan satu-satunya Lapangan Terbang Antarabangsa di Selatan Semenanjung Malaysia. Integrasi antara Lapangan Tebang Senai dengan stesen keretapi yang terdekat akan menjadikan lapangan terbang tersebut sebagai pusat logistik dan pelancongan yang lebih cekap. Bukan sahaja untuk Johor, tetapi juga untuk Wilayah Selatan Semenanjung Malaysia. Sudah tentu integrasi lapangan terbang tersebut dengan Stesen Keretapi Senai akan menjadi pemangkin yang sangat kuat bagi perkembangan *JS-SEZ*. Manfaatnya adalah menyeluruh dan strategik menjadikan *JS-SEZ* sebagai destinasi pelaburan yang lebih menarik dan cekap.

JS-SEZ akan menawarkan logistik bersepadu, multi modal yang jarang ditemui. Syarikat boleh mengimport bahan mentah ataupun komponen melalui udara dan menghantar produk siap melalui keretapi ke Pelabuhan Tanjung Pelepas ataupun terus ke Singapura dan destinasi lain. Semuanya dalam satu rangkaian yang lancar. Ini merupakan faktor penentu untuk pelabur berteknologi tinggi, syarikat-syarikat dalam bidang seperti semikonduktor, elektronik, perubatan dan aeronatik yang sangat mementingkan masa dan rantaian bekalan yang boleh dipercayai akan melihat nilai tambah yang besar. Mereka memerlukan pengangkutan cepat untuk sampel, komponen kritikal dan peralatan. Produk bernilai tinggi yang tiba dengan kapal terbang boleh terus dimuatkan ke dalam keretapi kargo untuk dihantar ke destinasi akhir mengurangkan masa transit dan risiko kerosakan akibat pemindahan berulang. Pada masa yang sama, ia mengurangkan kesesakan jalan dan kos pengangkutan.

Pengangkutan kargo melalui keretapi dari lapangan terbang dapat mengurangkan kebergantungan terhadap trak dan lori. Sekaligus mengurangkan kesesakan di Lebuhraya Johor Bahru – Singapore, Link Kedua dan kos bahan api atau kos logistik. Kelancaran dalam pergerakan barang dan orang akan mengurangkan kos pengangkutan keseluruhan untuk syarikat yang beroperasi di *JS-SEZ*. Dengan rantaian bekalan yang lebih pantas dan boleh diramal, syarikat boleh mengamalkan modal inventori *just in time* yang mengurangkan keperluan untuk menyimpan stok yang besar dan seterusnya menjimatkan kos penyimpanan. Buat masa sekarang segelintir pelabur *JS-SEZ* yang berpotensi juga mempersoalkan akses kepada bakat antarabangsa. Dengan wujudnya integrasi Lapangan Terbang Senai dengan Stesen Keretapi Senai, pekerja mahir dari Singapura, Kuala Lumpur atau bandar antarabangsa lain boleh terbang ke Senai dan terus menaiki keretapi untuk sampai ke kilang ataupun pejabat mereka yang berlokasi di JS-SEZ dengan mudah dan pantas. Ini menjadikan JS-SEZ lebih mudah diakses sebagai tempat kerja. Kolaborasi antara kedua-dua sistem pengangkutan tersebut menggalakkan perjalanan perniagaan sehari. Contohnya, eksekutif dari Singapura boleh melakukan perjalanan pagi ke JS-SEZ untuk mesyuarat dan pulang pada petang hari yang sama dengan perjalanan yang lancar iaitu dengan melalui keretapi dan penerbangan domestik atau pendek. Ini memudahkan urusan perniagaan dan kolaborasi. Keretapi adalah mod pengangkutan yang lebih mesra alam berbanding lori.

Beralihnya sebahagian pengangkutan kargo dari jalan ke landasan keretapi akan membantu mengurangkan pelepasan karbon JS-SEZ yang selari dengan matlamat ESG (*Environmental Social and Government*) yang semakin penting bagi pelabur global. Integrasi ini akan mengubah JS-SEZ daripada sekadar zon ekonomi biasa kepada hab logistik dan pengindustrian bersepadu yang unggul. Ini menjadi titik penemuan yang cekap antara pengangkutan udara dan pengangkutan rel. Ini bukan sahaja memperkukuhkan kedudukan strategik JS-SEZ dalam rantau ini malah menjadikan JS-SEZ lebih kompetitif berbanding zon ekonomi lain di Asia Tenggara dengan menawarkan penyelesaian logistik yang lebih lengkap dan cekap. Secara kesimpulannya, integrasi Lapangan Terbang Senai dan Stesen Keretapi Senai bukan sekadar kemudahan untuk penumpang, tetapi merupakan strategik infrastruktur yang mengubah permainan untuk JS-SEZ. Ia menyelesaikan beberapa masalah utama seperti kesesakan lalu lintas, kos logistik yang tinggi dan akses kepada bakat antarabangsa.

Dengan mencipta ekosistem logistik yang lancar, cekap dan mampan, integrasi ini akan menjadi pemangkin utama untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan akhirnya merealisasikan potensi penuh JS-SEZ sebagai kuasa ekonomi selatan Malaysia yang terintegrasi sepenuhnya dengan Singapura dan rantau global.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai golongan perbahasan Jementah, Jementah menyambut baik pembentangan Bajet 2026 Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Onn Hafiz bin Ghazi pada tempoh hari yang lalu. Jementah memahami inisiatif Bajet Johor Tahun 2026 berniat bagi membangunkan negeri kita tanpa melupakan kebajikan Bangsa Johor. Pada masa yang sama, Jementah juga sentiasa memahami peranan barisan pengimbang sebagai barisan semak dan imbang. Barisan pengimbang menyambut baik dasar perbelanjaan dan tindakan kerajaan negeri yang bertanggungjawab kepada Bangsa Johor dan wang awam dibelanjakan dengan bijak. Secara ringkasnya, barisan pengimbang adalah komponen penting bagi memastikan ketelusan dan kecekapan pentadbiran kerajaan. Kehadiran pengimbang adalah petanda sistem demokrasi yang matang. Sekian perbahasan Jementah. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Jementah. Dijemput Yang Berhormat Parit Yaani.

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahirrahmirrahim. (Bacaan selawat). Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan pada kali ini, izinkan saya meneruskan dengan terlebih dahulu merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena hari keputeraan baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan juga Bangsa Johor.

Keduanya, patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat, bimbingan yang dicurahkan kepada patik dan seluruh kepimpinan negeri Johor dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor keseluruhannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hari ini saya pun modal dia kurang sikit, semalam saya tunggu sampai pukul 6.45 petang Yang Berhormat Datuk Speaker, tapi tak apalah semalam Yang Berhormat Bekok dia mencipta rekod baharu selesai 6.45 petang dan saya ingat petang ini Yang Berhormat Sungai Balang penggiliran nombor 24 tak silap sayalah. Tapi, dia tak ada masalah Yang Berhormat Datuk Speaker, yang penting ada Johor Lama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekalung ucapan penghargaan tahniah dan setinggi terima kasih juga kita ucapkan kepada pimpinan Kerajaan Negeri Johor di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi selaku Menteri Besar Johor di atas pembentangan Belanjawan 2026 yang dibentangkan pada hari Khamis yang lalu. Intipati belanjawan yang diumum mencerminkan keteguhan seluruh jentera kerajaan negeri khususnya barisan Ahli-Ahli EXCO serta seluruh penjawat awam negeri Johor dalam memastikan negeri ini terus berada di landasan tepat, meneraju kemajuan pembangunan serta mencatat pertumbuhan ekonominya yang positif serta kekal mampan setiap tahun.

Saya di kesempatan ini juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada keseluruhan jentera kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri I dan II, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Menteri-Menteri dan seluruh jentera kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan

termasuklah agensi dan juga GLC yang mana saya di peringkat N.21 Parit Yaani pelbagai nikmat yang telahpun kami terima dan insya-Allah akan terus mengecapi nikmat pada masa-masa akan datang.

Sebagai contoh, di kawasan Pekan Parit Yaani itu sendiri Yang Berhormat Datuk Speaker, mungkin ramai yang dah nampak sendiri bezanya sebelum ini tiga tahun yang lepas, kalau dulu kita tak ada mercu tanda, ok sekarang dah ada mercu tanda yang baharu siap ada Maju Johor lagi, terang benderang dengan lampu LEDnya, dengan Sekolah Menengah Suria Jaya yang dah hampir siap, insya-Allah tahun depan bakal beroperasi (Dewan bertepuk), di Tongkang Pechah. Begitu juga kita sedang membangunkan masjid ikonik yang baharu dan bakal didirikan sebuah sekolah kebangsaan yang baharu, apa lagi dan bakal dilaksanakan Projek Naik Taraf Persimpangan Tongkang Pechah dan juga Jalan Bindu (Dewan tepuk), padang awamnya, dewan orang ramainya dah cantik, pasar awamnya pun dah baharu sampailah ke kawasan Beroleh. Di Parit Yaani ni ada tiga zon, Parit Yaani itu sendiri, Tongkang Pechah dan juga zon Beroleh. Kalau mungkin ada yang tak tahu kawasan sampai ke Parit Besar tu pun masih dalam kawasan DUN Parit Yaani.

Apapun, betul sepertimana Yang Berhormat Sri Medan semalam dah sebut yang penting kita semua kena bersyukur. Banyak hasil-hasil daripada kerajaan negeri Johor ini sebenarnya datangnya juga berkat daripada doa rakyat negeri Johor keseluruhannya dan belanjawan yang diumumkan kali ini juga turut menyerlahkan kesungguhan sebenar kepimpinan Johor untuk terus meletakkan rakyat sebagai keutamaan terutama sekali dalam memacu agenda pembangunan yang inklusif dan mampan. Kita yakin dan optimis Belanjawan 2026 yang bertemakan Bangsa Johor Sejahtera dengan tumpuan kepada agenda Maju Johor 2030 melalui 6 teras yang digariskan sebelum ini akan terus memacu kesejahteraan rakyat dan kemakmuran di negeri ini.

Cumanya Yang Berhormat Datuk Speaker, saya di dalam Dewan ini mohon juga kepada semua yang ada termasuklah Ahli-Ahli Dewan, kawan-kawan saya di sebelah sini dan sebelah sana, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai daerah, Yang Dipertua Majlis dan semualah untuk kita semua sama-sama hebahkan, promosikan apa jua program-program yang telah dibentangkan, yang bakal dilaksanakan, yang telahpun disusun termasuklah Belanjawan 2026 pada kali ini. Sebagai contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, program yang paling baik saya tengok impaknya begitu besar, mungkin Yang Berhormat Datuk Speaker pun setuju juga iaitu Program Jualan Kasih Johor. Yang terbaharu ni kita buat Jualan Kasih Johor Khas daripada bulan 10, bulan 11 hinggalah bulan 12 akan datang ni. Semuanya beratur kalau kita sebut kata mula pukul 8.00, pukul 6.00 pagi dah beratur. Saya cuba ubah juga semalam, minggu lepas, kita mula pukul 9.00 pun sama juga Yang Berhormat Datuk Speaker, lepas subuh pun tetap beratur juga.

Dan saya berterima kasih kepada kerajaan negeri khususnya Yang Berhormat EXCO Buloh Kasap yang begitu komited mereka cipta program jualan kasih seumpama ini dan saya kira program ini boleh diteruskan dari semasa ke semasa dan masih boleh diperkasakan. Mungkin boleh dibuat secara bulanan mungkin, sebulan dua kali ataupun lebih-lebih lagi di musim perayaan awal tahun ini, bulan satu kita jumpa dengan nak naik sekolah, bulan dua raya Cina/puasa, bulan tiga raya Aidilfitri. Bulan satu sampai bulan tiga tu nanti maksudnya Januari sampai Mac tu kalau boleh sebulan dua kali. Pasal bulan ini bulan-bulan yang kritikal pada saya dari segi ekonomi orang kampung keseluruhan rakyat Johor. Kita kena kurangkan dia punya apa ni kos perbelanjaan bulanan masing-masing. Ia sangat baik Yang Berhormat Datuk Speaker, malah ada lagi dia kata apa kombo, dia ada ayam bulat, ada telur, ada minyak masak RM15.00. Satu dunia ni tak jumpa (Dewan bertepuk) kat sini je jumpa, negeri Johor je yang boleh buat, saya di Selangor pun tak jumpa. Malah orang-orang negeri lain pun pelik macam mana Johor boleh buat program seumpama ini (Dewan bertepuk). Mungkin kalau tak cukup peruntukan di peringkat FAMA ataupun Kementerian Pertanian, Jabatan Pertanian mungkin boleh berfaham-faham dengan pihak Majlis Agama Islam ke, atau seumpamanyalah. Tambah lagi ayam bulat tu Datuk Speaker, semalam 2 tan pun tak cukup. Saya tambah lagi

se tan pun tak cukup. (Dewan bertepuk.) Semalam orang tanya saya YB minggu depan boleh buat lagi tak. Minggu depan Datuk Speaker? Saya kata bulan depan, sabar. Tahniah Dato' Zahari.

Dan di kesempatan ini juga, saya ingin memohon status pembangunan aplikasi Sistem Aduan Rakyat Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam era digital yang semakin pesat keupayaan kerajaan untuk menyampaikan maklumat dengan cepat, tepat dan responsif merupakan satu keperluan asas dalam memastikan keberkesanan tadbir urus, transformasi digital bukan sahaja meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan malah memperkukuh hubungan antara kerajaan, rakyat melalui saluran komunikasi yang lebih terbuka dan mudah diakses. Sehubungan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai perkembangan terkini pembangunan aplikasi Sistem Aduan Rakyat Johor yang sebelum ini telah diumumkan sebagai salah satu inisiatif penting kerajaan negeri, tak silap saya Belanjawan tahun lepas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk memastikan sistem ini benar-benar memberi manfaat dan mencapai matlamatnya dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan negeri, Parit Yaani ingin mengemukakan beberapa perkara untuk pertimbangan dan maklum balas kerajaan negeri iaitu yang pertama, status semasa pembangunan aplikasi berkenaan. Apakah tahap terkini projek ini dari segi pembangunan teknikal, reka bentuk sistem, modul yang telah siap kalau ada, serta kemajuan keseluruhan mengikut perancangan yang telah ditetapkan? Yang keduanya, perlaksanaan fasa ujian ataupun *pilot* dengan izin sekiranya telah dimulakan? Yang ketiga, garis masa ataupun jangkaan pelancaran rasmi untuk rakyat. Yang keempat, mekanisme pemantauan dan keberkesanan tindakbalas. Saya ingin mendapatkan penjelasan tentang perkara-perkara tersebut tadilah.

Yang Behormat Datuk Speaker, kemunculan aplikasi seumpama ini bukan sekadar satu platform digital tetapi merupakan simbol komitmen kerajaan negeri untuk meningkatkan akauntabiliti, memperkukuh integiriti pentadbiran dan memastikan suara rakyat benar-benar menjadi asas kepada setiap tindakan serta keputusan kerajaan dengan adanya sistem aduan yang moden, telus dan mudah diakses. Rakyat dapat memainkan peranan lebih aktif dalam menyalurkan maklum balas. Manakala pihak kerajaan pula dapat memantau isu setempat secara lebih sistematik dan responsif. Oleh itu, sekali lagi Parit Yaani berharap kerajaan negeri dapat memberi penjelasan yang komprehensif agar Dewan ini dan rakyat Johor dapat mengetahui halatuju sebenar dan status perlaksanaan projek penting ini. Sampai bila kita nak terima melalui *facebook*, media sosial ini, Datuk Speaker. Ini kalau Wakil Rakyat yang mengadu ataupun Ketua Kampung atau Ahli Majlis, dia jadi lambat. Tapi kalau netizen mengadu dalam *facebook*, boleh cepat pulak. Boleh cepat pulak respon dia. Ha, itu yang kita ada rasa pelik sikit.

Dan, yang keduanya Yang Berhormat Datuk Speaker adalah pemerkasaan program NADI. NADI ini adalah Pusat Sebaran Maklumat Nasional di bawah Suruhanjaya Komunikasi Malaysia ataupun SKMM ataupun MCMC. Program NADI merupakan salah satu inisiatif penting kerajaan dalam merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar. Namun, bagi memastikan program ini benar-benar memberi impak kepada masyarakat desa, beberapa penambahbaikan menyeluruh perlu dilaksana agar pusat NADI menjadi platform utama untuk pembelajaran, peningkatan kemahiran dan pembangunan ekonomi setempat. Nama pun NADI, dan NADI ini sebenarnya setiap DUN ada. Dan, terima kasih kepada SKMM juga. Saya, kami di Parit Yaani baru menerima, mengecapi nikmat adanya NADI DUN Parit Yaani. Kalau di tempat lain mungkin dah lama ada NADI ni. Dan, bila saya tengok saya teliti mungkin NADI ni boleh kita kolaborasikan dengan Media Digital Johor, Yang Berhormat Datuk Speaker. Maksudnya di NADI tu saya tengok banyak promosi program-program ataupun peristiwa yang berlaku di peringkat kerajaan persekutuan sahaja. Takde pun cerita di peringkat kerajaan negeri. Saya minta kalau boleh bersekali. Namapun namanya NADI DUN.

Dan, sehubungan itu juga, oleh kerana bendanya baik, Parit Yaani nak mohonlah satu lagi tambahan NADI iaitu di kawasan Beroleh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya adalah pengukuhan program JENDELA. Walaupun perlaksanaan program JENDELA telah menunjukkan perkembangan positif dari segi perluasan rangkaian ...(masalah teknikal)...

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerana masalah teknikal yang kita sedang hadapi, Persidangan ini saya tangguhkan hingga pukul 2:00 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:20 tengah hari.

Persidangan disambung semula jam 2:20 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Parit Yaani. Tiga minit.

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya sambung lagi berkaitan dengan NADI tadi tu. Walaupun perlaksanaan Program JENDELA telah menunjukkan perkembangan positif dari segi perluasan rangkaian dan peningkatan kualiti liputan, realitinya masih terdapat beberapa kawasan di kawasan DUN Parit Yaani yang menghadapi masalah liputan yang masih tidak stabil dan tidak konsisten. Dan keadaan ini memberi kesan langsung kepada produktiviti penduduk setempat khususnya pelajar, peniaga kecil serta masyarakat luar bandar yang semakin bergantung kepada capaian digital dalam rutin harian. Sehubungan itu Parit Yaani mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan seperti berikut :

1. Memberi keutamaan kepada kawasan tumpuan dalam fasa baharu JENDELA khususnya kawasan yang dikenalpasti mempunyai liputan lemah.

2. Menambah bilangan menara komunikasi serta menaik taraf pemancar sedia ada. Kalau di kawasan Parit Yaani tu yang baru di Parit Jambi dan Parit Senah dan saya mencadangkan supaya didirikan sebuah lagi di kawasan Bandar Putera Indah.

3. Menawarkan insentif kepada syarikat telekomunikasi untuk mempercepatkan perlaksanaan pemasangan infrastruktur baharu di kawasan pinggir dan luar bandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya adalah perlaksanaan menyeluruh kempen Visit Johor 2026 di semua kawasan DUN di negeri Johor sebagaimana pengharapan daripada YB, Yang Berhormat Seri Medan semalam, kita setuju dan menyokong sepenuhnya sekiranya terdapat peruntukan khas sebanyak RM100,000.00 setiap DUN.

Dan, sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada kali ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan pada isu kesesakan lalulintas di Jalan Tongkang Pechah J13, khususnya dari persimpangan FT024 hingga ke Parit Kangkung SEK 8.8 di Bukit Pasir, kawasan Yang Berhormat Penggaram. Laluan ini menampung jumlah trafik yang tinggi setiap hari termasuk kenderaan berat dari kawasan industri Tongkang Pechah dan akibatnya kesesakan berlaku bukan sahaja pada waktu puncak, malah pada waktu biasa. Menjejaskan kelancaran perjalanan dan keselamatan pengguna. Sehubungan itu Parit Yaani ingin bertanya kepada kerajaan negeri apakah langkah segera dan jangka masa panjang yang sedang dirancang atau akan dilaksanakan untuk menangani kesesakan tersebut.

Dan, terdapat juga keperluan pembinaan balai bomba dan penyelamat di Bandar Putera Indah, Tongkang Pecah yang ni Parit Yaani ingin membangkitkan keperluan tersebut yang mana kawasan ini berkembang pesat dengan perumahan premis komersial industri tetapi masih bergantung kepada balai bomba yang jauh di kawasan Penggaram. Dan untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau tempat lain mungkin ada masalah dengan tempat ataupun tanah, di Bandar Putera Indah Tongkang Pechah memang dah ada rizab tanah seluas 5 ekar untuk ditukar hakmilik kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Dan, seterusnya adalah keperluan penambahan ambulan bagi klinik kesihatan luar bandar iaitu di Klinik Kesihatan Parit Yaani. Yang ini, saya juga ingin menarik perhatian Dewan terdapat isu kekurangan ambulan yang dihadapi oleh beberapa klinik kesihatan luar bandar khususnya di kawasan Parit Yaani. Dan saya kira tahun depan banyak peruntukan ataupun bajet untuk ambulan di seluruh Malaysia.

Sebagai penutup, Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan 2026 seharusnya menjadi belanjawan yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal semata-mata tetapi turut memperkukuh ekonomi, komuniti, memperluas sektor pelancongan negeri, memacu agenda digitalisasi rakyat, menjamin kesejahteraan kawasan luar bandar serta memastikan penyampaian kerajaan lebih cekap, telus dan responsif terhadap keperluan rakyat. Parit Yaani yakin bahawa segala cadangan yang telah dikemukakan akan membantu mengangkat negeri Johor ke tahap yang lebih progresif khususnya bagi kawasan DUN Parit Yaani dalam menghadapi cabaran pembangunan menjelang tahun 2030. Dan, sebelum Parit Yaani akhiri ucapan izinkan saya menutup dengan serangkap pantun.

Air sungai mengalir tenang, bunga kembang harum mewangi; belanjawan negeri langkah gemilang, Parit Yaani seiring hari. Burung terbang tinggi di awan umpama Sungai Balang dan Johor Lama, Belanjawan 2026 rakyat diutamakan; Johor makmur sepanjang zaman, akhir bicara diucapkan. Saya menyusun jari, ribuan ampun dan maaf kiranya terdapat kesalahan dari segi kata-kata saya selama ini terutamanya waktu sesi perbahasan pada kali ini. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dengan ini Parit Yaani menyokong penuh belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Parit Yaani. Dijemput Yang Berhormat Gambir.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Datuk Speaker, Gambir ucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan dan peluang diberikan untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Dewan Negeri Johor kali ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, apa lagi yang ingin kita katakan berkenaan Belanjawan Johor 2026 ini. Intipati yang sarat dengan deretan segala macam bantuan untuk rakyat. Ini benar-benar menunjukkan kesungguhan dan komitmen kerajaan Barisan Nasional Maju Johor ini untuk terus membela rakyat. Untuk terus memastikan rakyat menepati manfaat terus dari segala kemakmuran dan kemajuan yang sedang kita cipta di Johor dan pastinya membuktikan sebuah kerajaan stabil yang dihadiahkan oleh Bangsa Johor kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya negeri Johor yang lalu benar-benar sebuah kerajaan yang tepat untuk terus memacu kemajuan negeri dan dalam masa yang sama Datuk Speaker melunaskan amanah dalam soal membela dan membantu rakyat. Bangsa Johor Sejahtera bukan sekadar satu tema halusinasi tetapi disusuli dengan pelbagai inisiatif yang benar-benar beriltizam untuk menyejahterakan segenap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat pandangan nakal yang mengatakan bahawa walaupun ini merupakan belanjawan lebihan tetapi rakyat tidak menerima manfaat. Datuk Speaker, dengan deretan inisiatif untuk rakyat, dengan pelbagai Bantuan Kasih Johor untuk pelbagai kelompok sasaran masyarakat dengan pelbagai projek pembangunan yang sedang dirancang.

Saya teringat satu firman Allah di dalam Surah Al-Imran, dalam Surah Al-Rahman. (Bacaan potongan ayat Al-Quran). Maka, nikmat Tuhan yang mana satukah yang hendak kita dustakan.

Dengan ketiadaan bajet alternatif, dengan ketiadaan cadangan balas yang konkrit ini membuktikan kepada kita satu perkara Datuk Speaker, bahawa mereka yang berkata ini bukan sahaja tidak berupaya menjadi kerajaan yang lebih baik berbanding dengan Kerajaan Barisan Nasional tetapi rupanya mereka juga gagal menjadi pengimbang ataupun pembangkang yang baik dan efektif. Gambir mohon kerajaan ini supaya jalan terus, majukanlah negeri, bantulah rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Gambir seterusnya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor yang sangat komited dan berusaha dalam memastikan negeri bertuah ini kekal menjadi *Malaysia Food Basket* dengan izin dan juga dalam masa yang sama menanam iltizam menjadi *Food Bank* bagi negara serantau dan juga antarabangsa. Sekali lagi iltizam dan cita-cita ini bukan ibarat saudagar mimpi yang menjual impian kepada rakyat semata-mata tetapi ianya telah disusuli dengan usaha yang bersungguh-sungguh menjayakan agenda keterjaminan makanan untuk negeri tercinta ini. Ini dapat dibuktikan melalui sumbangan sektor pertanian kepada KDNK negeri sebanyak RM27.2 bilion. Dalam sektor penternakan, Perbadanan Produktiviti Malaysia pada Disember 2024 telah menyatakan bahawa Johor menyumbang kira-kira 30% daripada jumlah pengeluaran ayam daging untuk pasaran Malaysia dengan kekuatan sebanyak 649 buah ladang penternakan ayam. Dan ini menjadikan Johor sebagai pengeluar terbesar daging ayam di Malaysia.

Walau bagaimanapun Datuk Speaker, Gambir ingin membawa satu isu berhubung dengan kesan, impak dari ladang ternakan yang masih menjalankan penternakan menggunakan sistem reban terbuka. Beberapa kes pencemaran bau yang mengganggu kualiti hidup masyarakat berpunca daripada pengurusan najis tinja ayam yang tidak cekap bersifat tradisional dan akhirnya bukan sahaja menyebabkan pencemaran bau kepada alam sekitar mengganggu kehidupan masyarakat malah juga menyebabkan pencemaran air. Contoh, yang berlaku di Yong Peng, pengurusan najis yang tidak lengkap dari ladang ternakan menyebabkan pencemaran bau yang teruk menjejaskan kualiti kehidupan 3,000 orang penduduk di sana.

Di Layang-Layang pula Datuk Speaker, berlaku pencemaran ammonia di Sungai Johor. Di Bekok, aliran air hitam dari tapak pengurusan tinja telah mencemari Sungai Bekok menyebabkan ikan-ikan mati. Hari ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah pencemaran bau akibat dari ladang ternakan ayam juga berlaku di kawasan Sengkang, Bukit Gambir dalam DUN saya. Usaha-usaha perbincangan dan diplomasi bersama dengan pihak Pejabat Daerah Tangkak bagi meminta pengusaha-pengusaha melaksanakan tindakan yang perlu dan wajar bagi mengelakkan masalah pencemaran bau ini berterusan telah pun dijalankan. Namun, hasil tinjauan Gambir, pencemaran bau ini masih lagi berlaku. Bagaimana mungkin penduduk di sana boleh bertahan dengan masalah bau sebegitu pada setiap hari? Kasihan mereka Datuk Speaker, kasihan melihat dan mendengar keluhan mereka hampir setiap hari terpaksa menghirup kesegaran haruman dari ladang-ladang ternakan ini.

Justeru, Gambir mendesak satu tindakan segera diambil agar masalah ini tidak berterusan, jika sistem reban tertutup adalah jawapannya, maka jadikanlah ia sebagai satu keperluan yang wajib dipatuhi. Tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Veterinar dan agensi-agensi berkaitan perlu segera dilakukan. Saya tidak rela penduduk kawasan saya menjadi mangsa kepada pencemaran bau ini. Sudah sampai masanya kerajaan memikirkan kaedah atau peruntukan undang-undang yang lebih tegas agar dalam usaha kita menjadi *Food Basket* dan *Food Bank* kepada negara dan negara-negara serantau, rakyat Johor, Bangsa Johor tidak menjadi mangsa.

Gambir juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, Ranhill SAJ Johor, Perbadanan Aset Air Berhad dan Kerajaan Malaysia yang telah meluluskan

pembinaan sebuah tangki air berserta rumah pam dan kemudahan-kemudahan berkaitan dengannya di Sengkang, Bukit Gambir dengan kos pembinaan sebanyak RM20 juta. Gambir difahamkan kontraktor telah pun dilantik dan kerja-kerja bermula dalam masa terdekat. Sesungguhnya, ini menunjukkan komitmen jitu oleh kerajaan negeri melalui Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Yang Berhormat EXCO yang berkenaan, yang berusaha menjaga hubungan yang baik dengan kerajaan persekutuan dan membantu merealisasikan permohonan Gambir sejak tahun 2022. Moga dengan adanya projek, projek pembinaan tangki baru ini dapat menyelesaikan isu gangguan bekalan air di Sengkang, Kampung Hang Tuah dan kawasan sekitarnya. Itulah yang Gambir katakan, kemajuan yang dikejar hari ini haruslah memastikan keutamaan ataupun keperluan utama rakyat dapat kita sediakan. Kadang-kadang rakyat di kampung-kampung tidak mengambil hirau apa jua statistik dan data kemajuan yang kita bentangkan, asalkan kerajaan hari ini mendengar denyut nadi dan keresahan mereka membantu dan berusaha menyelesaikan masalah sudah cukup untuk mereka kembali memberikan kepercayaan kepada kerajaan yang sama dalam penggal-penggal yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, Gambir ingin merayu kepada kerajaan negeri yang sangat kasihkan rakyat ini supaya dapat melihat apakah kaedah dan cara bagi menyelesaikan permohonan-permohonan membina lorong dan jalan berturap ke rumah-rumah. Gambir difahamkan bahawa konsesi yang bertanggung jawab tidak dapat melaksanakan atas masalah jalan atau laluan itu tidak dirizabkan untuk tujuan pengambilan jalan atau lorong. Gambir ingin mencadangkan agar bagi tujuan pembinaan lorong berturap ke rumah-rumah ini, cukuplah sekadar kita mempunyai surat kebenaran izin lalu dari pemilik-pemilik tanah berkaitan. Permudahkanlah urusan kampung untuk memohon sedikit keselesaan. Namun, jika perlu pengambilan balik tanah untuk tujuan perizaban maka lakukanlah segera. Ini adalah isu rakyat Datuk Speaker, berapa banyak pun bantuan kasih yang kerajaan negeri ini salurkan tetapi apabila mereka keluar rumah, mereka tetap juga perlu melalui laluan yang lecak, tidak berturap, bertanah merah, *crusher run*, berhabuk dan tidak sangat-sangat tidak selesa untuk Bangsa Johor yang tinggal di kampung-kampung.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengumumkan RM27 juta untuk penyelesaian isu Mesyuarat Tindakan DUN, RM50 juta menaik taraf dan melebar jalan-jalan kampung, Gambir mengalu-alukan peruntukan ini dan sangat berharap agar ada limpahannya yang adil untuk kawasan DUN Gambir yang jauh di sana. Gambir telah menghantar serah dan menyenaraikan senarai penuh lorong-lorong dan jalan-jalan rumah ke Pejabat Daerah Tangkak pada hujung tahun 2024, sebahagiannya telah dihantar ke YB EXCO untuk mohon pertimbangan, kesemuanya juga telah dimasukkan dalam Mesyuarat Tindakan DUN pada Ogos 2025 yang lalu. Gambir mohon kerajaan negeri dapat mempertimbangkan permohonan-permohonan ini supaya Bangsa Johor di DUN Gambir dapat merasai nikmat kemajuan yang sedang kita ukirkan untuk negeri bertuah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Gambir juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerana Kerajaan Negeri Johor ini meneruskan projek perumahan mampu milik di Sagil dalam DUN Gambir, entah apa masalahnya projek yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2017, projek yang sangat-sangat beri manfaat kepada rakyat ini telah terbiar, dibiarkan tergendala dan tidak diteruskan oleh kerajaan yang menang pada PRU 2018. Namun, dengan langkah berstrategi yang dilakarkan dalam Belanjawan Johor kali ini, kerajaan dilihat terus telah melangkah, mengorak langkah memastikan agenda perumahan mampu milik Johor dapat dicapai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ambil kesempatan ini untuk memohon, oleh kerana jumlah unit yang dibina itu tidaklah banyak Datuk Speaker, 98 unit sahaja, maka Gambir mohon kepada kerajaan negeri melalui Yang Berhormat EXCO Perumahan agar dapat menghadkan permohonan atau memberikan keseluruhan kuota permohonan itu untuk Bangsa Johor yang merupakan penghuni berdaftar di DUN Gambir sahaja. Kerana kita mahukan apa jua pembangunan, apa jua peluang dan apa jua projek yang dijalankan perlulah memberi manfaat kepada pengundi dan penduduk di kawasan tersebut. Barulah nanti mereka tidak hanya menjadi pemerhati kepada kemajuan negeri Johor ini semata-mata.

Selain projek perumahan mampu milik, Gambir juga melihat kerajaan Johor bersungguh dalam memperkenalkan produk Rumah Prihatin Johor dan ianya memberi nafas baru kepada Bangsa Johor yang memerlukan rumah kediaman. Rumah Prihatin Johor ini yang telah dipermudahkan beberapa syarat permohonannya dengan subsidi RM30,000.00 dari Kerajaan Negeri Johor membuktikan bahawa kerajaan ini benar-benar prihatin dan benar-benar serius dalam soal membantu rakyat memiliki rumah kediaman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, antara isu rakyat berkenaan pemilikan rumah adalah isu tanah, mereka dan keluarga mereka ini tidak mempunyai tanah Datuk Speaker, untuk membina rumah yang merupakan salah satu pra syarat permohonan di bawah Program Rumah Prihatin Johor ini. Gambir ingin cadangkan kepada kerajaan negeri hari ini supaya mencari dan mengenal pasti tanah-tanah kerajaan negeri yang bersesuaian. Pecahkan kepada lot dengan jumlah keluasan tertentu yang sesuai dan boleh menampung keperluan membina sebuah rumah. Lot-lot ini kemudiannya kita tawarkan kepada rakyat Johor yang berminat menyertai Program Rumah Prihatin Johor ini. Bagi yang tidak mempunyai jumlah wang yang mencukupi, lot-lot ini boleh dijadikan kolektral untuk pinjaman kepada bank yang mana hanya mereka yang lulus pinjaman sahaja layak untuk ditawarkan pemilikan tanah lot tersebut. Dengan cara ini Datuk Speaker, kerajaan negeri hanya perlu menyediakan infra yang minimal, yang sekaligus dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan, dengan cara ini juga ia dapat memberikan peluang kepada lebih ramai pemohon untuk mendapatkan rumah kediaman. Di samping kita dapat menyelesaikan isu utama iaitu rakyat tidak memiliki tanah untuk membina rumah kediaman.

Seterusnya untuk pembangunan belia Datuk Speaker, yang bakal menjadi pewaris kegemilangan negeri ini, Gambir merasa sedikit dukacita kerana Pejabat Belia dan Sukan Daerah Tangkak pada ketika ini hanya dioperasikan oleh seorang pegawai semata-mata. Gambir mohon pertimbangan Yang Berhormat EXCO supaya dapat memberi perhatian kepada isu ini kerana Gambir tidak mahu pembangunan belia di Daerah Tangkak khususnya di DUN Gambir terencat akibat kekurangan pegawai dan kakitangan di Pejabat Belia dan Sukan Daerah Tangkak.

Gambir juga bersetuju dengan cadangan dari YB Parit Yaani dalam Persidangan yang lalu yang mencadangkan agar seorang penggerak belia dilantik bagi setiap DUN. Gambir juga ingin mencadangkan agar kerajaan negeri memperkenalkan Modul Pembangunan Belia Johor yang bukan sahaja menitikberatkan soal penyediaan modal insan yang hebat untuk pasaran tenaga kerja, bukan sahaja perlu menekankan soal aktiviti kesukarelawan dan sukan malah yang paling penting Datuk Speaker, bagaimana input pembinaan sebuah negeri yang maju, yang mempunyai akar budaya tersendiri serta pembinaan jati diri yang kental terhadap negeri dan negara dapat kita terapkan. Tanggungjawab membina sebuah generasi ampuh yang bakal mewarisi kepimpinan negara adalah tanggungjawab kita bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Gambir juga ingin memohon pertimbangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Yang Berhormat EXCO Sukan, supaya sekurang-kurangnya sebuah gelanggang futsal di DUN Gambir dapat dinaiktaraf dan dijadikannya sebagai gelanggang futsal berbumbung. Pengumuman sebanyak RM4 juta dalam Belanjawan Johor baru-baru ini untuk membaikpulih dan menaiktaraf kemudahan sukan sangat-sangat kita alu-alukan. Mudah-mudahan permohonan Gambir sejak 2022 ini dapat dipertimbangkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, golongan anak yatim merupakan golongan yang memerlukan perhatian dan pembelaan dari masyarakat. Ahli masyarakat termasuk ahli waris, individu dan NGO bertanggung jawab memastikan keperluan asas anak-anak yatim seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, penjagaan kesihatan dan pendidikan, kita penuhi. Pada hari ini, kebanyakan daerah dalam negeri Johor mempunyai Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim antaranya di Muar, Mersing, Kluang, Johor Bahru dan Tangkak. Hampir semua pertubuhan anak-anak yatim ini mempunyai bangunan asrama bagi menempatkan anak-anak yatim ini. Satu usaha fardu kifayah bagi memastikan kebajikan anak-anak yatim ini sentiasa terbela. Gambir difahamkan bahawa Pertubuhan Anak Yatim Daerah hanya menerima

RM10,000.00 setahun daripada Baitulmal dan jumlah itu sangat-sangat tidak memadai untuk membiayai kos yang diperlukan selain daripada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Justeru, Gambir memohon pertimbangan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar supaya dapat mempertimbangkan satu jumlah berpatutan dan munasabah kepada rumah-rumah anak yatim sebagai geran tahunan bagi mereka menampung sebahagian kos pengurusan dan penjagaan anak-anak yatim ini. Selain itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam usaha mendapatkan dan menampung perbelanjaan anak-anak yatim ini bergantung sebahagian besarnya kepada tabung-tabung yang diletakkan di masjid, surau serta premis-permis perniagaan dan pejabat. Adalah diharapkan dengan meletakkan tabung ini dapat membantu rumah anak yatim ini mendapatkan dana yang mencukupi bagi meneruskan operasi dan dalam masa sama memudahkan orang ramai untuk menderma.

Isu yang timbul adalah kelewatan memproses permohonan dan kelewatan dalam mengeluarkan surat kebenaran untuk pertubuhan anak yatim ini membuat kutipan derma di masjid dan di surau. Sebagai contoh, Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Ledang telah memohon kebenaran mengutip derma pada Mei 2025 pada ketika permit yang asal akan hanya tamat pada Julai 2025. Tetapi sehingga kini November 2025 kebenaran masih lagi tidak diperolehi dan tabung-tabung yang diletakkan di premis juga telah dirampas oleh penguatkuasa daripada Jabatan Agama Islam. Gambir mohon agar proses pengeluaran permit kebenaran mengutip derma ini dapat dipermudahkan kerana akhirnya Yang Berhormat Datuk Speaker yang menerima kesan akibat kekurangan dana adalah anak-anak yatim itu sendiri yang sebenarnya ...

YB Speaker : Yang Berhormat sekarang ni banyak *scammer* sebenarnya, sebab tu kita kena hati-hati.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Saya setuju, saya setuju kebenaran dan juga penelitian permohonan itu perlu dibuat tetapi prosesnya itu perlu dipercepatkan kerana tanggungjawab kitalah bersama Yang Berhormat Datuk Speaker memastikan kebajikan dan kemaslahatan anak-anak yatim ini terjaga. Gambir juga ingin menyeru kepada pihak Jabatan Agama Islam supaya dapat menasihati pengerusi-pengerusi masjid dan surau untuk membenarkan tabung-tabung ini diletakkan di surau dan masjid. Kepada siapakah lagi anak yatim ini nak bergantung jika bukan kepada kita.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM4.3 juta untuk membina dan menaik taraf dewan dan balai raya di seluruh negeri Johor. Sekali lagi dan entah untuk yang keberapa kali agaknya, Gambir dengan penuh rasa rendah diri memohon agar kerajaan negeri dapat melaksanakan pembinaan dua (2) buah balai raya di DUN Gambir iaitu di Kampung Seri Menanti, Sengkang dan juga sebuah lagi di Taman Warisan Sagil. Moga penantian bertahun-tahun ahli masyarakat di kedua-dua tempat ini dapat kita realisasikan. Permohonan telah pun kita kemukakan sebelum ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan Johor 2026 ini adalah belanjawan untuk rakyat. Gambir mohon menyokong dengan penuh rasa hormat. Sekian wabillahi taufik walhidayah Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ingin mengalu-alukan kehadiran seramai 25 orang pemerhati daripada DUN Kawasan Benut. Sekejap lagi YB Benut akan berucap, tunggu. Dijemput Yang Berhormat Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Penggaram ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang dan peluang untuk mengambil bahagian dalam ucapan pada kali ini. Patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat ke

Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Sultan Ibrahim Sempena Hari Keputeraan Baginda yang kekal disambut pada 22 November ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang dihormati, pagi tadi saya menerima satu aduan daripada kawasan saya, satu isu kecemasan yang amat membimbangkan melibatkan talian 999. Pada 17 dan 18 November sebuah pusat jagaan warga emas di kawasan saya telah membuat puluhan panggilan ke talian tersebut namun tiada satu pun berjaya dijawab dan akhirnya terpaksa menggunakan aplikasi *Save Me* untuk membuat laporan kecemasan. Namun begitu, panggilan balas hanya diterima iaitu hampir 50 minit kemudian dan saya dimaklumkan aplikasi *Save Me* pun susah dimuat turun juga. Dalam satu kes panggilan balas hanya diterima hampir 50 minit, ini amat membahayakan nyawa terutamanya kepada warga emas yang berada dalam keadaan kritikal. Apabila ambulans tiba, anggota memaklumkan bahawa sistem sedang ditukar. Lebih merisaukan hospital daerah tidak dapat menggerakkan ambulans secara terus kerana perlu menunggu arahan berpusat. Sesuatu yang sebelum ini tidak menjadi masalah Tuan Speaker, Yang Berhormat Datuk Speaker, ini bukan isu teknikal semata-mata ini adalah soal nyawa. Kegagalan talian 999 selama dua (2) hari berturut-turut adalah tidak boleh diterima dan meletakkan warga emas kita dalam risiko yang amat besar. Saya menggesa kerajaan untuk mengambil berat serta mengambil tindakan serta merta menyediakan laluan alternatif sementara kepada hospital daerah untuk bertindak dalam situasi kritikal. Keselamatan rakyat mesti menjadi keutama pula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hari ini saya ingin menyentuh isu yang semakin mendesak iaitu penuaan penduduk di negeri ini. Kita harus mengakui bahawa Johor sedang menuju ke arah negeri menua dengan merekod peningkatan jumlah warga emas sebanyak 12.3% pada tahun 2025. Berdasar Jabatan Perangkaan, menjelang tahun 2030, Johor akan menjadi negeri menua dengan lebih 15% penduduk berumur 60 tahun ke atas. Hari ini pun sudah ada lebih 450,000 warga emas di negeri kita iaitu hampir satu (1) daripada sembilan (9) orang daripada penduduk di negeri ini adalah warga emas. Kita tahu realiti dalam banyak keluarga anak-anak bekerja keras, ibu bapa pula semakin uzur. Ramai sebenarnya ingin menjaga orang tua tetapi tidak mempunyai ilmu, kemahiran atau sokongan yang mencukupi. Ini bukan soal salah sesiapa, ini adalah realiti masyarakat moden yang perlu kita hadapi bersama. Bukannya mereka tidak sayang ibu bapa mereka mahu menjaga orang tua tetapi tidak mempunyai ilmu, tidak mempunyai kemahiran, tidak mempunyai sokongan. Akibatnya ada anak terpaksa berhenti kerja untuk menjaga ibu bapa, ada warga emas yang tidak mendapat penjagaan betul, ada keluarga yang akhirnya patah semangat kerana terlalu penat dengan situasi yang dihadapi.

Penuaan ini bukan sahaja krisis atau sesuatu yang perlu dipandang negatif. Kerajaan perlu memandang perkara ini sebagai satu peluang besar untuk negeri ini. Penjagaan warga emas bukan sekadar teman duduk di rumah, ia memerlukan ilmu dan latihan profesional seperti cara memindahkan warga emas dengan selamat, cara menguruskan pemakan dan ubat-ubatan, cara mengelak risiko jatuh atau luka tekanan, cara menangani warga emas yang mengalami nyanyuk, cara memantau penyakit kronik dan pelbagai lagi. Ini bukan sesuatu yang kita boleh belajar melalui pengalaman semata-mata. Tanpa pengetahuan, penjaga akan tertekan, warga emas pula terdedah kepada bahaya. Sebab itulah pembangunan sistem *long term cares* sangat penting dimana ia bukan sahaja membantu warga emas hidup dengan lebih terjaga tetapi juga mampu membantu keluarga daripada tekanan yang tidak tertanggung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, industri penjagaan warga emas daripada beban kepada peluang ekonomi. Ramai orang hanya nampak beban kewangan, bila bercakap tentang penjagaan warga emas. Negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan telah membuktikan bahawa sektor penjagaan ini membuka banyak pekerjaan baharu besar untuk seperti penjaga profesional, pembantu fisioterapi, pakar diet warga emas, pengurus pusat jagaan, penyelaras komuniti, pekerja perkhidmatan sokongan kesihatan dan pelbagai lagi. Ini ialah industri-industri yang tidak boleh diganti oleh mesin, tidak boleh diganti oleh teknologi AI, ia adalah

satu sektor masa depan dan Johor seharusnya berada di barisan hadapan. Tambahan pula industri ini akan menghidupkan rantaian ekonomi lain seperti peralatan kesihatan, nutrisi warga emas, teknologi rumah pintar dan pelan kewangan warga emas. Kalau kita bijak rancang penuaan penduduk bukan ancaman tetapi pemangkin pembangunan ekonomi baharu untuk Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain warga emas yang memerlukan penjagaan intensif, ada satu aspek penting yang sering terlepas pandang iaitu warga emas yang masih sihat juga perlukan latihan persediaan diri. WHO membuktikan bahawa lebih 60% masalah kesihatan warga emas boleh dicegah melalui program senaman, kekuatan otot, latihan keseimbangan untuk elak jatuh, pengurusan pemakanan serta aktiviti binaan kognitif. Kajian juga menunjukkan latihan 6 bulan boleh mengurangkan risiko jatuh sebanyak 30% hingga 40%. Ini bermakna dengan sokongan yang betul, ramai warga emas boleh terus berdikari lebih lama. Program sebegini boleh menjadi sebahagian daripada Sistem *Long Term Care* Johor pada masa depan. Kita tidak boleh menunggu sehingga tahun 2030 baru mahu bertindak. Sudah tiba masa kerajaan negeri Johor berhenti memberikan jawapan umum dan mula membentangkan pelan secara terperinci termasuk Pelan Pembangunan *Long Term Care* Negeri Johor lengkap dengan latihan tenaga kerja standard perkhidmatan dan sistem bantuan kewangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya percaya kerajaan negeri mahu memastikan warga emas Johor dijaga dengan baik kerana itu saya mencadangkan kerajaan negeri Johor mempunyai satu Pelan Pembangunan *Long Term Care* Johor lengkap dengan standard latihan, pusat jagaan harian dan sistem sokongan keluarga. Perkara ini boleh dirancang dan dilaksanakan melalui kerjasama dengan pusat penjagaan harian warga emas bersama PBT, NGO atau komuniti di dalam membina rangkaian sokongan psikologi dan penjagaan. Kerajaan perlu merangka satu program latihan penjaga profesional berskala besar untuk mencipta pekerjaan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Biar kita yang menentukan masa depan Johor bukan masa depan yang menentukan nasib kita. Penuaan ialah proses semula jadi yang tidak boleh dihentikan. Suka atau tidak kerajaan pasti akan menghadapi isu pertambahan warga emas. Bezanya bagaimana kita menghadapinya itu pilihan kita ketika ini. Saya ingin menyeru kerajaan negeri merangka dasar melabur dalam sistem penjagaan warga emas yang menyeluruh dan memasukkan *long term care* dalam pelan perancangan pembangunan masa depan negeri Johor. Sebuah negeri hanya benar-benar maju apabila rakyatnya dari kecil hingga tua dijaga dengan bermaruah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, zaman ini adalah zaman digital. Pengunjung hari ini menilai destinasi melalui aplikasi platform *online* dan pengalaman digital. Namun dalam belanjawan ini tiada satu pun inisiatif khususnya yang benar-benar memacu transformasi digital sektor pelancongan. Saya berpendapat masih terdapat beberapa ruang besar yang perlu diperkuat, kelemahan digitalisasi pelancongan pada zaman digital pengunjung hari ini menilai destinasi melalui aplikasi platform *online* dan pengalaman digital. Saya mencadangkan agar kerajaan negeri memperkenalkan beberapa perkara iaitu:

1. *Johor Digital Tourism Hub*. Platform sehenti untuk tiket, maklumat, lokasi dan laluan perjalanan.
2. Menggunakan AI, AR atau VR di lokasi pelancongan.
3. Perlaksanaan e-pembayaran secara lebih meluas terutamanya untuk peniaga kecil dan komuniti luar bandar.

Jika kita bercakap tentang Visit Johor 2026, maka digitalisasi tidak boleh lagi menjadi pilihan. Ia mesti menjadi tunjang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun peruntukan kepada NGO memang wujud tetapi pelancongan komuniti dan luar bandar masih di tahap lemah dan masih tidak mencukupi untuk membina ekosistem pelancongan komuniti yang mampan. Saya mohon Kerajaan Negeri

Johor membangunkan kampung pelancongan moden bagi melatih penduduk sebagai Pemandu Pelancong, mengusaha *homestay* dan peniaga kraftangan di dalam memperkenalkan penduduk produk pelancongan berasaskan warisan, budaya dan pertanian. Pelancong bukan hanya tentang bandar besar. Potensi luar bandar Johor sangat luas tetapi belum dibangunkan secara terancang. Johor dianugerahkan khazanah alam yang indah. Taman negara, pantai, hutan simpan, namun belanjawan ini tidak memberi gambaran jelas tentang strategi pelancongan mampan.

Kita perlu mewujudkan indeks kesejahteraan pelancongan mampan Johor. Kawasan pelancongan bebas plastik dan pelbagai lagi seperti mendapatkan kerjasama universiti untuk penyelidikan, pemuliharaan alam. Jika kita terus mempromosi tanpa memelihara, kita hanya membina pelancong jangka pendek dan akhirnya merosakkan aset sendiri. Pelancong yang datang ke Johor bukan hanya mahu melihat lokasi pelancongan tetapi mereka juga mahu mengalami kemudahan asas yang baik. Saya cadangkan penambahan papan tanda pelbagai bahasa, *standard* kebersihan tandas awam, kawalan keselamatan pelancong dan yang lebih tersusun, laluan hijau pelancongan dengan pengangkutan elektrik. Asas-asas kecil inilah yang menentukan sama ada pelancong akan datang semula atau tidak. Belanjawan ini mempunyai asas tetapi kita perlu mengakui ia masih dalam bentuk yang terlalu tradisional, terlalu fokus kepada promosi dan acara tetapi kurang kepada inovasi, digitalisasi, komuniti dan kelestarian.

Jika Johor benar-benar mahu menjadi destinasi bertaraf dunia, maka kita mesti memperkukuh dasar dan merangka pelan jangka panjang yang lebih strategik. Pelancongan bukan sekadar membawa orang datang. Pelancongan adalah membina pengalaman, inovasi, identiti dan masa depan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang 3 inisiatif yang amat bermakna dalam Belanjawan negeri kita, iaitu Bantuan Kasih Johor bagi pesakit dialisis, Bantuan Kasih Pesakit Kanser dan Ibu Tunggal di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga. Pertama sekali saya ingin merakam penghargaan kepada kerajaan negeri, bantuan RM600.00 ini sangat membantu 8,275 pesakit dialisis dan 3,301 pesakit kanser yang setiap hari berdepan cabaran rawatan, kos ubat dan keletihan fizikal. Begitu juga kepada ibu-ibu tunggal yang memikul tanggungjawab besar di dalam membesarkan anak seorang diri. Sedikit bantuan ini mungkin nampak kecil bagi kita, tetapi bagi mereka ia membawa kelegaan yang besar. Walau bagaimanapun, ada satu perkara yang ingin saya bangkit dengan penuh rasa prihatin, di mana proses mengumpul data penerima dilakukan dalam masa yang sangat agak singkat sebelum Belanjawan diumumkan. Akibatnya, ramai pesakit dan ibu tunggal tidak sempat dan ada yang tidak tahu bagaimana untuk mendaftar. Sebahagian mereka ada pelbagai kekangan seperti sibuk untuk mengulang-alik ke hospital untuk menerima rawatan. Ada juga yang kurang cerdik penggunaan gajet digital. Ada juga yang tinggal jauh di kampung dan tidak mempunyai akses internet atau sukar untuk menguruskan dokumen pengesahan yang diperlukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, golongan ini sudah menanggung banyak beban dalam hidup mereka, ada yang bertarung dengan penyakit setiap hari. Ada ibu yang bekerja menjaga anak dan mengurus rumah seorang sendiri. Kerana itu saya ingin memohon dengan penuh hormat kepada Kerajaan Negeri Johor mempertimbangkan untuk membuka semula tempoh pendaftaran Bantuan Kasih Johor supaya pesakit dialisis, pesakit kanser dan ibu tunggal yang terlepas pendaftaran dapat peluang sekali lagi. Selain itu pendaftaran boleh dipermudahkan dengan melibatkan pusat-pusat khidmat ADUN, Pejabat Daerah, PBT, klinik kesihatan dan hospital agar tidak hanya bergantung kepada platform di dalam talian sahaja.

Pada akhirnya apa yang kita semua inginkan hanyalah memastikan tiada rakyat Johor yang layak tercicir daripada bantuan ini terutamanya mereka yang sedang melalui saat-saat paling mencabar dalam hidup. Saya percaya dengan sedikit kelonggaran dan belas ihsan, ramai lagi pesakit dan ibu tunggal akan mendapat manfaat yang beoleh meringankan kehidupan

mereka. Semoga usaha ini membawa kebaikan kepada mereka yang memerlukan dan mengukur imej Johor sebagai sebuah negeri yang penyayang dan prihatin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada sidang ini kali ini saya ada bertanya mengenai pandangan kerajaan di dalam mewujudkan satu kategori kadar khas cukai pintu khususnya bagi NGO atau *Non Profit Organization* yang banyak menyumbang kepada negeri dalam pelbagai sektor seperti pelancongan, sukan, kebajikan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, saya amat berterima kasih kepada YB EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas respon dan keterbukaan kerajaan negeri akan meneliti cadangan ini sekiranya terdapat keperluan yang jelas dan menyeluruh khususnya bagi NGO yang memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan negeri sama ada dalam bidang pelancongan, sukan, kebajikan, pendidikan mahupun sosial. Saya berharap Kerajaan Negeri Johor dapat menghargai sumbangan berterusan NGO dan sukarelawan dalam memperkukuh kesejahteraan rakyat serta memacu pembangunan sosial negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh sedikit berkaitan masalah banjir di kawasan Penggaram. Perkara ini telah dibangkit beberapa kali tetapi pada 2 minggu yang lalu, beberapa kawasan perumahan di kawasan Penggaram yang berhampiran Sungai Batu Pahat iaitu Taman Nira dan Taman Batu Pahat telah dinaiki air pasang laut akibat fenomena air pasang laut ketinggian melebihi 3 meter. Saya dapat makluman pada minggu lalu, terdapat sesi taklimat dan perbincangan berkaitan projek tersebut daripada pihak JPS Daerah bersama Pejabat Daerah dan SUK. Tetapi saya tiada sebarang maklumat walaupun projek ini akan memberi impak yang besar kepada penduduk di kawasan saya. Saya ingin mengetahui status Projek Rancangan Tebatan Banjir yang akan dilaksanakan oleh pihak JPS di Sungai Batu Pahat. Bilakah jangkaan tepat projek tersebut akan dilaksanakan? Saya dimaklumkan kekangan projek ini adalah untuk memindahkan penduduk yang mendiami kawasan setinggan persisiran Sungai Batu Pahat. Walau bagaimanapun, saya menggesa projek ini dapat dijalankan dengan kadar segera. Sehingga hujung tahun ini, akan ada 3 kali lagi fenomena air pasang laut besar akan berlaku. Bermakna penduduk perlu berdepan masalah banjir air pasang ini sebanyak 18 hari dalam tahun ini.

YB Speaker : Yang Berhormat dah terlebih satu minit.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Sikit saja. Selain itu pemasangan papan tanda amaran banjir di kawasan perumahan telah menyebabkan nilai perumahan di kawasan tersebut susut sedangkan kadar nilaian cukai harta pada tahun ini meningkat sehingga berkali ganda. Mungkin kerajaan perlu mempertimbangkan kaedah penggalian Sungai Batu Pahat sebagai langkah penyelesaian segera kepada masalah banjir air pasang laut ini. Ia mampu memberi kelegaan kepada penduduk di kawasan terlibat sehingga 10 tahun ke 15 tahun mendatang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Dewan yang mulia ini saya ingin merakam ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas kejayaan merangka dan membentang Bajet Johor 2026 dengan pelbagai inisiatif yang diumumkan. Ada beberapa orang yang bertanya berkaitan inisiatif bagi golongan sukarelawan yang berkhidmat sepenuh masa seperti sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam, sukarelawan RELA, sukarelawan Bomba mahupun sukarelawan Polis. Seperti tahun lalu di mana mereka amat berterima kasih di atas pemberian RM200.00. Mereka berharap tahun ini juga masih ada rezeki dan bahagian untuk mereka. Sekian, saya akhiri ucapan ini semoga Johor terus maju, pemimpin dan rakyat kekal makmur bermuafakat. Saya menyokong Bajet Johor 2026.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Penggaram. Dijemput Yang Berhormat Benut.

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Saya seperti mana rakan-rakan ingin mengambil kesempatan, sebelum meneruskan perbahasan untuk menyatakan

dan memohon izin untuk merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Ibrahim sempena hari keputeraan baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT, semoga dibawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan Dibawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat diRaja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Belanjawan 2026 ini saya ingin mengajak Ahli-Ahli Dewan untuk kita merenung sejenak. Bertanya bagaimana kerajaan negeri dapat mengunjurkan hasil untuk negeri Johor sebanyak RM2.55 bilion? Apakah usaha dan langkah yang bakal kerajaan negeri ambil untuk membolehkan hasil sebanyak begitu dikumpul?

Dari segi pandangan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya memulakan Perbahasan di Dewan ini untuk mengingatkan diri saya dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang beberapa pencapaian kerajaan negeri. Pertama, Johor adalah negeri yang pertama dalam negara yang diiktiraf sebagai *a smart state,* 5 tahun lebih awal daripada tahun 2030. Itu pertama. Berdasarkan kepada *Malaysia Smart City rating*, 16 PBT yang ada dalam negeri Johor kesemuanya sekurang-kurangnya berada pada tahap pertama sebagai *smartcity early adopter*. Itu memerlukan kegigihan dan kesungguhan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor juga adalah negeri yang pertama untuk memperkenalkan *framework* atau pun garis panduan pembangunan hijau dalam negara kita. Rangka tersebut termasuklah juga pelan tindakan untuk tenaga boleh baharu. Johor berada di hadapan dalam membentuk dasar-dasar tersebut, polisi tersebut.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Datuk Yang DiPertua, Datuk Speaker, minta maaf, Johor juga setelah kita ada begitu banyak data *centre* adalah merupakan negeri yang juga pertama menggunakan air kumbahan sebagai sumber air bagi kegunaan pusat-pusat data dan juga industri. Kalau tidak silap saya, pada bulan Ogos yang lepas, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah datang ke Johor untuk merasmikan program tersebut. Pilot projek yang pertama dilakukan di Johor.

Jadi Datuk Speaker, kita juga ada negeri-negeri seperti di utara, Perlis dan Kedah yang juga ada jiran seperti Thailand. Tetapi kita ada juga Sabah dan Sarawak berjiran dengan Brunei. Tetapi Johor adalah negeri yang berjiran dengan Singapura yang pertama kali memperkenalkan platform untuk menggerakkan ekonomi menggunakan pendekatan rendah karbon bukan satu, *Johor Special Economic Zone* atau pun Johor Ekonomi Khas, tetapi dua termasuklah *Forest City Special Financial Zone*, Zon Kewangan Khas Forest City.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Datuk Speaker Johor juga ada pelabuhan, Pulau Pinang ada pelabuhan, Sarawak juga ada pelabuhan tetapi pelabuhan di Johor adalah yang pertama menggunakan *sustainability* atau pun kelestarian berkaitan kelestarian untuk membentuk sukuk pinjaman mereka. Selain daripada yang dapat kita lihat, industri-industri yang datang ke Johor, pembangunan atau pun pelaburan yang ditarik ke Johor adalah berdasarkan kepada beberapa kelebihan yang digerakkan oleh kerajaan. Maka dengan itu Dewan yang mulia ini harus merasa yakin sepenuh-penuhnya bahawa kerajaan negeri akan mampu untuk memungut hasil sebanyak RM2.55 bilion setelah pencapaian tersebut. Berbagai usaha yang dibuat yang akhirnya membuahkan hasil yang diharapkan.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, ini tidak bolehlah kerja satu orang. Jadi ini bererti Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat EXCO-EXCO kerajaan negeri, ketua-ketua

jabatan negeri dan persekutuan mereka adalah sebenar-benarnya penggerak dan penyumbang besar kepada kejayaan negeri Johor sehingga mendapat tempat dan kedudukan seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Jadi untuk itu, saya menganjurkan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada sebelah sini dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sana supaya kita berikan satu penghormatan kepada semua ketua jabatan dan juga agensi yang telah bertungkus-lumus untuk membolehkan negeri Johor ini berada pada tahap yang sedemikian (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Maksudnya Yang Berhormat, *team of performers* lah..

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Yes, betul Yang Berhormat Datuk Speaker. Ianya adalah macam Yang Berhormat Dato' Menteri Besar kata *whole nation approach* semua pihak. Saya bawa perkara di awal perbahasan saya ialah supaya kita tidak merasa bersalah dalam membelanjakan duit kerajaan untuk pelbagai bantuan program dan juga pelbagai pemberian yang diumumkan. Kerana saya berkata begitu, kalau kita lihat daripada perbelanjaan sebanyak RM2.54 bilion, bajet pembangunan RM1.1 bilion.

Yang Berhormat Dato' Menteri Besar menyatakan bahawa kita, berterima kasih kepada kerajaan persekutuan kerana mengumumkan peruntukan sebanyak RM4.8 bilion, betul tak Yang Berhormat Datuk Speaker? RM4.8 bilion eh, harus kita ingat. Daripada RM4.8 bilion itu, 143 + 9 projek yang bukan asas menjadikan 152 projek hanya, nanti sekejap Yang Berhormat eh, hanya RM780 milion sahaja. Selebihnya adalah projek sampingan. Jadi sepanjang tahun 2026 itu, tidak banyak projek-projek baharu, tidak banyak projek-projek yang benar-benar dapat memberi impak, tapi kita bersyukur dapat RM780 juta untuk tujuan projek-projek baharu. Projek sambungan sebahagian besarnya saya percaya adalah untuk membayar projek-projek seperti *Rail Transit System*, baki bayaran untuk projek elektrik *double*, landasan berkembar elektrik dan juga projek-projek pelebaran lebuh raya utara - selatan. Termasuk lebuh raya Senai - Desaru, kerana itu adalah semua projek-projek yang menggunakan peruntukan kerajaan. Jadi daripada RM4.8 bilion, lebih RM4 bilion adalah untuk projek-projek yang sedang berjalan. Hanya lebih kurang RM800 juta sahaja, maka ini, kita perlu melihat belanjawan ini dalam satu konteks.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mencadangkan supaya belanjawan ini harus dianggap sebagai satu pelaburan oleh kerajaan bukan kos kepada kerajaan. Ianya adalah satu pelaburan yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengharapkan, bukan hanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi kita pun begitu juga, kalau kita membuat pelaburan kita mengharapkan pulangan. Berapa kita melabur, berapa kita mendapat pulangan.

Yang Amat Berhormat telah pun memberi kita sebagai wakil rakyat, satu garis panduan, dia nak melabur sekian banyak, RM2.54 bilion. Tapi Yang Amat Berhormat memberi kita satu gambaran tentang pulangan yang diharapkan, iaitu Bangsa Johor yang Sejahtera. Terpulanglah kepada kita untuk menterjemahkan. Kalau ikut bahasa kamus, sejahtera bermakna keadaan kehidupan yang seimbang dan stabil. Persoalan yang kita tanya kepada diri kita adakah ketua kampung, Yang Berhormat terima kasih kerana membuat pengumuman bersama-sama saya tadi, hari ini adalah daripada Benut, ketua kampung, guru-guru ada, penghulu pun ada, mereka hendak menyatakan rasa terima kasih kepada kerajaan, berbesar hati kaki tangan persekutuan pun buat julung-julung kali dapat bonus daripada kerajaan negeri dan penghulu, ketua kampung semua ini dapat dua (2) bulan. Jadi saya balik kawasan pun, ha, taklah bingung sangat Yang Berhormat jadi kerana semuanya dalam keadaan yang baik belaka.

Jadi kita perlu mengkaji setiap perkara yang dinyatakan di dalam belanjawan untuk kita mengukur pelaburan yang dibuat oleh kerajaan negeri apakah pulangannya? Kalau kita lihat sebagai contoh, sebagai contoh Yang Berhormat inisiatif-inisiatif yang dinyatakan antara enam (6) perkara atau teras, saya nak menyentuh hanya tiga (3) Teras Yang Berhormat,

Ekonomi, Tadbir Urus dan juga Kelestarian Alam Sekitar. Kalau kita tengok dari segi pembangunan ekonomi, kalau kita tengok bagaimana pembangunan usahawan, saya nak bertanya denga EXCO yang berkenaan. Bagaimana PMKS ini, perusahaan kecil dan sederhana ini, akan dapat memberi pulangan pelaburan yang kerajaan beri sebanyak lapan (8) inisiatif dalam konteks zon ekonomi khas. Kenapa kita buat zon ekonomi khas, kerana kita kata Singapura adalah negara yang mempunyai *supply chain* yang jauh ke hadapan berbanding dengan negara kita, negara Indonesia, negara Thailand. Jadi bagaimana PMKS kita, perusahaan kecil dan sederhana dalam negara kita ini boleh memanfaat dengan adanya JS - SEZ ini dengan adanya bantuan-bantuan dan juga inisiatif-inisiatif yang dah diperkenalkan untuk tujuan pembangunan usahawan. Kalau tidak kita tidak dapat memaksimakan pulangan yang diharapkan kerana kita dah buat pelaburan ini. Saya melihat belanjawan sebagai satu pelaburan, seperti mana yang saya katakan awal.

Jadi itu juga, saya sempat berbisik dengan EXCO Pertanian tadi, Datuk Zahari, supaya boleh tak dilihat inisiatif yang ke-26 di bawah pembangunan ekonomi ini. Kalau penjenamaan durian dan nenas Johor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta boleh tidak kalau kita libatkan juga kelapa kerana seperti mana yang kita sedia maklum, 73% pengeluaran kelapa dalam negara kita adalah daripada tiga (3) daerah pantai barat Johor, Muar, Batu Pahat, tempat Yang Berhormat Datuk Speaker, Pontian. Kita sahaja, Johor mengimport sehingga 206,000 metrik tan kelapa setiap tahun pada tahun 2024, banyak Yang Berhormat. Jadi terlanjur ada penjenamaan, untuk durian dan juga nenas, saya ingin bertanya dengan kerajaan sama ada bolehkah kelapa juga dimasukkan juga sebagai salah satu daripada penjenamaan? Jadi ini saya melihat kepada sekali lagi, belanjawan adalah pelaburan, pelaburan mengharapkan pulangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya diawal perbahasan tadi menyatakan tentang beberapa perkara yang menjadikan Johor itu, Yang Amat Berhormat dengan kegigihan-kegigihan dengan EXCO nya bekerja bertungkus-lumus untuk meletakkan Johor di tahap-tahap dan kedudukan yang begitu membanggakan. Walau bagaimanapun saya meminta kerajaan negeri supaya melihat kepada beberapa perkara. Awal tahun ini kita tandatangan perjanjian Zon Ekonomi Khas ya, antara Johor - Malaysia dengan Singapura. Belum hampir setahun, Yang Berhormat. Baru-baru ini, saya mendengar pengumuman oleh Menteri Pelaburan dan Industri, menyatakan bahawa mungkin juga Malaysia - Singapura, perlu juga melihat semula kerjasama dengan Indonesia.

Yang Berhormat, saya menelaah buku ini, *The SIJORI Cross Border Region* ini, yang ditulis pada tahun 1995, 2016 ianya merupakan percetakan yang ke mungkin yang ke-4, ke-5 yang menunjukkan dengan adanya segitiga waktu itu, Johor - Singapura dan Riau, Indonesia yang kita tahu Batam di Riau itu sudah pesat membangun. Sudah padat membangun. Johor sebelum adanya Zon Ekonomi Khas ini, kita tidak sampai ke mana. Jadi adakah kerajaan pusat, kerajaan di peringkat, adakah di peringkat kementerian telah melihat sedalam-dalamnya, nak sekali lagi, membawa segitiga itu sebagai pertumbuhan ekonomi sedangkan kita ni dalam *Special Economi Zone* antara Johor dengan Singapura dah berjalan baik. Kita menarik pelaburan tiga penggal berturut-turut pelaburan yang tertinggi sehingga hari ini, waktu Dewan bersidang ini negeri Johor telah menarik pelaburan lebih RM91 bilion yang tertinggi dalam negara. (Dewan bertepuk). Tentu ini berpunca daripada adanya Zon Ekonomi Khas yang kita semua sedia maklum. Mahukah kita sekali lagi, saya nak bertanya dengan kerajaan, apakah agaknya pertimbangan kerajaan negeri dalam hal ini, sama ada kerajaan negeri akan membincangkan semula, melihat sedalam-dalamnya, sama ada sekali lagi kita dibawa kepada perbincangan tiga segi?. Kerana saya lihat bahawa orang kaya-kaya di Indonesia tak pernah melabur di Malaysia pun. Tauke-tauke besar, industri-industri besar yang ada di Indonesia semua melabur di Singapura. Tidak ada pun di Malaysia. Jadi, cara kerjasama ekonomi antara Johor, Malaysia dengan Indonesia harus dilihat dalam konteks yang berbeza. Itu yang pertama Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin bertanya dengan kerajaan negeri supaya dapat merangka strategi untuk melihat perkara ini, kerana ianya telahpun dinyatakan bahawa kerajaan pusat pada dasarnya dah besetuju, nasib baik pada

dasarnya. Mungkin, Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh melihat perkara ini dengan lebih mendalam.

Kedua Yang Berhormat. Ini untuk memastikan kita terus berada pada tahap yang ada pada hari ini. Saya menerima jawapan daripada EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhubung dengan pembangunan semula bandar dan kawasan perumahan (URA). URA ini Yang Berhormat, kita di peringkat Parlimen pun masih lagi menimbangkan undang-undang berkaitan dengan pembangunan semula bandar. Saya mungkin agaknya memerlukan penjelasan daripada kerajaan negeri, bagaimana kerajaan negeri dan jawapannya boleh mengatakan bersetuju dan menyokong sepenuhnya pelaksanaan URA ini. Kerana sesungguhnya kalau kita lihat daripada kawasan-kawasan perumahan rakyat yang ada di Johor sama ada di Larkin, di Tebrau, sama ada di Tun Aminah, beribu unit yang ada. Pembangunan semula bandar ini, kalau kita baca secara tersiratnya akan memberikan kelebihan kepada pemaju. Pemaju hanya memikirkan soal keuntungan. Suka tak suka kerana mereka entiti perniagaan. Siapa yang nak berniaga rugi Yang Berhormat Datuk Speaker? Itu dah lazim dan kita pun faham.

Setiap pembangunan yang akan dibuat di kawasan pembangunan semula bandar ini akan akhirnya mengubah demografi satu-satu kawasan yang akan dibangunkan. Kita perlu melihat kepada keupayaan dan kemampuan mereka-mereka yang berada di kawasan-kawasan perumahan rakyat ini, tak kiralah kaum Melayu, Cina, India. Mereka semua berada di kawasan-kawasan perumahan. Apabila pemaju membangunkan kawasan perumahan tentunya rumah yang dibangunkan dengan kos yang tinggi, dengan persekitarannya yang lebih kondusif sepertimana yang dinyatakan di sini atas jawapan yang memodenkan kawasan, tak kan lah semua itu percuma Yang Berhormat Datuk Speaker. Ianya memerlukan sekurang-kurangnya kos penyelenggaraan yang selalunya diletakkan di bawah pengurusan, apa nama *community management committee*. Jadi, mampukah jangan sampai akhirnya pemilik-pemilik rumah yang dulunya harga rumah tak sampai RM100,000.00, hari ini sebagai pulangan kepada membenarkan kawasan-kawasan rumah mereka dibangunkan, rumah yang bernilai mungkin RM500,000.00, RM600,000.00 akhirnya terjual kerana tidak dapat menguruskan kos bagi menyelenggara aset-aset yang mereka miliki. Sebab itu, perlu diteliti sedalam-dalamnya. Jadi, saya ingin bertanya dengan Kerajaan Negeri Johor, adakah kerajaan bersedia untuk melihat dengan lebih mendalam hasrat bagi pembangunan semula bandar ini yang kita sokong ini. Supaya saya minta kalau boleh dikaji semula.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, minta maaf saya agak terlebih masa berakhirnya, saya mohon agar sebagai contoh, *Johor Economic Forum* dalam Inisiatif Kedua Pembangunan Ekonomi SIJORI tadi tu. Tolonglah lihat semula.

Inisiatif ketiga Yang Berhormat, Promosi dan Penjenamaan Negeri Johor ini, *made in Johore.* Kita tak nak kalau boleh *made in Johore* lagi, *not made in Johore*. Tetapi *made by Johore.* Kita nak segala usaha-usaha nak menjenamakan negeri ini harus ianya merupakan *made by Johor,* bukan *made in Johor*. (Dewan bertepuk).

Jadi itulah Yang Berhormat Datuk Speaker, masa yang tak dapat yang agak cemburu. Akhirnya terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah bersetuju satu rancangan daripada pusat kelestarian Johor yang mana *Raja Zarith Sofiah Learning Centre* ini akan dibangunkan sebagai *centre* yang mempunyai bangunan yang rendah karbon dan ianya akan dijadikan sebuah *pilot project* di negeri Johor dan insya-Allah kita berharap akan dapat diperluaskan ke seluruh negara. Terima kasih, dengan ini saya juga turut menyokong belanjawan yang dibentangkan. (Dewan bertepuk). Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YB Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat Benut. Saya cukup tertarik dengan idea *made by Johore.* Saya jemput Yang Berhormat Endau.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Pertamanya Endau mengucapkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT atas nikmat kesihatan yang baik dan kita dapat bersua lagi di Dewan yang mulia ini. Terima kasih jua Endau ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana membenarkan Endau mengambil bahagian dalam sesi perbahasan pada kali ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, sesungguhnya apa yang dibahaskan ini adalah penting bagi memastikan pembangunan, kesejahteraan dan kebajikan di kawasan Endau dapat diambil perhatian dan tindakan daripada pihak kerajaan negeri. Di kesempatan ini patik mewakili rakyat di kawasan DUN Endau merafak sembah setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena ulang tahun keputeraan Baginda Tuanku pada 22 November 2025 ini. Patik dan sekalian rakyat mendoakan agar Baginda Tuanku diberikan kesihatan yang baik serta bertambah daulat memayungi rakyat atas tahta Baginda Tuanku. Ampun Tuanku.

Di kesempatan ini Endau mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan seluruh pasukannya kerana berjaya merangka, menyediakan dan membentangkan Belanjawan 2026 Negeri Johor Darul Ta'zim bertemakan Bangsa Johor Sejahtera. Tema ini amat sesuai Yang Berhormat Dato' Speaker, Endau juga guna Sejahtera Endau. Harapnya persamaan ini boleh diseimbangkan Johor Sejahtera dan Endau pun sejahtera. Maka, besarlah harapan Endau agar segala unjuran, perancangan dan pengumuman dalam belanjawan pada kali ini dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada semua Bangsa Johor. Dan sudah pasti segala perbelanjaan yang diunjurkan mesti diuruskan dengan baik tanpa pilih latar belakang politik jika itu haknya maka sempurnakanlah haknya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada beberapa perkara Endau ingin bawa pada kali ini. Pertama, mengenai pengurusan atau aliran bantuan kepada rakyat. Alhamdulillah, pada Belanjawan 2026 banyak bantuan telah diumumkan oleh pihak kerajaan termasuk pengumuman insentif tambahan baru-baru ini. Apa yang memberi manfaat kepada rakyat Endau tetap sokong. Biar limpahan rezeki bumi Johor ini dirasakan terus kepada Bangsa Johor. Sepanjang tahun ini pelbagai bantuan (masalah teknikal) dan termasuklah (masalah teknikal) dalam soalan Dewan bagaimana Program Bakul Kasih Johor yang sepatutnya menjadi program kerajaan (masalah teknikal)

YB Speaker : tak dengar ke?

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Apa jawapan yang Endau dapat pada soalan Endau adalah pengurusan melalui penyelaras yang dilantik oleh kerajaan akan sampai terus kepada rakyat tanpa sebarang kepentingan parti. Tapi, ini tidak terjadi di Mersing Yang Berhormat Datuk Speaker. Ramai yang marah kat Endau. Kononya kerana mereka tak dapat Bakul Kasih Johor dan macamlah pula Endau yang pilih bulu sedangkan pihak lain yang uruskan. Bakul kasih tidak diedarkan dengan adil dan baik. Ada yang susah tak dapat, tetapi yang nampak berkemampuan pula yang dapat. Jadi, banyak keluhan yang Endau terima sepanjang tahun ini berkaitan Bakul Kasih Johor. Itu belum lagi buat program Jelajah PDM parti, guna baju parti tetapi serahkan Bakul Kasih Johor. Masuk dalam *facebook tag* dengan izin ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar Johor atas inisiatif bakul kasih tapi kat baju ada logo parti dan dalam program parti. Sebab itu, Endau soalkan mengapa peruntukan yang diluluskan dalam Dewan yang mulia ini digunakan untuk program parti? Kami di pihak pengimbang kerajaan tiada masalah jika penyaluran itu dilakukan secara adil, tidak lihat latar belakang politik penerima. Tetapi, jika peruntukan yang diluluskan secara bersama ini gunakan untuk dapat kelebihan parti politik, rasanya tidak sepatutnya lah ianya berlaku.

Jangan nafikan suara kami, suara kami dipilih melalui pilihan raya yang sah bukan jawatan lantikan seperti penyelaras. Jangan hukum rakyat sebab pilih kami tapi jalankanlah amanah sebaiknya. Rakyat berhak terima apa juga manfaat. Endau harap kerajaan tegurlah

penyelaras-penyelaras yang dilantik ini, jangan lebih sudu dari kuah. Mereka bergerak mewakili kerajaan, bukan mewakili parti. Jadi, Endau harap untuk Belanjawan 2026 ini kerajaan lebih transparent dengan izin. Adakah ianya seperti tema Johor Sejahtera atau sekadar retorik untuk sokongan kepada parti, tepuk dada tanya selera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kedua, Pengeluaran Pertanian dan Hala Tuju Pembangunan Ekonomi Setempat. Jika kita lihat dalam Belanjawan 2026, sebanyak 16 inisiatif berkaitan dengannya bermula inisiatif 22 sehingga inisiatif 38. Banyak peruntukan disediakan untuk membantu petani, mahu pun penternak di darat atau pun di air. Dalam Belanjawan 2025, ketika perbahasan Endau, Endau telah nyatakan pada EXCO Pertanian berkaitan peruntukan kepada sawah padi. Endau juga memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa di kawasan Endau terdapat dua kawasan yang mengusahakan sawah padi iaitu di Air Papan dan Semaloi. Adalah diharapkan melalui inisiatif 22, Belanjawan 2026 dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta, maka peruntukan ini dapat juga dirasai di dua kawasan ini. Kita kena bantu mana-mana yang patut Yang Berhormat Datuk Speaker, lagi-lagi bila di hujung tahun musim hujan yang akan mengganggu pengeluaran padi atau lebih parah memusnahkan padi tersebut. Kesian pesawah-pesawah kita. Jadi, Endau yakin Yang Berhormat EXCO Pertanian dapat membantu pesawah kita dengan kaedah-kaedah yang sewajarnya. Terima kasih Yang Berhormat EXCO.

Bagi inisiatif 23 pula, memperuntukkan RM5 juta untuk Pembangunan Pertanian Bersepadu Moden yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Agro Food Sdn. Bhd. Endau ingin dapatkan penjelasan, di manakah lokasi projek ini akan dilaksanakan dan berapakah pulangan yang akan diterima semula oleh pihak kerajaan, hasil kerjasama dengan syarikat ini. Peruntukan RM5 juta ini besar dan jika pulangan itu memberi hasil kepada negeri dan manfaat kepada rakyat Endau sangat-sangat sokong. Kita boleh rancang dan buat pelbagai projek dan pembangunan tetapi mesti ada nikmat yang dirasai oleh rakyat. Jangan kita labur berjuta-juta ke arah terlalu moden tetapi petani tradisional ketinggalan terlalu jauh. Kita kena seimbangkan ekonomi petani dan penternak berskala kecil dan petani secara serta penternak moden. Jadi ekonomi itu akan seimbang, mungkin yang moden boleh bantu yang tradisional contohnya membeli hasil dari tradisional atau pun tradisional membekal keperluan kepada yang moden.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Teras Kelima, Inisiatif Lima iaitu menaik taraf Saliran Pertanian dengan peruntukan RM3.36 juta. Endau pernah bangkitkan berkaitan masalah yang dihadapi pesawah Semaloi yag mana air dari Empangan Labong tidak sampai ke kotak bendang mereka kerana masalah parit yang berlumut dan kecil. Dikesempatan ini, Endau rakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran yang sentiasa bantu untuk menyelesaikan masalah ini walaupun untuk jangka masa yang pendek sahaja. Sekurang-kurangnya pesawah dapat menjalankan aktiviti mereka mengikut pusingan tanaman yang telah ditetapkan. Dengan penyediaan sejumlah peruntukan dalam inisiatif ini, maka Endau harap agar peruntukan ini juga dapat disalurkan ke kawasan ini untuk membantu menyelesaikan masalah itu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ketiga, peruntukan kepada kepada setiap Wakil Rakyat. Endau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor kerana berbesar hati, tidak menafikan kami di barisan pengimbang untuk menerima peruntukan melalui Pejabat Jurutulis. Keihklasan dan tilik pandang kerajaan kepada kami dibarisan pengimbang amatlah dihargai. Peruntukan yang disalurkan kepada kami sesungguhnya kami manfaatkan sepenuhnya kepada rakyat. Peruntukan ini sudah pasti digunakan dalam membantu rakyat tidak kiralah dalam tujuan pendidikan, kesihatan, bencana sehinggalah bantuan dalam menyokong program anjuran masyarakat. Ini termasuklah peruntukan bekalan dan kerja kecil yang diberikan kepada masyarakat dalam memastikan objektif peruntukan itu terlaksana sepenuhnya. Bagi peruntukan pentadbiran pula, ianya digunakan sepenuhnya untuk menampung bayaran gaji pegawai, sewaan serta utiliti pejabat. Maka

jumlah RM100,000.00 untuk setahun yang dibahagi kepada dua (2), iaitu RM50,000.00 untuk pentadbiran dan RM50,000.00 untuk *touch point* serta aktiviti adalah tidak mencukupi. Dalam keadaan ekonomi dan ketidak tentuan harga barang, rakyat sering dapat datang ke pejabat pusat khidmat untuk memohon pertolongan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, orang kampung kalau ke pejabat Yang Berhormat, harapan dia kalau balik mesti bawa buah tangan daripada YB. Kita, itu belum lagi dapat panggilan atap terbang rumah terbakar dan pelbagai hal lagi. Jadi, kalau boleh Endau pohon agar peruntukan untuk setiap Wakil Rakyat dinaikkan jumlahnya daripada RM100,000.00 setahun kepada RM200,000.00 setahun. Yang mana pecahannya adalah RM100,000.00 untuk tujuan pentadbiran dan RM100,000.00 lagi untuk tujuan *touch point* serta aktiviti. Dalam pembentangan Belanjawan 2025, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah memaklumkan bahawa sebanyak RM200,000.00 diperuntukkan untuk 56 DUN bagi melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan. Setakat hari ini, Endau boleh sahkan Endau tidak terima, maka sudah pasti peruntukan ini diuruskan oleh penyelaras yang dilantik. Kecewa tapi itulah hakikatnya.

Bagi peruntukan bekalan dan kerja kecil pula, Endau mencadangkan agar jumlah RM100,000.00 setahun dinaikkan kepada RM150,000.00 setahun agar lebih dan banyak penerima manfaatnya daripada peruntukan ini. Maka, jumlah keseluruhan yang akan diterima oleh setiap ADUN adalah sebanyak RM350,000.00 setahun. Ini menjadikan implikasi kewangan kerajaan tahunan untuk 56 orang ADUN adalah sebanyak RM19.6 juta. Endau amat yakin kemampuan kerajaan negeri melalui kebijaksanaan pemimpin yang mentadbir negeri ini mampu merealisasikan apa yang Endau cadangkan ini insya-Allah, diharap di masa penggulungan nanti Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor nanti, *amount* ini akan diumumkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan menjadi berita gembira buat kita semua terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang terakhir seperti biasa perbahasan Endau, Endau akan sentuh sekali secara sekali lalu sahaja. Sekali lagi, Endau pohon Yang Berhormat EXCO dan jabatan berkaitan *take note* dengan izin, serta mengambil tindakan sewajarnya. Pertama, tentang isu anjing liar. Masalah ini bukan masalah baharu, kawasan pantai bandar Mersing pernah ada kes pengunjung digigit anjing. Pantai Air Papan pula ada pengunjung yang dikejar. Endau juga baru terima aduan bahawa di kawasan-kawasan ini semakin banyak anjing liar...

YB Speaker : Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat tak dengar ke? Tak dengar? Betul tak dengar? Ya? Nanti kalau cakap, cuba rapat sikit Yang Berhormat. Saya sebenarnya malu dengan apa yang berlaku ini, kita dah *spend* cukup banyak, Yang Amat Berhormat sudah pun meluluskan untuk menaik taraf sistem kita ini, ya. Inilah masalahnya bila kontrak ni tak *perform* ini yang dikatakan *first class building* tapi third class *facility*. Jadi macam mana kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat bercakap, orang lain tak dengar? Macam mana kita nak berbahas? Jadi saya minta *technician* cuba usahakan dalam masa 10 minit ini. Ya? Untuk betulkan sistem ini. Malu kita, ok, sila Yang Berhormat sambung dekat sikit bercakap tu.

Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Endau juga baharu terima aduan bahawa di kawasan-kawasan ini semakin banyak anjing liar. Yang merisaukan anjing ini bertindak agresif dengan mengejar atau cuba menyerang pengunjung. Kita dah nak masuk Tahun Melawat Johor 2026, kita nak ramai pelancong hadir ke negeri Johor, aspek keselamatan mereka juga perlu kita lihat dan jaga. Jadi, Endau harap pihak dan jabatan yang berkaitan dapat tangani isu ini dengan segera dan sebaiknya. Kita tahu apabila operasi dilaksanakan, akan ada pihak pencinta haiwan akan cuba mempertikaikan tindakan mereka. Tapi jika kita tidak mengawal sebaiknya, ia akan membahayakan orang lain pula. Endau harap NGO pencinta haiwan juga dapat memahami masalah ini.

Kedua, mohon pihak KPLB dapat banyakkan lagi pemasangan lampu jalan dalam kawasan-kawasan kampung. Banyak lagi jalan-jalan kampung yang gelap, demi keselamatan orang kampung juga. Pencahayaan yang baik dan terang dapat memudahkan pergerakan orang kampung pada waktu malam. Jadi, pihak kami mohon sangat-sangat Yang Berhormat EXCO Luar Bandar dan KPLB dapat mempertimbangan permohonan ini.

Ketiga, Mesyuarat Tindakan DUN. Objektifnya adalah mampu memperkukuh tadbir urus peringkat akar umbi dan seterusnya mempercepatkan penyelesaian isu-isu berskala kecil yang dibangkitkan oleh rakyat. Dalam Teras Keempat, Inisiatif Satu untuk MTD RM27.04 juta diperuntukkan untuk selesaikan isu-isu yang dicadangkan dalam MTD. Endau mohon agar kami di pihak pengimbang kerajaan dibenarkan masuk ke dalam MTD itu. Banyak isu atau masalah yang kami terima daripada rakyat, beri kami peluang atau *platform* rasmi untuk suarakan hal ini kepada pentadbiran daerah. Kita masih dalam *mood* bekerja bukan *mood* kempen pilihan raya untuk sekat sana sini, kami yang duduk di sini. Kita semua sedang bekerja Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor dalam titah hal rakyat, dah titah rakyat jangan dipolitikkan semua kena bekerjasama.

Keempat, persediaan monsun timur laut, Endau nak ucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Pejabat Daerah Mersing melalui Penghulu-Penghulu dalam kawasan DUN Endau yang telah melaksanakan sesi libat urus berkaitan MTN. Penglibatan semua agensi yang terlibat juga amat baik sekali. Ini membuktikan bahawa semua agensi dan jabatan dalam daerah Mersing telah bersedia dengan sebarang kemungkinan. Pihak JKM juga setakat ini telah menyelesaikan penghantaran bekalan pengkalan hadapan bagi kawasan-kawasan pedalaman. Kebersamaan semua pihak amat Endau puji dan mengucapkan terima kasih.

Kelima dan terakhir adalah mengenai tanah rizab Melayu untuk Kampung Melayu Majidee. Tempoh hari Endau telah dikunjungi wakil Persatuan Penduduk Kampung Majidee iaitu PERKAM menyatakan permasalahan kawasan mereka. Mereka telah memohon kepada kerajaan negeri agar status tanah mereka ditukar daripda pajakan kepada hak milik kekal. Makluman yang diberikan juga adalah mereka telah menghantar surat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada akhir tahun 2024 tetapi sehingga kini masih belum mendapat sebarang maklum balas. Kawasan ini kawasan Melayu yang jumpa Endau pun umurnya pun telah berusia dan telah bersara daripada perkhidmatan. Endau harap kerajaan negeri dapat mengambil sikap tanggungjawab dengan turun ke lapangan sendiri berjumpa wakil penduduk untuk selesaikan apa jua isu dan persoalan antara dua pihak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setakat ini sahajalah apa yang Endau ingin bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Endau sentiasa menginsafi bahawa setiap pemimpin sentiasa ada kelebihan dan kelemahannya. Segala kelebihan yang ada Endau akan terus perjuangkan untuk membawa suara hati rakyat Endau di Dewan ini. Mana kala segala kelemahan yang pula akan sentiasa Endau perbaiki daripada masa ke semasa.

Sebagai Presiden Persatuan Bola Jaring Negeri Johor mewakili Pihak Persatuan Endau mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan atas kepihatinan terhadap sukan ini dan meninggikan peruntukan sejumlah RM1 juta dalam Belanjawan 2026. Persatuan sentiasa komited dalam segala agenda pembangunan bola jaring negeri bermula dengan melahirkan bakat-bakat baharu sehinggalah mengecapi pelbagai kejayaan di dalam mahu pun di luar negara. Endau juga berharap agar satu gelanggang bola jaring di daerah Mersing dapat diwujudkan memandangkan di Mersing tidak ada satu gelanggang yang cukup spek untuk gelanggang bola jaring. Dikesempatan ini juga Endau memaklumkan penghargaan kepada semua Pegawai Tadbir Negeri Johor di daerah Mersing, petugas keselamatan dan badan bukan kerajaan yang sentiasa dalam bersama menjaga kebajikan orang Endau. Selamat bertugas kepada yang akan bertugas sepanjang monsun timur laut ini, semoga negeri Johor dilindungi dari sabarang bencana serta musibah yang memudaratkan.

Akhir kalam, terima kasih sekali lagi atas peluang perbahasan kali ini, semoga pihak kerajaan mengambil perhatian dengan seluruh intipati ucapan Endau sebentar tadi. Kepada Allah kita semua berserah. Allah Peliharakan Sultan, sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Endau menyokong.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan sidang ini 15 minit dan saya nak memperingatkan kepada *technician* perbaiki segera sistem kita ini ya, kita ada tiga lagi pembahas yang mesti kita habiskan hari ini tetapi saya tidak akan memulakan sidang ini jika sekiranya sistem ini tidak dibaiki segera. Sebab saya tidak mahu kita tidak adil kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sedang berbahas sampai orang tak dengar apa yang mereka bahaskan. Sila ambil tindakan.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4:15 petang.

Persidangan bersambung semula pada jam 4:30 petang.

YB Speaker mengetuai persidangan.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita ada lebih kurang sembilan (9) lagi pembahas sebenarnya yang akan bercakap hari ini yang perlu kita selesaikan dan kita mungkin akan berakhir lewat, saya mohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bercakap dalam tempoh yang sudah pun diputuskan iaitu 20 minit. Saya jemput Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertamanya Panti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor serta barisan EXCO atas satu pembentangan Belanjawan Johor 2026 yang lebih baik bertemakan Bangsa Johor Sejahtera. Belanjawan ini hadir dengan enam (6) Teras merangkumi 260 inisiatif.

Setinggi-tinggi tahniah juga untuk seluruh warga perkhidmatan awam negeri yang dipimpin oleh Setiausaha Kerajaan Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abdul Rahman sejak menerajui perkhidmatan awam Johor Julai lalu. Dengan berbekalkan pencapaian hasil negeri yang tinggi tahun ini, iaitu diunjurkan lebih RM2.5 bilion Panti yakin kerjasama erat di antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan EXCO serta barisan perkhidmatan awam dan seluruh warga Johor maka impian bagi menggapai Johor Maju pada 2030 adalah tidak mustahil sama sekali.

Pada kesempatan ini, Panti juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kepimpinan kerajaan pusat khususnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi atas pelbagai usaha menyumbang kepada negeri Johor amnya dan kawasan Panti khususnya yang berkait rapat dengan permasalahan penduduk luar bandar dan juga masyarakat Orang Asli. Di kesempatan ini, Panti mohon untuk bantuan berterusan khususnya di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bagi perkara-perkara seperti pembaikan jalan kampung, pembaikan longkang dan lain-lain perkara. Kebanyakan isu ini berlaku akibat bencana seperti banjir, hakisan dan sebagainya dan selalunya harus dibaiki seberapa segera bagi kegunaan orang kampung. Perkara ini sudah Panti bangkitkan mengikut saluran yang ada. Moga mendapat perhatian segera pihak kementerian. Seperkara lagi di bawah kementerian yang sama adalah melalui agensi iaitu KEJORA yang mana Panti mohon agar beberapa kampung iaitu Kampung Bukit Lintang dan juga Kampung Empat dimasukkan supaya rangkaian KEJORA. Perkara ini Panti sudah menghantar surat permohonan namun masih belum dapat jawapan.

Seterusnya Panti mengambil peluang sebelum meneruskan perbahasan untuk merafak sembah merakamkan ucapan Selamat Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Sultan Ibrahim yang jatuh pada tanggal pada 22

November akan datang. Patik berdoa agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku dilanjutkan usia serta sentiasa dalam rahmat Allah SWT dalam menaungi negeri Johor dan negara Malaysia. Panti juga menjunjung setinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala bimbingan bagi kesejahteraan Bangsa Johor khususnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam perbahasan pada hari ini, Panti ingin menyentuh beberapa perkara yang mungkin boleh dijadikan sesuatu sebagai penambahbaikan untuk diberi pertimbangan dan dilaksanakan. Perkara yang secara langsung dan tidak langsung berkait rapat dengan rakyat khususnya dari Panti. Sebelum itu, Panti ingin mengucapkan syabas atas pelaburan yang berjaya diusahakan bagi negeri Johor yang berjumlah RM218 bilion. Satu angka yang amat besar, impak yang memberikan kegembiraan buat Bangsa Johor dengan dapat mewujudkan lebih 64,000 peluang pekerjaan baharu. Dalam peluang pelaburan ini juga hari ini, Panti sekali lagi ingin membangkitkan tentang usaha promosi agar diberi tumpuan yang lebih kepada kawasan luar Johor Bahru atau luar kawasan Zon Ekonomi sedia ada seperti di kawasan Panti itu sendiri. Panti mohon agar kerajaan negeri dapat mewujudkan mungkin pasukan khas, mungkin insentif khas dan akhirnya pelan yang memfokus bagi perkara itu. Ini penting bagi memastikan jurang perbezaan antara daerah, bandar dan kawasan pedalaman Johor tidak begitu ketara dan meluas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahniah sekali lagi kepada kerajaan negeri yang terus mengambil cakna atas kebajikan rakyat. Banyak inisiatif untuk golongan termasuk Orang Asli, warga FELDA, orang kampung, anak yatim, orang OKU, orang miskin, ibu tunggal, pesara, warga emas, mahasiswa dan lain-lain serta tidak ketinggalan seluruh warga perkhidmatan awam sama ada kaki tangan awam negeri atau persekutuan juga diberi tumpuan. Insentif khas bagi warga kaki tangan persekutuan yang berkhidmat di Johor merupakan satu sejarah yang amat dialu-alukan sebagai tanda terima kasih kerajaan negeri atas segala khidmat yang dicurahkan. Semua bantuan kasih ini baik dan mendapat reaksi yang positif dari rakyat. Kerajaan negeri berjaya mencapai matlamat bagi berkongsi kejayaan dan kemajuan ekonomi yang baik terus kepada rakyat. Cuma mungkin perlu diperbaiki mekanisme penyaluran bantuan dan data penerima dari masa ke semasa.

Satu lagi kritikan tentang bantuan kasih ini, dia mengatakan ianya merupakan satu langkah jangka pendek dan tiada kesan perkukuhkan ekonomi rakyat. Panti ingin bagi beberapa fakta tentang perkara ini. Di luar negara, Yang Berhormat Datuk Speaker contohnya di Kenya, Brazil, India dan banyak negara di dunia, mereka juga menggunakan pendekatan yang sama. Hasil kajian menunjukkan pendekatan seumpama ini meningkatkan aset isi rumah, meningkatkan perbelanjaan, menyumbang kepada kestabilan makanan dan kesejahteraan psikologi. Selain ianya memberikan impak jangka pendek, ianya juga menunjukkan potensi pelaburan kembali ke komuniti melalui perniagaan kecil dan pertanian dan ini sesungguhnya memberi impak jangka panjang kepada ekonomi sesuatu kawasan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berapa kali sebelum ini dalam perbahasan Dewan, Panti mencadangkan kerjasama dan kolaborasi kerajaan negeri dengan universiti dalam negara sama ada dari segi penyelidikan atau pengembangan ilmu, maka Panti mengalu-alukan penubuhan *Johor Agriculture Research and Development Centre*, usaha bagi merancakkan industri penyelidikan di negeri johor. Satu usaha yang perlu diperbanyakkan. Seperkara lagi, dalam program kerjasama dengan universiti terkemuka dunia untuk pegawai kanan kerajaan yang diumumkan tempoh hari, Panti ingin mencadangkan agar diperluaskan sedikit. Mungkin dibuka untuk kaki tangan awam negeri bukan kanan atau keseluruhan kaki tangan awam negeri tapi dibuat bersama universiti tempatan. Terlalu banyak manfaat yang akan dapat negeri terima jika ini dilaksanakan.

Seterusnya sejak wujudnya Bas Muafakat Johor pada April 2016 dan dengan peruntukan pada tahun hadapan RM31 juta. Ianya banyak memberi manfaat kepada rakyat. Di sini Panti memohon agar diadakan tambahan laluan dari Bandar Tenggara ke Bandar Kota Tinggi di

kawasan Panti. Laluan ini akan melalui banyak kampung tradisional serta kawasan FELDA sudah pasti akan menjadi pemangkin kepada pelbagai ekonomi setempat.

Seterusnya peruntukan RM15.72 juta bagi transformasi insfrastruktur, Sekolah Rintis Bangsa Johor Fasa 2 amat dialu-alukan. Satu langkah yang baik untuk negeri memberi tumpuan dalam perkara pendidikan ini malah perlu diperbanyakkan lagi. Sebelum itu mungkin kerajaan negeri dapat bentangkan hasil fasa 1 yang dilaksanakan sebelum ini. Dan dalam aspek pendidikan ini, Dewan sudah mendengar banyak program serta kaedah bagaimana kerajaan memastikan pengurusan disiplin pelajar khususnya negeri Johor dalam jawapan Yang Berhormat EXCO semalam semasa soal jawab lisan. Cuma apabila kita bercakap tentang isu disiplin, isu buli dan seumpamanya kita boleh kelaskan mungkin dua (2) faktor atau tanggungjawab bersama dua (2) pihak, iaitu tanggungjawab ibu bapa dan tanggungjawab guru-guru. Hari ini, Panti ingin membangkitkan tentang satu perkara atau persoalan dari sudut tanggungjawab guru-guru itu sahaja. Dari segi ibu bapa Panti kira jelas dan tidak banyak untuk diperkatakan kerana sememangnya dari tradisi kita orang Malaysia, orang Melayu, Cina, India serta kaum lain pun, pendidikan sahsiah akhlak anak-anak adalah yang sentiasa dititikberatkan. Cuma kadangkala ada ibu bapa yang leka tentang tanggungjawab mereka.

Panti tidak menyalahkan guru-guru malah pada ketika ini, Panti memahami kekangan yang mereka hadapi. Terlalu banyak peraturan yang kadangkala tidak masuk akal dari sudut pandangan peribadi Panti sendiri yang mana dibesarkan dalam zaman hukuman yang pada itu penting. Contohnya, kini guru-guru mempunyai panduan yang dibahagi kepada dua (2) bahagian, iaitu hukuman terhadap fizikal dan juga hukuman terhadap mental dan emosi. Panduan itu bagus, tapi kalau kita lihat satu contoh ialah guru-guru tidak dibenarkan untuk berleter kepada murid. Berleter, Yang Berhormat Datuk Speaker, definisi berleter itu pun ada pendebatannya sendiri. Banyak perbezaan pandangan dan sebagainya. Cakap berulang pun berleter. Cakap banyak pun berleter, cakap tanpa henti, tanpa noktah pun berleter. Tapi Panti yakin ramai antara kita hari ini adalah ibu bapa dan Panti yakin berleter adalah satu perkara yang semua lakukan di rumah. Kalau tidak berleter, sudah tentu jawapannya hukuman fizikal.

Samalah juga di sekolah, jika guru tidak dibenarkan berleter bagaimana guru hendak melaksanakan proses pembelajaran itu sendiri. Takkan jadi robot, cakap satu-satu dan mengharapkan pelajar akan faham. Banyak lagi Yang Berhormat Datuk Speaker yang menjadi *do n dont's* yang pelik-pelik dengan izin. Tadi hanyalah satu contoh sahaja, maka Panti harap kerajaan khususnya pusat tengoklah semula peraturan yang kadang-kadang tidak sesuai dengan cara kita. Minta juga kerajaan negeri suarakan pandangan ini. Jangan terikut-ikut dengan kajian serta budaya dari barat kononnya ia adalah yang terbaik. Satu perkara lagi ialah tentang pendidikan. Seperti yang pernah Panti bangkitkan dalam perbahasan sebelum ini, Panti ingin sekali lagi mencadangkan agar diwujudkan semula peperiksaan di peringkat akhir sekolah rendah khsususnya UPSR di sekolah rendah dahulu. Sekolah Rintis Bangsa Johor merupakan medan yang paling sesuai untuk tujuan ini. Moga dengan usaha ini, Johor akan jadi peneraju dalam mentransformasikan pendidikan bagi menghasilkan generasi masa hadapan yang lebih bersedia dan mampu menggalas tanggungjawab membangun negeri serta negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, salah satu pendekatan yang dilakukan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah dengan mewujudkan Mesyuarat Tindakan DUN yang mana isu-isu legasi serta isu-isu yang saban tahun wujud diperbincangkan dan diselesaikan. Terima kasih kepada kerajaan atas peruntukan sebanyak RM27.04 juta bagi pelaksanaan projek berskala kecil bagi tujuan menyelesaikan isu yang berbangkit dalam Mesyuarat Tindakan DUN. Bagi Panti banyak isu telah diselesaikan. Hanya ada beberapa isu yang masih dalam proses termasuklah isu tempat pembuangan sampah di Batu Empat. Mohon pihak kerajaan tengoklah sebaiknya zaman kini sudah banyak teknologi yang boleh diguna pakai bukan cara lama dengan mewujudkan *dump site*. Isu tempat pembuangan sampah permasalahan ini, banyak berlaku di seluruh negeri Johor bukan sahaja di Panti.

Diharapkan kerajaan terus menyokong dan membantu kami di Panti bagi mengatasi isu-isu tersebut.

Perkara terakhir dalam perbahasan Panti pada hari ini ialah tentang pencemaran sungai khususnya yang berlaku baru-baru ini. Untuk pengetahuan semua, ini bukan kali pertama ianya berlaku. Sebelum ini pernah Panti bangkitkan tentang pencemaran sungai yang sama akibat pembuangan sisa kilang, pencemaran sungai akibat bahan buangan amonia dan baru-baru ini akibat paras kekerohan air sangat tinggi menjadikan air sungai tercemar serta banyak hidupan mati. Pencemaran di Sungai Sayong pada 31 Oktober akibat bahan kolam pecah dan sisa kolam takungan perlombongan masuk ke dalam sungai dan sungai ini berada di kawasan panti, dua (2) perkara berlaku. Pertama, pencemaran itu sendiri yang menyebabkan hilang sumber makanan masyarakat sekitar dan hilang pendapatan nelayan darat disebakan matinya hidupan sungai. Keduanya, terjejasnya bekalan air yang menjejaskan ratusan ribu pengguna selama beberapa hari. Walau bagaimanapun, Panti ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri yang dilihat berjaya menangani isu ini sebaiknya dari kedua-dua aspek itu pencemaran dan isu bekalan air.

Pelbagai tindakan telah dilakukan serta merta merangkumi tindakan mengawal pencemaran dan mengembalikan operasi loji rawatan air dengan segera, ditambah dengan rebat bagi pengguna air yang terjejas serta bantuan tunai kepada nelayan darat dan masyarakat khususnya Orang Asli yang terlibat. Dalam pembentangan belanjawan tempoh hari juga ada diumumkan tentang peruntukan RM600,000.00 untuk sistem pemantauan kualiti air. Satu tindakan yang amat dialu-alukan. Panti harap ada lagi bantuan kepada mereka yang terkesan kerana sungai yang tercemar memerlukan waktu dan masa yang panjang untuk pulih.

Juga ada dalam pembentangan adalah tentang peruntukan sebanyak RM7 juta bagi transformasi sungai di Johor. Memberi tumpuan mengatasi isu pencemaran Sungai Skudai dan Sungai Tebrau. Panti harap agar dapat dimasukan juga Sungai Johor yang begitu penting yang mempunyai banyak loji rawatan air yang membekalkan bekalan air kepada sejumlah besar pengguna khususnya di selatan Johor iaitu LRA Linggiu, LRA Semanggar, LRA Sungai Johor dan LRA Tai Hong dengan penambahan peruntukan. Cuma Panti berpandangan sudah tiba masanya untuk kerajaan negeri memikirkan tentang pelan jangka panjang bagi memastikan isu ini tidak berlaku lagi khususnya dalam skala besar seperti ini.

Pertama, satu langkah penggubalan undang-undang atau kaedah peraturan yang lebih berat di peringkat negeri dapat dilakukan agar pihak yang melakukan pencemaran dapat dipertanggungjawabkan dengan lebih setimpal. Denda yang lebih dan sangat berat sebagai contoh yang berlaku di Amerika Syarikat, apabila Chevron pada April 2025 didenda lebih RM3 bilion untuk pencemaran paya akibat pembuangan sisa pelombongan mereka di Lousiana.

Kedua, mengenakan bon yang tinggi bagi apa saja projek yang mempunyai risiko yang akan memberi kesan kepada masyarakat seperti risiko pencemaran ini. Bon yang tinggi membolehkan kerajaan melaksanakan pemuliharaan dengan segera dan cepat jika sesuatu berlaku.

Ketiga ialah dengan mensyaratkan untuk sesuatu perlombongan perlu komitmen bagi pengusaha melaksanakan pemuliharaan setelah selesai aktiviti sesuatu kawasan perlombongan. Ini sama seperti yang dilaksanakan bagi tempat pembuangan sampah yang sudah ditutup di mana ianya dipulihkan dengan melalui proses-proses yang ditetapkan dan akhirnya menjadi taman rekreasi sementara sebelum kawasan itu betul-betul sedia bagi pembangunan seterusnya.

Dan yang keempat ialah sistem bekalan air itu sendiri. Perlu ada sistem yang lebih baik dari segi teknologi, pengurusan, kecekapan dan ketahanan jangka panjang. Semua ini perlu dilihat secara keseluruhan. Contoh yang paling baik ialah sistem bekalan air di Singapura. Kita mungkin pernah tertanya-tanya kenapa tiada laporan gangguan bekalan air di Singapura

walaupun loji rawatan air mereka, contohnya yang berlaku baru-baru ini di mana loji rawatan air PUB terpaksa ditutup akibat pencemaran. Panti bukanlah hendak mengajar kerana Panti juga bukanlah pakar dalam soal ini. Cuma ingin membangkitkan beberapa persoalan yang mungkin boleh dijawab oleh pihak bertanggungjawab dan akhirnya mewujudkan satu perancangan jangka pendek dan jangka panjang agar isu ini tidak berulang.

Akhir sekali, Panti mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas semua inisiatif dalam Belanjawan 2026. Secara keseluruhan Belanjawan Johor 2026 menunjukkan satu langkah maju yang sangat positif dari segi kewangan negeri, aspirasi pembangunan dan orientasi kepada kesejahteraan rakyat. Beberapa perkara berikut sangat mengukuhkan kedudukan Johor sebagai negeri kuat dari segi ekonomi. Johor mempunyai asas kewangan yang kukuh dan pendapatan negeri yang tinggi, kekal dengan belanjawan lebihan walaupun kecil dan ini mencerminkan pengurusan berdisiplin pentadbiran negeri.

Belanjawan ini juga memberi fokus tentang pembangunan strategik, pendidikan teknikal, infrastruktur pertanian dan lain-lain yang membawa kepada potensi jangka panjang yang juga tinggi. Komitmen sosial negeri juga jelas melalui insentif dan peruntukan pada banjir, isu pencemaran menunjukkan kerajaan negeri memberi perhatian bukan hanya kepada GDP tetapi juga kesejahteraan rakyat. Namun, seperti mana-mana belanjawan besar, risiko itu wujud. Sama ada dari segi pelaksanaan, ketelusan, risiko kos dan keberkesanan jangka panjang. Jika penilaian berterusan pemantauan pelaksanaan inisiatif serta pengukuran impak dapat dilaksanakan, Johor boleh memastikan belanjawan ini bukan sekadar angka tetapi alat transformasi sebenar untuk Bangsa Johor Sejahtera.

Kesimpulannya, Belanjawan 2026 yang dikemukakan kepada Dewan ini, oleh Yang Amat Berhormat Menteri pada Khamis lalu perlulah disokong sepenuhnya. Panti menaruh 100% keyakinan kepada kerajaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi serta dibantu oleh barisan EXCO dan kepimpinan kakitangan awam yang diterajui oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan mampu menterjemah segala inisiatif ini dengan baik dan cemerlang. Yang akhirnya membawa kebaikan negeri Johor dan negara Malaysia amnya. Semoga segala usaha ini diberkati oleh Allah SWT. Semoga dengan niat ikhlas kerajaan Barisan Nasional pada hari ini membantu rakyat, Allah SWT memakbulkan doa kita agar negeri Johor sentiasa aman, makmur dan terus kekal megah kini dan selamanya. Insya-Allah. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Panti mohon menyokong. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Tahniah Panti. Saya jemput Yang Berhormat Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terlebih dahulu, izinkan saya merakam ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pembentangan Belanjawan Johor 2026 yang penuh dengan aspirasi pembangunan mampan, kesejahteraan rakyat serta hala tuju ekonomi yang berpandangan jauh, memacu Johor ke arah negeri berpendapatan tinggi, berdaya saing dan inklusif. Dan tahniah juga Johor sekali lagi mencatat kejayaan apabila muncul sebagai negeri tertinggi pelaburannya di Malaysia bagi tempoh Januari hingga September tahun ini dengan nilai pelaburan diluluskan mencecah RM91.1 juta, bilion *sorry*. Ini sebab ia sampai September sahaja. Maksudnya, tahun ini kita punya pelaburan mungkin melebihi pelaburan tahun 2024, 2023 *combine.* Tahniah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam konteks global, kita kini berdepan dengan landskap ekonomi dunia yang semakin mencabar dari perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China hingga ke perjanjian perdagangan baharu, Reciprocal Trade Agreement (RTA) dengan US. Saya rasa semua terasa, dari London ke Beijing, ke Singapore, ke Bukit Kepong, semua terasa *impact* dia. Jelaslah bahawa saingan kini bersifat antarabangsa dan berasaskan kepada kekuatan teknologi sesebuah negara untuk kekal *relevan* maka Johor perlu menggubalkan satu strategi *high level technology development* iaitu pembangunan yang

berkualiti tinggi dengan fokus kepada pertama, menarik pelaburan berteknologi tinggi, *high level technology investment*. Memberi insentif dana *research* kepada inovasi teknologi tempatan. Dan sekarang kita boleh tengok berapakah peratus dalam bajet adalah untuk R&D.

Ketiga, membangunkan tenaga kerja bersifat global dan berdaya tahan. Sebagai contoh dalam sektor data centre, pusat data kita perlu berteknologi tinggi dan dengan cip GPU yang paling canggih dan jurutera bertaraf dunia. Ini juga peluang untuk kita menarik *talent* berteknologi tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pemerkasaan ilmu secara berterusan amat penting dalam menghadapi perubahan dunia yang pantas. Pembelajaran sepanjang hayat perlu juga dipupuk dalam masyarakat dan penjawat awam agar mereka kekal *relevan*, berdaya saing dan mampu menawarkan penyelesaian yang inovatif. Apabila modal insan sentiasa menambah pengetahuan dan kemahiran, Johor akan lebih bersedia melaksanakan dasar pembangunan berkualiti tinggi serta terus maju dalam persaingan global.

Mengkibol turut menyokong penuh inisiatif menghantar Pegawai Perkhidmatan awam Johor (JCS) mengikuti kursus antarabangsa, sama ada secara fizikal mahupun dalam talian secara *online* demi mempelajari, memahami, menerapkan amalan terbaik antarabangsa *best practice* ke dalam sistem pentadbiran negeri. Sehubungan itu, Mengkibol mencadangkan agar usaha ini dimulakan melalui penyertaan Pegawai JCS dalam program eksekutif dalam talian, secara *online* yang ditawarkan oleh universiti-universiti terkemuka di dunia seperti Harvard Kennedy School, Massachusetts Institute of Technology (MIT), London School of Economics (LSE), University of Oxford dan National University of Singapore (NUS). Dan kita pun boleh jemput mereka untuk menubuhkan pusat latihan di negeri Johor. Sebab mereka mempunyai kursus yang luas, berkualiti tinggi serta lebih menjimatkan kos dari segi kos dan juga masa.

Selain itu, Mengkibol terus mengesyorkan agar Johor menggalakkan penganjuran forum dan bekerjasama antarabangsa melibatkan sektor korporat, akademik dan agensi kerajaan bagi meneroka potensi masa depan negeri. Memperkukuhkan keupayaan strategik dan memastikan Johor terus berada dalam arus pembangunan global. Dalam sektor korporat, budaya kerja yang menekankan *support for change* sering menjadi salah satu KPI yang paling penting dalam penilaian prestasi kerja. Justeru, saya menyeru agar *mindset* Pegawai Kerajaan, PBT dan agensi negeri turut berubah daripada hanya mengenal pasti masalah kepada mencari penyelesaian secara kreatif dan proaktif.

Sepertimana yang sering ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, *we must be prepared for growth*, maka untuk bersedia menghadapi pertumbuhan, kita perlu mempunyai strategi pertumbuhan berkualiti tinggi dan berteknologi tinggi, *high qualti and high technology growth strategy* dan JCS yang berfikiran maju serta minda yang bersedia untuk perubahan. Ada satu pepatah barat yang saya sangat suka iaitu *what got you here, won't get you there* yang salah satu buku, yang berminat boleh cari buku ini. Maksudnya apa yang kita tercapai sekarang tidak akan menjamin kita akan terus berjaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri melalui Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI) dan Johor Talent Development Council (JTDC) melancarkan program untuk melahirkan 600 akauntan profesional, ACCA dan ICAW dan ini dirangka sebagai inisiatif pembangunan bakat Bumiputera Johor.

Mengkibol menyaran kerajaan negeri untuk menilai semula pendekatan ini dan mempertimbangkan model yang lebih inklusif yang melibatkan semua bangsa (*colour blind*). Bagi memenuhi keperluan tenaga profesional perakaunan dan berkemahiran tinggi di Johor dalam konteks pembangunan Johor keperluan pasaran global.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan rakyat Johor, Mengkibol juga ingin mencadangkan agar kerajaan negeri mengguna kaedah ataupun

model *outsourcing* bagi ujian perubatan yang kritikal. Contohnya, kursusnya melibatkan penyakit jantung, kanser, mamogram dan sebagainya yang berkecemasan yang berisiko tinggi. Hal ini kerana kelewatan mendapatkan janji temu atau keputusan ujian seperti *CT-scan*, MRI, mamogram dan lain-lain boleh menjejaskan peluang rawatan awal serta meningkatkan risiko kematian. Sebagai contoh dua tahun yang lalu, Mengkibol pernah pergi ke salah satu hospital besar di Johor Bahru, tapi saya dimaklumkan *CT-scan* saya perlu tunggu 6 bulan. Tapi, kalau saya pergi Gleneagles, esok saya boleh buat *CT-scan*.

Dengan membenarkan hospital kerajaan merujuk kes tertentu kepada hospital swasta dan melalui peruntukan yang terhad, kaedah kos yang terkawal, tak perlu *admit* cuma sebagai *out patient*. Kerajaan dapat mengurangkan masa menunggu pesakit mempercepatkan diagnosis dan memastikan rakyat Johor tanpa mengira latar belakang, rawatan yang cepat, tepat, selamat. Cadangan ini juga selari dengan prinsip pembangunan negeri yang menekankan kecekapan perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, transformasi politik. PRN Sabah 2025 sebagai panduan kepada politik di Johor, model kerjasama politik baharu semakin jelas menjadi satu kemungkinan yang sukar dielakkan. Perkembangan ini menandakan potensi transformasi politik seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim merangkap pengerusi Pakatan Harapan turut menggambarkan pertembungan PH-GRS dan pertemuan PH-BN sebagai satu bentuk *friendly fight,* yang mesra dan biasa. Mengambil kira realiti Sabah yang unik dari segi pembahagian kerusi serta kekuatan akar umbi yang berbeza. Walaupun PH bekerja sama dengan GRS dan BN, ketiadaan kesepakatan antara BN dan GRS menyebabkan pertandingan tetap berlaku malah di beberapa kerusi GRS, BN dan PH bertembung antara satu sama lain. Model yang baharu sebegini mengingatkan setiap hati untuk menumpukan kepada keperluan dan kesejahteraan pengundi dan bukan, bukannya sekadar retorik politik.

Isu tempatan Mengkibol. Yang Berhormat Datuk Speaker, Mengkibol ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan atas kelulusan beberapa projek penting di bawah Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2026, antaranya peruntukan sebanyak RM325 juta untuk membina Jalan Parit Panjang yang menghubungi Pekan Air Baloi terus ke persimpangan tol Sedenak. Dan peruntukan kerajaan persekutuan sebanyak RM60 juta bagi pembinaan Jalan Kluang-Renggam ke Jalan Kota Tinggi-Kluang *bypass.* Dan juga pagi ini diumumkan oleh EXCO, RTB Johor sebanyak RM1.69 bilion antaranya, RM435 juta dikawasan Mengkibol untuk Sungai Mengkibol. Ini menunjukkan begitu pentingnya kerjasama antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Oleh yang demikian, Mengkibol amat berharap agar kerajaan negeri dapat memberikan peruntukan bagi projek jalan sambung VBC Jalan Mengkibol kerana ia merupakan projek yang paling penting dan paling berimpak tinggi, dengan kos yang rendah hanyak kira-kira RM5 juta.

Dan mesyuarat penyelarasan pada, ini jajaran jalan sambung ini yang sudah beberapa kali Mengkibol tunjuk gambar ini dalam perbahasan. Dalam mesyuarat 7 Ogos, satu mesyuarat penyelarasan dipanggil oleh Pejabat Daerah Kluang bersama jabatan-jabatan teknikal dan agensi yang berkaitan secara dasarnya ia telah mendapat persetujuan ahli mesyuarat dan menunjukkan sokongan terhadap projek ini. Projek yang amat penting ini tidak wajar diketepikan hanya keraguan satu, dua orang ahli politik. Malah saya sangat bersetuju dengan kenyataan EXCO Kerja Raya bahawa segala isu teknikal sebenarnya isu yang boleh di atasi.

Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang juga telah bersetuju ketika perjumpaan dengan ADUN-ADUN PH untuk membawa projek ini kepada Dato' Setiausaha Negeri bagi penyelesaian yang terkini, sebab contoh di tahun 22, 22 petisyen penduduk, dalam dua bulan, lebih 2,000 tandatangan dikutip. Tahun 2019, surat sokongan daripada mantan Pegawai Daerah, Pelan Jajaran Majlis Perbandaran Kluang 2023, tiada halangan, banyak lagi, jawapan EXCO Kerja Raya, EXCO Kerajaan Tempatan, JKR, tiada halangan, tahun 2023.

Maka, selain daripada itu, Mengkibol turut bercadang agar projek pelebaran Jalan Delima 1 dari bulatan Taman Delima hingga ke persimpangan lampu isyarat Taman Muhibbah yang juga bersambung dengan Jalan Kluang-Renggam dari satu lorong ke dua lorong. Ini sangat penting kerana ini sebahagian daripada Kluang *bypass* ataupun lingkaran tengah. Ini adalah sangat penting berimpak positif kepada komuniti perumahan, sekolah dan juga kawasan perniagaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Mengkibol juga sekali lagi ingin membawa ke Dewan yang mulia ini mengenai Gunung Lambak yang merupakan hutan rekreasi di Kluang yang menarik ramai pengunjung dalam dan luar negeri. Banyak fasiliti di Gunung Lambak ini perlu diperbaiki, dibaik pulih dan dibina baharu, jambatan gantung yang uzur, gazebo yang hampir roboh, peralatan yang rosak menjadi sesuatu yang mungkin membahayakan pengunjung. Mengkibol ada guna sedikit peruntukan ADUN untuk memperbaiki fasiliti seperti tandas dan juga besi pemegang di tangga. Namun, dengan peruntukan terhad tak mampu menampung kos baik pulih fasiliti lain. Diharap dengan Tahun Melawat Johor 2026, Gunung Lambak dapat diberi peruntukan yang mencukupi sekali gus menjadi pemangkin pelancongan di Kluang.

Selain daripada itu, Kampung Gunung Lambak sebuah kampung sejak 60-an, rumah setinggan, rumah papan semasa saya kecil saya dibesarkan di rumah papan di Kampung Gunung Lambak, dengan pelita, batu busur perlu pergi perigi ambil air. Isu tanah dan isu penyusunan semula masih belum selesai setelah sekian lama, penyusunan semula ini amat diperlukan dan PLANMalaysia telah mencadangkan penubuhan Pelan Tindakan Khas, PTK bagi menyelesaikan isu ini. Beberapa perbincangan telah dilakukan diperingkat daerah, namun begitu, tiada perkembangan positif. Mengkibol sekali lagi harap agar isu ini dapat perhatian kerajaan negeri memandangkan penduduk-penduduk sudah begitu uzur, rumah papan sudah begitu semakin uzur.

Pembaharuan bandar dan ekonomi kreatif. Mengkibol juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengangkutan, Menteri Anthony Loke yang telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan Projek Taman Linear Keratapi di bawah landasan yang merentasi bandar Kluang. Kini dikenali sebagai Laman Rail Mahkota sebagaiman dinamakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Sultan Ibrahim yang sanggup, jutaan terima kasih kerana sanggup mencemar Duli untuk merasmikan Pembukaan Laman Rail Mahkota ini pada 23 Ogos yang lalu. Laman Rail Mahkota merupakan sebuah projek CSR, Corporate Sosial Responsibility, SIPP, YTL dengan sokongan Perbadanan Aset Keretapi, RAC tanpa menggunakan sebarang wang pembayar cukai. Kaedah ini boleh dijadikan contoh dalam pembinaan tempat-tempat lain.

Projek ini bukan sahaja menjadi ruang rekreasi hijau untuk penduduk malah telah menjadi pemangkin kepada ekonomi tempatan dan sosial masyarakat. Kehadiran pelancong dari dalam dan luar Kluang ataupun dari luar negara saban minggu membuktikan bahawa projek ini telah berjaya menghidupkan semula nadi bandar dan mewujudkan peluang ekonomi yang baharu untuk para peniaga kecil dan usawahan muda yang kreatif ekonomi. Namun begitu, selaunya penganjuran program lazimnya beri pelbagai prosedur melibatkan pelbagai jabatan PBT, sebagai contoh penganjuran program perlu membayar jenis fi, pertama, fi seperti permit perniagaan sementara, fi untuk permit kanopi dan permit penutupan jalan. Untuk memastikan tempat-tempat ini sentiasa subur dengan aktiviti pelancongan dan ekonomi keratif, Mengkibol bercadang kerajaan negeri dapat mempertimbangkan pembatalan permit kanopi yang bertindan dengan permit perniagaan di seluruh negeri Johor.

Contoh, kalau satu bazar dua hari, peniaga kecil kena bayar fi kanopi RM150.00, ini sudah cukup untuk mereka beli satu kanopi yang baharu. Ini rasa kesian, ada peniaga kecil tak sanggup nak guna kanopi, terpaksa guna payung, guna payung tapi Malaysia cuaca yang panas, selalu berhujan dan juga terima kasih kepada MPK kerana memberi sedikit diskaun untuk program yang akan datang di Laman Rail Mahkota ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bersempena dengan perkembangan positif Projek Laman Rail Mahkota, saya dengan sukacitanya menjemput semua Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk hadir ke Majlis Perasmian Pesta Rail Kluang 2025 yang akan berlangsung pada pukul 11 am, 22 hari bulan, hari Sabtu ini, di Laman Rail Mahkota, Kluang. Antara pengisian utama program ialah forum antarabangsa dan pameran bertemakan *railway park and community development* yang akan menampilkan wakil dari pelbagai negara dan *region* yang mempunyai laman keretapi seperti Jepun, Korea, Taiwan, China, Singapore. Forum dan *international case study* dan pameran termasuk New York, London, Tokyo, Toronto, Indonesia, Bangkok, India, Vietnam, bertujuan untuk bertukar pandangan dan mendapatkan matlamat serta amalan terbaik bagi menjayakan taman bertema keretapi kita ini di Johor. Khususnya dalam aspek pembaharuan bandar, pemangkin ekonomi, pelancongan lestari, warisan dan pembangunan bandar hijau. Saya berharap rakan-rakan ADUN dapat meluangkan masa untuk hadir bagi bersama-sama menyokong inisiatif ini yang bukan sahaja menangkatkan imej Kluang sebagai bandar rail tetapi juga memperkukuh jenama Johor sebagai negeri yang berinovasi dan berpaksikan komuniti.

Akhir sekali, sebagai penutup saya ingin menyeru agar semua inisiatif yang dirancang melalui Belanjawan 2026 dilaksana dengan ketelusan, keberkesanan dan semangat kerjasama merentas jambatan setiap agensi. Marilah kita memastikan setiap ringgit diperuntukkan benar-benar diterjemahkan kepada manfaat rakyat dari bandar hingga ke kampung, dari pelajar hingga ke peniaga kecil. Dengan itu saya sekali lagi merakamkan ucapah tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan seluruh barisan EXCO atas usaha gigih dalam merangka Belanjawan 2026 yang komprehensif. Semoga Johor terus maju sebagai sebuah negeri yang berdaya tahan, inklusif dan berfikiran global, berteknologi tinggi menuju masa depan yang makmur untuk semua. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk.)

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol, tahniah. Saya jemput Yang Berhormat Mahkota.

YB Tuan Syed Hussein bin Syed Abdullah (Mahkota) : Terima kasih Datuk Speaker, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas dan membawa suara rakyat DUN Mahkota sebelum itu izinkan saya mulakan dengan serangkap pantun. Mahkota dibawah panji negeri, menelan suara menyemai budi, Bersatu hati kemajuan dicari, Maju Johor menjadi nadi.

Sebelum meneruskan perbahasan, izinkan Mahkota terlebih dahulu merafak sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya mengucapkan tahniah dan ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Bagida Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim sempena ulang tahun hari keputeraan baginda yang bakal disambut pada 22 November akan datang. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT semoga kebawah Duli Yang Maha Muli Seri Paduka Baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat sentiasa dikurniakan keberkatan usia, dikekalkan dalam afiat, sejahtera agar terus dinaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor. Patik juga menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih Kebawah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang telah menjaga negeri Johor serta rakyatnya dengan adil dan Makmur.

Hari ini saya berdiri bukan sekadar sebagai seorang Wakil Rakyat Mahkota, tetapi sebagai anak Johor yang percaya bahawa masa depan negeri ini sedang dilakar dengan penuh tekad dan kebijaksanaan. Melalui Belanjawan Johor 2026 bertemakan Bangsa Johor Sejahtera. Belanjawan ini bukan sekadar dokumen berkenaan dengan angka dan draf, tetapi naskah aspirasi dan komitmen. Ianya melambangkan iltizam kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi untuk membina Johor yang lebih inklusif, moden dan berpaksikan rakyat. Seluruh rakyat Johor menantikan intisari

Belanjawan 2026 dan ternyata penantian ini berbaloi kerana ianya adalah versi yang telah diimprovisasikan khususnya untuk semua lapisan masyarakat Bangsa Johor. Segala aspek dan golongan sasar telah dirangkumkan secara menyeluruh bagi menjadikan belanjawan kali ini capai hasratnya. Belanjawan ini juga mampu menjadi pemangkin kepada visi dan misi Maju Johor menjelang 2030. Kita melihat usaha mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan sosial di mana pembangunan fizikal disertai nilai kemanusiaan dan tanggungjawab sosial. Inilah acuan Bangsa Johor sejahtera yang seimbang antara kemodenan dan kemanusiaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, anak muda hari ini bukan sekadar penerima dasar. Mereka merupakan pemikir, pelaksana dan penggerak masa depan negeri yang berdaulat ini. Saya menyambut baik tumpuan kerajaan terhadap TVET, digitalisasi dan keusahawanan muda. Namun, cabaran ini memastikan dasar itu sampai ke akar umbi. Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan agar diwujudkan geran Idea Muda Johor. Satu dana khas bagi menyokong projek kecil inovasi oleh komuniti belia di seluruh daerah. Biarlah anak muda merasai bahawa negeri ini percaya pada mereka bukan hanya untuk bekerja tetapi juga untuk mencipta sesuatu yang baru. Mahkota juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana menyalurkan sebanyak RM500,000.00 kepada Dewan Muda Johor. Dengan harapan kerajaan negeri mampu meneliti usul-usul yang diangkat dan dibincangkan oleh anak muda supaya dijadikan sebagai sebahagian daripada dasar negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai wakil kepada rakyat Mahkota, Mahkota ingin menarik perhatian dalam sidang Dewan kepada potensi besar yang kita miliki. Pertamanya, saya mencadangkan agar *Kluang Extreme Park* dinaik taraf menjadi Hab Orang Muda Johor, pusat yang membangunkan aktiviti ekstrem, *e-sport*, seni jalanan dan usahawan sosial. Hab ini boleh dijenamakan semula sebagai *Kluang Youth Arena*, dengan izin. Iaitu, pusat kegiatan dan ekspresi anak muda Johor yang berani dan kreatif melalui pelan pengurusan bersepadu dan sokongan kerajaan negeri, Mahkota boleh gerakkan belia moden menjadi contoh dan aspirasi kepada daerah lain. Untuk makluman Datuk Speaker, saya merupakan salah seorang peminat sukat permotoran dua roda dan saya melihat baik dari dalam dan luar negara, sukan permotoran ini mampu memberi impak yang baik, baik dari segi pembangunan sukan, baik dari segi pembangunan usahawan setempat dan juga dapat mengurangkan gejala-gejala sosial.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pengumuman inisiatif ke 54 dan 55 yang menyalurkan dana khas bakat permotoran kolaborasi bersama *JDT Racing* yang bernilai RM1 juta dan pembangunan bakat sukan *motor cross* yang bernilai RM300,000.00. Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri agar dibina sebuah litar permotoran dengan izin, *sprint track*, di dalam negeri Johor. Bagi membangunkan sukan permotoran serta membuka peluang perniagaan dan kemahiran untuk Bangsa Johor. Saya percaya bahawa dengan adanya litar permotoran ini, ianya dapat memenuhi hasrat khususnya kepada anak muda yang meminati sukan permotoran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah memiliki rumah pertama antara isu yang paling diresahi oleh orang muda. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan negeri menubuhkan Tabung Perumahan Anak Johor. Ianya adalah satu dana yang berbentuk jaminan sokongan atau subsidi pendahuluan untuk anak muda yang berdepan dengan kesukaran mendapatkan pembiayaan bank. Selain dari itu, ianya dapat membantu mereka di kalangan golongan B40 tetapi tidak cukup untuk mendahulukan duit dengan izin *deposit,* dalam konteks perumahan konvensional. Saya juga ingin memohon kepada Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor (PKPJ) dapat menambahbaik serta memperluaskan lagi syarat-syarat bagi golongan muda yang masih belum berkahwin agar tidak terhad kepada hanya untuk memiliki rumah mampu milik Johor tetapi layak untuk digunakan dipakej-pakej yang lain.

Dalam kesempatan ini, izinkan saya meluahkan kerisauan yang dialami oleh penduduk di kawasan DUN Mahkota. Iaitu, Kampung Melayu, Kluang Johor. Berkenaan sebahagian besar menghampiri tempoh tamat pajakan tanah yang didiami oleh mereka. Sehubungan itu, besarlah harapan mereka yang dipikul oleh saya agar mereka diberi sambungan pajakan mengikut tempoh asal dengan harga premium yang berpatutuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong usaha kerajaan negeri dalam memperkukuhkan sektor pertanian moden. Pelancongan dan industri hijau. Sektor ini mempunyai pelbagai potensi yang dikembangkan melalui kestabilan pasaran. Untuk makluman Datuk Speaker, hasil tanaman yang telah *diproduce* ataupun yang telah *diharvest* keluar bernilai RM3 bilion. Untuk daerah Kluang, bidang pertanian moden, agro pelancongan dan pemprosesan makanan dilihat mempunyai potensi besar untuk dikembangkan. Kerajaan negeri boleh menubuhkan satu program Inkubator Agro Muda bagi membantu graduan muda memulakan program perusahaan tani berteknologi tinggi. Pada masa yang sama, saya masih konsisten dan istiqomah dari ucapan pertama saya dalam Dewan yang mulia ini iaitu saya mencadangkan kepada kerajaan negeri agar dibina satu pelabuhan darat yang berpaksikan *futuristic* di daerah Kluang. Memandangkan demografinya yang sangat sesuai yang berada ditengah-tengah negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyambut baik langkah memperkukuhkan TVET Johor Skill Hub, serta bantuan pelajaran, pelajar IPT yang diperluaskan. Namun, saya ingin menegaskan bahawa pembangunan insan ini tidak boleh diukur hanya dengan sijil akademik. Ianya perlu dititikberatkan juga pembangunan modal insan untuk membentuk keperibadian sahsiah yang tinggi. Saya mencadangkan agar satu *out campus* IPTA dapat diwujudkan di kawasan Kluang. Memandangkan permintaan kepada penubuhan institusi pengajian tinggi sangat diperlukan di daerah Kluang. Hal ini berikutan untuk memberi langkah penyelesaian kepada hala tuju pelajar SPM yang semakin meningkat kadar bilangannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan persekutuan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim melalui Rancangan Malaysia Yang Ke-13 dimana meluluskan dua projek iaitu yang pertamanya di Jalan Kluang, Renggam, Layang-Layang (J25) di Taman Muhibbah ke Jalan Kota Tinggi-Kluang. Ianya dapat mengurangkan kesesakan, memendekkan masa jalan dan keselesaan kepada penduduk Kluang. Peruntukan kedua diluluskan merupakan Rancangan Tebatan Banjir berkeutamaan tinggi di kawasan Sungai Mengkibol.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun dua-dua perkataan ini yang melibatkan dengan Mengkibol, tetapi penggunaan dan kesan ini memberi impak kepada penduduk Mahkota juga. Kemajuan ini tidak bermakna jika alam sekitar kita rosak dan eko-sistem kehidupan rakyat terganggu. Justeru, saya menyokong penuh dasar dengan izin, *Johor Green* yang diperkenalkan serta inisiatif penyelenggaraan pemulihan restorasi kawasan hutan di dalam negeri Johor. Di samping itu, saya berharap agar kerajaan dapat menitik beratkan ataupun memberi pengkhususan yang melibatkan pengurusan banjir dan juga saliran di kawasan bandar. Rakyat tidak mahu hanya melihat pelbagai projek mega. Mereka hanyalah mahu menyelesaikan kepada masalah kecil yang boleh menjejaskan kehidupan seharian mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya bertanya dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan status kerja-kerja menaik taraf longkang sedia ada di kawasan kerap banjir dan kerja-kerja berkaitan di FT050 Jalan Batu Pahat-Mersing, Seksyen 60 hingga 61 Kluang. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, laluan FT050 ini merupakan laluan penghubung laluan DUN Mahkota dan DUN Kahang yang menjadi pemangkin kepada pulangan ekonomi luar dan juga tempatan. Kerja-kerja ini dicadangkan bertujuan untuk menampung pengaliran air yang turun daripada taman perindustrian gemilang ke Sungai Sembrong. Kerja-kerja ini juga dapat mengurangkan risiko daripada jalan yang sedia ada di tenggelami air lebih-lebih lagi dalam musim monsun yang sedang kita lalui dan bakal dilalui.

Sebagai penutup Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan Johor 2026 ini bukan sekadar laporan kewangan. Ianya adalah satu manifesto masa depan negeri Johor. Anak muda diberi tempat, rakyat perlu diberi peluang dan negeri Johor ini perlu terus diberi harapan. Saya berdiri menyokong penuh Belanjawan Negeri Johor 2026 dengan keyakinan bahawa setiap sen yang dibelanjakan adalah pelaburan untuk masa depan rakyat, untuk anak muda dan Johor yang kita cintai.

Dalam kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan terutamanya Pejabat Daerah Kluang, Majlis Perbandaran serta agensi-agensi daerah yang sama-sama bekerjasama yang akhirnya Kluang diiktiraf sebagai Bandar Bahagia 2025. Maka dengan kata ini saya mengakhiri perbahasan saya dengan ungkapan daripada Saidina Ali RA; "*Sebaik-baik manusia adalah yang paling banyak memberi manfaat kepada orang lain*." Maka biarlah perjuangan kita di Mahkota dan Johor ini memberi manfaat kepada semua. Saya mendoakan agar kita semua di dalam Dewan yang mulia ini serta seluruh bangsa Johor dirahmati Allah SWT. Maka dengan kata-kata itu, Mahkota menyokong Belanjawan 2026. Sekian, wabillahi taufik walhidayah assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Tahniah Yang Berhormat Mahkota. Saya jemput Yang Berhormat Kemelah.

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby (Kemelah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, salam Maju Johor, salam Segamat Selamat dan salam kasih Kemelah, salam Bangsa Johor Sejahtera. Sebelum Kemelah memecah hening sunyi Dewan yang mulia ini, izinkan terlebih dahulu Kemelah Merafak Sembah Menjunjung Setinggi-Tinggi Ucapan Tahniah serta ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Sempena Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Tuhan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anaknda dan kerabat diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan juga Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada Kemelah untuk mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan di Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Ke-4 Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Yang Berhormat Datuk Speaker, awal lidah ini berbicara tidak ada frasa yang lebih baik untuk saya alunkan di Dewan yang mulia ini, selain ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor selaku pemimpin tertinggi dalam tadbir negeri yang telah berusaha bersungguh-sungguh dan berjaya menjana banyak pelaburan sehingga kini dan jumlahnya juga semakin meningkat saban tahun. Tahniah Kemelah ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Kemelah juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Johor yang baharu, Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah Bin Abdul Rahman, rakan-rakan EXCO yang sentiasa bantu kami, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta seluruh jentera pentadbiran negeri Johor, ketua penghulu dan ketua-ketua kampung DUN Kemelah, terima kasih kepada pegawai DO, YDP, Pegawai Pentadbir Tanah dan Persekutuan yang telah menunjukkan iltizam dan komitmen tinggi dalam meneruskan agenda pembangunan negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, syukur prestasi ekonomi Johor Darul Takzim terus berada pada landasan yang sangat membanggakan sepanjang tempoh tiga (3) tahun enam (6) bulan ini, Johor telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM218 billion yang menjadi pemangkin kepada lebih 60,000 peluang pekerjaan sambil mengekalkan kadar pengangguran pada tahap rendah iaitu 2.3%. Pertumbuhan KDNK negeri pada kadar 6.4% pula terus menjadikan Johor sebagai negeri dengan pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi di Malaysia. Selain itu, sektor

pertanian juga turut menunjukkan prestasi luar biasa dengan nilai hasil jualan mencecah RM27.2 billion tertinggi dalam negara. Manakala hasil negeri pula diunjurkan mencecah RM2.5 billion jauh melangkaui sasaran yang dibentangkan dalam belanjawan 2025 yang lalu. Tahniah dan syabas Kemelah ucapkan atas kejayaan yang cukup membanggakan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan tema Bangsa Johor Sejahtera, Belanjawan 2026 yang diterapkan melalui enam Teras Maju Johor yang merangkumi 260 inisiatif yang akan memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat dan tiada lagi istilah keciciran sebagai Bangsa Johor ini.

Dalam keenam teras ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada inisiatif ke-13 di bawah Teras Pengurusan Sumber Air iaitu meningkatkan sistem agihan di Rengit, Batu Pahat dan penggantian paip di FELDA Redong, Segamat dengan peruntukan RM44.5 juta. Sebelum Kemelah terus bergerak kepada isu-isu lain Kemelah ingin mengambil sedikit perhatian kepada isu air di FELDA Redong ini. Setiap kali, persidangan Dewan berlangsung, isu ini telah menjadi antara keutamaan yang Kemelah bangkitkan. Sebagai ADUN Kemelah, Kemelah ingin merakamkan jutaan penghargaan, terima kasih atas peruntukan ini kerana ianya sangat signifikan bagi daerah Segamat yang selama ini menghadapi isu tekanan air rendah. Gangguan bekalan air dan infrastruktur paip yang sudah uzur sejak bertahun tahun yang lalu. Namun dalam masa yang sama, Kemelah berharap agar pelaksanaan ini tidak hanya bertumpu pada FELDA Redong semata-mata tetapi diperluaskan secara berperingkat kepada kawasan FELDA dan kampung yang lain termasuk FELDA Kemelah, Kampung Lubuk Selumar, Kampung Pogoh, Kampung Tekam dan kampung-kampung sekitar mukim Pogoh.

Selari dengan komitmen kerajaan negeri menerusi perbelanjaan Bangsa Johor Sejahtera 2026, Kemelah ingin menyatakan bahawa masyarakat di Segamat khususnya warga Kemelah amat menghargai inisiatif-inisiatif yang diumumkan namun dalam masa yang sama terdapat beberapa isu asas rakyat yang perlu diberi perhatian segera agar pembangunan yang dirancang menjadi seimbang bukan hanya di bandar tetapi merata hingga ke kawasan luar bandar. Peruntukan RM44.5 juta ini bukan sekadar angka tetapi ini adalah penyelesaian kepada masalah yang telah dihantui penduduk bertahun-bertahun lamanya. Kemelah berharap agar projek ini dilaksanakan dengan cepat, telus dan diselia dengan rapi agar penduduk benar-benar dapat menikmati manfaatnya bukan sekadar tertera dalam laporan belanjawan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam konteks ini Kemelah ingin menyentuh mengenai aspek kesihatan awam. Hospital Daerah Segamat merupakan hospital rujukan utama bukan sahaja untuk penduduk di Segamat tetapi juga pesakit dari Gemas, Negeri Sembilan, Selancar, Keratong, Pahang dan beberapa kawasan luar daerah yang lebih hampir dengan Segamat berbanding hospital lain. Ini menjadikan kapasiti penggunaan hospital tersebut jauh lebih tinggi berbanding kapasiti sebenar yang mampu ditanggung. Namun membimbangkan sehingga hari ini hospital berkenaan masih berhadapan dengan kekurangan pegawai perubatan khususnya doktor pakar yang tetap. Keadaan ini menyebabkan ramai pesakit terpaksa menunggu terlalu lama untuk menerima rawatan pakar malah ada yang terpaksa dirujuk ke hospital yang lebih jauh seperti Hospital Muar atau Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Bagi pesakit warga emas, ibu mengandung berisiko tinggi serta pesakit kronik yang tidak mampu bergerak jauh, perkara ini bukan sahaja menyulitkan bahkan boleh memberi risiko keselamatan nyawa. Oleh itu, Kemelah memohon agar perkara ini dijadikan agenda utama untuk diperhalusi oleh KKM, JKNJ dan kerajaan negeri supaya penyelesaian ini bukan lagi dibuat secara berperingkat tetapi melalui satu pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang dengan garis masa pelaksanaan yang jelas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kemelah juga ingin menyentuh tentang isu pendidikan prasekolah. Tadika KEMAS Bandar Putra telah terbakar pada tahun 2023, namun sehingga ke hari ini masih belum ada kata putus yang jelas sama ada tindakan pembinaan semula mahu pun keputusan penggantian tapak baru atau tapak gantian bagi membolehkan

bangunan baru dibina atas tapak tersebut. Hal ini memberi kesan besar kepada ibu bapa yang bekerja kerana tidak semua mampu menghantar anak ke tadika swasta di mana kos lebih tinggi. Kemelah percaya anak-anak sekitar kawasan Bandar Putra menaruh harapan kepada persekitaran pendidikan awal yang selamat, lengkap, kondusif bukan sekadar penyelesaian sementara. Bagi Kemelah ini merupakan satu justifikasi mudah Yang Berhormat Datuk Speaker. Sebuah tadika yang terbakar lebih dua tahun masih belum mempunyai jalan penyelesaian. Maka disini Kemelah memohon agar perkara ini disegerakan sama ada melalui pembinaan semula di tapak sedia ada atau melalui cadangan tapak gantian baru demi sesi pembelajaran anak-anak yang lebih selesa dan selamat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengambil ruang yang sama ini juga Kemelah ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengkaji semula peruntukan baru yang telah bersesuaian setelah mengambil kira dari segi aspek pengurusan kerja-kerja dalam kawasan FELDA. Ini kerana setiap kali timbul isu dalam kawasan FELDA, perkara itu agak lewat untuk diselesaikan berbanding isu dalam kawasan PBT dan kawasan perkampungan yang lain. Dalam bencana banjir pada 2023 yang lalu, terdapat sebuah jambatan dalam FELDA Kemelah, jambatan Temangau telah terputus dan perkara ini menyebabkan peneroka tidak dapat membawa keluar hasil pertanian mereka sekaligus memberi kesan kepada pendapatan peneroka. Untuk makluman Ahli Dewan yang ada, sehingga hari ini, jambatan tersebut masih tidak dapat diperbaiki kerana menelan kos hampir RM3 juta. Melihat kos yang agak tinggi, Kemelah ingin nyatakan bahawa kos ini sudah semakin meningkat dalam tempoh berapa bulan kebelakangan setelah berlakunya kenaikan bahan mentah dalam sepanjang 2025 ini. Oleh yang demikian Kemelah berharap sekiranya terdapat kelulusan seperti baik pulih jambatan di FELDA Kemelah ini dapat disegerakan dan mengambil kira aspek kegunaan harian penduduk dalam FELDA tersebut. Ianya bukan sekadar laluan peneroka bahkan menjadi laluan membawa hasil pertanian mereka untuk dijual.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hari ini Kemelah ingin membawa satu cadangan yang Kemelah percaya mampu mengubah masa depan keluarga di Johor khususnya mereka yang tercicir dalam pendidikan formal. Kita semua sedar bahawa masih ramai ibu bapa di negeri ini tidak sempat menamatkan pendidikan akibat kekangan hidup, tanggungjawab keluarga atau faktor ekonomi. Ramai yang mahu meningkatkan taraf hidup tetapi terhalang kerana tiada sijil kelayakan baik akademik mahu pun kemahiran. Oleh itu, Kemelah mengusulkan agar kerajaan negeri mempertimbangkan pelaksanaan program, latihan dan sijil percuma kepada ibu bapa dan golongan dewasa yang ingin menyambung pendidikan mereka. Melalui program ini peserta boleh memilih untuk mengambil SPM ulangan, mengikuti kursus TVET, meningkatkan kemahiran literasi digital atau memperolehi pensijilan bahasa inggeris sebagai satu keperluan pekerjaan masa kini. Ini bukan sekadar kursus biasa ini adalah peluang kedua. Peluang untuk membina keyakinan dan meningkatkan pendapatan dan membuka pintu kepada kerjaya yang lebih baik dan terjamin di masa akan datang. Jika kita mahu anak-anak Johor maju, ibu bapa juga perlu diberikan ruang untuk berkembang. Keluarga yang berpendidikan dan melahirkan generasi yang berdaya saing justeru pelaburan ini bukan semata-mata untuk individu tetapi untuk kesejahteraan ekonomi negeri secara keseluruhan. Kemelah yakin dengan sokongan dana kerajaan negeri dengan kerjasama institusi TVET, Kolej Komuniti serta platform pembelajaran digital. Program ini boleh direalisasikan secara tersusun, mesra rakyat dan inklusif. Kemelah percaya, satu keluarga satu sijil bukan sekadar slogan tetapi satu langkah strategik kearah membina Bangsa Johor yang lebih berilmu, bermaruah dan berdaya saing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di DUN Kemelah sahaja terdapat 3 buah PDK yang menempatkan anak-anak istimewa serta individu kelainan upaya yang memerlukan perhatian dan pemulihan dan sokongan berterusan. Seperti yang kita maklum, majoriti pelatih di pusat ini terdiri daripada individu yang mempunyai keperluan khas dan tahap kesihatan yang sangat bergantung kepada fasiliti yang sesuai, peralatan yang berfungsi baik dan persekitaran yang selamat serta kondusif. Kemelah percaya bahawa apabila kerajaan negeri memberi perhatian

kepada sekolah, universiti dan kemudahan awam maka PDK juga tidak boleh dipinggirkan. Mereka juga sebahagian daripada kita. Mereka adalah Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi isu kesihatan yang Kemelah ingin bangkitkan ialah berkaitan pusat dialisis di daerah Segamat. Seperti yang kita maklum, kadar penyakit buah pinggang semakin meningkat dan keperluan untuk rawatan dialisis tidak dapat diabaikan. Berdasarkan data terkini di Segamat terdapat 6 pusat dialisis. Oleh itu Kemelah memohon kerajaan negeri untuk menimbang subsidi khusus kepada pesakit dialisis terutama mereka yang kurang kemampuan supaya beban kos tidak menjadi halangan kepada rawatan berterusan. Mungkin boleh bekerjasama dengan agensi zakat, wakaf dan sumbangan korporat untuk mewujudkan tabung sokongan dialisis negeri. Kemelah juga mencadangkan agar satu tabung khas diwujudkan dengan melihat bagaimana fungsi zakat dan wakaf yang dapat membantu kaum muslim untuk kita bantu penduduk bukan islam bagi mendapatkan rawatan dialisis tanpa terkecuali. Kemelah merayu agar kerajaan negeri menjadikan isu dialisis di Segamat satu keutamaan pembangunan kesihatan bukan sekadar menyokong tetapi bertindak proaktif selaras visi Bangsa Johor Sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain isu-isu kemudahan pendidikan, Kemelah juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap satu permasalahan besar yang semakin membara dalam sistem sosial dan pendidikan kita iaitu kes buli melibatkan pelajar sekolah. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terlalu banyak kes tular melibatkan pelajar dibuli secara fizikal, mental, emosi bahkan merakam perbuatan tersebut untuk dijadikan bahan tontonan. Ada yang hanya trauma secara psikologi namun ada juga kes sehingga menyebabkan kehilangan nyawa. Fenomena ini bukan lagi isu disiplin biasa tetapi sudah menjadi masalah moral, masalah sistem dan masalah institusi sekolah untuk mengawal budaya tidak sihat yang semakin normal dalam kalangan generasi muda. Dalam konteks sistem pendidikan wujud juga kebimbangan dalam kalangan ibu bapa dan pendidik berhubung ketiadaan format penilaian yang jelas sebagai pemansuhan UPSR dan PMR. Kita akui hasrat untuk mengurangkan tekanan akademik itu baik namun hari ini semakin ramai ibu bapa keliru tanpa sistem penilaian standard murid cemerlang sukar dikesan. Murid lemah tidak diketahui sampai bila perlu dibantu dan murid sederhana hanya mengikut arus tanpa hala tuju. Justeru sudah tiba masanya kerajaan mempertimbangkan semula pelaksanaan penilaian akademik berstuktur termasuk kajian semula UPSR dan PMR dalam bentuk terkini, objektif dan tersusun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum Kemelah mengakhiri perbahasan ini, izinkan Kemelah menyentuh satu isu ekonomi mikro yang semakin mendapat rungutan daripada para peniaga tempatan terutamanya usahawan kecil, pengusaha butik tempatan, peniaga tekstil dan juga penjaja bumiputera serta usahawan tempatan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini ekspo dan pesta jualan luar negara dan luar negeri sering dianjurkan di kawasan seperti Sutera Mall dan Danga Bay Johor Bahru. Perkara ini bukan sekali sekali tetapi secara kerap dan berulang-ulang. Walaupun kita memahami konsep keterbukaan perdagangan namun realitinya perkara ini telah mencetuskan ketidakseimbangan ekonomi kepada peniaga tempatan kerana mereka tidak menanggung komitmen sewa bulanan atau cukai premis seperti peniaga tempatan. Mereka menjual produk dalam kuantiti besar dan harga jauh lebih rendah kadang kala sehingga paras tidak masuk akal. Apabila aduan dikemukakan kepada PBT mereka hanya memberi alasan permohonan bukan daripada PBT tetapi dari pengurusan *mall.* Kemelah berharap PBT perlu ambil perhatian mengenai isu ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan Kemelah menegaskan bahawa segala perkara yang telah dibangkitkan hari ini bukan sekadar rungutan bukan sekadar permintaan tetapi merupakan keperluan asas rakyat yang harus diberikan perhatian sewajarnya dalam kerangka pembangunan negeri Johor. ini kerana akhirnya pembangunan bukan hanya diukur melalui bangunan yang tinggi, angka pelaburan yang besar, atau lebuh raya yang panjang, tetapi dinilai melalui sejauh mana rakyat dapat menikmati hasil pembangunan tersebut. Kemelah percaya apabila sesebuah negeri memberi akses kesihatan yang berkualiti,

pendidikan yang inklusif dan peluang sosial yang saksama, maka negeri itu sedang bergerak ke arah kemajuan sebenar. Akhir bicara, ingin sekali lagi Kemelah ucapkan jutaan terima kasih dan tahniah atas kejayaan demi kejayaan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam masa terdekat yang telah disaksikan oleh semua Bangsa Johor dengan berjayanya Program Bantuan Beras Bangsa, Program Dapur Kasih Johor, Klinik Bergerak, Program Bantuan Kasih Johor, Program Semarak Subuh, Program Infak Jumaat, Bantuan Kasih Johor bagi penternak, pesara dan beberapa program lain yang telah disusun dan bakal dilaksanakan kelak. Kemelah memandang ini semua insentif yang sangat baik dan menerima impak positif daripada semua penerima, selain rasa terharu penduduk setempat atas ingatan dari Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang sentiasa bersikap terbuka, adil lagi saksama dalam membantu semua golongan tanpa mengira bangsa. Terima kasih Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar.

Sebelum Kemelah mengakhiri ucapan di Dewan yang mulia ini, Kemelah ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas segala bentuk bantuan, perhatian serta peruntukan yang telah disalurkan kepada masyarakat India. Antaranya peruntukan kepada sekolah dan kuil masyarakat India, pembinaan *crematorium* di Kluang, penyediaan tapak khairat kematian di Teluk Jawa serta pembangunan tanah perkuburan Hindu baru di Kluang, Bakul Kasih Johor sempena perayaan Deepavali. Sesungguhnya sokongan ini memberi impak besar kepada kesejahteraan komuniti India di negeri Johor. Sekali lagi Kemelah dan seluruh komuniti India di bawah kepimpinan Yang Berhormat Tuan Raven Kumar, EXCO Perpaduan, Warisan dan Kebudayaan Negeri Johor, saya ucapkan terima kasih. Kemelah mendoakan agar kepimpinan di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ini akan memajukan lagi Johor berserta kepimpinan barisan EXCO-EXCO yang terpilih. Belanjawan didukung penuh percaya, untuk Johor terus Berjaya; Bersama membina negara sejahtera, Bangsa Johor maju selamanya. Sekian dari Kemelah, selamat sejahtera dan salam kasih Kemelah, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Kemelah. Dijemput Yang Berhormat Simpang Jeram.

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. (Doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, Simpang Jeram mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan pada kali ini. Simpang Jeram juga merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Machap selaku Menteri Besar Johor kerana dapat membentangkan bajet prihatin rakyat dengan enam teras utama berpaksikan kepada 260 inisiatif bertemakan Bangsa Johor Sejahtera. Sebelum Simpang Jeram meneruskan perbahasan, Simpang Jeram mengambil kesempatan merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah serta ucapan selamat ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Hari Ulangtahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku pada 22 November ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan Johor 2026 mengunjurkan hasil negeri Johor sebanyak RM2,550,750,000.00 dengan anggaran perbelanjaannya sebanyak RM2,546,293,000.00 ianya merupakan satu belanjawan berimbang dengan perkhidmatan sebanyak RM4,457,000.00. Belanjawan pada kali ini kerajaan negeri dilihat memberi penekanan terhadap kebajikan, kesejateraan rakyat dengan merancakkan pertumbuhan ekonomi dengan pelbagai inisiatif tanpa meminggirkan soal pendidikan, kesihatan serta memperkasa kemudahan infrastrukturnya. Dari Muar ke Kota Tinggi, singgah di Kluang menjamu selera; Bangsa Johor Sejahtera tema Belanjawan diberi, negeri maju rakyat makmur negara sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam perkara jaringan keselamatan sosial, kerajaan negeri dilihat mempunyai iltizam yang bersungguh untuk membanteras kemiskinan dengan

melahirkan 67 inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah teras ketiga. Walau bagaimanapun, janganlah kita alpa kepada warga emas daif yang tidak mempunyai pendapatan, tidak mempunyai waris, saudara mara malahan tiada tempat berlindung di usia emas mereka ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia dijangka menjadi negara tua pada 2030 apabila penduduk negara ini merangkumi warga negara yang berusia lebih 60 tahun dalam pola 15.3% daripada jumlah penduduk negara sehingga pertengahan tahun 2024. Seramai 482,600 warga emas berumur 60 tahun ke atas direkodkan di Johor iaitu 11.5% daripada jumlah penduduk negeri. Bagi menjaga kebajikan warga emas ini, maka kerajaan negeri Johor di bawah Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri Dan Daerah telah ditubuhkan sebagai platform penyelaras program serta pematuhan isu berkaitan warga emas, melibatkan kerjasama kerajaan, swasta dan NGO. Dalam hal ini, kerajaan telah menubuhkan 22 buah pusat aktiviti warga emas di seluruh negeri bagi menyediakan ruang aktiviti, pembelajaran, sosial, keagamaan dan kesihatan kepada warga emas. Kerajaan turut menggalakkan pusat aktiviti warga emas menjalinkan kerjasama dengan pihak korporat dan NGO untuk memperkasa pelaksanaan program serta menyokong pelan tindakan warga emas secara menyeluruh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bawa kisah sepasang suami isteri warga emas, hidup hanya berdua, tiada anak, saudara mara dan tidak memiliki rumah. Pasangan warga emas ini hanya menerima bantuan kewangan daripada Kebajikan Masyarakat, jumlah RM600.00 sebulan. Dengan duit inilah mereka gunakan bayar sewa, bil elektrik, bil air, duit makan minum dan rawatan untuk suaminya yang menerima ujian penyakit strok. Baru-baru ini pasangan ini terpaksa keluar daripada rumah dan mereka tiada lagi tempat untuk berteduh. Dengan kos sewaan sekarang yang puratanya tidak kurang daripada RM500.00 sebulan, maka pasangan ini tidak mampu untuk menyewa walaupun ada bantuan sewaan rumah oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor kepada golongan ini, tetapi malangnya beliau belum dapat kemudahan ini. Ini adalah satu kisah daripada banyak kisah lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai rasa kasih, menghargai dan prihatin terhadap kebajikan warga emas ini khususnya kepada mereka yang tidak mempunyai waris atau saudara mara dari kalangan keluarga, maka Simpang Jeram mencadangkan kerajaan negeri ini di bawah kepimpinan Yang Berhormat Machap mempertimbangkan menyediakan Rumah Lindungan Kasih kepada warga emas ini yang berfungsi dan berperanan sebagaimana berikut:

1. Menyediakan tempat berlindung sepanjang hayat;

2. Menyediakan kemudahan penjagaan rawatan; dan

3. Menyediakan aktiviti ilmu keagamaan, kraftangan dan sebagainya.

Mudah-mudahan inisiatif yang diberikan oleh kerajaan negeri Johor ini bukan sahaja tanda kasih kepada warga emas, semoga ianya menjadi asbab kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Machap sentiasa mendapat rahmat keberkatan dan kemakmuran jua hendaknya, Amin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, krisis air di negeri Johor yang berpanjangan memerlukan kepada dasar dan polisi yang bersifat menyeluruh. Sebagai contoh, jumlah air terawat yang dihasilkan oleh 47 loji rawatan air di bawah seliaan Ranhill SAJ Sdn Bhd ialah 2,350 juta liter sehari. Kerajaan Johor membeli air terawat daripada Singapura sebanyak 60.57 juta liter sehari iaitu bersamaan 16 juta gelen sehari. Walhal ikut Perjanjian Air 1962, maksimum air terawat yang boleh dibeli Johor hanyalah 5 juta gelen sehari. Sekarang kita beli 16 juta gelen sehari.

Baru-baru ini kerajaan Johor mengumumkan tiga lagi loji rawatan air dengan kos RM3.5 bilion yang akan menghasilkan 890 juta liter sehari, menjadikan jumlah air terawat pada 2030 adalah 3,302.57 juta liter sehari termasuk yang dibeli daripada Singapura. Sebagaimana kenyataan sahabat saya Yang Berhormat Bukit Pasir, 17 *Data Centre* di Johor memerlukan 59.06 juta liter air sehari, bahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyatakan *Data Centre* di Johor memerlukan 440 juta liter air sehari pada 2035. Pertambahan permintaan air 3% setahun daripada kediaman dan sektor lain adalah 851 juta liter sehari pada 2030. Dengan kata lain, menjelang 2030, krisisi air terawat kemungkinan berlaku di Johor. Sekiranya empat keadaan ini tidak diberi perhatian sewajarnnya:

1. Pembinaan tiga loji rawatan air yang baharu tidak siap menjelang 2030.

2. Kerajaan meluluskan lebih banyak *Data Centre*. Yang Berhormat Paloh menyatakan pada 2030 Johor dijangka mempunyai tambahan 20 hingga 30 *Data Centre.*

3. Tiada teknologi baru dikenalpasti bagi mengurangkan penggunaan air terawat daripada *Data Centre* untuk sistem penyejukan *Data Centre* yang lebih efisien. Penggunaan air boleh guna dan sistem pengumpulan air hujan (SPA) dan

4. Berlaku gangguan air berjadual atau tidak berjadual sebagaimana yang berlaku di Loji Rawatan Air Semanggar yang berpunca dari kerja perlombongan pasir pada awal November yang lalu.

Tidak dinafikan menerusi teras keempat, kemudahan keperluan asas, kerajaan negeri komited melaksanakan lima inisiatif di bawah pengurusan air sumber dalam memantau kualiti air, menyediakan *catchment management plan* di empangan, meningkatkan sistem agihan dengan penggantian paip, menggunakan air kumbahan sebagai bekalan air sokongan untuk sistem penyejukan di pusat *Data Centre* sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Benut. Namun jika tiada dasar dan polisi yang bersifat menyeluruh, maka krisis bekalan air dibimbangi boleh menjejaskan pembangunan negeri yang telah dirancang.

Simpang Jeram juga mencadangkan kerajaan negeri membentuk suatu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Machap sendiri bagi memantau secara dekat zon pembangunan ekonomi Johor khususnya di *Johor-Singapore Special Economic Zone* bagi memastikan sebarang kemungkinan permasalahan terutama bekalan air bersih dapat ditangani lebih awal. Oleh itu, saya mohon supaya kerajaan negeri melihat perkara ini dengan lebih serius supaya krisis bekalan air dapat dielakkan pada masa kini dan pada masa hadapan.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, pemilikan tanah pajakan atau *lease hold* dengan izin, menjadi amalan biasa dalam hal pemilikan tanah. Pada 30 September 2025 yang lalu, beberapa wakil dari penduduk kampung dan taman-taman perumahan dalam daerah Johor Bahru dan Kulai telah hadir ke Pejabat DUN Simpang Jeram untuk menyatakan resolusi berkaitan permohonan tanah pajakan di beberapa kampung dan taman dalam daerah Johor Bahru dan Kulai untuk dibawa dalam Persidangan ini. Antara solusinya adalah untuk meminta kerajaan negeri Johor menimbangkan permohonan untuk menukar status hak milik tanah kediaman daripada pajakan *leasehold* kepada Hak Milik Kekal, *freehold* termasuk Tanah Rizab Melayu di Perkampungan Melayu Majidee.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kampung Melayu Majidee merupakan satu-satunya kampung dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru. Ianya berkeluasan sekitar 730 hektar dan dihuni lebih daripada 40,000 orang penduduk. Kampung dalam bandar yang berstatus Rizab Melayu ini merupakan tanah kerajaan negeri bagi tempoh 99 tahun dan akan berakhir pada 2053 iaitu kira-kira 28 tahun lagi. Pastinya penduduk yang lahir membesar berumahtangga serta membina keluarga, anak cucu berasa bimbang akan masa depan kampung tempat kelahiran mereka ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu Kampung Melayu ini pernah disebut dan diberi jaminan oleh Yang Berhormat Machap dalam Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Ke-4 Dewan Negeri Johor Ke-15 pada 26 Mei 2025 yang lalu. Yang Berhormat Machap telah menyatakan pendirian bahawa pemilik tanah yang terlibat dengan isu ini boleh memohon sambungan pajakan mereka. Sebagaimana dakwaan penduduk pada ketika ini terdapat 12 lot tanah di kawasan Kampung Melayu Majidee ini telah ditukar kepada status tanah milik kekal selama-lamanya dan berharap tanah lain juga diberi status yang sama bagi menjaga kepentingan penduduk.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bawa suara rakyat supaya permohonan penduduk ini diberi perhatian sewajarnya sebagaimana solusi mereka.

Pertamanya, tanah pajakan Rizab Melayu khususnya di Kampung Melayu Majidee diberi hak milik kekal. Ianya bagi menjamin pemilikan warisan kepada generasi perkampungan tersebut. Ini selari dengan wasiat Raja-Raja Melayu 1957 yang mensasarkan 50% daripada keluasan tanah di negeri ini sebagai tanah Rizab Melayu.

Keduanya tanah Rizab Melayu hak milik kekal mempunyai nilai pasaran yang lebih tinggi dan ini memudahkan proses mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan khususnya dalam soal membangunkan semula tanah.

Ketiga, mengenal pasti model pembangunan tanah Rizab Melayu yang sesuai dengan kerjasama kerajaan Johor tanpa meminggirkan pemilik asalnya.

Keempat, memastikan usaha ke arah meningkatkan jumlah tanah Rizab Melayu di negeri Johor dilaksanakan melalui polisi-polisi kerajaan yang bersifat proaktif.

Dan terakhirnya merealisasikan penggubalan pelan induk tanah Rizab Melayu Nasional sebagai panduan umum kepada semua negeri dalam memelihara dan menguruskan tanah Rizab Melayu sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai wakil rakyat yang diberi amanah untuk memperjuangkan suara rakyat, walaupun Kampung Melayu Majidee ini bukan dalam kawasan DUN Simpang Jeram tetapi atas dasar menjaga kepentingan rakyat maka saya merayu supaya permohonan penduduk ini dapat diberikan pertimbangan yang sewajarnya demi menjaga kepentingan bangsa Melayu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Simpang Jeram mohon supaya kerajaan negeri dapat mengagihkan sedikit peruntukan ke daerah Muar khususnya di DUN Simpang Jeram melalui Majlis Perbandaran Muar bagi kerja-kerja baik pulih kemudahan sukan di dalam kawasan taman-taman perumahan lama yang berada dalam keadaan yang daif. Ianya selari di bawah Teras Ke-6 Inisiatif 52 bagi cadangan menaik taraf dan membaik pulih fasiliti sukan sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kami barisan pengimbang khususnya 12 orang ini ibarat macam seorang suamilah, yang tak tunjuk kasih sayang pada sang isteri secara nyata tapi sayang dan kasihnya sang suami pada si isteri tak ternilai dan tak terucap diungkap dengan kata-kata. Belanjawan bangsa Johor Sejahtera barisan pengimbang turut menyokongnya, kasih kami tak terlihat dek mata, hanya jauhari dapat menilainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh kaki tangan awam negeri Johor juga persekutuan kerana dengan iltizam yang bersungguh-sungguh maka negeri Johor berada di landasan yang baik selari dengan slogan Maju Johor. Sebagai bangsa Johor, marilah kita sama-sama terus berganding bahu dengan penuh semangat bagi mencapai hasrat menjadikan bangsa Johor sejahtera 2026. Jangan salah menyalah, jangan tuduh menuduh, dengan doa Johor maju

terus maju dan kepada Allah jua kita berserah. Saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dari Sungai Balang ke Kota Lama; jalan seorang jiwanya kosong; Belanjawan Johor untuk rakyat semua; Yang Berhormat Datuk Speaker Simpang Jeram mohon menyokong. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Simpang Jeram. Dipersilakan Sungai Balang.

YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, bismillahirrahmanirrahim, assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya Sungai Balang mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan kesempatan untuk berbahas di dalam Dewan yang mulia ini dalam batas waktu yang diberikan untuk membawa denyut nadi rakyat Sungai Balang.

Sebelum meneruskan perbahasan ini saya merakamkan Merafak Sembah dan ucapan setinggi-tinggi tahniah serta ucap selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Sultan Ibrahim Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang jatuh pada 22 November yang akan datang ini. Patik dan sekalian rakyat DUN Sungai Balang dengan pengharapan yang tinggi dan takzimnya mendoakan kepada Allah SWT agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong dilanjutkan usia dalam kandungan dan keberkatan, kesihatan dan kesejahteraan dalam memayungi negeri ini dan negara ini serta kebahagiaan dunia dan akhirat. Patik juga menjunjung kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail Pemangku Sultan Johor yang sentiasa memikirkan kemaslahatan rakyat jelata dan menitipkan titah nasihat kepada kerajaan negeri dalam menjayakan urus tadbir yang cekap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kesempatan ini Sungai Balang merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi Menteri Besar Johor yang telah memperuntukkan sebanyak RM2.546 bilion bagi kesejahteraan dan pembangunan bangsa Johor daripada hasil kutipan sebanyak RM2.551 bilion yang diperolehi. Dengan anggaran surplus perbelanjaan sebanyak RM4.6 juta ini mencerminkan keadaan ekonomi negeri yang sihat dan berada dalam landasan yang cemerlang menuju negeri maju menjelang tahun 2030.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kadar pengangguran terus kekal rendah pada kadar 2.3% pada suku ketiga tahun 2025 dengan hasil pelaburan berjumlah RM218 bilion dalam 3 tahun 6 bulan sejak kerajaan Johor dibawah tunjang kerajaan Barisan Nasional yang memegang tampuk kuasa telah mengesahkan bahawa sesungguhnya kita adalah sebuah parti yang mengutamakan khidmat kepada rakyat dan menekankan keberhasilan ekonomi. Tambahan pula dengan prestasi ekonomi Johor yang mecatat pertumbuhan KDNK sebanyak 6.4% pada tahun 2024 ini iaitu yang tertinggi di Malaysia dan kerajaan ini telah menjana lebih 64,000 peluang pekerjaan pada golongan muda yang baru sahaja ingin memulakan kehidupan. Faktor ini sudah tentunya mampu menjadikan Johor sebagai kuasa ekonomi baru di negara kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa Teras Pertama Tadbir Urus adalah nadi keberkesanan sebuah kerajaan yang menunjangi lima (5) komponen Teras yang lain. Hal ini dapat dilihat melalui 35 Inisiatif yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagi menjadikan sistem penyampaian kerajaan menjadi lebih cekap dan berkesan untuk kemudahan rakyat. Sungai Balang lagi sekali menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih di atas inisiatif tersebut. Sungai Balang juga menyambut baik kenaikan elaun ketua kampung sebanyak RM300.00, geran pengurusan dan pentadbiran dan persatuan ketua kampung dan caruman lindungan kendiri yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan ini merupakan berita gembira buat ketua-ketua kampung khasnya untuk DUN Sungai Balang dan pertambahan

bantuan *one-off* kepada para imam, bilal dan noja masjid yang masih hari ini menjadi tanda tanya supaya mungkin dalam jawatankuasa masjid itu termasuk pengerusi masjid itu jangan ketinggalan dan termasuk juga penggerak DUN, guru-guru Al Quran dan takmir serta penyelia Al Quran kepada RM1,000.00 juga merupakan satu pengiktirafan sumbangan mereka dalam menyuburkan syiar Islam.

Saya juga teruja dengan santunan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor terhadap belanjawan untuk orang muda dalam Teras Ke-6 secara menyeluruh yang mana terdapat 55 Inisiatif yang disediakan untuk mereka. Hal ini menggambarkan kerajaan negeri serius dan komited untuk melahirkan generasi pelapis, pemimpin akan datang dengan ciri-ciri lengkap dan seimbang daripada sudut intelektual dan jati diri bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, buat sekian kalinya saya ingin menekankan bahawa keperluan yang mendesak untuk DUN Sungai Balang untuk mempunyai sebuah balai bomba dan penyelamat. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, sebanyak lima (5) kes kebakaran telah berlaku secara berturutan dalam tempoh dua (2) bulan. Sebagai akibat daripada kejadian tersebut, kesemua kes kebakaran yang berlaku telah berakhir dengan kemusnahan total dan menyebabkan kerugian besar kepada mangsa. Hal ini belum lagi dicampur dengan kejadian kebakaran kebun tanah gambut yang telah berlaku sewaktu musim panas yang melanda bulan lepas. Kejadian seperti di Kampung Parit Mislam dan di Sri Menanti telah menyebabkan skala kebakaran kebun tanah gambut berlaku dengan cepat ekoran pihak bomba yang memerlukan masa yang agak lama untuk tiba di tempat kejadian. Faktor ketiadaan balai bomba di DUN Sungai Balang ini juga telah diburukkan lagi dengan kekurangan pili-pili bomba bagi kegunaan mereka untuk mendapatkan bekalan air semasa menyeliakan kejadian kebakaran. Oleh yang demikian saya juga memohon supaya pihak kerajaan menambah jumlah pili bomba di kawasan-kawasan kampung dan kawasan-kawasan stategik serta risiko tinggi berlaku kebakaran bagi memastikan kesinambungan bekalan air di pihak bomba dapat diperbanyakkan.

Sebagai contoh masalah yang dialami oleh pihak bomba masa lalu untuk kebakaran yang berlaku di Kampung Parit Mislam terpaksa berulang alik 15 kilometer ke Pekan Parit Yusof untuk mengisi semula air di jentera mereka. Dan situasi ini telah melambatkan usaha pihak bomba bagi memadamkan kebakaran dan menyebabkan lebih banyak kadar kemusnahan yang dialami dan paling menyayat hati apabila berlaku deretan rumah kedai berhampiran DUN Sungai Balang iaitu Semerah yang mana kawasan tersebut telah menyebabkan kerugian harta benda besar dan kehilangan nilai sejarah bangunan tersebut. Justeru, dengan kehadiran sebuah balai bomba di DUN Sungai Balang ini akan dapat memastikan respon dan tindakan pantas terhadap setiap kes kecemasan dapat memberikan kesan limpahan dan manfaat di kawasan DUN berhampiran seperti di Semerah, Bukit Naning dan Sri Medan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu hakisan pantai di Jalan Benteng di Parit Kedondong, Parit Penyengat dan Parit Kasim kini menghantui warga DUN Sungai Balang. Hal ini ditambah lagi dengan fenomena air pasang besar yang berlaku pada 6 November yang lalu menyumbang kepada kenaikan paras air laut yang melebihi daripada paras biasa. Saya telah melakukan tinjauan dan mendengar permasalahan yang diluahkan oleh penduduk sekitar sebelum dan selepas fenomena tersebut. Dan untuk makluman Dewan, hakisan pantai yang berlaku di Parit Kasim telah menyebabkan anjung tinjau dan pejalan kaki di tepian pantai tersebut patah dan roboh. Perkara ini telah menjejaskan dan mencacatkan kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan di Parit Mislam yang menjadi tumpuan pelancong dan pelawat yang ingin meneroka hutan paya bakau di DUN Sungai Balang. Oleh itu, saya meminta pihak kerajaan dapat mengambil langkah pemulihan segera di kawasan-kawasan ini supaya kemusnahan yang berlaku dapat dihentikan dan seterusnya mengelakkan kemusnahan tanaman penduduk yang berdekatan dengan kawasan pantai.

Sungai Balang juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Johor melalui Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang memperuntukkan sebanyak RM2.5

juta kepada program pemerkasaan sokongan ekonomi wanita. Dengan adanya peruntukan ini golongan wanita B40 dapat diperkasakan dan ditingkatkan ekonominya melalui skim bantuan peralatan perniagaan atau pun SKIPP. Alhamdulillah untuk tahun 2025, ini seramai tujuh (7) orang penerima telah menerima barangan masing-masing untuk kegunaan perniagaan mereka dalam fasa 1. Bagi agihan fasa kedua pula, dua (2) orang lagi penerima akan menerima barangan telah mereka mohon dan pada hari Khamis ini. Manakala jumlah penerima yang mendapat manfaat barangan SKIPP ini daripada tahun 2022 hingga tahun 2024 adalah seramai 17 orang. Dan pencapaian ini adalah hasil usaha pihak kerajaan negeri dalam memastikan usahawan kecil-kecilan atau pun PKS di luar bandar khasnya di DUN Sungai Balang dapat merasai manfaat kemakmuran ekonomi negeri Johor di bawah terajui Yang Amat Menteri Besar yang mana kita untuk meminta supaya bilangan penerima bantuan SKIPP ini ditambah di DUN Sungai Balang kerana kawasan saya mempunyai ramai pengusaha PKS yang menyara diri dengan membuat jualan produk makan secara kecil-kecilan. Dengan adanya bantuan ini kos untuk membeli peralatan perniagaan mereka dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masih lagi dengan sekitar ekonomi sara diri rakyat di DUN saya yang mana seperti mana yang disebut juga oleh semalam oleh Yang Berhormat Kukup dalam menyuarakan tentang keresahan para nelayan menghadapi kenaikan kos operasi dan keperluan dan kelengkapan mendadak. Justeru itu, saya terpanggil dan bersetuju dengan apa yang beliau suarakan kerana di DUN Sungai Balang juga terdapat 400 nelayan yang berjuang di lautan demi mencari nafkah untuk menyara keluarga masing-masing. Mereka adalah pejuang nafkah di lautan yang bekerja di sebalik kemeriahan pasar-pasar awam yang menjual pelbagai jenis hasil tangkapan laut. Difahamkan barang asas keperluan nelayan untuk ke laut seperti jaring, enjin bot, tong ikan dan lain-lain telah mengalami kenaikan harga yang mendadak dan sangat membebankan. Saya sangat bersetuju sekiranya kerajaan negeri dapat memperkenalkan skim bantuan ansuran mudah atau pun geran pinjaman tanpa faedah peralatan nelayan mahu pun kepada nelayan yang ingin memperolehi kelengkapan baharu bagi penggantian peralatan yang rosak. Tambahan pula para nelayan bukanlah memperolehi hasil tangkapan yang lumayan. Bila mana setiap kali turun ke laut dan ada kalanya mereka tidak memperolehi hasil waimah untuk menampung kos perjalanan ke laut, sebaliknya pulang dengan tangan kosong. Oleh yang demikian dengan kadar kenaikan barang kelengkapan yang naik mendadak tinggi para nelayan sudah semestinya kurang berkemampuan untuk menggantikan peralatan yang rosak dan lusuh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga meminta kepada kerajaan untuk melakukan kerja-kerja pelebaran dan penggantian jambatan-jambatan masuk ke kampung-kampung yang telah lama serta uzur yang melebihi daripada 50 tahun, sempit dan juga tidak lagi dapat digunakan dengan selamat seperti di Kampung Sungai Sudah, Sungai Muda, Seri Menanti dan Parit Bulat Darat. Oleh kerana fizikal jambatan sedia ada kini kecil dan sempit, aliran trafik dikawasan berkenaan bermasalah daripada segi keluar masuk kenderaan yang memasuki kampung-kampung berkenaan. Amatlah dibimbangi dan ditakuti sekiranya berlaku kebakaran dan insiden yang tidak diingini di dalam kampung-kampung tersebut, jentera bomba yang bersaiz besar tidak dapat memasuki kawasan kejadian untuk melakukan kerja-kerja menyelamat. Saya juga meminta agar bilangan lampu jalan LED di tambah di kawasan DUN Sungai Balang kerana masih banyak lagi kawasan-kawasan kampung yang berada di dalam keadaan gelap dan berisiko untuk berlakunya kemalangan. Dan pada tahun 2024 DUN Sungai Balang telah menerima hanya 54 buah pemasangan lampu jalan LED namun bilangan ini masih belum mencukupi. Masih terdapat kawasan-kawasan yang memerlukan pencahayaan lampu terutamanya di kawasan-kawasan yang banyak haiwan liar yang berkeliaran yang boleh menggangu keselamatan dan tanaman mereka. Justeru itu, dalam menjelang negeri maju tahun 2030, terasnya aspek kemajuan bagi kemudahan asas dapat dinaikkan di kampung-kampung agar selari dengan perkembangan semasa dan demi keselesaan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menjelang tahun 2026 adalah merupakan Tahun Melawat Johor, (TMJ 2026). Tidak ketinggalan DUN Sungai Balang mempunyai lima (5) lokasi yang telah dipilih oleh Kementerian Pelancongan Malaysia iaitu MOTAC iaitu di Hutan Paya Bakau Parit Kasim, Pantai Seri Menanti, Kolam Ayer Panas, Sungai Gresik, Keratong Bahanan dan Medan Selera Asam Pedas Parit Jawa. Apa yang amat diperlukan di kawasan sebagaimana yang disebutkan ini, ialah usaha pelebaran jalan masuk ke destinasi tersebut. Jalan yang sedia ada kini sempit dan menyukarkan untuk kenderaan berselisih sekiranya mereka datang dari dua (2) arah yang berbeza. Apatah lagi jalan tersebut tidak mempunyai bahu jalan yang elok. Sebagai contoh, di Pantai Seri Menanti yang mana baru-baru ini telah menganjurkan pertandingan memancing Joran Bagus di persisiran pantai yang telah menarik lebih 2,000 penyertaan. Bayangkanlah apa yang dialami oleh pengunjung dan peserta apabila perlu menempuh masalah aliran trafik yang sukar kerana fizikal jalan yang sempit dan kecil. Saya berharap supaya permasalahan ini dapat diatasi supaya promosi Tahun Melawat Johor 2026 dapat direalisasikan hasratnya agar tempat-tempat yang ditonjolkan ini dapat dikunjungi dengan selesa oleh pelancong dan pengunjung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, DUN Sungai Balang juga merupakan kawasan penduduknya terdiri daripada petani dan pekebun-pekebun yang menjalankan kegiatan sara diri melalui pertanian. Namun sejak kebelakangan ini, harga *input* pertanian seperti baja, anak benih, peralatan mekanisasi pertanian telah mengalami kenaikan harga yang ketara. Hal ini telah menyebabkan kos operasi dan perniagaan kebun atau ladang turut mengalami peningkatan kos pengeluaran. Lebih memeritkan lagi sekiranya harga *output* hasil pertanian yang diusahakan mengalami kejatuhan harga pasaran. Sudah tentunya para petani atau pun pekebun berdepan dengan kerugian apabila mereka berhadapan dengan situasi begini. Oleh yang demikian, saya meminta pihak kerajaan dapat menimbangkan skim pembelian subsidi pekebun kecil dan *input* pertanian kepada mereka yang memerlukan supaya kos pengeluaran *output* dapat dikurangkan. Saya juga ingin mengetahui apakah hasil dapatan kerajaan negeri daripada Mesyuarat Tindakan DUN yang diadakan dua kali setahun di setiap kawasan DUN. Selepas daripada keputusan-keputusan dan maklum balas yang dibawa kepada peringkat negeri berapakah peruntukan pembangunan yang telah diluluskan oleh setiap DUN dan setelah permasalahan berkaitan pembangunan di kawasan diangkat ke peringkat negeri. Sebagai contoh, keperluan bina atau pun baik pulih jalan-jalan kampung dan kemudahan awam serta pemasangan lampu jalan. Saya juga telah memaklumkan, dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan dan Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagaimana gelanggang futsal setiap DUN sudah tidak diselia oleh kementerian. Namun bagi saya memohon supaya pihak kerajaan negeri dapat memberikan peruntukan baik pulih bagi memelihara gelanggang-gelanggang futsal yang masih aktif dan diimarahkan oleh anak-anak muda dan masyarakat setempat. Adalah satu yang amat mendukacitakan sekiranya gelanggang futsal yang aktif ini tidak dapat bantuan yang sewajarnya bagi memastikan ia kekal digunakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sungai Balang terpanggil juga untuk Menjunjung Tinggi Titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang menyentuh tentang isu semasa iaitu projek RTS iaitu *Rapid Transit System* yang bakal siap tidak lama lagi yang menghubungkan antara Johor Bahru dengan Singapura. Apabila sistem RTS ini beroperasi kelak dijangkakan bandaraya Johor Bahru akan mengalami peningkatan jumlah penumpang yang mendadak sehingga 40,000 orang penumpang setiap hari. Justeru itu, patik dan sekalian warga DUN Sungai Balang berdiri di belakang Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota yang bertitah supaya kerajaan persekutuan memberikan perhatian yang penting dan mempertimbangkan kelulusan untuk melaksanakan sistem aliran automasi di Johor. Rakyat seharusnya berasa bertuah kerana Pemangku Sultan Johor amat cakna dan prihatin dalam kemaslahatan rakyat dalam menjalani kehidupan seharian. Dengan adanya LRT ini nanti, ia mampu menyelesaikan dan meminimumkan kesesakan trafik yang berlaku di Johor Bahru. Selain itu juga, sistem ini dapat menghubungkan kawasan-kawasan perumahan yang padat, pusat-pusat komersil dan kawasan yang strategik dengan kos lebih rendah berbanding dengan sistem rel konvensional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan sekalian barisan Jemaah EXCO kerajaan negeri Johor atas hasil usaha dan kerja keras tanpa mengenal lelah ini telah mendatangkan yang cukup bermakna bagi negeri Johor dan rakyatnya. Biarlah jasa dan bakti ini menjadi kenangan dan ingatan rakyat sekalian dalam menakhodakan layar bahtera pentadbiran ke arah sebuah destinasi iaitu sebuah negara maju iaitu Maju Johor. Dan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak memanjangkan perbahasan saya ini. Akhirnya saya ingin mengucapkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada semua rakan-rakan ADUN yang selama ini dapat membantu untuk sama-sama kita menyuarakan pandangan dan pendapat yang mana kadang-kadang pembangunan bukan sahaja dapat dibangunkan di kawasan DUN masing-masing namun memberi limpahan kepada DUN-DUN yang berhampiran. Untuk itu sekian wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, Sungai Balang mohon menyokong.

YB Speaker : Terima kasih Sungai Balang. Dijemput Bukit Naning.

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin (Bukit Naning) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. (Bacaan Doa). Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad SAW. Ya Allah, berkatilah persidangan kami pada hari ini. Limpahkanlah hikmah kefahaman dan keikhlasan dalam setiap perbahasan. Jadikanlah keputusan kami ini membawa manfaat kepada agama, bangsa dan negeri Johor yang kami cintai. Amin ya rabbal alamin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker atas ruang dan peluang untuk saya berbahas dalam sidang Belanjawan Johor 2026 kali ini. Peluang dan amanah ini akan saya gunakan untuk menyampaikan denyut nadi Bukit Naning dengan penuh integriti, fakta dan bertanggungjawab. Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Naning merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih sempena ulang tahun keputeraan Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Pemangku Sultan Johor yang akan disambut pada 22 November ini. Patik serta seluruh rakyat Bukit Naning dengan penuh takzim mendoakan semoga Tunku dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kesejahteraan yang berkekalan dan kekuatan untuk terus memayungi negeri ini dengan kepimpinan yang adil, tegas dan berwibawa. Tunku bukan sahaja menjadi payung kedaulatan negeri, malah menjadi inspirasi kepada seluruh Bangsa Johor dalam aspek keberanian, ketegasan dan kecintaan baginda terhadap rakyat. Pokok pinang tegak berdiri, tersusun indah dipinggir Lembah; Duli Tuanku payung negeri, rakyat jelata merafak sembah. Dihujung tanjung kelam lembayung, tinggi mengayat pohon celagi; raja disanjung rakyat dipayung, kasihnya rakyat tidak berbagi. Bersinar indah cahaya mentari, menerangi pagi desa pak tani; raja adil bijak bestari, memimpin negeri Johor hidup harmoni.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sesungguhnya merakamkan penghargaan kepada Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi atas pembentangan Belanjawan Johor 2026 yang bertemakan Bangsa Johor Sejahtera. Belanjawan ini jelas menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri dalam merancang pembangunan, memperkukuhkan kebajikan rakyat serta menyediakan hala tuju jangka panjang untuk negeri Johor dalam memperkasakan ekonomi, melindungi golongan rentan dan membina masa depan lebih cerah untuk anak-anak Bangsa Johor. Sebagai ADUN Bukit Naning, saya sesungguhnya beriltizam untuk terus memastikan setiap inisiatif ini sampai kepada rakyat khususnya di kawasan luar bandar. Bangsa Johor adalah bangsa yang bermaruah, berjasa dan tidak pernah mengalah. Dengan semangat muafakat, kita akan terus maju, makmur dan sejahtera. Bukit Naning indah bersejarah, mengusik jiwa menawan hati, belanjawan terancang penuh berhikmah, Johor makmur rakyat diberkati.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hari ini saya ingin membawa suara rakyat Bukit Naning dengan fakta yang jelas. Isu-isu ini bukan boleh ditangguh, bukan boleh dipandang ringan. Rakyat menuntut penyelesaian, bukan alasan. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz bin Ghazi atas pembentangan Belanjawan Johor 2026 yang benar-benar meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan. Justeru itu, izinkan Bukit Naning menzahirkan sedikit luahan rasa berkaitan masalah struktur dan kemudahan asas di kawasan saya. Pertama, jambatan trafik luar bandar, *Rural Traffic Bridge*, RTB dengan izin, iaitu struktur lama yang tidak lagi selamat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak jambatan RTB di Bukit Naning ialah struktur generasi lama yang dibina mengikut beban trafik zaman dahulu kala. Hari ini laluan ini menampung lori hasil pertanian, kenderaan perdagangan, serta pertambahan populasi. Jambatan yang tidak lagi memenuhi keperluan semasa ini mengundang risiko keselamatan harian. Kerajaan negeri perlu mempercepatkan penilai struktur dengan mengutamakan penggantian jambatan RTB di Bukit Naning sebagai projek segera demi keselamatan rakyat dan kelangsungan ekonomi luar bandar.

Kedua, jambatan trafik sederhana, *Medium Traffic Bridge*, MTB dengan izin iaitu standard lima tan sudah tidak lagi relevan. Yang Berhormat Datuk Speaker, MTB atau *Medium Traffic Bridge* dengan izin, ialah jambatan kategori trafik sederhana yang dibina berdasarkan standard lama iaitu kapasiti maksimum lima (5) tan. Standard ini tidak lagi relevan kerana perkembangan semasa telah meningkatkan penggunaan lori pertanian, kenderaan perdagangan dan mesin berat yang melebihi kepasiti tersebut. MTB lama yang masih menggunakan kapasiti lima (5) tan sudah tidak mampu menangani penggunaan hari ini. Beban trafik hari ini menyebabkan struktur MTB cepat rosak, berisiko tinggi ketika musim hujan dan tidak memenuhi keperluan keselamatan terkini. Beban trafik sebenar telah meningkat hampir dua kali ganda menyebabkan risiko keretakan permukaan rem tinggi yang membahayakan serta struktur cepat haus ketika hujan. Sudah tiba masanya kerajaan negeri menggantikan MTB lama dengan standard baru yang lebih kukuh serta memastikan ia mematuhi *Highway Structure Loading* dengan izin, semasa bagi melindungi keselamatan pengguna dan kelangsungan ekonomi luar bandar. Kerajaan negeri perlu menggantikan MTB lama dengan standard baharu termasuk audit struktur dengan pengeluaran *rich card* dengan izin, yang lengkap bagi memastikan setiap jambatan selamat digunakan rakyat. Yang ketiga jalan utama Bukit Naning perlu naik taraf menyeluruh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jalan-jalan utama di Bukit Naning berada dalam keadaan tidak sesuai lagi untuk menampung laluan harian terutamanya di kawasan yang bertanah gambut. Tambahan penggunaan kenderaan yang berat telah mempercepatkan kerosakan struktur jalan dan menyebabkan risiko kemalangan meningkat. Kos penyelenggaraan kenderaan rakyat semakin bertambah. Masa perjalanan semakin bertambah panjang. Kerajaan negeri perlu melaksanakan naik taraf *total*, bukan sekadar tampalan.

Yang keempat, penguatkuasaan Majlis Agama Islam Johor terhadap tabung tidak berdaftar. Yang Berhormat Datuk Speaker, pengumpulan derma tidak berdaftar, tanpa kelulusan sah menimbulkan risiko salah salah guna, penyelewengan dana dan menjejaskan integriti sumbangan umat Islam. Masih ada tanggapan negatif dalam masyarakat mengenai pengurusan dana ini yang boleh mengurangkan keyakinan orang ramai ingin menyumbang. Jika isu penyelewengan ini timbul yakni walaupun sekadar khabar angin ia boleh menghakis kepercayaan masyarakat. Kerajaan melalui MAINJ perlu melaksanakan penguatkuasaan *total* di atas tabung tidak berdaftar ini dan menyediakan platform kutipan digital rasmi yang lebih telus. Langkah proaktif perlu diambil untuk mengurangkan risiko penyelewengan dan membina kepercayaan semula. Beberapa langkah mungkin boleh diambil seperti meningkatkan ketelusan dan pelaporan, mengeluarkan laporan tahunan yang jelas berkenaan jumlah kutipan projek yang dibiayai, manfaat jangka panjang, audit kewangan dan syariah. Melantik audit bebas iaitu luar untuk menilai pengurusan dana ini serta membuat kerjasama

dengan Jabatan Syariah, Pihak Berkuasa Agama dan kerajaan negeri untuk pemantauan berkala.

Yang kelima, peranan guru pembentuk akhlak dan kepimpinan. Yang Berhormat Datuk Speaker, guru ialah tiang pembentukan generasi Johor. Namun hari ini guru dibebani pelbagai tugas sampingan hingga masa untuk membimbing anak, membimbing anak serta akhlak dan sahsiah pelajar terhad. Kerajaan perlu memperkasakan modul pembentukan karakter pelajar dan mengembalikan guru kepada fungsi asas iaitu membentuk bangsa bukan hanya mengajar untuk peperiksaan.

Yang keenam, Taman Kekal Pengeluaran Makanan iaitu TKPM perlu lompatan, lompatan teknologi. TKPM atau Taman kekal pengeluaran makanan ialah kawasan pertanian khas yang diwartakan untuk memastikan pengeluaran makanan negara kekal dan stabil juga berterusan. Ia bukan tabung tetapi sebuah taman atau zon pertanian kekal yang memberi peluang kepada peserta untuk mengusahakan tanaman secara besar-besaran menggunakan teknik moden. Peranan TKPM semakin kritikal hari ini, namun banyak tapak masih beroperasi menggunakan amalan konvensional. Johor perlu memacu transformasi TKPM kepada model pertanian pintar berasaskan teknologi seperti dron, IOT, fertigasi pintar dan analisis tanah digital supaya sektor makanan negeri menjadi lebih cekap proaktif dan berdaya saing. Dron digunakan untuk memantau kesihatan tanaman secara udara, mengira keluasan tanaman dengan tepat, menyembur baja atau racun dengan lebih sekata serta mengurangkan kos tenaga kerja. Ia dapat membantu melaksanakan kerja-kerja dengan lebih cepat, tepat dan mengurangkan pembaziran input pertanian. IOT, *Interest Of Things*. IOT ialah teknologi sensor yang dipasang di ladang untuk memantau kelembapan tanah, cuaca, suhu persekitaran, paras air dan juga keadaan tanaman. Melalui kaedah ini semua data boleh dipantau melalui telefon atau *dashboard* secara masa nyata iaitu memudahkan keputusan dibuat dengan segera.

Fertigasi pintar. Fertigasi pintar ialah sistem penyaluran baja dan air secara automatik dan tepat terus ke akar tanaman. Kaedah ini dapat mengurangkan penyakit tanah meningkatkan hasil, menjimatkan baja boleh dikawal dari jauh melalui sistem digital. Dengan ini hasil pertanian akan lebih konsisten dan berkualiti tinggi. Analisis tanah digital melibatkan penggunaan sensor atau peralatan analitik bagi membaca PH tanah, nutrien, tekstur, kelembapan dan juga kandungan mineral. Kaedah ini pula memberi kelebihan dengan membantu para petani untuk mengetahui dengan lebih tepat apa yang kurang dalam tanah dan boleh membuat pembetulan sebelum tanaman rosak. Teknologi moden seperti dinyatakan tadi membolehkan TKPM beroperasi sebagai ladang pintar yang berasaskan data dan mengamalkan teknologi fertigasi. Setiap keputusan dibuat dengan lebih tepat, kos dikurangkan, hasil meningkat dan Johor akan menjadi Pusat Agroteknologi yang berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Data Centre, rakyat perlu merasa pulangannya. Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor kini menjadi pusat data terbesar di Malaysia. Namun, rakyat mahu melihat manfaatnya dalam bentuk pekerjaan berkualiti, latihan teknikal, pembangunan modal insan. Kerajaan negeri perlu memastikan keuntungan ekonomi Data Centre sampai kepada rakyat, melalui peluang-peluang pekerjaan tempatan dan program-program peningkatan kemahiran. Ini kerana, Johor mempunyai potensi di masa depan untuk menjadi pusat digital serantau bukan sahaja untuk penyampaian data ataupun penyimpanan data tetapi juga AI dan pengkomputeran berprestasi tinggi kerana pertumbuhan beban kerja AI. Dengan pembangunan seperti JS-SEZ Johor boleh menarik lebih banyak pelaburan asing ke dalam ekosistem teknologi. Pembangunan infrastruktur digital di negeri Johor juga boleh merangsang pertumbuhan ekosistem teknologi tempatan seperti sektor pembinaan dan sumber tenaga kerja terlatih.

Unjuran air 2030 dan 2040 juga masa depan Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, permintaan air di negeri Johor dijangka meningkat dengan ketara menjelang 2030, 2035 dan 2040 akibat industri baharu. Seiring dengan kewujudan Data Centre, peningkatan kadar

pertumbuhan penduduk, projek perumahan dan pertanian moden, permintaan air menjadi semakin tinggi dalam tempoh yang singkat. Kerajaan negeri perlu mengumumkan Pelan Air Johor jangka panjang melibatkan pembinaan empangan, potensi air bawah tanah, loji rawatan dan saluran transmisi tambahan dan juga penyediaan garis panduan penggunaan air yang lestari. Ia bagi mengelakkan sebarang bentuk krisis air yang akhirnya merencatkan perkembangan sosial dan ekonomi negeri serta menjejaskan tarikan pelabur ke negeri ini di masa akan datang.

YB Timbalan Speaker : Panjang lagi Yang Berhormat?

YB Datuk Haji Mohd Fuad Bin Tukirin (Bukit Naning) : Sikit lagi. Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Datuk Speaker, minta maaf. Padi merimbun di tanah Naning, desa permai indah berseri, usaha kerajaan berpaut seiring. Naning menyokong serta hargai.

Angin selatan menyapa pelabuhan, Johor selatan menyapa pelabuhan. Johor berdenyut pembangunan baharu, bijak kerajaan merangka haluan. Rakyat sejahtera, negeri maju.

Yang Berhormat Datuk Speaker, segala isu hari ini adalah suara rakyat Bukit Naning yang perlu tindakan segera. Dengan komitmen kerajaan negeri dan semangat Johor bangkit, kita mampu menyempurnakan amanah ini. Saya berharap kerajaan negeri yang ada ini akan memberi perhatian serius kepada isu-isu yang telah saya bangkitkan sebentar tadi demi kesejahteraan rakyat Johor khususnya Bukit Naning. Kita bekerja bukan pujian, tetapi untuk kesejahteraan rakyat, kita bersuara bukan untuk politik tetapi untuk masa depan Johor.

Akhir kalam saya mohon maaf jika ada kesilapan dalam ucapan saya. Wabillahitaufik walhidayah Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Bukit Naning menyokong penuh Belanjawan Bangsa Johor Sejahtera 2026.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Bukit Naning. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, Rabu, 19 November 2025 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 6:51 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15

HARI KEEMPAT	RABU, 19 NOVEMBER 2025	BIL. 14 TAHUN 15

HADIR

Speaker Dewan Negeri Johor
YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.
(Rengit)

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya
YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
YB Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi
YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid
(Semerah)

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
YB Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia
YB Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi
YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan
YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah
(Mahkota)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)
YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

YB Puan Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

TIDAK HADIR

Menteri Besar Johor (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan)
YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.
(Machap)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Yang Berhormat Datuk Abd Aziz bin Engan, DPSM

Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Yang Berhormat Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, DMIJ., PIS, PSI.

TIDAK HADIR

Setiausaha Kerajaan Johor.
Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, DMIJ., PIS II.

.

Persidangan bermula jam 10:15 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(YB Speaker membaca doa).

Penolong Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sidang Dewan kita pada pagi ini dimulakan lewat kerana kita ada menghadapai masalah teknikal sistem audio kita. Dan kita terpaksa menggunakan mikrofon portable ya, seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat tengok ni, portable. Dan nanti Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri juga akan menjawab menggunakan *microphone portable* dan begitu juga Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya seperti mana yang saya maklumkan semalam kita amat dukacita dengan apa yang berlaku hari ini sehingga menyebabkan kita bermula lewat dan sudah tentu ini menganggu perjalanan sidang Dewan kita. Jadi oleh itu, saya berharap perkara ini diselesaikan segera kerana semalam juga saya sudah mengingatkan bahawa perkara ini perlu diselesaikan tapi nampaknya kita masih berhadapan dengan sistem kita yang nampak canggih, tetapi menimbulkan beberapa persoalan dari segi kecekapan dan juga kemahiran. Oleh itu saya berharap perkara ini diselesaikan segera terima kasih.

Penolong Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Kempas.

YB Haji Ramle bin Bohani (Kempas) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan saya nombor 1.

Apakah pelan dan perancangan kerajaan negeri Johor untuk memastikan tanah perkuburan Islam di kawasan bandar kekal mencukupi selaras dengan pertambahan penduduk dan pembangunan pesat negeri Johor?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah kerajaan negeri mempastikan pembangunan pesat di Kota Iskandar tidak hanya tertumpu kepada nilai komersial dan pelaburan sahaja, tetapi menetapkan satu kawasan tanah perkuburan Islam yang kini semakin berkurangan? Contoh diwujudkan di kawasan milik Iskandar Investment Berhad.

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullah, Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menjawab soalan yang pertama pada pagi ini. Datuk Speaker saya rasa Dewan terperanjat sikit, sebab pagi ini soalan yang pertama bukan biasa-biasa, dia pasal tanah kubur Datuk Speaker. Jadi, mungkin ada gangguan teknikal terperanjat Dewan ini. Datuk Speaker, soalan daripada Kempas, YB Kempas dan Kota Iskandar sangat baik. Apakah pelan perancangan kerajaan Johor memastikan tanah kubur di kawasan bandar mencukupi selaras dengan pertambahan kepesatan ekonomi Johor dan Kota Iskandar pula bertanya adakah kerajaan

memastikan pembangunan pesat di Kota Iskandar tidak tertumpu kepada komersial semata-mata, tetapi juga melihat kepada keperluan tanah kubur yang semakin berkurangan, terutamanya di kawasan milik Iskandar Investment Berhad.

Datuk Speaker soalan ini, baik sebab Rasullah SAW juga ada titipkan kepada kita, baginda disoal, ditanya oleh para sahabat (ayat Al-Quran) Nabi ditanya siapakah orang mukmin beriman yang cerdik maka nabi sebut, tuan-tuan dan puan-puan di sidang Dewan (ayat Al-Quran) orang yang paling cerdik kata nabi, orang yang paling banyak mengingat mati. Jadi, dua (2) soalan daripada Yang Berhormat kita ini memberi teladan yang bagus, mudah-mudahan pembangunan jangan cerita hanya soal kepesatan ekonomi, tapi mesti juga, melihat kepada keperluan di hari kemudian dan ketika di dunia isunya, isu tanah perkuburan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pengurusan tanah kubur di Johor tersusun mengikut kategori tertentu. Setiap kategori mempunyai bidang kuasa dan skop tanggungjawab yang berbeza mengikut garis panduan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Datuk Speaker, tanah kubur ini kita bahagikan Datuk Speaker.

Pertama, tanah perkuburan Islam kerajaan, ah.. ini biar semua perasan kenapa ada dua (2) kaedah pengurusan dan siapa agaknya yang uruskan tanah kubur ini yang berasingan, supaya masing-masing tahu siapa pengelola, siapa pengendali dan mana nak tuju. Tanah perkuburan kerajaan Datuk Speaker, maksudnya tanah perkuburan milik Majlis Agama Islam Negeri Johor atau rizab tanah perkuburan yang diurus oleh jabatan melalui Pejabat-Pejabat Kadi, ini yang pertama. Penyelenggaraan ini gunakan duit kerajaan, lokasi biasanya di kawasan bandar dan pinggiran bandar yang digunakan oleh masyarakat secara umum tanpa had kariah. Ha, ni beza dia, mana kariah pun bertindan, bersilih boleh guna tanah kubur kerajaan.

Tanah kubur yang kedua tuan-tuan sidang Dewan termasuk pemerhati, tanah kubur kariah, maksudnya tanah perkuburan milik Majlis Agama Islam juga Datuk Speaker, tanah wakaf kubur seluruh negeri Johor ni mesti dinamakan atas nama Majlis Agama Islam Negeri Johor atau rizab tanah perkuburan yang diurus, ditadbir oleh Jawatankuasa Pengurusan Kariah Masjid atau Surau tersebut, tapi di bawah penyeliaan Pejabat Kadi Daerah sebagaimana peraturan-peraturan Jawatankuasa Pengurusan Kariah Masjid dan Surau Negeri Johor 2019. Lokasi biasanya di kawasan pinggiran bandar dan luar bandar yang digunakan oleh ahli kariah dan penduduk setempat. Dari segi penyelenggaraan Datuk Speaker lazimnya tanah kubur kariah ini sumbangan orang tempatan. Tapi boleh juga mohon daripada Tabung Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Negeri Johor, ha ini beza dua (2) ini supaya jelas.

Datuk Speaker isu yang berikutnya keperluan tanah perkuburan Islam meningkat seiring pertumbuhan penduduk, betul. Kerajaan negeri Johor mengambil maklum bahawa pertambahan penduduk yang pesat, pembangunan komersial menyebabkan kapisiti tanah kubur sedia ada di kawasan bandar terutamanya Kempas dan Kota Iskandar tumpuan pada pagi ini semakin terhad. Data terkini Jabatan Agama Islam Ngeri Johor menunjukkan bahawa, kita tengok data yang kita sediakan. Tanah perkuburan Islam kerajaan Datuk Speaker banyak yang kat bandar ini, kerajaan punya tanah kubur. Di kawasan bandar dan pinggiran bandar telah mencapai 80 sampai 95 % penggunaan, jadi maksudnya orang bandar, orang Kempas, orang Kota Iskandar ini memang ramai dan penggunaannya lebih tinggi berbanding kawasan biasa macam dekat Semerah macam dekat Sri Medan. Contohnya tanah kubur sedia ada, Tanah Perkuburan Islam Bukit Alif, Datuk Speaker tengok tu, luas tu, 21 ekar, dekat Kempas, tapi Datuk Speaker dah tinggal 20 liang aje, itu yang YB Kempas sebut ni. Maksudnya YB Kempas bukan saja mengingat mati, dia pun nak fikir kalau orang kampung dia meninggal nak tanam dekat mana, terima kasih YB Kempas. Jangkaan tempoh guna pun tak lama tinggal dua (2) bulan aje. Tanah Perkuburan Islam Sungai Danga, ha ini lajak sikit dekat Perling, tapi dia *border* juga Datuk Speaker. Tanah kubur kerajaan lima (5) ekar, 95% dah digunakan, tempoh tinggal nak guna kurang setahun. Datuk Speaker baki ada 100 liang lagi, tapi saya difahamkan ada permintaan daripada orang kariah tinggal 100 liang ini berilah

kelebihan kepada orang kariah. Jadi itu yang saya kata YB Kempas dengan Kota Iskandar dia nak tengok macam mana Jabatan Agama Islam mengurus tanah perkuburan.

Ketiga, Tanah Perkuburan Islam Taman Impian Emas, ini kawasan Skudai tapi pun 80% dah guna dan ini ada banyak sikitlah bakinya tinggal 600 liang. Tapi pun kepadatan penduduk jangkaan setahun kurang, mungkin sahaja kita dapat gunakan. Bagi DUN Kempas Datuk Speaker, kawasan YB Kempas dia padat, setakat ni tak terdapat tanah perkuburan Islam kariah kerana faktor ketiadaan tanah wakaf yang sesuai dijadikan tanah perkuburan Islam. Oleh kerana tiada tanah perkuburan di kawasan Kempas sekiranya berlaku, kematian jenazah akan dikebumikan di kawasan tanah kubur yang agak jauh sikit, iaitu Tanah Perkuburan Islam Kerajaan Taman Impian Emas. Ini YB Kempas prihatin, terima kasih.

Manakala bagi Kota Iskandar, ha ini Kota Iskandar banyak tanah perkuburan kariah, ada 12 yang diurus oleh Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau Kariah dan Jawatankuasa Tanah Perkuburan yang dilantik oleh masjid dan kariah yang berdekatan. Ha ini keadaan-Datuk Spekar, keadaan-keadaannyalah yang tinggal berbaki itu. Dan kita juga lampirkan Datuk Speaker senarai untuk kita perhatikan di kawasan YB Kota Iskandar banyak juga kariah, tapi YB Kota Iskandar tanya tadi di kawasan yang lebih penting, lebih utama di kawasan Iskandar Investment.

Bagi menampung keperluan semasa ha ini kita punya jawapan Datuk Speaker. Beberapa tanah tapak perkuburan yang baharu telah dicadangkan untuk dibangunkan. Antaranya Tanah Perkuburan Islam Bukit Roziah, Gelang Patah. Seluas 10.26 ekar yang sedang dalam projek pembangunan di bawah Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) berjumlah RM1.8 juta. Peruntukan MAIJ Datuk Speaker dan Tabung Pengurusan Tanah Perkuburan Negeri Johor dijangka siap, ini Datuk Pandak insya-Allah Mei 2026 penggunaan tanah kubur ini siap, nanti pun tak lama boleh tampung Datuk Speaker, enam (6) tahun aje. Yang ini Datuk Speaker, kita tengok tu, kita boleh tampung insya-Allah ikut dia punya jadual tu 10 ekar lebih, kita boleh tampung 7,000 liang dan insya-Allah siap nanti Mei 2026.

Keduanya yang baharu Tanah Perkuburan Islam Taman Setia Eco Garden, ini pun kerajaan punya, lima (5) ekar dekat Kota Iskandar. Kapasiti liang nanti boleh muatkan 4,000 liang dan kosnya RM1.5 juta dijangka siap pada tahun 2026, tapi kalau siap pun sidang Dewan kita jangkakan lima (5) tahun ke depan aje penggunaannya dan mungkin nanti dah padat dan penuh. Selain itu, terdapat juga perancangan yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, terima kasih kepada PBT kita, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan EXCO, terima kasih Datuk untuk membangunkan tanah perkuburan Islam di kawasan Utara, Stadium Mount Austin luasnya 12.03 ekar yang terhasil daripada proses SBKS Kota Sri Johor oleh pemaju Tetuan Glenmarie Properties dan Neraca Prisma Sdn. Bhd. dengan bajet RM5.8 juta, maksudnya kerjasama daripada pemaju pun kita terima dan syukur alhamdulillah mereka majukan tanah tapi mereka tengok pembangunan tanah perkuburan kita.

Itu yang Datuk Speaker kita sebut, dia boleh tampung, ini besar sikit, di kawasan Puteri Wangsa ni. Dia boleh tampung 10,626 liang lot kubur dan kalau siap nanti dia punya tempoh penggunaan 10 tahun ke depan. Oleh itu, untuk memenuhi keperluan tanah perkuburan di setiap DUN terutamanya di bandar-bandar utama Johor Bahru, tidak dapat dilangsungkan secara sepenuhnya mengikut keperluan setempat itu. Tapi kadang-kadang Datuk Speaker, terpaksa dijarakkan sikit tapi sebab nak menyesuaikan dengan perancangan pihak PBT, perancangan PLAN Malaysia dan juga perbincangan dengan MAIJ dan juga JAINJ.

Datuk, kita ni kalau boleh nak dekat-dekat dengan perumahan tapi kadang-kadang kesesuaiannya itu, ada nasihat daripada PBT, PLAN Malaysia yang kita kena raikan bagi menempatkan tanah kubur ni di kawasan yang agak sesuai tapi mungkin agak sedikit jauh.

Datuk Speaker, Pelan Induk Perkuburan Islam Negeri Johor. Datuk Speaker ini kelebihan MAINJ dan JAINJ. Kita melaksanakan Pelan Induk Perkuburan Islam Negeri Johor yang

melibatkan unjuran nanti 10 ke 15 tahun yang akan datang. Maka setiap daerah dia dah ada kajian ini. Meliputi setiap daerah dan unjuran keperluannya mengikut kepadatan penduduk. Kita juga akan menyediakan tapak baru melalui perbincangan MAINJ dan juga JAINJ bersama PBT, mengenal pasti terutamanya di Bandaraya Johor Bahru keperluan tanah perkuburan-perkuburan yang baru seiring dengan pembangunan Maju Johor 2030.

Kita terima kasih kepada pihak PBT, pihak pemaju yang sentiasa mengikut garis panduan perancangan negeri Johor yang mereka tertakluk Datuk Speaker, untuk menyediakan tapak-tapak perkuburan terutamanya di bandar-bandar utama yang kepadatannya tinggi. Mengikut Garis Panduan Perancangan Negeri Johor ini, ada perancangan untuk zon tanah kubur, setiap pembangunan YB Kota Iskandar, wajib memasukkan zon kemudahan awam termasuk tanah kubur sebenarnya. Lapan ekar bagi setiap pembangunan yang melebihi 250 ekar. Maka inilah bidang kuasa MAINJ dan juga JAINJ dan juga PBT, kita harap dalam zon yang sama tapak kubur sentiasa dapat kita sediakan. Manakala kalau kurang daripada 250 ekar pemaju tidak dikehendaki menyediakan tapak kubur dalam kawasan itu tetapi dikehendaki menyumbang kepada Tabung Amanah Perkuburan supaya kita Datuk Speaker boleh buat *acquire* tanah dan nanti keperluan perkuburan semasa dapat dibelanjakan melalui perencanaan kewangan ini. Ia juga dikawal melalui KM, Kebenaran Merancang PBT dan melibatkan agensi teknikal yang berkaitan. Akhirnya, tiada kawasan bandar dan pusat bandar yang pesat akan terputus daripada kemudahan tanah perkuburan. Sentiasa dalam radar dan juga pemantauan kita.

Setiap daerah sekurang-kurangnya ketika ini mempunyai rizab mencukupi untuk 20 tahun ke atas cuma lazimnya Johor Bahru Datuk Speaker, tetap kena ada pelan khusus yang diberikan keutamaan. Dan akhirnya, saya nak promosikan Tabung Perkuburan Islam Negeri Johor, Datuk Speaker, kita tanya macam mana tanah perkuburan ini didanai, Datuk Speaker, siapa yang ada *handphone,* saya minta *snap* gambar ni. Nanti kita akan edarkan, ini Datuk Speaker kalau tak sempat pergi tabung masjid, boleh *QR* aje boleh *donate* kepada Tabung Pembangunan Tanah Perkuburan Negeri Johor dan sumbangkan. Sumbangan ini kita akan salurkan kepada tanah perkuburan kita semua yang memerlukan. Mudah-mudahan di samping kita bersedia untuk membuat tanah perkuburan lebih baik, dananya pun dapat kita kutip daripada semua dalam Dewan. Wallahualam. Terima kasih.

YB Speaker : Ada soalan tambahan pasal kubur? Sila, sila.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Semerah di atas penjelasan soalan daripada Kota Iskandar dan Kempas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahukah kita kenapa Allah ciptakan dunia dan akhirat, antaranya hidup untuk beramal, kubur tempat disoal, syurga tempat asal, neraka tempat menyesal.

Soalan tambahan Kota Iskandar, adakah JAIJ, Jabatan Agama Islam atau MAINJ dilibatkan sama untuk memberi ulasan teknikal melibatkan keperluan tanah kubur di PBT, hasilnya di Mesyurat OSC dan sebagainya. Dan, apakah mekanisme yang digunakan untuk memastikan rizab tanah kuburan dalam DUN yang sama tidak dialihkan kepada DUN yang lain. Dalam contoh pembangunan yang berlaku di Kota Iskandar, dialih ke DUN Tiram. Ini berlaku dahulu, Yang Berhormat Datuk Speaker, semasa UEM membangunkan Iskandar Puteri ni, adalah membangunkan Nusajaya, peruntukan dibayar oleh pemaju kepada Majlis Agama Islam, tetapi tak dibuat di dalam DUN Kota Iskandar, Iskandar Puteri. Saya beri contoh, bagaimana Perkuburan Cahaya Masai di MBPG diuruskan. Makna, kita hendak juga bawa, kalau boleh di kawasan Iskandar Puteri ini ada 2,000 ekar yang sedang dibangunkan oleh Iskandar Investment Berhad. Kebesaran, amat besar berhampiran Kampung Sungai Melayu, Datuk Speaker, kerja-kerja tanah sedang ditolak melibatkan hampir 3 hingga 5 ribu unit akan didirikan.

Apabila ditanya kepada PBT dalam RT, RT MBIP yang dipamerkan sekarang, tak ada tanah perkuburan walaupun disyaratkan oleh MBIP ketika pimpinan Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Haffiz ketika menjadi Datuk Bandar, tetapi apabila saya tengok dalam RT

yang terbaru dipamerkan tak ada. Jadi, kita minta kepastian, kerajaan negeri bertegas ataupun MAINJ, Jabatan Agama pastikan bahawa sekurang-kurangnya berskala besar ni, 2,000 ekar lebih ni ada tanah perkuburan diwujudkan di tempat yang sama iaitu berhampiran dengan Kampung Sungai Melayu. Kampung Sungai Melayu, Datuk Speaker, dia ada 5 ekar. Jadi, kalau ditempatkan 35 ekar kita ada kawasan persekitaran yang baik untuk perkuburan sebagaimana yang contoh di MBPG, di Perkuburan Cahaya Masai. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya setuju sangat dengan YB Kota Iskandar. Sebab itu, sebenarnya saya sebut tadi ada Garis Panduan Perancangan Negeri Johor Edisi 2019 pasal tanah kubur.

Datuk Speaker, saya beri komitmen dan saya minta sahabat saya, YB Datuk Bukit Permai, EXCO, kena pastikan bahawa Garis Panduan ni digunakan sama-sama dan kita kena pastikan keperluan tanah perkuburan di zon yang tersebut mesti dibangunkan sebab Datuk Speaker, saya sebut tadi, bagi keluasan pembangunan melebihi 250 ekar ikut Garis Panduan dia mesti ada 8 ekar di kawasan itu. Jadi, Datuk Speaker, saya kena katakan Portfolio saya kerjasama rapat dengan YB Bukit Permai untuk pastikan hasrat YB Kota Iskandar tadi tu dapat dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan dan PLAN Malaysia, PBT kena akur kepada Garis Panduan ini. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Saya rasa Yang Berhormat kita boleh pertimbangkan, ambil contoh macam di Metafora, ya, maksudnya boleh ditanam jenazah itu di kawasan rumah kepada keluarganya. Jadi, lagi senang dijaga, lagi senang dilawat tapi kalau sekiranya ada 10 yang meninggal, 10 lah batu nisan dekat kawasan rumah tu ye. Tapi ini saya rasa satu cara terbaik untuk mengatasi masalah kekurangan tanah wakaf dan senang pula untuk keluarga melawat. Ini mungkin kita boleh pertimbangkanlah kalau masalah tanah wakaf ni.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Saya ambil maklum nasihat Datuk Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ingin mengalu-alukan kehadiran pemerhati iaitu 20 orang daripada DUN kawasan Larkin dan 3 orang daripada DUN kawasan Senai. Dijemput Yang Berhormat Johor Lama.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah cadangan kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah kepadatan pesakit di Hospital Kota Tinggi serta infrastruktur dan fasiliti yang kian usang memandangkan jumlah penduduk juga bertambah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih, terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Datuk Speaker, Salam Maju Johor, Salam Bangsa Johor Sihat Sejahtera. Terima kasih soalan dari Johor Lama yang menanyakan mengenai, yang mengenai kepadatan pesakit di Hospital Kota Tinggi. Dan kerajaan negeri mengambil maklum isu kepadatan pesakit serta kemudahan infrastruktur yang kian uzur di Hospital Kota Tinggi. Beberapa langkah telah dan sedang dilaksanakan dan di antaranya pelaksanaan inisiatif Hospital Kluster bersama Hospital Sultan Ismail (HSI) dan Hospital Mersing yang membolehkan perkongsian tenaga pakar serta perkhidmatan perawatan pesakit.

Yang kedua, kelulusan projek naik taraf dan pembaikan infrastruktur melalui peruntukan pembangunan KKM dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan keutamaan bagi memastikan fasiliti hospital berada dalam keadaan baik dan selamat.

Yang ketiga, pembinaan Klinik Kesihatan Bandar Kota Tinggi yang kini sedang berjalan dan dijangka siap pada hujung tahun ini dan boleh beroperasi pada awal tahun hadapan. Apabila siap klinik tersebut, klinik ini akan dijangka dapat mengalihkan sebahagian pesakit luar daripada Jabatan Pesakit Luar Hospital Kota Tinggi sekaligus mengurangkan kesesakan di Hospital Kota Tinggi.

Datuk Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seisi Dewan juga, pada 10 November, saya telah buat *spotcheck,* kebetulan di Hospital Kota Tinggi. Dan Hospital Kota Tinggi sedang melaksanakan dua kerja naik taraf pertama. Yang pertama, kerja pendawaian semula bangunan lama di Zon C dan Zon D dengan kos RM493,410.00. Projek ini bermula pada 13 Jun 2025 dan dijangka siap pada hujung bulan November ini.

Dan, kerja naik taraf yang kedua adalah kerja penggantian sistem vakum nombor satu sedang dijalankan dengan kos sebanyak RM349,500.00 dan bermula pada 25 Mei dan juga dijangka siap pada hujung bulan ini.

Untuk makluman seisi Dewan juga, dan melalui peruntukan kerajaan negeri juga pada tahun ni, kerajaan negeri telah menyalurkan sebanyak RM70,000.00 bagi Hospital Kota Tinggi untuk pembelian dua alat iaitu satu *portable ventilator* dan satu unit untuk *patient monitoring parameter.* Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Pasir Raja. Dijemput Yang Berhormat Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 7.

Apakah tindakan penguatkuasaan yang telah sedang dilaksanakan terhadap premis perniagaan yang dimiliki atau dikendalikan oleh warga asing tanpa kebenaran yang sah?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirahmannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, YB ADUN Pekan Nanas bertanyakan tentang tindakan penguatkuasaan yang diambil kepada warga asing yang dikendalikan oleh warga asing tanpa kebenaran yang sah.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, Pihak Berkuasa Tempatan yakni PBT seluruh negeri Johor sentiasa melaksanakan tindakan-tindakan penguatkuasaan secara berterusan bagi membanterasi premis perniagaan yang dimiliki dan dikendalikan oleh warga asing tanpa kebenaran yang sah. Tindakan ini dilaksanakan melalui rondaan harian, pemeriksaan berkala, operasi besar-besaran serta kerjasama strategik bersama agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), KPDN, SSM, Jabatan Tenaga Kerja dan juga agensi lain yang berkaitan. Pendekatan ini dilakukan secara bersepadu untuk memastikan pelaksanaan undang-undang berjalan dengan tegas dan konsisten.

Berdasarkan laporan penguatkuasaan di kawasan 16 PBT bagi tempoh Disember 2024 sehingga Oktober 2025, data menunjukkan peningkatan ketara dalam setiap komponen tindakan penguatkuasaan pada tahun 2025 berbanding 2024. Nilai kompaun juga meningkat dengan signifikan daripada RM30,000.00 pada tahun 2024 kepada RM180,000.00 pada tahun 2025. Ini menggambarkan kesungguhan PBT memperhebatkan tindakan serta menghalang mengulangi kesalahan. Secara keseluruhan prestasi ini membuktikan bahawa usaha membanteras aktiviti peniaga warga asing tanpa lesen dilaksanakan secara lebih tegas, agresif dan menyeluruh sepanjang tahun 2025. Antara tindakan penguatkuasaan yang diambil termasuk pemeriksaan lesen, serbuan, tindakan sitaan barangan, pengolahan, pengeluaran kompaun, pembatalan lesen, penutupan premis serta rampasan lesen bergantung kepada tahap risiko dan jenis pelanggaran undang-undang.

Dari hasil operasi sepanjang tempoh Disember 2024 hingga Oktober 2025, Laporan Penguatkuasaan merekodkan 158 notis kesalahan, 304 kompaun dan 552 tindakan sitaan, selain penutupan sementara premis dengan pemasangan tali kuning sebagai kawalan dan pencegahan pengulangan kesalahan. Melalui operasi ini, majoriti PBT turut mengenal pasti bahawa banyak premis sebenarnya dimiliki oleh warga tempatan, namun diserahkan pengurusannya kepada warga asing yang melibatkan sektor seperti kedai runcit, kedai serbaneka, pusat cuci kereta. Tindakan tegas telah diambil untuk membanterasi penyalahgunaan pemilikan lesen. Sebagai contoh, Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah memperkenalkan dasar yang lebih ketat, termasuk larangan mengambil pekerja asing dalam

sektor peruncitan serta tidak meluluskan lesen kepada pemohon yang dikesan menggaji warga asing tanpa dokumen yang sah. PBT lain seperti Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Perbandaran Muar, Majlis Perbandaran Batu Pahat, MPKu, Segamat, Majlis Perbandaran Pengerang, Majlis Perbandaran Pontian dan Majlis Daerah Tangkak turut melaksanakan tindakan menyeluruh melalui kompaun, sitaan, operasi bersepadu berskala besar, penutupan premis serta pembatalan lesen.

Turut dilaporkan ialah siri operasi penguatkuasaan oleh Majlis Perbandaran Pontian pada 6, 13 dan 16 Oktober 2025. Selain itu, dokumentasi bergambar operasi di semua 16 PBT melibatkan Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di seluruh negeri. Ini menggambarkan komitmen menyeluruh dan tindakan langsung yang berterusan di peringkat lapangan.

Secara keseluruhan, PBT di Johor mengamalkan pendekatan penguatkuasaan yang konsisten dan tegas berdasarkan Undang-Undang Kecil Pelesenan, Akta 171, UUK Pelesenan serta Peraturan Imigresen bagi memastikan hanya pemilik dan pengendali perniagaan yang sah dibenarkan beroperasi. Usaha ini turut diperkukuhkan melalui pemantauan berjadual, pengeluaran notis serta pemberitahuan kepada para pemilik premis bagi mencegah pemindahan lesen secara tidak sah atau penyalahgunaan premis oleh warga asing. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, sila Bentayan.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas): Adakah kerajaan negeri bercadang memperketatkan lagi dasar penguatkuasaan dengan melaksanakan larang pengambilan pekerja asing dalam sektor peruncitan serta menjadi mandatori penolakan permohonan lesen bagi mana-mana individu tempatan yang telah didapat meminjamkan lesen mereka kepada warga asing untuk menjalankan perniagaan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada YB Pekan Nanas. Saya sebenarnya menyertai pelbagai operasi yang melibatkan warga asing. Jadi dari *profiling* yang kita buat Datuk Speaker, kita mendapati hampir lebih 70% mereka yang orang-orang tempatan ni menyewakan lesen kepada warga asing. Jadi kita bila kita buat operasi itu ke premis-premis berkaitan jadi akan datanglah orang tempatan seolah-olah dialah pemilik kedai itu atau kedai runcit itu. Dan ini saya ingat telah berlaku berbelas tahun dan ini juga di peringkat dasar khasnya di peringkat SSM membenarkan warga asing untuk mendaftar dalam Akta Daftar Syarikat.

Saya menerima banyak maklum balas daripada orang-orang tempatan, adakah akan datang ini warga-warga asing ini khasnya peruncitan, kerja kedai serbaneka hanya dipelopori oleh warga-warga asing? Jadi, dari segi PBT itu sendiri kita telah bengkelkan untuk melihat tindakan yang lebih tegas. Sebagai contoh, hari ini bila kita *check,* isteri orang Malaysia tetapi suami warga asing tapi yang menjalankan perniagaan tu warga asing. Dalam keadaan macam ni, adakah kita perlu mengambil tindakan yang tegas kepada warga asing tersebut sedangkan isteri dia adalah warga tempatan? Dan ini yang isu yang kedua, *owner* lesen adalah orang tempatan tetapi yang menjalankan perniagaan ni adalah warga asing. Sebagai contoh kedai Acheh dan sebagainya. Jadi, hari ini rakyat melihat bahawa seolah-olah PBT ini tidak mengambil tindakan tetapi dari sudut SSM pendaftaran syarikat, dari sudut lesen perkara itu dibenarkan.

Sebab itu dah sampai masa kalau di peringkat kerajaan boleh kita setujukan bahawa pada masa akan datang kita kena hadkan atau kita kena kawal atau *zoning* kan hanya mereka yang betul-betul orang tempatan dibenarkan berniaga contoh di FELDA, di kampung-kampung dan di pekan-pekan. Di bandar ni, secara terbukanya semua orang boleh berniaga tak kira warga asing ke warga Malaysia, semua boleh. Pasal *shopping-shopping complex* dan sebagainya pemilikan semua ada yang warga asing tetapi yang kita nak perlu pertahankan ini ialah di

kampung, di FELDA dan di pekan-pekan ini Datuk Speaker yang dah sampai masanya untuk kita buatkan garis panduan yang baharu secara hikmah, supaya di peringkat pemilik lesen itu sendiri tidak terkesan atas tindakan yang kita buat.

Sebab itu di Pasir Gudang kita buat *pilot run project* di mana-mana peniaga-peniaga, pemilik-pemilik kedai runcit mereka mesti, apa, pekerja dia mesti orang tempatan. Kalau ada warga asing, mesti ada permit dan sebagainya. Tapi ini penguatkuasaan dalam sudut *pilot run project* dan kalau perkara ini berjaya, dan kita akan laksanakan pada PBT-PBT lain. Tapi saya cukup terkesan khasnya di peringkat peniaga-peniaga kita tak kiralah Cina, Melayu, India khasnya di FELDA, di pekan, di kampung-kampung bila mereka terpaksa bersaing dengan warga asing. Sebab warga asing ni akan jual dengan harga yang murah. Sebab tu di pasar-pasar tani, pasar-pasar pagi sekarang ni dah tak nampak lagilah peniaga-peniaga warga asing sebab di peringkat PBT memang saya arahkan bahkan mengambil tindakan sewajarnya. Contoh ya, dia ikan kembung kecil, satu kilo, warga asing jual RM10.00, kita warga tempatan jual RM13.00 sebab kos kita sedikit tinggi. Mereka dapat untung RM1.00 pun cukup, tetapi warga tempatan kena untung RM2.00 atau RM3.00. Jadi, banyak warga kita pulak beli dengan warga asing dan tidak utamakan warga tempatan. Dan perkara-perkara inilah Datuk Speaker, dan insya-Allah di peringkat kerajaan, saya akan bertindak tegaslah dan saya pun secara dasarnya memang dah bermula daripada Disember 2024, kita buat penguatkuasaan secara berkala. Sebab itu data tadi boleh melihat bahawa sebelum ini tak ada data, selepas Disember 2024 sampai Oktober ini ada data. Maksudnya, kita wajibkan setiap PBT setiap minggu, dua minggu sekali akan buat penguatkuasaan dan perkara ini berlaku setiap minggu, insya-Allah. Terima kasih.

YB Speaker : Adakah Yang Berhormat mencadangkan SSM tidak membenarkan warga asing mendaftar syarikat perniagaan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Sebelum ini SSM ni di bawah *federal*, sebab itu bila kita dapati bahawa warga asing di peringkat SSM dia membenarkan untuk pendaftaran warga asing untuk berniaga. Yang itu pernah kita rujuk di peringkat SSM tetapi tidak ada maklum balas. Tetapi, apa yang saya risaukan sekarang ini kalau saya ingat semua YB-YB pun tahu ke mana, Sidang Dewan pun tahu bahawa bila kita tengok di kawasan kampung, di kawasan pekan, FELDA-FELDA, kedai-kedai runcit orang tempatan semakin hari semakin berkurang. Sebab apa, sebab tidak boleh bersaing dengan warga asing yang, apa yang daripada harga dia lebih murah dan sebagainya. Sebab itu kalau SSM tidak bersetuju untuk tidak melesenkan untuk warga asing, kita di peringkat PBT akan buat kaedah yang lain supaya kita boleh menyekat atau *zoning* kan kawasan-kawasan tertentu mungkin tidak benarkan pemilikan warga asing termasuk juga sewa ali baba ini juga. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Kukup.

YB Dato' Jefridin bin Atan (Kukup) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, sorong papan, tarik papan, soalan saya nombor 8.

Apakah status terkini projek Loji Rawatan Air baharu yang dirancang di Johor serta bagaimana kerajaan negeri menjamin bekalan air bersih mencukupi sehingga tahun 2030?

YB Speaker : Sorong papan tarik apa tadi Yang Berhormat? Sebab itulah, saya tak dengar. Saya ingat tarik lapan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh, salam sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kukup. Bagi memastikan bekalan air terawat yang mencukupi dan mampan, kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan sedang melaksanakan beberapa projek loji rawatan air (LRA) di negeri

Johor. Satu jawatankuasa khas telah pun ditubuhkan bagi memantau kemajuan projek-projek yang melibatkan bekalan sumber air dan juga air terawat serta projek-projek tebatan banjir di negeri Johor. Pada awalnya jawatankuasa ini dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian PETRA, Dato' Sri Haji Mad Zaidi Mohd Karli dan saya sendiri, namun mesyuarat jawatankuasa seterusnya akan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri PETRA, Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, berdasarkan unjuran semasa, permintaan air terawat di negeri Johor dijangka terus meningkat selari dengan pertumbuhan penduduk, pembangunan industri serta pelaksanaan inisiatif strategik seperti zon ekonomi khas Johor Singapura (JS-SEZ) dan pembangunan pusat data. Terdapat 48 LRA sedia ada yang mempunyai kapasiti reka bentuk untuk menghasilkan 2,352 juta liter sehari dan purata pengeluaran bagi tahun 2025 adalah sekitar 2,037 juta liter sehari. Unjuran bagi tahun 2030 ialah 2,700 juta liter sehari manakala bagi tahun 2035 meningkat kepada 3,000 juta liter sehari dan bagi tahun 2040 kita anggarkan ianya akan meningkat lagi kepada 3,300 juta liter sehari. Peningkatan permintaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pembangunan baharu infrastruktur bekalan air di negeri Johor. Penilaian yang dibuat oleh pihak Ranhill SAJ, kemudiannya perancangan diluluskan oleh SPAN dan akhirnya pembiayaan diluluskan oleh pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Lima projek pembangunan loji rawatan air (LRA) dijangka bakal siap menjelang tahun 2035.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dua projek yang dalam pelaksanaan ialah LRA Pakej Pelan Semangar bernilai RM70 juta dengan kapasiti 50 juta liter sehari yang bakal siap pada tahun hadapan 2026 di mana ianya akan memberikan bekalan di kawasan Kulai dan Sedenak. Manakala bagi projek LRA Layang 2 Fasa 2 ianya dijangka siap pada tahun 2027 dengan kapasiti 160 juta liter sehari dibekalkan ke kawasan Johor Bahru dan Iskandar Puteri. Projek ini bernilai RM114 juta. Projek LRA Semangar 3 dan LRA Kayu Ara Pasong yang masing-masing bernilai RM750 juta dan RM537 juta sedang dalam peringkat konsep reka bentuk dan reka bentuk terperinci. Kawasan yang terlibat bagi kedua-dua projek ini ialah Johor Bahru, Kulai dan Pontian dengan jumlah kapasiti 290 juta liter sehari.

Untuk makluman Yang Berhormat Kukup, bagi pembinaan LRA Kayu Ara Pasong. Pada asalnya pihak Ranhill SAJ mencadangkan kapasiti bagi LRA ini hanyalah 30 juta liter sehari. Namun, disebabkan projek pembinaan baraj dan takungan air pinggiran (TAPS) Sungai Pontian Johor yang sedang dalam pembinaan berkapasiti 90 juta liter sehari, maka kerajaan negeri mencadangkan supaya kapasiti LRA ini ditingkatkan daripada 30 juta liter sehari kepada 90 juta liter sehari. Walau bagaimanapun, pihak PAAB mencadangkan supaya LRA ini dibina dengan kapasiti 30 juta liter sehari dulu dengan kos RM191 juta manakala baki 60 juta liter sehari akan dilaksanakan pada fasa 2. Keseluruhan projek ini akan memberi manfaat kepada 46,000 orang, 46,000 akaun pengguna di daerah Pontian. Yang Berhormat Datuk Speaker bagi menyokong lagi keupayaan LRA di negeri Johor ini, pihak Ranhill SAJ sedang dalam pelaksanaan projek *rezoning* yang kini berada difasa perolehan. Projek-projek *rezoning* ini akan menghubungkan paip-paip sedia ada daripada LRA-LRA khususnya di daerah Johor Bahru, Kota Tinggi, Pontian dan Kulai bagi membantu mengurangkan tempoh gangguan, sekiranya terjadi isu luar jangka gangguan bekalan air di lokasi-lokasi tertentu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jika dapat saya kongsikan di sini empat (4) pakej dalam projek *rezoning* dengan anggaran kos keseluruhan mencecah RM1.02 bilion. Pakej pertama ialah menaik taraf sistem agihan secara *rezoning* di Iskandar Malaysia melibatkan kawasan Pasir Gudang, Kempas Banjaran, Impian Emas, Johor Jaya dan Sutera Utama. Di mana *Booster Station* akan berada di Setia Tropika. Pakej dua ialah sistem agihan baru dari LRA Semangar ke Bukit Kulai Resolver. Yang ketiga pemasangan paip dari tangki pengimbang Masai bagi kegunaan kawasan Masai dan persiaran Mahkota dan pakej yang keempat ialah pembinaan sistem agihan utama dari Damansara Alif ke Iskandar Puteri bagi manfaat Damansara Alif, Perling dan Iskandar Puteri.

Projek *rezoning* ini dijangka dapat mengoptimumkan pengagihan bekalan air terawat sehingga 260 juta liter sehari menjelang tahun 2027. Keperluan projek bekalan air terawat ini bukan sahaja bagi memenuhi keperluan domestik dan industri, malah ianya juga melibatkan pertumbuhan Pusat Data di negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, sila Kukup.

YB Dato' Jefridin bin Atan (Kukup) : Tentang jangka masa panjang kita mengenai air terawat. Soalan saya ialah sejauh mana kita di Johor ini masih lagi bergantung kepada mengimport air terawat daripada Singapura, sedangkan kita melihat terlalu banyak *investment* yang telah kita buat untuk memastikan bekalan air di Johor ini mencukupi. Saya nak tahulah kalau ada data terkini atau pun kita boleh *stop* daripada mengimport air terawat daripada Singapura, terima kasih Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kukup. Untuk makluman memang ada *agreement* untuk Johor membeli air terawat daripada Singapura dan ianya adalah atas kapasiti jika diperlukan. Oleh itu untuk makluman semua kita faham bagi isu tempohari, apabila air Sungai Johor tercemar Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat tujuh (7) loji rawatan air di kawasan itu menyebabkan kita terpaksa kadang-kadang mengimport air terawat daripada Singapura. Tapi, berdasarkan projek-projek yang saya sebutkan tadi sehingga 2040 kita memang perancangan ini termasuk sekali untuk mengurangkan kebergantungan kita dengan air terawat daripada Singapura.

Kita sebut projek ni sebagai projek *zero defense* kepada air Singapura. Insya-Allah sekiranya projek-projek ini selesai khususnya satu projek yang bernilai agak tinggi, LRA Sedili Besar yang kita jangka boleh siap pada menjelang 2031 projek ini bernilai RM2.4 bilion yang akan menambah kapasiti air terawat kita sebanyak 600 juta liter sehari. Ini ialah *key point* kita untuk memastikan menjelang tahun 2030 kita dapat mengurangkan kita kebergantungan kepada air Singapura dan kita mencapai hasrat *zero digital* terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat tangki air Rengit dah lantik kontraktor belum?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Dalam proses Yang Berhormat.

YB Speaker : Ha itulah jawapan dari dulu saya dengar begitu aje, macam mana nak maju. (Dewan bertepuk) Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika terdapat soalan-soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama. Saya jemput Yang Berhormat Bentayan untuk berbahas.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Salam sejahtera, selamat petang, Yang Berhormat Datuk Speaker, jutaan terima kasih diucapkan atas peluang yang diberikan kepada Bentayan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Johor Bagi Tahun 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Khamis lepas di dalam Dewan yang mulia ini. Bentayan ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan selamat kepada ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Ibrahim sempena ulang tahun hari keputeraan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku pada 22 November 2025. Bentayan turut menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang telah baginda berikan demi kesejahteraan Bangsa Johor.
Yang Berhormat Datuk Speaker, Bentayan merakamkan penghargaan kepada kerajaan negeri atas pelaksanaan Bantuan Kasih Johor yang merangkumi 23 inisiatif, memberi manafaat kepada lebih 350,000 rakyat dengan peruntukan kira-kira RM170 juta. Bantuan ini meliputi pelbagai golongan seperti anak yatim, ibu tunggal, warga emas, OKU, petani, nelayan

serta sukarelawan Southern Volunteers. Ini membuktikan keprihatinan kerajaan negeri terhadap kebajikan rakyat tanpa mengira latar belakang. Namun, dan semangat penambahbaikan Bentayan percaya bantuan ini boleh memberi kesan ekonomi berganda kepada rakyat dan peniaga tempatan jika disusun dengan lebih strategik.

Pada masa ini semua BKJ diberikan dalam bentuk tunai sekali bayar. Walaupun melegakan tunai tidak menjamin, dia dibelanjakan untuk kepeluan asas seperti makanan dan barangan dapur. Justeru, Bentayan mencadangkan supaya sebahagian BKJ ditukar baucar tunai. Sebagai contoh, RM400.00 diberikan, RM200.00 kekal tunai dan RM200.00 lagi dalam bentuk baucar yang hanya boleh dibelanjakan di kedai runcit tempatan, pasaraya kecil, pasar awam, gerai makanan dan pusat penjaja berdaftar. Pelaksanaannya mampu memberi impak yang jauh lebih besar khususnya kepada peniaga kecil, mikro usahawan dan pasar tempatan.

Baucar ini akan menggerakan kuasa rakyat terus ke ekonomi setempat dan mengukuhkan rantaian ekonomi akar umbi. Pendekatan ini bukan sahaja membantukan penerima untuk memenuhi keperluan asas tetapi turut menyuntik kuasa beli ke dalam komuniti. Menjadi RM1.00 bantuan, kerajaan berputar beberapa kali dalam ekonomi rakyat, ini maksud mahu *TIBER economic impact*, dengan izin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bentayan menyokong penuh semangat BKJ yang berpaksikan prinsip tiada rakyat Johor yang tertinggal. Cadangan ini bukan untuk mengubah dasar tetapi untuk memperkukuhkan keberkesanan bantuan agar lebih inklusif dan mampan. Bantuan tunai tetap penting namun gabungan bantuan tunai dan baucar tempatan akan memberi manfaat dua hala, membantu rakyat yang memerlukan dan dalam yang sama menghidupkan aktiviti ekonomi peniaga kecil, nadi ekonomi negeri Johor. Seperti pepatah, bantuan yang baik bukan hanya membeli ikan, tetapi menghidupkan semula kolam dia. Isu kos sara hidup kekal menjadi cabaran utama rakyat Johor.

Bentayan yakin kerajaan negeri akan terus memberi tumpuan terhadap isu ini, harapan kami inisiatif seterusnya bukan sahaja mengurangkan beban rakyat tetapi turut merangsang pertumbuhan ekonomi di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun nilai ringgit menunjukkan peningkatan berbanding dolar Amerika kebelakangan ini, realitifnya keadaan ekonomi global masih belum stabil. Harga komoditi yang tidak menentu, ketegangan geopolitik serta kelembapan pasaran eksport terus memberi tekanan kepada sektor PKS kita. Di Johor ramai usahawan kecil berdepan aliran tunai yang ketat, kos bahan mentah yang masih tinggi serta penurunan permintaan dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Keadaan ini menyebabkan sebahagian PKS bergelut untuk mengekalkan operasi dan pekerja mereka. Menurut laporan SME Coop lebih 55% PKS di Malaysia mencatatatkan penurunan jualan sejak tahun lalu. Manakala sebahagian lagi berdepan kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

Situasi ini turut dirasai di Johor terutamanya dalam sektor makanan, ubatan, perusahaan desa. Bentayan ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan negeri atas berbagai inisiatif diumumkan dalam belanjawan Johor 2026 termasuk program *Meh Support Local*, bantuan tapak usahawan maju Johor serta penubuhan Johor Halal Development Cooporation. Langkah-langkah ini jelas menunjukkan iltizam kerajaan negeri dalam menyokong eko sistem keusahawanan. Namun, dalam keadaan ekonomi yang masih mencabar walaupun ringgit menunjukkan tanda pemulihan, PKS memerlukan sokongan yang lebih bersifat jangka panjang, mampat dan menyeluruh. Bukan sekadar bantuan sekali bayar atau bersifat sementara.

Pertama, Bentayan mencadangkan penubuhan dana pusingan Mikro Johor, satu skim pinjaman tanpa faedah atau faedah rendah yang membantu usahawan kecil mendapatkan modal kerja bagi menampung operasi harian. Kerjasama dengan Tekun Nasional atau Institusi Perbankan Islam boleh mengukuhkan keberkesanan skim ini.

Kedua, Bentayan mencadangkan Geran Digitalisasi PKS Johor iaitu geran pandangan untuk membantu PKS meningkatkan sistem jualan pemasaran dan operasi melalui penggunaan teknologi digital dan automasi.

Ketiga, kerajaan negeri boleh memperkenalkan Program Johor Eksport *Ready* bagi menyediakan latihan, bimbingan dan sokongan persediaan eksport sekaligus membantu PKS menembusi pasaran Singapura, Asean dan Timur Tengah.

Keempat, Bentayan mencadangkan skim jaminan kredit PKS Johor dimana kerajaan negeri menjadi penjamin sebahagian bagi PKS yang berpotensi menambah kekurangan cagaran. Langkah ini akan memperluaskan akses pembiayaan kepada lebih ramai pengusaha tempatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bentayan percaya kerajaan negeri boleh berbuat lebih untuk PKS kerana kekuatan ekonomi Johor sebenarnya, bergantung pada ketahanan dan produktiviti PKS sebagai tulang belakang negeri.

Justeru, Bentayan menggesa kerajaan negeri menjadikan sokongan kepada PKS sebagai agenda strategi lima (5) tahun akan datang. Dengan komitmen semua pihak, Bentayan yakin Johor mampu mengekalkan pertumbuhan kukuh serta memastikan usahawan kecil turut menikmati kemakmuran negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bentayan ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu penuaan penduduk di negeri Johor yang semakin ketara dan perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan negeri serta agensi-agensi berkaitan. Berdasar statistik Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga bulan Julai 2025, jumlah warga emas berumur 60 tahun ke atas di Johor seramai 466,100 orang. Angka ini dijangka meningkat kepada 617,200 orang menjelang tahun 2030. Perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa Johor sedang menuju ke arah masyarakat menua dan kita perlu mula membuat persediaan dari sekarang khususnya dari aspek kemudahan kesihatan, kebajikan sosial dan infrastruktur sokongan warga emas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam menghadapi realiti masyarakat menua ini, kesiapsiagaan sistem kesihatan negeri amat penting. Kita perlu memastikan hospital dan klinik yang sedia ada mencukupi, lengkap dan mampu menampung peningkatan keperluan rawatan warga emas dari semasa ke semasa. Bentayan menyambut baik langkah Kementerian Kesihatan Malaysia yang kini memberi tumpuan kepada pembinaan hospital baharu seperti Hospital Pasir Gudang dan perancangan Hospital Sultanah Aminah Kedua di Skudai. Namun begitu, saya ingin, Bentayan ingin mengingatkan agar kerajaan tidak melupakan hospital-hospital sedia ada di daerah-daerah lain khususnya Hospital Pakar Sultanah Fatimah di daerah Muar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, HPSF telah lama berperanan sebagai hospital rujukan utama di kawasan utara Johor. Namun, hospital ini sering berdepan dengan cabaran dalam mendapatkan peruntukan bagi kerja-kerja naik taraf kemudahan dan peralatan asas. Akibatnya, terdapat senarai panjang kerja-kerja penyenggaraan kecil yang tertangguh sekian lama. Dalam kesempatan ini, Bentayan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor kerana telah memberi perhatian kepada keperluan HPSF dengan meluluskan peruntukan bagi menaik taraf Jabatan Kecemasan dalam Belanjawan Negeri 2025.

Bentayan amat menghargai keperhatian kerajaan negeri dalam hal ini. Namun demikian, Bentayan ingin menegaskan bahawa usaha menaik taraf hospital ini tidak seharus bersifat sekali gus, *one-off* dengan izin, Bentayan berharap agar kerajaan dapat mempertimbangkan peruntukan berterusan dari tahun ke tahun supaya keperluan HPSF dapat dipenuhi secara berperingkat, menyeluruh dan mampat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan jumlah warga emas yang semakin meningkat kemudahan kesihatan yang lengkap, mudah diakses dan diselenggara dengan baik adalah

kunci kepada membentukkan negeri yang sihat, sejahtera dan berdaya tahan. Walaupun bidang kesihatan secara dasarnya terletak di bawah kuasa kerajaan persekutuan. Namun kita tidak boleh hanya bergantung sepenuhnya kepada kerajaan pusat. Seiring dengan peningkatan hasil dan kemampuan kewangan kerajaan negeri Johor, Bentayan berpandangan sudah tiba masanya kerajaan negeri memainkan peranan lebih proaktif dan bertanggungjawab bersama dalam membantu memperkukuhkan prasarana kesihatan negeri termasuk menyokong hospital-hospital daerah seperti HPSF. Bentayan berharap kerajaan negeri akan terus menjadikan suara yang kuat dan memperjuangkan keperluan naik taraf, kemudahan kesihatan di peringkat daerah agar tiada kawasan atau rakyat Johor yang terpinggir dalam arus pembangunan dan kesejahteraan kesihatan negeri ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sejak beberapa bulan kebelakangan ini, kita sering dikejutkan dengan pelbagai insiden yang berlaku di sekolah. Kes buli, gangguan seksual, marah, tragedi yang meragut nyawa, semua ini menimbulkan persoalan yang mendalam dalam kalangan masyarakat. Adakah sekolah kita masih selamat? Apakah yang telah berlaku dalam sistem pendidikan kita dan apakah yang sedang menimpa generasi anak-anak kita pada hari ini. Insiden-insiden yang menyayatkan hati ini mengingatkan kita bahawa isu pendidikan hari ini bukan lagi sekadar soal akademik semata-mata tetapi telah menjadi satu krisis sistemik dan kemanusiaan. Kita sering menekankan tentang kepentingan kesihatan mental pelajar dan ini memang sangat penting.

Namun, pada masa yang sama kita tidak boleh mengabaikan tekanan dan cabaran yang dihadapi oleh para guru. Ramai guru mengadu bahawa tekanan kerja mereka semakin meningkat. Selain mengajar, mereka turut dibebankan dengan pelbagai tugasan pentadbiran, aduan ibu bapa, penilaian prestasi, laporan berkala dan juga tanggungjawab mengendalikan aktiviti kokurikulum. Ramai dalam kalangan mereka memberitahu bahawa selepas pulang ke rumah, mereka masih perlu menyemak kerja pelajar, mengisi sistem dalam talian dan akhirnya terpaksa mengorbankan masa rehat serta masa bersama keluarga mereka. Jika guru kita sudah hilang semangat dan keletihan bagaimana mungkin kita mengharapkan kualiti pendidikan yang terbaik untuk pelajar kita. Sebuah ekosistem pendidikan yang sihat mesti menjamin maruah, motivasi dan ruang masa yang cukup untuk guru benar-benar dapat menjalankan tugas sebagai pendidik dan pembimbing insan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam perbahasan mengenai isu pendidikan, kita mendengar pelbagai pandangan daripada masyarakat. Ada yang mencadangkan supaya hukuman rotan dikembalikan, ada yang menekankan perlu pengukuhan pendidikan moral dan disiplin serta ada yang juga mencadangkan kawalan lebih ketat dalam penggunaan internet atau mengembalikan sistem peperiksaan lama. Bentayan percaya, semua pandangan ini lahir daripada keprihatian yang niat dan niat yang baik. Namun, namun persoalannya, adakah pendekatan yang digunakan pada masa lalu, lalu masih berkesan dalam konteks cabaran zaman sekarang. Setiap era mempunyai cabarannya sendiri. Maka pendidikan masa kini tidak boleh hanya berpatah balik ke masa dulu. Tetapi perlu berani menghadapi realiti semasa dan bersedia untuk masa depan. Lebih penting lagi kita mesti menginsafi bahawa pendidikan bukan sekadar tanggungjawab sekolah semata-mata dia juga melibatkan pendidikan dalam keluarga dan pembentukan nilai-nilai masyarakat. Perangai, sikap dan kesejahteraan mental pelajar adalah hasil daripada pelbagai faktor yang saling berkait, melibatkan rumah, sekolah dan persekitaran sosial. Maka, tanggung jawab untuk memperbaiki keadaan ini mesti dipikul bersama oleh kerajaan, keluarga dan masyarakat.

Oleh itu, Bentayan ingin mencadangkan agar kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Isu Pendidikan dan Pembangunan Pelajar yang melibatkan pakar pendidikan, kaunselor, wakil guru, Pertubuhan Ibu Bapa serta organisasi masyarakat serius. Jawatankuasa ini perlu meneliti secara menyeluruh beberapa perkara utama termasuk:

1. Kesihatan mental pelajar dan keselamatan di sekolah.

2. Tekanan kerja serta rasionalisasi beban pentadbiran guru.

3. Keseimbangan antara kurikulum, akademik dan beban pelajaran.

4. Jurang semua antara sekolah bandar dan luar bandar.

5. Pelaksanaan pembaharuan pendidikan yang berasaskan pelajar dan guru sebagai pusat sistem.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun bidang pendidikan berada di bawah kuasa kerajaan persekutuan, namun reformasi pendidikan boleh dimulai di peringkat negeri Johor khususnya melalui konsep Sekolah Bangsa Johor. Kita boleh menjadikan Sekolah Bangsa Johor sebagai modul pendidikan progresif yang menekankan keseimbangan antara akademik, sahsiah, nilai kemanusian dan kesejahteraan mental pelajar. Jika Johor mampu melaksanakan pembaharuan ini dengan baik, maka Sekolah Bangsa Johor boleh menjadi contoh dan penanda aras kepada seluruh negara.

Reformasi pendidikan tidak boleh kekal sebagai slogan di atas kertas. Dia mesti berpaksi kepada data, kepakaran dan realiti lapangan. Hanya dengan pendekatan yang menyeluruh dan berpaksi manusia barulah kita dapat membina satu persekitaran pendidikan yang penuh kasih sayang, inklusif dan berharapan. Di mana guru dapat kembali mengajar dengan jiwa yang tenang dan pelajar dapat belajar dengan gembira. Ini matlamat sebenar reformasi pendidikan yang wajar kita perjuangkan bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata Belanjawan Johor 2026, bukan sekadar dokumen kewangan tetapi cerminkan kecekapan pentadbiran serta hala tuju pembangunan negeri, kejayaan belanjawan bergantung pada keberkesanan, pelaksanaannya, bukan pada jumlah peruntukan semata-mata. Tanpa pelaksanaan yang cekap dan integriti, manfaat tidak akan dirasai rakyat. Dalam masa yang sama pembangunan negeri tidak boleh digerak oleh satu pihak sahaja. Kerajaan eratkan antara, kerjasama erat antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan amat penting untuk memastikan projek pembangunan berjalan lancar, peruntukan disalurkan tepat pada masanya dan setiap dasar dapat diterjemahkan kepada hasil yang nyata di lapangan. Oleh itu, setiap inisiatif perlu dilaksanakan secara terus, berkesan dan disokong oleh sinergi kedua-dua peringkat kerajaan agar kesejahteraan rakyat serta kemakmuran ekonomi Johor benar-benar dapat direalisasikan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Bentayan. Tahniah. Saya jemput Yang Berhormat Johor Lama.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam demi Johor Lama. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran di atas kurniaan kesihatan pada hari ini dan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama di Dewan yang mulia ini bagi sesi perbahasan demi rakyat dan negeri Johor yang kita cintai ini.

Pertamanya, Johor Lama ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah, serta ucap selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dan seluruh rakyat DUN Johor Lama dengan penuh takzim memanjatkan doa dan kehadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat DiRaja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor.

Johor Lama juga menjunjung kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor di atas segala nasihat dan bimbingan kepada kami, barisan ADUN-ADUN dan barisan kepimpinan negeri Johor demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Puas sudah berlayar ke hulu; berlabuh sebentar di Johor Lama; amanah dipikul membawa maju; demi kesejahteraan rakyat bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor Lama juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor di

atas pembentangan Belanjawan 2026, yang bertemakan Bangsa Johor Sejahtera, tempoh lalu. Johor Lama kira Belanjawan 2026 dengan tumpuan kepada Agenda Maju Johor 2030 melalui 260 inisiatif di bawah enam (6) teras utama ini telah memberi penekanan yang menyeluruh kepada seluruh Bangsa Johor termasuklah terhadap sektor kebajikan, pendidikan, kesihatan serta pembangunan yang mampu memberikan manfaat kepada setiap lapisan masyarakat di negeri Johor ini. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah, dari golongan miskin dan miskin tegar, golongan kurang upaya, petani, penternak, nelayan, penjawat awam sehinggalah kepada para pelajar serta mahasiswa anak Johor juga turut merasai sentuhan kasih dan hasil daripada kerajaan negeri Johor. Dan di DUN Johor Lama amat-amat terasa manfaatnya Yang Berhormat Datuk Speaker. Kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah. Pastinya ucapan tahniah juga harus diberikan kepada barisan EXCO kita, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta barisan pelaksana dalam menjayakan Belanjawan 2026. Tahniah buat semua.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor Lama juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor di atas Bantuan Kasih Johor yang kekal diteruskan dalam Belanjawan 2026 kepada setiap golongan sasar seperti warga emas, veteran ATM, pesara polis, golong orang kurang paya, *e & p-hailing*, ibu tunggal, petani, penternak dan nelayan di bawah Teras Ketiga Dalam Jaringan Keselamatan Sosial. Dengan peningkatan jumlah daripada RM200.00 kepada RM400.00 kepada setiap golongan sasar ini sudah tentu mampu mengurangkan beban mereka dalam perbelanjaan harian buat keluarga masing-masing. Senyuman ayahanda dan bonda serta para penerima di DUN Johor Lama masih lagi terbayang ketika Bantuan Kasih Johor ini disampaikan. Ramai yang menitipkan salam kepada Menteri Besar Johor serta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas bantuan yang diberikan. Kecil pada kita, besar pada orang lain. Namun Johor Lama mencadangkan agar setiap Bantuan Kasih Johor perlu disampaikan secara telus dan secara tepat kepada golongan yang benar-benar layak. Ya, tidak dinafikan Bantuan Kasih Johor (BKJ) ini merupakan inisiatif yang sangat baik daripada kerajaan negeri Johor dalam mengembalikan semula hasil negeri kepada rakyat dan secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan beban kepada setiap penerima. Justeru itu, Johor Lama mohon agar pihak yang berkenaan dapat menjalankan pemutihan terhadap senarai nama setiap penerima Bantuan Kasih Johor ini agar bantuan ini benar-benar sampai kepada golongan sasar dan tepat dan layak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor Lama juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor kerana cakna soal kebajikan dan keselesaan kepada para pelatih di Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PKPDK). Melalui tiga (3) inisiatif di bawah Teras Ke-3 : Jaringan Keselamatan Sosial dalam Belanjawan Johor 2026, antaranya ialah Inisiatif Ke-16, sebanyak RM1.55 juta BKJ untuk pelatih PDK. Inisiatif Ke-50, sebanyak RM2.29 juta telah diperuntukkan bagi menaik taraf dan membaik pulih 21 premis Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PKPDK). Dan Inisiatif Ke-52 sebanyak RM300,000.00 bagi program pemulihan pelatih OKU PDK. Oleh itu, Johor Lama berharap agar limpahan ini turut dirasai PKPDK di kawasan DUN Johor Lama. Penambahan keperluan asas di setiap PKPDK ini amatlah diperlukan bagi memastikan anak-anak di sini berada dalam keadaan yang selesa ketika menjalani program pemulihan, program latihan dan pendidikan mereka. Dengan menaik taraf peralatan yang lebih moden, para pelatih mampu untuk meningkatkan keupayaan fizikal mereka mahu pun kemahiran kendiri. Anak-anak PKPDK juga berhak memperoleh kemudahan pembelajaran digital yang seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Dengan peralatan yang lebih moden, dengan peralatan yang lebih berkualiti, proses pembelajaran anak-anak syurga ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan lebih bermakna lagi.

Dan di kesempatan ini juga Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor Lama ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua petugas Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dan Komuniti (PKPDK) di seluruh negeri Johor. Mereka inilah insan barisan yang

sering tidak kelihatan di hadapan namun sangat besar jasanya dalam memastikan anak-anak istimewa kita mendapat perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya. Mereka juga turut berkorban masa, berkorban tenaga dan emosi demi memastikan setiap anak istimewa ini menerima sokongan yang terbaik, sabar melayan karenah dan memahami keperluan unik setiap anak-anak syurga ini. Bagi anak-anak istimewa, kehadiran petugas PKPDK ini ibarat mentari di kala pagi dan bagi ibu bapa pula merekalah tulang belakang yang membantu memikul beban yang berat ini. Oleh itu, besar harapan Johor Lama agar kerajaan negeri dapat memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada petugas PKPDK melalui kajian semula skim perkhidmatan petugas PKPDK ini. Pada masa kini, sagu hati yang diberikan kepada mereka sebanyak RM1,400.00 dan kita minta setidaknya mereka dibayar dengan gaji minimum yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

YB Speaker : RM1,400.00 Yang Berhormat?

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Ya, RM1,400.00.

YB Speaker : RM1,400.00 itu di bawah gaji minimum tu.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : RM1,200.00 daripada *federal* dan RM200.00 dari kerajaan negeri sejak dari tahun 2022. Ia sebagai tanda terima kasih di atas kasih sayang dan jiwa yang besar dalam mendidik dan melatih setiap pelatih di PKPDK ini. Jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau. Kota Tinggi daerah bersejarah, makam lama tersimpan cerita, jangan dibiar warisan punah, wajar diwarisi generasi kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan Johor 2026 turut membentangkan beberapa inisiatif yang diperuntukkan sebagai persediaan negeri Johor menjelang Tahun Melawat Johor 2026. Malah sebanyak RM5.55 juta telah diperuntukkan bagi tujuan promosi dan publisiti *Visit Johor* 2026. Baru-baru ini Johor Lama juga berpeluang turut serta dalam siri jelajah *Majestic Johor* di daerah Kota Tinggi bersama dengan rakan-rakan ADUN yang lain. Setinggi-tinggi penghargaan buat pasukan Tourism Johor yang sentiasa komited mengangkat keindahan negeri Johor dan khususnya dalam daerah Kota Tinggi agar terus menjadi perhatian dan pilihan pelancong luar. Johor Lama yakin dengan mempergiatkan promosi serta menambah baik infrastruktur pelancongan ini, ia mampu membuka lebih banyak peluang ekonomi dan sekaligus menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan yang unggul di hujung selatan tanah air. Namun dengan penuh penghargaan Johor Lama menantikan sesuatu ibarat hati bak serangkak dibungkus, berkenaan dengan sebarang peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan warisan di negeri Johor khususnya di kawasan DUN Johor Lama. Apalah nasib menunggu di hujung dengan harapan namun tangan tetap kosong Yang Berhormat Datuk Speaker. Johor Lama tak pernah lupa bawa perkara ini setiap kali Sidang Dewan, ulang-ulang dan ulang lagi. Takpelah biar Johor Lama bawa isu pelancongan warisan di Kota Tinggi ini berkali-kali pun tak apa. Mungkin bila disebut berkali-kali, barulah ada yang perasan bahawa warisan kita ini memang layak dipelihara. Itu pun kalau ada yang sudi peduli (Dewan bertepuk).

Walaupun begitu, Johor Lama ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Kota Tinggi dan juga penghargaan terima kasih saya kepada Galeri Sejarah Johor serta sokongan daripada Pejabat Daerah Kota Tinggi yang dapat bersama-sama dalam usaha menjejaki dan memulihkan kembali tapak warisan dan makam-makam lama dalam Program Jejak Leluhur di Bukit Kota Seluyut baru-baru ini. Mereka ini sanggup mengeluarkan wang ringgit mereka sendiri atas sebab rasa cinta akan warisan peninggalan ini.

Kota Tinggi sendiri terkenal dengan cogan kata 'Daerah Pelancongan Bersejarah', tapi di mana yang nak kita banggakan dengan cogan kata tersebut. Johor Lama amat berharap agar pihak yang berkenaan dapat memastikan cogan kata tersebut benar-benar diselarikan dengan identiti dan realiti yang terdapat di daerah Kota Tinggi. Jika tidak mampu memelihara

semua jangan pula diabaikan semuanya, andai tak terdaya menjaga seluruh warisan, usah sampai ia hilang ditelan dek zaman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Belanjawan 2026 melalui beberapa inisiatif di bawah Teras Yang Kedua : Pembangunan Ekonomi sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan bagi penganjuran Festival Hari Muzium Antarabangsa yang mana negeri Johor telah diumumkan sebagai tuan rumah bersempena Sambutan Tahun Melawat Johor 2026. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh barisan pelaksana. Johor Lama yakin dengan penganjuran Festival Hari Muzium Antarabangsa ini dapat menjadi landasan yang penting dalam usaha menyerlahkan lagi identiti negeri Johor dan secara tidak langsung dapat memperkasa institusi muzium dan warisan budaya negara khususnya di negeri Johor ini. Sambil tu bolehlah tengok-tengokkan juga muzium yang ada di kawasan DUN Johor Lama tu, Muzium Kota Tinggi yang seakan makin hilang serinya apatah lagi Muzium Kota Johor Lama di ceruk kampung. Jumlah pengunjung dilihat semakin mencicir entah mana silapnya mungkin kurang promosi atau tidak dirangka program mahupun aktiviti yang mampu menarik golongan muda mahupun pengunjung untuk datang berkunjung. Duduk seorang bersempit-sempit, duduk bersama berlapang-lapang. Jadi Johor Lama sentiasa terbuka untuk terlibat dalam sebarang perancangan mahupun perkongsian idea dalam memastikan muzium di kawasan ini kembali berseri dan gemilang. Bangunan lama terbengkalai sudah, debu menebal di setiap sudut, pelancong disambut *Apollo* megah, pembangunan Kota Tinggi seakan terbantut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan Johor Lama untuk membawa suara rakyat berkenaan bangunan-bangunan terbengkalai yang menghiasi di daerah Kota Tinggi. Pelbagai pandangan dan komen telah dilontarkan oleh anak Kota Tinggi sendiri. Ada yang kata ini mereka katalah kadang-kadang saya pun kata anggap ajelah bangunan yang ada di Kota Tinggi tu sebagai perhiasan je. Ada juga yang kata alah tu semuanya tukun je mati dan tidak berfungsi dan ada juga yang kata Kota Tinggi ibarat pekan kemunduran dan macam-macam lagi Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau pengunjung atau Yang Berhormat semua masuk ke Kota Tinggi melalui Jambatan Kota Tinggi pastinya kehadiran Yang Berhormat disambut oleh Hotel Apollo yang bertahun lama terbiar dan usang. Bukan itu sahaja, bangunan lama yang berada di tengah-tengah bandar Kota Tinggi dahulunya pernah berdiri megah sebagai Plaza Arisun namun sekarang digelar lubuk kota yang tidak berpenghuni. Ada lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, Pekan Rabu di Kota Tinggi pun sama juga keadaannya, hanya mengharapkan satu dua peniaga di situ, itupun ibarat hidup segan mati tak mahu. Ini realiti Yang Berhormat Datuk Speaker saya perlu ceritakan, saya perlu sampaikan perkara ini kepada pihak yang berwajib. Johor negeri maju 2030, tak lama dah. Berbaki lagi empat (4) atau ke lima (5) tahun je namun kita masih tak nampak misi dan agenda pembangunan yang jelas di bandar Kota Tinggi. Pembangunan di bandar Kota Tinggi juga tidak dilihat seiring dengan pembangunan pesat yang berlaku di daerah-daerah lain. Nak kata Kota Tinggi ini tempat pemain industri, bukan. Nak kata bandar besar pun tidak. Nak kata tempat tumpuan pusat pendidikan jauh sekali.

YB Speaker : Nak cari tempat makan sedap pun payah Yang Berhormat.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Ya?

YB Speaker : Ya.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Datuk Speaker boleh pergi ke Teluk Sengat.

YB Speaker : Saya datang dua tiga kali nak cari tempat makan sedap, dah tak ada dah.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Ha itulah. Betul, Datuk Speaker pun telah mengesahkan.

YB Speaker : Tukar namalah Yang Berhormat. Kota Tinggi kepada Lubuk Kota.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Ya. Yang Berhormat Datuk Speaker, orang muda Kota Tinggi memerlukan satu tempat pusat aktiviti yang mampu menyediakan pelbagai kemudahan asas tak kira daripada segi fasiliti sukan mahu pun bidang pendidikan. Jangan cerita kemudahan yang ada di Pengerang. Kita cerita apa yang ada di bandar Kota Tinggi. Baru-baru ini juga dalam Belanjawan Johor 2026, Yang Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi pembangunan TMIYC di Pengerang. Orang muda di bandar Kota Tinggi juga yang menggigit jari terhadap limpahan pembangunan di kawasan Pengerang, Johor. Jadi, Johor Lama pernah juga usulkan untuk pembinaan fasiliti sebuah litar olahraga bagi kegunaan para pelajar dalam aktiviti sukan. Namun, jawapan yang kami terima adalah tiada keperluan. Jadinya, anak-anak Kota Tinggi perlu ke Bandar Penawar sejauh hampir 48 kilometer daripada bandar Kota Tinggi untuk ke Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail dan menggunapakai litar olahraga bagi kegunaan aktiviti latihan mereka. Justeru, besarlah harapan Johor Lama agar satu atau dua pembangunan berskala besar dapat direalisasikan di bandar ini supaya limpahan ekonomi di bandar Kota Tinggi terus pesat dan mengalir maju. Mohon juga diselesaikanlah dengan segera projek-projek gajah putih yang berada dalam kawasan bandar Kota Tinggi ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tular beberapa bulan yang lepas isu berkenaan rekabentuk dan wajah baru Menara Jam Kota Tinggi. Kecoh satu Kota Tinggi membincangkan isu hangat ini, ibarat rumah sudah siap pahat masih berbunyi. Mana tidaknya, apa yang diharapkan rakyat adalah rekabentuk yang mengekalkan identiti daerah Kota Tinggi sebagai daerah yang bersejarah. Namun, apa yang dihidangkan kepada rakyat Kota Tinggi hanyalah satu rekabentuk moden yang tak ada jiwa dan melenyapkan keseluruhan mercu tanda penting bagi orang Kota Tinggi. Penuh di semua halaman media sosial dengan komen dari rakyat dan *mention* di *Fb* mahu pun di aplikasi *Tiktok*. Masing-masing menyuarakan pandangan dan cadangan rekabentuk yang lebih sesuai dan saya kira rekabentuk yang dicadangkan juga tidak kurang hebat dan nampak lagi menarik. Walaupun begitu, Johor Lama ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan negeri melalui Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor di atas keprihatinan dan penelitian semula elemen reka bentuk Menara Jam Kota Tinggi. Ia bukanlah sekadar menara yang biasa tetapi ia mempunyai nilai yang tinggi bagi setiap rakyat di Kota Tinggi. Johor Lama menyampaikan suara warga Kota Tinggi, Yang Berhormat Datuk Speaker, penuh harapan, penuh doa, agar mercu tanda ini dapat dibangunkan semula dengan reka bentuk yang benar-benar mencerminkan identiti daerah Kota Tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini yang terakhir. Johor Lama juga ingin membawa rungutan rakyat di kawasan DUN Johor Lama berkenaan dengan isu talian dan liputan internet yang sangat lemah. Tidak stabil dan tidak konsisten di beberapa kawasan kampung dan FELDA. Johor Lama mengganggap isu ini bukan perkara remeh, malah merupakan isu utama yang kritikal dan mesti diselesaikan dengan segera. Ia bukanlah perkara yang baru tetapi ia kini memberi kesan yang jauh lebih besar kepada penduduk setempat. Sebagai contoh, apabila sampai di FELDA Air Tawar 2, liputan 4G sering jatuh ke 3G, kadang-kadang hilang terus dari radar. Terus tak ada talian. Kita pulak terpaksa mencari lokasi tertentu. Kalau Dato' Jun kata atas pokok, kita pun tak sampai atas pokoklah untuk mendapatkan talian untuk menghubungi seseorang. Keadaan ini amat menyukarkan dan menggusarkan penduduk sekiranya berlaku kecemasan dan memerlukan respon yang segera. Masalah ini tidak kurang juga berlaku di Kampung Sungai Sembilang, Kampung Panchor dan juga di kawasan FELDA Lok Heng. Lebihan pula, kawasan ini mempunyai risiko yang agak tinggi kerana jauh daripada hospital dan bandar. Kini, kerajaan menggalakkan peralihan kepada perkhidmatan digital seperti permohonan bantuan dan aduan, namun bagaimana rakyat mahu mengakses semua ini jika capaian internet pun tidak stabil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Alhamdulillah, segala usaha yang dirancang oleh kerajaan negeri Johor telah pun membuahkan hasil. Setiap ringgit dan setiap sen hasil negeri juga perlahan-lahan dipulangkan kembali kepada rakyat dan Bangsa Johor. Johor Lama sedar

yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Seperti yang sering dipesankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kita harus bergerak sebagai satu pasukan dalam setiap usaha yang dijalankan, yakinlah dengan kesepaduan itu hasilnya pasti akan menjadi lebih besar dan bermakna dan seterusnya mengangkat Johor sebagai negeri terunggul di hujung selatan tanah air.

Justeru itu, Johor Lama ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua jabatan, kepada semua agensi yang telah membantu Pusat Khidmat ADUN Johor Lama dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan rakyat sepanjang tahun 2025. Semoga jalinan kerjasama yang baik ini terus kukuh dan terus berpanjangan menjelang tahun 2026 nanti. Sebelum Johor Lama mengakhiri sesi perbahasan kali ini, besar sangat harapan Johor Lama agar segala isu dan cadangan yang telah disuarakan kali ini, dibentangkan kali ini, di Dewan yang mulia ini, dapat diberilah keutamaan oleh kerajaan negeri Johor dalam usaha merealisasikan Agenda Maju Johor 2030. Percayalah segala usaha...

YB Speaker : Yang Berhormat dah terlebih 4 minit ni...

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Sikit lagi. Percayalah, segala usaha yang kita lakukan bersama ini adalah demi kesejahteraan dan kemakmuran bangsa Johor dan negeri Johor yang kita sayangi. Ke Kota Tinggi melihat sejarah, Johor Lama teguh berdiri; penutup kata selesai sudah, warisan Johor tetap di hati. Mentari Lok Heng di pagi hari, angin bertiup lembut menyapa; tapak sampah mahu didiri, fikirkan sama-sama demi sejahtera.

Sekian, salam demi Johor Lama, Johor Lama mohon menyokong.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan, ingin mengalu-alukan kehadiran pemerhati tujuh (7) orang daripada kawasan Maharani, 16 orang daripada kawasan Penawar dan dua (2) orang daripada Pekan Nanas. Dijemput Yang Berhormat Maharani.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. (Bacaan doa.) Puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, limpah kurnia dan rahmatNya berlangsungnya Mesyuarat Ketiga bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-15. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW yang menjadi pedoman kita di dalam kehidupan. Di kesempatan ini, Maharani merakamkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim yang bakal disambut pada tanggal 22 November ini. Patik berdoa ke hadrat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mula Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Permaisuri Agong serta seluruh kerabat diraja dilimpahi rahmat serta sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat agar dapat terus menaungi Bangsa Johor sekalian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi laluan bagi membahaskan ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi selaku Menteri Besar Johor pada sesi pembentangan Belanjawan Negeri Johor 2026.

Kalau berakit saudara berlima, jangan dilupa bawalah pukat, ada sedikit dikongsi bersama, besarnya nikmat membawa berkat.

Maharani menyambut baik membentangkan bajet ini yang bertemakan Bangsa Johor Sejahtera dengan mempunyai 6 teras utama serta 260 inisiatif kepada kerajaan negeri, daripada kerajaan negeri kepada rakyat negeri Johor. Maharani juga mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor dan pimpinannya yang telah berusaha merancang Belanjawan Johor 2026 dengan hasil pendapatan sebanyak RM2.55 bilion manakala perbelanjaan sebanyak RM2.54 bilion dan menghasilkan lebihan unjuran

belanjawan *surplus* sebanyak RM4.4 juta. Setakat ini, rekod negeri Johor telah berjaya memperolehi belanjawan *surplus* selama tiga (3) tahun berturut-turut. Tahniah diucapkan.

Maharani mewakili rakyat Bangsa Johor juga mengucapkan penghargaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor yang menyambut baik beberapa saranan daripada Maharani sebelum ini di antaranya kenaikan elaun guru KAFA, kenaikan guru Al-Quran, baik pulih prasarana sekolah agama, sekolah kerajaan, pemberian khas kepada pemandu teksi, nelayan, petani, penternak, baik pulih kemudahan awam, pembesaran jalan raya dan seumpamanya. Maka dengan ini, Maharani ingin menyentuh beberapa perkara dan di dalam Belanjawan Negeri Johor 2026 dengan persoalan dan cadangan penambahbaikan sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Ibrahim ayat yang ke-7. (Bacaan ayat Al-Quran). Yang bermaksud, "Dan ingatlah, ketika Tuhan mu memberitahu demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, Allah akan tambah nikmat kepadamu. Dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azabmu adalah keras."

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama Maharani menyambut baik peningkatan Program Semarak Subuh yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Johor sebanyak tiga (3) kali dalam seminggu melalui Inisiatif Ke-6, Teras Pertama yang memperuntukkan RM2.92 juta. Maharani di sini selaku ADUN, pengimbang Perikatan Nasional memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor supaya pengurusan dan peruntukan Program Semarak Subuh diserahkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat ADUN di tempat masing-masing seperti yang dimaklumkan di dalam belanjawan bukan kepada penyelaras ADUN. Ini bagi memberikan dan memastikan perancangan yang dirancang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Insya-Allah akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sebelum ini Maharani pernah menyuarakan mengenai Semarak Subuh yang dilaksanakan terutamanya di DUN Maharani kurang berkesan. Maharani mencadangkan, mesti ada penglibatan penggerak masjid surau dan mesti ada pembentangan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai modus yang tersusun bagi memastikan Semarak Subuh yang berjaya untuk dilaksanakan di setiap kawasan. Maharani juga mencadangkan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan menyambut baik perancangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini demi kesatuan ummah dan Bangsa Johor yang sejahtera. Maka perlu ada pemandu aras dan pemantauan sama ada dari Pejabat Kadi Daerah ataupun daripada penggerak masjid, surau bagi memastikan perkara ini mencapai objektifnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani juga ingin mengingatkan semula mengenai Kempen Semarak Jawi yang telah dilancarkan pada Persidangan yang lepas bagi memastikan martabat Bangsa Johor, tulisan jawi ini perlu diterapkan semula kesemua jabatan, agensi-agensi kerajaan serta sekolah-sekolah di bawah kerajaan negeri Johor. Maharani mencadangkan supaya papan tanda-papan tanda di jalan kawasan PBT, papan tanda parit, lorong-lorong digunakan menggunakan tulisan jawi seperti yang terdapat di setengah-setengah tempat. Maharani mohon supaya ada peruntukan diberikan kepada kempen atau Program Semarak Jawi agar pelaksanaannya dapat dijalankan secara menyeluruh dan memberi impak yang baik kepada Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya yang kedua di bawah Teras Keempat, terdapat beberapa inisiatif bagi menaik taraf jalan kampung, jalan utama dan pelebaran jalan yang diperuntukan sebanyak RM655 juta. Maharani mencadangkan supaya Jalan Joned bermula dari Parit Sakai sehingga Parit Payung sepanjang 6 kilometer juga dinaikan taraf dan dilebarkan jalannya. Ini disebabkan faktor pertambahan taman-taman perumahan di sepanjang jalan tersebut menjadikan bertambahnya penggunaan jalan raya dan kesesakan lalu lintas dan menyebabkan aspek keselamatan jalan raya dan seumpamanya. Selain daripada Jalan Joned, Maharani juga pernah mengusulkan kepada Jabatan Kerja Raya Daerah Muar supaya dapat melebarkan jalan masuk ke Parit Punggor dan Parit Haji Ali yang terletak di Jalan Temenggong Ahmad. Ini kerana jalan tersebut terdapatnya *culvert* atau *crossing culvert* yang menyebabkan tiada bahu jalan di jalan masuk tersebut dan boleh mengakibatkan kemalangan. Alhamdulillah, Maharani telah pun mendapat jawapan daripada

pihak JKR Muar supaya hal ini diusulkan kepada pihak Pejabat Daerah Muar. Semoga ada tindakan selanjutnya insya-Allah.

Seterusnya terdapat juga aduan yang dibuat oleh penduduk Kampung Dato' Bentara Luar, Jalan Temenggong Ahmad mengenai keperluan diwujudkan garisan kuning tebal di simpang masuk ke kampung tersebut. Perkara ini juga Maharani telah ajukan kepada pihak JKR Muar sebelum ini dan mendapat maklum balas bahawa hal tersebut diusul kepada pihak Majlis Perbandaran Muar (MPM). Semoga ada hasilnya, insya-Allah demi keselamatan penggunaan jalan raya bagi penduduk setempat.

Oleh kerana terdapat beberapa hal, Maharani ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat atau wakilnya sama ada Kerajaan Pengimbang mahupun Pembangkang mesti dilibatkan di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan DUN yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah supaya setiap isu yang dilibatkan di dalam masyarakat ini sampai ke pihak-pihak berwajib dan dapat diselesaikan dengan tuntas. Kita terapkan politik tanpa sempadan demi memastikan Bangsa Johor sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pergi ke sawah menumpuk jerami, jerami masih berukuran panjang, apakah erti Belanjawan Ekonomi, nadi kemajuan berjangka panjang.

Seterusnya, yang ketiga, Inisiatif yang ke-23 di dalam Teras Yang Keempat iaitu Baik Pulih Dan Naik Taraf Sekolah Agama Kerajaan yang memperuntukkan sebanyak RM9.66 juta. Maharani ingin memaklumkan terdapat sebuah sekolah agama di DUN Maharani yang memerlukan sama ada naik taraf ataupun pembinaan sekolah baharu iaitu Sekolah Agama Sri Jong yang terletak di Jalan Abdul Rahman, Muar.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Speaker, jumlah pelajar terkini semakin meningkat sehingga kepada 494 orang dan 12 orang guru. Kemasukan pelajar darjah 1 seramai 120 orang. Sudah hampir 4 kelas yang padat, apatah lagi kelas yang lain sehingga terpaksa pelajar sekolah menumpang ke Sekolah Kebangsaan Sri Jong yang berdekatan untuk meneruskan pembelajaran. Maka dengan ini, Maharani cadangkan supaya Sekolah Agama Sri Jong ini dapat dinaik taraf dan ditambah kelasnya supaya sesuai dengan kapasiti pelajar dan guru. Di samping ini, Maharani juga mencadangkan agar membina sebuah sekolah baharu yang berdekatan dengan Sekolah Agama Sri Jong iaitu di sebuah waqaf bernombor Lot 23762 yang terletak di Jalan Joned yang telah pun diwaqafkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor di daerah Muar untuk didirikan sekolah agama tersebut. Tujuan pembinaannya adalah untuk bagi menampung kepadatan pelajar sekolah berkenaan yang disebabkan oleh bertambahnya taman perumahan di sekitar kawasan tersebut, dalam masa yang sama juga dapat dimanfaatkan harta waqaf umat Islam agar sampai kepada pewaqafnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya yang keempat di bawah Teras Yang Ketiga iaitu Jaringan Keselamatan Sosial. Maharani setuju dengan cadangan Simpang Jeram supaya warga emas diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Johor. Maharani membawa satu cadangan iaitu menubuhkan Rumah Sejahtera di daerah Muar sama ada di bawah kelolaan kerajaan negeri ataupun di bawah Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia bertujuan untuk menjaga kebajikan warga emas yang tidak mempunyai waris, gelandangan dan fakir miskin yang hidup sebatang kara. Maklumat yang diperolehi di negeri Johor ini hanya ada sebuah sahaja rumah perlindungan yang dibiayai oleh pihak kerajaan iaitu Rumah Seri Kenangan yang terletak di Jalan Ungku Mohsin, Johor Bahru yang menempatkan seramai 275 orang. Selain daripada itu, terdapat 24 buah rumah perlindungan atau Rumah Sejahtera yang berada di bawah kelolaan Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia yang sedang beroperasi menempatkan seramai 177 penghuni sehingga Mei 2025.

Yang Berhormat Datuk Speaker, singgah ke Muar makan di Parit Raja, sate, mee bandung jadi sarapan, Bandar Maharani Bandar Diraja, jadi tumpuan untuk pelancongan.

Seterusnya yang kelima, Muar bukan sekadar sebuah bandar, ianya adalah Bandar Maharani, Bandar Diraja. Kita berasa bangga apabila Muar ini diiktiraf sebagai bandar pelancongan terbesar di Asia Tenggara kali yang kelima 2024 hingga 2026. Pengiktirafan ini bukan hanya satu pujian tetapi satu aset ekonomi yang perlu diterjemahkan kepada peluang pelancongan yang lebih strategik dan mampan. Walaupun Muar kaya dengan sejarah warisan budaya tetapi masih belum ada sebuah lagi nampak sebagai rujukan rasmi untuk mempamerkan segala khazanah ini. Oleh itu, Maharani mencadangkan agar kerajaan menubuhkan sebuah muzium sejarah Muar sebagai tarikan baharu kepada pelancong. Maharani mencadangkan bangunan telekom lama yang terletak di Jalan Majidee boleh diubah suai untuk dijadikan muzium. Muzium ini boleh menampilkan sejarah kesultanan Johor dan kaitannya dengan daerah Muar. Juga peranan Muar dalam era perdagangan maritim dan kolonial juga galeri budaya Muar termasuk Ghazal Johor, tarian zapin, seni ukiran, maknan warisan seperti sate, mee siput, mee bandung, otak-otak dan kopi muar. Seterusnya, boleh menempatkan arkib visual foto lama peta sejarah serta kisah-kisah tokoh dari daerah Muar seperti Tun Dr. Sulaiman Ninam Shah, Panglima Salleh, Kiyai Shamsudin, Sarjan Bukit Kepong dan seumpamanya. Juga boleh ditempatkan sebagai pusat interaktif dengan teknologi AI untuk menarik minat generasi muda. Pembinaan muzium ini juga bukan sekadar menambah bangunan baharu tetapi boleh mencipta ekonomi pelancongan yang bernilai tinggi, menggalakkan sektor perhotelan dan penginapan, menambah peluang pekerjaan kepada anak muda. Membantu peniaga-peniaga kecil dan juga produk tempatan. Menjadikan muar sebagai sebuah destinasi pelancongan yang bersejarah di Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya yang keenam. Izinkan Maharani menyentuh beberapa aspek dalam bidang pendidikan kita. Masih wujud rungutan bahawa hubungan hormat antara guru dan pelajar semakin terhakis. Kes-kes tingkah laku biadap terhadap guru, pelanggaran disiplin dan sikap acuh tidak acuh terhadap nilai murni memberi gambaran bahawa pembentukan sahsiah belum cukup kukuh di dalam sistem pendidikan kita. Dalam masa yang sama, guru yang menjadi tonggak pendidik kadang-kadang terbeban dengan pelbagai tuntutan akademik dan pentadbiran sehingga peranan mereka sebagai moral kurang diberi ruang. Justeru itu, moral bukan hanya persoalan pelajar, tetapi keseluruhan sistem pendidikan. Maharani mencadangkan supaya ada peruntukan khusus untuk sistem pendidikan kita bukan hanya setakat dana bilik guru, tetapi lebih kepada dana pembentukan semua nilai murni dan meringankan beban guru serta merapatkan jurang antara pelajar sesama pelajar dan guru. Maharani melihat kepada Program Karakter Murid Johor yang telah pun diperkenalkan boleh diluaskan skopnya kepada kem motivasi semasa cuti sekolah yang menggabungkan aktiviti kepimpinan, kerohanian, tradisi Johor dan latihan kawad kaki. Kemudian pihak PIBG juga boleh mewujudkan kerjasama kukuh antara sekolah dan ibu bapa melalui bengkel nilai murni keluarga kerana pendidikan moral tidak bermula atau berakhir di sekolah semata-mata. Anti salah laku digital dan penekanan terhadap keselamatan sosial bagi menangani cabaran media sosial pada hari ini. Maharani menegaskan bahawa pembentukan moral dan akhlak bukan satu pilihan tetapi kewajipan jika kita mahu melahirkan generasi Bangsa Johor yang berbudi pekerti, berakhlak mulia, bersedia memikul amanah, tanggungjawab kepada negara dengan inisiatif kerajaan yang sedia ada ditambah baik dengan cadangan-cadangan yang kondensif, Maharani yakin usaha kita dalam memperkasakan moral guru dan pelajar akan membuahkan hasil yang signifikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Maharani membawa suara Bangsa Johor melalui Persatuan Kebajikan Pemilik-Pemilik Tanah dan Penduduk Kampung Melayu Majidee iaitu PERKAM Johor Bahru yang membangkitkan isu mengenai hak milik tanah. Maharani menyokong apa yang diutarakan oleh Kempas, Simpang Jeram, Endau, Bukit Kepong mengenai perkara tersebut. Isu pemilikan tanah rizab Melayu di negeri Johor, seperti contoh di kawasan penempatan Kampung Melayu Majidee semakin mendapat perhatian akibat kebimbangan masyarakat terhadap tahap perlindungan tanah tersebut. Perubahan pesat pembangunan bandar menimbulkan persoalan tentang sejauh mana status tanah rizab Melayu dapat dikekalkan. Memandangkan wujud tekanan terhadap kawasan tradisi Melayu

yang sedia ada. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk setempat mengenai masa depan mereka terutamanya apabila berlaku perpindahan generasi muda ke kawasan lain turut mencetuskan risiko pengurangan pengangan tanah dalam kalangan masyarakat tempatan dan bumiputera. Bagi memastikan tanah rizab Melayu di Johor terus terpelihara beberapa langkah strategik perlu dipertimbangkan kepada kerajaan negeri bagi memperketatkan lagi mekanisme pemantauan serta mewujudkan proses semakan berkala terhadap sebarang permohonan pembangunan yang melibatkan tanah rizab Melayu. Di samping itu, program kesedaran kepada pemilik tanah tentang nilai dan kepentingan pemeliharaan tanah waqaf agar generasi seterusnya memahami tanggungjawab mereka. Kerjasama antara kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan serta komuniti setempat juga penting bagi merangka pelan pembangunan yang seimbang antara kemajuan ekonomi dan kelestarian penempatan orang-orang Melayu tradisi di bandar. Semoga hak mereka tidak akan berlaku kezaliman terhadap anak bangsa kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum Maharani mengakhiri perbahasan di Dewan mulia ini, Maharani ingin memetik firman Allah SWT di dalam Surah Az-Zariyat, ayat yang ke-58 (Bacaan Surah). Sesungguhnya, Allah dialah yang sahaja yang memberi rezeki kepada sekalian makhluk dan dialah sahaja yang akan mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga lagi yang maha kuat, kukuh dan kekuasaannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani juga mengambil kesempatan dengan rendah diri memohon peruntukan tambahan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk pengimbang Perikatan Nasional bagi menghadapi hari-hari perayaan, *back to school*, pengurusan pejabat, masalah banjir menjelang monsun timur laut dan seumpamanya. Tentunya peruntukan yang sedia ada yang diberikan kepada Yang Berhormat DUN pengimbang Perikatan Nasional ini tidak seperti yang diperuntukan kepada Yang Berhormat kerajaan. Namun rakyat tetaplah sama, iaitu rakyat negeri Johor dan rakyat negeri kita. Semoga dengan peruntukan yang diberi kepada Yang Berhormat pengimbang Perikatan Nasional ini membuktikan Kerajaan Negeri Johor serius dan matang dalam sudut kebajikan kepada rakyat dengan mengamalkan budaya politik matang dan sejahtera. Akhir kata, Maharani ingin menyeru kepada seluruh Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini supaya saling bekerja sama untuk membangunkan negeri Johor berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah Ibrahim ayat yang ke-7 yang dibacakan awal perbahasan tadi. Semoga Allah sentiasa memberkati dan merahmati negeri Johor dan pimpinan negeri Johor. Dengan ini Maharani menyokong Belanjawan Negeri Johor 2026. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Dijemput Parit Raja.

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu izinkan saya merafak sembah menjunjung setinggi ucapan tahniah, serta ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena hari keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dan seluruh warga DUN Parit Raja, dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT. Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat Diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia, berada dalam keafiatan, agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor. Patik juga menjunjung setinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja merakamkan kesyukuran atas pembentangan Belanjawan Negeri Johor pada tahun 2026 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Dengan penuh keazaman dan iltizam untuk terus memacu pembangunan, memastikan setiap warga dan lapisan Bangsa Johor mendapat kesejahteraan ditambah lagi dengan usaha berterusan membasmi kemiskinan dan memastikan limpahan kek ekonomi dapat dinikmati oleh rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, di atas keprihatinan dan komitmen memberikan inisiatif Bantuan Kasih Johor. Langkah ini bukan sahaja membuktikan kecekapan kerajaan negeri dalam menyalurkan bantuan secara terus kepada rakyat. Bahkan menunjukkan kerajaan negeri benar-benar memahami denyut nadi masyarakat di akar umbi. Apa yang lebih bermakna, Bantuan Kasih Johor ini dapat memberi manfaat juga kepada golongan M40. Satu kelompok masyarakat yang sering kali mungkin kurang mendapat perhatian dalam pelaksanaan bantuan-bantuan sebelum ini. Mereka telah berikhtiar dan berusaha gigih, namun peningkatan kos sara hidup yang semakin mencabar menjadikan setiap bantuan yang diterima amat bermakna dan memberikan kelegaan kepada keluarga. Golongan M40 sering kali terlepas dari radar bantuan. Walaupun mereka bukan dalam kategori B40, namun tekanan kos sara hidup dan komitmen kewangan yang ditanggung semakin berat. Oleh itu, adalah penting agar dasar-dasar bantuan turut mengambil kira keperluan kumpulan ini agar mereka tidak terpinggir. Malah terus diberi perhatian untuk mereka terus berdaya tahan dan mampu meneruskan kehidupan dengan lebih sejahtera,

Yang Berhormat Datuk Speaker, antara bentuk bantuan yang merentasi pelbagai lapisan masyarakat khususnya sudah pasti golongan B40 dan M40, yang turut mendapat limpahan ialah seperti bantuan makan tengah hari percuma kepada calon SPM, bantuan Mahasiswa Anak Johor, bantuan pelajar tingkatan 6, bantuan kepada pengusaha ternakan pertanian, bantuan kepada pemandu *e-hailing, p-hailing* dan pemandu teksi dan banyak lagi bantuan-bantuan yang telah disalurkan. Dan bagi Belanjawan Negeri Johor pada tahun 2026 ini, Yang Amat Berhormat sekali lagi mengumumkan bantuan ini turut diperluas kepada pelbagai golongan sasaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif seperti ini mencerminkan semangat kerajaan yang prihatin. Mengutamakan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi pegangan kepimpinan negeri Johor. Semoga usaha ini diteruskan dengan lebih meluas. Dapatan data yang lebih tepat dari setiap agensi agar setiap lapisan masyarakat terus merasai nikmat pembangunan dan kesejahteraan yang dikecapi di negeri tercinta ini. Sekali lagi terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas kepimpinan yang berjiwa rakyat dan tindakan yang penuh keprihatinan. Kalau padi katakan padi, tidak hamba tertampi-tampi, kalau budi katakan budi, jangan pula dilupa nanti. Budi ditanam tumbuhnya berkat, suburnya hidup berakar inti, jasa dikenang sepanjang hayat, tanda hati tahu menghargai (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, Keupayaan Negeri Johor melakar prestasi ekonomi bukan datang bergolek, kita semua sedia maklum, prestasi negeri Johor untuk tempoh tiga tahun 6 bulan ini negeri Johor telah menarik pelaburan berjumlah RM218 bilion dengan 64,000 peluang pekerjaan dengan kadar pengangguran yang terus kekal pada 2.3%. Pertumbuhan KDNK 6.4% menjadikan Johor negeri pertumbuhan ekonomi tertinggi di Malaysia. Nilai hasil pertanian sebanyak RM27.2 bilion juga adalah tertinggi dalam negara. Keadaan ekonomi negeri Johor pada ketika ini pada tahap peningkatan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya. Cabaran yang dihadapi pada tahun 2018, diikuti cabaran pandemik COVID 2019 yang menjejaskan ekonomi dunia Johor kini kembali pulih dengan *momentum* yang lebih kukuh di bawah pentadbiran dan kestabilan Kerajaan Negeri Johor. Pulau Pandan jauh ke tengah, Gunung Daik bercabang tiga, syukur di hati tiada sudah, rezeki mengalir untuk rakyat semua. Pohon merimbun tempat berteduh, burung berkicau di hujung rimba, ekonomi makmur membawa teduh, limpahan nikmat dirasai bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengajak seluruh Bangsa Johor di luar sana. Saya, kita di dalam Dewan yang mulia ini, dan seluruh rakyat Johor merakamkan

penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah, Yang Berhormat EXCO-EXCO dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pegawar Daerah, Datuk Bandar, YDP serta seluruh pegawai kanan kerajaan negeri dan persekutuan, badan-badan berkanun, GLC dan seluruh penjawat awam yang telah memberikan kerjasama erat, dedikasi dan komitmen tinggi sepanjang tahun ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita sedar dan insaf bahawa hari ini kita turut berdepan dengan pelbagai cabaran dan juga masalah-masalah legasi. Namun, jangan kita nafikan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kita dapat lihat kesungguhan pentadbiran kerajaan negeri, komitmen berterusan dan membela rakyat. Syukur alhamdulilah, terima kasih kepada kerajaan negeri atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sentiasa turun padang, membuka ruang penyelesaian dan mengambil langkah proaktif demi kepentingan rakyat. Sebagai contoh, cabaran-cabaran berkaitan perkhidmatan kesihatan, kerajaan negeri tampil membantu usaha kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri tampil menaik taraf fasiliti kesihatan dan kerajaan negeri tampil menyediakan kemudahan ambulan dan kemudahan-kemudahan kesihatan yang lain. Seterusnya memberikan manfaat secara langsung dan dapat dinikmati dan dirasai oleh seluruh rakyat Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan Parit Raja menarik perhatian pada Belanjawan Teras Ke-5, Keselamatan, Kebersihan Dan Kelestarian Alam Sekitar. Projek Rancangan Johor Barat yang dimulakan pada tahun 1970, Parit Raja ingin mengesyorkan agar Projek Rancangan Johor Barat ini diangkat dan dikaji semula. Ianya bagi usaha bersepadu memperkukuh keadaan *down stream* berikutan perubahan struktur bumi dan juga pemanasan global kini apabila paras air laut lebih tinggi mencecah ketinggian benteng, struktur benteng pula semakin lemah. Oleh yang demikian, usaha bersepadu untuk mengkaji semula dan mengangkat ke peringkat persekutuan bagi usaha memelihara sturktur benteng, sungai, parit, memperkukuh hilir agar terus bertahan menampung kenaikan paras laut. Di Batu Pahat sendiri terdapat 3,033 kilometer parit dan 339 kilometer sungai yang perlu diselenggara dengan kos semasa anggaran mencecah lebih RM20 juta. RM15 juta kerja pembersihan parit 1 kali pusingan dan RM16 juta kerja pembersihan sungai bagi 1 kali pusingan.

Syukur alhamdulilah, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat dan kerajaan negeri yang terus menunjukkan komitmen melaksanakan kerja penyelenggaraan ini. Namun dengan peningkatan kos, peruntukan sedia ada juga masih belum mencukupi untuk menampung keseluruhan keperluan tersebut. Parit Raja yakin segala usaha yang sedang dilaksana sekarang ini adalah selari dengan ciri-ciri projek Rancangan Johor Barat termasuklah Rancangan Tebatan Banjir, baik pulih dan naik taraf empangan, pembersihan kelodak dan banyak usaha berterusan. Namun berdepan dengan cabaran perubahan iklim yang semakin ketara, Projek Rancangan Johor Barat memerlukan fasa baharu dan sejumlah peruntukan. Persoalan Parit Raja, apakah perancangan pihak kerajaan negeri untuk mengangkat semula kajian projek Rancangan Johor Barat kepada fasa baharu. Parit Raja amat berharap kerajaan negeri terus komited kerana apabila infrastruktur saliran ini dipertingkat, ia dapat memberi kesan langsung terhadap pengurusan banjir, perlindungan kawasan hilir, pengawalan hakisan, perlindungan zon pantai dan yang lebih penting membantu kelangsungan kawasan pertanian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja juga ingin menarik perhatian kerajaan negeri berkaitan teras pertama bagi mempertingkatkan profesionalisma perguruan dan usaha penambahbaikan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor. Satu kelompok pendidik yang memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah, kefahaman agama dan jati diri generasi negeri ini. Profesionalisma mereka memerlukan perhatian dan sokongan serius daripada kerajaan negeri. Parit Raja mohon mengesyorkan agar dipertimbangkan untuk kerajaan negeri mengkaji dan menaik taraf skim perkhidmatan khasnya, bagi Pegawai Pendidikan Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah. Selaras dengan tugas,

tuntutan tugas dan kelayakan semasa, penambahbaikan ini menjadi insentif untuk terus meningkatkan profesionalisme guru di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Johor.

Parit Raja juga mengesyorkan kerajaan negeri mewujudkan Program Laluan Khas bagi guru KAFA berijazah yang telah mengikuti diploma pasca siswazah pendidikan oleh pihak jabatan, agar dipertimbang oleh kerajaan negeri untuk terus diserap kepada skim perjawatan tetap sejajar dengan amalan perkhidmatan awam dengan menilai kelayakan kompetensi dan pengalaman secara menyeluruh. Langkah ini bukan sahaja memberikan kestabilan kerjaya dan jaminan perkhidmatan, malah dapat meningkatkan motivasi serta menarik lebih ramai tenaga profesional berkualiti ke dalam sektor pendidikan agama. Penyerapan ini juga akan memperkasa kualiti pendidikan Sekolah Agama Kerajaan Negeri selaras dengan matlamat kerajaan negeri untuk memastikan sistem pendidikan Islam yang berdaya saing, tersusun dan berkualiti.

Parit Raja mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan sokongan perhatian yang tidak berbelah bagi daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas usaha berterusan yang telah membawa revolusi penambahbaikan dalam pendidikan agama di sepanjang tempoh 3 tahun ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja juga ingin mengambil peluang di dalam perbahasan ini untuk membangkitkan perkara-perkara di peringkat kawasan DUN Parit Raja agar mendapat perhatian daripada kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker Parit Raja merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga EXCO Kerja Raya atas komitmen tidak berbelah bagi dalam perlaksanaan projek menaik taraf jalan persekutuan FT050. Projek ini bukan sahaja melibatkan skop yang besar malah turut berdepan pelbagai cabaran dari segi teknikal, perancangan dan perlaksanaan di lapangan. Sehingga sekarang ini kerja-kerja masih giat dijalankan. Parit Raja harap dengan keprihatinan dan kerjasama erat kerajaan negeri, segala cabaran tersebut dapat ditangani dengan penuh tanggungjawab dan semangat untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja sekali lagi mohon perhatian pihak kerajaan kerana baru-baru ini dibangkitkan isu penutupan operasi trafik *light* Taman Universiti, Taman Parit Raja. Saya dan warga penduduk terlibat telah menghantar bantahan terhadap sebarang cadangan atau tindakan penutupan lampu isyarat di Taman Universiti. Penutupan lampu isyarat atas permohonan pihak-pihak bersifat berkepentingan komersial adalah amat tidak wajar. Implikasinya bukan sahaja penduduk sekitar tetapi seluruh pengguna jalan FT050. Sebaliknya, kepentingan keselamatan, kesejahteraan masyarakat dan seluruh pengguna perlu diutamakan. Parit Raja bertegas bahawa sebarang perubahan terhadap sistem lalu lintas di kawasan ini mesti mengambil kira faktor keselamatan awam, aliran trafik semasa serta maklum balas seluruh warga penduduk dan pengguna yang terjejas urusan harian mereka.

Parit Raja juga mengesyorkan pihak jabatan terlibat agar meneliti dan mengkaji semula kewajaran cadangan persimpangan tersebut agar dapat dinaik taraf supaya dapat memberi manfaat kepada seluruh pengguna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja juga ingin menarik perhatian berkaitan terdapat permohonan cadangan penutupan Klinik Kesihatan Tanjung Sembrong. Setelah saya mendapat surat daripada Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasih kepada pihak Jabatan kerana menghantar surat untuk mendapatkan maklum balas. Pentingnya surat ini untuk mendapatkan maklum balas walaupun penduduk sekitar Tanjung Sembrong berskala kecil, namun harus difahami tujuan asal penubuhan klinik desa adalah memberi perkhidmatan secara langsung kepada penduduk sekitar, selain

menjadi pusat operasi penempatan anggota sekiranya berlaku kejadian tidak diduga seperti bencana. Ketika selepas diumumkan Malaysia mencapai kemerdekaan, pada ketika itu semua klinik-klinik desa di kampung-kampung, ketika itu hasratnya mengurangkan kematian ibu dan anak dan mempertingkatkan fasiliti kesihatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker juga, bagi mengatasi kekurangan ataupun kekurangan penduduk di sekitar kampung ini, pada sekitar tahun 2020 saya membangkitkan agar mencari jalan penyelesaian dengan mewujudkan jalan penghubung. Terima kasih kerjasama erat pihak JKR ketika itu, perbincangan demi perbincangan akhirnya bertarikh 4 Mei 2021, berlangsungnya Mesyuarat Pembentangan Cadangan Projek Membina Jalan Baharu menghubungkan Jalan Olak Batu merentasi Estet Tanjung Sembrong ke jalan persekutuan FT050 di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Batu Pahat. Kini projek ini sedang dilaksana dijangka siap pada Disember 2026 yang akan beri kesan langsung terhadap peningkatan nilai tanah sekaligus menjadikan Tanjung Sembrong sebagai pilihan tempat kediaman. Jadi, Parit Raja berdiri dalam persidangan Dewan yang mulia ini memohon agar klinik ini terus dikekalkan dan sekali lagi mohon kerajaan negeri dapat menaik taraf fasiliti klinik ini yang dilaporkan sudah uzur dengan beserta pemasangan *CCTV* bagi tujuan keselamatan anggota yang bertugas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja juga mohon kerajaan negeri mengangkat dan mempertimbangkan permohonan untuk pembinaan sekolah menengah baharu di Pura Kencana, Sri Gading berikutan pertumbuhan pesat jumlah penduduk yang menjadi keperluan utama. Berdasarkan data demografi semasa, kawasan Pura Kencana dan sekitarnya mencatatkan peningkatan populasi yang konsisten setiap tahun termasuklah pertambahan ketara jumlah keluarga muda. Pembinaan sekolah menengah baru ini akan memberi impak yang positif, penyelarasan semula persempadanan sekolah dan dalam kawasan Parit Raja lebih teratur. Pengecilan zon penempatan pelajar berdasarkan kewujudan penempatan perumahan dan taman-taman baharu dan pengagihan murid secara lebih seimbang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja juga mohon perhatian agar kerajaan negeri dapat mempertimbangkan dan mengangkat cadangan pembinaan tambahan bangunan baru untuk bilik darjah dan bangunan bagi pendidikan khas di SMK Tun Ismail, Parit Raja. Keperluan ini bukan sekadar penting, malah telah menjadi satu tuntutan mendesak berdasarkan perkembangan semasa. Dari sudut demografi, kawasan Parit Raja terus mencatatkan peningkatan jumlah penduduk dan berdasarkan anggaran unjuran semasa peningkatan pendaftaran murid setiap tahun telah menyebabkan sekolah beroperasi hampir mencecah kapasiti maksimum dan ini dijangka kekal meningkat selari dengan pembangunan perumahan baharu. Kemudahan tambahan ini menyokong matlamat kerajaan negeri dalam memperkukuh pembangunan modal insan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bekalan air bersih juga serta mencukupi juga merupakan strategi utama belanjawan Johor. bekalan air secara tidak langsung menyentuh aspek keselamatan, kesihatan keluarga dan kelangsungan aktiviti harian. Dengan pertumbuhan populasi yang pesat di Parit Raja, pembangunan penempatan baharu dan kawasan industri, permintaan bekalan air telah meningkat secara signifikan. Soalan Parit Raja kepada Yang Berhormat EXCO, apakah status cadangan pembinaan loji rawatan air baharu di Parit Raja dan apakah usaha-usaha kerajaan negeri bagi memastikan penggantian paip lama dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan agihan sumber air bersih dan terancang?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja juga mengambil ruang untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri untuk menyediakan garis panduan terhadap penjualan tanah secara lot tanpa pecah sempadan dan tiada rizab jalan. Masalah ini menyebabkan kawasan tersebut tiada rizab jalan ataupun dengan izin, *Right Of Way* (ROW). Ianya berlaku apabila tanah induk dijual kepada pembeli secara kecil-kecilan tanpa pelan pembangunan yang diluluskan oleh Pejabat Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Perkara ini memberi kesan kerana tiada ruang rizab untuk pemasangan infra seperti paip air, kabel elektrik dan

sistem pembentungan atau saliran. Setengah agensi, perkhidmatan bekalan asas pula tidak dapat meluluskan permohonan sambungan kerana tiada ROW yang sah dan seterusnya lebih sukar untuk mendapatkan peruntukan menaiktaraf lorong atau jalan.

Oleh yang demikian, bagaimana langkah pihak kerajaan bersama agensi terlibat dalam membantu membuat garis panduan dan penyeragaman terhadap perkara ini. Dan, apa usaha-usaha yang dilakukan oleh agensi terlibat dalam membantu menyediakan pangkalan data senarai lorong atau jalan yang didaftarkan di bawah sistem MARRIS bagi membantu warga kampung mendapat akses jalan yang lebih selamat dan selesa.

Akhirnya Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengajak seluruh Bangsa Johor di luar sana dan kita semua untuk sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat EXCO, seluruh jabatan dan agensi negeri dan persekutuan, seluruh penjawat awam yang telah memberikan kerjasama erat, dedikasi dan komitmen tinggi sepanjang tahun ini seterusnya untuk merealisasikan Belanjawan Negeri Johor 2026. Marilah kita terus berganding bahu semoga Allah sentiasa merahmati dan memberkati segala usaha ini. Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Sekian, Parit Raja mohon menyokong Belanjawan 2026.

YB Speaker : Terima kasih Parit Raja. Saya sebenarnya kali ini baik hati sikit, sebab semua orang saya bagi lebih empat (4) minit. Saya jemput Penawar.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terlebih dahulu izinkan saya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim sempena Hari Keputeraan baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dan seluruh rakyat Penawar dengan penuh takzim memanjatkan doa semoga Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam keafiatan dan kesejahteraan agar terus menaungi ke sekalian rakyat dan juga Bangsa Johor.

Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor yang telah berjaya membentangkan Belanjawan Johor 2026 pada 13 November 2025 yang berteraskan tema Bangsa Johor Sejahtera.

Belanjawan yang dibentangkan ini hadir pada saat Johor menunjukkan prestasi ekonomi yang cukup memberangsangkan. Dalam tempoh 3 tahun 6 bulan, negeri kita telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM218 bilion sekaligus mewujudkan lebih 46,000 peluang pekerjaan dan mengekalkan kadar pengangguran pada paras rendah iaitu 2.3%. Pertumbuhan KDNK negeri sebanyak 6.4% turut menobatkan Johor sebagai negeri dengan pertumbuhan ekonomi tertinggi di Malaysia, manakala sektor pertanian mencatat nilai jualan RM27.2 bilion iaitu yang tertinggi dalam negara. Lebih membanggakan, hasil negeri pada tahun 2025 dijangka mencecah RM2.5 bilion melepasi unjuran asal manakala kutipan zakat, hasil PBT, PKPJ serta keuntungan GLC negeri turut menunjukkan peningkatan yang amat positif. Seiringan dengan itu, Belanjawan Johor 2026 diunjurkan mencatat hasil sebanyak RM2.55 bilion dengan perbelanjaan berjumlah RM2.546 bilion menjadikannya satu Belanjawan *surplus* sebanyak RM4.457 juta. Ini membuktikan keupayaan kerajaan negeri dalam mengurus kewangan secara berhemah disamping memastikan setiap inisiatif benar-benar memberi manfaat kepada rakyat. Dengan berpaksikan Tema Bangsa Johor Sejahtera, Belanjawan tahun ini

dirangka berdasarkan 6 Teras Maju Johor yang merangkumi 260 Inisiatif demi menjamin kebajikan dan kesejahteraan seluruh Bangsa Johor termasuklah di dalam kawasan Penawar yang saya wakili. Saya juga bersyukur kerana dibawah *Rolling Plan* Pertama 2026 RMK Ke-13 turut memberi manfaat kepada penduduk di DUN Penawar dengan projek-projek seperti pembinaan blok tambahan bagi menempatkan Unit Kecemasan dan Trauma di Klinik Kesihatan Bandar Penawar dan juga pembinaan baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Penawar 2.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap masa dan ketika kerajaan negeri bersama barisan EXCO bertungkus lumus memikirkan perancangan terbaik untuk kemajuan negeri tanpa mengabaikan kepentingan rakyat dan memastikan setiap perancangan tersebut dapat dilaksanakan sebaik mungkin supaya rakyat merasai limpahan ekonomi yang dicapai oleh kerajaan ini. Buktinya, di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi berbagai inisiatif dilaksanakan untuk memberikan semula pulangan yang dikecapi kerajaan negeri kepada rakyat yang meliputi segenap lapisan masyarakat.

Kerajaan negeri serius dalam menunaikan tanggungjawab kepada rakyat. Apabila diberikan bantuan ada yang masih mempertikaikan jumlahnya. Apabila diperluaskan lagi ada yang kata rakyat tak rasa. Namun realitinya, setiap inisiatif adalah untuk rakyat, untuk kesejahteraan mereka dan untuk Johor yang lebih sejahtera.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas peruntukan sebanyak RM2.6 juta dibawah Inisiatif Memperkasakan Prasarana Pengangkutan Awam untuk menaik taraf Terminal Bas Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dan Terminal Bas dan Teksi Bandar Penawar. Peruntukan ini hadir pada waktu yang amat tepat khususnya bagi bandar, kawasan Penawar yang sedang melalui fasa pertumbuhan pesat. Pertambahan populasi pembangunan kawasan perumahan baharu serta kepesatan sektor pendidikan telah mewujudkan keperluan mendesak terhadap prasarana pengangkutan awam yang lebih selesa, moden dan efisien. Sebagaimana kita sedia maklum, kawasan Penawar merupakan hab pendidikan yang menempatkan pelbagai institusi pendidikan seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Sains Kota Tinggi, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Bandar Penawar, IKBN, Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Profesional Mara serta Institusi Teknikal dan Vokasional lain. Kehadiran ribuan pelajar dan tenaga pelajar saban hari menjadikan jaringan pengangkutan awam sebagai nadi utama pergerakan mereka.

Selain itu, Bandar Penawar juga merupakan pintu gerbang pelancongan kerana kedudukannya yang strategik berhampiran Desaru Coast, pantai-pantai utama serta pelbagai tarikan pelancongan. Justeru Terminal Bas dan Teksi yang dinaik taraf bukan sekadar memenuhi keperluan penduduk tempatan malahan turut menyumbang kepada imej dan pengalaman dan pelancong yang datang di kawasan ini. Dalam usaha menaik taraf ini saya juga ingin menekankan bahawa aspek keselamatan awam perlu diberikan keutamaan. Terminal baharu atau ditambah baik mestilah turut dilengkapi dengan sistem CCTV, pencahayaan yang baik, laluan pejalan kaki yang selamat serta ruang menunggu yang mesra pengguna bagi membendung jenayah dan meningkatkan rasa selamat dalam kalangan pengguna. Infrastruktur fizikal yang baik mesti seiring dengan sistem keselamatan yang baik.

Saya yakin dan percaya dengan pelaksanaan projek ini, jaringan pengangkutan awam di Penawar bukan sahaja akan menjadi lebih efisien, selesa dan moden malah akan menjadi memberikan manfaat besar kepada pelajar, pekerja, usahawan, pelancong dan seluruh masyarakat setempat. Justeru, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas keperihatinan dan komitmen yang diberikan terhadap pembangunan di kawasan Penawar. Saya juga berharap pelaksanaan projek ini dapat berjalan dengan lancar, menepati jadual dan benar-benar memberi impak kepada rakyat.

Di bawah Belanjawan Johor 2026, kerajaan negeri turut memberikan penekanan besar kepada Aspek Pembangunan Tadbir Urus Komuniti. Sebuah komponen penting yang

menjadi nadi kepada pengukuhan masyarakat di peringkat akar umbi. Pertama kali saya ingin menyatakan bahawa langkah-langkah yang digariskan oleh kerajaan ini sesuatu yang tepat dan diberikan kepada orang atau golongan sasar yang layak seperti Ketua Kampung, JPKK, JKKR, FELDA, JAKOA, FELCRA, Ketua Masyarakat serta Batin Orang Asli. Mereka ini ialah tulang belakang komuniti. Mereka inilah yang menjadi jambatan antara kerajaan dan rakyat yang bekerja tanpa henti, yang bekerja tidak kira masa sering menjadi orang pertama yang dipanggil ketika berlakunya kecemasan tetapi dalam masa yang sama jarang diberikan penghargaan sewajarnya. Mereka adalah *unsung heroes*, dengan izin yang memikul tanggungjawab besar walaupun imbuhan yang diterima tidak sebesar beban yang mereka galas.

Justeru, saya menyambut baik 5 Inisiatif utama di bawah komponen ini, yang pertama, Program Jelajah Orang Johor yang melibatkan keseluruhan 50 orang DUN dengan peruntukan RM8 juta. Yang kedua, kenaikan elaun Ketua Kampung dan Batin Orang Asli sebanyak RM300.00. Geran pengurusan dan pentadbiran untuk 73 JKKR, FELDA dan 8 JKKP FELCRA, Geran pengurusan dan pentadbiran Persatuan Ketua Kampung dan bantuan caruman lindung kendiri kepada Ketua Kampung, setiausaha, JPKK dan Ketua Masyarakat yang turut diperluaskan kepada Batin Orang Asli.

Saya sampaikan salam daripada Ketua-ketua Kampung di kawasan saya. Mereka kata, 'terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menghargai mereka'. Mereka hadir dalam Dewan pada hari ini sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan negeri. Kesemua inisiatif ini membuktikan bahawa kerajaan negeri bukan sahaja menumpukan perhatian kepada pembangunan fizikal malah turut memberikan keutamaan kepada pembangunan insan dan tadbir urus di peringkat akar umbi kerana tanpa struktur komuniti yang kukuh berbagai dasar dan program kerajaan tidak akan sampai secara efektif kepada rakyat. Sebagai ADUN Penawar, saya menyokong penuh langkah ini dan beriltizam untuk memastikan para pemimpin komuniti di kawasan saya turut menerima manfaat daripada peruntukan serta inisiatif yang dibentangkan ini.

Dalam era perkembangan pesat teknologi kecerdasan pembuatan, kita melihat bahawa gelombang pelaburan besar dalam sektor AI dan pusat data yang kini mencecah lebih RM169.2 bilion dijangka dapat membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dengan gaji yang sangat lumayan menjelang 2030. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya apakah usaha dan persiapan kerajaan negeri bagi memastikan anak-anak muda Johor dilengkapkan dengan kemahiran digital yang relevan, latihan berkualiti dan peluang pembangunan bakat yang dapat menempatkan mereka sebagai peneraju dalam ekosistem AI? Ini penting agar generasi muda Johor benar-benar bersedia memasuki ekonomi berteknologi tinggi dan memenuhi segala keperluan syarikat dan industri di Johor lebih-lebih lagi kita ada JS-SEZ nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sektor pelancongan merupakan antara pemacu utama ekonomi negeri Johor. Justeru, Belanjawan Johor 2026 telah memperuntukan rangkaian inisiatif strategi untuk mengukuhkan kedudukan Johor sebagai destinasi pelancongan domestik dan antarabangsa. Antara inisiatif tersebut termasuklah promosi dan publisiti Visit Johor 2026 dengan peruntukan RM5.55 juta serta penganjuran acara-acara pelancongan bertaraf antarabangsa berjumlah RM6 juta. Langkah ini penting bagi memastikan momentum kehadiran pelancong kekal tinggi selari dengan sasaran Visit Johor 2026 yang bakal..

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat kita beri laluan untuk azan.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan).

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Penawar.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Langkah ini penting bagi memastikan momentum kehadiran pelancong kekal tinggi selari dengan sasaran Visit Johor 2026 yang bakal membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan peluang ekonomi kepada rakyat. Kerajaan

negeri turut memperuntukkan RM500,000.00 bagi sambutan ketibaan pelancong di 17 pintu masuk negeri Johor pada minggu pertama Januari 2026.

Selain itu, kerajaan negeri memperkukuhkan aset pelancongan alam semula jadi dengan menaik taraf fasiliti Taman Eko Rimba sebanyak RM1.75 juta dan Taman Negara sebanyak RM430,000.00. Kerajaan turut memperuntukkan RM200,000.00 untuk latihan sumber manusia pelancongan termasuk kursus komunikasi asas, RM500,000.00 untuk Program Semangat Bangsa Johor melalui seni budaya dan aktiviti masyarakat serta RM500,000.00 untuk penganjuran Hari Muzium Antarabangsa. Bantuan berjumlah RM500,000.00 juga disediakan kepada Pertubuhan dan Persatuan Pelancongan bagi memperkukuh eko sistem industri ini. Seluruh inisiatif ini amat saya alu-alukan. Namun sebagai Ahli Dewan bagi kawasan Penawar izinkan saya mengemukakan beberapa pertanyaan dan cadangan agar tumpuan lebih seimbang dapat diberikan kepada destinasi pelancongan utama di kawasan timur Johor iaitu Desaru Coast dan kawasan sekitar. Penawar bukan sahaja pintu masuk ke Desaru tetapi juga mempunyai deretan kawasan FELDA yang berpotensi besar untuk diketengahkan sebagai destinasi eko pelancongan, agro pelancongan dan budaya komuniti.

Dengan taraf hidup masyarakat FELDA yang semakin meningkat pembangunan pelancongan mampu membuka peluang ekonomi baharu terutamanya untuk belia dan usahawan tempatan. Justeru, saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri apakah perancangan khusus untuk memperkukuhkan promosi Desaru dan kawasan sekitar sebahagian daripada Agenda Visit Johor 2026? Adakah tumpuan strategik akan diberikan untuk memperkenalkan Desaru secara agresif di pasaran antarabangsa memandangkan ia memiliki aset bertaraf dunia seperti pantai, kompleks antarabangsa serta taman tema? Seterusnya saya juga ingin bertanya mengenai pelancongan kerajaan ketika menambah bilangan pemain industri pelancongan tempatan. Pada ketika ini, jumlah agen pelancongan, pemandu pelancong bertauliah dan pengusaha aktiviti pelancongan di kawasan Desaru masih rendah. Ini menjejaskan keupayaan kawasan tersebut untuk menawarkan pilihan dan pengalaman pelancong yang lebih pelbagai. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluaskan latihan pelancongan, skim insentif atau geran permulaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan dan agen pelancongan di kawasan Penawar?

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa perhatian Dewan satu isu besar, isu yang sering saya bawa ketika sidang Dewan iaitu isu yang terlalu lama membelenggu rakyat di kawasan Penawar iaitu berhubung 539 unit perumahan generasi baharu FELDA, PBGF di FELDA Papan Timur. Projek yang dimulakan sejak 2013 ini sehingga hari ini masih belum disiapkan sepenuhnya walaupun pernah dijanjikan akan siap pada tahun 2022. Keadaan ini amat mengecewakan kerana lebih 10 tahun berlalu namun penyelesaian yang tuntas masih belum wujud. Lebih mendukacitakan apabila ada permohon asal yang telah meninggal dunia sebelum sempat menjejakkan kaki ke rumah impian mereka. Ada juga pemohon yang ketika memohon masih bujang tetapi pada hari ini sudah berkeluarga dan mempunyai tiga (3) cahaya mata. Bukan sahaja rumah yang dijanjikan masih belum diduduki, malah pintu rumah pun belum ada lagi. Bila ditanya, oh itu masalah kontraktor. Bila tanya kontraktor, itu masalah FIC. Bila tanya FIC kata FELDA belum ada kelulusan. Itu dan ini. Di mana sebenarnya ada tersimpul itu? Tolonglah, saya menyeru agar kerajaan negeri campur tangan bagi menyelesaikan isu ini. Bukan untuk saya, tetapi untuk generasi muda kita, iaitu generasi kedua dan ketiga FELDA di FELDA khususnya di FELDA Papan Timur dan sekitarnya. Saya mohon agar pihak yang berkaitan segera menilai semula status projek ini dan membentangkan pelan penyelesaian yang jelas serta mempunyai garis masa yang tegas. Jangan biarkan pemohon terus menunggu tanpa kepastian. Jika projek PGBF ini dapat disiapkan segera, ia bukan sahaja menyelesaikan masalah perumahan generasi baharu FELDA, malah dapat meringankan beban kewangan ramai keluarga memulihkan kesejahteraan sosial komuniti FELDA dan menghalang penghijrahan anak muda FELDA keluar dari kampung kerana ketiadaan rumah sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam belanjawan negeri yang lepas, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan peruntukan bagi projek infrastruktur di FELDA di Sungai Mas. Namun

begitu pada sambutan Hari Peneroka di FELDA Tunggal tahun ini, pengumuman mengenai peruntukan infrastruktur perumahan generasi kedua dibuat semula dan FELDA Sungai Mas telah terkeluar dari senarai penerima. Alasan yang diberikan ialah projek pembinaan rumah di tapak perumahan generasi kedua FELDA Sungai Mas masih belum mencapai tahap 80% kemajuan. Saya ingin memaklumkan bahawa isu ini telah mencetuskan kekecewaan yang sangat mendalam dalam kalangan generasi kedua FELDA Sungai Mas. Mereka diketepikan walaupun mereka telah menunggu begitu lama untuk melihat kemajuan projek yang dijanjikan. Lebih membimbangkan, mereka melihat tindakan tarik dan tolak peruntukan ini sebagai gambaran ketidakseriusan kerajaan negeri pada hari ini dalam memberikan keutamaan yang konsisten kepada komuniti FELDA. Mereka mahukan jaminan bahawa keperluan mereka diambil serius dan keputusan kerajaan dibuat secara telus, adil serta berdasarkan keperluan sebenar rakyat di lapangan. Saya membawa suara mereka di Dewan ini agar perkara ini diperjelaskan, dibetulkan dan dimurnikan semula. Komuniti FELDA Sungai Mas tidak meminta lebih. Mereka hanya mendambakan kepastian dan komitmen yang tidak berubah-ubah.

Akhir sekali, saya menyeru dan memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk membantu kami menyelesaikan isu ini demi masa depan ratusan keluarga FELDA yang sudah menunggu terlalu lama. Saya juga ingin menarik perhatian kepada bangunan Sultan Iskandar Kota Tinggi yang juga merupakan pusat pentadbiran Kota Tinggi yang sudah terlalu lama yang memerlukan kerja naik taraf yang menyeluruh. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Johor Lama, Yang Berhormat Sedili, Yang Berhormat Pasir Raja dan juga Yang Berhormat Panti juga boleh bersetuju dengan sama. Banyak aduan yang telah diterima termasuk lif yang kerap rosak. Bumbung yang bocor serta keadaan fizikal bangunan yang tidak lagi sepadan dengan keperluan semasa. Bangunan ini menjadi tumpuan masyarakat untuk pelbagai urusan. Namun keadaannya pada hari ini tidak lagi mencerminkan *standard* perkhidmatan yang sepatutnya. Saya memohon agar peruntukan khusus dapat disediakan dapat Bajet Johor 2026 bagi melaksanakan kerja penambahbaikan dan naik taraf bangunan ini secara menyeluruh supaya dia benar-benar memenuhi keperluan rakyat serta selari dengan peredaran masa.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua jabatan, serta agensi kerajaan yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan dan membantu menyelesaikan pelbagai isu rakyat di kawasan Penawar. Saya amat menghargai semangat kerjasama, patrolisma dan dedikasi yang telah ditunjukkan. Semoga kerjasama erat ini dapat diteruskan demi kebaikan rakyat dan pembangunan negeri kita. Dari Tanjung Balau ke Desaru; Pantai indah jadi pesona; Kebajikan rakyat terus diutamakan selalu; Agar Bangsa Johor sejahtera selamanya. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Penawar menyokong penuh Bajet 2026 ini. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Tahniah Penawar. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:30 petang,

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.

YB Timbalan Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam sejahtera. Salam maju Johor, Salam Malaysia Madani. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker bagi memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Dewan yang mulia ini. Patik merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku pada 22 November ini. Semoga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku dilanjutkan usia dan dikurniakan kebijaksanaan serta berada dalam keadaan sihat sejahtera dan penuh kedaulatan. Patik juga menjunjung kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail Pemangku Sultan Johor atas segala bimbingan dan nasihat yang dicurahkan kepada wakil rakyat dan seluruh Bangsa Johor. Ampun Tuanku.

Johor Jaya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berjaya membentangkan Belanjawan Johor 2026, dengan *surplus* sebanyak RM4.4 juta yang bertema Bangsa Johor Sejahtera. Belanjawan ini merangkumi enam (6) Teras dan 260 inisiatif di mana setiap inisiatif pasti akan memanfaatkan Bangsa Johor tanpa mengira kaum, bangsa, dan agama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tema Bangsa Johor Sejahtera sangat bermakna dan mendekati rakyat jelata. Sejahtera membawa maksud harmoni, aman, selamat, makmur dan seimbang dalam kehidupan. Bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi juga mental, sosial, ekonomi dan moral. Untuk membina sebuah negara yang sejahtera, kerajaan negeri perlu memastikan Belanjawan 2026 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, merangkumi kesejahteraan ekonomi, kesejahteraan sosial, kesejahteraan fizikal dan persekitaran, kesejahteraan mental dan tadbir urus negeri yang baik iaitu *Good Governance,* demi mencapai kesejahteraan kehidupan rakyat. Antara aspek sejahtera yang saya sebut tadi, Johor Jaya ingin sentuh beberapa aspek :

Satu, Sejahtera Mental. Kesihatan mental adalah aspek penting kesejahteraan rakyat yang perlu dijaga seiring dengan kesihatan fizikal. Kesihatan mental bukan sahaja terhad berlaku di kalangan orang dewasa namun *trend* di kalangan anak muda semakin meningkat di seluruh dunia. Antara tanda-tanda termasuk tekanan (*stress),* kemurungan (*depression),* keresahan (*anxiety*), masalah tidur dan *burn out*. Ini tidak semestinya berpunca daripada kelemahan diri, tetapi pelbagai faktor luar. Kesihatan mental perlu dipandang serius kerana ia mempengaruhi seluruh aspek kehidupan seseorang dalam menentukan kualiti hidup iaitu individu yang stabil, mentalnya lebih mampu mengurus emosi, membuat keputusan bijak dan membina hubungan yang sihat, mengurangkan risiko masalah sosial seperti keganasan rumah tangga, penyalahgunaan dadah dan konfilk sosial, meningkatkan prestasi kerja kerana lebih fokus dan juga menjaga kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Kesemua aspek ini adalah penting dalam membina satu komuniti yang sihat dan sejahtera. Menurut Yang Amat Berhormat Menteri Besar, RM774,000.00 akan diperuntukkan bagi Program Klinik Kaunseling demi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kesihatan mental di kalangan penjawat awam. Johor Jaya setuju dan sangat sokong bagi meningkatkan dan menjaga kesihatan mental di kalangan penjawat awam. Namun memandangkan *trend* kesihatan mental semakin meningkat dan serius, Johor Jaya menyeru supaya inisiatif harus diperluas kepada seluruh rakyat Johor dan dimulakan dengan segera. Kesedaran dan akses perkhidmatan kesihatan mental perlu diperluaskan dengan pendekatan yang lebih komprehensif, peduli dan juga progresif.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor Jaya menyeru bahawa kerajaan negeri menubuhkan satu hub sihat bagi meningkatkan kesedaran dan juga menyediakan sokongan kepada individu yang memerlukan bantuan kesihatan mental dengan beberapa usaha dan cadangan seperti berikut :

Pertama, menawarkan bantuan perkhidmatan kaunseling secara percuma kepada rakyat Johor. Kini ada perkhidmatan kaunseling di LPPKN.

Kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk memperluaskan lagi perkhidmatan ini melalui YPKDT.

Kedua, mengujudkan satu sistem kaunseling atas talian 24/7 iaitu 24 jam 7 hari bagi memupuk dan menggalakkan individu yang perlu perkhidmatan kaunseling tetapi segan secara bersemuka iaitu Face To Face untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Dan juga berhubung terus dengan kaunselor melalui fungsi chat dan talian secara percuma.

Ketiga, memberi subsidi rawatan psikiatri dan psikologi kepada individu yang memerlukan rawatan lanjut.

Keempat, pembangunan kaunselor atau wajib guru kaunseling secara sistematik di sekolah, supaya memberi sokongan di sekolah bagi para cikgu dan pelajar.

Kelima, tubuhkan satu sistem kesihatan dan kerjasama dengan pihak swasta dan NGO untuk memberi kursus bertauliah, kesihatan mental kepada sukarelawan, pemimpin komuniti dan barisan hadapan supaya dapat mengenal pasti tanda-tanda awal dan juga memberi sokongan yang betul. Pada masa yang sama dapat menggalakkan penglibatan dalam sesi kaunseling dengan membekal diri dengan ilmu dan sokongan profesional.

Dan keenam, ini paling penting, bekalkan perkhidmatan kaunselor dan sesi kaunseling di Pejabat ADUN mengikut jadual seperti apa yang dilaksanakan di negeri Selangor melalui Program Selangor Mental Sihat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bukannya Wakil Rakyat *greedy* atau tamak. Bukannya apa-apa pun kita nak, cuma Johor Jaya yakin bukan sahaja di pejabat ADUN Johor Jaya, namun pejabat Wakil Rakyat rakan-rakan saya yang berada dalam Dewan yang mulia ini juga menghadapi penduduk yang sentiasa datang dengan pelbagai jenis aduan dan juga masalah. Kadang kala kita akan berjumpa penduduk yang menghadapi tekanan kehidupan. Dengan bekalkan kaunselor kita dapat memberi nasihat dan sokongan kepada penduduk dengan lebih profesional. Jadi enam (6) cadangan daripada Johor Jaya, harap ditimbangkan oleh pihak kerajaan negeri supaya membina masyarakat yang sihat dan sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, gejala buli yang semakin meningkat tidak kira di tempat kerja, sekolah atau dalam komuniti. Ini turut merisaukan semua pihak terutamanya gejala buli yang semakin serius yang berlaku di kalangan anak muda. Gejala buli yang dulu rujuk seperti buli fizikal iaitu menolak, menampar, merosakkan barang milik mangsa, buli *verbal,* mengugut dengan kata-kata kasar, buli sosial emosi mengasingkan seseorang daripada kumpulan, menyebarkan fitnah atau menghasut orang lain dan kini buli cyber menular dalam alam digital yang dianggap lebih ganas, lebih kejam.

Ini termasuk menyebarkan gambar atau video lucah, dengan memalsu gambar dengan menggunakan AI, menghantar mesej hina atau ugutan melalui *sosial media*, membuat akaun palsu dan sebagainya. Gejala buli yang ramai orang melihat buli sebagai masalah displin, tetapi hakikatnya buli adalah ancaman serius kepada kesejahteraan mental seseorang. Dalam tahun ini sahaja kita sudah lihat pelbagai kes buli yang berlaku di negeri lain. Ini memberi satu amaran dan tanda bahaya kepada kita. Menurut statistik Kementerian Pendidikan Malaysia terdapat 7,681 kes buli yang dilaporkan di dalam sekolah pada tahun 2024, berbanding dengan 6,528 kes pada tahun 2023.

Menurut Ketua Polis Negara, kes buli di sekolah meningkat lebih 1,000 kes setiap tahun dan kebanyakan berlaku di sekolah menengah. Baru-baru ini saya telah melawat sebuah sekolah dalam kawasan saya kerana sekolah ingin memohon pemasangan susur gajah di sekolah. Dalam lawatan tersebut, saya perhatian satu ruang iaitu satu peti suara diwujudkan di satu *corner* sekolah. Apabila saya tanya dengan pihak sekolah, saya dimaklumkan bahawa pihak sekolah mengambil inisiatif sekolah tanpa bantuan dan sokongan daripada mana-mana pihak,

mewujudkan satu saluran bagi para pelajar untuk mengeluhkan suara hati mereka sekiranya mereka dibuli. Walaupun setakat ini tidak dapat apa-apa aduan buli daripada pelajar, tetapi saya puji dengan pihak sekolah mengambil konsep prihatin bukan denda, bukan tindakan buang sekolah, henti sekolah kepada pelajar tetapi mewujudkan satu ruang yang selesa dan selamat supaya menggalakkan pelajar tampil ke hadapan sekiranya dibuli. Ini adalah satu contoh proaktif yang baik supaya dapat mengesan apa-apa sahaja tanda awal.

Pada bulan Ogos 2025, Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Khas Anti Buli Negeri untuk membanteras gejala buli di Johor. Namun, Johor Jaya perhatikan selain kempen kesedaran anti buli telah dilaksanakan di seluruh negeri Johor pada bulan Ogos, isu anti buli tidak disentuh dalam Belanjawan 2026. Apakah rancangan, usaha dan kempen seterusnya yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam usaha anti buli di negeri Johor? Berapakah peruntukan yang akan diberi dalam membanteras anti buli di negeri Johor? Dengan ini, Johor Jaya bercadang untuk mewujudkan satu sistem *whistleblower* di semua sekolah dengan kerjasama pihak PIBG. Dengan ini, kita dapat menyediakan satu saluran atau satu platform yang selamat bagi pelajar membuat aduan, meringankan beban pihak sekolah dan juga para cikgu dan juga dapat meningkatkan integriti dan memastikan semua aduan dikendali dengan adil dan melaporkan ke Kementerian Pendidikan Malaysia.

Usaha dalam kesihatan mental dan membanteras gejala buli adalah tanggungjawab bersama semua pihak. Ini bukan sahaja pihak sekolah, tetapi juga ibu bapa, masyarakat dan juga pihak kerajaan. Kita perlu memastikan anak muda kita membesar dalam persekitaran yang selamat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berhasrat menubuhkan Majlis AI Johor untuk menjadikan Johor sebagai Hub AI dan Data Serantau pada tahun 2030. Dalam era digital dan teknologi, kita perlu pastikan bukan sahaja kerajaan yang transform sahaja, tetapi rakyat perlu mengikut jejak kerajaan menikmati kemudahan transformasi digital. Transformasi digital memudahkan rakyat bukan menyusahkan rakyat.

Yang Ama Berhormat Menteri Besar membentangkan bahawa penambahan 19 modul bayaran di aplikasi *Johor* Pay dengan peruntukan RM500,000.00 termasuk pentadbiran tanah, Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam. Kini *Johor Pay* hanya diguna untuk bayaran cukai tanah, cukai harta sahaja. Johor Jaya minta Kerajaan Negeri Johor menambahkan lagi kegunaan *Johor Pay* supaya dijadikan sebagai aplikasi utama di negeri Johor.

Selain itu, Johor Jaya pernah bangkitkan isu ini pada sidang yang lepas, tahun lepas iaitu selaraskan aplikasi parkir supaya hanya satu aplikasi parking di negeri Johor. Kini MBJB guna pakai *MBJB Spot*. Daerah Batu Pahat guna pakai aplikasi Jom Parking. PBT lain pula pakai *Park Maps*. Ini sudah mengelirukan rakyat Johor yang merentasi daerah apatah lagi pelancong dari luar negeri dan juga luar negara. Dengan ini adalah penting bagi kita mengkaji semula aplikasi bayaran *parking* dalam negeri supaya dapat meningkat aplikasi, jimatkan kos *maintenance* dan *user friendly* kepada pengguna khususnya kita akan menjelang Tahun Melawat Johor 2026.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam dunia yang semakin mencabar hari ini, rakyat menuntut sebuah pentadbiran kerajaan yang bukan sahaja cekap tetapi juga amanah dan bertanggungjawab. Tadbir urus iaitu *good governance* yang baik bukan sahaja sekadar slogan. Ia adalah asas kepada keyakinan rakyat terhadap kerajaan dan penentu kepada kemajuan negara. Tiga ciri-ciri yang menunjukkan tadbir urus yang cekap, termasuk:

1. Pengurusan Masa
2. Penggunaan Kos

3. Layanan dan perkhidmatan yang mesra

Pemimpin sebagai penentu hala tuju dan penggubal dasar negara tidak kira di mana kita duduk sama ada kerajaan, pengimbang ataupun pembangkang. Tujuan sebagai Wakil Rakyat adalah sama, iaitu membina masyarakat yang mesra dan harmoni. Membina negara dengan kepentingan rakyat diutamakan.

Johor Jaya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas keprihatinan beliau memberi Bantuan Kasih Johor yang terlibatkan pelbagai golongan B40 termasuk anak yatim, miskin tegar dan miskin, ibu tunggal, pemandu teksi, e-hailing, orang kurang upaya, warga emas dan lain-lain.

Johor Jaya ingin cadangkan bahawa, *mechanism* Bantuan Kasih Johor diperhalusi dan diuruskan secara atas talian dan terus deposit atau *online transfer* kepada akaun penerima seperti STR khususnya kepada bantuan warga emas dan juga orang kurang upaya. Penerima warga emas atau golongan OKU yang diminta hadir ke majlis perasmian atau penyerahan Bantuan Kasih Johor untuk mendapatkan wang tunai, ramai antara mereka bukan mereka bawa kereta sendiri, ada yang perlu anak, saudara-mara, jiran atau rakannya yang membawa mereka ke majlis. Anak, cucu, saudara-mara ini pula ada yang perlu mengambil cuti atau kelepasan kerja. Ada juga yang perlu menaiki pengangkutan awam. Ini terlibat masa, kos bagi kehadiran mereka dalam majlis tersebut.

Jadi, ini menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan urusan rakyat tidak terbuang dalam birokrasi yang panjang. Kita perlu pastikan penggunaan kos yang minimum bagi mereka yang menikmati bantuan kasih bukan sebaliknya. Memerlukan kos pengangkutan tambahan untuk mendapatkan bantuan kasih secara wang tunai.

Seterusnya, layanan dan perkhidmatan yang mesra, cepat dan berkesan kepada rakyat. Kita harus sentiasa turun padang, mendengar rintihan masyarakat dan memahami realiti kehidupan mereka. Dari situlah dasar yang benar-benar berkesan dapat dillahirkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tiga isu kawasan yang saya ingin bangkitkan bukannya isu baru tetapi sudah berkali-kali saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama, iaitu Pasar Awam Johor Jaya. Terima kasih Datuk Bandar MBJB yang sudi turun padang bersama dengan saya, lihat dan meninjau tempat tapak Pasar Awam Johor Jaya, Arkib Johor Jaya dan Bas Terminal Johor Jaya. Lokasi tempat ini terletak di lokasi yang premium dalam Johor Jaya, namun oleh sebab tidak menyelenggara dengan baik, kini tandas di bas terminal tidak dapat digunakan. Ruang yang sedia ada dalam arkib pun rosak dan uzur. Pasar Awam Johor Jaya pula menghadapi masalah elektrik dan kebocoran bumbung. Apa yang menyakit hati penduduk Johor Jaya adalah sebahagian bangunan telah menjadi bangunan terbengkalai dan merosak imej Johor Jaya dan kerajaan negeri. Johor Jaya sekali lagi minta tindakan segera daripada pihak kerajaan negeri supaya menaik taraf keseluruhan tempat ini, supaya memberi ruang perniagaan, ruang aktiviti kepada komuniti tempatan dan juga menaik taraf Pasar Awam Johor Jaya menjadi pasar moden di negeri Johor.

Kedua, iaitu isu Hospital Pasir Gudang. Rakan saya ADUN Permas juga bangkitkan isu Hospital Pasir Gudang kerana kelewatan pembukaan Hospital Pasir Gudang sangat mengecewakan penduduk Pasir Gudang. Kita sudah menanti-nantikan pembukaan hospital Pasir Gudang supaya memudahkan pendudukan mendapatkan rawatan dan perkhidmatan hospital kerajaan. Namun, dari pengumuman pecah tanah, pembinaan kelengkapan sehingga kini, sudah 10 tahun kita menunggu. Masih belum buka lagi. Johor Jaya menyeru supaya pihak kerajaan usaha sedaya upaya demi kesejahteraan dan kepentingan Pasir Gudang.

Ketiga, iaitu isu Lebuh Raya Pasir Gudang. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menegur bahawa lampu tidak cukup nyala di sekitar persimpangan Rinting – Seri Alam. Bukan sini sahaja, Johor Jaya menerima aduan masalah lampu jalan di persimpangan lebuh raya Pasir Gudang – Taman Daya, persimpangan bertingkat Jalan Kota Tinggi – Jalan Pandan yang lama tidak selesai dan juga jalan berlubang di sepanjang Lebuh Raya Pasir Gudang. Kesemua masalah ini bukan masalah baru, penyelenggaraan Lebuh Raya Pasir Gudang perlu dijadualkan dan dilaksanakan. Bukan ada aduan baru kita menyelenggara. Bukan MB turun turun padang baru memasang lampu dan bukan ada *accident* baru kita mengambil berat.

Akhir kata, Johor Jaya ucapkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua jabatan, agensi, pegawai dan penjawat awam yang sentiasa komited dan memberi kerjasama dalam menjalankan tugas sepanjang tahun ini. Marilah kita bersama-sama menegakkan nilai-nilai integriti, ketelusan dan akauntabiliti dengan masa yang diuruskan secara bijak, kos yang dibelanjakan secara amanah serta layanan yang mengutamakan rakyat barulah kerajaan tadbir urus cekap iaitu *good governance* tercapai. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Johor Jaya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan mengalu-alukan kehadiran dan mengucapkan selamat datang kepada 37 orang pemerhati yang terdiri daripada 25 orang daripada DUN kawasan Tiram. (Dewan bertepuk). 4 orang daripada kawasan Puteri Wangsa dan 8 orang daripada DUN kawasan Pemanis. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat diteruskan perbahasan, dijemput Yang Berhormat Pekan Nenas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Selamat petang, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker memberi peluang untuk saya bahas pada petang ini.

Sebelum saya memulakan perbahasan, izinkan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah dan selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena hari keputeraan Tuanku yang bakal disambut pada 22 November ini.

Saya turut berbesar hati ingin merakamkan ucapan tahniah dah terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan Johor 2026, Bangsa Johor Sejahtera yang merangkumi 260 inisiatif keseluruhannya.

Belanjawan ini dilihat amat bertepatan dengan aspirasi kerajaan negeri untuk memastikan kemajuan Johor terus berpaksikan kesejahteraan rakyat bukan sekadar dinilai melalui pertumbuhan ekonomi tetapi turut merangkumi aspek pendidikan, kesihatan, kebajikan dan pembangunan infrastruktur belanjawan pro rakyat.

Saya juga mengambil maklum bahawa Belanjawan Johor 2026 sekali lagi mencatatkan lebihan iaitu sebanyak RM4.45 juta menjadikan belanjawan lebihan untuk tahun keempat berturut-turut sejak 2023. Ini menunjukkan pengurusan fiskal negeri yang berdisiplin serta kecekapan dalam merancangkan perbelanjaan tanpa menjejas komitmen dalam kebajikan rakyat.

Dalam masa sama, unjuran hasil negeri untuk meningkat kepada RM2.55 bilion menjadikan Johor antara negeri dengan asas kewangan paling kukuh di Malaysia dan melepasi unjuran awal Belanjawan Negeri 2025. Saya percaya asas kewangan yang sihat ini memberi ruang kepada kerajaan untuk memperkukuh pelaksanaan inisiatif yang memberi manfaat terus kepada rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, komitmen kerajaan negeri jelas hasil negeri dipulang kepada rakyat melalui belanjawan ini, inisiatif seperti Bantuan Kasih Johor bernilai RM170 juta dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 350,000 penerima di seluruh Johor.

Mewakili rakyat Pekan Nenas, saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas keprihatinan berterusan dalam menambah baik bantuan untuk rakyat. Namun, saya tegaskan bahawa pembangunan negeri mesti seimbang dari segi sosial dan infrastruktur dengan pelbagai projek di bawah Teras ke-4. Seperti penyelenggaraan jalan, naik taraf jalan dan kampung. Membina jambatan dan pemasangan lampu jalan. Saya berharap pelaksanaan yang dipercepat khususnya di kawasan luar bandar seperti Pekan Nanas. Di Pekan Nanas masih banyak kampung yang memerlukan tindakan segera walau pun permohonan telah dihantar berulang kali termasuk jalan sempit, perparitan yang lemah dan lampu jalan yang tidak mencukupi. Dengan peruntukan besar yang diumum saya berharap keperluan asas ini diberi keutamaan supaya penduduk kampung turut menikmati hasil kemajuan Johor secara menyeluruh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri memperuntukkan RM22.6 juta untuk menaik taraf dan membina sistem perparitan, longkang serta kolam tadahan di kawasan *hot spot* banjir dan RM9.6 juta untuk merancangkan tebatan banjir. Peruntukan ini amat alu-alukan namun saya berharap kawasan ketika di Pekan Nanas juga diberikan keutamaan antara Kampung Maju Jaya, Kampung Seri Gambut, Kampung Melayu Raya, Kampung Seri Panti dan Kampung Paya Embun. Kalau dahulu banjir sekali setahun pun merisaukan, tahun ini sejak sudah tiga kali berlaku, dan masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun. Walaupun tindakan telah diambil oleh pentadbiran daerah Pontian dan JPS, kesannya masih tidak ketara. Banjir tetap berulang dan penduduk terus menanggung kerugian. Ini belum lagi kita bercakap tentang Monsun Timur Laut yang dijangka akan berterusan hingga Mac tahun hadapan. Saya yakin dan pasti kawasan yang sama akan terus dinaiki air. Di beberapa kawasan kampung, saya dan orang kampung turun padang untuk melihat apa langkah penyelesaian yang boleh dilaksanakan, saya faham mungkin orang kampung ini tiada ijazah atau sijil tentang kefahaman banjir. Tetapi mereka ada pengetahuan luas tentang kampung yang mereka didiami sejak berpuluh tahun ini. Saya dapati banyak lokasi memerlukan *culvert* lebih besar dan pembersihan parit paras yang telah lama tidak diselenggara. Juga sungai-sungai yang tidak dibersihkan dan digali luas seperti Sungai Tanjung Air Hitam. Di lorong satu Kampung Maju Jaya, khususnya projek khas yang telah dikemukakan JPS dengan pelan tindakan yang jelas. Merangkumi pembinaan *flood gate*, pengorekan Sungai Pontian Kechil dan pengwujudan rizab sungai baru bagi melancarkan aliran air. Namun, sebahagian komponen projek melibatkan tanah persendirian yang memerlukan kebenaran tanpa ambilan balik tanah, proses ini perlu dipercepat supaya projek RM8.9 juta ini tidak tergendala. Justeru, saya mohon jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk teliti perkara ini lebih-lebih lagi dengan tibanya Monsun Timur Laut sekarang ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di taman-taman perumahan lama seperti Taman Bunga, Taman Emas Merah, Taman Seri Jaya dan Taman Utama longkang sudah berusia lebih 20 sampai 30 tahun dan banyak struktur yang mula runtuh serta menjejaskan rumah penduduk. Untuk makluman, aduan berkaitan telah pun saya panjangkan kepada pihak Majlis melalui surat rasmi dan juga dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Saya cadangkan pihak berwajib menyedia pelan naik taraf berfasa dengan keutamaan berdasarkan tahap kerosakan dan risiko supaya penduduk nampak perancangan dan masih boleh menyusun bajet dengan lebih teratur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pengumuman kenaikan kadar elaun ketua-ketua kampung sebanyak RM300.00 sebulan daripada RM1,200.00 kepada RM1,500.00. Namun saya ingin menarik perhatian bahawa kenaikan kadar elaun ini hanya melibatkan ketua kampung sedangkan ketua masyarakat tidak menerima sebarang peningkatan. Untuk rekod, kali terakhir elaun ketua masyarakat dinaikkan ialah pada tahun 2023 sebanyak RM300.00. Di Johor terdapat 123

orang ketua masyarakat yang memainkan peranan penting dan sebagai jambatan komunikasi antara penduduk setempat dan agensi kerajaan. Pada masa ini jumlah elaun mereka ialah RM1,200.00 sebulan, RM700.00 daripada kerajaan negeri dan RM500.00 daripada kerajaan persekutuan. Saya berpendapat sudah sampai masa peranan ketua masyarakat turut diperkasakan melalui semakan semula kadar elaun agar selari dengan peningkat kos sara hidup dan beban tugas yang semakin berat. Harap kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini supaya peranan semua pemimpin komuniti kita dihargai secara saksama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin sentuh sedikit tentang pelancongan, sektor pelancongan ini sebenarnya sangat dekat dengan masyarakat luar bandar termasuk di Pekan Nanas. Potensi alam semula jadi kita ada bukan sahaja boleh menarik pelancong tetapi juga boleh menghidupkan semula aktiviti setempat dan memberikan nafas baru kepada ekonomi komuniti. Pekan Nanas mempunya pelbagai destinasi pelancongan dan riadah seperti *Bee Farm*, Lata Seri Pulai, *Nurjannah Campsite and Resort* dan banyak lagi banyak menjadi tumpuan orang ramai khususnya pada cuti-cuti hujung minggu dan cuti umum. Di dalam pembentangan belanjawan kali ini saya lihat beberapa Inisiatif baru yang diumum Yang Amat Berhormat Menteri Besar memang selari dengan keperluan untuk mengangkat pelancongan luar bandar antaranya termasuk peruntukan RM5.55 juta bagi promosi *Visit Johor* 2026. RM6.0 juta untuk secara bertaraf antarabangsa. Dan usaha menyambut ketibaan pelancong di 17 pintu masuk negeri. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri untuk memastikan Johor terus menjadi destinasi pilihan. Saya berharap strategi promosi *Visit Johor* 2026 dan acara-acara antarabangsa ini turut memberi ruang kepada Pekan Nanas untuk tampil sebagai salah satu destinasi pelancongan luar bandar utama negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Teras Ke-5, Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar merangkumi 21 inisiatif berkaitan banjir, hakisan, sungai ekonomi hijau dan pengindahan bandar. Namun pengurusan sisa pepejal dan pembuangan sampah haram juga terus diberikan fokus. Di Pekan Nanas *hot spot* pembuangan sampah haram seperti di Jalan Haji Salleh, Kampung Parit Pasir, Jalan Kampung Melayu Bukit Panjang dan beberapa kawasan lain termasuk Parit Selangor terus berlaku walaupun pihak SWCorp telah memasang CCTV. Isunya, saya difahamkan setiap daerah hanya ada satu CCTV yang dipasang dan dia hanya digunakan minimum 2 bulan di satu lokasi sebelum dipindahkan. Bila CCTV dipindahkan, tempat lama akan berulang menjadi lokasi pembuangan sampah haram. Ini menunjukkan kepincangan terhadap produk penguatkuasaan sedia ada. Jika Johor mahu mencapai kebersihan dan kelestarian, sebenarnya keseluruhan sistem pengurusan sampah termasuk semasa kutipan, penguatkuasaan, pemantauan dan pendidikan komuniti perlu dibaiki secara menyeluruh.

Oleh itu, saya ingin mencadang supaya kerajaan negeri melihat potensi teknologi *incinerator* moden seperti yang digunakan di *Singapore,* seperti Tuas *mixer* membuktikan bahawa teknologi pembakaran terkawal boleh mengurangkan sisa ke tapak pelupusan sehingga 90%, menghasilkan tenaga elektrik, mengurangkan kebergantungan kepada *landfill* yang makin terhad dan mengurangkan punca *hot spot* sampah haram kerana sisa diproses dengan lebih cepat dan sistematik. Teknologi ini bukan satu perkara yang perlu kita takutkan, jika mengikut *standard* keselamatan dan alam sekitar yang betul dia jauh lebih bersih, lebih effisien dan lebih mampan untuk jangka panjang. Kita boleh adaptasi model ini mengikut keperluan daerah-daerah di Johor. Sehubungan ini, saya ingin bertanya adakah kerajaan negeri sedang merangka pelan pengurusan sisa pepejal yang telah menyeluruh terutama bagi menanggani pembuangan sampah haram yang semakin serius? Dia adalah cadangan teknologi seperti *incinerator* pernah dibincangkan di peringkat negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin saya untuk menarik perhatian EXCO Hal Ehwal Agama Islam terhadap isu Sekolah Agama Batu 24 yang sehingga ke hari ini masih bersekutu guna sama dan menumpang di Sekolah Kebangsaan Batu 24. Sekolah Agama Batu 24 ini telah mencapai kapasiti maksimum ekoran pertambahan murid serta kepesatan pembangunan di kawasan Taman Emas Merah, Taman Kiara dan sekitar. Kedudukan bagi sekolah guna sama

ini menyukarkan pengurusan sesi pembelajaran dan mengehadkan usaha untuk memberikan pendidikan agama yang lebih selesa dan berkualiti kepada anak-anak kita. Saya difahamkan tapak bagi pembinaan pembangunan baru sekolah agama ini sudah ada pun. Jadi, janganlah kita lengah-lengahkan lagi perkara ini, sehubungan itu saya memohon supaya pembinaan bangunan sekolah baru bagi Sekolah Agama Batu 24 diberi keutamaan. Termasuklah dari segi peruntukan awal dan perancangan fizikal agar isu ini dapat diselesaikan segera dan tidak terus berlarutan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terakhir izinkan saya mendapatkan sedikit penjelasan berhubungan isu caj tetap bil perkhidmatan pembentung oleh Indah Water Konsurtium (IWK) di kawasan Taman Perindustrian Pekan Nanas. Saya telah menerima beberapa aduan daripada pemilik premis industri yang mendakwa cajnya tetap mereka naik lebih 4 kali ganda bermula Ogos 2025. Contohnya caj sebelum ini sekadar RM38.87 tetapi tiba-tiba diloncat kepada RM181.14 sebulan. Justeru, saya memohon penjelasan apakah kriteria pengiraan yang digunakan bagi kenaikan mendadak ini? Adakah dia berpunca daripada perubahan kategori premis, semakan semula kadar industri atau pengiraan semula penggunaan? Selain itu, saya juga ingin tahu sama ada kenaikan ini melibatkan seluruh negeri Johor atau hanya kawasan tertentu seperti Taman Perindustrian di Pekan Nanas. Sebelum saya mengakhiri perbahasan ini sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri atas pembentangan belanjawan ini dan segala inisiatif yang telah dirangka. Saya ingin menekankan bahawa kejayaan mana-mana belanjawan bukan hanya bergantung kepada angka atau inisiatif yang diumumkan, tetapi bagaimana dia dilaksanakan di peringkat daerah dan komuniti. Belanjawan 2026 membuka ruang yang luas, kita adalah peruntukan, ada dasar dan ada hala tuju. Yang tinggal hanya memastikan kawasan seperti Pekan Nanas tidak dicicirkan pelaksanaan. Saya percaya apabila kampung-kampung dan taman-taman lama diperkasakan, bila kawasan banjir diselesaikan, bila pelancongan luar bandar dihidupkan kembali, Pekan Nanas akan jadi antara pemacu kemajuan Johor, bukan sekadar menerima dasar.

Dengan penuh harapan, saya menyokong Belanjawan Johor 2026 dan berharap masyarakat Pekan Nanas akan melihat hasil secara nyata pada tahun-tahun mendatang. Sekian terima kasih. (Dewan bertepuk.)

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Pekan Nanas. Seterusnya, dijemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat. Bismillahirahmannirahim. (Bacaan doa.) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti rakan-rakan Yang Berhormat yang lain, saya juga memanjatkan puji dan syukur kehadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan perkenanNya, rakyat negeri Johor Darul Takzim yang bertuah ini terus disirami rahmat dan kesejahteraan. Senggarang ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama berbahas mengenai Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar pada minggu yang lepas.

Sebelum Senggarang meneruskan ucapan dengan penuh hormat dan takzim, izikan Senggarang menzahirkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang bakal disambut pada 22 November ini. Didoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa beroleh keafiatan, dilimpahi kerahmatan dan keampunan Allah SWT serta dikurniakan segala kebaikan dan kesejahteraan untuk terus memayungi negeri Johor Darul Takzim yang tercinta ini. Ucapan tahniah dan syabas Senggarang ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor kerana telah berjaya menyedia dan membentangkan satu Belanjawan yang amat prihatin terhadap pembangunan negeri dan ianya dilihat dapat memberi manfaat kepada semua golongan. Tidak kira kaum, latar belakang pendidikan, mahupun pendapatan termasuk penjawat awam sehinggalah

rakyat yang kurang bernasib baik dan kurang upaya bakal menikmati Belanjawan 2026 ini. Berdasarkan Belanjawan 2026 yang bertemakan Bangsa Johor Sejahtera yang ditunjangi enam teras dengan didukung oleh 260 inisiatif, Senggarang percaya Belanjawan ini sememangnya inklusif, lestari, komprehensif dan sejahtera untuk rakyat di negeri Johor kerana ianya digubal dengan berpegang kepada prinsip bahawa segala perancangan dan pelaksanaan adalah demi kebaikan dan kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, marilah kita sama-sama panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT, Alhamdulillah kerana dengan izinNya kita dapat berkumpul di Dewan yang mulia ini untuk membincangkan perkara-perkara yang menjadi tunjang pembangunan kepada negeri Johor yang kita sayangi. Hari ini Senggarang berdiri untuk menyatakan sokongan penuh terhadap kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Mulia PSJ, Pemangku Sultan Johor berkaitan tuntutan agar Johor menerima 25% daripada hasil yang disumbangkan oleh kerajaan kepada kerajaan persekutuan. Tuntutan ini bukanlah satu tindakan bersifat konfrantasi, sebaliknya ia adalah satu permintaan yang adil, munasabah dan selari dengan semangat federalisme yang seharusnya menjamin keseimbangan pembangunan antara negeri dan pusat. Walaupun rakan saya Yang Berhormat Kota Iskandar menyatakan 40%.

Seperti mana yang kita maklum, Johor adalah antara negeri penyumbang terbesar kepada ekonomi negara, meliputi sektor industri, pelaburan asing, pelabuhan, logistik, pertanian moden serta pembangunan wilayah seperti Iskandar Malaysia. Sumbangan ini bukan sahaja menggerakkan ekonomi Johor, tetapi turut menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia secara keseluruhan. Oleh itu, tuntutan 20% hingga 30% ini adalah peluang untuk mengembalikan sebahagian hasil kepada negeri agar kita dapat memperkukuhkan lagi pembangunan sosial, ekonomi dan infrastruktur demi kesejateraan rakyat Johor. Senggarang ingin menegaskan bahawa usaha ini bukan untuk memecah belahkan hubungan negeri dan persekutuan, tetapi untuk memastikan hubungan tersebut lebih adil, matang dan saling menguntungkan. Johor bukan menuntut lebih daripada yang wajar. Johor hanya meminta haknya yang setimpal dengan sumbangan yang diberikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada hari ini juga Senggarang ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor daripada seluruh penduduk di kawasan Senggarang yang terdiri daripada pelbagai lapisan. Tidak kira mahasiswa, petani, penternak, pelajar, nelayan, ibu tunggal, warga emas dan sebagainya di atas pemberian inisiatif yang telah diberikan sejak Ogos hingga awal November yang lalu. Banyaknya ucapan terima kasih yang patut disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Sebentar tadi saya juga menerima sepucuk surat daripada Sekolah Rendah Agama Bersepadu Batu Pahat untuk ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana BKK RM500. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri Besar daripada mereka. Tidak hanya mereka masyarakat Orang Asli, golongan pesara tentera dan polis, warga SWM juga tidak ketinggalan mendapat limpahan bantuan tersebut. Semua pihak dapat merasakannya di seluruh pelusuk negeri Johor.

Ucapan terima kasih ini juga diucapkan diatas keprihatinan dan komitmen yang begitu jelas dalam memastikan kebajikan pendidikan anak Johor sentiasa menjadi keutamaan. Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor hari ini telah melaksanakan beberapa inisiatif yang memberi impak besar kepada rakyat khususnya golongan mahasiswa dan pelajar sekolah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang mengambil kesempatan bagi membawa suara rakyat pekan Senggarang, sebuah pekan yang terus berkembang dan berpotensi menjadi pusat ekonomi kecil setempat. Namun masih berdepan beberapa kekangan asas yang memerlukan perhatian serius kerajaan negeri. Senggarang ingin menggesa agar peruntukan dalam Bajet 2026 bagi pengurusan kebersihan bandar diperluaskan ke kawasan pekan kecil

seperti Senggarang. Kebersihan bukan sekadar isu kosmetik, ia melibatkan kesihatan awam, imej pelancongan dan kesejahteraan setempat. Dalam Bajet 2026 ini juga, kerajaan memberi tumpuan kepada pembangunan landskap dan pengindahan kawasan bandar. Senggarang mencadangkan agar usaha ini meliputi penanaman pokok teduhan di sekitar pekan, mengindahkan kawasan median jalan, mewujudkan sudut-sudut santai bangku rehat dan elemen hijau, penyelenggaraan taman kecil dan ruang hijau sedia ada. Dengan landskap yang teratur, ceria dan menarik, Senggarang berpotensi menjadi pekan singgah yang menyokong ekonomi setempat, menarik pengunjung, menambah aktiviti perniagaan dan menaikkan nilai hartanah. Ini bukan skadar tentang kecantikan visual tetapi tentang mengekalkan sebuah pekan yang hidup, kemas dan maju.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kekerapan di beberapa kesuraman taman perumahan telah lama menjadi isu. Yang sudah dipasang lampu limpah saya rakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Batu Pahat. Banyak aduan diterima tentang lampu jalan yang tidak mencukupi atau rosak menyebabkan risiko kemalangan meningkat khususnya kepada penunggang motorsikal dan pejalan kaki. Dengan bajet negeri yang turut menumpukan aspek *Smart City*, Senggarang mohon agar lampu jalan dipasang atau ditambah dipersimpangan gelap seperti persimpangan Jalan Cempaka, pekan Senggarang. Pencahayaan naik taraf kepada lebih cerah dan menjimatkan tenaga, penyelenggaraan dibuat secara berkala. Keselamatan adalah tuntutan asas rakyat dan pencahayaan adalah salah satu cara paling mudah serta murah untuk mencegah kemalangan. Isu bersangkutan penutupan jalan-jalan kampung dan jalan berlubang, Alhamdulillah sudah banyak dapat diselesaikan oleh pihak jabatan dan agensi mahupun pihak kerajaan negeri secara amnya. Namun begitu terdapat juga beberapa kampung yang masih belum merasai kemudahan tersebut dan diharap ianya dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dikesempatan ini Senggarang berdiri di hadapan Dewan untuk menegaskan isu kritikal yang tidak boleh ditangguhkan lagi iaitu hakisan pantai dan keselamatan pesisir di DUN Senggarang. Ini bukan isu kecil, ia melibatkan keselamatan penduduk, rumah mereka, tanah pertanian dan mata pencarian komuniti pesisir. Tidak keterlaluan jika Senggarang nyatakan bahawa Ahli Dewan semua sedia maklum bahawa insiden benteng pecah di Berong, Rengit telah menjejaskan kehidupan penduduk tempatan. Bagi memberi perspektif kepada Dewan, saya ingin menegaskan bahawa masa tidak hanya di kalangan penduduk Rengit, malah tempiasnya turut dirasai oleh penduduk di kawasan Senggarang, di Kampung Parit Hailam dan Parit Botak. Saya nampak Datuk SUPOL macam senyum sebab kampung dia. Saudara mara Datuk SUPOL terlibat. Seramai 17 orang mangsa daripada kalangan penduduk Senggarang telah terlibat dan senarai mereka telah saya serahkan kepada YB EXCO, YB Fazli. Kesemua mereka mengalami kerosakan tanaman, tanah dan sebahagian sumber rezeki akibat kejadian tersebut. Sebab telah makan masa daripada bulan 6 sampai bulan 11. Ini adalah peringatan nyata bahawa hakisan bukan teori, ia oleh menimpa kita jika tindakan segera tidak diambil. Kita tidak boleh lagi menunggu sehingga tragedi berulang, sebelum peruntukan disalurkan atau benteng dibaik pulih.

Berdasarkan laporan dan pemerhatian Senggarang dan ketua kampung, Parit Hailam tanah tebing telah mengecil. Rumah penduduk kini hanya lima meter dari tebing. Benteng lama retak dan tidak stabil. Di Kampung Baru beberapa bahagian benteng runtuh, tanah pesisir menyusut setiap tahun terutama ketika air pasang tinggi. Di Kampung Seri Pantai, perkampungan Orang Asli di Senggarang, beberapa rumah penduduk kini berada dalam zon berisiko tinggi. Hakisan antara 1 hingga 1.5 meter setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jika kita gagal bertindak sekarang, kejadian seperti Berong, pasti berulang di Senggarang. Justeru itu, Senggarang menuntuk agar kerajaan negeri memperuntukan dana tambahan dalam Bajet 2026 untuk membaik pulih benteng di lokasi kritikal seperti Parit Hailam, Kampung Baru, Kampung Seri Pantai di skim Senggarang. Kos awal fasa pertama dianggarkan 5 hingga 10 juta di skim tersebut, termasuk konkrit, tetulang, *crusher run* dan permit. Menetapkan fasa pelaksanaan segera bukan hanya kajian atau kajian

sementara atau kerja sementara, proaktif adalah kunci kerja pelindungan selepas bencana adalah lebih mahal dan menyusahkan penduduk. Sengggarang menyeru kepada semua agensi berkaitan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS untuk menjalankan kajian teknikal segera dan menyelesaikan reka bentuk benteng yang betul, berkesan dan lestari. Melaksanakan pemantauan berkala agar hakisan dapat dikesan dari awal dan dapat dikawal. Memastikan kerjasama antara kerajaan negeri dan persekutuan bagi sokongan dan tambahan kerana kos pemulihan terlalu tinggi untuk ditanggung hanya satu pihak.

Benteng yang kukuh bukan sahaja melindungi rumah tetapi juga menjamin keselamatan tanah pertanian dan sumber rezeki nelayan. Menstabilkan komuniti pesisir dan memberi keyakinan kepada penduduk, menunjukkan bahawa kerajaan negeri serius menjaga kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tadi Senggarang menyebutkan penerangan di benteng yang terdapat dalam Mukim 10, Kampung Baru. Senggarang juga mohon JPS dan kerajaan negeri agar dapat menimbangkan peruntukan sebanyak RM500,000.00 bagi kerja-kerja menaik taraf benteng serta struktur berkaitan di kawasan Senggarang di bawah Mukim 9, Minyak Beku. Keadaan benteng sedia ada sudah uzur dan tidak mampu lagi menampung air terutama ketika musim hujan dan fenomena air pasang besar malah baru-baru ini benteng di Kampung Kelicap telah bocor juga. Usaha pekebun mengatasi kebocoran tidak berjaya. Pada masa ini hakisan serta benteng dari Tanjung Labuh ke Sungai Suloh sepanjang 4 kilometer telah berlaku. Hakisan menyebabkan paras air laut melebihi 3 meter melepasi benteng tersebut. Risiko yang dihadapi jika berlaku benteng pecah ialah mengakibatkan hampir 300 ekar kebun musnah ekoran air masin masuk. Ianya berisiko kepada pekebun-pekebun tanaman sawit dan kelapa. Peningkatan kekerapan banjir kilat menjejaskan rumah penduduk, tanaman serta infrastruktur asas. Kerja-kerja penambahbaikan ini amat diperlukan bagi memastikan keselamatan penduduk serta menambahkan risiko kerosakan harta benda. Senggarang mohon JPS mahupun pihak kerajaan negeri mengambil langkah-langkah pencegahan awal sebelum berlaku yang lebih serius.

Selain itu Senggarang juga mohon peruntukan RM1 juta bagi kerja-kerja membersihkan dan meluruskan parit-parit pertanian di skim Senggarang. Parit yang tersumbat dan sempit telah menyebabkan sistem pengairan terganggu, menjejaskan produktiviti para petani serta pengusaha tanaman. Langkah pembersihan menyeluruh ini akan meningkatkan aliran air, mengelakkan takungan air dan membantu menghidupkan kembali kegiatan pertanian di kawasan ini yang merupakan sumber pendapatan utama penduduk. Senggarang turut ingin mencadangkan penggunaan jambatan konkrit baru di Parit Kasih, dengan anggaran kos RM1.4 juta. Hal ini telah disarankan oleh JPS Daerah Batu Pahat.

Akhir sekali untuk JPS, Senggarang mohon agar mendapatkan peruntukan RM100,000.00 bagi tujuan membaik pulih pintu *gate* air di Sungai Senggarang dan pintu *gate* air di Sungai Parit Hailam. Pintu-pintu air ini memainkan peranan dalam mengawal paras air dan mencegah hakisan tebing. Keadaan pintu gate air Senggarang pada ketika ini telah bocor di kiri dan kanan manakala pintu *gate* air di Parit Hailam telah senget dan rosak. Kerosakan pada sistem pintu air menyebabkan aliran tidak terkawal, seterusnya mengancam tanah pertanian, kediaman dan keselamatan penduduk. Kerja-kerja pembaikan segera, insya-Allah dapat menjamin pengurusan air lebih efektif.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum Senggarang meneruskan yang lebih lanjut, Senggarang ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang peranan penting majlis-majlis kebudayaan di setiap daerah. Dalam usaha ini, dalam usaha kita memperkukuhkan identiti Johor sebagai negeri yang kaya dengan warisan, budaya dan seni, saya mencadangkan agar peruntukan kepada semua majlis kebudayaan daerah dapat dipertingkatkan. Dengan peruntukan yang lebih mampan. Majlis-majlis kebudayaan ini dapat merancang program yang lebih sistematik, inklusif dan berimpak tinggi khususnya dalam memupuk perpaduan melalui aktiviti kesenian di peringkat akar umbi (Dewan bertepuk).

Menjelang Tahun Melawat Johor Tahun 2026, persediaan aspek kebudayan dan kesenian memerlukan penekanan yang lebih rapi. Justeru Senggarang mencadangkan agar peruntukan kepada Majlis Kebudayaan Negeri Johor (MKNJ) ditambah khususnya bagi mempergiatkan lagi program latihan seperti bengkel kebudayaan, pembangunan produk kesenian, tarian tradisional, teater, muzik rakyat dan sebagainya.

Program latihan ini bukan sahaja melahirkan tenaga seni terlatih malah memastikan pelaksanaan sepanjang TMJ 2026 lebih tersusun dan berkualiti. Selain itu, Senggarang juga mencadangkan agar setiap daerah diberikan peruntukan khas sebanyak RM20,000.00 bagi penganjuran kesenian hujung minggu. Inisiatif ini akan merancakkan aktiviti kebudayaan tempatan, menarik pelancong domestik dan antarabangsa, memberikan ruang kepada artis dan penggiat seni tempatan untuk berkarya dan menjana pendapatan. Senggarang percaya usaha ini akan mewujudkan ekosistem kebudayaan yang hidup, progesif dan mampan di seluruh negeri (Dewan bertepuk). Segala.. tepuklah kalau nak tepuk (Dewan bertepuk). Segala cadangan ini bukan sekadar meningkatkan peruntukan malah satu pelaburan jangka panjang untuk memartbatkan budaya, memarbatkan budaya Johor serta mempersiapkan negeri kita dalam menyambut kemunculan Tahun Melawat Johor 2026 dengan penuh berkeyakinan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang juga ingin menarik perhatian kepada satu isu yang semakin penting kepada satu isu yang semakin penting kepada pembangunan ekonomi dan keusahawanan di Johor khususnya kepada golongan muda di kawasan Senggarang untuk pemanfaatan teknologi maklumat, IT untuk tujuan perniagaan. Hari ini dunia perniagaan tidak lagi terbatas kepada kedai fizikal atau kaedah tradisional. Teknologi digital dan platform IT membuka peluang luas untuk belia memasarkan produk mengurus perniagaan secara efisyen dan mencapai pelanggan di peringkat tempatan global. Namun begitu, ramai golongan muda menghadapi cabaran seperti kekurangan kemahiran digital untuk membangunkan perniagaan secara *online*. Akses terhad kepada platform e-dagang dan pemasaran digital. Kekangan modal untuk membangunkan IT atau aplikasi sendiri.

Sehubungan itu, Senggarang mencadangkan agar kerajaan negeri dengan Bajet Johor 2026 mengambil langkah-langkah berikut. Program latihan IT khusus untuk usahawan muda termasuk usahawan digital, pembangunan laman web dan pengurusan media sosial. Geran permulaan atau bantuan teknologi bagi membolehkan belia membangunkan platform perniagaan mereka sendiri. Mewujudkan pusat sokongan digital di peringkat daerah untuk memberi bimbingan teknikal dan kos konsultasi penyelidikan. Kerjasama dengan sektor swasta dan universiti bagi menyediakan mentor dan aset dan teknologi terkini. Dengan bantuan yang tepat, golongan muda bukan sahaja dapat memanfaatkan IT untuk memulakan perniagaan, tetapi juga akan menjadi penjana inovasi dan ekonomi digital Johor. Ia akan meningkatkan daya saing negeri, membuka peluang pekerjaan, membina ekonomi masa depan yang inklusif dan berdaya tahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertanian dan perternakan bukan sahaja sumber makanan dan ekonomi negara. Tetapi juga memberi peluang luas bagi belia yang berani meneroka moden dan berinovasi. Justeru itu, Senggarang sangat menggalakkan penyertaan golongan muda dalam industri pertanian dan penternakan. Namun begitu, ramai golongan muda menghadapi cabaran berikut. Kekurangan modal permulaan untuk memulakan ladang atau penternakan. Kekangan pengetahuan teknikal dalam pengusahaan moden dalam pertanian dan penternakan. Aset terhad kepada pasaran tempatan digital menyebabkan hasil tani atau ternakan sukar dipasarkan secara optimum.

Sehubungan dengan itu, Senggarang mencadangkan agar kerajaan negeri mengambil langkah-langkah seperti berikut. Geran permulaan dan bantuan kewangan khusus untuk belia yang ingin menceburi bidang pertanian dan penternakan. Program latihan dan bimbingan teknikal termasuk penggunaan teknologi moden seperti teknologi pintar, sistem ternakan

terkawal dan pemasaran. Kemudahan akses kepada pasaran termasuk platform e-dagang, pasar tani dan jaringan kerjasama dengan sektor swasta. Insentif atau pengurangan cukai bagi golongan muda yang membangunkan ladang dan ternakan secara profesional.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dengan sokongan yang tepat golongan muda dapat menjadi penggerak dalam sektor pertanian dan penternakan moden. Meningkatkan pendapatan, menjana peluang pekerjaan dan menyumbang kepada ketahanan makanan serta pembangunan ekonomi negeri Johor. Sehubungan dengan itu, Senggarang menyeru kerajaan negeri untuk terus memberi perhatian serius kepada golongan muda dalam sektor pertanian dan penternakan kerana mereka adalah pemacu masa hadapan pertanian Johor yang berdaya saing dan berinovasi. Selain itu, perhatian serius terhadap keusahawan digital golongan muda juga jangan dilupakan kerana mereka adalah pemacu ekonomi moden Johor yang cemerlang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selaras dengan usaha pembangunan Maahad Tahfiz Negeri Johor (MTNJ) yang sedang giat dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Senggarang ingin menarik perhatian Dewan kepada satu perkara yang amat penting iaitu keperluan kepada tenaga pengajar sebagai tulang belakang sesebuah institusi pendidikan. Kita semua maklum bahawa MTNJ bukan sekadar sekolah biasa. Ia adalah institusi kerajaan negeri yang memikul amanah besar dalam melahirkan generasi hafiz dan hafizah. Berilmu tinggi, berakhlak dan berdaya saing namun keberkesanan mana-mana institusi pendidikan amat bergantung kepada kestabilan dan kecukupan tenaga pengajar. Pada masa ini Senggarang difahamkan bahawa kekurangan guru di MTNJ sedang ditampung melalui tenaga guru Mystep. Walaupun kita menghargai khidmat dan komitmen mereka, keadaan ini tidak seharusnya menjadi penyelesaian jangka panjang kerana sistem yang bergantung kepada guru kontrak jangka pendek akan membawa beberapa implikasi. Kadar keluar masuk *turnover* guru yang tinggi mengganggu kesinambungan pengajaran. Kesukaran membina budaya sekolah yang kukuh kerana tenaga kerja yang tidak stabil. Kualiti pendidikan yang tidak konsisten terutama dalam subjek-subjek teras, hafazan dan akademik.

Oleh itu Senggarang ingin bertanya kepada pihak jabatan dan pihak pentadbiran kerajaan negeri, apakah cadangan atau perancangan konkrit untuk mengisi kekurangan ini dengan lantikan tetap atau sekurang-kurangnya lantikan yang lebih stabil? Adakah kerajaan negeri merancang membuka lantikan tetap atau kontrak jangka panjang bagi guru-guru di MTNJ? Mempunyai garis masa atau *timeline* untuk mengelakkan kebergantungan kepada guru-guru Mystep? Atau sedang berbincang dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri atau jabatan berkaitan mengenai struktur perjawatan MTNJ sebagai sekolah kerajaan negeri. Senggarang yakin bahawa dengan perancangan yang lebih tersusun, kerajaan negeri boleh memastikan MTNJ menjadi model sekolah tahfiz kerajaan yang terbaik di negeri ini tetapi bukan sahaja dari aspek kemudahan tetapi juga dari sudut profesionalisme dan kualiti tenaga pengajar. Senggarang berharap agar perkara ini dapat diberi perhatian oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum habis 20 minit dah, Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang merakamkan penghormatan sekali lagi dan penghargan sekali lagi untuk Yang Berhormat Datuk Menteri Besar, untuk Yang Berhormat EXCO, untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk pegawai-pegawai kerajaan, untuk Yang Berhormat Dato' SS, Pegawai Daerah Batu Pahat, YDP Majlis Perbandaran Batu Pahat, JKR Batu Pahat, JD JPS Batu Pahat, untuk semua kerjasama yang terbaik untuk sepanjang tempoh ini. Akhir kata, Belanjawan Johor 2026 ini bukan sekadar dokumen kewangan tetapi *roadmap* masa depan negeri.

Senggarang menyokong penuh belanjawan ini dan berharap agar isu benteng dapat diselesaikan di Pekan Senggarang, isu jambatan dapat diselesaikan di Parit Kassim dan di jambatan di Pekan Senggarang juga, masjid pembinaan baharu di Parit Kemang dan di Pekan Senggarang dapat diselesaikan dan juga geran-geran permohonan tanah yang masih belum diselesaikan dapat diselesaikan seperti di Kampung Rahmat dan Kampung Maju Jaya.

Senggarang mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh (Dewan bertepuk). Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih, salam sejahtera, salam Maju Johor, salam Madani. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana memberi ruang kepada Tangkak untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan Johor 2026.

Terlebih dahulu, izinkan Tangkak Merafak Sembah Menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucapan selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sempena Ulang Tahun Keputeraan baginda yang bakal disambut pada 22 November ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap kali kita membahas belanjawan negeri, ia bukan hanya acara tahunan tetapi merupakan proses penting untuk menentukan masa depan rakyat Johor. Belanjawan adalah cerminan keutamaan negeri. Ukuran sejauh mana kepekaan kita terhadap denyut nadi rakyat serta kompas yang menentukan arah pembangunan Johor dalam tempoh tahun-tahun mendatang.

Tangkak menghargai usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh jentera kerajaan yang telah menyedia belanjawan ini. Namun sebagai Wakil Rakyat, tugas saya ialah menilai bukan sahaja apa yang tercatat dalam dokumen belanjawan, tetapi juga realiti yang dialami rakyat di lapangan. Tahun 2026 menjelang dalam suasana ekonomi yang tidak menentu. Johor secara makro menunjukkan pemulihan terutama melalui projek strategik di selatan negeri serta pelaburan asing dalam sektor pembuatan dan digital. Walau bagaimanapun, angka pertumbuhan eknomi tidak selalu menggambarkan keadaan sebenar rakyat di rumah-rumah mereka. Di kedai-kedai kecil atau di kebun dan perusahaan mikro. Rakyat sedang berhadapan dengan kos sara hidup yang meningkat serta gaji yang tidak selaras dengan inlfasi. Justeru, belanjawan kali ini perlu melihat kepada isu harian rakyat dan bukannya sekadar angka makro ekonomi. Masalah asas seperti akses air bersih, kestabilan bekalan air, kesesakan jalan raya, peluang pekerjaan setempat, keselamatan pelajar, jaringan kesihatan, pembangunan bandar kecil dan transformasi luar bandar adalah isu yang jauh yang lebih dirasai oleh rakyat daripada angka bilion ringgit yang sukar mempengaruhi kehidupan mereka secara langsung.

Tangkak ingin menegaskan bahawa ekonomi negeri tidak boleh dilihat semata-mata melalui prestasi kawasan metropolitan seperti Johor Bahru atau Kota Iskandar sahaja. Johor adalah sebuah negeri besar yang merangkumi pelbagai daerah dan keperluan ciri dan ekonomi masing-masing. Keseimbangan pembangunan harus menjadi dasar utama kerjaaan negeri. Dan daerah seperti Tangkak tidak boleh terus menjadi daerah yang hanya menerima limpahan pembangunan secara minimum. Realitinya daerah-daerah utara dan tengah seperti Tangkak, Segamat, Batu Pahat dan Mersing masih belum menikmati pembangunan yang pesat seperti Johor selatan. Anak-anak muda kita terus berhijrah keluar kerana pekerjaan berkualiti tidak tersedia di tempat sendiri. Ramai terpaksa merantau ke Singapura, Johor Bahru atau Kuala Lumpur untuk mencari pendapatan yang lebih baik.

Ini menyebabkan daerah seperti Tangkak mengalami lebih ramai penduduk masuk usia tua. Dan ekonomi daerah tidak berkembang pada kadar yang sepatutnya. Tangkak ingin menekankan bahwa pembangunan negeri yang tidak seimbang akan membawa kesan yang panjang termasuk jurang ekonomi yang semakin melebar. Dalam konteks bandar Tangkak, salah satu dokumen paling penting yang sepatutnya menjadi pemacu pembangunan ialah Rancangan Khas Kawasan (RKK) Bandar Tangkak 2030. Pelan ini menggariskan transfomasi bandar secara menyeluruh. Termasuk pembangunan pusat pentadbiran baharu, penstrukturan semula lalu lintas bandar, pembangunan sungai, pembaharuan kawasan komersial lama serta pembinaan ruang awam yang berkualiti. Malangnya sehingga kini,

sebahagian besar komponen RKK kekal pada tahap perancangan di atas kertas. Rancangan bergerak, tetapi pelaksanaan masih jauh ketinggalan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, masalah kelewatan pelaksanaan RKK bukanlah isu kecil. Ia berpunca daripada kekangan peruntukan, koordinasi antara agensi yang kurang berkesan serta tiadanya badan penyelaras pelaksanaan di peringkat negeri yang benar-benar memantau kemajuan secara berkala. Selagi pelaksanaan kekal perlahan, bandar Tangkak tidak akan mampu mencapai potensi sebenarnya sebagai bandar daerah yang progesif dan menarik pelaburan. Tangkak menyeru agar kerajaan negeri menggerakkan sebuah jawatankuasa penggerak RKK yang dipengerusikan oleh SUKJ dan melibatkan Plan Malaysia, Pejabat Daerah Tangkak, Majlis Daerah Tangkak serta wakil rakyat. Bagi memastikan perancangan tidak terus terperap di dalam fail-fail pejabat.

Selain isu perancangan bandar, bandar Tangkak berdepan kesesakan lalu lintas yang semakin membimbangkan. Laluan utama daripada Plaza Tol Tangkak ke Kampung Anjung Batu kini menjadi titik kesesakan yang kritikal terutama pada waktu puncak. Peningkatan jumlah kenderaan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini menunjukan bahawa laluan tersebut tidak lagi mampu menampung aliran trafik sedia ada. Kesesakan bukan sahaja menjejaskan masa perjalanan pekerja dan pelajar tetapi juga melambatkan operasi logistik, menyusahkan ambulans dan pasukan kecemasan serta memberi kesan langsung terhadap ekonomi tempatan. Projek pelebaran jalan dan pembinaan lorong tambahan di kawasan ini bukan lagi pilihan tetapi satu keperluan mendesak. Tangkak berharap belanjawan tahun ini memberi keutamaan kepada penyelesaian kesesakan di laluan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah tempat letak kereta di pusat bandar Tangkak juga semakin ketara. Bandar lama yang dibina dulu kini tidak mampu menampung bilangan kenderaan yang meningkat setiap tahun. Ketiadaan parkir berpusat menyebabkan kenderaan berhenti sesuka hati. Mewujudkan kesesakan dan menyukarkan urusan penduduk serta peniaga. Tangkak mencadangkan agar kerajaan negeri menyediakan peruntukan untuk menyewa tanah lapang di belakang Jalan Sialang dan kawasan belakang AmBank Tangkak untuk dijadikan parkir berpusat sementara. Langkah ini adalah penyelesaian jangka pendek yang berkesan sementara menunggu pembangunan parkir berpusat kekal di bawah RKK.

Dalam aspek kemudahan komuniti, balai raya Kampung Anjung Batu yang terletak di kawasan strategik bandar Tangkak kini dalam keadaan uzur. Bumbung yang bocor, sistem elektrik lama dan fasiliti yang tidak lagi sesuai dengan keperluan komuniti hari ini menjadikan bangunan ini memerlukan naik taraf menyeluruh. Balai raya bukan sekadar tempat perhimpunan tetapi merupakan nadi aktiviti sosial masyarakat setempat. Tanpa kemudahan yang baik, masyarakat sukar menjalankan pelbagai program pendidikan, kebudayaan, sukan, kebajikan dan sambutan perkahwinan. Tangkak mohon agar sebuah peruntukan khusus diperuntukan bagi memastikan balai raya tersebut dinaik taraf secara lengkap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tangkak ingin memberi perhatian khusus terhadap isu air. Isu yang paling asas, paling kritikal namun paling mengecewakan rakyat Johor sejak sekian lama. Prestasi penggantian paip lama di negeri Johor adalah sangat perlahan dan jauh ketinggalan. Hari ini Johor masih mempunyai lebih 6,000 kilometer paip lama yang sebahagiannya telah berusia melebihi 40 tahun. Di kawasan tertentu termasuk di bandar Tangkak, paip jenis *asbestos cement* (AC) yang mudah pecah masih digunakan menyebabkan paip kerap pecah dan menimbulkan gangguan bekalan air berulang kali. Lebih merisaukan kadar kehilangan air tidak berhasil. NRW di Johor berada pada paras 26 hingga 28% ini bermakna hampir 1/3 daripada air terawat hilang begitu sahaja sebelum sampai kepada pengguna. Bagaimana rakyat Johor boleh diyakinkan bahawa air, sistem air negeri cekap dan mampan jika paip pecah berulang kali? Tekanan air rendah berterusan, gangguan air berlaku tanpa notis tepat. Isu air ini bukan isu politik. Isu air ini isu kehidupan, isu kesihatan dan maruah rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam keadaan perkhidmatan air belum mencapai tahap memuaskan peniaga dikejutkan pula dengan kenaikan tarif air oleh SAJ. Tangkak ingin menyatakan bahawa kenaikan tarif bukan suatu tindakan yang tidak pernah berlaku, namun ia harus dilaksanakan selari dengan peningkatan kualiti perkhidmatan. Dalam situasi semasa masyarakat merasakan tindakan menaikkan tarif air adalah tidak adil dan tidak wajar kerana masalah asas seperti paip lama dan NRW tinggi masih belum ditangani secara agresif. Jika pengguna di suruh membayar lebih, mereka berhak menuntut perkhidmatan yang lebih baik. Tangkak menggesa agar kerajaan negeri mengkaji semula pelaksanaan kenaikan tarif tersebut sehingga SAJ dapat membentangkan pelan penggantian paip lama yang jelas terperinci dan boleh diukur kemajuannya setiap suku tahun.

Selain isu utiliti, kebajikan pelajar dan keselamatan di sekolah turut memerlukan perhatian serius. Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, kes gangguan, buli dan salah laku dalam kalangan pelajar semakin mendapat perhatian media. Negeri Johor perlu memimpin negara dalam memperkenalkan garis panduan keselamatan pelajar yang lebih ketat. Pelajar mesti dilindungi daripada sebarang bentuk gangguan dan sekolah perlu menjadi tempat paling selamat untuk mereka belajar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harus memastikan guru, pentadbir sekolah, kaunselor dan ibu bapa diberi latihan khusus untuk mengenal pasti, menangani dan mencegah sebarang bentuk penderaan atau gangguan. Amalan menyembunyikan atau meringankan kes seperti ini tidak boleh diterima sama sekali.

Tahun 2026 juga merupakan tahun penting bagi sektor pelancongan Johor. Kerana ia merupakan Tahun Melawat Johor. Bagi memastikan kejayaan kempen ini, persiapan tidak boleh tertumpu kepada kawasan tertentu sahaja. Daerah seperti Tangkak mempunyai aset pelancongan berharga seperti Gunung Ledang, budaya tradisional, makanan tempatan, rekreasi sungai dan pelbagai potensi eko pelancongan. Namun, potensi ini hanya akan membuahkan hasil jika kerajaan negeri melabur dalam infrastruktur pelancongan yang mesra pengunjung. Seperti penambahbaikan jalan masuk, papan tanda seragam, kemudahan asas yang baik, tandas awam berkualiti serta pusat maklumat pelancong. Pelancongan hanya akan berjaya jika keseluruhan pengalaman pengunjung adalah positif. Bukan hanya pada destinasi utama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap tahun belanjawan kerajaan negeri membuka harapan baru kepada rakyat. Namun, harapan hanya akan menjadi realiti melalui pelaksanaan yang cekap. Rakyat di bandar Tangkak dan seluruh Johor tidak meminta projek-projek mega yang hebat, mereka hanya mahu perkhidmatan asas yang stabil. Jalan raya yang selamat. Paip yang tidak pecah setiap bulan, bandar yang tersusun dan peluang ekonomi yang adil. Mereka mahu melihat bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan oleh kerajaan negeri memberi pulangan yang nyata kepada kehidupan mereka.

Belanjawan Johor 2026 mempunyai banyak potensi tetapi potensi tidak akan bermakna jika pelaksanaan tetap pelahan. Jika masalah asas tidak ditangani dan jika daerah luar bandar di biarkan terus berjuang sendiri dalam ekonomi yang semakin mencabar. Tangkak berharap kerajaan negeri memberi perhatian yang sewajarnya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Dengan ini, Tangkak menyokong Belanjawan Johor 2026 dengan syarat pelaksanaan ditingkatkan, kecekapan dipertajamkan dan keutamaan diberikan kepada isu-isu asas rakyat. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tangkak. Selanjutnya dijemput Yang Berhormat Puteri Wangsa.

YB Puan Amira Aisya binti Abd. Aziz (Puteri Wangsa) : Puteri Wangsa Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Sila, Puteri Wangsa.

YB Puan Amira Aisya binti Abd. Aziz (Puteri Wangsa) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sebelum memulakan perbahasan Belanjawan Johor 2026, patik ingin merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Ibrahim sempena ulang tahun hari keputeraan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia pada tanggal 22 November yang akan datang. Patik juga menjunjung cermat dan kasih atas Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang terus mencerminkan kepimpinan dan kebijaksanaan buat patik dan sekalian Bangsa Johor semua. Allah peliharakan Sultan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam ucapan perbahasan Belanjawan Johor 2026 ini saya akan bawa beberapa agenda yang saya kira penting untuk Johor bukan sahaja untuk tahun 2026 tetapi juga pembangunan negeri Johor bagi generasi-generasi yang seterusnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang pertama adalah pusat data dan kelestarian alam. Salah satu kebanggaan Kerajaan Negeri Johor adalah usaha untuk menjadikan Johor ini sebagai pusat pelaburan utama dalam merantau Asia Tenggara. Setakat suku kedua tahun 2025, terdapat 42 projek pusat data yang telah diluluskan dan saya yakin ini bukanlah titik penamat bagi usaha kita untuk membangunkan industri pusat data di Johor. Misi ini baru sahaja bermula. Saya sedar bahawa dengan wujudnya industri pusat data ini, ia dapat membantu perkembangan ekonomi Johor. Peluang pekerjaan dapat dijana, syarikat-syarikat gergasi seperti *Microsoft, ByteDance* dan macam-macam lagi melabur masuk di Johor. Ini telah menjadikan Johor sebagai destinasi pelaburan yang unggul di Malaysia. Akan tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, kita perlu akui bahawa pelaburan yang masuk ini bukanlah sempurna dan terdapat isu-isu penting yang perlu kita berikan perhatian. Sebagai contohnya, satu isu yang telah disebut oleh ramai ADUN dalam Dewan yang mulia ini iaitu isu air.

Faktanya Yang Berhormat Datuk Speaker, rizab air negara sudah semakin terhad dengan pembangunan bandar yang pesat, industri yang semakin berkembang dan juga dengan kesan-kesan perubahan iklim. Di Johor sudah beberapa kali kes gangguan bekalan air terjadi dan perkara ini telah menyusahkan kehidupan seharian Bangsa Johor. Awal November yang lalu hampir 800,000 orang terkesan akibat kes pencemaran yang terjadi di sungai-sungai Johor. Di Puteri Wangsa sendiri, aduan yang saya terima berkenaan kes gangguan air ini telah meningkat setiap tahun sejak daripada 2022. Dan ianya bukan sahaja melibatkan kawasan perumahan tetapi ianya juga memberi kesan kepada kawasan-kawasan perindustrian dalam negeri Johor. Sebagai seorang ADUN saya ingin sampaikan kerisauan dan keresahan rakyat Johor supaya dapat di pandang serius oleh Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pusat data ini menggunakan bekalan air yang banyak. Baru-baru ini dalam satu laporan bertulis di Dewan Rakyat, PETRA telah memberikan unjuran bahawa kegunaan air di Johor akan meningkat daripada 20 juta liter pada tahun 2025 kepada 66 juta liter pada tahun 2026. Ini adalah peningkatan 300%. Saya puji usaha kerajaan negeri untuk memperkenalkan sumber alternatif air bagi pusat data ini. Tetapi satu soalan yang perlu ditanya, adakah sumber air di Johor mencukupi untuk bukan sahaja kegunaan pusat data, tetapi juga menanggung kehidupan seharian rakyat serta industri-industri sedia ada di Johor?

Kita tidak mahu lihat kehidupan rakyat terganggu akibat terputusnya bekalan air. Saya hendak tarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu yang berlaku di Georgia, Amerika Syarikat sebagai contohnya di mana apabila terbangunnya satu pusat data di sana, kehidupan rakyat terus terganggu dengan bekalan air walaupun telah dijanjikan tidak akan ada gangguan, tetap ada. Malangnya itu baru satu pusat data, apatah lagi kita yang akan membangunkan 42 pusat data dan mungkin akan bertambah lagi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Di Uruguay pula rakyat di sana telah selalu buat protes sebab mereka tak mahu pusat data dibangunkan. Kerana ianya telah pun mengganggu ladang pertanian mereka. Ini juga telah termasuk dalam bukan sahaja isu bekalan air tetapi isu keselamatan makanan. Kita tak nak operator pusat data ada bekalan air yang cukup, tetapi akhirnya Bangsa Johor bersusah payah untuk dapatkan bekalan air. Pilihan utama bekalan air perlu terus sampai ke Bangsa Johor dan bukan sahaja kepada pelabur-pelabur luar. Saya juga mahu sebut bahawa tidak adil apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar katakan bahawa gangguan bekalan air yang mungkin diakibatkan oleh pembinaan pusat data ini adalah taktik untuk menakut-nakutkan pelabur. Ini bukan taktik *fear mongering* dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya percaya tidak ada seorang pun ADUN di bangku kerajaan mahupun di bangku pengimbang yang tidak mahu ada pelabur datang ke Johor. Kita tahu bahawa adanya pelabur, tingkatnya ekonomi, semua itu adalah untuk rakyat Johor. Kami hanya menjalankan amanah kami sebagai Wakil Rakyat yang diberikan tanggungjawab untuk membawa suara rakyat ke dalam Dewan yang mulia ini. Dan kerajaan negeri pula harus ingat tugas hakiki eksekutif adalah untuk menjawab kebimbangan dan keresahan rakyat.

Saya ambil kesempatan ini untuk mengajukan beberapa soalan kepada barisan kepimpinan negeri. Pertama adakah semua pusat data di Johor menggunakan sebarang matrik untuk mengukur penggunaan air mereka dan menggunakan dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker, *Water Usage Effectiveness* ataupun WUE?

Kedua adakah kerajaan telah menetapkan sasaran *Water Positive* yang memastikan pengurusan air yang baik sebagai pertimbangan utama dalam Prosedur Operasi Standard bagi pusat-pusat data yang akan beroperasi di Johor. Kedua-dua WUE dan juga sasaran *Water Positive* ini telah pun digunakan di pelbagai negara maju seperti Singapura, China, Sepanyol dan banyak lagi untuk memastikan pembuatan dasar di sana memahami kesan jangka masa panjang pusat data kepada alam sekitar. Jika ada saya harap dapat dibentangkan dalam sesi penggulungan supaya semua dalam Dewan ini cakna dan kita sama-sama dapat meringankan kegusaran rakyat tentang wujudnya pusat-pusat data dan juga gangguan bekalan air di Johor. Jika Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor mahu jadikan Johor sebagai hab serantau bagi data dan AI, ianya perlu datang bersekali dengan pertimbangan terhadap kesan kepada alam sekitar.

Selari dengan itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin ambil kesempatan ini untuk sekali lagi menggesa kerajaan negeri untuk melaksanakan dasar penandaan Belanjawan Iklim ataupun *Climate Budget Tagging* dan saya harap perkara ini boleh disegerakan. Saya ingin berterima kasih pertama kepada Yang Berhormat Pemanis selaku Pengerusi Jawatankuasa Perubahan Iklim yang telah sama-sama berjumpa dengan UNDP dan juga Yang Berhormat EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar yang telah pun memberikan komitmen untuk melaksanakan dasar ini. Saya gesa Kerajaan Negeri Johor agar meletakkan pelan tindakan iklim dalam setiap rencana pembangunan dalam negeri kita, supaya kita dapat pembangunan yang selaras dengan kelestarian alam sekitar. *Climate Budget Tagging* ini adalah peluang untuk Johor menjadi negeri pertama dalam Malaysia yang menunjukkan bahawa kita benar-benar kisah tentang kelestarian alam dalam setiap pembangunan yang kita jalankan. UNDP telah pun berikan komitmen untuk bantu negeri Johor untuk melaksanakan *Climate Budget Tagging* dengan serta merta. Saya juga bawa pada hari ini nota dasar daripada UNDP yang lengkap dengan penanda aras cadangan pelaksanaan dan juga *quick win* untuk Johor. Saya pasti nota dasar ini ada diatas meja Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO juga telah dikongsikan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, dan saya akan kongsikan kepada semua Yang Berhormat ADUN pada hari esok. Semuanya sudah tersedia, strateginya juga sudah ada. Yang kita perlukan adalah *buy in* daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan juga kerajaan negeri. Tolak tepi siapa kerajaan, tolak tepi siapa pengimbang. Bila tiba hal keselamatan dan kesejahteraan rakyat, saya dengan rendah diri menawarkan sebarang khidmat sekiranya diperlukan oleh Yang Berhormat EXCO ataupun kerajaan negeri. Pembangunan ekonomi negeri perlu datang seiring dengan kelestarian alam kerana tiada gunanya jika Johor maju dengan pusat-pusat data yang

canggih, bangunan-bangunan yang tinggi, tetapi rakyat sengsara kerana bekalan air yang terputus.

Begitu juga Yang Berhormat Datuk Speaker dengan projek-projek penyelenggaraan kemudahan-kemudahan awam dalam negeri Johor. Pengurusan projek penyelenggaraan dan penambahbaikan oleh kontraktor-kontraktor adalah satu isu yang saya rasa saban hari dibawa dalam Sidang DUN Johor. Hampir semua ADUN pernah bawa dan tegur kontraktor dalam negeri Johor. Dalam kawasan saya sendiri, sudah berapa kali kami hadapi isu yang sama. Bila saya laporkan jalan berlubang, MBJB laju Yang Berhormat Datuk Speaker hantar kontraktor, tetapi belum sampai tiga(3), empat (4) hari jalan itu sudah berlubang semula. Lampu jalan pun begitu. Baiki laju, rosak balik pun laju dan kos untuk baiki ini bukan sikit. Saya ambil contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, kos RM9 juta yang diluluskan Kerajaan Negeri Johor untuk baiki jalan berlubang yang dibawah sebenarnya tanggungjawab persekutuan. Bukan sikit jumlahnya RM9 juta ini. Ini duit rakyat. Kita perlu ada sistem telus untuk rakyat juga sama-sama menilai hasil kerja kontraktor dalam negeri Johor. Saya ambil contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, aplikasi *traffy fondue* yang dibuat di Bangkok, saya sempat belajar daripada pasukan Datuk Bandar Bangkok sewaktu *Sustanability Environment Asia Conference* di Kuala Lumpur. Alang-alang memang kita dalam proses untuk menubuhkan sistem aduan bersepadu dalam negeri Johor, saya nak cadangkan masukkan juga satu sistem *feedback* ataupun maklum balas di mana rakyat sendiri boleh menilai kerja-kerja kontraktor. Sebagai contohnya dalam sistem *traffy fondue* rakyat boleh beri antara satu (1) sehingga ke lima (5) bintang kepada kontraktor dan semua ini dapat dilihat oleh semua yang ada aplikasi tersebut. Dan apabila rating ini, kontraktor yang mendapat bintang tiga (3) ke bawah akan diganti dengan serta merta. Sistem ini perlu ada Yang Berhormat Datuk Speaker supaya kontraktor dalam negeri Johor ini tidak buat kerja sambil lewa dan mementingkan keuntungan semata-mata tanpa peduli hasil dan impak kepada rakyat. Kalau kita nak jadikan Johor benar-benar maju, ketelusan perlu jadi keutamaan kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, agenda seterusnya adalah ihsan kemanusiaan. Dalam Belanjawan Johor kali ini, kerajaan negeri telah berikan penekanan kepada jaringan keselamatan sosial Bangsa Johor dengan 67 inisiatif yang diumumkan. Semalam pun panjang lebar Yang Berhormat EXCO Agama bentang inisiatif di bawah Zakat Johor. Saya ingin tarik perhatian Dewan yang mulia ini, kepada satu golongan yang selalu dipinggirkan dan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Saya tahu tidak semua fikir yang nasib mereka wajar dibahaskan dalam Dewan ini, tetapi atas ihsan saudara sesama Islam dan ihsan sesama manusia, saya bawakan dalam sidang kali ini. Golongan ini sering perlu tempuh rintangan dan akhirnya mereka tidak dapat akses pendidikan, kesihatan mahupun keselamatan. Tetapi di dalam DUN Puteri Wangsa mereka jugalah menjadi golongan yang paling selalu terdedah kepada pelbagai risiko terutamanya risiko banjir, terutama sekali golongan yang duduk di Kampung Kangkar Tebrau dan juga Kampung Seri Purnama. Mereka ini adalah golongan pelarian yang ada dalam negeri Johor. Saya rujuk laporan *United Nation High Commisioner For Refugees* bahawa terdapat 200,260 pelarian serta *asylum seekers* dengan izin, Yang Berhormat Datuk Speaker yang berdaftar di Malaysia. Golongan ini juga perlu dibela oleh kita semua. Jika tidak di atas ihsan saudara sesama Islam, ihsan sesama manusia. Golongan ini jugalah sering di eksploitasi dan di ambil membuat kerja-kerja yang kotor, bahaya dan sukar ataupun 3D. Walaupun tiada inisiatif yang khusus bagi pelarian, wajar untuk kita mempertimbangkan supaya kita dapat menggunakan kutipan zakat untuk membantu golongan ini. Ini bukan satu perkara yang baru. Pada tahun 2016, kerajaan Johor memperuntukan RM600,000 setahun untuk warga Rohingya di Johor. Peranan sistem zakat itu sendiri adalah untuk membantu golongan fakir dan miskin dengan menyalurkan kutipan zakat kepada mereka yang memerlukannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sudah begitu banyak laporan yang menunjukkan kesan buruk kepada pengikut setempat apabila tiada pendidikan dan juga akses kesihatan untuk pelarian. Daripada akses gangguan gaji kerja 3D seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bukit Permai pagi tadi dan juga kepada isu kesihatan dan juga isu keselamatan.

Kita perlu faham situasi mereka dan bantu mereka untuk hidup bersama-sama di dalam negeri Johor ini. Hadis Nabi Rasulullah SAW diriwayatkan oleh Imam Tabrani yang bermaksud 'siapa yang tidak prihatin terhadap urusan orang Islam, maka ia bukan dari kalangan mereka'. Saya fikir ini satu peringatan untuk diri saya sendiri dan juga semua di dalam Dewan ini untuk kita jadi manusia dahulu sebelum menjadi ahli politik. Kita perlu muhasabah diri dan sentiasa mengingatkan diri yang kita tidak tahu sama ada satu hari nanti kita yang berada di tempat mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, agenda seterusnya, merealisasikan pendidikan untuk semua. Apabila saya mula berkempen hampir empat (4) tahun yang lalu, salah satu janji yang saya bawa kepada warga Dewan Undangan Puteri Wangsa adalah untuk memartabatkan pendidikan dalam negeri Johor. Sebagai seorang anak guru yang membesar di kawasan susah, saya sendiri lihat impaknya apabila anak-anak tercicir daripada pendidikan. Saya sendiri ada kawan yang apabila tidak bersekolah, mengandung pada usia 15 tahun, terjerumus dalam kancah dadah dan ini semua adalah kerana isu keciciran pendidikan. Tidak boleh ada kompromi dalam negeri Johor tentang isu keciciran pendidikan anak-anak Johor. Satu pelajar yang tercicir adalah kehilangan satu generasi. Baru-baru ini Yang Berhormat Datuk Speaker saya turun ke kawasan PPR Pelangi Indah pada hari sekolah. Saya terserempak dengan seorang anak kecil umur lapan tahun. Saya tanya pada dia, tidak pergi ke sekolah ke? Dia kata memang saya tidak sekolah. Saya kata kenapa tidak sekolah? Dia kata sebab ibunya tidak ada duit dan dia ada seorang abang berumur 10 tahun juga tidak ke sekolah. Apabila saya siasat, rupanya mereka dibesarkan oleh nenek mereka dan nenek mereka tidak mampu untuk menguruskan persekolah mereka. Ini bukan satu kes terpencil. Berlaku juga di PPR Pelangi Indah, di PPR Desa Mutiara. Apabila saya melawat satu rumah, ada tiga (3) orang anak antara umur lapan hingga 14 tahun tidak pergi ke sekolah kerana ibunya sakit terlantar dan tidak boleh menghantar anak-anaknya ke sekolah. Ramai lagi anak-anak yang tercicir dalam negeri Johor ini. Ini baru yang kita dapat jumpa, yang kita dapat bantu. Bagaimana pula yang kita tidak jumpa?

Saya tahu bahawa kerajaan ada peruntukan RM2.8 juta sebagai bantuan awal persekolahan. Ini saya puji, tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker strategi bantuan yang berterusan juga perlu kita fikirkan. Antaranya adalah bantuan kenderaan untuk anak-anak ini ke sekolah. Saya ambil contoh. Inisiatif N9 Bas di Negeri Sembilan ataupun *My School Bus at Wilayah* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedua-dua inisiatif ini telah dilaksanakan dan dapat bantu pelajar-pelajar susah untuk pergi ke sekolah. Saya pasti bahawa negeri Johor juga dapat fikirkan inisiatif yang sesuai dengan anak-anak dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga nak ambil kesempatan ini untuk bawa satu kes yang saya terima di dalam pejabat saya, di mana saya dapat surat daripada seorang pelajar di UTM Johor yang menyatakan apabila ada kelewatan bayaran bantuan *one-off* Yayasan Pelajaran Johor, apabila ditanya ke pihak YPJ jawapannya adalah masih dalam proses. Tetapi yang lebih membimbangkan dalam surat ini juga pelajar ini ada membuat aduan bahawa sistem yang digunakan itu telahpun digodam dan duit telah masuk ke dalam akaun penggodam. Saya desak kerajaan negeri untuk jalankan siasatan menyeluruh terhadap laporan ini kerana yang saya risau kalau satu akaun boleh digodam, bermakna banyak lagi akaun boleh digodam. Berapa ratus ribu ringgit duit rakyat yang habis kerana isu godam ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, agenda saya yang terakhir iaitu reformasi sistem ADUN. Sejak saya dipilih menjadi ADUN Puteri Wangsa hampir empat tahun yang lalu, banyak cabaran yang telah ditempuh dan lebih banyak pelajaran yang telah saya pelajari. Saya bersama pasukan saya sentiasa berusaha untuk berikan yang terbaik kepada penduduk DUN Puteri Wangsa. Mungkin ramai tidak sedar bahawa dalam DUN Puteri Wangsa ini kita ada lebih 120,000 pengundi dengan 300,000 lebih penduduk. DUN Puteri Wangsa adalah salah satu DUN mega di negara Malaysia, seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Perling.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pelbagai program telah kami usahakan untuk mengangkat suara rakyat dan juga memberikan khidmat terbaik dari sudut ekonomi, keselamatan, pendidikan dan juga hal-hal seharian. Program seperti majlis rakyat, jualan rakyat, *Run For Education, Empowered Bazaar, Road Safety Day* dan banyak lagi. Apa yang kami buat ini semuanya untuk berikan yang terbaik dengan sumber yang terhad yang kami ada. Saya ambil kesempatan ini untuk menambahbaik, untuk memberikan beberapa cadangan. Yang pertama Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri dan Dewan Negeri Johor untuk memperkenalkan sistem sokongan perkhidmatan terutama sekali dari segi penyelidikan kepada semua ADUN serta pegawai-pegawai. Ini adalah untuk pastikan taraf khidmat semua ADUN dalam negeri Johor ini berada dalam kualiti yang terbaik supaya di negeri Johor ini sistem demokrasi kita adalah sistem yang terbaik. Contohnya di Australia wujudnya *Parliamentary Service Department for Australia, State Parliament* di mana jabatan ini membantu wakil-wakil rakyat untuk memberikan khidmat yang terbaik. Wakil-wakil rakyat di tempat seperti Victoria, New South Wales dan juga Western Australia mempunyai akses kepada pelbagai sistem sokongan seperti sokongan IT, peralatan, penyelidikan dan juga sumber-sumber yang diperlukan supaya mereka dapat berkhidmat dengan efektif. Kerana Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau ada YB yang nak bawa masuk isu keselamatan makanan contohnya, isu pendidikan contohnya, isu pencemaran air contohnya, kita perlukan data penanda aras dan juga alternatif penyelesaian. Kita perlu ada data-data ini supaya apabila kita masuk ke dalam Dewan, kita tidak hanya menjadi tin kosong.

Kedua juga kita perlu lihat bagaimana Kanada dan juga Dewan Legislative British menyediakan sistem sokongan kepada semua Wakil Rakyat di mana hal-hal pentadbiran seperti pemilikan pejabat, pembayaran bil dan sebagainya di buat oleh satu jabatan yang khusus. Maksudnya Wakil Rakyat dah tidak perlu sentuh duit peruntukan untuk bayar sewa pejabat ataupun gaji pegawai kerana duit peruntukan itu sepatutnya 100% pergi ke rakyat dalam kawasan kita. Nak bayar sewa pula, sewa pejabat bukan sama Yang Berhormat Datuk Speaker. Contohnya sewa pejabat Yang Berhormat Endau dan Maharani sudah tentu berbeza dengan sewa pejabat kami di Puteri Wangsa ataupun di Perling. Jadi bila ada pejabat tetap di setiap DUN yang perlu digunakan maka lebih efektif kerja-kerja Ahli Dewan Undangan Negeri.

Dalam kesempatan ini juga saya ingin menyampaikan cadangan agar semua kertas-kertas mesyuarat mendapat akses dalam, dalam *website* Dewan Negeri Johor agar supaya semua rakyat johor boleh boleh akses kepada kertas-kertas mesyuarat kita. Sebagai contohnya kita ada banyak jawatankuasa pilihan khas seperti Jawatankuasa Pengurusan Iklim, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana yang telah pun memberikan 10 syor kepada kerajaan negeri Johor. Kita perlu angkat Yang Berhormat Datuk Speaker, syor-syor tersebut. Saya yang Berhormat Datuk Speaker telah pun dijemput dalam pelbagai forum seperti Bangkok Sustainability Week, Munic Security Conference, Asia Pacific Forum On Sustainability Development untuk membentangkan tentang Jawatankuasa Perubahan Iklim. Ini bukan satu kebanggaan untuk saya saja tetapi kebanggaan seluruh Dewan yang mulia ini, kerana kita ada visi jangka masa panjang mewujudkan jawatankuasa khas merentas sama ada pembangkang ataupun kerajaan. Apabila semua ini dibuat, rakyat Johor perlu tahu apa hasil daripada jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, satu perkara yang saya ingin sebut, saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat eksekutif janganlah naik suara atau marah-marah kalau pengimbang persoalkan apa-apa isu kerana akhirnya itu kerja kami dalam sistem demokrasi. Kerja pengimbang adalah menyemak imbang kerja-kerja rakan-rakan eksekutif. Yang baik kita raikan dan yang tidak baik kita perlu bawa ke dalam Dewan. Itu tanggungjawab kami kerana itu jugalah kami telah diundi dan kami perlu jalankan tanggungjawab itu. Saya fikir sebagai Wakil Rakyat yang bijak memikul amanah, semua pandangan, nasihat dan teguran perlu dilihat sebagai titik kelompangan yang perlu ditutup dan bukannya sebagai tuduhan yang tidak berasas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali saya mendoakan semoga Al-Mutakabir sentiasa memberi kelapangan untuk setiap rakyat Johor. Hanya Allah SWT sahaja tidak ada awal dan akhir dan kita mahkluknya hanya menyimpan, hanya meminjam waktu dan kudrat dariNya. Amin ya rabbal alamin. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa. Dipersilakan DUN Pemanis.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Bismillahirahmaanirahim. (Bacaan Doa). Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Terlebih dahulu alhamdulillah marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua dapat kita bersama-sama hadir di dalam sesi perbahasan Belanjawan Johor bagi tahun 2026 pada kali ini. Marilah kita turut sama-sama melafazkan selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Pemimpin Agong yang sentiasa menjadi pedoman dan teladan buat kita sehingga ke akhir zaman. Sebelum meneruskan bicara izinkan patik terlebih dahulu merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah serta ucap selamat kepada ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku yang jatuh pada tanggal 22 November nanti. Ucapan tahniah juga di atas usaha baik Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor dan barisan kepimpinan di bawah kerajaan negeri kerana berjaya memungut hasi tertinggi mencecah sehingga RM2.5 billion menjelang hujung tahun 2025 ini.

YB Timbalan Speaker : Bagi laluan kepada azan. Teruskan Pemanis.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan).

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Terima kasih Datuk Timbalan Speaker. Semoga dengan bertambahnya pendapatan hasil negeri ini kita sama-sama doakan agar Johor terus maju dan makmur di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ini lah sebenarnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, belanjawan Bangsa Johor Sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, sehari selepas pembentangan Belanjawan 2026 oleh Yang Amat Berhormat Machap, rakyat dilihat memberi respon yang cukup pantas. Ada yang memuji, malah menzahirkan kesyukuran di atas pelbagai insentif, inisiatif dan pengumuman positif belanjawan 2026 ini. Ramai juga dengan berseloroh menyebut lepas ini muntah-muntah lah orang Johor bila dapat macam-macam insentif setelah mereka mendengar dan baca pelbagai maklumat dalam media sosial berkaitan dengan belanjawan. Namun tak kurang juga ada yang dengan sinis menyambut pembentangan bajet ini Yang Berhormat Datuk Speaker dengan memberi respon ada lebihan, tapi ada lagi Bangsa Johor yang masih tak rasa manfaatnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Allah SWT mengajar kita supaya sentiasa bersyukur dengan rezeki yang kita perolehi kerana setiap insan rezekinya ini berbeza-beza dan manfaatnya pun kita terima tak sama. Ada orang dapat rezeki bantuan *One Off* RM200. Ada orang pula dia tak dapat bantuan rezeki *One Off* RM200 itu Datuk Speaker, tapi dia sihat, dia tak sakit, dia ceria, dia seronok ha macam tu. Ini rezeki juga namanya. Allah berfirman di dalam Al-Quran surah Ar-Rahman, ayat 13 (Bacaan ayat Al-Quran) yang bermaksud, maka nikmat Tuhan Mu yang manakah yang kamu dustakan. Ayat ini YB Datuk Speaker diulang sebanyak 31 kali ya, bukan sekali, bukan dua (2) kali, bukan 10 kali. 31 kali dalam surah ini untuk mengingatkan manusia, bukan manusia je, jin pun sama tentang pelbagai nikmat yang diberikan oleh Allah SWT Ayat ini mengingatkan kita erti kesyukuran dan berterima kasih dengan Allah atas segala nikmat yang telah kita terima. Ya, mahkluk ini memang terkenal dengan sifat tak cukup, selalu tak dapat, selalu sangat mengeluh. Tapi kita bersyukur la dulu kemudian kita sama-sama doa kepada Allah SWT mana-mana golongan rakyat yang masih belum merasa kenikmatan rezeki Allah di bumi Johor ini agar dipermudahkan oleh Allah urusan-urusan rezeki mereka. Kita bantulah kerajaan, nyatakan jika yang tak merasa itu bagaimana boleh

kita sama-sama bantu mereka untuk mengecapi nikmat rezeki Allah ini. Mana yang akan dapat bonus nanti, ha bonus yang dua (2) bulan gaji tu kan, boleh la tambah sikit agaknya peruntukan infak Jumaat yang kita tengah buat sekarang pada hari Jumaat di masjid-masjid dan di surau-surau Jumaat di seluruh Johor. Kita ajak lagi ramai kawan-kawan kita untuk semarakkan solat Subuh berjemaah ha barulah kita jadi pemimpin politik tak kira lah sebelah sana ke sebelah sini ke kita tak akan timbulkan lah isu-isu fitnah, kena kutuk-kutuk marah-marah ini kan, sampai keluar *statement* minta maaf *statement* tu bahasa *english*, dengan izin, yang bermaksud menghina usaha, kerja keras orang-orang lain. Sama juga macam kat Dewan hari ini kan. Kita kena bagi kredit juga dekat Jurutulis, Penolong Jurutulis, Bentara, mereka kerja sampai malam ini nak siap, nak baca kita punya *verbatim*. Tapi yelah mungkin yang bercakap ini agaknya baru keluar gua kat hutan simpan Moakil sana tu atau mungkin cemburu kerana zaman mereka dulu semua angka-angka ini tak terjangkau dekat benak mereka. Jadi kesian juga lah, tapi dah gitu benaknya kita berfaham-faham sajalah Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana tahun lepas angka-angka yang dipaparkan cukup memperlihatkan kejayaan pentadbiran Kerajaan Negeri Johor. RM218 billion jumlah pelaburan, 64,000 peluang pekerjaan baru, keluaran negara kasar 6.4%, RM27.2 billion hasil pertanian, pendapatan negeri lebih RM2.5 billion, dapat lebihan RM4.4 juta memang angka-angka yang memberangsangkan. Dan semua angka ini bukanlah boleh dikecapi dengan mudah tanpa ada usaha dan kerja keras oleh semua pihak terutamanya di peringkat kerajaan negeri. Namun kerana angka-angka ini lah maka sebahagian rakyat kita di media sosial terutamanya memberikan pandangan mereka kerana ada ramai rakyat di luar sana yang tak termasuk dalam kategori yang layak terima bantuan-bantuan *one-off* ini Yang Berhormat Datuk Speaker, supaya kerajaan negeri bagi semua kalau boleh dia nak semua dapat semua Bangsa Johor dapat. Macam kerajaan persekutuan bagi, masuk kat dalam IC tu RM100.00, ha dia nak semua dapat macam tu. Jangan bagi pilih-pilih. Namun kalau ikut data statistik terkini dalam *website* Jabatan Perangkaan Malaysia jumlah, jumlah rakyat Bangsa Johor adalah seramai 4,250,900 bangsa Johor. Kalau kita congak kasar ini, kalau nak bagi RM100.00 ni jumlahnya nanti hampir setengah bilion kita nak kena sediakan. Tapi itu pandangan mereka. Saya percaya kita di negeri Johor ini walaupun angka-angka pendapatan negeri itu nampak menarik tapi kerajaan negeri masih belum cukup kemampuan untuk melaksanakannya. Saya tak pasti kalau Yang Amat Berhormat Machap boleh tunaikan hasrat ini tahun depan. Insya-Allah jika ada keberkatan dalam hasil dan perbelanjaan kita nanti, saya yakin ia boleh dilaksanakan cadangan ini Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya beritahu semasa penyampaian bantuan *one-off* di kawasan DUN saya bulan lepas jika saranan Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor agar kerajaan persekutuan memulangkan semula hasil negeri sebanyak 40% macam kawan-kawan dah sebut sebelum ini. Insya-Allah kita boleh je selesaikan beberapa permintaan besar rakyat termasuk isu yang baru-baru ini menjadi tular berkaitan dengan kebimbangan Duli Yang Amat Mulia Tunku berkaitan dengan kelewatan beberapa projek kerajaan persekutuan di Johor Bahru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak cerita tentang kawasan daerah Segamat. Baru-baru ini daerah Segamat dan Batu Pahat bergegar dengan kejadian gempa bumi pada 24 Ogos yang lepas. Magnitudnya pada masa itu adalah pada angka 4.1. Kemudian disusuli dengan tujuh (7) gegaran susulan antara 27 Ogos hingga 3 September dengan magnitud antara 2.5 sehingga 3.4. dan terkini sekali lagi berlaku lagi gempa susulan pada 3 November lepas angkanya naik sikit 2.7 skala richer, ramai dapat rasa. Dan kini ramai yang makin gusar malah ada yang menaburkan khabar angin negatif berkaitan dengan kejadian ini. Siapa sangka daerah yang terletak di utara Johor sana dan kelihatan jauh daripada kawasan sismik gempa boleh menerima gegaran sehingga mengakibatkan kerosakan berlaku di kediaman dan bangunan di sekitarnya. Hari itu sibuk banjir, ha ni kena gempa pula. Namun saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar atas tindakan segera mengeluarkan arahan kepada seluruh jajaran pimpinan negeri terutama di peringkat daerah untuk melaksanakan intervensi secara berfasa yang merangkumi langkah dan gerak kerja pengaktifan bilik gerakan bencana yang beroperasi 24 jam. Membuat hebahan kesedaran

melalui media rasmi kerajaan bagi memberi panduan keselamatan, bagi mengelakkan rakyat kita panik. Membangunkan prosedur tetap operasi SOP gempa bumi dan juga pelaksanaan Program Komuniti Risiko Bencana berasaskan komuniti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri juga melaksanakan pengukuhan sistem pemantauan dan analisis saintifik oleh NADMA, MET Malaysia dan Jabatan Mineral dan Galian terhadap kawasan berisiko gempa. Pihak JMG Johor pula menjalankan siasatan tanah dan bangunan sedia ada di kawasan gempa bumi untuk menentukan tahap risiko yang lebih tepat. Menaiktaraf enam (6) Stesen Seismologi sedia ada di negeri Johor dan membina dua (2) stesen tambahan *Wet Motion* untuk pengesanan awal gegaran. Ini dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa pembentangan belanjawan kelmarin. Terima kasih ada masuk sedikit bantuan untuk kejadian gempa bumi ini. Dan dengan peruntukan RM3 juta yang kita terima daripada kerajaan persekutuan, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi di atas peruntukan yang diberikan itu, maka seramai 62 orang mangsa kejadian gempa bumi yang berlaku kerosakan teruk di kediaman mereka telah pun menerima bantuan daripada pihak kerajaan.

Ini kejadian bencana yang baharu bagi kita, bencana gempa bumi ini taklah sama macam banjir, kita boleh ramal awal, 4 jam, 5 jam sebelum tu kita dah boleh *ready* dah, hujan lebat aje kita dah boleh bersedia dah. Tapi gempa tak ada, tiba-tiba aje dia gegar. Ini adalah sebahagian daripada tanda bahawa perubahan iklim dunia yang berlaku memerlukan kita untuk lebih bersedia dan peka dengan alam. Yang tu tadi YB Puteri Wangsa ada sebut, jadi memang kita kena bersedia, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahun lepas semasa Perbahasan Belanjawan 2025, saya ada membawakan beberapa cadangan termasuk memperkasakan aktiviti berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian di negeri kita ini. Saya ada bawa kawan-kawan daripada Majlis Kebudayaan Negeri itu. Dan, apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar meminta supaya tarian zapin diberikan fokus untuk kegiatan seni ini, maka hampir setiap bulan di semua peringkat, di semua daerah, pertandingan zapin ini diadakan bagi mencungkil bakat-bakat baharu termasuklah melatih anak-anak kecil kita di sekolah untuk terlibat dalam aktiviti ini.

Malah, beberapa kali *flash mob, flash mob* ini kita pergi aje tak bersedia, terus kita buat program tarian zapin ni dipersembahkan oleh Majlis Kebudayaan Negeri Johor di Lapangan Terbang Senai dan juga lokasi tumpuan orang ramai. Mendapat jemputan membuat persembahan di negara jiran, Singapura dan Indonesia terutamanya apabila kita diminta untuk mempromosikan Tahun Melawat Johor. Maksudnya, saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk kita aktifkan zapin ini dapat kita pergunakan dengan baik.

Cuma YB Datuk Speaker, saya tak pasti sama ada terlepas pandang atau mungkin peruntukan itu disebut tapi diletakkan dalam cara yang berbeza oleh Yang Amat Berhormat MB. Kali ini kenyataan peruntukan untuk aktiviti berkaitan kesenian dan kebudayaan nampak agak kurang sikit disentuh, antaranya jika masih boleh ditambah, saya ingin mencadangkan agar bantuan *one-off* BKJ nanti turut memasukkan penggiat-pengiat seni dan budaya yang saya yakin jumlahnya tak lah ramai. Mereka ni kalau dulu memang aktif Datuk Speaker, namun kerana faktor usia, ramai juga kini yang terlantar dan sakit. Yang ini pun boleh diberi perhatian. Dan, tahun depan juga penting untuk kita menerima ramai kehadiran pelancong datang ke Johor, sudah tentu aktiviti persembahan berkonsepkan kebudayaan akan lebih kerap dipersembahkan. Saya mohon menyokong cadangan daripada YB Senggarang tadi untuk diberikan peruntukan tambahan kepada majlis kebudayaan daerah-daerah agar aktiviti persembahan hujung minggu contohnya, di lokasi-lokasi tumpuan dapat dilaksanakan dengan lebih kerap pada setiap bulan. (Dewan bertepuk).

Slow aje tepuk, kuatlah sikit. (Dewan bertepuk). Kalau kita buka kitab Belanjawan 2026 yang dibekalkan kepada semua ADUN pun ada tambahan RM2 juta peruntukan diberikan kepada Yayasan Warisan Johor, saya mohon agar Yang Amat Berhormat Machap turut memberikan

tambahan separuh daripada peruntukan itu untuk diberikan itu kepada Majlis Kebudayaan Negeri. Dan, sempena Tahun Melawat Malaysia ini juga saya dikhabarkan daerah Kluang akan menjadi tuan rumah pada hujung bulan ini dengan menganjurkan Festival Tradisi Gendang Serumpun, di mana gabungan elemen kompang tradisi Johor, gendang rumi dan gendang Cina 24 musim akan dilaksanakan bersama dengan Majlis Kebudayaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bulan Mei lepas saya ada menyebut perihal keperluan menaiktaraf Lebuh raya Segamat - Kuantan. Alah, EXCO tak ada pula. Yang bermula daripada negeri Johor yang jaraknya lebih kurang 19 kilometer sehingga ke sempadan negeri Pahang. Dan, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa dalam Pembentangan Belanjawan Persekutuan kelmarin memaklumkan yang projek ini akan bersambung semula tahun hadapan, saya yakin permintaan saya ini bakal dipenuhi oleh YB, yang bakal dipenuhi oleh pihak Kementerian.

Malangnya Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila saya merujuk kepada pihak Kementerian minggu lepas, saja lah tanya sebab kita rasa seronok orang nak besarkan jalan dekat kampung kita, kan? Saya dimaklumkan yang projek ini akan mula dilaksanakan dekat daerah Rompin pula dekat Pahang dan bukannya Johor kerana katanya hanya JKR Rompin, JKR Pahang lah yang mengangkat isu ini untuk dimasukkan sebagai projek berkepentingan negeri sedang kan Johor tak buat, ha, jadi tak dapatlah. Jadi, bila saya tanya dengan Menteri, macam mana ni? Ha, dia kata ada cara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jalan ini bukan laluan biasa tau, ini adalah laluan utama yang menjadi pintu masuk daripada Pahang ke Johor. Ha, masuk Pahang ni jumpa dulu, Pahang nak masuk mesti jumpa kawasan DUN Pemanis dahulu. Saya minta jasa baik YB EXCO, walaupun tak ada, agar berjumpa dengan Menteri dan memaklumkan perkara ini. Saya diberitahu ianya boleh dilaksanakan Datuk Speaker jika sekiranya ada *effort,* minta izin, *effort* ni boleh *kautim* lah daripada kerajaan Johor untuk melaksanakannya bermula daripada Segamat. YB EXCO kena masukkan laluan ini sebagai keutamaan projek jalan di negeri Johor barulah ia akan diangkat di peringkat Kementerian untuk dilaksanakan. Ini dah kali ketiga ni bawa ni Datuk Speaker kat dalam Dewan, saya harap tahun depan bolehlah kita dapat pelebaran jalan tu, tak jauh 19 kilometer aje nak lebarkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi saya ingin meminta jasa baik, kali ini EXCO Agama, alamak tak ada juga. Agar dapat meletakkan keutamaan meluluskan pembinaan Sekolah Agama Kampung Tengah dalam DUN Pemanis untuk tahun hadapan. Saya dah maklumkan semasa pembentangan belanjawan tahun lepas kenapa dan mengapa ia menjadi keperluan mendesak, namun dalam *slide* belanjawan baru-baru ini saya tengok tak ada lagi senarai ni untuk dimasukkan. Jadi dalam Mesyuarat Tindakan DUN saya dah bawa tentang sekolah agama ini dia penting, Datuk Speaker kerana kalau sekolah agama ini dapat kita bina, dia dapat bantu untuk jadi pusat pemindahan sementara banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini juga berkaitan dengan pendidikan agama dalam kawasan saya, ada satu Sekolah Menengah Al-Khairiah Kampung Kubah, sekolah menengah agama. Sekolah menengah agama ini pentadbirannya di bawah kerajaan negeri, bina sekolah, bina kemudahannya kerajaan negeri tapi guru-gurunya ini dibayar gaji, diambil alih pembayaran gajinya oleh pihak Kementerian, Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun apa yang menjadi permasalan utama sekolah ini Datuk Speaker dia tak ada makmal dan dia tak ada padang sekolah, jadi budak-budak tak boleh nak beriadah. Saya dimaklumkan ada tanah seluas 10 ekar milik pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di kawasan Kampung Tengah ini dan memang ada cadangan asal untuk bangunkan sekolah menengah dekat kawasan tu tapi kalau pihak kerajaan negeri boleh keluarkan peruntukan untuk kita bina sekolah menengah agama ini, maka kawasan itu boleh diperuntukkan. Yang ini pun sama Datuk Speaker, kita boleh *kautim* dengan Kementerian Pendidikan, untuk kita dapatkan tapak itu untuk kita bina sekolah menengah agama melalui peruntukan di bawah kerajaan negeri. Sebab memang

sekolah menengah agama ini peruntukan memang daripada kerajaan negeri. Maksud saya kalau tak dapat sekolah agama tu kita *kautim* lah, dapatlah sekolah menengah agama kan? Ha, lebih kurang macam itu lah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga meminta jasa baik YB EXCO Kesihatan, alah tiga-tiga tak adalah hari ini, agar mengangkat semula permohonan daripada Pejabat Kesihatan Segamat untuk membina baharu Klinik Kesihatan Kampung Tengah, sebelum ini cadangan tersebut masih di peringkat Kementerian Kesihatan, oleh kerana ada ulasan sikitlah daripada JPS, sikit aje dalam berapa kaki aje dia banjir, jadi permohonan tu terpaksa ditahan dahulu. Jadi, saya minta kalau boleh kerajaan dapat wartakan tapak ini sebagai kawasan klinik kesihatan maka kalau peruntukan tu ada nanti, insya-Allah kita boleh buat klinik kesihatan ini sama juga Datuk Speaker, klinik kesihatan, klinik desa yang ada sebelum ini pun terlibat dengan banjir kalau kita dapat pindahkan dekat klinik kesihatan yang baharu ini secara tak langsung ia dapat memudahkan urusan berkaitan dengan rakyat.

Akhir kalam, sebab dah 21 minit sebelum kena marah dengan Datuk Timbalan Speaker, kita sama-sama doakan semoga Allah SWT permudahkan segala urusan kita semua di dalam memastikan amanah dan tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan baik. Pemanis dengan ini mohon menyokong Rundingan Belanjawan 2026 ini. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Tahniah Pemanis, selanjutnya Yang Berhormat Skudai.

YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai) : Terima kasih Datuk Speaker, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam maju Johor, salam Malaysia Madani. Skudai ingin memulakan ucapan perbahasan dengan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim bersempena dengan keputeraan Baginda pada 22 November yang akan datang.

Sidang Dewan yang dihormat sekalian, kurang lebih sebulan kita akan masuk kepada tahun 2026, dan kalau kita menyingkap kembali tahun 2025, pastinya kita tertumpu kepada ketegangan perang dagang yang mana menerkam ekonomi global dan pastinya membawa kebimbangan kepada kita semua. Namun Malaysia terus teguh dan mencatat pertumbuhan ekonomi serta pelaburan malah menyaksikah pengukuhan mata wang ringgit berbanding mata wang utama sejak akhir-akhir ini. Bukan itu sahaja, alhamdulillah Johor juga tidak terkesan malah menyaksikan kedatangan pelabur yang positif dengan didorong oleh Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura, malah saya rasa kalau merujuk Malaysia Investment Development Authorities (MIDA) bahawa Johor terus mencatat pelaburan yang tinggi bagi tempoh Januari sehingga September yang secara keseluruhannya berjumlah RM91.1 bilion berbanding RM18.1 bilion dalam tempoh sama pada tahun lalu. Dan saya percaya atas kebijaksanaan, ketelusan, kecekapan kerajaan negeri Johor bersama agensi-agensi persekutuan menjadi satu pemangkin daya tehan ekonomi di negeri ini dan bakal memberi manfaat jangka panjang secara menyeluruh kepada seluruh Bangsa Johor.

Justeru itu, saya ingin ambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Machap dan kerajaan negeri Johor serta agensi-agensi Persekutuan, kerana apa? Kita saling melengkapi sehingga berjaya mencatatkan pencapaian tersebut.

Yang Berhormat sidang Dewan yang dikasihi, dalam kesempatan ini juga saya ingin merakamkan beberapa penghargaan. Pertama, saya mewakili penduduk Skudai dan juga selaku ADUN Skudai ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada barisan EXCO, kepada MBIP , JPS, TNB, SAJ, JKM serta pelbagai agensi yang sentiasa membantu Skudai serta penduduk di kawasan Skudai bagi mendapat kualiti kehidupan yang baik.

Dan, kalau kita lihat dalam pengumuman bajet perksekutuan, Skudai telah menerima RM280 juta bagi naik taraf persimpangan Seksyen 16 iaitu masuk susur Tun Aminah ke Gelang Patah. Berkali isu kesesakan tersebut telah saya bawa, alhamdulillah atas keprihatinan pihak EXCO Kerja Raya serta JKR negeri, insya-Allah, tak lama lagi orang Skudai dapat menarik nafas lega dan saya percaya tempiasnya juga akan dirasai oleh orang kawasan YB Kota Iskandar.

Kedua, Adalah penggantian paip lama di kawasan Skudai. Di mana kawasan Skudai ini adalah kawasan perumahan lama, hampir 40 tahun kerap tiada air. Paip AC yang sentiasa bocor apabila tekanan terlampau tinggi. Jadi paip, penggantian paip bernilai RM73 juta secara berfasa telah dilaksanakan. Alhamdulillah, masih berlangsung dan ianya secara tidak langsung memberi kelegaan kepada ramai penduduk. Baru ini juga, 10 *hotspot* banjir telah diberikan perhatian oleh kerajaan negeri Johor untuk menyelesaikan isu ini. 7 kerja sedang berjalan dan Tok Jep, jangan masih hutang lagi 3 kerja. Terima kasih atas keprihatinan kerajaan negeri.

Dan, saya ambil peluang ini juga untuk mengucap ribuan terima kasih, tetapi saya faham dalam setengah *meeting* apabila banyak perkara yang selesai di Skudai maka ada juga tak berpuas hati, dia kata perempuan, memanglah laju je kerja semua jalan. Nasihat saya janganlah bersikap *sexist* memandang rendah atas kemampuan wanita. Kita buat ini semua, kita usaha semua untuk rakyat dengan bantuan agensi, tak pernah kita mengeluh dan tak pernah kita rasa penat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya membawa suara berkenaan isu yang besar, izinkan saya terlebih dahulu menyentuh isu di kawasan Skudai. Isu pertama adalah isu bengkel kenderaan. Banyak aduan yang saya terima berkenaan bengkel kenderaan di mana terletak di kawasan kedai yang mengambil ruang parkir serta memenuhkan ruang sekeliling dengan pelbagai kenderaan termasuk kenderaan usang yang terbiar. Belum lagi cerita berminggu kenderaan yang nak dibaiki tapi belum terbaiki. Jadi, mereka akan ambil ruang di sekitar. Kalau kedai ambil lot parkir secara berbayar, kita faham tetapi hakikatnya ada yang tidak dan ianya mengganggu operasi-operasi kedai-kedai di sekeliling dan banyak kita bangkitkan isu ini. Apabila kita memaklumkan kepada pihak PBT, depo pula penuh. Jadi adakah terdapat satu garis panduan khas ataupun khusus daripada PBT berkenaan pembukaan bengkel-bengkel di lot kedai? Tambahan kalau bengkel yang menguruskan insurans lagi lah payah. Maka lebih lama tempoh akan diambil untuk kerja baik pulih. Jadi, seperti di kawasan Sri Skudai banyak aduan yang kita terima.

Isu yang kedua yang ingin saya bawa. Pada tahun 1993 Malaysia pernah digegarkan dengan satu isu yakni berita yang sangat menggemparkan berkenaan dengan berita Highland Tower yang mana runtuh dan mengorbankan sebanyak 48 orang. Dan di Skudai juga kita ada satu flat yakni flat Taman Jaya yang telah diisytiharkan tidak selamat oleh IKRAM. Ini adalah salah satu flat di Johor dan kedua setelah *Highland Tower*. Dan pada tahun 2022, setelah dilantik menjadi ADUN saya berusaha untuk mencari jawapan kepada penduduk. Jadi, satu kajian forensik bangunan telah dilaksanakan pada ketika itu dan pada tahun 2023 apabila laporan telah dikeluarkan telah menyatakan bahawa bangunan tersebut tidak lagi selamat untuk diduduki. Sebenarnya, flat Taman Jaya ini telah dibuat mula dibangunkan pada tahun 80-an dan siap dalam tahun 85-86 macam tu. Jadi, ketika awalnya siap tu, blok 4 sebenarnya dah mula ada masalah sehinggalah tahun 2011 diisytiharkan tidak selamat diduduki. Jadi, kalau kita nak bincang melalui laporan forensik yang keluar terhadap bangunan tersebut, banyak isu yang kita boleh pertikaikan terutamanya ketidakpatuhan kerja tetapi kita tolak tepi, kita tak nak ungkit bagaimana projek pembangunan seperti itu diluluskan pada tahun 80-an. Kita tak nak ungkit, kita nak tolak tepi. Tapi walaupun kita nak tolak tepi, kita sekarang ni dengan izin, *deal* dengan nyawa manusia. Ramai dekat sana dan beban ini saya percaya dan saya faham terpaksa ditanggung oleh kerajaan negeri sekarang. Saya tak salahkan kerajaan negeri, saya tak salahkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya tak salahkan EXCO kerana apa mereka telah turun ke kawasan untuk melihat situasi ini. Saya tahu selaku EXCO Kerajaan

Tempatan, Tok Jef sendiri pun pening untuk mencari penempatan baru bagi penduduk yang kebanyakannya warga emas.

Ketika mereka muda, mereka beli rumah di kawasan tersebut dengan harapan ketika lanjut usia ketika berusia warga emas mereka ada tempat tinggal yang selesa. Tetapi akhirnya, tempat tinggal mereka sekarang tidak selamat. Jadi, saya ingin mengusulkan bahawa sesuatu harus dilaksanakan supaya perkara tidak diingini dapat dielakkan. Haritu ketika gempa bumi yang tidak dijangkakan berlaku di Johor saya sendiri tidak boleh tidur malam. Satu keadaan yang kita tak pernah jangka berlaku. Jadi, bagaimana pula dalam pemikiran saya ini, adakah flat yang ada ini selamat untuk masa akan datang? Apakah jaminan daripada kerajaan negeri untuk penduduk duduk lagi di situ? Kalau kita lihat pada awal tahun lalu, ketika banjir besar berlaku dan banjir ini sampai melebihi tingkat 1 flat tersebut. Jadi, apabila setelah banjir ni, ruang-ruang bawah flat ni bila ada berlaku lobang lompong kita boleh nampak dekat bawah tu dia dah dengan izin *hollow,* dah lompong dah. Tak ada tanah langsung. Jadi, kadang-kadang siling daripada rumah tu tengah masak, tengah tidur dia jatuh, jatuh sehingga nampakkan tulang-tulang besi yang keluar daripada siling tersebut. Dan penduduk hidup dalam keadaan dan ketakutan. Dan kita apabila bicara dengan nyawa manusia ni apabila berlaku ribut kita sendiri berasa takut.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian, berpuluh jam, berhari-hari penduduk berdepan dengan masalah air yang terburuk dalam Johor disebabkan pencemaran hingga kini sebenarnya pencemaran yang berlaku memberi kesan kepada penduduk Orang Asli di Kampung Sayong Pinang. Walaupun kita dah ada air tapi kesannya tetap dirasai oleh penduduk kampung tersebut. Datuk Speaker, saya ni bukan nak menyebok sampai masuk ke kawasan orang lain, tapi bagi saya ini adalah salah satu tanggungjawab saya kerana apa isu yang berlaku kesannya besar, pencemaran yang berlaku kesannya besar. Hampir seluruh Skudai terkesan. Kawasan rakan-rakan ADUN saya yang berlainan parti pun terkesan. Bukan kali pertama sebenarnya saya memerhatikan isu lombong pasir di kawasan Sungai Johor, tahun sebelum ini pun sebenarnya ada Cuma kesan ketika itu tidak besar. Yang mana lebih 70 jam penduduk kawasan Bukit Impian hadapi masalah air. Yang jadikan saya geram ketika itu, setiap kali tanya SAJ jawapan berlainan saya terima tapi saya tak salahkan SAJ juga. Dan saya sendiri siasat dan dapat maklumat dalaman ketika waktu itu tiada air disebabkan pencemaran. Jadi, saya punya kerja bukan duduk dan menerima jawapan saja. Saya turun ke kawasan *water intake* dengan izin dan melihat masalah dengan mata kepala saya sendiri.

Dan, pada tahun ini bulan 11 kita dikejutkan lagi dengan pencemaran dengan skala yang sangat besar. Jadi saya persoalan, lebih kurang 2 tahun lebih syarikat perlombongan melaksanakan kerja di sana. Jadi, saya nak tau jawapan sepanjang beroperasi saya nak tahu mana agensi yang membuat pemantauan terhadap syarikat perlombongan tersebut? Apa syarat untuk mewujudkan ban ataupun kolam cucian pasir? Berapa jarak sesuai dan harus dipatuhi antara ban yang dibina dan sungai yang berhampiran ataupun anak sungai berhampiran? Yang paling penting, bila audit terakhir dilakukan oleh JAS dan PTG berkenaan ban yang dibina? Saya rasa kalau pemantauan ada dilakukan, pastinya kita boleh kesan risiko awal.

Saya persoalkan bukan saya tak tahu, saya tahu. Jarak antara anak sungai, antara sungai dan ban harusnya 50 meter jauh. Saya kelapangan dengan orang yang pakar dalam bidang ini jadi mana-mana pegawai yang pergi tengok, saya nak tanya pada hari ini, agaknya dekat keadaan hari itu berapa jarak wujud antara ban yang pecah dan sungai? Jadi, bagaimana boleh terlepas pandang dalam masa beberapa tahun ini? Dan tahu tak, dalam beberapa tahun wujud syarikat perlombongan ini bila banjir tinggi berlaku lumpur dari kolam cucian merosakkan kawasan penduduk kampung tersebut, lumpur tebal meliputi jalan, satu jentera dari syarikat tiada pun untuk menjaga kebajikan penduduk dan membuat pembersihan. Penduduk sendiri terpaksa skop lumpur-lumpur tu dengan secara manual. Dan saya sebenarnya menyambut usaha baik kerajaan negeri seperti yang dinyatakan untuk mewartakan Sungai Johor sebagai kawasan tadahan air kekal untuk melindungi sungai

daripada kegiatan pembinaan, pembangunan merbahaya termasuk lombong pasir ini. Ini termasuklah cadangan pemantauan aktiviti sungai.

Dan kalau kita lihat *IRBM Plan* ataupun *Intergrated River Basin Management* adalah satu dokumen yang penting untuk pemantauan di kawasan tadahan air di sungai dan kalau kita lihat, Kerajaan Negeri Selangor membenarkan orang awam untuk mengakses *IRBM Plan* mereka. Jadi apa alasan agensi yang terlibat di bawah Kerajaan Negeri Johor mengehadkan akses tersebut? Dan dalam satu surat permohonan daripada Gerakan Alam Sekitar bagi mendapatkan salinan laporan kajian pengurusan lembangan sungai bersepadu pada tahun 2023, permohonan ditolak dengan alasan data adalah terperingkat dan terhad serta tak boleh dikongsikan secara umum. Dan berdasarkan dokumen tersebut, BAKAJ merupakan agensi yang menguruskan kepentingan sungai. Jadi, saya nak cadangkan BAKAJ atau JAS melibatkan NGO seperti *Green Earth Society Johor, Malaysian Nature Society Johor* serta NGO-NGO alam sekitar untuk terlibat bagi memantau segala aktiviti dan menjada alam sekitar ni kita tak boleh mengharapkan satu pihak saja. Kesan daripada tangan manusia ni memang kita tak rasa hari ini tapi kesannya adalah kepada anak cucu kita esok lusa. Mereka yang akan menimba hasil. Jadi NGO alam sekitar ini kekurangan data untuk membantu kita memantau kepentingan alam sekitar secara bersama. Ini termasuk Orang Asli di kawasan berhampiran. Suara mereka tak harus dipinggirkan, mereka ini lah sebenarnya ejen alam sekitar. Jadikan NGO dan Orang Asli berhampiran sebagai penguatkuasa sementara ataupun separa profesional bagi melindungi harta alam. Lebih baik daripada kita tubuhkan segala macam mak nenek jawatankuasa yang akhirnya tinggal minit mesyuarat sahaja.

Kedua, apa-apa kerja perlombongan yang diluluskan pihak berkuasa atau BAKAJ harus diwajibkan memasang papan kenyataan pengumuman rasmi projek. Benda ini penting untuk memudahkan orang awam pantau dan membuat aduan. Orang awam ini bertindak sebagai mata-mata kita. Saya ini sebenarnya bila cakap bila lantang sikit orang kata kita tak suka lombong pasir sebenarnya tidak. Saya tak menghalang aktiviti perlombongan, saya tak cakap aktiviti perlombongan salah, dan harus dilarang, tidak, tidak sama sekali. Sebab perlombongan pasir ini adalah keperluan ekonomi dan pembangunan infrastruktur terutamanya dalam sektor pembangunan, pembinaan. Pasir yang berkualiti macam silika serta quartza banyak kegunaan dalam pelbagai industri. Jadi, adalah peranan kita menukar sektor ini kepada satu sudut yang positif dengan mengambil langkah mewujudkan perlombongan lestari. Wujudkan lombong yang terkawal, mewajibkan syarikat perlombongan memberi pulangan CSR terhadap alam sekita. Sebagaimana contoh penubuhan tabung dana khas untuk projek pemulihan alam sekitar serta sungai. Ini tidak, banjir akibat mereka hantar satu jentera pembersihan pun tidak.

Perkara yang terakhir ingin saya sentuh adalah Johor Bersih, caj dan kemudahan pelupusan punca masalah. Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan sekalian, kelestarian alam sekitar dan kebersihan seluruh pelosok negeri memang menjadi agenda Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Kalau kita tengok agenda Bersih Johor itu bukan sahaja agenda untuk memperkasakan pembersihan. Dalam melihat agenda memperkasakan pembersihan, kita juga harus lihat ada satu perkara yakni pembuangan sampah haram. Pembuangan sampah haram ini berleluasa bukan sahaja dekat kawasan Skudai, saya percaya dekat kawasan lain pun berlaku. Dan dalam satu insiden dekat Skudai pemandu lori sisa bahan binaan ini telah dicekup oleh saya sendiri dan pihak SWCorp dengan pelbagai alasan termasuk soal kesesakan di tapak pelupusan dan juga *tipping fee* dengan izin yang tinggi di tapak pelupusan.

Saya nak cerita pengalaman sikit. Saya ini memang suka menyiasat, ni salah satu kerja saya lah. Jadi bila isu sampah haram ini timbul, ada satu hari tu saya ada satu kenalan ni dia buat angkat sisa-sisa binaan untuk dibuang. Sisa-sisa kilang untuk dibuang. Jadi saya desak dia saya cakap saya nak ikut dia. Jadi saya naik lori dengan dia untuk masuk ke tapak pelupusan di Seelong sana. Kalau nak ikutkan memang saya tak boleh masuk lah tapi saya masuk. Jadi, bila saya lihat apa yang keadaan mereka lalui, jadi saya pun desak kawan saya, tanya dia,

saya cakap “Pernah tak engkau buang sampah dekat tepi jalan?” Dia kata “Pernah.” Dia kata sebagainya lori yang angkat sampah-sampah pukal daripada kilang dia pernah buang sampah dekat tepi jalan sebab apa? Pertama, dia tak payah nak beratur, kedua tak ada caj.

Jadi, ketika saya tangkap pakcik yang buang sampah merata-rata menggunakan lori tu, alasan sama yang diberikan. Jadi kalau kita lihat, *tipping fee* di tapak pelupusan Seelong itu adalah RM95.50 per tan. Sangat mahal. Jadi, kadar di mana negeri lain kadar *tipping fee* adalah daripada RM36.00 sehingga RM70.00 per tan sahaja. Sebagai contoh, di Selangor sebelum ini RM36.00 per tan *tipping fee* dinaikkan kepada RM55.00 berkuatkuasa pada Januari 2026. Itu pun setelah operasi loji WTE yakni *Waste To Energy* bermula. Dan dengan *tipping fee* ni yang mahal ni, nak beratur masuk dalam tapak pelupusan pun *jammed*, sesak, jadi bukan jalan raya saja nak masuk ke tapak pelupusan pun sesak, itu yang menyebabkan mereka buang sampah merata-rata.

Jadi saya bagi contoh untuk kita tengok, okey katakan sewa lori tong roro 3 tan contohnya saya buat rumah 3 tan RM350.00 *tipping fee* adalah RM95.50 per tan. Kalau didarabkan maksudnya RM286.50. Nak beratur lagi di tapak pelupusan, sehari berapa trip yang boleh dibuat? Kalau sehari saya masuk ke tapak pelupusan haram baru RM40.00 ataupun saya *dump* dekat tepi jalan *free* maka keuntungan dekat situ lebih berganda. Jadi, kekurangan kemudahan pelupusan sampah sisa pepejal ni pula dikenakan dengan caj yang tidak bersesuaian. Dan, saya juga difahamkan Tapak Pelupusan *Sanitary* Seelong terpaksa menampung sisa domestik bukan saja daripada Johor Bahru, Iskandar Puteri, Kulai, Pontian, Pasir Gudang. Ini belum lagi diambil kira tapak pelupusan untuk sisa binaan dan bahan-bahan lain. Jadi Tapak Pelupusan Sanitari Seelong ini merupakan satu-satunya tapak pelupusan yang menampung kebanyak PBT di dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura yang sedang pesat membangun.

Oleh yang demikian, saya nak mendapatkan penjelasan sekiranya terdapat perancangan khusus oleh Kerajaan Negeri Johor dan agensi-agensi persekutuan yang terlibat seperti Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan SWCorp tentang kesiapsiagaan untuk pengurusan tambahan bagi janaan segala sisa daripada *Johor Special Economic Zone* dan selain daripada itu Kerajaan Negeri Johor bersama agensi pusat wajar mempertimbangkan kemudahan transit sisa ataupun *transfer station* berskala bersederhana di setiap kawasan PBT dalam memastikan kesesakan di tapak pelupusan dapat diredakan. Dan bagi konteks caj pelupusan yang tinggi adakah pihak Kerajaan Negeri Johor bersama agensi berkaitan dapat melakukan intervensi terhadap caj atau menyediakan rebat pada waktu tertentu untuk memastikan mereka tidak menjadi penyumbang kepada masalah sampah dan saya sangat berharap mengambil maklum dengan pembangunan pesat terutama di JS-SEZ saya ingin memberi cadangan agar pihak Kerajaan Negeri Johor dapat meneroka peluang dan potensi untuk mewujudkan kemudahan pelupusan sisa pepejal, sisa lengai sebagai alternatif untuk menguruskan sisa sedemikian dengan kadar caj berpatutan kepada pengusaha pelupusan yang berkaitan. Datuk Speaker, sampai di sini sahaja ucapan saya segala yang baik datang daripada Allah SWT yang kurang adalah daripada saya sendiri sebagai hamba yang lemah. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Skudai. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senai.

YB Tuan Wong Bor Yang (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai amat bersyukur kerana diberi kesempatan untuk berbahas di Dewan yang Mulia ini. Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah dan merakamkan ucapan selamat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Yang Di Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Senai ingin merakamkan penghargaan atas usaha Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan Negeri Johor 2026 bertema

Bangsa Johor Sejahtera dan mengumumkan pelbagai inisiatif yang telah dirancang untuk pelaksanaannya pada tahun depan.

Senai ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan persekutuan atas pengumuman peruntukan sebanyak RM4.8 billion untuk negeri Johor yang merangkumi 150 projek baru serta 435 projek sambungan. Ini mencerminkan komitmen kerajaan persekutuan dalam membangunkan Johor bersama kerajaan negeri. Senai faham dan setuju apa yang disebut oleh Ahli-Ahli Mesyuarat sebelah sana memang ada projek-projek persekutuan berlaku kelewatan. Contoh, pembinaan Hospital Pasir Gudang, projek ini telah diluluskan pada tahun 2015 sebagai salah satu projek hospital di bawah RMK-11. Tarikh mula operasi pun asyik ditunda. Lagi satu contoh projek landasan berkembar Gemas ke Johor Bahru, ETS yang mula dirancang sejak sekitar tahun 2000 lagi. Setelah beberapa kali tarikh di tunda, ETS ke Johor Bahru bakal mula beroperasi pada pertengahan Disember ini. Satu projek mega dari peringkat merancang hingga siap dilaksanakan sememangnya memerlukan masa panjang dan perlu dipertimbangkan unsur-unsur di luar jangkaan seperti pendamik COVID 19, jika nak tanya pihak mana yang perlu bertanggungjawab di atas kelewatan projek ini cerita akan jadi panjang. Yang paling penting dua-dua projek ini akan memberi manfaat kepada Bangsa Johor dan bakal beroperasi dalam masa terdekat. Ini lah kekuatan dan hasil di bawah semangat perpaduan. Tahniah Senai ucapkan kepada Ahli-Ahli Mesyuarat atas kejayaan yang bakal dicatatkan dalam sejarah pembangunan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai amat setuju inisiatif kerajaan negeri dalam Belanjawan Johor 2026 bagi memperkukuh jaringan keselamatan sosial apabila sejumlah hampir RM170 juta diperuntukkan khusus bagi inisiatif Bantuan Kasih Johor, BKJ yang memanfaatkan lebih 330,000 rakyat merangkumi 23 kategori penerima. Walau bagaimanapun, Senai ingin memberi beberapa cadangan untuk menambah baik mekanisme pengagihan BKJ supaya lebih menyeluruh dan konsisten.

Pertama, Senai ingin mencadangkan, mengwujudkan laman portal rasmi BKJ untuk mendaftar, mengemaskini dan menyemak status permohonan dan hebahan informasi. Buat masa ini Senai mendapati terdapat pelbagai kaedah permohonan. Ada yang melalui *google form*, secara bancian, ada yang mengikut data agensi kerajaan. Ini menyebabkan maklumat yang diberikan juga tidak seragam hingga menimbulkan kekeliruan. Dengan kewujudan laman portal bukan setakat dapat memudahkan rakyat tetapi proses permohonan secara atas talian juga lebih cepat dan terus kesilapan manual dapat dikurangkan kerana laman portal membolehkan permohonan diproses secara automatik mengikut syarat kenyataan yang ditetapkan. Status permohonan juga dapat disemak secara langsung sekaligus meningkatkan ketelusan kerajaan. Tambahan lagi laman portal BKJ boleh disepadukan dengan data LHDN, JPN atau e-Kasih untuk semak silang. Jadi ini dapat memastikan bantuan sampai kepada golongan yang benar-benar layak sahaja. Pada masa sama melalui data permohonan juga membolehkan kerajaan menilai kawasan tumpuan, jumlah keluarga memerlukan dan corak kemiskinan melalui analisis data raya. Kerajaan dapat membuat keputusan yang lebih tepat dan bersasar. Inisiatif ini selaras dengan agenda kerajaan negeri dalam pendigitalan perkhidmatan awam dan menuju ke arah Maju Johor.

Senai juga mencadangkan pembiayaan BKJ dapat melalui pengkreditan ke dalam akaun bank pemohon. Ini kerana kaedah ini lebih sesuai untuk warga emas, OKU serta penduduk di kawasan luar bandar berbanding dengan kaedah sekarang iaitu mengadakan majlis penyampaian besar-besaran di tempat tertentu dan masa tertentu sahaja. Bagi golongan yang terpilih memerlukan bantuan ini biasanya mereka tiada pengangkutan sendiri dan bekerja masa panjang demi mencari rezeki. Pembayaran BKJ melalui pengkreditan ke dalam akaun bank dapat menjimatkan masa mereka untuk mengurangkan kesulitan yang dihadapi. Dengan kewujudan laman portal dan pembayaran atas talian keselamatan data peribadi juga lebih terjamin. Sekarang kita berhadapan dengan cabaran penyalahgunaan data peribadi, kes penipuan fizikal dan siber. Jadi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita perlu

memandang serius terhadap isu ini dan ambil inisiatif untuk melindungi maklumat peribadi rakyat secara menyeluruh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai ingin membawa suara keluhan para peniaga ke Dewan yang mulia ini, iaitu tarif air untuk kategori bukan domestik Johor dinaikkan secara mendadak dan mengejut bermula 1 Ogos yang lepas. Seperti apa yang disebut dalam perbahasan Stulang, tarif lama untuk meter padu 0 hingga 35 meter padu kadarnya adalah RM3.15 untuk yang lebih daripada 35 meter padu kadarnya adalah RM3.55. Untuk blok tarif baru kenaikan kategori 0 hingga 35 meter padu adalah sebanyak RM4.15. Di mana kenaikan adalah 31.75% dan untuk 35 meter padu ke atas tarif baru adalah RM5.30, kenaikan sebanyak 49.3%. Tarif baru ini tinggi daripada tarif baru bukan domestik negeri Selangor di mana bagi 30 meter padu ke bawah kadarnya adalah RM3.51 sahaja. Untuk yang lebih daripada 35 meter padu kadarnya hanya sebanyak RM3.83. Walaupun kenaikan mendadak ini menyebabkan peningkatan kos kepada para peniaga tidak kira industri atau perdagangan namun dalam kenyataan media yang dimuat naik di laman portal rasmi Ranhill-SAJ sangat ringkas sahaja. Saya telah baca satu liputan berita harian bertajuk pelarasan tarif baru air Johor bagi majoriti pengguna domestik, rumah ibadat, golongan rendah yang bertarikh 2 Ogos yang lepas. Ketua Pegawai Eksekutif Ranhill-SAJ, Tuan Anwar Abdul Ghani menerangkan bahawa penyelarasan tersebut adalah sebahagian daripada usaha berterusan Ranhill-SAJ untuk memastikan rakyat Johor menikmati sistem bekalan air yang moden berdaya tahan dan mampu memenuhi permintaan masa hadapan. Mengikut beliau ia termasuk penggantian paip lama yang mempunyai risiko kebocoran tinggi, menangani permintaan bekalan air kian meningkat susulan kepesatan pembangunan dan peningkatan penduduk. Pelarasan juga membolehkan beberapa projek naik taraf yang penting dilaksanakan termasuklah projek LRA Layau 2, fasa 2, Semangar dan Semangar 3. Senai memahami usaha-usaha kerajaan negeri untuk memperkukuh sistem bekalan air untuk masa depan Bangsa Johor. Namun, Senai tidak bersetuju tarif air bukan domestik *second layer* iaitu RM5.30 setiap meter padu dinaik sehingga hampir sama dengan kategori pusat data iaitu kadar RM5.33. Hanya RM0.3 sen perbezaannya. Kadar ini adalah tidak munasabah dan perlu dikaji semula oleh kerajaan negeri.

Sebelum ini Senai pernah membawa isu penggunaan air pusat-pusat data ke Dewan Mulia ini memandangkan Johor menerima pelaburan secara besar-besaran yang terdiri daripada pusat data sudah pasti masalah ketidakstabilan bekalan air akan menjadi semakin serius sedang mereka beroperasi. Senai juga minta kerajaan Johor menetapkan syarat-syarat pembangunan terhadap pusat-pusat data sebelum Kebenaran Merancang diluluskan. Kerja-kerja menggantikan dan menaik taraf paip-paip air perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Yang amat mengecewakan, kita tidak nampak sumbangan daripada pusat-pusat data terhadap ini tetapi rakyat sendiri perlu menanggung kos naik taraf loji rawatan air, penggantian paip lama sendiri dan juga terdedah risiko ketidakstabilan bekalan air buat masa ini dan juga pada masa depan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai ucap ribuan terima kasih kepada kerajaan Johor atas pengumuman rebat 15% daripada bil air bagi meringankan beban pengguna yang terjejas akibat gangguan bekalan air selama lima (5) hari di empat (4) daerah baru-baru ini. Senai juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua agensi dan petugas barisan hadapan termasuk Ranhill-SAJ yang telah bekerja dari siang hingga malam bertungkus lumus mengagih air kepada rakyat semasa kejadian gangguan bekalan air berlaku. Senai dimaklumkan lori-lori tangki air dijadualkan berada di beberapa lokasi sekitar Senai bagi membantu penduduk mendapatkan bekalan air. Namun, saya kecewa setelah semakan di lapangan tersebut didapati tiada lori tangki Ranhill-SAJ berada di lokasi-lokasi yang dimaklumkan pada waktu tersebut. Dari komen-komen rakyat di media sosial, Senai mendapati pengalaman yang mengecewakan ini adalah sangat biasa. Oleh demikian, Senai mencadangkan semua lori tangki air perlu dipasang sistem kedudukan global atau GPS semasa bertugas agihan air supaya informasi dapat disemak di laman portal rasmi Ranhill-SAJ secara *real time,* dengan izin. Selain itu, sistem penerima, penerimaan aduan dan juga

permintaan lori tangka air Ranhill-SAJ juga perlu dinaiktaraf memandangkan saluran rasmi yang sedia ada tidak berfungsi dengan baik khasnya semasa berlaku gangguan air tidak terancang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai ingin menyentuh mengenai isu *Smart Queue System* (SQS) yang telah dilaksanakan di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, HSA JB sejak bulan Julai tahun ini. Sistem ini bertujuan mendigitalkan proses pendaftaran dan mengurangkan masa menunggu pesaki. Itu satu inisiatif yang bagus di mana merupakan sistem perintis pertama seumpamanya di Malaysia yang diperkenalkan dengan dana penuh kerajaan negeri Johor sebanyak RM1 juta. Namun selepas 5 bulan pelaksanaannya, Senai menerima banyak aduan daripada pesakit yang mengalami kesukaran khususnya apabila tempoh menunggu menjadi lebih panjang berbanding sebelum ini.

Di dalam sesi Soalan Lisan yang lepas, Senai telah bertanya soalan, adakah SQS yang dilaksanakan di HSA JB berjaya memendekkan masa menunggu pesakit seperti yang dirancangkan? Jawapan daripada YB EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar Johor memaklumkan bahawa sistem ini dilaksanakan secara berfasa iaitu dalam empat fasa, kini sistem adalah dalam fasa ketiga dan fasa keempat akan bermula pada pertengahan bulan November ini iaitu sekaranglah. *High Motion Study* bagi menentukan *impact* keberkesanan projek SQS ini masih dalam proses kajian. Laporan kajian akan dimajukan kepada kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor seawal bulan Februari 2026.

Senai berpendapat bahawa jika kajian ini hanya siap pada tahun depan, ini bermakna pesakit terpaksa menanggung kelemahan sistem ini sekurang-kurang beberapa bulan lagi. Sedangkan pesakit setiap hari berdepan kesukaran mangsa, masa menunggu yang lama, aliran pendaftaran yang tidak jelas dan tiada alternatif bagi mereka yang tidak mahir menggunakan telefon pintar khasnya golongan warga emas. Ini membuktikan pelaksanaan sistem ini dilakukan terlalu tergesa-gesa dan tanpa penyelarasan dan perancangan yang menyeluruh. *Failing to plan is planning to fail*, dengan izin. Senai ingin menegaskan bahawa tidak wajar pesakit dijadikan bahan ujian kepada sistem yang belum lengkap.

Maka, Senai menggesa kerajaan negeri dan pihak hospital untuk mengambil tindakan jangka pendek segera tanpa menunggu laporan kajian siap. Iaitu pertama, mempercepatkan perinteraksian sistem di semua jabatan supaya pesakit hanya perlu ambil nombor sekali sahaja.

Kedua, menyediakan sukarelawan atau petugas khas untuk membantu warga emas dan mereka yang tidak mahir menggunakan aplikasi digital.

Ketiga, mempertingkatkan pemantauan serta hebahan supaya pesakit memahami aliran proses dengan lebih jelas.

Sistem digital seharusnya memudahkan bukan menambah beban kepada rakyat. Senai berharap agar kerajaan negeri dapat melihat isu ini dengan serius dan mengambil tindakan segera bagi memperbaiki kelemahan yang ada demi menjaga kebajikan dan keselesaan pesakit di HSA JB.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semenjak saya jadi ADUN Senai lagi saya telah memperjuangkan agenda untuk menambah sebuah klinik kesihatan baharu di Senai. Setiap kali Senai bertanya status klinik kesihatan yang lama dirancang di Taman Mewah, Senai setiap kali Senai mendapat jawapan yang sama iaitu dalam urusan pemilikan tanah. Status masih sama dengan status pada tahun 2020 iaitu masih belum ada keputusan oleh Pejabat Tanah dan Galian Johor selama lima tahun. Walau bagaimanapun, Senai tidak akan berputus asa dan akan membangkit isu ini lagi kerana Senai berharap kerajaan negeri akan segera menyelesaikan isu tanah tersebut. Di dalam perjumpaan Barisan Pengimbang bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 3 hari bulan November yang lalu, sekali lagi Senai

telah menyampaikan hasrat ini. Mudah-mudahan ada berita baik untuk warga Senai dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkembangan pesat yang sedang berlaku di Senai telah menyebabkan keperluan mendesak untuk menaiktaraf jalan khasnya di Jalan Seelong, Jalan Lapangan Terbang dan Persiaran Senai Airport City. Maka, Senai amat berharap bahawa cadangan membina persimpangan bertingkat di Jalan Lapangan Terbang ke Jalan Seelong dan juga cadangan melebarkan jambatan berhampiran PUSPAKOM, Jalan Seelong dapat diberi keutamaan oleh kerajaan negeri di bawah *rolling plan* seterusnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai damai, rakyat ceria; hidup harmoni, penuh bahagia. Johor maju gagah perkasa, membawa harapan menuju jaya. Selesai sudah perbahasan Senai dengan ini Senai menyokong Usul Belanjawan 2026. Sekian, ribuan terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Tahniah Senai, jemput Yang Berhormat Tiram.

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram) : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualakum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam maju Johor, salam Tiram dihati. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana memberi ruang kepada Tiram untuk Bersama-sama mengambil bahagian dalam sesi perbahasan pada petang ini. Buat pertamanya, patik merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapaan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang akan disambut pada 1 Jamadil Akhir 1447 Hijrah bersamaan 22 November 2025 nanti.

Patik dan seluruh warga DUN Tiram berdoa semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Permaisuri Johor serta kerabat Diraja dilanjutkan usia dalam keafiatan dan sentiasa dalam limpahan rahmat dan keampunan Allah SWT. Semoga di bawah naungan Tuanku, negeri Johor bertambah maju, makmur, aman dan sejahtera. Daulat Tuanku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahniah Tiram ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, dengan pembentangan Belanjawan 2026 Negeri Johor dengan tema, "Bangsa Johor Sejahtera". Alhamdulillah, tiga tahun berturut-turut Johor berjaya membentangkan belanjawan *surplus* dengan izin, tahniah.

Tiram yakin dengan tema Bangsa Johor Sejahtera yang bertunjangkan enam teras utama dan 260 inisiatif yang merupakan dahan dan ranting kepada tunjang utama tersebut. Johor sebenarnya berada di landasan yang tepat untuk terus memacu sebuah negeri maju menjelang tahun 2030. Pembentangan Belanjawan 2026 bukan hasil buah fikiran satu pihak, Tiram pasti ianya adalah hasil penggemblengan idea dan buah fikiran bersama barisan EXCO dan penjawat-penjawat awam yang diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor, Dato' Haji Asman Shah bin Abdul Rahman. Tahniah buat pasukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kali ini Tiram nak berkongsi dengan Dewan yang mulia ini bahawa Tiram dan seluruh warga Tiram cukup "rasa" dengan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri Johor dalam program-program Bantuan Kasih Johor ini sejak awal Oktober 2025 lagi. Kenapa "rasa"? R = Rakyat, A = Amat, S = Syukur, A = Alhamdulillah.

Betul Yang Berhormat Datuk Speaker, penyampaian Bantuan Kasih Johor yang telah kami sampaikan cukup menyentuh hati Bangsa Johor yang menerimanya. Terutamanya di kalangan golongan warga emas yang juga merupakan ibu-ibu tunggal, mereka cukup seronok dan bersyukur walaupun pada ketika itu mereka hanya ke pejabat pusat khidmat hanya untuk mendaftar dalam Bancian Ibu Tunggal yang mana kita belum menjanjikan apa-apa bantuan

pada ketika itu. Rasa syukur terus diucapkan lagi bila mana mereka dipanggil untuk mendapatkan insentif-insentif tersebut. Ucapan terima kasih tak lekang dari bibir mereka.

Begitu juga dengan mahasiswa Yang Berhormat Datuk Speaker, hari ini bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini, Tiram bawakan Mahasiswa Johor dari Ikatan Siswa Anak Johor, Universiti Utara Malaysia. Mereka juga mengucapkan ribuan terima kasih dengan bantuan *one-off* Mahasiswa yang Tiram sendiri sampaikan pada 7 November 2025 di Universiti Utara Malaysia. Pendek dan panjang kata, golongan yang menerima ini cukup bersyukur dengan insentif-insentif yang disampaikan, hinggakan ayahanda-ayahanda veteran Polis pula minta sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, nanti nak raya Aidilfitri bagilah pula duit raya. Apa pun ini semua tidak akan berlaku jika hasil kerajaan negeri tidak meningkat. Sebagaimana yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, setiap sen hasil kerajaan negeri akan dipulangkan semula oleh seluruh Bangsa Johor.

Cuma Yang Berhormat Datuk Speaker, Tiram merasakan ada beberapa golongan sasar yang boleh juga diambil kira untuk menerima insentif-insentif ini. Antaranya, mungkin kita boleh sampaikan juga kepada pemandu van dan bas sekolah, pekerja-pekerja pembersihan dalam sektor fasiliti, yang bertugas di fasiliti-fasiliti kesihatan. Terima kasih kerana buat pertama kalinya golongan pekerja-pekerja warganegara dalam sektor pembersihan juga telah menerima insentif ini pada fasa yang pertama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi golongan sasar yang mungkin boleh dipertimbangkan adalah pelajar pelajar pasca siswazah Bangsa Johor yang menyambung pelajaran di peringkat Sarjana ataupun Doktor Falsafah. Ada di kalangan mereka menyuarakan isi hati meyatakan mereka tidak beroleh apa-apa bantuan khususnya bagi mereka yang baharu bekerja yang mana simpanan akaun 2 KWSP mereka juga masih kurang. Mungkin boleh dipertimbangkan juga agar Bangsa Johor yang menyambung pelajaran di peringkat pasca siswazah ini boleh diberikan kemudahan pinjaman dengan terma-terma yang lebih bersesuaian melalui Yayasan Pelajaran Johor. Selain itu, mungkin golongan pasca siswazah ini juga boleh mendapat insentif *one-off* sebagaimana mahasiswa di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, sijil dan pelajar-pelajar di peringkat STPM.

Terima kasih kerajaan negeri yang terus menyediakan inisiatif buat anak-anak yang belajar di universiti yang akan pulang ke kampung semasa musim perayaan sebagaimana yang diumumkan dalam Bajet 2026 dengan peruntukan sebanyak RM1.4 juta. Ianya pasti memberi manfaat kepada mereka yang memang menantikan peluang untuk pulang ke kampung pada musim perayaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Dewan pada hari ini juga sebenarnya dibantu oleh pegawai-pegawai khas dan staf sokongan di pusat-pusat khidmat. Merekalah orang yang pertama sampai ke lokasi bencana sebagai misalnya sebelum Ahli-Ahli Dewan sampai. Mereka jugalah yang sama bersengkang mata menghadap dengan isu-isu tempatan, mereka juga lah yang berdepan dengan aduan-aduan rakyat. Justeru Yang Berhormat Datuk Speaker, Tiram juga mencadangkan wajarlah pegawai-pegawai khas pusat khidmat dan anggota pentadbiran staff sokongan pusat-pusat khidmat turut diberi insentif khas *one-off* dalam program Bantuan Kasih Johor. (Dewan bertepuk). Tiram yakin Ahli-Ahli Berhormat yang lain juga menyokong cadangan Tiram.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kami ADUN-ADUN ini menyampaikan insentif kerajaan negeri kepada para penerima, besar harapan kami agar pihak-pihak Pihak Berkuasa Tempatan dapat membantu pusat pusat khidmat dalam menyediakan penggunaan dewan-dewan dengan tanpa sebarang bayaran yang dikenakan. Sebagaimana yang pernah disuarakan sebelum ini apabila penggunaan dewan PBT digunakan sebagai lokasi Jualan Rahmah yang telah turut dikecualikan daripada sebarang bayaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tiram juga nak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO Perumahan, ada? Tak ada. Yang dilihat telah membuat satu anjakan paradigma perubahan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan kepada Bangsa Johor sejak tahun 2022. Saya ingin menjemput, menyentuh tentang Skim Rumah Prihatin Johor (RPJ) yang mana pemohon yang ingin memohon akan mendapat subsidi sebanyak RM35,000.00 daripada kerajaan untuk membina rumah sama ada yang berharga RM66,000.00 ataupun RM86,000.00. Kadang-kadang Yang Berhormat Datuk Speaker, mereka mempunyai kesulitan dalam nak menyediakan tunai sebanyak RM36,000.00 ataupun RM56,000.00. Jadi, Tiram mohon mencadang jika jumlah tunai ini boleh dibahagikan pada dua kaedah penyediaan dia, yang pertama sebagai contoh mungkin 50% disediakan dalam bentuk tunai manakala bagi 50% lagi dibayar secara tunai tetapi secara berperingkat yang mungkin perlu diselesaikan dalam tempoh dalam 12 ataupun 24 bulan selepas rumah disiapkan. Kaedah terperinci bolehlah Yang Berhormat EXCO Perumahan dan pihak kerajaan bersama-sama memikirkan yang terbaik asalkan impian Bangsa Johor mendapat sebuah rumah baru di atas sendiri dapat direalisasikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahun 2026 merupakan Tahun Melawat Johor. Baru-baru ini saya dijemput Majlis Kebudayaan Negeri Johor untuk menghadiri Program Generasi Tradisi Pelestari di bandar Acheh. Tapi Tiram bukanlah nak bercerita tentang pengisian di sana. Namun, nak berkongsi bahawa persembahan kebudayaan ini juga merupakan salah satu alat untuk kita menarik minat pelancong tempatan dan luar negara datang ke Johor. Buatlah persembahan-persembahan di lokasi-lokasi strategik tumpuan pelancong sama ada di setiap pintu masuk ke Johor ataupun buatlah *flashmob,* dengan izin di tempat-tempat yang menarik dalam negeri Johor ini. Tiram yakin kepelbagaian budaya di setiap daerah pasti akan merancakkan lagi Tahun Melawat Johor 2026.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tiram juga bersetuju dengan Yang Berhormat Pemanis dan Yang Berhormat Senggarang agar Majlis Kebudayaan Daerah diperuntukkan peruntukan tambahan yang membolehkan mereka bergerak selaku duta kecil secara tidak langsung kepada Kerajaan Negeri Johor. Tiram juga mencadangkan agar peruntukan kebudayaan dalam Program Jelajah Orang Johor juga ditambah berbanding JOJ tahun 2025. (Dewan bertepuk.)

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita ingat semasa pembentangan Bajet 2026 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Khamis yang lepas yang telah disiarkan secara langsung di pelbagai platform, ada dua orang jurubahasa isyarat yang turut membantu menyampaikan teks ucapan Yang Amat Berhormat kepada golongan orang pekak khususnya. Saya ingin berkongsi sedikit nukilan sahabat saya yang sama-sama hadir ke kursus asas bahasa isyarat yang diadakan di Savanah Hill anjuran Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim. Begini bunyinya “Dulu aku sangka mereka mendambakan bunyi, mahu menyentuh semula irama dunia yang kita dengar saban hari. Akan tetapi, rupa-rupanya aku yang pekak terhadap hakikat mereka. Impian mereka lebih besar daripada itu. Mereka bukan mengejar suara tetapi menanam taman bahagia dalam sunyi mereka sendiri. Mereka tidak mencari gema telinga, mereka mencari ruang untuk diterima supaya bahasa, mata dan tangan mereka pun dilihat secantik bahasa lisan kita. Dan waktu itu aku sedar bahagia bukan tentang jadi sama seperti orang lain tapi tentang berani hidup dan menyayangi diri sepenuhnya dengan apa adanya kita.” – Raden Azuan, 2025.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang ingin saya sampaikan adalah sebenarnya kita di negeri Johor ini kekurangan juru bahasa isyarat sebenarnya. Dengan izin, kalau saya boleh sebut kita di Johor ini cuma ada 2 orang saja, iaitu Encik Zarif dan Cik Hanim yang bergerak satu Johor. Mereka inilah juga yang akan ke mahkamah, mereka inilah juga yang akan ke program-program, mereka jugalah yang akan ke Dewan Negeri untuk membantu golongan orang pekak ini supaya apa yang disampaikan sampai kepada mereka. Justeru, saya mencadangkan agar kerajaan negeri menambah perjawatan Juru Bahasa Isyarat di negeri Johor supaya mobiliti mereka untuk menyantuni golongan orang pekak ini dapat dipenuhi.

Satu lagi, kerajaan Johor juga boleh menjadikan anak-anak orang pekak yang normal sebagai anak angkat kerana mereka inilah juga yang kita boleh ambil selaku Juru Bahasa Isyarat pada masa akan datang. Tiram juga ingin merakamkan terima kasih kepada kerajaan Johor yang telah memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 untuk Program Persatuan Orang Pekak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berapa isu dalam kawasan yang ingin Tiram bawakan untuk perhatian kerajaan pada Persidangan pada kali ini. Pertama, isu kesesakan jalan raya di J8 Jalan Sungai Tiram. Berapa kali isu ini telah dibawa dalam mesyuarat. Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan Sungai Tiram ini telah membangun dengan beberapa jajaran kampung di sana. Dengan adanya Projek PPR Sungai Tiram dan akan ada lagi projek perumahan pada masa akan datang, kesesakan jalan raya ini akan terus menjadi isu utama di sana. Tiram pernah mencadangkan agar laluan alternatif dari Sungai Tiram disediakan sebagai pilihan kepada penduduk yang mahu ke bandar Johor Bahru dan Kota Tinggi. Di pohon agar agensi-agensi yang terlibat boleh duduk semeja dan kita bergerak seiring untuk membantu menyelesaikan masalah isu kesesakan ini. Penduduk Sungai Tiram sudah lama sangat berdepan dengan kesesakan yang berpunca daripada kemalangan, kerosakan kenderaan, kerosakan lampu isyarat, sekatan jalan raya, banjir kilat dan pelbagai lagi punca kesesakan. Tak sungai tiram lah kalau tak sesak, tak sungai tiram lah kalau tak ada air, tak sungai tiram lah kalau tak ada elektrik. Itulah antara ayat-ayat sinis yang diterima dalam laman media sosial dan aplikasi *Whatsapp*. Jadi, sudah tiba masanya pihak kerajaan membantu menyelesaikan masalah ini.

Yang kedua, Tiram mohon perhatian daripada pihak kerajaan negeri tentang isu besar yang ada di beberapa sekolah. Yang pertama, Sekolah Kebangsaan Pasir Putih berdepan dengan masalah padang sekolah mereka yang sentiasa digenangi air sama ada musim *El Nino* apatah lagi musim *La Nina*. Sudah tiba masanya padang sekolah mereka ini diperbaiki. Setiap kali ada program sekolah setiap kali itulah mereka bersukan dalam keadaan padang yang becak. Tiram pernah ke sana pada waktu panas terik tetapi apa yang dilihat air tetap bergenang di atas padang. Mohon kerajaan negeri bantu atau mohon Yang Berhormat EXCO kejarkan KPM tentang perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini dalam pembentangan Bajet Persekutuan, kerajaan Malaysia ada mengumumkan beberapa pembinaan sekolah dalam kawasan DUN Tiram. Apa yang Tiram ingin bangkitkan adalah bukan isu sekolah di bawah KPM, tapi isu yang ketiga iaitu Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor. Besar harapan Tiram untuk menggesa kerajaan negeri mula memikirkan untuk menambah sekolah-sekolah agama dalam DUN Tiram khususnya. Antara kawasan yang mula melimpah dengan pembangunan projek perumahan, adalah seperti di Bandar Layangkasa dan Meridian East. Sekolah agama yang berhampiran adalah Sekolah Agama Kong Kong Laut dan Sekolah Agama Datuk Haji Abdul Rahman Ahmad yang telah pun menerima pelajar-pelajar tempatan daripada Kampung Cahaya Baru, Kampung Sentosa, Kampung Sungai Latok, Kampung Sungai Peneram, Ladang Kek Seng dan Bandar Bestari Perdana. Begitu juga dengan kawasan Taman Kota Masai, Sungai Tiram serta di kawasan pekan Ulu Tiram. Pertambahan penduduk menuntut agar pembinaan baru sekolah-sekolah agama juga perlu dibuat bagi membolehkan sistem pendidikan agama kerajaan Johor dapat disampaikan dalam persekitaran sekolah yang lebih kondusif.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh hal sekolah, saya juga ingin berkongsi dengan Yang Berhormat EXCO iaitu EXCO Pendidikan iaitu isu yang keempat yang pernah dibangkitkan pihak sekolah kepada saya tentang jumlah pekerja kontrak pembersihan yang sama untuk sekolah harian yang mempunyai asrama ataupun tidak ada asrama. Saya dimaklumkan pekerja bagi setiap kontrak pembersihan sekolah-sekolah hanya ada 7 orang pekerja saja. Mungkin boleh dipanjangkan kepada KPM agar untuk sekolah-sekolah harian yang berasrama ini dapatlah dikaji keperluan pekerjanya jumlah pekerjanya yang tepat dengan beban tugas yang berbeza.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu yang kelima ingin saya bawa adalah suara sahabat-sahabat saya, pemandu-pemandu teksi Ulu Tiram yang beroperasi sekitar pekan Ulu Tiram dan Sungai Tiram. Rata-rata mereka ini adalah mereka yang bergantung harap pendapatan membawa teksi semata-mata. Kenderaan mereka juga dah masuk kategori warga emas Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman buat masa ini status mereka adalah pemandu teksi kereta sewa. Apabila mereka berhasrat untuk menaik taraf kenderaan mereka, kepada kenderaan yang lebih baik dan baru mereka berdepan dengan isu syarat tukar kenderaan. Apa yang berlaku, permit akan ditukar daripada kereta sewa kepada teksi bermeter. Alasannya kawasan Ulu Tiram ini kawasan Bandaraya Johor Bahru. Betul Ulu Tiram, Sungai Tiram ini dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru di bawah pentadbiran MBJB. Namun, kawasan ini lebih bertaraf pinggir bandar. Jadi, saya mohon Yang Berhormat EXCO berkaitan berbincanglah dengan agensi persekutuan untuk lihat semula syarat-syarat yang ditetapkan. Pemandu teksi ini juga ada perasaan untuk *upgrade* dengan izin kereta sewa mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini berlaku tumpahan minyak di perairan Kampung Pasir Putih. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang telah turun menyantuni mereka yang terlibat. Besar harapan Tiram agar nasib nelayan dan pengusaha rakit kupang dapat dibela sebaik-baiknya.

Selain daripada itu, Tiram juga ingin juga ingin membangkitkan isu kawasan tanah perkuburan di pekan Ulu Tiram yang semakin penuh. Tiram dimaklumkan terdapat satu kawasan tanah Majlis Agama Islam Johor di Kampung Tenang Sungai Tiram yang terletak kira-kira 5 kilometer daripada tapak perkuburan sekarang. Tiram mengharapkan agar ini boleh dijadikan kawasan tanah perkuburan yang baru bagi kawasan Tiram. Tanah perkuburan di pekan Ulu Tiram turut menjadi lokasi pengebumian selepas Tanah Perkuburan Taman Mount Austin juga telah penuh.

Menyebut Kampung Tenang ni Yang Berhormat Datuk Speaker, Tiram juga ingin mengambil perhatian Dewan tentang bancian setinggan di kawasan Mukim Plentong yang meliputi Kampung Tenang. Penduduk tertanya-tanya kerana mereka dimaklumkan akan ditempatkan di PPR Sungai Tiram bagi yang layak. Namun, sehingga kini Tiram dimaklumkan masih belum selesai lagi bancian yang dibuat berbanding dengan penduduk di sekitar Mukim Sungai Tiram yang telah pun berpindah ke PPR seterusnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya ada juga aduan daripada penduduk Taman Nora yang telah mengadu tentang lori yang dipandu laju di dalam kawasan perumahan di Jalan Berlian, Taman Nora. Tak kira masa daripada pagi sampai ke malam pun sama. Jadi, kita mohon agensi berkaitan untuk bantu mengatasi isu ini.

Akhirnya Yang Berhormat Datuk Speaker, Tiram menggesa dan menyeru agar kerajaan negeri dapat melihat semula tangga gaji dan elaun petugas-petugas dan penyelia serta pembantu penyelia di PK, PDK dan PAWE yang dilihat terlalu rendah dari gaji minima yang ditetapkan oleh kerajaan. Sebahagiannya sukar mendapat pinjaman dan kadar gaji yang kurang menarik ini telah menyebabkan PDK ataupun PAWE sukar mendapat pengganti apabila berlaku penyelia ataupun pembantu penyelia ataupun petugas berhenti daripada PK, PDK ataupun PAWE. Mewakili mereka juga, Tiram ingin merakamkan penghargaan di atas insentif-insentif yang diberi oleh kerajaan kepada penyelia dan petugas PK, PDK. Kalau boleh ianya Yang Berhormat EXCO ingin juga dipanjangkan juga insentif ini buat penyelia dan pembantu penyelia PAWE di seluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, moga Allah lindungi kita semua dan memberi kemudahan dalam menghadapi dan menguruskan monsun timur laut yang telah sampai sehingga berakhir sekitar Mac 2026. Yang Berhormat Datuk Speaker sebelum saya terlupa, ada juga berlaku isu-isu kebakaran dalam kawasan DUN Tiram mungkin boleh dicadangkan untuk dilihat, dikaji semula pendawaian yang mungkin kita boleh bekerjasama dengan kolej komuniti, GIAT MARA, pelajar-pelajar di sana untuk kita bantu lihat taman-taman perumahan yang dah lama

ni, mungkin kita boleh sama-sama melihat sistem pendawaian sedia ada dan saya yakin dan percaya ianya dah cukup lama di rumah mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih dan setinggi penghargaan kepada ketua-ketua jabatan dan pegawai serta anggota jabatan negeri dan persekutuan yang sentiasa membantu Tiram dalam banyak perkara. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan lagi dengan berbaki 42 hari lagi tahun ini termasuk hujung minggu dan cuti umum. Insya-Allah kita bekerjasama lagi pada tahun 2026 dan seterusnya. Terima kasih juga kepada Dewan di atas penyelesaian beberapa isu yang dibawa Tiram pada Mesyuarat Pertama Persidangan Dewan pada Mei 2025 yang telah diambil tindakan. Antaranya adalah kerja-kerja pembukaan jejambat di Plaza Tol Cahaya Bahru, kerjanya pun dah bermula, begitu juga dengan jambatan di Kampung Tenang yang telah pun diadakan Mesyuarat *Kick-Off,* dengan izin pada awal Oktober yang lalu.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi patik dan seluruh bangsa Johor dalam DUN Tiram menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang menzahirkan kepentingan tinggi terhadap isu-isu rakyat serta masa depan pembangunan negeri Johor. Justeru Tiram menyeru kerajaan pusat, tidak melupakan kerajaan Johor dalam aspek pembangunan yang ditekankan dan Tiram menyokong penuh terhadap Titah Tunku agar segala projek pembangunan di negeri Johor perlu dipercepatkan. Patik juga merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih pada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar dan keluarga diraja yang tidak pernah lekang dan terus membantu Bangsa Johor yang memerlukan bantuan melalui yayasan-yayasan keluarga diraja. Allah peliharakan Sultan, Daulat Tuanku. Sekian Tiram mohon menyokong, wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk.)

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Tiram. Dipersilakan Yang Berhormat Bukit Batu.

YB Tuan Chiong Sen Sern (Bukit Batu) : Terima kasih YB Datuk Speaker. Salam sejahtera, salam Maju Johor dan salam Malaysia MADANI. Patik Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah Dan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang bakal menjelang 22 November ini. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala bimbingan dan nasihat kepada semua Wakil Rakyat dan rakyat Johor. Ampun Tuanku.

YB Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor atas pembentangan Belanjawan Johor 2026 yang begitu komprehensif, jelas hala tujunya dan berpaksikan kepentingan rakyat Johor. Belanjawan ini membuktikan kesungguhan kerajaan negeri untuk membina negeri Johor yang lebih makmur, progresif dan berdaya saing. Saya bangun hari ini untuk menyatakan sokongan penuh terhadap Belanjawan 2026, kerana ia merupakan satu dokumen dasar yang realistik, berani serta membawa manfaat langsung kepada rakyat Johor termasuk warga di kawasan Bukit Batu.

Terdapat lima fokus utama yang akan saya bahaskan pada hari ini, iaitu fokus nombor satu, Belanjawan Pro Rakyat dan Perlindungan Sosial. Belanjawan 2026 memberikan pendekatan yang tinggi terhadap agenda kebajikan rakyat. Pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuk bantuan kos sara hidup, pengukuhan pendidikan untuk anak Johor, sokongan kepada warga emas serta perhatian kepada golongan rentan membuktikan bahawa kerajaan negeri komited untuk memastikan tiada rakyat yang terpinggir. Dalam situasi ekonomi global yang mencabar, langkah-langkah ini bukan sahaja memberikan kelegaan dan ketenangan kepada rakyat, malah memperkukuhkan jaringan jaminan sosial negeri, memastikan kesejahteraan semua lapisan masyarakat terus terpelihara.

Fokus kedua, Pertumbuhan Ekonomi dan Peluang Pekerjaan. Saya juga menyokong penuh usaha kerajaan negeri memperkukuhkan sektor ekonomi termasuk industri digital, pelaburan berimpak tinggi serta pembangunan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai nadi pertumbuhan negeri. Johor kini berada dalam kedudukan strategik sebagai gerbang pelaburan serantau. Langkah kerajaan mempelbagaikan ekonomi akan memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada belia dan rakyat tempatan termasuk di Bukit Batu.

Fokus ketiga, Infrastruktur dan Kemudahan Awam. Yang Berhormat Datuk Speaker, isu infrastruktur adalah antara keutamaan saya di Bukit Batu. Maka, saya amat menghargai komitmen Belanjawan 2026 yang memberi fokus kepada nombor satu, penaik taraf, penaiktarafan jalan raya, sistem saliran dan mitigasi banjir dan ketiga kemudahan awam yang lebih moden dan selamat. Di kawasan Bukit Batu, isu banjir kilat dan penyelenggaraan perparitan sering menjadi aduan utama. Justeru, saya amat berharap peruntukan di bawah sektor infrastruktur dapat di *priority* kan bagi memastikan masalah ini dapat ditangani secara berkesan. Bukit Batu ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan juga Yang Berhormat Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor berserta semua pihak yang terlibat atas usaha cemerlang dalam menyiapkan projek selekoh 'S' di kilometer 38 hingga 40 Kulai. berdekatan Pekan Kelapa Sawit. Projek ini bermula pada tahun 2016, namun terpaksa dihentikan pada tahun 2021 kerana kontraktor terdahulu tidak menepati prestasi. Kawasan ini terkenal sebagai *hotspot* kemalangan jalan raya yang telah meragut banyak nyawa. Kini berkat usaha keras semua pihak pengguna jalan raya dapat melalui kawasan ini dengan lebih selamat, selesa dan lancar sekali gus meningkatkan keselamatan serta keselesaan perjalanan harian rakyat.

Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, peningkatan serta lonjakan ekonomi Johor yang sedang diusaha dan dirancang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor bersama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah memberi manfaat besar kepada seluruh rakyat Johor. Antara inisiatif utama tersebut termasuklah *Johor-Singapore Special Economy Zone* (JS-SEZ), RTS Link Johor-Singapura, *Pengerang Integrated Petroleum Complex* (PIPC) serta pembangunan pusat data dan industri teknologi tinggi. Kesan limpahan pembangunan ini turut dapat dilihat di DUN Bukit Batu khususnya melalui pertambahan projek pembinaan perumahan, pembangunan perindustrian serta kewujudan pusat data, *Data Centre* baharu seperti Ibrahim Technopolis (IBTEC) dan juga *YTL Green Data Centre Park*. Sebagai seorang Bangsa Johor, Bukit Batu menyokong penuh serta menyambut baik segala peningkatan dan pemerkasaan ekonomi yang berlaku di negeri Johor termasuk di kawasan Bukit Batu sendiri. Namun demikian, pembangunan pesat ini turut membawa cabaran baharu yang perlu diberi perhatian khususnya melibatkan masalah kesesakan jalan raya yang semakin ketara.

Antara lokasi yang paling terkesan ialah FT 001 dari KM 37 hingga KM 53 yang tadi saya sebut projek selekoh 'S', ia sambung depan lagi sampai ke Bukit Batu dan juga Layang-Layang yang kini menampung jumlah pengguna jalan raya yang tinggi setiap hari.

Sehubungan itu, Bukti Batu mencadangkan agar projek menaik taraf jalan Johor Bahru ke Air Hitam FT 001 dari KM 37.0 hingga KM 53.0 dalam daerah Kulai, Johor dapat dipertimbangkan dengan segera. Cadangan ini juga selaras dengan pembentangan rasmi oleh JKR Kulai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) Kulai Bilangan 3 Tahun 2024 yang menekankan keperluan mendesak untuk meningkatkan keselamatan dan kelancaran aliran trafik di laluan berkenaan. Untuk makluman semua, laluan FT001 ini merupakan laluan utama ke utara tanah air sebelum pembukaan Lebuh Raya Utara Selatan. Laluan ini menjadi jalan asal bagi semua kenderaan dari arah selatan ke utara dengan melalui Pekan Senai, Kulai, Kelapa Sawit, Bukit Batu dan seterusnya ke Ayer Hitam. Cadangan jajaran terletak sepenuhnya di Mukim Bukti Batu di bawah kawasan Parlimen Kulai. Jalan sedia ada ialah jalan dua lorong, dua hala *single carriageway*. Kewujudan beberapa premis

kuari serta kawasan perindustrian yang tertumpu di Bukit Batu telah menyebabkan kesesakan khususnya pada waktu puncak, musim perayaan dan juga cuti hujung minggu. Cadangan projek melibatkan menaik taraf jalan sedia ada kepada empat lorong, dua hala dua *carriageway* sepanjang 16.0km selaras dengan pembangunan pesat di Ibrahim Technopolis (IBTEC) serta kawasan perumahan baharu di Kelapa Sawit.

Terdapat pertindihan zon pembangunan dengan pihak IRDA dan juga JCorp di kawasan persimpangan Sedenak yang dijangka dilaksanakan pada tahun 2025. Sekarang sudah November, Yang Berhormat Datuk tetapi nampaknya tidak ada apa-apa perkembangan dalam projek tersebut. Oleh sebab itu, saya memohon agar pihak IRDA dan juga JCorp dapat mempercepatkan pelaksanaan projek tersebut bagi memastikan kesinambungan pembangunan di koridor ini. Kerja menaik taraf ini turut melibatkan beberapa impak sosial seperti perpindahan tapak perkuburan, premis perniagaan, kawasan perumahan dan juga lain-lain. Susulan pelarasan semua rizab jalan bagi jajaran baharu. Dengan segala hormatnya saya memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga YB EXCO Kerja Raya berkenaan untuk menimbang serta meluluskan cadangan menaik taraf FT001 daripada KM37 hingga KM53 demi kepentingan keselamatan, pembangunan dan kesejahteraan rakyat Bukit Batu khususnya serta daerah Kulai amnya.

Fokus keempat, Alam Sekitar dan Kelestarian. Belanjawan 2026 turut mempamerkan komitmen kerajaan terhadap agenda hijau. Usaha memperkukuh pengurusan sisa pepejal, dasar tenaga bersih serta inisiatif pemulihara alam sekitar merupakan langkah penting ke arah membentuk sebuah negeri yang lebih lestari dan berdaya tahan. Di Bukit Batu, isu pencemaran udara dan habuk daripada aktiviti kuari merupakan perkara yang sentiasa saya tekankan. Terdapat lebih daripada 10 kuari dan operasi berkaitan di kawasan DUN Bukit Batu termasuk di sekitar Gunung Pulai dan juga Ulu Choh. Kawasan-kawasan ini menerima tekanan pembangunan yang pesat. Namun, pada masa yang sama berdepan cabaran alam sekitar yang semakin meruncing.

Pada 7 hari bulan Mei 2025, Bukit Batu telah menganjurkan sesi *townhall* isu pencemaran udara di kawasan Air Bemban. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berusaha Tuan Fizwan bin Dato' Haji Mohamad Rashidi, Pegawai Daerah Kulai serta wakil Pejabat Tanah, MPKu, JKR, JAS dan pengusaha-pengusaha kuari yang hadir bagi mencari penyelesaian mengurangkan pencemaran habuk dan pasir. Susulan itu, MPKu, pihak MPKu, Pejabat Tanah dan juga JAS telah menjalankan operasi serta pemantauan terhadap operator kuari. Namun setelah enam bulan berlalu, hasilnya masih belum memuaskan. Keadaan habuk di Air Bemban dan Ulu Choh bukan sahaja tidak bertambah baik malah semakin membimbangkan. Banyak kali Bukit Batu telah membawa isu ini ke peringkat agensi berkaitan termasuk dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) Kulai. Malangnya, kita masih berdepan situasi di mana terdapat kekeliruan mengenai peranan dan tanggungjawab antara beberapa agensi kerajaan. Keadaan ini menyukarkan penyelarasan dan menjejaskan usaha menyelesaikan isu pencemaran secara tuntas. YB Kota Iskandar dan juga Senai boleh jadi saksi kepada keseriusan aduan. Saya mengucapkan terima kasih kepada dua-dua YB ini Senai dan juga Kota Iskandar kerana selalu memberi nasihat dan dorongan sama ada dalam mesyuarat dan juga di luar mesyuarat. Terima kasih YB.

Kerajaan yang berkesan ialah kerajaan yang mampu menyeimbangkan pembangunan ekonomi, perlindungan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti. Prinsip tadbir urus yang baik menuntut agar aktiviti kuari tidak mencemarkan udara, tidak merosakkan sumber air, tidak mengundang risiko tanah runtuh serta memastikan keselamatan penduduk sentiasa diberi keutamaan. Dengan ini, saya menyeru Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran Kewangan, Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor untuk menentukan satu sistem atau *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk mengawal kuari *business* di Johor. Saya memberi lapan prinsip utama tadbir urus kuari yang baik.

Nombor satu, proses pelesenan dan kelulusan ketat. Kerajaan yang bertanggungjawab memastikan kriteria jelas sebelum lesen kuari diluluskan. Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) wajib untuk kuari baru. Libat urus komuniti, penduduk mesti dimaklumkan sebelum kelulusan. Hanya syarikat yang kompeten, pengalaman dan patuh undang-undang diberi lesen. Dengan ini usaha-usaha di atas akan memastikan hanya pengusaha yang layak dan bertanggungjawab dibenarkan beroperasi.

Kedua, maklumat lesen yang telus dan boleh diakses awam. Kerajaan kena memastikan senarai kuari berlesen dipaparkan kepada umum termasuk nama pengendali, lokasi dan zon penampan, tarikh luput permit, syarat penilaian impak alam sekitar (EIA) dengan izin, *Environmental Impact Assessment*. Pembaharuan lesen bergantung kepada pematuhan syarat. Syarat-syarat di atas adalah untuk menghalang operasi kuari haram dan meningkatkan kepercayaan rakyat.

Ketiga, pemantauan digital dan pelaporan masa nyata. Kerajaan negeri boleh moden menggunakan teknologi untuk memantau kuari. Untuk memasang CCTV, *geofencing* terus ke pusat kawalan daerah atau negeri. Dan juga GPS untuk semua lori kuari memantau laluan, kelajuan dan pembuangan haram dan juga pasang sistem timbang digital disambung terus ke pelayan kerajaan dan juga boleh pasang *sensor* kualiti udara di pasang di sempadan kuari. Dengan ini akan mengurangkan ketirisan data lebih tepat dan pematuhan lebih tinggi.

Keempat, Kawalan Alam Sekitar dan Amalan Lestari. Kerajaan bertanggungjawab memastikan kawalan habuk seperti minta pengurus operator kuari untuk menggunakan *water sprinkler, wheel-wash,* had bunyi dan gegaran yang ketat demi penduduk sekitar, pengurusan tanah dan sisa yang baik untuk elak pencemaran sungai, pelan rehabilitasi selepas kuari ditutup iaitu penghijauan semula.

Sehubungan dengan itu, Bukit Batu mencadangkan kerajaan negeri memperkenalkan syarat yang membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memanfaatkan wang amanah kuari untuk tujuan *Corporate Social Responsibility* (CSR), termasuk kerja-kerja pembersihan dan pengurusan habuk di kawasan sekitar pengusaha kuari demi menjaga alam sekitar dan kesejahteraan penduduk supaya aktiviti kuari tidak menjejaskan kesihatan rakyat dan alam sekitar.

Kelima, Audit Keselamatan dan Alam Sekitar Secara Berkala. Kerajaan perlu melakukan pemeriksaan berkala sama ada bulanan atau suku tahun, pemeriksaan mengejut untuk aktiviti letupan, habuk dan keselamatan lori, audit pematuhan tahunan dengan penalti jika gagal untuk memastikan standard keselamatan seragam dan mencegah kemalangan atau letupan haram.

Keenam, Penguatkuasaan dan Penalti Tegas. Sebuah kerajaan yang berwibawa mesti tegas namun tetap adil dalam melaksanakan setiap bentuk penguatkuasaan seperti denda berat untuk kuari haram, penggantungan serta-merta untuk pelanggaran berulang. Senarai hitam syarikat yang melanggar peraturan, tindakan undang-undang untuk pencemaran atau risiko keselamatan untuk menetapkan akauntabiliti tinggi dan menghalang pengendali tidak bertanggungjawab.

Ketujuh, Libat Urus Komuniti dan Tanggungjawab Sosial. Kerajaan berpaksikan rakyat memastikan saluran aduan rakyat seperti *hotline, whatsapp, townhall*, tanggungjawab sosial korporat (CSR) wajib, penyelenggaraan jalan, sumbangan kemudahan komuniti dan juga program keselamatan untuk menentukan hubungan baik antara kuari, komuniti dan juga kerajaan.

Kelapan, Ketelusan Hasil dan Royalti Negeri. Kerajaan tadbir urus baik memastikan struktur cukai atau royalti yang jelas, pelaporan digital jumlah pengeluaran untuk elak *under*

declaration, hasil digunakan semula bagi pembangunan infrastruktur dan pemulihan alam sekitar untuk mengurangkan ketirisan dan memastikan kuari menyumbang secara adil kepada ekonomi negeri. Saya menyokong penuh usaha kerajaan negeri untuk memperkukuh kawal selia industri ini demi keselamatan dan keselesaan penduduk.

Fokus kelima, Tadbir Urus Berintegriti dan Digitalisasi. Saya juga menghargai fokus kerajaan terhadap peningkatan kecekapan pentadbiran melalui digitalisasi perkhidmatan dan pemantapan integriti. Ini memastikan setiap ringgit dibelanjakan secara berhemah dan memberi pulangan terbaik kepada rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan Johor 2026 bukan sekadar dokumen kewangan, tetapi suatu pelan tindakan menyeluruh untuk membina negeri yang lebih maju, inklusif dan mampan. Bagi pihak warga Bukit Batu, sekali lagi saya menyatakan sokongan penuh terhadap Belanjawan 2026 kerana ia mengangkat kepentingan rakyat, memacu ekonomi dan memperkukuh asas pembangunan negeri. Dengan sepenuh harapan, saya percaya belanjawan ini akan bawa Johor ke tahap yang lebih gemilang pada tahun-tahun mendatang. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Batu. Seterusnya, yang terakhir Yang Berhormat Sedili.

YB Tuan Muszaide bin Makmor (Sedili) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Segala pujian-pujian kepada Allah SWT yang Maha Esa. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Salam sejahtera dan salam Maju Johor, salam untukmu Sedili.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan izin limpah kurnianya serta diberikan ruang dan kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan sempena Mesyuarat Ketiga Belanjawan 2026 Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 di dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Sebelum Sedili melangkah jauh membahaskan pembentangan Bajet 2026, izinkan Sedili terlebih dahulu merafak sembah dengan dua rangkap pantun. Patik Sedili merafak sembah menjunjung setinggi tahniah dan ucapan selamat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim diberkati Allah, dilindungi Ilahi, dikurniakan rahmat. 22 November tarikh keramat, kesihatan dan kehormatan dikurniakan Allah, bijaksana Tuanku menaungi rakyat, Johor Maju penuh barakah.

Yang Berhomat Datuk Speaker, patik dan seluruh warga Sedili penuh takzim memanjat doa ke hadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong serta seluruh anaknda dan kerabat Diraja sentiasa dikurniakan Allah keberkatan usia, dikekalkan dalam keafiatan dan sejahtera serta dilanjutkan usia pemerintahan agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor.

Sedili juga menjunjung setinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor. Dari Johor Bharu hingga ke Segamat, kecekapan Tunku tiada tara, Johor dipimpin jaya dan selamat, Bangsa Johor hidup dalam sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sedili ingin merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta seluruh anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang berkerja keras dan konsisten mentadbir dan memimpin Johor dalam memastikan negeri dan Bangsa Johor terus maju dan sejahtera. Dato' Onn Hafiz Menteri Besar, bangun awal Semarak Subuh, sentiasa istiqamah laksana dasar, Maju Johor kekal utuh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan kemampuan dan kewibawaan YAB Menteri Besar membolehkan Johor menarik pelaburan berjumlah RM218 bilion dan lebih menggembirakan melalui pelaburan tersebut, Johor dapat menghasilkan lebih 64,000 peluang pekerjaan dengan kadar pengangguran yang terus kekal rendah pada 2.3%. Pertumbuhan KDNK 6.4% menjadikan Johor negeri dengan pertumbuhan ekonomi tertinggi di Malaysia. Kita berdoa agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sihat dan terus beriltizam untuk memipin Johor ke arah kemajuan seperti yang telah dibuktikan termasuk dengan nilai hasil jualan pertanian RM27.2 bilion yang tertinggi dalam negara.

Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Melalui usaha yang gigih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan kakitangan dan pegawai kerajaan negeri yang diketua oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Johor serta barisan EXCO telah memperlihatkan suatu yang mustahil berlaku boleh berlaku. Sesuatu perkara yang tidak terduga dan tidak pernah berlaku di negeri ini telah pun berlaku. Sedili mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan negeri yang menjadikan fantasi indah melalui pelaksanaan 42 inisiatif tambahan Bantuan Kasih Johor (BKJ) dengan peruntukan sebanyak RM209 juta.

BKJ telah memberi impak menyeluruh kepada rakyat Johor yang jarang berlaku dan tidak pernah berlaku. Secara keseluruhan seramai 939,561 rakyat Johor menerima inistaif BKJ ini. Malah kerajaan Johor turut memberi BKJ secara bulanan kepada seramai 201,934 rakyat Johor termasuk Bantuan Sara Hidup Bulanan kepada 19,340 orang fakir miskin dengan peruntukan RM82.8 juta. Justeru, nikmat apakah lagi yang mahu didustai? Kita perlu panjantkan rasa syukur atas nikmat yang diberikan ini. Sekali lagi, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Sungguh pun begitu, Sedili ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Johor mewujudkan peluang ekonomi seperti mewujudkan tapak penjaja kepada golongan fakir miskin ini bagi mengurangkan kadar fakir miskin di negeri Johor.

Melalui BKJ, bukan sahaja kepada penerima yang lazim diketahui sebagai penerima seperti golongan asnaf dan ketua kampung, malah turut merangkumi pelbagai lapisan rakyat termasuk Ketua Blok di FELDA yang juga memberikan impak kepada Sedili yang mengandungi kawasan FELDA. Pengamal media juga turut menerima BKJ. Pendekatan yang menyeluruh ini membuktikan kerajaan Johor sebuah kerajaan yang prihatin. Sedili ingin mencadangkan kepada media secara am, dan khusus kepada Media Digital Johor agar dapat melaporkan kemajuan yang dicapai ini dapat dikongsi pengetahuan oleh rakyat dengan lebih kerap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan bersandarkan 6 Teras Nadi Pembangunan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyentuh beberapa perkara termasuk tadbir urus kerajaan. Sedili mengucapkan tahniah atas 35 inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Dalam Program Jelajah Orang Johor, Sedili mencadangkan agar melibatkan lebih banyak di setiap kawasan yang dijelajahi khususnya kepada golongan belia. Majlis Belia Daerah perlu bersama-sama memainkan peranan sebagai penggerak kepada Jelajah Orang Johor (JOJ). Program merupakan program yang sangat baik dalam menjalinkan hubungan kerajaan dengan masyarakat.

Sedili merakamkan terima kasih kepada kerajaan yang mewujudkan Geran Pengurusan dan Pentadbiran kepada 73 Jawatankuasa Kemajuan Rancangan FELDA yang turut melibatkan beberapa FELDA dalam kawasan Sedili. Pihak FELDA perlu bersyukur dengan geran yang diwujudkan oleh kerajaan Johor ini. Namun, Sedili mencadangkan kerajaan persekutuan juga dapat membantu JKKR FELDA yang ada di seluruh negara ini dengan peruntukan tambahan. Hal ini sekaligus mampu mewujudkan pentadbiran yang lebih efisien, sekaligus dapat mensejahterakan kawasan FELDA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Program Semarak Subuh telah diteruskan pada tahun 2026 dengan pelaksanaannya ditambah daripada dua kali kepada tiga kali seminggu dengan jumlah peruntukan RM2.92 juta. Satu usaha kerajaan negeri yang sangat baik. Semarak Subuh walaupun satu program kerajaan tetapi seharusnya menjadi satu program rakyat yang dilaksanakan dengan kejujuran dan keikhlasan. Maknanya yang hadir Semarak Subuh hadir dengan jiwa dan semangat tanggungjawab sebagai penganut agama Islam. Sedili mencadangkan diwujudkan Jawatankuasa Sekretariat Semarak Subuh di setiap daerah dengan melibatkan golongan belia.

Sedili sangat mengharap, menghargai keprihatinan kerajaan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru dengan sumbangan *one-off* kepada semua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dengan peruntukan sebanyak RM2.95 juta. Dengan jumlah PIBG yang dianggarkan sebanyak 1,193 di negeri Johor. Dengan angggaran setiap persatuan menerima sebanyak RM1,500.00. Sedili ingin mencadangkan agar pembahagian peruntukan kepada setiap PIBG diberikan berdasarkan kepada kapasiti ahli PIBG.

Kadar pertumbuhan penduduk dan pertambahan tugas, sumbangan bantuan pegawai daerah dengan peruntukan sebanyak RM3 juta, RM300.00 setiap daerah adalah menunjukkan kerajaan sentiasa prihatin dan faham dengan kesukaran melaksanakan tugas sebagai Pegawai Daerah. Sebagai contoh, hampir semua Pegawai Daerah di negeri Johor menyandang jawatan secara automatik sebagai Pengerusi Majlis Kebudayaan Daerah. Justeru Sedili juga mencadangkan jawatankuasa secara automatik yang disandang oleh Pegawai Daerah dan NGO hendaklah dikaji semula hal ini bagi membolehkan Pegawai Daerah melaksanakan tugas hakiki mereka yang agak banyak dan amanah yang berat, jika Wakil Rakyat mempunyai 56 kawasan DUN, daerah hanya memiliki sepuluh sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahun 2026 merupakan Tahun Melawat Johor (TMJ). Marilah kita sama-sama menjual keindahan Johor, warisan Johor, Bangsa Johor kepada para pelancong yang datang ke negeri ini. Sama-sama kita menjaga adab Bangsa Johor dengan mempamerkan budi bahasa dan akhlak yang tinggi. Sedili mengucapkan tahniah kepada kerajaan Johor atas penganjuran TMJ 2026. Memandangkan kawasan Sedili terdapat banyak pusat pelancongan, Sedili memohon agar beberapa pengajuran acara pelancongan antarabangsa diadakan di Sedili. Sedili memohon untuk menganjurkan festival berbentuk kebudayaan dan warisan bertaraf antarabangsa. Bagi menyemarakkan semangat Bangsa Johor, Sedili memohon peruntukan untuk menganjurkan program kesenian dan kebudayaan di kawasan Sedili. Sedili berharap program ini akan dimasukkan dalam kalendar Tahun Melawat Johor 2026.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pembangunan sosial. Dalam masa kita mempergiatkan projek-projek infrastruktur, perumahan, kesihatan, keselamatan dan mobiliti rakyat, aspek-aspek seperti penyelidikan, sokongan komuniti, keselamatan makanan, kesihatan mental serta kebajikan keluarga turut diberikan penekanan yang tinggi. Ini selaras dengan aspirasi Johor untuk membangunkan negeri bukan sahaja dari segi ekonomi, tetapi juga kualiti hidup rakyatnya. Bajet Bangsa Johor Sejahtera ini membuktikan kesungguhan kerajaan negeri untuk memastikan bahawa kemajuan ekonomi yang dicapai hasil pelaburan besar, pertumbuhan KDNK yang memberangsangkan dan kecekapan tadbir urus benar-benar kembali kepada rakyat dalam bentuk manfaat yang nyata dan berterusan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sedili melihat peningkatan gejala sosial yang melibatkan remaja dan pelajar sekolah sejak kebelakangan ini sesuatu yang membimbangkan. Walaupun gejala ini masih terkawal di negeri Johor, namun langkah prokatif perlu dilakukan agar kes yang melibatkan remaja dan membimbangkan kita seperti kes buli, rogol, ponteng kelas, pergaduhan, penyalahgunaan gajet dan barang terlarang serta jenayah serius dapat ditangani sebaik mungkin sebelum menjadi barah dalam masyarakat. Sedili mencadangkan Jawatankuasa Pencegahan Gejala Sosial di setiap daerah dengan dianggotai oleh semua

pihak termasuk Wakil Rakyat, Pasukan Keselamatan, Pejabat Pendidikan Daerah, NGO Belia, pihak masjid, PIBG dan golongan pelajar. Namun penubuhan jawatankuasa ini tidak bermakna jika sekadar ditubuhkan sahaja tetapi perlu bergerak secara aktif dengan pertemuan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali dan lawatan yang kerap ke sekolah-sekolah. Semasa lawatan ini dilakukan pihak jawatankuasa perlulah bertemu pelajar dan guru secara menumpang program kokurikulum.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sedili amat percaya langkah mencegah lebih baik daripada mengubati penyakit gejala sosial. Dengan didikan agama yang didokong oleh kerajaan Johor melalui sistem pendidikan sekolah agama seawal usia tujuh tahun, pembinaan akhlak dan adab warga Johor boleh dilakukan sejak zaman rebung lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, BKJ Pengamal Media sebanyak RM1,000.00 seorang dengan peruntukan RM200,000.00 satu langkah kerajaan menghargai golongan wartawan yang bersusah payah melaporkan berita dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Sedili ingin mencadangkan kepada semua media khususnya akhbar agar dapat melaporkan kemajuan yang dicapai di kawasan DUN dalam negeri Johor. Sedili juga mencadangkan kepada Media Digital Johor, turut memainkan peranan menyebarkan maklumat tentang negeri Johor seperti pembangunan Johor dengan lebih kerap dan ditularkan untuk pengetahuan rakyat. Kita mahu rakyat tahu apa yang telah kerajaan lakukan untuk kesejahteraan rakyat Bangsa Johor. BKJ umpamanya, perlu ditularkan dan dimaklumkan dalam media secara kerap sebagai bukti kerajaan prihatin dan berusaha mensejahterakan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, projek naik taraf dan melebar jalan-jalan kampung membuktikan kerajaan Johor sentiasa memikirkan infrastruktur yang berkualiti bukan sahaja di bandar tetapi di luar bandar. Sedili juga tidak mahu melihat kampung-kampung di Sedili dalam keadaan ketinggalan dan berharap kerajaan Johor dapat menyalurkan dana peruntukan untuk pelebaran jalan di beberapa buah kampung di Sedili dan juga memohon kerajaan dapat menyalurkan peruntukan pemasangan dan menaik taraf lampu jalan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi di waktu malam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sedili mengucapkan tahniah kepada kerajaan Johor atas kejayaan menganjurkan Bazar Buku Antarabangsa Johor 2025. Atas kejayaan tersebut kerajaan Johor memperuntukkan sebanyak RM400,000.00 untuk penganjuran Bazar Buku Antarabangsa Johor 2026. Langkah ini amat baik ke arah mewujudkan budaya membaca di kalangan Bangsa Johor. Pada tahun 2023, anugerah buku secara skala kecil telah diadakan pada tahun 2023 melalui penganjuran Bazar Buku Johor oleh Perpustakaan Awam Johor dan Persatuan Penulis Johor. Sedili ingin mencadangkan diwujudkan Anugerah Buku Johor 2026 sempena Bazar Buku ini, Dengan menggunakan sumbangan peruntukan daripada RM400,000.00, penerima anugerah buku bukan sahaja kepada penulis tetapi juga kepada Bangsa Johor yang cinta akan buku. Sedili juga mencadangkan agar membawa penulis yang hadir di bazar buku ke sekolah di kawasan Sedili untuk memberikan pendedahan tentang penulisan.

Saya nak bawa isu berkaitan dengan tapak pelupusan sampah di tempat saya iaitu di Lok Heng. Baru-baru ini telah viral bantahan penduduk Gugusan Lok Heng tentang isu ini. Selaku seorang penduduk Lok Heng yang telah menetap di perkampungan ini sejak tahun 1982 hingga kini. Saya mohon cadangan ini dikaji semula, walaupun ianya telah dirancang 10 hingga 12 tahun yang lalu oleh pihak KEJORA yang ketika itu, untuk memindahkan tapak pelupusan sampah di Bukit Tuatau Bandar Penawar ke tempat yang baharu. Memandangkan beberapa faktor kebimbangan daripada penduduk seperti tapak pelupusan yang dicadangkan berdekatan tapak perumahan generasi kedua dan juga penduduk asal Gugusan Lok Heng yang tidak sampai 1 ½ kilometer daripada tapak tersebut.

Yang keduanya, di situ ada sebatang sungai yang dinamakan Sungai Ulu Sungai Sedili Kecil yang terlalu hampir yang mana salah satu punca air yang masuk ke Loji Rawatan Air Lok

Heng yang membekalkan air bersih bagi penduduk Lok Heng bahkan juga kepada penduduk Gugusan Waha. Kawasan ini juga dilihat agak rendah, dan selalu berlaku banjir bila hujan lebat dan berterusan.

Yang keempat pencemaran bau yang tidak boleh disekat pastinya akan berlaku. Saya berharap agar ianya dapat dirancang pembinaannya di tempat baharu yang mungkin jauh sedikit ke dalam dan lebih kepada mesra penduduk demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Saya juga mewakili keseluruhan penduduk Gugusan Lok Heng mengucapakan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.3 juta pada tahun 2023 yang lalu untuk pembinaan masjid baharu di Gugusan Lok Heng dan ditambah dengan peruntukan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi Timbalan Perdana Menteri yang meluluskan RM5.4 juta dan sumbangan daripada penduduk setempat sebanyak RM1 juta yang membolehkan tidak lama lagi di FELDA Gugusan Lok Heng akan menerima atau pun dapat menikmati masjid untuk kegunaan ibadah bagi penduduk Lok Heng. Saya juga mengambil kesempatan ini, untuk merakamkan setinggi-tinggi dan tahniah terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kepada pegawai kerajaan negeri atau pun persekutuan, kepada Yang Berhormat EXCO kerajaan negeri, kepada penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, ketua-ketua peneroka dan semua yang terlibat yang menjayakan apa jua aktiviti di kawasan Sedili pada tahun ini dan sebelum-sebelumnya. Semuanya telah memainkan peranan bagi kesejahteraan rakyat yang ada di dalam Sedili khususnya. Sebagai penutup Sedili ingin menegaskan segala cadangan dan pandangan ini adalah suatu amanah yang diberikan oleh rakyat. Belanjawan Johor 2026 telah membuka ruang yang luas untuk kita memantapkan lagi asas-asas ini. Dan Sedili teguh menyokong setiap usaha yang memberi manfaat langsung kepada rakyat di semua peringkat. Sedili yakin bahawa dengan iltizam, pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sokongan ikhlas daripada semua pihak, Johor mampu menjadi negeri maju dan Bangsa Johor Sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, orang Melayu kaya dengan falsafah dan peribahasa. Peribahasa ini bukan sahaja untuk orang Melayu tetapi milik warga negara Malaysia. Antara peribahasa yang wajib diketahui ialah, “Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung, melentur buluh biarlah daripada rebung”, dan beberapa peribahasa lain seperti, “Mengata dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih, meludah ke langit, jatuh ke muka sendiri”. Apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato’ Onn Hafiz bin Ghazi, satu usaha yang bersungguh-sungguh dan melaksanakan amanah demi Bangsa Johor. (Dewan bertepuk). Justeru, perkara yang baik tidak wajar diperlekeh, jika ada kekurangan, sama-sama baiki dan nyatakan, jadilah pemimpin yang ikhlas dan bukan mengambil ruang untuk menyindir atau merendah-rendahkan.

Akhir kata, marilah kita sama-sama berdoa agar negeri Johor terus dipelihara dalam keamanan, dilimpahi keberkatan rezeki dipandu dengan kepimpinan yang berhikmah dan dikurniakan kekuatan untuk sebuah perjuangan dan amanah demi negeri dan bangsa ini. Semoga Bajet Johor 2026 menjadi pemangkin kepada kemajuan yang lebih inklusif dan masa hadapan yang lebih sejahtera dan berimpak untuk seluruh rakyat khususnya generasi muda Johor yang bakal mewarisi negeri ini. Pemimpin yang baik wajar disokong dan dikekalkan agar perancangan yang telah diatur dapat dilaksanakan. Bangun pagi gosok gigi, esok pagi kita berjumpa lagi. (Dewan bertepuk). Sekian, wabillahitaufik walhidayah wasalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sedili mohon menyokong.

YB Timbalan Speaker : Alhamdulillah tahniah, Sedili, Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah telah tamat 40 orang yang terlibat dengan perbahasan Dewan Negeri pada kali ini daripada *Backbenchers*. Tahniah kepada semua. Sebelum itu, marilah sama-sama kita menghargai kesetiaan khususnya kepada pegawai-pegawai kerajaan yang tetap bersama kita hingga ke pukul 6:30 petang ini. Begitu juga kepada pemerhati-pemerhati yang masih ada bersama-sama kita pada petang ini. Dan, akhir sekali kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama menamatkan perbahasan pada hari ini. Insya-Allah, esok bagi pihak

kerajaan akan memulakan perbahasan dan insya-Allah kita akan berjumpa lagi. Oleh itu, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, Khamis, 20 November 2025 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 6:30 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15

HARI KELIMA	KHAMIS, 20 NOVEMBER 2025	BIL. 14 TAHUN 15

HADIR

Speaker Dewan Negeri Johor
YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.
(Rengit)

Menteri Besar Johor (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan)
YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.
(Machap)

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya
YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
YB Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi
YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid
(Semerah)

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
YB Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia
YB Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi
YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan
YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah
(Mahkota)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

YB Puan Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

TIDAK HADIR

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Setiausaha Kerajaan Johor.
Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, DMIJ., PIS II.

Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Yang Berhormat Datuk Abd Aziz bin Engan, DPSM.

Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Yang Berhormat Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, DMIJ., PIS, PSI.

Persidangan bermula jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(YB Speaker membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, esok adalah hari terakhir persidangan kita. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor akan membuat penggulungan. Dan oleh kerana esok adalah hari Jumaat, saya ingin memaklumkan etika pemakaian sidang Dewan pada hari Jumaat 21 November 2025 adalah sebagaimana berikut:

Iaitu memberi kebenaran kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Yang Berhormat EX-OFFICIO, ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan serta pemerhati lelaki untuk memakai Baju Melayu Teluk Belanga, bersampin berdagang luar, bersepatu dan bersongkok. Sekian, terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan dimulakan sekarang.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Permas.

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker soalan saya nombor 1.

Lampu di lebuhraya Pasir Gudang sering tidak berfungsi dan mengambil masa berbulan-bulan untuk dibaiki. Apakah punca sebenar masalah ini dan apakah langkah penyelesaian yang diambil oleh kerajaan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera dan Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Permas. Isu lampu jalan di sepanjang lebuhraya Pasir Gudang bukanlah isu baharu dan saya sendiri telah turun padang sebanyak tujuh (7) kali termasuklah bersama Yang Berhormat Permas. Isu ini sangat dekat dihati kerajaan negeri Johor Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri turun ke kawasan ini pada minggu lepas. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, lebuhraya Pasir Gudang ini merupakan jalan persekutuan (ST17) dengan panjang 30.3 kilometer. Meski pun penyelenggaraan jalan ini adalah di bawah tanggungjawab pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) namun bagi tujuan penyelenggaraan lampu-lampu jalan terdapat dua (2) agensi, iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang menguruskannya.

Bermula dari BHP Perling sehingga ke persimpangan Perling, sepanjang 1.5 kilometer di bawah seliaan JKR, terdapat 52 tiang lampu dan setakat ini tiada kerosakan direkodkan. Seterusnya dari persimpangan Perling ke persimpangan Bandar Seri Alam, Taman Rinting sepanjang 23.5 kilometer seliaan lampu-lampu jalan ini adalah di bawah pengurusan MBJB, yang mana terdapat 1,308 tiang lampu dengan 167 unit lampu jalan yang rosak. Buat masa ini MBJB sedang giat melaksanakan kerja-kerja pembaikan kerosakan kabel bawah tanah dan kelengkapan bagi membaiki lampu jalan yang rosak dengan anggaran kos RM1 juta. Kerja-kerja pembaikan ini dijangka akan siap pada 15 Disember 2025.

Bagi mengurangkan kerosakan kelengakapan lampu jalan MBJB akan melaksanakan penyelenggaraan pencegahan dengan tindakan menggantikan lampu jalan sedia ada kepada

lampu jalan jenis LED pintar, sebanyak 1,308 unit yang dianggarkan berjumlah RM6 juta. Lampu jalan LED pintar ini dilengkapi dengan sistem pemantauan berpusat yang akan memudahkan kerja-kerja pemantauan dan tindakan pembaikan segera dapat dilaksanakan. Kerja-kerja pemasangan lampu jalan LED pintar ini, dijangka bermula pada 1 Disember 2025 dan dijangka siap pada 31 Januari 2026. Bagi memastikan keadaan lampu di sepanjang kawasan ini berada dalam keadaan baik Yang Berhormat Datuk Speaker, MBJB telah pun melantik kontraktor penyelenggaraan tahunan bermula tahun 2026. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, dari persimpangan Bandar Seri Alam, Taman Rinting ke MMHE terdapat satu (1) projek pelebaran jalan dari empat (4) lorong ke enam (6) lorong sepanjang 5.3 kilometer, di bawah seliaan JKR.

Di sini terdapat 74 tiang dengan 148 lampu di median tengah jalan, manakala terdapat 21 tiang dengan 21 lampu di kiri dan kanan jalan. Daripada jumlah tersebut 27 lampu di median jalan tidak menyala dan lima (5) lampu di kiri dan kanan tidak menyala. Disebabkan ini merupakan kawasan projek yang mana memerlukan pencahayaan yang mencukupi bagi tujuan keselamatan, JKR meminjam sebanyak 34 tiang dengan 68 lampu daripada pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG). Namun begitu terdapat 16 lampu tidak menyala. Sebenarnya projek perlebaran jalan ini turut memiliki skop penggantian lampu-lampu di sepanjang 5.3 kilometer di kawasan projek dengan 150 batang tiang, dua (2) lampu dan 80 batang tiang, satu (1) lampu menjadikan jumlah lampu yang akan dipasang sebanyak 386 unit. Kerja-kerja sedang giat dijalankan dan dijangka siap secara berfasa mulai April 2026 dan siap sepenuhnya pada Julai 2026.

Terdapat juga beberapa cadangan penambahbaikan berkaitan pengurusan lampu jalan merangkumi langkah jangka pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan keberkesanan sistem pencahayaan di kawasan terlibat. Bagi langkah jangka pendek pemantauan berkala akan dipertingkatkan bagi memastikan semua lampu jalan berada dalam keadaan baik serta berfungsi mengikut jajaran penyelenggaraan yang ditetapkan JKR dan juga MBJB. Bagi langkah jangka sederhana kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan secara *one-off* bagi menangani kerosakan lampu jalan dengan lebih cepat dan menyeluruh seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada tindakan pembaikan berulang. Untuk cadangan jangka masa panjang, adalah dicadangkan penukaran sistem lampu jalan daripada penggunaan *feeder filler* kepada sistem pencahayaan berasaskan solar, bagi meningkatkan kecekapan tenaga serta mengurangkan kos penyelenggaraan pada masa hadapan dan mengelakkan isu-isu berkaitan kecurian kabel. Cadangan-cadangan ini diharap dapat mengurangkan aduan berkaitan lampu jalan dan seterusnya meningkatkan keselamatan serta keselesaan penduduk di kawasan berkenaan. Terima kasih.

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan tambahan saya. Saya sebenarnya dah bangkitkan perkara ini daripada 2024, setiap Mesyuarat Tindakan Daerah saya akan beritahu bahawa lampu tak nyala dan hingga sekarang pun masih tak menyala dan apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar datang barulah kerja-kerja dimulakan. Dan untuk mengatasi masalah hadapan, mengatakan bahawa ia akan menukar kepada lampu pintar. Makna, apabila lampu tu rosak MBJB akan tahu, tapi apa yang lepas Yang Berhormat, saya setiap kali Mesyuarat Tindakan Daerah akan mengatakan bahawa lampu di Pasir Gudang rosak, tapi tak ada tindakan dan adakah mungkin apabila tiang lampu pintar dipasang, JKR tahu bahawa perkara itu tidak menyala, adakah dia akan *repair*, dia akan betulkan dengan tindakannya segera. Soalnya dulu saya memang yang memantau soal tu, tapi adakah tiang lampu pintar ni memantau soal lampu tersebut, adakah ia akan berjaya mengatasi lampu di Pasir Gudang? Dan lagi satu soalan Yang Berhormat bahawa orang mengatakan bahawa Pasir Gudang ini bermasalah, tak siap jalannya daripada dahulu hingga sekarang dan saya mintalah supaya JKR ini atau pun MBJB atau pun mana-mana pihak bila agaknya lebuhraya Pasir Gudang akan siap sepenuhnya dan tiada masalah dan tiada menjadi isu yang besar, bukan hanya Pasir Gudang tapi seluruh Johor mengatakan lebuhraya Pasir Gudang adalah lebuh raya yang paling tak selamat. Sekian, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Yang Berhormat, kalau ikutkan saya tak benar soalan kedua tu, sebab ia tanya tentang lebuhraya. Soalan asal ialah tentang lampu, tapi tak apalah, sila Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Permas, insya-Allah pelaksanaan ini di bawah pengurusan MBJB, Majlis Bandaraya Johor Bahru yang mana akan digantikan lampu-lampu ini kepada lampu LED pintar. Jika mengikut rancangannya apabila kita sebut lampu pintar tidak perlu pemantauan di tapak Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ada satu.

YB Speaker : Maksudnya dia ada penunggulah..

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Dia menunggu di satu *command centre,* dia boleh nampak lampu tu rosak. Dulu ada satu cadangan supaya sebelum orang mengadu sepatutnya pihak agensi berkenaan dah tahu, sebab secara *online* kita dapat lihat kerosakan tersebut, sekian terima kasih.

YB Speaker : Sekarang ini penunggu pun lari juga?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Yang ni saya, saya minta juga bantuan daripada semua agensi yang terlibat, disebabkan jalan raya atau pun lebuhraya Pasir Gudang (ST17) ini Yang Berhormat Datuk Speaker, yang lalunya setiap harinya 80,000 ke 90,000 kenderaan, tak kan lah, tak ada daripada agensi yang terlibat lalu di situ. Jadi, sepatutnya pemantauan ini selain daripada pihak kosensi yang melaksanakan pemantauan, agensi-agensi kerajaan yang lalu juga mungkin boleh bantu kita dapatkan maklumat. Selain itu, bila disebutkan tadi berkenaan tentang projek yang tak siap, saya tambah sikit Yang Berhormat Datuk Speaker. Sebenarnya kita telah pun dapat, ini merupakan projek fasa 3, ada satu lagi projek untuk melengkapkan jajaran 30 kilometer jalan Pasir Gudang ni, disebut lebuhraya Pasir Gudang Datuk Speaker, tapi tak ada tol. Jadi 30 kilometer ini kita perlukan satu lagi projek Yang Berhormat Permas untuk melengkapkan jajaran. Dan projek itu masih lagi dalam penilaian dan insya-Allah selepas sahaja projek itu, barulah lengkap jajaran 30 kilometer kita *upgrade* daripada empat (4) lorong kepada enam (6) lorong.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya faham dulu masa mula-mula kita ambil alih pemantauan di jalan Pasir Gudang ini, Pasir Gudang merupakan jalan kedua terteruk di Malaysia. Dan alhamdulillah setakat ini dah terkeluar daripada senarai 10 jalan teruk di Malaysia, alhamdulillah. Cuma antara peranan yang kita akan laksanakan ialah pemantauan kenderaan-kenderaan lebih muatan. Pasir Gudang ni selalunya digunakan oleh kenderaan berat sebab kawasan industri dan sebagainya, nanti masa penggulungan saya akan ceritakan tentang perancangan kita untuk pindahkan lori-lori lebih muatan atau pun kargo ini kepada sistem *rail* daripada Pasir Gudang-Kempas yang Insya-Allah dapat mengurangkan impak kerosakan di jalan berkenaan. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Johor Lama.

YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama) : Terima kasih Datuk Speaker. Soalan Johor Lama, nombor 2.

Adakah kerajaan negeri akan menambah baik kemudahan asas seperti pusat sukan komuniti serta dewan orang ramai di kawasan luar bandar sebagai strategi pembangunan seimbang?

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Terima kasih Datuk Speaker. Soalan Pekan Nanas, nombor 3.

Dengan Johor kini mencatat pelaburan tertinggi di negara ini, sejauh mana kerajaan negeri dapat menjamin bahawa peningkatan pesat tersebut turut disusuli dengan penaiktarafan fasiliti awam seperti jalan kampung, sistem perparitan dan lampu jalan di kawasan luar bandar?

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Johor Lama dan Pekan Nanas atas soalan ini dan saya mohon untuk menjawab bersekali.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sejajar dengan aspirasi kerajaan negeri untuk mendukung slogan Maju Johor, pembangunan kawasan luar bandar sentiasa diberikan perhatian agar komuniti desa tidak ketinggalan dalam arus kemajuan negeri. Kerajaan negeri komited memastikan kemudahan asas yang terdapat di kampung-kampung terus diperkasa demi meningkatkan kualiti hidup rakyat serta memastikan pembangunan berlaku secara seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar. Dalam memperkasa infrastruktur asas desa, tiga (3) komponen fizikal utama di bawah kerajaan negeri dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah atau KKW adalah Jalan Perhubungan Desa, Projek Ameniti Sosial dan Lampu Jalan Kampung. Bagi tempoh 2023 hingga 2025, Johor telah melaksanakan 377 projek JPD dengan jumlah peruntukan RM78.9 juta, diikuti 665 Projek Ameniti Sosial bernilai RM46.31 juta serta pemasangan 2,657 unit lampu jalan kampung yang melibatkan peruntukan RM7.46 juta. Jumlah keseluruhan ini membuktikan komitmen besar kerajaan persekutuan dan memastikan kampung-kampung di Johor menerima kemudahan asas yang lebih selamat, moden dan menyokong kehidupan harian masyarakat luar bandar.

Bagi skop Jalan Perhubungan Desa, prestasi perlaksanaan menunjukkan perkembangan konsisten sepanjang 3 tahun. Skop kerjanya merangkumi pembinaan baharu, pelebaran serta penaiktarafan jalan kampung mengikut kriteria teknikal yang ditetapkan. Pada tahun 2023, sebanyak 111 projek dilaksanakan dengan peruntukan RM8.3 juta. Pada tahun 2024, sejumlah 102 projek disiapkan melibatkan peruntukan RM10.53 juta seterusnya pada tahun 2025, sebanyak 164 projek JPD dilaksanakan dengan jumlah peruntukan RM59.27 juta. Secara keseluruhan *trend* ini mencerminkan penekanan berterusan terhadap penyelenggaraan dan peningkatan akses jalan desa mengikut keperluan setempat. Bagi Projek Ameniti Sosial yang merangkumi kerja-kerja pembaikan dan kerja kecil membabitkan kemudahan asas seperti dewan, balai raya, fasiliti komuniti luar bandar, sebanyak 47 projek telah dilaksanakan pada tahun 2023 dengan jumlah kos RM11.35 juta. Perlaksanaannya meningkat dengan ketara pada tahun 2024 melibatkan 305 projek dengan peruntukan RM17.79 juta. Manakala pada tahun 2025, sebanyak 313 projek bernilai RM17.17 juta telah disempurnakan. Mencerminkan kesinambungan usaha dalam menyediakan kemudahan sosial yang menyokong keselesaan dan kesejahteraan masyarakat luar bandar. Bagi komponen lampu jalan kampung atau LJK, perlaksanaan menyeluruh direkodkan pada tahun 2023 dengan pemasangan 2,657 unit lampu jalan melibatkan peruntukan RM7.46 juta. Penyediaan lampu jalan ini memberi impak besar terhadap keselamatan, kesejahteraan serta kualiti hidup penduduk khususnya dalam kawasan berisiko dan laluan utama kampung.

Secara keseluruhannya Datuk Speaker, pencapaian ketiga-tiga komponen ini jelas memperlihatkan kesungguhan kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan dalam memastikan pembangunan luar bandar terus diperkukuh dari tahun ke tahun. Usaha bersepadu ini juga bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup penduduk desa, malah memastikan bahawa pembangunan negeri berlaku secara inklusif, seimbang dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Kerajaan negeri akan terus memperkasa agenda ini supaya kawasan luar bandar kekal maju, berdaya saing dan sejahtera selaras dengan aspirasi Maju Johor. Sekian.

YB Speaker : Sila, Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Dato' EXCO atas pencerahan jawapan tadi. Soalan tambahan Pekan Nanas mohon, memandangkan Pekan Nanas dan Pontian termasuk dalam JS-SEZ yang dijangka menerima pertambahan penduduk dan aktiviti ekonomi. Adakah kerajaan negeri telah menetapkan jadual atau peruntukan khusus bagi menaik taraf jalan-jalan kritikal serta melaksanakan projek jalan pintas Pekan Nanas ke Ulu Choh selain menambah baik sistem perparitan di kawasan rendah dan sering banjir dan menyediakan lampu jalan di laluan gelap yang menjadi aduan utama penduduk. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan daripada Pekan Nanas disebutkan khusus tentang projek jalan pintas Pekan Nanas dan Ulu Choh. Yang Berhormat Datuk Speaker saya tidak dapat menjawab soalan ini pada hari ini. Walau bagaimanapun saya nak nyatakan kepada Yang Berhormat Pekan Nanas dan Ahli Dewan bahawa projek-projek pembangunan di kawasan yang dimaksudkan atau lain-lain boleh dibawa dalam Mesyuarat Tindakan DUN untuk dibincangkan dan diketengahkan melalui Pejabat Daerah. Walau bagaimanapun saya nak maklumkan bahawa untuk rekod dalam kawasan Pontian, jalan perhubungan desa sepanjang 2023 telah diturunkan peruntukan sebanyak RM220,000.00 tapi saya tak dapat nak pastikan secara khusus. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ingin mengalu-alukan kehadiran 10 orang pemerhati Puteri daripada DUN Kawasan Rengit. (Dewan bertepuk). Puteri DUN Rengit, ya. Saya jemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla Bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Senggarang nombor 4. Terima kasih.

Apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan secara langsung oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) supaya mereka sama-sama memainkan peranan penting dalam usaha menangani isu penderaan kanak-kanak?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Senggarang. Soalan yang diajukan kepada saya adalah apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan secara langsung oleh Badan Bukan Kerajaan supaya mereka sama-sama memainkan peranan penting dalam usaha menangani isu penderaan kanak-kanak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor amat memandang serius isu kanak-kanak dan menyedari bahawa usaha untuk menanganinya memerlukan penglibatan menyeluruh daripada pelbagai pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan. Bagi menggalakkan penglibatan secara langsung NGO dalam menangani isu ini, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya mengadakan program pemerkasaan kanak-kanak iaitu satu program latihan kepada *Child Support Team* yang menggunakan modul Lindungi Permata Johor sebagai satu latihan untuk memperkasakan komuniti dan masyarakat bagi membantu, melindungi kanak-kanak bermula tahun 2023 sehingga ke hari ini dan telah melatih seramai 657 sukarelawan yang juga telah diminta untuk melapor dan membantu kanak-kanak. Perlaksanaan program latihan ini, di mana badan bukan kerajaan ini dilibatkan sebagai peserta bengkel latihan yang bertujuan meningkatkan kapasiti mereka dalam mengenal pasti tanda-tanda penderaan.

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah memperkasakan peranan *Child Support Team* yang telah dilatih di peringkat daerah dengan mengadakan satu *conference case*, dengan izin, persidangan kes bersama pihak jabatan serta agensi-agensi lain yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia, pihak hospital, kaunselor sekolah dan lain-lain. Sehingga ke

hari ini sebanyak 381 kes meliputi kes kanak-kanak, keluarga miskin, orang kurang upaya dan lain-lain kes sosial yang memerlukan tindakan pelbagai agensi.

Datuk Speaker, seterusnya adalah dengan meningkatkan peranan ahli pasukan pelindung kanak-kanak sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Pusat aktiviti kanak-kanak diwujudkan bagi menjalankan aktiviti yang dirancang mengikut keperluan setempat. Usaha ini dilakukan untuk membantu mencegah kes-kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak, kes ponteng sekolah, rosak akhlak dan lain-lain masalah sosial. Di negeri Johor Datuk Speaker, terdapat 10 pasukan pelindung kanak-kanak dan 10 buah pusat aktiviti kanak-kanak. Menjalinkan kerjasama strategik dengan badan bukan kerajaan yang aktif dalam advokasi kanak-kanak dan pertubuhan tempatan yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk sama-sama melaksanakan program kesedaran dan pencegahan penderaan kanak-kanak di peringkat komuniti. Seterusnya adalah dengan pemberian geran dan bantuan kewangan kepada NGO terpilih yang menjalankan aktiviti kebajikan berfokuskan perlindungan kanak-kanak termasuk latihan keibubapaan positif, kaunseling keluarga serta kempen komuniti bebas penderaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada usahasama yang dijalankan dengan badan bukan kerajaan, kerajaan negeri Johor mempertingkatkan lagi kolaborasi inter agensi dari segi program dan inisiatif serta dengan pengendalian kes kanak-kanak dalam sesi perbincangan kes bagi pengurusan kes kanak-kanak yang melibatkan agensi seperti Polis Diraja Malaysia, hospital, Jabatan Pendidikan, Jabatan Agama Islam, Kedutaan dan badan bukan kerajaan yang berkaitan. Di samping itu kerajaan negeri akan terus menjalankan jerayawara perkhidmatan perlindungan kanak-kanak bersama Mahkamah, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi berkaitan.

Datuk Speaker, kerajaan negeri yakin bahawa penglibatan aktif badan bukan kerajaan ini bukan sahaja dapat memperluas capaian usaha perlindungan kanak-kanak tetapi juga memperkukuh tanggungjawab bersama dalam memastikan kesejahteraan serta keselamatan generasi muda Johor terus terpelihara. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Ya, sila Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan tadi. Kita sedia maklum kerajaan negeri yang kita sayangi ini sentiasa cakna dengan hal ehwal kanak-kanak Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan saya apakah antara usaha-usaha yang akan diambil untuk menggalakkan persekitaran mesra kanak-kanak ini. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam agenda menggalakkan persekitaran mesra kanak-kanak, kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan program-program seperti berikut. Di antaranya adalah memperkasakan tanggungjawab komuniti untuk terlibat secara aktif membina persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak sekaligus memperkasakan komuniti dan masyarakat bagi membantu lindungi kanak-kanak di negeri Johor.

Seterusnya adalah tentang mempertingkatkan peranan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak yang berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak dan meningkatkan standard kualiti penjagaan dan pengasuhan kanak-kanak di pusat-pusat jagaan kanak-kanak dan TASKA di negeri Johor dengan program penarafan bintang kepada pusat jagaan kanak-kanak juga diteruskan setiap tahun dan diperluaskan kepada perkhidmatan TASKA bagi memastikan kualiti perkhidmatan penjagaan kepada kumpulan sasar serta mematuhi segala peruntukan yang terlibat di bawah akta-akta Taman Asuhan Kanak-Kanak, Akta 308. Seterusnya adalah satu *outreach* pendaftaran Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata atau lebih dikenali dengan KAP mensasarkan bahawa

pengasuh dan pemilik TASKA di negeri Johor hendaklah mengambil kursus KAP bagi melengkapi syarat pendaftaran di TASKA-TASKA tersebut.

Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor juga melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim mula menubuhkan TASKA di tempat kerja bagi membantu penjawat awam sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Ketiga bertarikh 29 Januari 1999 serta merujuk kepada Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negeri Johor 1997 hingga 2001 iaitu Wanita dan Keluarga, Wanita dan Pekerjaan. Jauhar *Childcare Center*, YPKDT telah memperluaskan kawasan komuniti yang bekerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor (PKPJ) dalam membantu ibu bapa bekerja menghantar dan mendapatkan khidmat jagaan serta pendidikan awal bagi anak mereka dengan perkhidmatan yang kondusif dan selamat serta berhampiran dengan kediaman mereka.

Datuk Speaker, kerajaan Johor, di negeri Johor ada sebanyak 10 Jauhar *Child Care Centre* iaitu di Pontian, Muar, Kota Iskandar, Batu Pahat, Segamat, Kluang, PPR Melana Indah, PPR Desa Mutiara, Sri Stulang dan RSK Taman Cendana. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Sri Medan.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi memperluas eksport produk koperasi Johor ke pasaran antarabangsa?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan daripada Sri Medan, Yang Berhormat Sri Medan, apakah inisiatif kerajaan negeri Johor bagi memperluaskan eksport produk koperasi Johor ke pasaran antarabangsa?

Jawapannya Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Sri Medan, koperasi di negeri Johor mempunyai potensi yang cukup-cukup baik untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi rentas sempadan. Terutamanya dalam pengeluaran produk makanan dan minuman serta barang kepenggunaan yang mempunyai permintaan yang tinggi daripada pengguna-pengguna di Singapura khususnya pada musim-musim perayaan. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) negeri Johor telah melaksanakan inisiatif bagi memperkukuhkan peranan koperasi di negeri Johor untuk merentas sempadan berdasarkan program-program yang dianjurkan oleh kerajaan serta berdasarkan kepada produk keluaran milik koperasi itu sendiri sebagaimana dalam program-program yang saya akan sebutkan iaitu dari segi program *Room Big Product* koperasi. Peruntukan sebanyak RM50,000.00 oleh kerajaan negeri Johor kepada koperasi yang terlibat yang bertujuan untuk membantu serta memberi nilai tambah kepada produk keluaran koperasi dalam konteks pensijilan halal sebagai memenuhi piawaian standard untuk pasaran global khususnya di pasaran negara Singapura.

Terdapat juga permintaan yang tinggi bagi produk industri kecil dan sederhana atau pun IKS dan melalui program ini juga ia dapat memberi galakan kepada koperasi-koperasi untuk mengadaptasikan platform digital bagi memperkenalkan dan juga mempromosikan produk mereka. Usahasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga dilakukan bagi memastikan pengeluaran sijil pengesahan halal dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Yang keduanya, penubuhan *Johor Economic Tourism and Culture Office Singapore* dengan izin, JetCo telah ditubuhkan oleh kerajaan negeri Johor yang bertanggungjawab dalam membantu mempromosikan produk-produk usahawan pelancongan yang berpotensi untuk

dieksport ke Singapura. Selain itu juga, kita tahu JetCo juga berperanan sebagai penghubung kepada pelaburan import dan eksport serta konsultasi ekonomi dalam konteks pemasaran produk.

Yang ketiga, adalah berkaitan bagaimana koperasi-koperasi boleh menceburi dalam di zon khas ekonomi Johor-*Singapura Economic Zone.* Terdapat sembilan (9) sektor ekonomi yang ditawarkan oleh JS-SEZ yang memberi ruang dan peluang serta penglibatan kepada koperasi di negeri Johor. Sektor ekonomi ini merangkumi kepada sektor tenaga, petrokimia, makanan, pemerosesan, pengangkutan, pelancongan, kesihatan, kewangan dan juga perkhidmatan perniagaan kreatif dan juga pendidikan.

Saya juga mengambil kesempatan dalam sesi soal jawab lisan dalam Dewan yang mulia ini untuk berkongsi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat empat (4) produk koperasi yang berpotensi dan ada yang sudah pun memulakan langkah memperluaskan rangkaian mereka produk-produk mereka ke pasaran luar. Contohnya, cuka madu epal. Produk ini dikeluarkan oleh Koperasi Keluarga Haji Rahmat Pontian Berhad. Yang menggabungkan penggunaan madu dan juga cuka epal bagi tujuan kesihatan. Produk ini dihasilkan secara *original equipment manufacture* atau pun OEM sebagai makanan tambahan dan telah diberikan inisiatif di bawah program Groom Big Produk Koperasi.

Keduanya sabun pencuci pakaian bernama *Khairos*. Produk dikeluarkan oleh Koperasi Pelabuhan Johor Berhad bagi kategori barang kegunaan harian sabun pencuci pakaian produk ini dihasilkan secara *original equipment manufacture* dan telah diberikan inisiatif di bawah Program Groom Big Produk Koperasi di koperasi kita.

Ketiga arnab perap. Mungkin orang Batu Pahat dah biasa makan arnab perap atau pun Sri Gading, Bukit Gambir. Produk dikeluarkan oleh Koperasi Komuniti Hibrid Selatan Berhad bagi kategori makanan dan pemerosesan. Koperasi telah diberikan inisiatif kewangan bagi pembinaan rumah sembelih bagi pengeluaran perkakas dan juga bagi produk makanan *western* berasaskan arnab. Mana kala bagi produk SKU iaitu arnab perap yang dihasilkan secara *original equipment manufacture juga iaitu OEM.* Yang terakhir adalah minuman jenama Haos Ek. Produk minuman Haos Ek ini merupakan keluaran oleh usahawan tempatan iaitu Syarikat Haos Industry Sdn. Bhd. Produk ini telah dipasarkan oleh Koperasi Haos Gemilang Berhad dan telah berjaya menembusi pasaran Singapura melalui *distribution centre* yang dimiliki oleh syarikat milik peniaga di Singapura. Pihak syarikat melalui Idin Marketing Group Sdn Bhd sedang mewujudkan sebuah aktiviti perniagaan milik sepenuhnya syarikat di Singapura yang akan memainkan peranan sebagai pengimport dan juga pemasaran di sana nanti. Manakala Koperasi Haos Gemilang Berhad akan berperanan sebagai pengekspot termasuk penyediaan kemudahan logistik bagi produk air minuman ini. Insya-Allah, aktiviti ini dijangka akan bermula beroperasi seawal Disember nanti. Dan untuk makluman Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan juga, dalam satu program iaitu program *SME Go Global*, Program *SME Go Global* ini merupakan satu inisiatif kerajaan Malaysia menerusi SME Corp. Malaysia yang memberi tumpuan kepada pengantarabangsaan TKS tempatan terutama syarikat-syarikat dalam industri pertumbuhan tinggi bagi membantu mereka berkembang ke pasaran global.

Program ini disasarkan kepada syarikat-syarikat di bawah koperasi yang bersedia untuk mengekspot dan juga syarikat-syarikat pengekspot sedia ada yang berpotentsi untuk meneroka pasaran baharu. Inisiatif yang disediakan ini di bawah program ini juga adalah dalam bentuk bantuan kewangan untuk membiayai aktiviti pengantarabangsaan. Selain itu juga, SME Corp. Malaysia juga menyediakan peluang program pasaran produk ke pasar-pasar raya menerusi program pempadanan perniagaan dan melalui Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor di bawah 49 agensi yang menjadi sekretariat Perbadanan Ekonomi Negeri Johor (BPEN), kegiatan koperasi ini semakin rancak melalui syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh koperasi itu sendiri. Itu sahaja jawaban saya Sri Medan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat, boleh tak Yang Berhormat *sponsor* minuman *apple cider* tadi tu kepada semua YB-YB dalam Dewan ini? (Dewan bertepuk).

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Insya-Allah Yang Berhormat. Besok saya akan minta dan *haos ek* sekali untuk rasa, saya akan bawa. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih. Tapi yang arnab perap tu tak payahlah. Itu bagi Sri Medan jer. Sebab saya makan makanan Korea jer.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Itu sangkaan buruk tu. Kalau Sri Medan nak, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak yang pencuci baju tu. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih pada Yang Berhormat EXCO yang telah beri jawapan.

Saya melihat bahawa koperasi-koperasi yang ada dalam negeri Johor ini kebanyakan dia beri tumpuan kepada sektor perladangan. Kalau di negeri Johor aja, kalau ikut data yang saya terima, ada 1,458 koperasi yang berdaftar di Johor. Dan hanya 800 sahaja yang aktif. Jadi di sini kita lihat apa dibentangkan oleh Yang Berhormat EXCO sebentar tadi, soal pelaburan yang dilaksanakan dilakukan oleh koperasi dalam negeri Johor ni, dalam soal usahawan dia hanya menumpukan kepada negara Singapura. Adakah negara-negara lain yang dapat di apa mungkin koperasi-koperasi ini dapat mengembangkan lagi perniagaan mereka di atas bantuan negara Singapura melalui JS-SEZ? Terima kasih Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Terima kasih Yang Berhormat Sri Medan. Yang Berhormat Datuk Speaker, insya-Allah dari segi seperti mana yang saya katakan tadi rentas sempadan ini kita hanya mulakan di Singapura dahulu, dan sebagaimana kita lihat begitu pesatnya. Rancaknya pembangunan yang bakal dibina di JS-SEZ ini, kita akan bawa bersama dan baru-baru ini kalau kita lihat satu program atau pun *Johor Business Summit and Expo* dekat situlah *game changer* yang akan dilakukan bersama-sama koperasi-koperasi dan usahawan-usahawan tempatan untuk mereka mengenali *supply chain* dengan izin, sebelum mereka menghantar produk-produk ke luar negara kita harus mengetahui *supply chain* ini sukup penting dan atas dasar itu juga kita lihat dengan kehadiran di luar jangkaan pihak penganjur dalam masa dua (2) hari melebihi 10,000 usahawan-usahawan untuk mempelajari ya. Kursus-kursus di Persada baru-baru melihatkan pengantarabangsaan itu cukup penting selain daripada platform digital tetapi secara fizikal juga perlu digerakkan bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Sri Medan soalan yang diajukan betul, sebanyak 885 ataupun 60% sahaja daripada jumlah koperasi berdaftar di Johor, bilangan koperasi yang tidak aktif sebanyak 105 dan bilangan koperasi domain sebanyak 468. Koperasi yang tidak aktif ertinya koperasi yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut tetapi masih mengadakan mesyuarat agong tahunan dan akaunnya diaudit dalam tempoh tersebut. Untuk makluman Datuk Speaker, bagi koperasi yang tidak aktif SKM mengambil pendekatan untuk melakukan pemutihan iaitu mana-mana koperasi yang tidak berpotensi untuk dipulihkan akan diambil tindakan pembatalan koperasi.

Secara praktisnya anggota lembaga koperasi LK akan diberi peringatan dan peluang untuk memulihkan koperasi dalam tempoh enam (6) bulan supaya mengadakan mesyuarat agong tahunan dan menyediakan serta akaun menjalankan pengauditan akaun secara koperasi itunya sekiranya gagal berbuat demikian, tindakan pembatalan akan dilaksanakan. Dan insya-Allah dengan pandangan Yang Berhormat Sri Medan mungkin kita akan kembangkan selain daripada Singapura yang dibantu oleh JetCo dengan adanya bantuan-bantuan daripada Majlis Perbangunan Usahawan Negeri Johor, SME, PUJB, SKM cawangan negeri Johor kami melihat banyak potensi-potensi koperasi ini boleh berkembang luas dan insya-Allah dengan adanya kemasukan pelabur-pelabur di negeri Johor, saya mengharapkan EXCO

Pelaburan dan juga gerakan bersama-sama Ahli-Ahli Dewan Undangan untuk membantu koperasi di negeri Johor ini mengenalkan dengan elemen-elemen yang boleh didokong bersama untuk kita gerakkan bawa ke negara-negara pelabur-pelabur itu. Itu sahaja. Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim (Panti) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 7.

Apakah rancangan penggunaan *drone* dan rondaan malam di kawasan konflik hidupan liar untuk pengesahan awal serta SOP amaran komuniti?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Datuk Speaker, Salam maju Johor, salam Bangsa Johor, sihat sejahtera seisi Dewan. Terima kasih. Soalan daripada YB Panti yang menanya mengenai rancangan penggunaan *drone* dan rondaan malam di kawasan kompleks hidupan liar untuk pengesahan awal serta SOP amaran komuniti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu konflik hidupan liar secara berkesan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah melaksanakan beberapa langkah strategik yang melibatkan penggunaan teknologi moden serta pengukuhan rondaan fizikal khususnya di kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi panas atau *hotspot* konflik antara manusia dan hidupan liar.

Pertama, penggunaan *drone* telah diperluaskan sebagai alat pemantauan dan pengesanan awal pergerakan hidupan liar, terutamanya spesis besar seperti gajah dan harimau. Melalui keupayaan rakaman udara serta teknologi *imag*e haba, penggunaan *drone* membolehkan pemantauan dilaksanakan dengan lebih cepat, selamat dan meliputi kawasan yang luas khususnya pada waktu malam. Maklumat yang diperolehi digunakan untuk menilai corak pergerakan hidupan liar serta membantu dalam tindakan segera, pengawalan dan trans lokasi.

Kedua, jabatan turut memperkukuh rondaan malam bersepadu yang dijalankan bersama agensi keselamatan dan komuniti setempat di kawasan berisiko tinggi. Rondaan ini bertujuan bagi mengesan awal kehadiran hidupan liar, melaksanakan langkah penghalauan serta menyalurkan maklumat secara terus kepada pusat operasi PERHILITAN bagi tindakan susulan. Pendekatan ini turut membantu memastikan keselamatan penduduk dan mengurangkan risiko kerosakan tanaman atau harta benda.

Ketiga, bagi memperkukuh penglibatan masyarakat dalam usaha pemuliharaan hidupan liar serta menangani isu konflik manusia hidupan liar, Jabatan Perhilitan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah membangunkan modul Komuniti Perlindungan Hidupan Liar (KPHL). Modul ini bertujuan untuk memberi panduan serta latihan kepada komuniti setempat bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tindakan awal pengesanan dan pengawalan konflik hidupan liar. Untuk makluman Datuk Speaker dan sesi Dewan dan untuk penubuhan KPHL ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor dan sebagai daerah utama yang kita lancarkan adalah daerah Kluang, ada 21 pasukan yang telah ditubuhkan. Antara komponen utama modul ini ialah latihan pengenalan spesis hidupan liar utama, tatacara keselamatan ketika berhadapan dengan hidupan haiwan liar, penggunaan alat penghalau yang dibenarkan serta protokol pelaporan dan amaran awal kepada Jabatan PERHILITAN.

Melalui modul ini juga komuniti dilatih dan disusun dalam bentuk kumpulan mengikut kawasan tertentu yang berperanan sebagai pasukan sokongan di lapangan untuk membantu rondaan komuniti. Menyampaikan maklumat segera dan melaksanakan tindakan penghalauan awal mengikut *prosedur operasi standard* (SOP) jabatan. Pelaksanan modul ini dijangka menunjukkan impak positif dalam meningkatkan kesiapjagaan dan kesedaran komuniti di

kawasan berisiko tinggi konflik hidupan liar khususnya di Johor. Usaha ini selaras dengan pendekatan pengurusan bersama *core management* antara agensi kerajaan dan masyarakat bagi memastikan keseimbangan antara keselamatan manusia dan kelestarian biodiversiti negara. Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, jabatan yakin keupayaan pegesanan awal amaran komuniti serta tindakan balas terhadap konflik hidupan liar dapat dipertingkatkan secara menyeluruh selaras dengan matlamat kerajaan untuk memperkukuh pengurusan konflik manusia hidupan liar secara mampan dan berkesan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya sila.

YB Tuan Hashasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang diberikan. Seperkara lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, tentang pemantauan dan pengesanan dalam isu konflik manusia haiwan ini. Antara isunya, khususnya di Kota Tinggi di daerah Kota Tinggi satu daerah yang luas macam di tempat saya ada konflik manusia gajah, baru-baru ni kita ada kesan aduan orang kampung tentang kehadiran harimau dan anak-anaknya itu. Antara perkara yang menjadi apa isu adalah tentang kekurangan kakitangan PERHILITAN itu sendiri untuk membuat pemantauan dan untuk maklum balas atau tindakan atas aduan-aduan. Soalan saya adakah kerajaan negeri bersedia untuk menambah pekerja yang berkaitan di bawah kerajaan negeri sendiri?. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatan Kesihatan dan Alam Sekitar : Ok, terima kasih soalan daripada Panti. Buat masa kini kerajaan belum ada perancangan untuk kita adakan *staff* daripada kerajaan negeri, tetapi kerajaan negeri mengambil apa ni pendekatan proaktif untuk bekerjasama dengan pihak kementerian sendiri, untuk Johor ni kalau berlaku apa-apa kes konflik di antara manusia dengan hidupan liar, kita akan mohon bantuan daripada pihak kementerian. Saya ambil contoh, negeri Johor telah mengadakan operasi bersepadu untuk *trans* lokasi gajah. Dalam tahun ni, dah jumlah 21 ekor telah di *trans* lokasikan dan ini adalah jumlah yang terbesar dalam sejarah PERHILITAN Negeri Johor dan kita dibantu dengan pasukan-pasukan gajah daripada negeri-negeri lain. Mudah-mudahan yang operasi bersepadu ini akan diteruskan, jika perlu tahun ni kita fokus di daerah Kluang. Mudah-mudahan tahun hadapan kita akan mulakan operasi bersepadu ini di daerah Kota Tinggi. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 8. Adakah kerajaan negeri bercadang menubuhkan Tabung Pendidikan Bangsa Johor untuk membantu pelajar cemerlang menyambung pengajian ke universiti terkemuka di dunia?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Pulai Sebatang.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Pulai Sebatang soalan nombor 9. Apakah langkah atau tindakan kerajaan Johor untuk membantu anak Johor membiayai yuran pelajaran di peringkat tertinggi memandangkan semakin sukar untuk mereka mendapat bantuan seperti PTPTN, *Bursary* dan biasiswa?

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sungai Balang, juga Yang Berhormat Pulai Sebatang di atas soalan yang diberikan. Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor terus memainkan peranan utama dalam membantu anak

Johor melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi tanpa dibebani masalah kewangan. Bagi tujuan tersebut Kerajaan Negeri Johor telah menubuhkan Tabung Kebajikan dan Pelajaran yang dikelolakan oleh Yayasan Pelajaran Johor. Tabung ini telah diluluskan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan dan Seksyen 44(6) ACP 1967 yang telah diluluskan oleh LHDN yang membawa maksud semua sumbangan yang diberikan kepada tabung ini, penyumbang layak diberikan penolakan cukai atas sumbangan tersebut. Pengecualian cukai terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun ini Kerajaan Negeri Johor telah berjaya menerima sumbangan bagi Tabung Pendidkan Johor ini sebanyak RM33.266 juta dengan sumbangan inilah Kerajaan Negeri Johor dapat melaksanakan berbagai inisiatif pendidikan dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat IPT. Dengan hasil sumbangan tabung pendidikan ini Kerajaan Negeri Johor telah menyediakan pelbagai bantuan pendidikan kepada pelajar dan mahasiswa. Antaranya, pinjaman pelajaran kepada pelajar anak Johor yang mengikuti pengajian di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda di institut pendidikan awam serta institusi pendidikan tinggi swasta terpilih di seluruh negara.

Pada tahun 2025 sahaja Kerajaan Negeri Johor melalui YPJ telah memperuntukkan sebanyak RM18.3 juta bagi pelaksanaan skim pinjamam pelajaran ini. Melalui peruntukan ini seramai 2,500 orang pelajar anak Johor daripada pelbagai tahap pengajian telah menerima manafaat pembiayaan ini. Untuk makluman Ahli Dewan yang Mulia ini, salah satu keunikan skim pinjaman pelajaran YPJ ini adalah pinjaman ini menawarkan pinjaman pelajaran tanpa caj faedah, *zero percent,* bermakna jika anda pinjam RM10,000.00, bayar pun RM10,000.00. Cuma jangan tak bayar sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker.

Skim pinjaman YPJ juga menawarkan pinjaman boleh ubah kepada biasiswa penuh tanpa membayar semula kepada graduan yang telah mencapai Ijazah kelas pertama, dahlah tak ada *stand percent,* dah pinjam dapat kelas pertama pun tak payah bayar, dijadikan biasiswa untuk anak-anak pelajar Johor. Jadi, inisiatif ini bagi memberi peluang kepada anak Johor menyambung pengajian tidak akan terjejas, walaupun akses terhadap sumber pembiayaan sedia ada seperti PTPTN, bursary, MARA dan biasiswa semakin terhad.

Dalam memastikan anak Johor sentiasa mendapat tempat pendidikan tinggi di luar negara dan bersaing di peringkat global, Kerajaan Negeri Johor telah menubuhkan Biasiswa Orang Muda Johor iaitu BOMJ iaitu satu program biasiswa berprestij tinggi khusus bagi pelajar Johor yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di sepuluh universiti terbaik dunia. Skim ini ditubuhkan pada tahun 2023 dengan sumber pembiayaan daripada Tabung Pendidikan dan Pelajaran Johor. Sehingga kini, seramai 13 orang pelajar anak Johor sedang ditaja di bawah skim ini. Daripada jumlah tersebut, 3 orang pelajar telah berjaya melanjutkan pengajian di luar negara, seorang di Columbia Universiti Amerika Syarikat dan 2 orang United Kingdom, masing-masing 2 orang di Imperial Kolej London di United Kingdom. Manakala, baki 10 orang pelajar kini sedang berada di peringkat persediaan A-Level di mana 6 orang dijadualkan menyambung pelajaran ke luar negara pada tahun 2026, manakala 4 orang lagi merupakan pelajar tahun pertama A-Level di Kolej SMU UEM.

Inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan peluang anak Johor untuk menyambung pengajian tidak terjejas walaupun akses terhadap sumber pembiayaan sedia ada seperti PTPTN, bursary dan biasiswa semakin terhad. Ia juga membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan tiada anak Johor tercicir daripada pendidikan tinggi serta sejajar dengan hasrat untuk melahirkan modal insan berkualiti dan berdaya saing demi kemajuan negeri Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Ya, Sungai Balang.

YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB EXCO di atas penerangan. Seperkara lagi Sungai Balang ingin

bertanya, apakah pihak YPJ dan YB EXCO sedar tentang keciciran yang berlaku kepada pelajar-pelajar dalam Program EMAC yang mana setiap pelajar di universiti tempatan akan mendapat sumbangan *one-off* RM200.00. Jadi, secara kebetulan semua ADUN adalah terlibat sebagai bapa angkat dan kami Sungai Balang adalah merupakan salah seorang yang menjaga universiti yang telah diamanahkan oleh pihak YPJ. Namun, malangnya universiti yang saya jaga itu universiti swasta dan termasuklah Johor Lama yang mana kami selalu bicara yang dimaklumkan bahawasanya universiti swasta ini tidak dapat bantuan EMAC ini. Jadi kami mengharap ya, kami Sungai Balang dan Johor Lama sangat berharap supaya tidak dianaktirikan untuk sama-sama menikmati bantuan EMAC ini. Sekian, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, kita faham universiti yang dijaga oleh Sungai Balang dan Johor Lama memang saya letakan Sungai Balang, Johor Lama jaga universiti swasta, sebab dia sama-sama bergerak berdua ke universiti itu. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker untuk pada tahun ini jawatankuasa telah menetapkan bantuan EMAC ini hanya diberikan kepada institusi pendidikan tinggi awam. Namun, bagaimanapun kami akan pertimbangkan untuk bantuan 2026 akan melibat juga beberapa universiti swasta, ini kerana saya kena percaya ramai juga anak Johor berada dalam universiti swasta ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Penawar.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 10. Apakah status pelebaran lebuh raya PLUS? Apakah status terkini projek menaik taraf lebuh raya SDE?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Penawar. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat pelaksanaan Projek Lorong Tambahan Lebuh Raya Utara Selatan sehingga kini dibahagikan kepada 3 fasa. Keseluruhan panjang lebuh raya kita Yang Berhormat Datuk Speaker 174 kilometer daripada Tangkak sampailah ke Pandan. Dan alhamdulillah sehingga kini, kita telah pun dapat peruntukan daripada kerajaan persekutuan untuk 3 fasa. Fasa pertama Senai Utara ke Sedenak, fasa 2 Sedenak ke Simpang Renggam dan fasa 3 Simpang Renggam ke Machap. Pelaksanaan fasa 1 dibahagikan kepada 2 pakej iaitu Pakej A, Kulai – Sedenak dengan kos RM249.74 juta telah pun bermula pada 28 Jun 2024 dan dijangka siap pada 27 Jun 2027 dengan peratusan kemajuan setakat Oktober 2025 adalah 34.49%.

Dari segi progres ada kelewatan sebanyak 1.4%. Ini disebabkan oleh kerja-kerja *side clearing* dan kerja-kerja tanah dan melibatkan utara dan juga selatan. Namun begitu, kontraktor telah pun diminta untuk menambah jentera dan pekerja untuk kerja-kerja tersebut dan sedang giat dijalankan sebelum masuk musim hujan yang dijangka pada hujung tahun. Dan, insya-Allah dengan prestasi sedia ada kita akan dapat balik positif untuk laluan projek ini menjelang akhir November nanti. Manakala Pakej B, Senai Utara ke Kulai dengan jarak lebih kurang 14.7 kilometer, dua hala, kos ini bernilai RM160.12 juta dan telah pun bermula pada 23 Jun 2025 dan dijangka siap 22 Disember 2027 dan setakat ini kemajuan sebab baru bermula Yang Berhormat Datuk Speaker, sekitar 0.5%.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi pelaksanaan fasa 2 Sedenak ke Simpang Renggam dengan panjang 17 kilometer atau 33.2 kilometer kalau kita mengambil dua hala, kos projek bernilai RM365.2 juta telah pun bermula pada 28 Julai 2025 dan dijangka siap pada 27 Julai 2028. Dan sehingga kini, pencapaian perlaksanaan untuk fasa 2 ini ialah sekitar 0.06%. Manakala bagi Fasa 3, perlaksanaan projek ini akan dimulakan dengan Bengkel Pengurusan Nilai (*Value Assesment*), dengan izin yang dijadualkan diadakan pada 25 hingga 28 November 2025. Bengkel ini bertujuan untuk memastikan skop kerja teknikal dan untuk

memuktamadkan kos projek. Kerja fizikal dijangka dimulakan pada suku tahun keempat 2026 dengan tempoh pembinaan selama 3 tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi projek naiktaraf Lebuhraya Senai-Desaru *Expressway*, (*SDE*), jambatan Sungai Johor ke Sungai Semenchu sepanjang 9.34 kilometer dengan kos RM128.5 juta telah dimulakan pada November 2024 dan dijadualkan siap pada April 2027. Sehingga akhir Oktober 2025, peratusan kemajuan pembinaan adalah sekitar 37.98%.

Di kesempatan ini saya menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan kerana telah meluluskan satu lagi fasa bagi naik taraf lebuhraya Senai-Desaru Fasa 2A dari Cahaya Baru ke Sungai Johor untuk *Johor-Singapore Special Economic Zone*, dengan izin sepanjang 4.7 kilometer dengan anggaran kos RM117 juta. Terima kasih.

YB Speaker : RM117 ke RM17 juta.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: RM117, dia silap dekat.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan Kota Iskandar nombor 11.

Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap isu kekurangan sekolah agama di kawasan Gelang Patah dan Kota Iskandar umumnya sedangkan populasi penduduk Islam semakin meningkat. Adakah cadangan pembinaan bangunan sekolah agama baharu contoh di Taman Nusa Perintis, Gelang Patah?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Assalamualaikum warahmatullah. Salam Maju Johor. Terima kasih Datuk Speaker, soalan saya dari YB Kota Iskandar bertanya tentang keprihatinan beliau, kekurangan sekolah agama di kawasan Gelang Patah dan Kota Iskandar sebab populasi di kawasan ini Yang Berhormat Datuk Speaker memang pesat dan padat. Jadi, soalanya adakah cadangan pembinaan bangunan baru terutamanya bangunan sekolah agama baru terutamanya di Taman Nusa Perintis, Gelang Patah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan Johor melalui Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor sememangnya peka dan ambil maklum berkenaan pertambahan murid dan kekurangan sekolah agama terutamanya di kawasan zon Iskandar Puteri, di kawasan Gelang Patah dan Kota Iskandar. Sekolah Agama Taman Nusa Perintis seperti yang dinyatakan itu adalah sekolah agama yang dikategorikan sebagai sekolah agama gred C Datuk Speaker. Gred C ini sekolah agama paling kecillah sebenarnya. Tapi kalau ikut data Datuk Speaker kita tunjukkan sekejap lagi, memang kawasan ini orangnya ramai sebab saya yakin pembangunannya pesat.

Menyedari peningkatan komuniti setempat bertambah dan kadar kemasukan murid sekolah agama juga semakin meningkat, Badan Kebajikan Sekolah Agama Taman Nusa Perintis Datuk Speaker dah tulis dah kepada kita, agar pembinaan sebuah bangunan sekolah agama baru dipertimbangkan. Berdasarkan semakan semasa serta penelitian unjuran murid dari 2024 sampai 2028 Datuk Speaker, memang Jabatan Agama Islam mengakui murid dekat sekolah agama ni memang akan makin ramai. Ha, tengok tu 2024, 847; tahun depan Datuk Speaker, kita unjurkan 962 dan 2028 YB Kota Iskandar kita jangkakan seramai 1,027 orang.

Datuk Speaker sebagai EXCO Agama saya suka bila para pelajar makin ramai. Maksudnya, pertama orang Johor ni subur Datuk Speaker. Memang Nabi Muhammad SAW dia gembira umatnya ramai. Ha, ini kena terima kasih kat ibu bapa yang di Johor. Keduanya, bila dia

melahirkan ramai anak Datuk Speaker, dia hantar ke sekolah agama kita, lagilah saya bangga. Kerajaan Johor bangga sebab Sekolah Agama Johor ini terus mendapat sambutan tapi bila mana kapasitinya tak cukup, ha ini kebimbangan kita dan itu tanggungjawab saya mewakili kerajaan Johor.

Buat masa ini Datuk Speaker, 21 buah sekolah agama telah disenaraikan bagi tujuan permohonan pembinaan baharu dan bangunan tambahan. Nak bagi tahu memang ada penyusunan cuma *list*nya panjang. Namun demikian, setelah penelitian dibuat berdasarkan keutamaan, kesediaan tapak serta kemampuan kewangan semasa kerajaan negeri sedang memberi keutamaan kepada perlaksanaan projek 3 buah sekolah agama baharu untuk tahun depan Datuk Speaker. Sekolah Agama UTM Skudai, Sekolah Agama Al Mizan Kempas dan Sekolah Agama Datin Halimah Skudai, ini tahun depan ni, ni 3 buah sekolah, sekolah baru ni. Tapak baru, sekolah baru.

Selain itu, untuk projek kali ini Datuk Speaker, kita panggil dia Fasa 6A, 2 buah sekolah agama yang lain dapat penambahan bangunan. Ini dekat mana? Sekolah Agama Taman Sri Saujana, Kota Tinggi dan Sekolah Agama Taman Pulai Indah, Kulai. Keseluruhan projek ini Datuk Speaker, Fasa 6A ini anggarannya RM52 juta. Siapa yang bayar? 50% kerajaan Johor, 50% Majlis Agama Islam Negeri Johor. Datuk Speaker, nak terima kasih kat Majlis Agama Islam Negeri Johor. Sebelum ni MAIJ cuma sumbang 30% tapi berkat kerjasama kita pemahaman, tanggungjawab, MAIJ kita naikkan kepada 30% kepada 50% sama dengan kerajaan Johor. Tapi untuk Fasa 6A ini, YB Kota Iskandar, kita dapat buat di 3 buah sekolah yang baru dan 2 buah sekolah bangunan tambahan. Jadi nak bagi tahu, ini perancangannya dah ada cuma tak dapat penuhi semua. Projek pembinaan dijangka bermula 2026 dan siap 2028.

Datuk Speaker, bagi makluman Dewan yang mulia, saya bentangkan biar semua maklum kerajaan Johor ini dia buat kerja tersusun. Rupa-rupanya Datuk Speaker, ada 21 buah permohonan sekolah sedia ada ataupun bangunan baru yang tengah dalam pertimbangan kerajaan kita senaraikan. Datuk Speaker, YB, Yang Berhormat tengok kawasan masing-masing tu ada yang dapat. Datuk Speaker, orang Semerah pun mohon juga tapi senarai nombor 12, Datuk Jun, Sri Medan. Tempat EXCO letaknya nombor 12, tak boleh kecil hati Datuk Speaker sebab ini turutannya. Jadi, Tok Pandak itulah pembahagiannya. Tak ada keistimewaan pun EXCO Agama, dia pun dapat nombor 12. Saya pun tak dapat tahun depan. Jadi, nak bagi tahu YB Pengimbang dan kerajaan inilah cabaran kita bersama. Mudah-mudahan semua keperluan yang ada dalam *monitor* masing-masing tu menunjukkan, kita dah maklum dah keperluan cuma nak diteraturkan tu memang ambil masa sikit ikut giliran.

Berhubung dengan Sekolah Agama Nusa Perintis, untuk makluman Yang Berhormat sekalian, sekolah agama tersebut pada awalnya tak dimasukkan dalam permohonan terdahulu, YB Tok Pandak, Kota Iskandar kerana waktu tu status tanah wakafnya belum selesai. Jadi, sekarang ni bila dah siap, cadangan pembangunannya akan dipertimbangkan bagi maksud pembangunan fasa akan datang. Tapi YB Kota Iskandar kalau masuk akan datang tu dia akan jadi nombor 22 lah tu, tak dapat jadi nombor 4 sebab yang ada pun dah 21 dah. Tapi, kita maklum tentang unjuran kepadatan penduduk dan kita usahakan sebaik-baiknya, mudah-mudahan limpahan negeri Johor makin kaya, zakat makin tinggi, senarai-senarai ini akan dapat dipercepatkan pembinaannya.

Selain itu, ada juga cadangan untuk membina bangunan sekolah agama di kawasan Sekolah Kebangsaan Nusa Perintis. Untuk ini YB Kota Iskandar, saya minta maaf tak dapat dilaksanakan memandangkan tapak itu merupakan milik Kementerian Pendidikan Malaysia dan tidak boleh dibangunkan bagi kegunaan sekolah agama negeri. Tapi, kiranya YB Tok Pandak kita dah dapat tanah wakaf ni selesai tanahnya. Tak perlu numpang kat orang, cuma gilirannya tu, saya nak bagi tahu agak panjang sedikit.

Berikut disertakan data perbandingan sekolah agama yang mempunyai bangunan sendiri dan sekolah agama yang beroperasi secara gunasama dengan sekolah kebangsaan bagi memberi gambaran menyeluruh tentang keperluan semasa Sekolah Agama Negeri Johor. Datuk Speaker tu senarainya. Saya tunjukkan kepada semua, biar orang nampak kita ni bekerja ke tidak. Data pun kita cukup. Sekolah yang menumpang pun ada Datuk Speaker. Saya tak malu nak katakan, kita masih menggunakan kerjasama dengan sekolah kebangsaan. Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, terima kasih kepada YB Aznan, EXCO kita kerana memudahkan urusan kita. Tapi nak bagi tahu, kita memang perlukan sekolah bangunan sendiri itu.

Datuk Speaker saya sebut kepada semua, macam mana kita kumpul data ini. Datuk Speaker sebelum ini rupa-rupanya Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor ada pegawai kat belakang, rupanya Yang Berhormat selama ini Johor belum ada Pelan Kemajuan Pendidikan Agama Islam Negeri Johor. Waktu Barisan mentadbir, waktu Pakatan Harapan memerintah rupanya seorang pun tak fikirkan bahawa tak ada pelan pun tentang pendidikan agama Islam. Tetapi berkat kita bersama, Penggal ini Datuk Speaker, *portfolio* saya dah arahkan Pelan Kemajuan Pendidikan Agama Islam Negeri Johor, itu yang kita dapat data ni semua ni. Barulah harapan YB Kota Iskandar dapat kita laksanakan. Sebab sebelum ini tak ada mata yang tengok betul-betul keperluan sebenar sekolah agama kita.

Kalau tanya saya Datuk Speaker berapa banyak sekolah agama patut dibina, sebanyak mana sekolah kebangsaan, sebanyak itulah saya nak Sekolah Agama Negeri Johor ditubuhkan. Itu, semangat kita. Ha, itu baru rakyat semuanya merasa tuan-tuan. Kalau tak rasa juga tak tahulah. Itu kesungguhan kerajaan, itu bukti kita buat kerja. Senang cerita sekolah agama banyak mana, sebanyak mana sekolah kebangsaan banyak itulah saya nak sekolah agama bagi kerajaan Johor. Tapi nak buat serta merta semua, ya tak mampu Datuk Speaker. Tapi, mulakan dengan perancangan, tapi kalau rancang pun tak reti memang takkan berjaya. Tapi kerajaan Maju Johor kita mulakan perancangan, walau pun kerajaan-kerajaan sebelum ini dah diberikan peluang tapi mungkin, saya bagi tahu bahasa yang lembut, mungkin tak sempat, sibuk masing-masing. Ini, kita sibuk dengan rakyat pun kita buat, sibuk dengan kemajuan pun kita utama.

Datuk Speaker, itu yang saya dah sebutkan memang kena buat betul-betul. Dan, kewangannya mesti kena kuat. Sebab itu MAIJ tak nak tinggalkan kerajaan johor sendiri-sendiri. *Portion* Sekolah Agama Kerajaan Johor MAIJ keluarkan 50%. Datuk Speaker, untuk 2026 sampai 2025 itulah Pelan Kemajuan Pendidikan Islam yang sedang kita bangunkan dan mudah-mudahan perkara ini dapat memenuhi keperluan persekolahan anak-anak kita termasuk kebajikannya. Wallahualam. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat anak berapa orang?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Saya Allah bagi rezeki 4 je Datuk.

YB Speaker : Ha, itu baru isteri pertama kan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Nampaknya begitulah (Ketawa).

YB Speaker : Tahniah. Ada soalan tambahan, sila ya.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat YB EXCO di atas penjelasan jawapan yang tepat yang boleh memuaskan hati kita yang mendengarnya. Persoalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, memanglah Nusa Perintis tadi itu sekolah usahasama, 22 tahun. 2023 hingga 2025. Dengan pertambahan projek pembangunan begitu pesat di Kota Iskandar khasnya dalam kawasan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, akan datang lebih banyak lagi perumahan

yang akan wujud contoh di Mukim Tanjung Kupang, RMMJ; di Pulai Mutiara, Mutiara 1, Datuk Dipertua hampir 5,000 unit sedang didiami dan akan didirikan.

Isu saya seperti yang dinyatakan oleh YB EXCO tadi, mengikut, kita mengikut *priority*, kalau akan datang saya mohon sekolah agama baru, mungkin nombor 25. Tetapi mengikut *priority,* kalau 5,000 unit ini akan didiami khasnya di Pulai Mutiara, dulu saya bangkitkan di Pulai Indah. Pulai Indah, Alhamdulillah terima kasih YB EXCO bagi 2 unit kabin untuk menampung sekolah di luar, di kawasan surau yang saya bangkitkan semalam. Isu saya ini, bagaimana kita Yang Berhormat Datuk EXCO, akan datang *priority* ini akan bertambah. Isu ini akan bertambah. Apakah perancangan Jabatan Agama Islam berkolaborasi dengan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri mengenalpasti rizab-rizab mengikut nisbah penduduk yang ada dalam Kota Iskandar. Itu je Tuan Pengerusi, eh Tuan Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih YB Kota Iskandar. Datuk Speaker, itu melambangkan kesungguhan YB kawasan untuk melihat keselesaan para pelajar dan Pendidikan Islam terus dijaga dengan baik. YB Kota Iskandar saya ambil maklum keperluan itu dan sudah pasti Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pendidikan Islam akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan kemajuan tanah dan kawasan-kawasan baru, mengambilkira zon-zon bagi penempatan dan pembinaan sekolah-sekolah kebangsaan temasuk sekolah-sekolah agama. Jadi, saya gembira atas kesungguhan ini dan saya percaya usaha ini akan kita libatkan semua pihak Datuk Speaker, bagi mengutamakan kepadatan kawasan yang lebih signifikan dan YB Kota Iskandar jangan risau, data yang saya sebutkan tadi, pertama biar semua nampak. Macam saya kata, Semerah pun dapat nombor 12. Tapi bila mana kepadatan penduduk kawasan tertentu mungkin meningkat lebih tinggi dan perlu, saya kira inilah kewajaran libat urus mana-mana YB kawasan yang telah pun saya *list* kan tadi, tapi mungkin ada keperluan lebih utama di tempat yang lain. Datuk Speaker saya percaya maju Johor ni konsepnya musyawarah, Allah sebut (bacaan Surah) dia muafakat, dia buat kerja betul-betul sepakat. Jadi mana-mana yang keutamaan dah letak nombor mungkin 18 ke tadi untuk YB Kota Iskandar, kalau ada kewajaran untuk kita utamakan kawasan tertentu, saya berjanji kita akan kumpulkan semua Yang Berhormat berkenaan untuk letakkan kefahaman dan pertimbangan bersama, bagi mungkin kita meletakkan kelebihan kepada lain-lain kawasan yang mungkin lebih tinggi keutamaannya berbanding tempat-tempat yang lain. Itu kita boleh susun bersama tanpa meminggirkan mana-masa kawasan. Wallahua'lam.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Endau.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan Endau nombor 12.

Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf bangunan perniagaan di Pantai Air Papan kepada bangunan yang lebih selesa serta menarik menjelang Tahun Melawat Johor 2026?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Endau bertanya tentang perancangan dan untuk menaiktaraf bangunan perniagaan di pantai Air Papan dan bangunan yang lebih selesa menjelang Tahun Melawat Johor 2026. Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor melalui Majlis Daerah Mersing sentiasa komited memperkukuhkan infrastruktur pelancongan di kawasan persisiran khusunya pantai Air Papan. Sebuah destinasi ikonik yang menjadi kebanggaan daerah Mersing dan juga negeri Johor.

Menyedari kepentingannya sebagai tarikan utama menjelang Tahun Melawat Johor 2026, kerajaan memberi tumpuan khusus untuk memastikan kawasan ini tampil lebih teratur moden dan mesra pengunjung. Berdasarkan data sewaan khemah, tapak perkhemahan, bayaran

masuk serta pemerhatian lapangan, jumlah pengunjung pantai Air Papan sehingga Oktober 2025 berjumlah 46,000, menunjukkan potensi besar destinasi sebagai pemangkin ekonomi setempat. Pada tahun 2025, alhamdulilah, syukur kepada Allah swt, Majlis Daerah Mersing telah menerima peruntukan berjumlah RM17.9 juta di bawah RMK 12 *Rolling Plan* 5 melalui Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MALTEK). Terima kasih kepada YB Menteri, bagi pembangunan semula pantai Air Papan. Projek berskala besar ini dijangka mengambil masa 2 sehingga 3 tahun dan bakal memberi wajah baharu yang lebih moden, terancang dan berdaya unik kepada pantai tersebut. Ketika ini projek berada pada fasa pelantikan perunding, bagi menyediakan rekabentuk menyeluruh bertaraf dunia yang menitikberatkan keselesaan pengunjung, kelestarian alam sekitar, keindahan lanskap serta elemen pintar. Pembangunan semula pantai Air Papan yang dirancang melibatkan 4 zon utama, iaitu;

1. Zon perkhemahan;
2. Zon rekreasi;
3. Zon gerai serta zon dataran atau tapak karnival.

Antara tumpuan pembangunan termasuk menaik taraf bangunan perniagaan kepada struktrur yang lebih moden dan selesa. Menambahbaik sistem perparitan dan pengcahayaan, menyusun semula kawasan perniagaan secara lebih teratur serta menyediakan kemudahan awam yang lebih mesra pengunjung, pengguna dan untuk memenuhi keperluan pengunjung.

Dalam memastikan kelestarian dan kebersihan pantai terjaga, sementara menunggu pelaksanaan penuh projek pembangunan semula ini, Majlis Daerah Mersing telah dan akan terus menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, pengindahan dan pembersihan pantai secara berterusan. Kos pembersihan pantai dan kawasan awam yang dilaksanakan melalui SW Corp dan SWM adalah sebanyak RM18,963.00 sebulan. Ini menunjukkan komitmen jelas kerajaan untuk memastikan pantai Air Papan kekal bersih, selamat dan kondusif bagi menerima pelancong domestik dan antarabangsa. Pendekatan ini juga digerakkan secara inklusif dengan mengambil kira kesejahteraan komuniti setempat, khususnya kepada para peniaga kecil yang menjadi nadi ekonomi kawasan pantai. Kerajaan negeri percaya pembangunan semula pantai Air Papan akan menjadi ikon baharu sektor pelancongan Johor. Mencerminkan kemajuan, kelestarian dan kesejahteraan rakyat. Ia seiring dengan aspirasi Maju Johor 2030 dan visi menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan pilihan utama di rantau ini. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Tangkak.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan Tangkak nombor 13. Terima kasih.

Apakah strategi kerajaan negeri untuk memperkukuh penyertaan masyarakat Cina dalam program pembangunan ekonomi Johor, termasuk akses kepada program keusahawanan, perumahan dan bantuan pendidikan yang saksama di daerah Tangkak?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Datuk Speaker. Salam maju Johor, salam Bangsa Johor sihat sejahtera. Terima kasih soalan daripada Tangkak yang menanya mengenai strategik kerajaan negeri untuk memperkukuhkan penyertaan masyarakat Cina dalam program pembangunan ekonomi Johor termasuk akses kepada program keusahawanan perumahan dan bantuan pendidikan yang saksama dan di daerah Tangkak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor sentiasa berpegang kepada prinsip pembangunan yang inklusif, yang menyeluruh dengan memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat secara adil daripada agenda pembangunan negeri tanpa mengira kaum atau latar belakang. Kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) sentiasa memastikan dasar agihan rumah mampu milik Johor (RMMJ)

dilaksanakan secara telus dan berasaskan kelayakan pendapatan tanpa mengira bangsa. Pendekatan ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri untuk memastikan setiap rakyat Johor berpeluang memiliki kediaman yang berkualiti, selesa dan mampu dimiliki. Beberapa projek RMMJ telah siap dibangunkan di daerah Tangkak bagi memberi peluang kepada masyarakat setempat menikmati kemudahan perumahan yang lebih baik.

Selain itu projek perumahan lain turut sedang dibangunkan oleh pihak swasta bagi memenuhi permintaan pasaran serta menyediakan pilihan yang lebih pelbagai kepada rakyat. Perlaksanaan inisiatif ini juga adalah selaras dengan aspirasi agenda Maju Johor 2030 yang menekankan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan perumahan yang seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar. Dalam aspek pendidikan dan pembangunan modal insan, kerajaan negeri melalui turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan pendidikan seperti biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar yang layak tanpa mengira kaum. Langkah ini dilaksanakan bagi memastikan setiap pelajar berpotensi di negeri ini mendapat peluang pendidikan yang setara dan mampu mencapai kejayaan akademik yang cemerlang.

Datuk Speaker, kerajaan negeri melalui Rancangan Tempatan Daerah (RTB) Tangkak telah menggariskan beberapa strategi pembangunan ekonomi bagi mengukuhkan daya saing tempatan. Antara strategi utama yang dirancang ialah mengukuhkan kebolehan kompetitif industri menerusi penstrukturan berasas konsep kluster dan pembangunan bersepadu termasuk kluster industri perkayuan, ternakan burung walid, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta sektor pertanian bernilai tinggi. Strategi ini bertujuan memperkukuh rantaian ekonomi setempat dan mewujudkan peluang baharu kepada semua lapisan masyarakat dalam sektor perusahaan dan perdagangan di daerah tersebut. Selain itu, sektor pelancongan juga dikenalpasti sebagai pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi daerah Tangkak. Pembangunan pelancongan akan ditumpukan kepada produk yang pelbagai seperti pelancongan agro, eko pelancongan, pelancongan budaya dan rekreasi, di samping memperkukuh infrastruktur sokongan dan kemudahan penginapan. Usaha ini bukan sahaja dapat menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa, tetapi turut membuka ruang kepada akitiviti keusahawanan tempatan yang mampu menjana pendapatan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat termasuk masyarakat Tionghua. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Parit Raja.

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan Parit Raja nombor 14.

Dalam menghadapi Tahun Melawat Johor 2026, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memperkasakan IKS di setiap pekan kecil agar turut merasai manfaat pembangunan sektor pelancongan negeri?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Menjawab bagi soalan Parit Raja, dalam menghadapi Tahun Melawat Johor 2026, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memperkasakan IKS di setiap pekan kecil agar turut merasai manfaat pembangunan sektor pelancongan negeri Johor?

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Parit Raja yang cukup cakna dengan nasib perusahaan industri kecil dan sederhana (IKS). Untuk makluman Yang Berhormat, antara perancangan yang telah dilaksanakan kerajaan negeri menerusi Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN), Perbadanan Usahawan Johor dan agensi-agensi di bawah Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor merangkumi yang pertama adalah promosi produk usahawan Johor. Yang mana inisiatif ini dilaksanakan oleh Perbadanan Usahawan Johor (PUJB) yang bertujuan untuk membantu para usahawan di negeri ini mempromosikan produk-produk keluaran mereka dipasaran dengan lebih meluas.

Produk-produk ini juga akan diperkenalkan dan dijadikan sebagai bahan utama di dalam cenderahati untuk majlis-majlis rasmi kerajaan ataupun program-program yang yang melibatkan aktiviti-aktiviti produk dari negeri Johor di peringkat persekutuan mahu pun antarabangsa. Pelaksanaan inisiatif ini juga dilihat dapat membantu sedikit sebanyak, meningkatkan daya saing usahawan agar kembali aktif menjalankan operasi perniagaan dan seterusnya meningkatkan hasil pendapatan menerusi penyertaan usahawan bimbingan PUJB di ekspo luar negara seperti MIHAS dan juga *Malaysia Fest* di Singapura baru-baru ini. Sepertimana yang saya katakan tadi, menjawab soalan daripada Sri Medan, SME *Go Global* juga membantu inisiatif-inisiatif kerajaan Malaysia menerusi SME Corp. memberi tumpuan kepada pengantarabangsaan produk-produk tempatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi program yang dipanggil *Gate to Global* (GTG) yang dilaksanakan oleh Majlis Amanah Rakyat ataupun MARA sejak tahun 2017 lagi, terbukti berjaya membantu usahawan Bumiputera untuk menembusi pasaran global dengan cemerlang. Program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan usahawan-usahawan dalam aspek produk-produk pengukuhan, penjenamaan dan juga pemasaran strategik yang dapat membawa produk tempatan ke pasaran dunia. Usaha GTG termasuklah dengan membawa usahawan-usahawan MARA untuk menyertai pelbagai acara antarabangsa seperti baru-baru ini, Pameran Halal Antarabangsa MIHAS yang dianjurkan setiap tahun yang bermula tahun 2004 lagi. Kita sedia maklum bahawa program GTG ini dijangka dapat membantu untuk meningkatkan kapasiti keupayaan syarikat Bumiputera dalam menembusi pasaran *local* mahu pun antarabangsa, dengan izin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain apa yang dinyatakan kepada YB Parit Raja berkaitan dengan mempromosikan usahawan bagi Tahun Melawat Johor, kerajaan negeri Johor menyedari bahawa PKS memainkan peranan penting dalam eko sistem yang mana pelaburan juga diutamakan dalam menyokong pertumbuhan pelabur asing dalam sektor strategik seperti pembuatan, elektronik dan automotif. Oleh itu pelbagai program-program yang telah disusun bagi Tahun Melawat Johor, saya mengharapkan usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan peniaga-peniaga IKS ini, dikenalpasti oleh Perbadanan Usahawan Johor dan 49 agensi di bawah Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor ini dapat bersama-sama menyemarakkan lagi produk-produk itu dalam program Tahun Melawat Johor nanti. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan-soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Saya tangguhkan Sidang ini selama 15 minit dan kita akan masuk balik dalam pukul 11.15 tengah hari.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.

Jurutulis : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN 2026 TAHUN 2025.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk makluman pada hari ini, kita akan mendengar penggulungan daripada Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa. Masa yang diberikan adalah 20 minit seorang dan saya memohon kerjasama semua agar mematuhi masa yang ditetapkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirrahmannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk memberi ucapan penggulungan bagi pihak kerajaan dalam Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Ke-15.

Merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat DiRaja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiah dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor.

Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Patik juga menjunjung kasih Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor yang sentiasa mengambil berat akan hal ehwal berkaitan wanita, kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya khususnya di negeri Johor.

Kerajaan negeri melalui Portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, sentiasa berusaha dalam memastikan golongan sasar ini sentiasa terbela. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa mengambil cakna Titah Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota dan akan terus berperanan aktif serta bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang lain. Penglibatan pertubuhan badan bukan kerajaan, komuniti dan masyarakat setempat amat dialu-alukan dan turut dititik beratkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor tempoh hari telah membentangkan belanjawan tertinggi negeri Johor dengan jumlah peruntukan RM2.5 bilion diikuti dengan 6 Teras dan 260 Inisiatif. Suka saya berkongsi lagi berkenaan Belanjawan Johor 2026 yang bertemakan Bangsa Johor Sejahtera di bawah Portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor yang sentiasa memastikan kebajikan dan kesejahteraan golongan rentan itu sentiasa terbela.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebanyak RM76.9 juta diperuntukkan di bawah Portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor. Ini baru sahaja digariskan dalam ucapan yang ianya besar buat kami. Selain daripada Belanjawan Johor 2026, Bantuan Kasih Johor juga menjadi inisiatif tambahan yang membantu rakyat. Bantuan Kasih Johor ini benar-benar dirasai oleh segenap lapisan masyarakat, daripada warga emas yang mengharapkan perhatian, Orang Kurang Upaya yang memerlukan sokongan berterusan, ibu tunggal yang bertungkus lumus membesarkan anak, anak yatim yang mendambakan belaian kasih. Anak-anak yatim di pusat jagaan yang menanti masa depan yang lebih cerah. Hinggalah kepada petani, nelayan yang setiap hari berpeluh keringat demi mencari rezeki. Pejuang kanser yang terus melawan, golongan miskin dan miskin tegar yang memerlukan sokongan, anak-anak angkat Makmur Johor penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Saya ingin mengajak kita semua merenung sejenak, membayangkan seorang ibu tunggal yang berjuang membesarkan anak-anaknya. Seorang remaja yang bergelut dengan pengaruh

negatif media sosial atau sebuah keluarga yang hampir runtuh kerana tekanan hidup. Maka, di sinilah peranan kita sama-sama membina benteng pertahanan keluarga agar mereka tidak rebah dihempas badai zaman.

Datuk Speaker, inisiatif ini bukan sekadar bantuan, tidak satu tapi tetapi satu tanda bahawa setiap insan di negeri Johor ini tidak pernah dibiarkan sendirian dan kesejahteraan mereka tetap menjadi keutamaan. Ini membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa cakna akan Bangsa Johor.

Namun Datuk Speaker, saya berasa tersinggung, apa sahaja inisiatif kerajaan ada sahaja yang tidak kena di mata Bukit Kepong. Kita bimbang, nanti jadi seperti diberi madu dibalas tuba. Bantuan diberi, usaha sudah dijalankan, namun dibalas hanyalah keraguan yang tidak berasas. Dalam perancangan Belanjawan Johor 2026, kerajaan berusaha menyalurkan bantuan kepada semua lapisan masyarakat jangan kerana kita yang tidak suka, kita menidakkan sesuatu itu sehingga kita lupa untuk bersyukur.

Yang Berhormat sekalian, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke atas usaha Kerajaan Negeri Johor yang tidak pernah lupa untuk memberikan yang terbaik kepada Bangsa Johor. Usaha ini bukan sehari dua, Datuk Speaker, bukan juga sebulan dua.

Yang Berhormat sekalian saya bersama rakan-rakan dari jabatan, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan inisiatif-inisiatif. Maka kami mula bekerja pagi, petang, siang dan malam untuk menjalankan gerak-gerak kerja yang untuk memastikan bahawa bantuan itu diberi dan saya pasti rakan-rakan di sebelah sana juga begitu juga pada tahun-tahun seterusnya.

Di kesempatan ini, saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Onn Hafiz di atas kepimpinan yang berwibawa, efektif serta sentiasa memberi ruang kepada agenda pemerkasaan wanita, keluarga dan masyarakat negeri Johor.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah membukitkan bahawa kepimpinannya bukan sekadar soal pembangunan fizikal tetapi juga pembangunan insan. Usahanya yang konsisten dalam mengukuhkan agenda wanita dan keluarga jelas menggambarkan bahawa keluarga Johor bukan hanya slogan tetapi realiti yang sentiasa kita nikmati sehingga hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Penggaram, Simpang Jeram, Bentayan, Senggarang dan Johor Jaya, yang menunjukkan keprihatinan terhadap golongan warga emas yang semakin bertambah. Yang Berhormat sekalian, takrifan warga emas adalah individu yang berumur 60 tahun ke atas seperti yang diterima pakai dalam *United Nations World Assembly On Aging 1982,* dengan izin di Vienna. Kerajaan negeri telah menyediakan pelbagai rancangan jangka masa pendek, jangka masa panjang bagi golongan warga emas. Antara rancangan kerajaan adalah penggubalan dasar warga emas negara. Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2026 hingga 2030 yang dilancarkan pada Oktober 2025 yang lepas semasa Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan. Dasar ini merupakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan yang sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Pelan Tindakan ini mengandungi 6 teras utama:- Teras pertama, promosi dan advokasi, teras kedua pembelajaran sepanjang hayat mereka, teras ketiga keselamatan dan perlindungan, teras keempat tadbir urus dan perkongsian tanggungjawab, teras kelima iaitu penglibatan dan kesepaduan antara generasi, teras keenam iaitu penyediaan dan pembangunan.

Mekanisme pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat kebangsaan di bawah Majlis Penasihat

Perundingan Warga Emas Negara, peringkat negeri di bawah Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri dan peringkat daerah di bawah Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Daerah.

Datuk Speaker, di samping itu, kerajaan negeri juga menggalakkan penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas iaitu PAWE di dalam komuniti yang berfungsi sebagai satu pusat bagi warga emas. Menjalankan aktiviti harian bagi memastikan warga emas ini kekal aktif dan produktif. PAWE merupakan satu bercorak pendampingan sosial dengan izin, *reaching out* dan pembangunan *developmental* kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan badan bukan kerajaan. Sehingga Oktober 2025, kerajaan Johor mempunyai 23 buah Pusat Aktiviti Warga Emas dengan bilangan ahli berdaftarnya seramai 4,656 orang warga emas, manakala empat buah lagi PAWE yang telah diluluskan penubuhan mula beroperasi secara berperingkat pada akhir tahun 2025 ini.

Datuk Speaker, untuk makluman, kerajaan pada masa ini, melalui pelbagai agensi termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan dan menyelaras beberapa modul serta kursus dan latihan berkaitan penjagaan warga emas. Langkah ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuh ekosistem penjagaan sosial dan melahirkan tenaga kerja berkemahiran dalam bidang penjagaan warga emas yang semakin penting dalam konteks Malaysia menuju masyarakat menua menjelang tahun 2030.

Antara modul latihan yang telah dilaksanakan iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang penjagaan warga emas dengan izin, *Elderly Care* yang dibangunkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat berdasarkan *National Occupational Skills Standard (NOSS),* dengan izin, bagi tahap dua dan tiga yang memberi tumpuan kepada aspek penjagaan asas, pemantauan kesihatan, pengurusan aktiviti harian, keselamatan serta etika penjagaan warga emas. Kursus diakreditasi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran iaitu Institut Sosial Malaysia yang melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang boleh berkhidmat di bawah pusat jagaan yang berdaftar.

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia turut menganjurkan Program Latihan Penjaga Warga Emas dengan izin, *Care Giver Training Programme,* yang memberi tumpuan kepada aspek penjagaan berpusatkan individu dengan izin, *person-centred care*, kesedaran terhadap hak dan kebajikan warga emas, kesejahteraan psiko sosial, etika penjagaan serta kemahiran komunikasi dan keselamatan.

Pada masa yang sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan agensi lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia turut melaksanakan Program Latihan Komuniti bagi penjagaan warga emas berasaskan komuniti yang dijalankan melalui Pusat Aktiviti Warga Emas bagi meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang tanggungjawab sosial dalam penjagaan warga emas serta memperkukuh jaringan sokongan komuniti. Inisiatif ini sangat penting dalam melahirkan masyarakat yang lebih prihatin dan inkslusif terhadap keperluan golongan berusia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri terus menyantuni golongan warga emas yang tidak berwaris dan memerlukan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan. Sehubungan itu, Rumah Seri Kenangan (RSK), iaitu sebuah institusi di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diwujudkan untuk membantu warga emas yang tidak mempunyai waris, hidup dalam keadaan yang sejahtera serta mempunyai penjagaan, perlindungan dan rawatan yang sempurna. Di Malaysia terdapat 9 buah rumah RSK, dan salah satunya di negeri Johor iaitu Rumah Seri Kenangan Johor Bahru yang terletak di Ungku Mohsin. Walau bagaimanapun, bagi menampung keperluan warga emas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan negeri Johor, sukacita dimaklumkan bahawa sehingga Oktober 2025 terdapat sebanyak 96 buah Pusat Jagaan Warga Emas, yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan, sama ada berbayar dengan

jumlah yang minimum ataupun pusat jagaan yang berkonsepkan kebajikan iaitu tiada bayaran dikenakan, yang mana pusat jagaan ini turut menerima bantuan geran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai penyuntik semangat dan galakan kepada mereka untuk terus memberikan penjagaan kepada warga emas.

Selain itu, kerajaan negeri dan persekutuan memberikan dana melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada sukarelawan-sukarelawan yang memberikan perkhidmatan Khidmat Bantu Di Rumah atau lebih dikenali dengan KBDR kepada warga emas di rumah yang tinggal keseorangan dan memerlukan bantuan seperti menemani warga emas itu ke klinik, menjadi peneman atau rakan bual kepada warga emas dan juga membantu warga emas yang tinggal keseorangan untuk membeli barang-barang keperluannya.

Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan inisiatif tambahan kepada warga emas melalui Bantuan Kasih Johor, yang telah pun berjalan bagi fasa kedua. Bagi warga emas, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM10.5 juta yang memberi manafaat kepada 17,702 warga emas, penerima bantuan bulanan warga emas. Ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor Dato' Onn Hafiz dalam usaha memastikan persediaan menuju negara tua terus digerakkan dan kerjasama bersama kerajaan persekutan selaku pembuat dasar terus dijalankan.

Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kemelah dan Johor Lama atas prihatin terhadap Pertubuhan Dalam Komuniti (PDK) khususnya dalam mencadangkan kenaikan elaun penyelia dan petugas PDK. Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menyalurkan pelbagai bentuk peruntukan bantuan kewangan kepada penyelia, petugas dan pelatih PDK-PDK ini di negeri Johor dan sentiasa mengambil kira kebajikan mereka.

Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memahami dan mengkaji cadangan-cadangan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri Johor tidak pernah sesekali mengenepikan penyelia dan petugas PDK. Sehingga kini kerajaan negeri Johor sentiasa memberi Bantuan Khas Kewangan kepada semua petugas dan penyelia PDK di seluruh negeri Johor. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat, insha-Allah niat tulus yang Berhormat itu dipermudahkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan khas kepada penyelia dan petugas PDK, pada tahun 2023 adalah sebanyak RM852,000.00 kepada 426 penyelia dan petugas PDK iaitu RM2,000.00 Bantuan Khas Kewangan dan Aidilfitri. 2024 adalah sebanyak RM1.4 juta kepada 423 penyelia dan petugas PDK, iaitu RM3,500.00 seorang Bantuan Khas Kewangan dan Aidilfitri. Begitu juga tahun 2025, Bantuan Khas Kewangan diteruskan lagi seperti saban tahun, pada tahun 2025, sebanyak RM3,000.00 seorang Bantuan Khas Kewangan dan Aidilfitri.

Datuk Speaker, pihak PDK boleh mengemukakan permohonan pembaikan bangunan jika mengalami kerosakan teruk yang perlu dibaiki oleh kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebagai makluman, dari tahun 2021 hingga 2025, negeri Johor telah membelanjakan RM4.7 juta yang memberi manfaat kepada 116 PDK-PDK di negeri Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa hanya kerajaan negeri Johor sahaja yang memberikan bantuan-bantuan seperti ini. (Dewan bertepuk).

Inisiatif dan penambahbaikan akan sentiasa dilaksanakan mencerminkan keprihatinan berterusan kerajaan negeri Johor dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela. Selaras dengan aspirasi, "Maju Johor Rakyat Sejahtera", kerajaan akan terus memperkukuh dasar dan sistem penyampaian agar tiada golongan rentan yang tercicir daripada menerima bantuan yang sewajarnya. Saya menyeru semua Ahli Yang Berhormat agar terus memberi

sokongan kepada usaha ini demi kesejahteraan rakyat negeri Johor secara menyeluruh. Teguh bersatu mencapai cita, berpadu tenaga demi negeri; Maju Johor Rakyat Sejahtera melakar kejayaan bumi bertuah ini. Semoga kerjasama dan komitmen kita semua akan terus mengukuh pembangunan negeri menjadikan Johor sebuah negeri yang lebih maju dan rakyat yang lebih sejahtera.
Kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ketua jabatan, kakitangan jabatan dan kakitangan pejabat di bawah Portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang sentiasa bertungkus lumus dan bersiap sedia dengan segala tugas yang dipertanggungjawabkan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Serom. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini mengalu-alukan kehadiran Pemerhati seramai 42 orang. 5 orang daripada DUN Kawasan Pekan Nanas; 25 orang daripada DUN Kawasan Semerah; 4 orang daripada DUN Kawasan Tanjung Surat dan 8 orang daripada DUN Kawasan Senggarang. Dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmannirahim. Assalamualaikum warahmatullah. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Datuk Speaker atas peluang yang diberikan. (Bacaan Doa). Yang Berhormat Ahli Dewan yang saya kasihi termasuk para Pemerhati yang datang bawah Semerah. Apa khabar semua? Sihat ya?

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya marilah kita mengucapkan syukur kepada Allah SWT atas limpah kurnianya dapat kita bersidang dengan baik dan masuk pada Sesi Penggulungan EXCO Kerajaan Johor. Pertamanya, patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah dan salam takzim kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang bakal disambut 22 November ini. Patik dan seluruh warga Johor dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Muli Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat Diraja dikurniakan keberkatan usia, kekal afiat serta dalam kesejahteraan. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang telah memimpin negeri Johor dengan adil, makmur dan saksama. Sesungguhnya sekalian patik rakyat merasa bersyukur menjadi Bangsa Johor.

Bajet 2026 sekalian kita, marilah kita mengucpakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas Belanjawan Negeri Johor yang begitu menyeluruh dan berwawasan. Belanjawan ini bukan sahaja sekadar dokumen perangkaan tapi satu manifestasi tekad kerajaan negeri dalam menjadikan objektif teras Maju Johor mengangkat taraf hidup rakyat, memperkukuh daya saing ekonomi, memperluas jaringan kesejahteraan sosial serta memacu pembangunan yang lebih inklusif dan mampan. Pembentangan ini, hala tujunya begitu jelas, tersusun bahkan bertanggungjawab. Dengan bertemakan, “Bangsa Johor Sejahtera”, Belanjawan ini mencakupi seluruh perihal masyarakat, segmen, tata urus rakyat juga tadbir urus kerajaan yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya mengulas dapatan hasrat Yang Berhormat Ahli Dewan atas sesi perbahasan yang dapat kita rumuskan. Yang Berhormat Kukup mengemukakan 3 persoalan. Yang pertamanya, apakah mandat sebenar JHDC, Johor Halal Development Corporation dalam Pelan Kemajuan Halal 2030? Datuk Speaker, kerajaan Johor telah pun mengemukakan Pelan Kemajuan Halal 2030, Bajet ini dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun lepas. RM800,000.00 bagi pembentukan pelan ini dengan gerak kerja awalnya bagi maksud membolehkan ekosistem halal di Johor benar-benar terbentuk. Sebelum ini rakyat terbanyak tak ramai mohon halal. Datuk Speaker, sehingga Mac 2025, hanya sekitar 1,200 pemegang sijil halal dalam negeri Johor. Negerinya

hebat, rakyatnya, ekonominya bagus tapi yang ambil sijil halal 1,200, apa barang Datuk Speaker. Jadi, Menteri Besar menghasratkan tahun ini sahaja mesti persijilan halal, kuotanya mesti 500, YB Kukup. Dan, saya nak beritahu kongsian yang paling baik. Dua hari lepas saya ada mesyuarat *task force* dengan semua agensi pelaksana halal. YB Kukup, setakat dua hari lepas, permohonan halal yang *confirm* lulus tahun ini 546. Macam ini lah mentadbir negeri, letak satu perkara dan letak juga dia punya sasaran dia. Yang saya sebut tu lulus, yang 585 tunggu nanti dia punya kata akhir Datuk Speaker sampai ke hujung tahun, yang saya nak bagi tahu 546 *confirm* dalam tangan.

Datuk Speaker kemudiannya, tadi YB Kukup pun ada tanya tentang 500 usahawan persijilan halal kenapa tak ramai-ramai? Tahun ini 500 sasaran sampai 2030 YB Kukup, 5,000 permohonan sijil halal yang baharu diluluskan. Boleh tak kita capai, *confirm* dengan izin Allah, boleh. Data saya sediakan, kerja kurang setengah tahun pun alhamdulillah, Allah bantu kita sebab niatnya baik, berusaha sama-sama.

Kemudian yang ketiga, YB Kukup bertanya tentang usaha bakat dalam potensi industri halal? Datuk Speaker, Menteri Besar ada sebut bahawa dalam Bajet 2026, ada peruntukan daripada PIJ, Perbadanan Islam Johor tentang menaik taraf bakat dalam industri halal. Pertamanya, kita ada peruntukan tahun depan YB Kukup, untuk rakyat Johor yang nak mohon sebagai Eksekutif Halal. Halal ini dia punya bagus, tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat sekalian, siapa yang ambil halal dia perlu buka peluang pekerjaan, Eksekutif Halal, Auditor Halal. Jadi, tak pasal-pasal syarikat itu ambil halal dia boleh buka dua peluang pekerjaan. Bayangkan lagi banyak orang ambil halal, lagi banyak peluang pekerjaan. Di Johor sahaja, ikut garis panduan gaji permulaan Kementerian Sumber Manusia (2020). Ini lama punya garis panduan, gaji Eksekutif Halal mula-mula aje RM2,460.00. Jadi, bahagian kita, Portfolio Agama pun nak sama-sama dengan kerajaan menyediakan peluang pekerjaan pasal halal. Maka untuk itu, saya nak bagi tahu di bawah Portfolio saya sendiri pun peluang pekerjaan, bakat dan juga peluang pekerjaan halal ini YB Kukup, kita sediakan.

Berikutnya, Yang Berhormat ADUN Kahang ada bertanya tentang baik pulih surau di Kampung Ilham. Ringkaskan ceritanya Datuk Speaker, sehingga November 2025 sebanyak RM39 juta telah pun kerajaan Johor sediakan bagi maksud 565 projek baik pulih, naik taraf masjid dan surau seluruh negeri Johor dan bagi DUN Kahang sendiri RM350,000.00 telah pun disalurkan mengikut masjid dan surau yang berkenaan. Tetapi bagi maksud surau di Kampung Ilham, tiada masalah, YB ADUN Kahang boleh kemukakan kepada kita dan saya ambil rekod pada hari ini sebagai permohonan rasmi, kita akan minta Bahagian Teknikal Jabatan Agama Islam untuk turun dan tengok keperluan surau itu dan insya-Allah kalau bendanya kecil Datuk Speaker, tahun ini kita boleh selesaikan. Kalau agak besar, saya masukkan dalam Bajet 2026 bawah Tabung Pembangunan Masjid Surau Negeri Johor.

Yang Berhormat ADUN Perling ada sebut tentang *borderline* ini. Majlis Agama Islam ada sebut bina rumah baharulah untuk asnaf, baik pulih rumahlah untuk asnaf tapi YB Perling sebut ada kumpulan yang pertengahan dekat bandar Datuk Speaker, tak kaya pun tidak, nak kata miskin pun tak miskin sangat tapi dia pertengahan ini, jarang orang tengok dia. Yang kumpulan ini pula, lazimnya, anaknya ramai. Gajinya pula mungkin RM3,000.00, RM4,000.00 nampak macam besar tapi rupanya tak mampu menanggung anak-anak yang ramai. Datuk Speaker, inilah kelebihan untuk orang Islam negeri Johor bawah Portfolio saya. Yang Berhormat YB semua bolehlah menyokong permohonan-permohonan ini dan insya-Allah Amil Baitulmal kita di peringkat daerah masing-masing dengan sokongan YB Kawasan itu kita akan bantu sebaiknya sebab mustahil kita tinggalkan mereka ini macam itu sahaja, Datuk Speaker. Jadi saya buka kepada YB Perling boleh majukan permohonan dan saya kira kita akan bantu berdasarkan pertimbangan kelayakan yang disertakan. Dan pastilah permohonan ini mesti rujuk jugak kepada Pejabat Daerah sebab mereka yang jaga sistem e-Kasih, dengan ICU pun kita akan semak juga dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat pun kita tak lepaskan supaya mereka yang benar-benar layak sahaja dapat. Mudah-mudahan bantuannya sampai kepada mereka yang memerlukan. Alternatif kepada mereka yang tak layak Datuk Speaker, kita dah

sebut ada beberapa kaedah yang lain. Kita boleh juga mendapatkan kerjasama dengan mana-mana GLC di bawah kerajaan Johor. Contohnyalah, dia nak ditolong bukan asnaf, nak ditolong bukan miskin tegar tapi tetap dia tak mampu, kita boleh panjangkan permohonan ini kepada GLC kerajaan yang nak buat semua kerja-kerja sumbangan kepada rakyat, mudah-mudahan dapat disalurkan bersama.

Datuk Speaker kemudiaannya, ada isu baik pulih rumah di DUN. Saya dah sebutkan tadi, bekalkan maklumat kepada kita, kita masih boleh memberikan kuota tambahan kepada YB-YB yang mungkin berkeperluan lebih utama banding DUN-DUN yang lain walaupun kuotanya telah pun kita penuhkan.

Yang Berhormat ADUN Kemelah juga ada cadangan melihat kepada keperluan rakan-rakan yang dapat dialisis. Datuk Speaker, saya dah sebut awal, Menteri Besar pun dah nyatakan RM100.5 juta peruntukan MAINJ untuk perubatan sahaja dan ini tak termasuk dialisis. Kalau boleh urus setia keluarkan balik kita punya carta yang hari itu. Untuk dialisis sahaja kita jaga 3,000 pesakit, kosnya RM65 juta setahun. Ini hanya duit MAINJ. Nak bagi tahu tak pernah tinggal kumpulan ini tapi nak bagi tahu kumpulan ini juga makin bertambah, dan kita nak bagi tahu mohon kepada MAINJ. Kalau pun MAINJ kekurangan peruntukan, tuan-tuan banyak lagi agensi kerajaan yang kita boleh salurkan. Antara kekuatan MAINJ Dewan yang mulia, saya hendak bagi tahu dengan RM65 juta yang kita bantu untuk dialisis, MAINJ tahun ini telah pun mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Agong untuk kita tubuhkan satu lagi namanya Yayasan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Yayasan ini kita buat Datuk Speaker, ha nampak tu. Ada pun carta ada gambarnya pun ada. Ini bagi maksud mencari dana tambahan supaya pesakit-pesakit dialisis buah pinggang ini dapat dibantu dengan lebih baik pada masa-masa yang akan datang. Tak dinafikan Datuk Speaker, buah pinggang ni kosnya besar. Sekurang-kurangnya rawatan, antara RM180.00 sehingga RM300.00 sekali rawatan. Seminggu kena 3 kali. Kalau RM300.00, RM900.00 seminggu kali dengan 4 minggu dekat, dekat RM4,000.00 Datuk. Itu kalau YB pencen pun habis duit pencennya, hendak bagi tahu apa lagi rakyat biasa. Ini kita bagi tahu kerajaan Johor nampak dan kita cakna perkara ini. Jadi, ini supaya semua rakyat tidak kira tempat Datuk Speaker, tempat pengimbang, tempat kerajaan kalau untuk orang Islam bagi Bang Long jaga, Datuk Speaker. Pasal hal ini kita akan bantu sebaik-baik. Jadi, untuk dialisis jangan dirisau.

YB ADUN Gambir sebut pasal isu kutipan derma masjid, surau dan premis lain termasuk anak yatim yang dikhabarkan agak perlahan prosesnya. Datuk Speaker, saya hendak bagi tahu, saya tak pernah nafikan kalau ada kelemahan di pihak agensi kerajaan jabatan. Saya mengaku. Dan saya suka sangat untuk tambah baik. Datuk Speaker, memang saya dengar beberapa rungutan, permohonan daripada masjid, surau, anak yatim, kami punya proses ni agak panjang sikit. Datuk Speaker, saya kena ambil peluang pertama saya raikan aduan YB Gambir. Kedua, saya kena cerita sikit antara kelengahan yang berlaku Datuk Speaker, sebab semua permohonan kutipan permit, derma, khairat ini untuk orang Islam, Jabatan Agama Islam mesti lalui tapisan keselamatan, Datuk Speaker. Maksudnya bukan senang-senang nanti YB Serom nak mohon kutipan, tiba-tiba dia mohon saya luluskan. Sebab dia YB. Takutnya nanti dia mohon untuk benda yang bukan-bukan, untuk pertubuhan yang tidak disahkan. Jadi semua tapisan itu termasuk mereka yang bertanggungjawab mengelolakan tabung Datuk Speaker, PDRM akan masuk sama. Untuk pastikan kutipan derma ini benar-benar teratur dan baik. Tetapi saya hendak katakan dia langsung tidak mengganggu hasrat Yang Berhormat Dato'-Dato' semua untuk membuat permohonan kepada kerajaan. Cuma, tapisan itu kena berlaku. Tetapi bagi maksud di Gambir ini, memang ada aduan bahawa mana-mana tabung yang tidak dapat permit memang kena rampas. Saya kena bagi tahu Datuk Speaker, memang kita rampas. Termasuk tabung-tabung pertubuhan anak yatim yang mana permitnya habis. Permit habis memang kena *renew* Datuk Speaker. Kalau habis tak di *renew* jumpa ke saya, memang saya pun akan rampas, bukan saya hendak rampas, itu peraturannya. Supaya kemukakan penyata kewangan, pemberitahuan sentiasa dalam kawalan kita. Jadi, saya hendak bagi tahu kepada YB Gambir, saya raikan aduan itu dan saya akujanji untuk mempercepatkan prosesnya tertakluk kepada semakan keselamatan

PDRM. Tetapi untuk waktu itu Datuk Speaker, saya ada sikit carta bagi maksud pertubuhan anak-anak yatim daerah-daerah. Yang tadi kan saya kata ada aduannya di Tangkak. Bagi anak-anak yatim di satu Johor daripada 10 daerah, ada 7 daerah yang memang permitnya masih kuatkuasa. Maksudnya, Jabatan Agama Islam buat dengan baik. Itu buktinya di paparan LED dan juga skrin masing-masing. Maksudnya, benda itu *renew* tetapi dengan syarat kita mohon lah, kalau kita tidak mohon Datuk Speaker, memang tak dapat kita perbaharui. Tetapi saya ulang tadi, ada kekurangan saya akan baiki.

Datuk Speaker, yang selanjutnya saya hendak bagi tahu pasal YB ADUN Pemanis, ADUN Tiram, ADUN Pekan Nanas, ADUN Maharani juga ada sebut pasal bina sekolah baru, saya rasa tak perlu ulas. Sebab tadi pagi saya dah jawab, penyatanya pun dah ada, ringkasan turutan sekolahnya pun saya dah maklumkan, cuma kita ambil kira semua perbelanjaan sekolah mengikut keutamaan dan kita tak pernah nafikan keperluan di tempat masing-masing.

Datuk Speaker, YB ADUN Parit Raja ada sebut pasal pengiktirafan skim perkhidmatan bagi Pegawai Pendidikan Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor yang berjaya tamatkan pengajian Ijazah. Datuk Speaker, dekat Sekolah Agama Johor ini memang kita, memang kita mengaku cikgu-cikgunya ramai dan dan dapat ijazah cuma grednya ketika ini tak seramai, tak sebanyak mereka yang berkelayakan itu.

Datuk Speaker, kemudian YB ADUN Parit Raja sebut untuk mewujudkan program laluan khas bagi guru KAFA berijazah yang telah mengikuti program diploma pasca siswazah agar dipertimbangkan untuk diserap terus ke skim perjawatan tetap. Saya jawab sikit. Terima kasih YB Parit Raja kita bersetuju atas cadangan yang begitu baik. Semua ini kita sedang dalam perhalusi permohonan dengan Bahagian Sumber Manusia Negeri Johor, kita semak dengan SPAJ negeri Johor. Kita kalau boleh Datuk Speaker, semua yang layak pada tempat perjawatannya, mereka adakan dapat kebajikan dan gred gaji yang lebih baik. Kan saya dah sebut pagi tadi, bahawa kita ada Pelan Kemajuan Pendidikan Agama Islam Negeri Johor. Ini daripada kebajikan anak murid, kebajikan guru-guru, bina sekolah-sekolah baru kita akan laksanakan di bawah pelan ini. Itu umum secara tambahannya, Datuk Speaker.

Datuk Speaker, sebelum saya pergi ulasan kepada Bajet 2026 saya ada masa lagi 4 minit, tak panjang. Datuk Speaker, dalam aspek syiar Islam Bajet 2026 ini Subhanallah, besar. Program Semarak Subuh diperhebatkan dengan tambahan bajet pada tahun depan, peruntukan RM2.92 juta. Nasihat daripada YB Maharani supaya peruntukan disalurkan kepada YB ADUN Datuk Speaker, pada ketika ini saya boleh katakan kita salurkan melalui penyelaras DUN, juga lantikan negeri. Nasihat saya Datuk Speaker, marilah kita bersama-sama meraikannya. Tak pernah ada halangan bahawa penyelaras DUN tak boleh jemput YB Maharani. YB Maharani jemputlah datang. Tak ada masalah. Dan, saya juga akan bagi nasihat kepada penggerak masjid, surau saya jangan dibeza-bezakan. Hendak ajak orang sembahyang kok beza-beza, mana boleh. Kalau ada aduannya YB Maharani bagi tahu kita. Tapi tak pernah sekali pun kita nafikan mana-mana Yang Berhormat. Cumanya, bagi maksud penyaluran dana, sudah pastilah pada ketika ini di pihak pembangkang kita salurkan melalui penyelaras DUN yang dilantik kerajaan. Tapi raikan. Kita jemput semua serta bersama.

Yang kedua, infak Jumaat. Ini besar. Tahun depan kita galakkan semua masjid melaksanakannya dan yang terpilih RM1,000.00 ditawarkan teruskan infak Jumaat dengan baik.

Ketiganya inisitif Bantuan Kasih Johor Datuk Speaker, saya gembira sangat Menteri Besar tak lupa kepada penggerak masjid, surau DUN, guru takmir, guru Quran, para pegawai masjid, surau Datuk Speaker, 8,813 orang semuanya tahun ini dapat RM1,000.00. Allahu Akbar. Terima kasih banyak kepada kerajaan Johor, terima kasih Menteri Besar Johor.

Datuk Speaker, ini lambang keprihatinan kita kepada masyarakat dan penggerak syiar-syiar agama. Mudah-mudahan negeri kita akan lebih dinaungi Allah dengan keberkatan dan limpah

kurnianya. Dan, jangan lupa Datuk Speaker, Tabung Kasih Johor Palestin. Tadi YB Pulai Sebatang sebut pasal Palestin dan *backbenchers* juga ada sediakan kita punya *pin clip* saya tak pakai pula, minta maaf YB Kukup. Ini usaha kita hendak menghayati perjuangan rakyat Palestin. Jangan tak tahu, tahun ini sahaja untuk 2025, RM2.53 juta kita perolehi dan kita juga sudah mendapat kebenaran daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Datuk Speaker, untuk menghantar bantuan ini terus kepada kem pelarian Palestin di Mesir ataupun Jordan. Ini tengah buat kemuktamadan. Di Jordan dan juga Mesir ada kem pelarian Palestin. Maka kita tengah pilih, dapatkan kerjasama dengan kedutaan untuk kita pergi dan kita berikan bantuan di situ. Dalam masa yang sama Datuk Speaker, penghantaran makanan bermasak ke Gaza juga sedang diusahakan dengan kerjasama pihak kedutaan di Jordan juga di Mesir untuk kita salurkan sumbangan yang diperlukan.

YB Speaker : Yang Berhormat, saya baru sahaja baca laporan daripada *United Nation* mengatakan keadaan di Gaza semakin teruk.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Allahu Akbar.

YB Speaker : Jadi memang besarlah sumbangan yang kita buat sebenarnya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Betul Datuk Speaker, saya ucap banyak-banyak terima kasih kepada semua penyumbang rakyat Johor, Bangsa Johor dan GLC, semuanya PBT yang menyokong tabung ini termasuk Datuk Speaker, saya kena sebut dalam rakamkan sumbangan peribadi daripada Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan juga berada di dalam Tabung Kasih Johor untuk kali ini.

Datuk Speaker, seterusnya bagi pembangunan sosial, juga kejayaan negeri Johor saya nak ulas sikit tentang Majlis Halal Negeri Johor. Tadi Pelan Pemaju Halal saya dah sebut Datuk Speaker, saya juga baru juga balik daripada negara China, ada potensi pelaburan. Saya pinjam ayat Yang Amat Berhormat PM10. Ada potensi pelaburan halal nak masuk ke Johor, dalam jumlah yang besar. Sekurang-kurangnya RM5 bilion. Maka saya dengan bantuan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, YB Paloh tengah menyusun dengan teliti ini bagaimanakah kita boleh melaksanakan niat pelaburan ini, dan jika dapat nasihat daripada MIDA Datuk Speaker, satu pertemuan akan dilakukan dengan pihak pelabur pada hujung tahun ini dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tapi dengan nasihat MIDA terlebih dahulu. Jadi saya minta semua doakan. Mana orang fikir Datuk Speaker, EXCO Portfolio Agama boleh membuka ruang kepada potensi halal ini. Sebab halal memang di bawah Portfolio Agama Islam.

Datuk Speaker, seterusnya kita ada penambahbaikan dari sijil halal. Johor bakal jadi negeri pertama yang sekarang ni 30 hari kita hendak pergi kepada 15 hari. Itu yang MB, Yang Amat Berhormat Menteri Besar umum *Halal Green Lane*. Itu tujuannya supaya permohonan sijil halal lebih cepat dan lebih mudah. Datuk Speaker, selanjutnya masjid dan surau tak pernah dilupakan sejak 2022 sampai 2025 ini, peruntukan keseluruhan yang telah pun disalurkan RM120.7 juta bagi baik pulih masjid surau. Tetapi saya mengaku Datuk Speaker, masih banyak lagi yang belum dapat kita baiki dan naik taraf. Ini kita punya kesungguhan jangka panjang. Datuk Speaker, *task force,* akhir. Datuk Speaker, saya nak umumkan Miskin Tegar di Johor setakat 8 September yang lepas sekali lagi, Johor berjaya letakkan miskin tegar sifar, Datuk Speaker. Ini kejayaan semua. Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat YB Dewan semua atas kesungguhan perkara ini.

Datuk Speaker, dan akhirnya Sekolah Agama Kerajaan Johor. Tahun ini saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Senator Haji Mohd Naim Mokhtar, Menteri Hal Ehwal Agama persekutuan dan JAKIM. Tahun ini sekolah agama kita, Maahad Tahfiz semua data pun ada dia, mereka luluskan peruntukan RM21.8847 juta. Duitnya dah masuk pun ke sekolah-sekolah yang berkenaan dan projeknya dilaksanakan oleh pihak sekolah sendiri. Tanpa orang tengah. Maksudnya kalau baiki tandas, tandasnya jadi terus baik. Tanpa ada

orang nombor 2, nombor 4 mengganggu proses ini. Datuk Speaker, kita bantu guru-guru adanya nama *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan.

Guru-guru sekolah agama macam mana nasihat daripada YB Parit Raja Datuk Speaker, sekolah agama kita guru-gurunya dinaikan pangkat daripada 10 ke 8 tahun Datuk Speaker, kita timbal guna *standard* Kementerian Pendidikan. Tahun ini melibatkan 337 orang guru, mereka naik gred Datuk Speaker, dan naik gaji ramai-ramai. Ini pun kelebihan kejayaan kita Bangsa Johor. (Dewan bertepuk).

Guru KAFA Datuk Speaker, selepas lama elaun mereka tak naikkan, saban tahun YB ADUN semua nasihatkan naikkan lah kesian mereka Datuk Speaker, ramai yang belum perasan 2,150 orang guru KAFA satu Johor semua elaunnya daripada RM512.00 naik kepada RM662.00 sebab ada kenaikan RM150.00 mulai Januari 2026 nanti. *So,* mereka akan terima elaun tuan-tuan daripada negeri dan juga pusat RM1,762.00 sebulan secara keseluruhan. Maka itu, antara tanggungjawab yang dapat kita lunaskan.

Datuk Speaker, Allah sebut dalam surah Al Haj, ayat 41 (Bacaan surah). Kata Allah, orang Islam Datuk Speaker, kalau diberikan kuasa dekat dunia dia buat apa? Dia buat 4 perkara. Pertama, *waatusshollah*, dia laksanakan solat, *waatuszakaat*, dia buat zakat. Johor Datuk Speaker, kita kempen orang sembahyang, sembahyang jangan tinggal. Semarak Subuh kita buat, infak Jumaat kita laksanakan. Zakat kita meningkat. Alhamdulillah. *Wa amru bil ma'ruf*, *wan hau anilmungkar.* Kita benda baik, Bajet 2026 baik untuk rakyat. Kita cegah kemungkaran. Mudah-mudahan Datuk Speaker, akhirnya *Walillahi aqibatul umur*, semua kebaikan ini akhirnya pergi pada Allah SWT juga.

Datuk Speaker, ini penutup saya Portfolio agama Islam mudah-mudahan pembentangannya mendapat penerangan kepada semua pihak. Assalamualaikum warahmatullah.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Kita bersyukur kerana Semarak Subuh ditambah 3 kali. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat di DUN Rengit kita akan mulakan pada bulan Disember ini juga. Jadi, belanja itu akan ditanggung oleh ADUN Rengit (Dewan bertepuk.) Surau terakhir kami yang ke 88 baru-baru ini, orang kampung taja kambing golek eh.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan.

YB Pengerusi Pendidikan dan Penerangan : Bismillahirahmanirrahim (Bacaan selawat). Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya dapat kita bersama-sama hadir dalam sesi penggulungan Sidang Dewan Negeri Johor.

Terlebih dahulu patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat DiRaja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan jua Bangsa Johor. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada patik dan kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor. Dari Bukit Raja ke Tanjung Surat;

dagang hamba musafir lalu; kerajaan sentiasa memikirkan rakyat; agar negeri Johor terus maju.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selaku EXCO yang bertanggungjawab pada hari ini, saya ingin menegaskan bahawa Belanjawan Johor 2026, bukan sekadar dokumen angka dan peruntukan, ia adalah cerminan tekad kerajaan negeri untuk membawa Johor ke hadapan dengan perancangan jelas hala tuju yang konsisten dan dasar yang berpaksikan kepentingan rakyat. Kritikan yang dilemparkan oleh setengah pihak jelas tidak mengambil kira fakta sebenar kejayaan negeri Johor.

Johor hari ini berdiri sebagai antara negeri paling progresif di Malaysia. Pelaburan meningkat dan tertinggi suku ketiga tahun ini, peluang pekerjaan bertambah, agenda TVET diperkukuh, perumahan rakyat dipercepatkan dan kebajikan diperkasakan. Ini bukan retorik politik tetapi pencapaian yang dibuktikan melalui pelaksanaan. Kita menghormati hak sesiapa sahaja untuk memberikan pandangan. Namun pandangan tanpa asas, tanpa cadangan dan tanpa memahami konteks pembangunan negeri hanya akan mengelirukan rakyat. Kerajaan ini berpegang kepada prinsip bekerja, bukan bermain persepsi, tolong fahami Belanjawan 2026 ini sebaiknya. Belanjawan ini memberi manfaat langsung kepada rakyat daripada kesihatan, pendidikan, perumahan hinggalah ekonomi luar bandar inilah komitmen kerajaan negeri dan inilah keutamaan kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM193 juta yang merupakan peruntukan terbesar dalam sejarah negeri Johor bagi sektor pendidikan. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas komitmen ini. Kerajaan negeri Johor telah melabur peruntukan yang sangat banyak pada tahun ini bagi menunjukkan, memperkukuhkan ekosistem pendidikan melalui pelbagai inisiatif berimpak tinggi bagi persediaan anak-anak muda dalam mendepani arus ekonomi *Johor Singapore - Special Economic Zone*. Komitmen ini diteruskan melalui usaha memastikan akses pendidikan yang adil dan insklusif. Antara Yang Berhormat Speaker, program *back to school* berjumlah RM28.8 juta memberi manfaat kepada 189,000 pelajar B40 dan asnaf memastikan mereka memulakan sesi persekolahan dengan yakin dan lengkap. Bantuan Laptop Siswa Johor bernilai RM13.56 juta pula disalurkan kepada 5,000 mahasiswa B40 mengurangkan jurang digital dan memperkasa pembelajaran berasaskan teknologi.

Kerajaan negeri Johor juga mendengar rintihan mahasiswa sewaktu perjumpaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama mahasiswa anak Johor di negeri Sabah. Bahawa mereka sangat mengharapkan subsidi diskaun tiket kapal terbang untuk pulang ke Johor memandangkan harga tiket yang tinggi terutama pada musim perayaan. Oleh hal demikian, Kerajaan negeri Johor membantu mahasiswa anak Johor yang jauh untuk pulang beraya di Johor melalui bantuan tiket penerbangan dan bas percuma berjumlah RM1.4 juta menyediakan tiket penerbangan kepada mahasiswa di IPTA di Sabah dan Sarawak serta bas percuma mahasiswa di Semenanjung sempena musim perayaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak ketinggalan Bantuan Pendaftaran IPT sebanyak RM9 juta diberikan kepada 10,000 mahasiswa B40, membantu meringankan kos kemasukan ke institusi pengajian tinggi. Dalam bidang infrastruktur transformasi Sekolah Rintis Bangsa Johor Fasa 2 dengan peruntukan nilai RM15.72 juta menaik taraf fasiliti dan persekitaran pembelajaran. Manakala RM17.06 juta untuk pengisian modul guru dan murid bagi memperkayakan pengalaman pengajaran dan pembelajaran, membina pelajar dan guru yang lebih kreatif, berdaya saing dan cemerlang dalam setiap aspek ilmu pengetahuan. Kerajaan negeri Johor terus menitik beratkan kesejahteraan pelajar melalui bantuan makanan percuma dan tuisyen SPM 2026 berjumlah RM2.52 juta memberi manfaat kepada lebih 12,000 pelajar B40 serta keseluruhan pelajar SPM untuk bantuan makanan percuma pada tahun ini, Yang Berhormat. Bagi pemantapan akademik calon SPM 2026 bernilai RM20.2 juta turut dilaksanakan bagi memperkukuhkan prestasi akademik pelajar membimbing mereka ke arah

pencapaian cemerlang dan melahirkan generasi muda Johor yang bersedia menghadapi peperiksaan serta cabaran pendidikan tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana turut dibangkitkan oleh Puteri Wangsa, Bukit Batu, Kemelah, Mahkota dan Bukit Naning, kerisauan mengenai peluang pekerjaan, sambung belajar, TVET dan laluan kerjaya bagi golongan belia, graduan, pelajar yang gagal, lulus SPM dalam mengejar arus JS-SEZ.

Untuk pengetahuan Ahli Dewan negeri ini, negeri Johor sedang berkembang pesat sedia untuk menunjukkan transformasi dalam membangunkan anak-anak pelajar ini demi kejayaan ekonomi negeri. Seperti mana yang ditegaskan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor, penubuhan JPDC tahun lalu merupakan pemangkin bagi menyediakan peluang pekerjaan bergaji premium RM4,000.00 hingga RM5,000.00 serta menjadikan Johor sebagai negeri peneraju pembangunan bakat berimpak tinggi menjelang 2030 dengan mewujudkan 100,000 peluang pekerjaan dengan gaji premium. JPDC menjalankan peranan sebagai jambatan strategik antara industri dan institusi pendidikan tinggi dengan memperkenalkan kursus baharu, modul teknikal, pengurusan professional serta laluan kerjaya yang memenuhi keperluan tenaga kerja pada masa hadapan. Dalam memenuhi sasaran 10,000 peluang pekerjaan bergaji tinggi bagi tahun 2025, JPDC telah menggerakkan kerjasama bersama enam universiti dan 15 kolej atau pusat TVET di negeri Johor. Lepasan graduan universiti, lepasan TVET dan pelajar teknikal telah didedahkan dengan peluang pekerjaan melalui program seperti karnival kerjaya premium yang kini menjadi platform utama padanan kerja di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Pulai Sebatang, Tiram, telah ingin perkenan untuk memberitahu, mengetahui tentang lebih lanjut berkenaan Sekolah Rintis Bangsa Johor. Kerajaan negeri Johor tetap teguh dalam memberi komitmen bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan SRBJ ini dari aspek pembangunan infrastrukturnya. Pendekatan oleh sekolah rintis ini dilaksanakan bagi menjamin bahawa Sekolah Rintis Bangsa Johor terus memberi manfaat berimpak tinggi kepada warga sekolah dan juga masyarakat negeri Johor secara berterusan dalam masa yang panjang ini.

Program SRBJ kini sudah mulai fasa pemantauan dan penilaian menyeluruh. Kerajaan negeri Johor mensasarkan peningkatan *enrollment* pelajar dalam aliran STEM sehingga 70%. Ketika ini 49% pelajar SRBJ berada dalam bidang tersebut. Pelajar juga mengikuti pembelajaran STEM minimum 112 jam dalam setahun. Jauh melebihi standard kebangsaan bagi mengukuhkan pengetahuan mereka dalam aliran sains dan teknologi juga mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris kita mengadaptasikan dan menginspirasikan program *SELA* di Singapura dan mewujudkan *JELA* iaitu *Johor English Academy*. Dalam aspek teknologi pendidikan, kerajaan telah menaiktaraf kemudahan digital seperti *smart phone*, *ARVR* dan juga rangkaian internet berkelajuan tinggi bagi menyokong PDP moden dan interaktif.

Sekolah Rintis Bangsa Johor turut menerima pengiktirafan sebagai *Effort Distinguish School* disertakan dengan penyediaan *I-Pad* kepada semua pelajar dan guru. Selain itu, bagi meningkatkan prestasi SPM, kerajaan melaksanakan program mentor mentee bersama sekolah-sekolah berprestasi tinggi seperti STF, SSI dan MRSM Johor Bahru bagi memperkukuhkan bimbingan akademik pelajar SRBJ. Kemudahan seperti bilik darjah rintis, pusat sumber, makmal, studio, kecemerlangan serta bengkel RBT dipastikan sentiasa berfungsi dengan baik. Sehingga 9 Oktober 2025, kemajuan keseluruhan projek infrastruktur SRBJ telah mencapai melebihi 50%.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menjamin infrastruktur sekolah dengan baik adalah tanggungjawab yang penting bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan prestasi pelajar sentiasa berada pada tahap optimum. Infrastruktur sekolah dengan baik adalah kunci kepada penyediaan senarai pembelajaran yang kondusif dan berkesan. Oleh hal demikian,

Kerajaan Negeri Johor sedang bekerja rapat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha dalam menjamin infrastruktur yang baik serta berkualiti.

Saya juga sentiasa turun padang memeriksa, memantau dan menyelaras segala isu yang berkaitan dengan institusi pendidikan di negeri Johor ini. Baru-baru ini, saya juga telah turun beberapa sekolah dan memeriksa tahap keselamatan infrastruktur sekolah serta menyelaras mesyuarat bagi sekolah-sekolah baharu yang menghadapi kelewatan pelaksanaan projek dan insya-Allah, atas saranan Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga akan turun untuk buat *spotcheck* ke sekolah-sekolah di asrama-asrama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, YB Pulai Sebatang menyuarakan isu berkenaan bangunan makmal komputer di Sekolah Menengah Datuk Pengawa Barat Pontian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya amat memandang serius berkenaan status makmal komputer SMK Datuk Penggawa Barat yang telah terbengkalai. Mesyuarat pada 10 Oktober 2025 bersama KPM mencadangkan supaya lantik pasukan teknikal khas bertauliah membuat kerja verifikasi semula kondisi bangunan makmal komputer di sekolah berkenaan dan dapatan hasil lawatan tapak dan menentukan tindakan KPM sama ada merobohkan terlebih dahulu atau tidak perlu merobohkan bangunan makmal hanya menyambung, meneruskan kerja-kerja pembaikan. Pihak KPM akan membuat sesi libat urus sekali lagi berkenaan tindakan seterusnya bagi re-tender semula kontraktor untuk meneruskan kerja pembinaan pembaikan makmal sekolah, makmal komputer sekolah oleh kerana ia akan ditentukan kemudian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, YB Yang Berhormat Pulai Sebatang menyuarakan berkenaan isu SK Ayer Baloi, Pontian yang tiada padang untuk murid-murid beraktiviti. Saya sedar akan kepentingan kemudahan sukan seperti padang permainan dalam menyokong pembelajaran pendidikan jasmani, aktiviti sukan serta program kokurikulum yang berperanan dalam membangunkan potensi murid secara holistik. Berhubung tapak untuk dijadikan padang sekolah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Pulai Sebatang sehingga kini belum ada sebarang permohonan dari pihak sekolah atau Pejabat Pendidikan Daerah Pontian bagi cadangan pembinaan padang sekolah khusus di Sekolah Kebangsaan Ayer Baloi itu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Kahang ada menimbulkan kerisauan berkenaan isu pendidikan bagi masyarakat India. Yang Berhormat Kahang ada menyuarakan berkenaan pembinaan SJKT Pamol di Kluang, SJKT Sungai Muar, SJKT Mengkibol di Kluang, SJKT Ladang Sembrong, SJKT MADOS, SJKT Ladang Elaeis dan juga SJKT Ladang Lambak di Kluang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, SJKT Ladang Pamol Kluang merupakan sekolah berstatus sekolah kerajaan yang mana *enrollment* sebanyak 48 orang murid dan mempunyai enam (6) bilik darjah. Sekolah ini ditubuhkan pada 1 Januari 1937. SJKT Ladang Pamol telah berpindah ke SJKC Kampung Gajah pada 25 Februari 2024 disebabkan bangunan sekolah telah diisytiharkan tidak selamat diduduki oleh JKR Daerh Kluang melalui satu surat bertarikh 8 Mac 2022. Pada masa kini, kami telah menghantar perancangan untuk mengemukakan permohonan pembinaan sekolah baru bagi SJKT Ladang Falmal dalam *Rolling Plan* Tahun 2027 RMKe-13 *RP2* RMKe-13.

SJKT yang lain merupakan sekolah bantuan kerajaan dan sekolah kurang murid yang berelemen kurang RM150 milion, Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996, Akta 550, mentafsirkan SBK sebagai sekolah yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh. KPM menyalurkan sumbangan bantuan bagi tujuan penyelenggaraan di premis SBK tertakluk pada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan melalui Belanjawan tahunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SBK tidak diselenggara sepenuhnya oleh pihak kerajaan, ia selaras dengan kedudukannya sebagai sekolah berstatus SBK, tanggungjawab pembiayaan sepenuhnya sebarang kos yang diperlukan bagi tujuan pemindahan. Pembinaan bangunan serta menyediakan kelengkapan SJKT berstatus SBK adalah terletak di bawah

Lembaga Pengurusan Sekolah ataupun biaya sekolah tersebut. Namun bagi Kerajaan Negeri Johor, kami sedaya cuba turut membantu bagi pembangunan sekolah berstatus SBK ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Jementah ada menyuarakan kebimbangan tentang kesedaran dan pendidikan langkah jaga-jaga bagi menghadapi bencana gempa bumi. Kesedaran dan pendidikan berkaitan insiden ini perlu diberi perhatian oleh warga institusi pendidikan bagi memastikan kebajikan dan keselamatan semua pihak dalam menghadapi sebarang kemungkinan. Saya sendiri telah turun ke Segamat untuk melihat tahap kesediaan di semua institusi pendidikan yang berkaitan di dalam daerah Segamat. Sesi taklimat dan latihan berkaitan kesiapsiagaan menghadapi semua gempa bumi kepada institusi pendidikan di Pejabat Pendidikan Daerah telah diadakan dan dilaksanakan pada 8 dan 9 September 2025 melibatkan semua guru, penolong kanan HEM sekolah rendah dan menengah. Pengisian taklimat dan latihan meliputi pelan tindakan kecemasan gempa bumi, modul pendidikan pengurangan risiko pencarian gempa bumi dan simulasi di 5 buah sekolah yang terkesan dengan gegaran tersebut melibatkan murid dan guru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Kempas, Panti, Kemelah, Bentayan, Maharani, Johor Jaya, Sedili, Tangkak telah menyuarakan kebimbangan terhadap masalah isu melibatkan jenayah di kalangan pelajar sekolah. Kerajaan Negeri Johor amat memandang serius isu masalah disiplin dan gejala sosial murid di sekolah termasuk tentang buli, vandalisme, pergaduhan, penyalahgunaan bahan terlarang dan bahan lucah, ponteng sekolah, isu mental, pergaduhan, penyalahgunaan gajet, merokok, vape, dadah, gangguan seksual dan masalah sosial serta keselamatan fizikal di sekolah. Dalam arus yang semakin mencabar pada masa kini, masalah sosial dan disiplin pelajar semakin membimbangkan dan memerlukan tindakan segera daripada semua pihak.

Saya bersama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa berbincang dan bermesyuarat dalam menangani dan mencegah isu-isu ini berlaku. Mewujudkan juga satu Jawatankuasa Khas yang melibatkan pelbagai pengantara juga diwujudkan dan memastikan skeolah-sekolah dan pelajar-pelajar negeri Johor sentiasa terpelihara dengan #JohorSafeZone. Kerajaan Johor sangat menekankan penghayati Modul Karakter Murid Johor yang mana melibatkan isu-isu penekanan tentang pembentukan jati diri murid berasaskan nilai karamah insaniah iaitu kemuliaan, maruah dan tanggungjawab sosial sebagai asas kepada sahsiah dan disiplin pelajar. Bagi menyokong penghayatan serta pembentukan karamah insaniah dan Karakter Murid Johor ini berbagai inisiatif telah digerakkan bagi mencegah dan menangani masalah disiplin di sekolah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan Johor sentiasa bekerja rapat juga dengan pihak PDRM untuk menjadikan supaya PPS di bawah pihak PDRM ini akan membantu sekolah dalam menangani isu disiplin dan keselamatan dengan merangka dan menjalankan aktiviti pencegahan jenayah dan masalah disiplin pelajar.

Yang Berhormat Panti dan Tangkak ada menyuarakan tentang kekuatan dan penglibatan guru dalam menghadapi masalah disiplin pelajar di sekolah. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Negeri Johor amat memahami kekangan yang dihadapi oleh guru-guru pada hari ini. Guru adalah insan yang mendidik dengan jiwa, dengan suara, dengan teguran dan dengan budi bicara profesional yang telah lama membentuk sahsiah generasi Malaysia ini. Saya sangat memahami bahawa dalam proses pendidikan, guru perlu mengingatkan, menegur, menasihat dan menegaskan kepada perkara yang betul. Ia sebahagian daripada komunikasi pedagogi yang berlaku di dalam keluarga, dalam komuniti dan juga dalam bilik darjah. Teguran atau nasihat yang diulang bukanlah hukuman tetapi sebahagian daripada proses pembelajaran yang normal dan manusiawi, maaf.

Tanpa guru yang dihormati, dipercayai dan diberikan penjelasan dalam dasar tidak mungkin kita dapat membina generasi muda yang berdisiplin, beradab dan berakhlak baik. Oleh itu, Kerajaan Negeri Johor akan terus menyuarakan pandangan ini kepada kerajaan pusat agar

garis panduan pendidikan yang dibangunkan benar-benar membantu guru bukan menyusahkan mereka, benar-benar mendidik murid, bukan menjejaskan keberkesanan proses pengajaran. Pendidikan penting demi masa hadapan kerana melalui ilmu pengetahuan seorang mampu membina kerjaya yang stabil dan menjalani kehidupan yang lebih berkualiti. Oleh hal yang demikian, saya berharap semua pihak bekerjasama dalam membantu mendidik anak-anak Bangsa Johor supaya Johor dapat melahirkan insan-insan yang mampu membina masa hadapan negeri yang lebih gemilang. Sebelum saya mengakhiri penggulungan saya, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun. Buah kemunting di dalam perahu, masak ramun di tepi tempayan, demi hasrat Johor Maju, utama pendidikan teras kejayaan. (Dewan bertepuk.) Kepada Allah berserah. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatuhllahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi. Sila.

Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur dan Komunikasi : Doa. Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh. Selamat sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT di atas perkenan rahmat dan limpah kurniaNya, maka saya dapat membentangkan penggulungan saya pada hari ini.

Pertama-tamanya patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat Ke Bawah Duli Yang Maha Muli Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang bakal disambut 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT semoga Ke Bawah Duli Yang Maha Muli Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat Diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang menzahirkan kepentingan tinggi terhadap isu-isu rakyat serta masa depan pembangunan negeri Johor. Sesungguhnya keperihatinan ini membuktikan bahawa Tunku sentiasa mendahulukan kepentingan dan kemanfaatan rakyat serta menitikberatkan mutu perkhidmatan awam segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas Pembentangan Belanjawan Johor 2026 yang jelas lebih inklusif kepada semua golongan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Stulang, Yang Berhormat Permas dan Yang Berhormat Iskandar Puteri atas persoalan yang tepat pada masanya khususnya berkaitan isu penyuraian trafik di CIQ Tambah Johor Bangunan Sultan Iskandar, BSI serta keseluruhan kawasan Pusat Bandar Johor Bahru. Keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat ini cukup mencerminkan komitmen bersama kita dalam memastikan kesejahteraan rakyat yang berdepan kesesakan saban hari. Untuk makluman, Ahli Dewan yang mulia perkara ini turut mendapat perhatian khusus daripada Pemangku Sultan Johor, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang amat menitikberatkan aspek mobiliti rakyat, pasca pengoperasian RTS Link. Titah pandangan Baginda juga menjadi pedoman utama kerajaan negeri agar segala perancangan penyuraian trafik dilaksanakan secara komprehensif bersepadu dan berpaksikan kepentingan rakyat. Pada Isnin yang lalu, 17 November 2025 saya sendiri telah membentangkan Pelan Komprehensif merangkumi langkah jangka pendek sederhana dan panjang berhubung penyuraian trafik di Bandaraya Johor Bahru dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai keselamatan dan kesesakan jalan raya yang

dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri 1, Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi. Pembentangan ini selaras dengan komitmen kerajaan persekutuan yang memberi keutamaan kepada Johor susulan impak besar pengoperasi, RTS Link terhadap aliran trafik harian.

Antara inisiatif *quick win* yang turut disentuh oleh Yang Berhormat Bekok dan Yang Berhormat Jementah adalah penyediaan perkhidmatan alternatif yang lebih cekap termasuklah ETS. Harapan kita apabila ETS beroperasi sepenuhnya kelak, yang kita jangkakan Yang Berhormat Datuk Speaker, tiket telah pun dijual. Laluan pertamanya adalah pada 1 Januari 2026. Harapan kita apabila ETS beroperasi sepenuhnya kelak, rakyat mempunyai pilihan perjalanan yang lebih selesa, cepat dengan harga yang berpatutan. Seterusnya, mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian sekaligus membantu menurunkan pelepasan karbon.

Selepas pengoperasian ETS yang dijangka 1 Januari 2026, kita mengharapkan agar Komuter Selatan dapat mula beroperasi pada Februari 2026 dari JB ke Kulai sejauh 25 kilometer. Apabila ETS mula sahaja beroperasi pada 1 Januari, servis yang kita kenali sebagai Ekspres Selatan akan dipendekkan daripada Johor Bahru ke Gemas dipendekkan kepada Johor Bahru – Kulai supaya *trip*nya kita dapat pertingkatkan dengan jarak 25 kilometer. Perjalanan yang kini mengambil masa 1 jam dengan menggunakan kereta pada waktu puncak, dijangka hanya mengambil masa 30 minit menggunakan komuter. Sebanyak 32 *trip* sehari akan disediakan dengan kapasiti 400 penumpang setiap perjalanan dan harga tiket dijangka kurang daripada RM3.00.

Kerajaan amat berharap kemudahan ini akan menerima sambutan menggalakkan serta dapat mengurangkan secara signifikan aliran trafik harian di sepanjang koridor berkenaan. Sekiranya mendapat sambutan, yang menggalakkan saya akan mohon tambahan *trip* daripada pihak Kementerian Pengangkutan dan juga KTMB. Kerajaan negeri turut memberi perhatian terhadap potensi pembukaan perkhidmatan penumpang di jajaran Kempas - Pasir Gudang yang kini digunakan sebagai *Single Track Trian Cargo*, dengan izin. Jajaran sepanjang lebih kurang 25 kilometer ini hanya mengambil masa sekitar 30 minit menaiki *train* lebih pantas berbanding perjalanan jalan raya yang sering mengambil masa lebih 1 jam pada waktu puncak.

Untuk permulaan Yang Berhormat Datuk Speaker, kita cadangkan 4 trip dahulu. Untuk kita tengok *demand* di kawasan tersebut, 4 trip pergi dan balik setiap hari dengan harga tiket dijangka di bawah RM3.00. Ini dilihat mampu menjadi *game changer* kepada penduduk Pasir Gudang, Masai, Tampoi dan kawasan sekitarnya. Kita juga ada mencadangkan pembinaan stesen-stesen sementara supaya di sepanjang jajaran daripada Pasir Gudang ke Kempas ini ada stesen sementara Datuk Speaker, iaitu di Taman Daya, Bandar Baru Seri Alam dan Pasir Putih. Insya-Allah projek ini akan mula beroperasi 6 bulan daripada bulan Februari. Kita jangka dalam bulan Ogos ataupun bulan September dan ini perlukan pemerhatian khusus daripada pihak MOT, RAC dan juga KTMB.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri melalui Perbadanan Pengangkutan Johor, PAJ sedang memperkukuh rangkaian perkhidmatan bagi mengurangkan kebergantungan rakyat terhadap kenderaan persendirian. Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Jementah dan Yang Berhormat Kempas mengenai perkhidmatan *feeder* yang membawa penumpang dari kawasan perumahan ke laluan utama, *main trunk* dengan izin, kerajaan negeri telah melaksanakan penyemakan semula laluan dan kekerapan Bas Muafakat Johor bagi memastikan liputan lebih menyeluruh, waktu menunggu lebih singkat serta perkhidmatan yang lebih mudah diakses oleh penduduk setempat. Saya telah berbincang dengan prasarana mengenai pelaksanaan *Demand*, *Responsive, Transit* (DRT) dengan izin, iaitu sistem pengangkutan awam fleksibel yang digerakkan berdasarkan permintaan ke kawasan perumahan. Jalan penghubung dan lokasi-lokasi yang tidak berada di laluan utama bagi mengukuhkan lagi *last mile connectivity*, dengan izin.

Peranan sektor swasta juga dialu-alukan, pada masa ini Grab telah melaksanakan perkhidmatan Grab Shuttle dari JB Sentral ke 8 kawasan dalam radius 20 kilometer termasuklah KSL, R&F, Larkin Sentral, Danga Bay, Kebun Teh, Taman Pelangi, Mid-Valley dan KPJ Johor Specialist Hospital.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, *Grab Shuttle* ini merupakan kaedah perkongsian kenderaan dalam hasrat kita hendak mengurangkan kenderaan persendirian masuk ke dalam kawasan bandar Johor Bahru, kita mulakan dulu dengan *e-hailing* jadi 3 orang Datuk Speaker tak perlu order 3 kenderaan *e-hailing* dia boleh berkongsi dengan harga yang lebih murah menggunakan konsep *grab shuttle*. Dan, konsep ini kita juga harap dapat diperluaskan lebih daripada kawasan bandar Johor Bahru iaitu luar daripada 20 kilometer daripada pusat bandar. Inisiatif ini bukan sahaja membantu mengisi jurang sambungan malah menyokong usaha kerajaan negeri dalam memastikan rakyat mempunyai akses yang lebih mudah, cepat dan tersusun kepada perkhidmatan pengangkutan awam serta dapat mengurangkan kenderaan persendirian masuk ke kawasan pusat bandar. Pelaksanaan skim bas henti-henti SBST 1.5 yang baru sahaja dimulakan pada bulan September yang lepas, terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah meningkatkan kapasiti *bas.my* ini secara ketara. Dengan peruntukan RM134.94 juta melibatkan 162 buah bas bagi tempoh 2 tahun sehingga 30 Mac 2027. Ini melibatkan pertambahan sebanyak 33 bas dari JB Sentral menjadikan jumlah keseluruhan meningkat daripada 78 buah bas kepada 111 buah bas yang boleh menyuraikan trafik daripada JB Sentral tersebut. Laluan juga turut bertambah daripada 11 laluan kepada 13 laluan.

Untuk makluman Ahli Dewan, meskipun baru beroperasi kurang daripada dua bulan daripada 13 laluan tersebut, 6 laluan kini melepasi kapasiti maksimum yang diunjurkan oleh APAD. Permintaan yang meningkat ini membuktikan bahawa rakyat semakin bergantung kepada bas awam yang efisen. Justeru, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah bersetuju supaya proses *Request For Proposal RSP* bagi kajian dan pelaksanaan SBST 2.0 yang bernilai RM200 juta melibatkan 254 buah bas di awalkan, bagi mempercepatkan penambahbaikan rangkaian bas henti-henti di bandar-bandar utama termasuk Johor Bahru. Hasil pemetaan kawasan tumpuan sebanyak 77 *hotspot* kesesakan di kenal pasti termasuk Taman Pulai Jaya, seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Iskandar Puteri, kami sedia maklum bahawa kawasan Taman Pulai, Pulai Jaya dan UTM mempunyai jumlah trafik yang tinggi dan keadaan ini akan menjadi lebih teruk apabila terdapat majlis ataupun pesta konvokesyen.

Untuk makluman Yang Berhormat Iskandar Puteri, permohonan projek ini telah diangkat dalam RMK-13 *Rolling Plan 1* dengan kos RM40 juta tetapi tidak diluluskan. Walau bagaimanapun kami akan mengangkat sekali lagi permohonan ini, dalam RMK-13 RP2 kerana kami maklum projek ini penting bagi memastikan penyuraian trafik berkesan sementara menunggu kelulusan langkah proaktif seperti penyelarasan isyarat lampu trafik, laluan alternatif dan pematuhan TIA bagi pembangunan baru akan terus dipantau untuk memastikan pergerakan pengguna jalan raya lebih lancar dan selamat.

Ada Ahli-Ahli Yang Berhormat menyebut berkaitan tentang *elevated* ART. Maklum balas terkini daripada mesyuarat 17 November 2025 yang lalu menunjukkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri akan cuba membantu mempercepatkan pelaksanaan *elevated ART* ini melalui Jemaah Menteri. Keputusan ini penting untuk menentukan hala tuju seterusnya termasuk model pembiayaan kaedah pelaksanaan dan pelantikan pihak pelaksana projek. 3 koridor utama yang dicadangkan kekal seperti dalam kajian asal iaitu koridor Skudai, koridor Tebrau, koridor Iskandar Puteri. Iklan sudah, taklimat sudah, penilaian RFP pun sudah, sekarang hanya menunggu kelulusan daripada Jemaah Menteri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menarik perhatian isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kukup berkaitan projek jambatan Sungai Pulai. Projek ini adalah inisiatif Seaport Worldwide Sdn. Bhd untuk menyediakan jalan raya dari pelabuhan Tanjung Pelepas

ke kawasan perdagangan mereka di Tanjung Piai. Projek ini dibangunkan bersama UKAS dan telah siap sepenuhnya sebelum dibuka kepada pengguna pada 18 Januari 2023. Dengan audit penerimaan jalan di jalankan pada 6 Jun 2023. Namun begitu, hasil audit mendapati ada beberapa penambahbaikan diperlukan seperti papan tanda tambahan dan *transverse bar*. Namun, isu utama yang kita lihat ialah mendapan jalan melebihi 300 milimeter dalam tempoh 6 bulan yang menyebabkan proses penyerahan kepada JKR tidak dapat dilaksanakan. Sejak itu, pemaju telah bekerjasama rapat dengan JKR untuk mencari penyelesaian terbaik. Pemaju bersetuju menggunakan kaedah EPS yang telah diluluskan oleh Cawangan Kejuruteraan Geoteknik JKR Malaysia. Saya sendiri bersama pengarah JKR Johor telah melawat tapak pada 3 Julai 2024 dan dapat melihat komitmen pemaju untuk menyiapkan pembaikan. Sementara itu, pembaikan sementara seperti *regulate and overlay* dan pemasangan papan tanda tidak rata telah dilakukan. Namun begitu Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Kukup, pemaju maklumkan baru-baru ini bahawa pembaikan kekal belum dapat dimulakan kerana kos yang agak tinggi. Mereka sedang menilai kaedah baru iaitu sistem *piling* dan telah melantik konsultan untuk menyediakan reka bentuk baru yang dijangka siap 26 November 2025. Selepas itu, dokumen akan dihantar ke ibu pejabat JKR Kuala Lumpur, proses tender dijangka bermula Januari 2026, lantikan kontraktor dijangka Mac 2026 dan pembaikan dijangka siap setahun kemudian Mac 2027 sebelum diserahkan kepada JKR Daerah Pontian. Sepanjang tempoh ini pemaju masih bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyelenggaraan laluan termasuk pembersihan longkang, bahu jalan, *culvert*, tampalan jalan, perabot jalan dan lampu jalan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengulas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kahang dan Yang Berhormat Mahkota tentang isu jalan persekutuan FT050. Saya memahami aspirasi Yang Berhormat Kahang dan Yang Berhormat Mahkota bagi meningkatkan keselesaan pengguna harian laluan utama ini. Yang sering digunakan oleh pelajar sekolah, kenderaan berat dan orang awam. Keadaan jalan yang mempunyai banyak selekoh tajam dan berbukit.

YB Speaker : Yang Berhormat, boleh duduk sebentar.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan).

YB Speaker : Ya, sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memahami aspirasi Yang Berhormat Kahang dan Yang Berhormat Mahkota bagi meningkatkan keselesaan penguna harian laluan utama ini yang sering digunakan oleh pelajar sekolah, kenderaan berat dan orang awam. Keadaan jalan yang mempunyai banyak selekoh tajam dan berbukit telah menyumbang kepada kadar kemalangan yang tinggi. Tadi pagi semasa saya jawab soalan Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sebutkan bahawa Lebuh Raya Pasir Gudang FT17 terkeluar daripada senarai 10 jalan paling teruk di Malaysia. Sebelum ini kita berada di tangga ke 2. Kali ini saya tengok, saya semak balik tadi FT050 ni termasuk dalam antara jalan yang memerlukan perhatian lebih apa tu, lebih tinggi kerana ia melibatkan banyak kemalangan maut di kawasan ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh itu JKR Daerah Kluang telah mengemukakan kertas permohonan peruntukan di bawah Projek RMK-13 *Rolling Plan* Ke-2 kepada JKR Negeri Johor pada 30 Julai yang lepas, melibatkan 2 cadangan iaitu projek menaik taraf selekoh berbahaya FT050, FT050 dari Kluang ke Mersing serta kerja menaik taraf jalan sedia ada di seksyen 81 hingga 88.5 Jalan Batu Pahat-Mersing sepanjang 7.5 kilometer bernilai RM50 juta. Projek ini dijangka membawa *outcome* positif termasuklah pengurangan tahap kesesakan daripada LOSF ke LOSC serta peningkatan keselamatan, keselesaan, penjimatan masa perjalanan dan aktiviti ekonomi. Selain itu juga, projek ini bertujuan mengatasi limpahan air sungai dan longkang, menaik taraf tebing dan bahu jalan serta mencegah kejadian banjir seperti yang berlaku pada 1 Mac 2023. Selain meningkatkan kelancaran trafik dan mengurangkan kadar kemalangan, projek ini sedang dinilai di peringkat negeri sebelum

diangkat ke peringkat persektuan kerana ianya melibatkan jalan persekutuan dan kos yang tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengulas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pemanis mengenai keperluan menaik taraf lebuh raya Segamat – Kuantan. Kerajaan sedang giat melaksanakan inisiatif bagi menaik taraf rangkaian jalan raya utama di daerah Segamat, Johor. Melibatkkan 2 projek pembangunan infrastruktur kritikal. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan keselamatan, melancarkan aliran trafik serta memastikan keberkesanan kos dalam pelaksanaan. Projek pertama ialah kerja-kerja memperelok jajaran dan pembinaan lorong memotong di Jalan Segamat - Kuantan FT12. Cadangan ini mempertimbangkan penambahbaikan jajaran Jalan Segamat - Kuantan FT12, dan jalan Johor Bahru - Seremban FT1 kepada piawaian R5 sepanjang 20 kilometer dengan anggaran kos RM237.6 juta. Skop projek ini menyeluruh merangkumi pembinaan lorong memotong, menaik taraf persimpangan berlampu isyarat serta meroboh dan membina semula 2 jambatan baru merentasi Sungai Kapeh 1 dan Sungai Kapeh 2 mengikut piawaian R5. Buat masa ini cadangan ini sedang dalam proses VAE, *value assessment excercise* dengan izin untuk memastikan kaedah pelaksanaan yang terbaik dan menjamin keberkesanan kos projek.

Sementara itu, projek kedua melibatkan menaik taraf Jalan Muar - Tangkak - Segamat FT23 dari seksyen 71 hingga ke persimpangan FT12 Jalan Segamat - Kuantan. Projek ini mencadangkan pembinaan jajaran baru 4 lorong 2 hala dengan piawaian R5 sepanjang 6 kilometer bermula dari Pejabat Kemas di seksyen 71 dengan kos anggaran RM190 juta. Skop projek turut merangkumi menaik taraf persimpangan berlampu isyarat, pembinaan jambatan baharu merentasi landasan KTM dan Sungai Gemereh. Serta pembinaan sebuah jejambat baru yang melintasi paip gas PETRONAS. Proses VAE bagi cadangan ini telah diselesaikan dan projek ini kini sedang menunggu pertimbangan serta kelulusan lanjut bagi memulakan pelaksanaannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Penggaram ada membangkitkan isu berkaitan tentang RTB Sungai Batu Pahat. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Batu Pahat, Johor sedang dilaksanakan di daerah Batu Pahat dengan kos keseluruhan RM56.7 juta dan siling peruntukan tahun 2025 sebanyak RM14 juta. Projek ini telah melalui fasa pra pelaksanaan yang merangkumi skop perancangan serta reka bentuk manakala proses perolehan dijadualkan dengan lawatan tapak tender pada 19 Jun 2025, tarikh tutup tender pada 14 Julai 2025. Pada fasa pembinaan fizikal kontraktor telah dilantik dengan tarikh mula kerja pada 26 September 2025 dan dijangka siap pada 26 Mac 2027 dengan tempoh pembinaan selama 18 bulan. Antara isu yang dihadapi ialah kewujudan struktur penempatan seperti bangunan, pagar, kandang dan jeti di dalam rizab sungai yang perlu dialihkan melibatkan 88 struktur bangunan yang dihuni oleh 337 isi rumah. Bagi menangani isu ini, satu *task force* telah pun ditubuhkan bagi membincangkan strategi pemindahan penempatan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengulas isu hakisan pantai di Jalan Benteng Parit Kedondong, Parit Penyengat dan Parit Kasim yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Balang. Untuk makluman kawasan pantai di Parit Kedondong, Parit Penyengat dan Parit Kasim merupakan kawasan persisir yang terdedah kepada proses hakisan semula jadi akibat tindakan ombak, arus pasang surut serta cuaca ekstrem. Fenomena air pasang besar pada 6 November 2025 telah meningkatkan tekanan ombak ke atas struktur dan tebing pantai. Sekali gus menyebabkan kerosakan kepada beberapa kemudahan awam di kawasan tersebut. Pihak jabatan telah memohon beberapa projek bagi tahun 2026, seperti berikut dalam Rancangan Johor 5 Tahun, RJ5T di bawah peruntukan negeri iaitu kerja di Mukim Parit Jawa, di Pantai Parit Kasim Mukim Parit Jawa. Pantai Parit Kasim bernilai, dan juga pantai Parit Bulat bernilai RM950,000.00. Pihak jabatan juga sedang dalam proses memohon Projek Pengawalan Hakisan Pantai Seri Menanti, daerah Muar dalam Rancangan Malaysia Ke-13 RP2 dengan permohonan keseluruhan projek sebanyak RM95 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Simpang Jeram, Bukit Naning, Parit Raja, prihatin tentang penggunaan air di negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Naning, Johor sememangnya mempunyai pelan jangka panjang dengan pembinaan 5 projek loji rawatan air dengan kapasiti keseluruhan 1,100 juta liter sehari dan 3 projek pembinaan empangan bagi bekalan air mentah yang telah diluluskan oleh kerajaan persekutuan dengan kapasiti keseluruhan 1,166 juta liter sehari. Selain daripada pembinaan LRA, Datuk Speaker dan juga empangan, pihak kerajaan negeri juga bercadang agar sungai-sungai yang menjadi sumber bekalan air di negeri Johor dapat diwartakan. Iaitu, pertama, Sungai Johor, Sungai Batu Pahat, Sungai Endau, Sungai Sedili Besar dan Sungai Muar dapat diwartakan sebagai kawasan tadahan sumber air di negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Dewan, Sungai Johor sendiri memberi manfaat sumber air kepada lebih 2 juta penduduk di negeri Johor. Oleh yang demikian, sekiranya cadangan pewartaan ini dapat dilaksanakan, ia akan menjadikan pembangunan di sekitar jajaran sungai-sungai ini dapat dikawal oleh kerajaan bagi mengelakkan berlakunya pencemaran kepada sungai seperti yang berlaku baru-baru ini. Sungai Endau dan Sungai Sedili Besar, Yang Berhormat Datuk Speaker, masih lagi dalam keadaan paling bersih setakat ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi memastikan gangguan bekalan air dapat kita kurangkan, pihak Ranhill SAJ akan menghubungkan paip-paip sedia ada di negeri Johor dalam projek *rezoning* supaya terdapat satu jaringan kesalinghubungan yang mampan dapat memastikan gangguan bekalan air khususnya luar jangka ini dapat dikurangkan kesannya kepada pengguna. Kita faham Yang Berhormat Simpang Jeram berkenaan penggunaan air yang banyak oleh pembangunan pusat data. Dan untuk itu kerajaan negeri Johor merupakan negeri pertama yang menubuhkan Jawatankuasa Khas Pusat Data bagi memantau penggunaan air bagi pusat data di negeri Johor. Selain daripada kita melihat penggunaan air, jawatankuasa ini juga telah menetapkan penggunaan air untuk setiap pusat data pada takat 1.8WUE (*water usage effectiveness*) dengan izin. Johorlah yang pertama letakkan angka ni Yang Berhormat Datuk Speaker. Belum ada lagi negeri lain yang meletakkan satu takat penggunaan air yang terbaik untuk *data center*.

YB Speaker : Tapi pastikan Yang Berhormat, di bawah, benda ni berjalan dengan baik.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Insya-Allah Yang Berhormat Datuk Speaker. Sebenarnya kita ada dua jawatankuasa. Satu Jawatankuasa Teknikal yang saya pengerusikan dan satu lagi ialah Jawatankuasa Induk yang meluluskan permohonan, kadar pelaburan dan sebagainya yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Di peringkat saya, saya akan tengok sama ada dia mematuhi 1.8*WUE* ini, Yang Berhormat Datuk Speaker. Kemudian jika dia, kita tak cukup air, katakan kita dah timbang, timbang, timbang, tak cukup air, kita akan minta dia menggunakan teknologi-teknologi baru. Kita ni mesra *data center,* tapi dia kena ikut syarat yang kita kenakan iaitu boleh guna antaranya ialah teknologi penyejukan, *immersion cooling* yang boleh turunkan *WUE* kepada 0.05 ke 0.2, bawah daripada 1.

DCD, direct-to-chip liquid cooling boleh sampai ke 0.2, *rear door heat exchange* boleh sampai ke 0.7 dan pelbagai lagi kaedah teknologi baru yang sepatutnya digunapakai oleh *data center-data center* agar keterjaminan bekalan air terawat untuk kita di negeri Johor ini. Selain itu juga pusat-pusat data ini boleh menggunakan air lain sebagai alternatif iaitu disebut *industrial water* ataupun air industri, bukan air terawat sebagai kegunaan untuk menyejukkan sistem ataupun *cooling tower* mereka. Di peringkat negeri Johor, *Johor Special Water*, anak syarikat negeri Johor akan menjadi agensi yang boleh memberikan sumber air lain selain air terawat yang kita gunakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, boleh lagi ke ni?

YB Speaker : Saya bagi satu minit je lagi Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Kalau satu minit, saya kena gulung.

YB Speaker : Sebab Yang Berhormat dah terlebih 8 minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Bagi *chance* sikit Datuk...

YB Speaker : Saya bagi kebenaran Yang Berhormat lebih 8 minit ni, sebab saya nak tengok apa sebenarnya penyelesaian isu air ni. Kalau tak selesai juga Yang Berhormat di Rengit, saya akan buat *Tiktok* lagi untuk Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Ada ni sekejap saja Speaker. Untuk kawasan Datuk Speaker, projek yang bernilai RM32 juta itu dijangka ditenderkan pada bulan hadapan dan lantikan kontraktor pada bulan Januari dan kerja-kerja akan dimulakan seawal tahun 2026 dalam *quarter* 1 dan mengambil masa selama, dan akan siap pada hujung tahun 2024. Insya-Allah Speaker, saya akan datang nanti untuk memantau sendiri keadaan berkenaan.

YB Speaker : 2024, Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: 2027. Tender dibuka bulan hadapan, Disember. Tender di*award* dijangka Januari. Kerja bermula bulan 4, 2026 dan siap pada suku keempat 2027.

YB Speaker : Ok, terima kasih. *First time* saya bagi terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Terima kasih Datuk Speaker. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Dewan Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan, pandangan serta cadangan yang sangat bernilai. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada ketua-ketua jabatan dan semua pegawai yang sentiasa berikan kerjasama serta komitmen dalam memastikan kelancaran urusan pentadbiran dan pembangunan negeri.

Saya memohon maaf sekiranya ucapan penggulungan ini tidak dapat menjawab secara terperinci semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan. Namun, setiap isu yang diutarakan tetap diambil maklum, dinilai dan akan diberi perhatian sewajarnya oleh pihak saya dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Saya ingin menyeru seluruh rakyat dan Bangsa Johor agar terus memberikan sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan kerajaan negeri dalam usaha membangunkan Johor secara berterusan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah portfolio saya telah menerima sehingga RM167 juta peruntukan pembangunan. RM101 juta di bawah agensi JKR, RM38 juta di bawah JPS, RM8 juta di bawah BAKAJ dan RM13 juta di bawah PAJ. Dan, pada tahun ini, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah meluluskan atau memperuntukkan sebanyak RM7.55 juta bagi kerja-kerja kecil menyelesaikan isu-isu MTD. Oleh itu, saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada isu-isu kecil yang mungkin bagi kita kecil tapi boleh memberikan impak yang besar, boleh menyenaraikan kerja-kerja tersebut supaya kita boleh gunakan peruntukan yang telah diluluskan; RM2.5 juta untuk kerja

jalan dan longkang, RM2.55 juta untuk lampu-lampu jalan serta RM2.5 juta untuk parit-parit JPS.

Biji lada di dalam kolah, tanam di dusun sebelah pelita; andai ada silap dan salah, sepuluh jari disusun maaf dipinta.

Banyak sayur di atas pinggan, jadikan bekal pergi ke pekan; Maju Johor sebagai slogan, Insya-Allah bakal jadi kenyataan.

Dengan itu, saya sudahi ucapan ini dengan lafaz wabilahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Pasir. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2:30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan jam 1:12 petang.

Persidangan disambung semula jam 2:35 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN 2026 TAHUN 2025.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, penggulungan oleh Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa disambung. Dipersilakan Yang Berhormat Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia.

YB Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Pada kesempatan ini izinkan saya menyampaikan ucapan setinggi-tinggi kasih dan tahniah sempena hari keputeraan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim pada 22 November ini. Semoga Tuanku sentiasa dianugerahkan kesihatan, kebijaksanaan dan kesejahteraan dalam menaungi rakyat Malaysia. Patik juga menjunjung kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas bimbingan strategik baginda yang menjadi tunjang kepada kestabilan, kesinambungan dan ketangkasan pentadbiran negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, salah satu kekuatan terbesar Johor ialah keupayaan kita membangunkan negeri ini secara menyeluruh bukan secara terasing. 6 Teras Maju Johor iaitu kemudahan dan keperluan asas, ekonomi yang berdaya saing, jaringan keselamatan sosial, kebersihan dan kelestarian alam sekitar, tadbir urus kerajaan yang cekap dan Orang Muda Johor tidak berdiri sebagai *silo* berasingan tetapi saling menguatkan, saling menghidupkan dan saling mempercepatkan antara satu sama lain. Keenam-enam teras ini membentuk sebuah ekosistem pembangunan yang bergerak dalam satu lingkaran saling memperkukuh, menghasilkan momentum berganda kepada kemajuan negeri Johor. Apabila infrastruktur diperkukuh, ekonomi tumbuh lebih pantas. Lebuh raya, air, tenaga, pengangkutan, pelabuhan, lapangan terbang, kawasan perindustrian terancang, semuanya membentuk tulang belakang pertumbuhan.

Infrastruktur yang kukuh menjadikan logistik lebih murah, masa lebih cekap, produktiviti lebih tinggi. Inilah daya tarikan Johor kepada pemain industri global, syarikat semi konduktor, pengusaha minyak dan gas, syarikat logistik antarabangsa, pengeluar komponen teknologi malah pusat data dan *AI compute*. Mereka memilih Johor bukan kerana kos rendah semata-mata tapi kerana Johor *competitive by design*. Apabila aspek keselamatan dan kelestarian

meningkat, pelabur jangka panjang masuk dengan lebih yakin. Pelabur besar tidak sekadar mencari keuntungan, mereka mencari kestabilan dan *predictability* terutamanya dalam situasi geopolitik yang begitu tidak menentu.

Johor menyediakan persekitaran yang stabil dan selamat serta memberi keutamaan kepada kelestarian termasuk komitmen tenaga boleh diperbaharui, dapat mengenal bandar rendah karbon. Ini mengukuhkan Johor sebagai destinasi jangka panjang yang dipercayai malah lebih kompetitif berbanding dengan jiran kita. Apabila *governance* menjadi lebih cekap, pelaburan turun dengan lebih laju ke lapangan. Hasil kerjasama *Invest* Johor, MIDA, MITI, IMFCJ, PBT, IRDA dan sebagainya, agensi teknikal yang lain bergerak jauh lebih pantas dan tersusun. Kita rasakan Johor *superlane*, kelulusan lebih teratur, dasar lebih konsisten, kordinasi antara agensi yang lebih lancar. Apabila ekonomi berkembang pula, hasil negeri bertambah dengan ruang fiskal menjadi lebih luas untuk memperkukuh kebajikan rakyat.

Inilah yang memungkinkan Johor memperluaskan program di bawah jaringan keselamatan sosial termasuk Bantuan Kasih Bangsa Johor, bantuan persekolahan, bantuan warga emas, veteran dan pelbagai bentuk sokongan asas. Kejayaan ekonomi tidak terhenti pada angka, ia mesti dirasai oleh rakyat. Ia mesti turun ke meja makan rakyat. Apabila kebajikan rakyat terjamin, kestabilan sosial meningkat, masyarakat lebih stabil, berdaya tahan dan yakin dengan pentadbiran kerajaan negeri, maka kita akan ada satu negeri Johor, ada satu negeri yang lebih harmoni, bersatu dan penuh harapan. Masyarakat yang stabil pula akan menarik pelaburan yang lebih besar kerana pelabur global mencari kestabilan sosial, kestabilan politik, kestabilan negara sebagai faktor penilaian utama.

Dan, apabila Orang Muda Johor diberi ruang dan peluang, masa depan negeri menjadi terjamin. Johor telah melabur secara agresif dengan pendidikan TVET, teknologi digital, AI Inovasi, keusahawanan dan sukan semuanya menuju ke satu matlamat melahirkan generasi muda yang bukan sekadar mampu bekerja dalam ekonomi masa depan tapi mampu memimpin dan mencipta nilai dalam ekonomi tersebut. Anak muda yang berjaya pula akan kembali menyumbang melalui bakat, inovasi, keusahawanan, kepimpinan dan kesukarelawan membentuk sebuah lingkaran kemajuan yang tidak pernah putus. Berkenaan teras ini saling menarik, saling menyokong, saling mengukuhkan dan membentuk sebuah persekitaran pembangunan Johor yang dinamik.

Infrastruktur melahirkan pelaburan, pelaburan mengembangkan ekonomi, ekonomi membolehkan kebajikan, kebajikan membina kestabilan, kestabilan menarik lebih banyak pelaburan dan kekuatan bakat dan bakat anak muda memastikan pertumbuhan negeri Johor yang berterusan. Ini adalah nadi kepada kemaraan Johor pada hari ini, inilah kekuatan yang menjadikan Johor sebuah negeri yang sedang melonjak dengan keyakinan. Inilah bukti agenda Maju Johor bukan lagi satu konsep, bukan lagi satu slogan tapi satu realiti yang semakin jelas, semakin nyata dan semakin dirasai oleh rakyat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, tahun 2025 sekali lagi membuktikan ketahanan, keupayaan Johor sebagai pemacu utama ekonomi negara. Sehingga suku ketiga tahun ini seperti mana kita sedia maklum, Johor telah pun mencatat pelaburan komited berjumlah RM91.1 bilion meneruskan momentum prestasi cemerlang negeri ini. Sebelum ini Belanjawan 2026 melaporkan bahawa Johor telah menarik jumlah pelaburan sebanyak RM218 bilion sehingga suku kedua 2025. Dengan angka terbaharu ini, jumlah keseluruhan pelaburan komited sepanjang tempoh kerajaan negeri Johor sekarang diberi amanah untuk mentadbir telah meningkat kepada RM253 bilion, dengan lebih 65,000 peluang pekerjaan berjaya diwujudkan. Prestasi luar biasa ini bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi negeri Johor yang berkembang 6.4% pada tahun 2024 tertinggi di Malaysia, kadar pengangguran hanya 20.3% serta peningkatan hasil negeri yang stabil.

Semua ini membuktikan bahawa Johor bukan sahaja berkembang tetapi melonjak kehadapan dengan keyakinan dan juga kekuatan. Inilah asas kukuh yang mengilhamkan Belanjawan

Johor 2026 Bertemakan Bangsa Johor Sejahtera. Tema ini membawa makna yang luas di mana ia menegaskan bahawa pembangunan negeri tidak boleh diukur dengan angka ekonomi semata-mata sahaja tetapi mesti memberikan kesan dan manfaat nyata kepada semua lapisan masyakarat. Dari kawasan bandar ke luar bandar, daripada pelajar hingga usahawan daripada warga emas hingga golongan belia. Pembangunan Johor hari ini mesti bersifat inklusif, adil dan menyeluruh. Kerana negeri Johor mengambil maklum pada Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung dengan menghidupkan semula kerangka kerjasama tiga hala seperti SIJORI yang telah dibangkitkan 30 tahun sebelum ini. Namun kita harus realistik dengan dinamika semasa, keadaan ekonomi, struktur industri dan ekosistem pelaburan serantau pada hari ini jauh berbeza daripada era ketika SIJORI pada masa mula diperkenalkan beberapa dekad dahulu.

Justeru, kerajaan negeri berpandangan bahawa kita mesti, apa jua bentuk kerjasama serantau yang dicadangkan tidak sekali-kali mengurangkan daya saing *Johor - Singapore Special Economic Zone,* tidak menjejaskan integrasi industri yang sudah terbukti membawa manfaat besar dan tidak meletakkan Johor sekadar sebagai pelengkap pinggiran dalam ekosistem pelaburan serantau. Fokus kita tegas, Johor mesti kekal sebagai penerima manfaat utama dan bukan sekadar transit atau pun perantaraan dan juga kita tidak mahu persaingan yang tidak sihat dengan jiran kita.

Dan selaras dengan aspirasi Bangsa Johor Sejahtera, kerajaan negeri akan menganjurkan *Johor Economic Forum* yang turut disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, sebuah platform strategik yang akan mengumpulkan pemimpin industri global, ahli akademik, membuat dasar dan pelabur antarabangsa. Laporan ini bukan sekadar acara ilmiah ataupun diskusi biasa tapi medan pembentukan dasar berasaskan data pemacu pemikiran strateik dan keseluruhan yang memperkukuh Johor sebagai pusat idea, pusat inovasi dan pusat pemikiran ekonomi. Belanjawan 2026 turut memberi pendekatan besar kepada pembentukan identiti ekonomi negeri melalui inisiatif mempromosikan produk atau pun perkhidmatan *made in Johor*. Johor bukan hanya negeri yang menempatkan kilang dan pelaburan, Johor adalah negeri yang telah melahirkan jenama-jenama bernilai nasional dan juga antarabangsa daripada makanan dan minuman yang pagi tadi rakan saya telah pun membentangkan beberapa jenama kepada komponen industri daripada produk pengguna kepda sektor berasaskan inovasi. Kerajaan negeri Johor mahu mengangkat produk Johor ke tahap antarabangsa dengan meningkatkan kemampuan PKS, keusahawan kecil dan juga sederhana dan bidang penyelidikan dan pembangunan, inovasi, automasi dan pensijilan. Matlamat kita jelas ha, kita mahu lebih banyak produk yang bukan sahaja *made in Johor* tetapi lahir daripada kreativiti, kepakaran dan juga keunggulan anak Johor sendiri dan *made by Johor* seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Benut.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, melalui Zon Ekonomi Khas Johor - Singapura, sebanyak 11 sektor telah pun kita perkenalkan, yang dikenal pasti sebagai teras strategi pembangunan ekonomi Johor kerana kita ambil pendirian bahawa 11 sektor tu merupakan sektor yang dapat ada kekuatan *complimentary* antara Johor dengan Singapura. 11 sektor tersebut adalah pembuatan, pembuatan termaju, logistik, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan perniagaan, ekonomi digital, pelancongan, sekuriti makanan, pendidikan, kesihatan, tenaga dan juga ekonomi hijau.

Kerangka sektor ini bukan sekadar senarai, ia adalah peta permohonan yang menetapkan keutamaan pelaburan, strategi pembangunan bakat, pembinaan kluster industeri dan hala tuju dasar yang tersusun untuk jangka masa panjang. Dan masa yang sama, Johor akan fokus untuk meneroka dan memperkukuh sektor baharu berimpak tinggi seperti kecerdasan buatan, ekonomi digital, semi konduktor dan teknologi pembuatan maju, tenaga bersih dan ekonomi hijau, *life sciences,* perkhidmatan kewangan serantau. Sektor-sektor ini bukan lagi pilihan tapi keperluan masa depan, kesemuanya sedang disepadukan ke dalam penyediaan *Blueprint Johor - Singapura Special Economic* Zone iaitu dokumen permohonan ekonomi jangka panjang yang sedang dimuktamadkan oleh firma perunding antarabangsa dengan penelitian

mendalam. *Blueprint JS-SEZ* apabila disiapkan dan akan dipamerkan, diterbitkan pada suku pertama tahun 2026 akan menjadi rujukan utama dalam kita membangunkan Zon Ekonomi Khas Johor - Singapura. Ia akan menyelaras dasar negeri dan juga persekutuan, memasukkan suara industri, meletakkan Johor dalam peta ekonomi global dengan lebih jelas dan memberikan hala tuju jangka masa panjang pada pelabur.

Johor tidak lagi bergerak mengikut keperluan semasa tapi kita menggerak mengikut visi jangka masa panjang yang terancang, tersusun dan juga berpandangan jauh. Di bawah *blueprint* tersebut kita akan senaraikan 11 sektor tersebut dengan perincian macam mana kita nak bangunkan setiap sektor dan juga kita akan masukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi tempatan. Dan semangat Belanjawan Bangsa Johor Sejahtera jua kerajaan negeri juga memberi pendekatan kepada hakikat bahawa kejayaan ekonomi mesti dirasai oleh rakyat terutamanya oleh pengusaha kecil dan sederhana tempatan. JS-SEZ bukan semata-mata mengenai FDI sahaja, ia tentang membuka ruang mobiliti sosial, memperluaskan peluang pekerjaan bernilai tinggai, membina bakat tempatan dan mencipta peluang baharu untuk syarikat-syarikat Johor.

Justeru, penubuhan inisiatif seperti direktori PKS mengikut sektor strategik, direktori perunding tempatan, padanan perniagaan penilaian standard teknikal dan *readiness workshop* sedang dilaksanakan bagi memastikan FDI dan PKS tempatan dapat membentuk ekosistem yang kukuh. Saling memperkukuh dan saling memberi manfaat. Setiap bulan, laporan penglibatan PKS tempatan akan dibentangkan oleh, kepada Dato' Menteri Besar untuk memastikan tiada syarikat tempatan yang berpotensi tetapi tercicir. Berhubung dengan isu pusat data, pagi tadi rakan saya telah pun bentangkan bahawa kerajaan negeri johor mengambil pendekatan yang berhati-berhati, yang sangat berhati-berhati sebenarnya, kita merupakan negeri pertama di Malaysia yang mengeluarkan garis panduan seperti ini untuk mengawal selia sektor tersebut. Berasaskan data dan juga peringkat, kita mahu pertumbuhan digital dan pelaburan teknologi tetapi ia mesti berada dalam rangka kelestarian. Kerajaan negeri melalui, menilai dengan ketat indikator teknikal seperti *power usage effectiveness* dan *water usage effectiveness* penggunaan air alternatif, komitmen kepada tenaga boleh diperbaharui dan implikasi kepada grid tenaga dan juga infrastruktur air.

Johor tidak mahu menjadi gudang data semata-mata sahaja, Johor mahu menjadi pusat kecerdasan digital yang mampu menghasilkan nilai tinggi untuk rakyat dan juga industri. Selaras dengan itu, penubuhan *Johor AI Council* yang diumumkan ialah langkah besar yang mengubah landskap pembangunan negeri. *AI Council* ini akan memacu penggunakan *AI compute,* memupuk bakat tempatan menyokong sadar menggerakkan integrasi kecerdasan buatan dalam sektor perindustrian logistik kesihatan dan pendidikan serta mewujudkan ekosistem digital yang benar-benar kompetitif. Johor mahu menjadi pencipta teknologi bukan pengguna pasif sahaja dan juga kita mahu menjadi hub kecerdasan buatan serantau. Itulah saranan Dato' Menteri Besar berkaitan dengan pembangunan sektor pusat data, sekian, sepanjang masa ini. Dan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker berkaitan dengan tekanan kos sara hidup, tentulah ia merupakan satu perkara yang sentiasa dalam hati Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kerajaan negeri dengan kerjasama kerajaan persekutuan tidak pernah leka atau pun mengambil sikap sambil lewa. Pelbagai intervensi telahpun dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat perlindungan sosial ekonomi termasuk perlaksanaan Jualan Rahmah Madani yang semakin dipertingkatkan daripada dua (2) kali sebulan bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri, kepada tiga (3) sekali sebulan bermula Ogos 2025.

Sehingga 14 November 2025, sebanyak 1,495 penganjuran Jualan Rahmah telah diadakan di seluruh negeri Johor. Memberi manfaat kepada lebih 1.73 juta isi rumah. Peruntukan keseluruhan meningkat daripada RM15.4 juta kepada RN39.4 juta dengan nilai subsidi langsung oleh kerajaan persekutuan adalah RM13.1 juta di Johor. Dan nilai jualan melalui Jualan Rahman di negeri Johor sepanjang masa ini adalah RM61.6 juta.

Disamping itu, kerajaan persekutuan melalui KPDN juga telah pun memulakan *pilot*, *system pilot e-COSS* bagi memastikan subsidi minyak masak diagihkan secara telus dan sampai ke golongan tersasar. Dan kita faham memang ada maklum balas berkaitan dengan perlaksanaan sistem ini tapi buat masa sekarang sistem tersebut telah pun stabil dan aplikasi tersebut telah pun dapat berjalan dengan lancar. Di Johor, sebanyak 96.24 matrix tan setiap bulan untuk minyak masak bersubsidi diperuntukkan di bawah fasa pelaksanaan ini di mana sistem *e-COSS* telah membuktikan keberkasanannya dalam memerangi ketirisan, penyeludupan dan gangguan bekalan sebagai contoh harga sebenar adalah lebih kurang RM6.00 hingga RM7.10, kerana subsidi minyak kita jual pada RM2.50 sahaja, bermaksud kerajaan persekutuan memberi subsidi hampir RM5.00 setiap, setiap kilo dan kita perlu ambil tindakan yang berhati-hati dan juga munasabah untuk mengurangkan ketirisan.

Selain itu, kita juga melipat gandakan penguatkuasaan terhadap kenaikan harga barang yang tidak munasabah serta kesalahan lain di bawah kawal selia KPDN. Pada tahun ini, sepanjang tahun ini sehingga November 2025 sebanyak 100,815 pemeriksa pemeriksa dilakukan oleh pegawai penguatkuasa KPDN dengan 1,967 kes dikesan. Lebih RM66,000.00 kompaun telah pun dikeluarkan di mana denda adalah RM324,000.00 dan juga rampasan oleh KPDN Johor bernilai RM4.4 juta dilakukan. Manakala 124 kes telah pun dibawa ke Mahkamah. Ini menunjukkan komitmen berterusan kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan bagi menjaga integriti pasaran dan melindungi rakyat daripada manipulasi harga.

Dalam masa yang sama Program Bantuan Kasih Bangsa Johor diperluaskan secara signifikan melalui Bantuan Kasih Bangsa Johor, melalui Belanjawan 2026, makanan asas, bantuan persekolahan, bantuan untuk warga emas, veteran serta keluarga rentan dapat disalurkan secara inklusif dan menyeluruh. Inisiatif ini bukan sahaja membantu bantuan keluarga malah memastikan setiap rakyat Johor mendapat perlindungan yang wajar dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, keseluruhan rangka tindakan ekonomi Johor hari ini pembangunan JS-SEZ, sektor penubuhan baharu, *Blueprint* JS-SEZ yang sedang disediakan, *Johor Economy Forum*, inisiatif mempromosi *Made in Johor,* penglibatan PKS kawal selia pusat data, penubuhan *AI Council,* Program Jualan Rahmah, penguatkuasaan harga dan perluasan Bantuan Kasih Bangsa Johor akan menyebabkan satu mesej yang jelas dan tegas. Johor tidak menunggu arus global, Johor memilih untuk membentuk aras tersebut dan Johor tidak mengejar peluang tapi kita berusaha untuk mencipta peluang.

Di sinilah letak keunikan permbangunan negeri Johor pada hari ini. Keenam-enam teras Maju Johor saling berhubung, saling menguatkan dan saling menggerakkan antara satu sama lain. Dan kita harap dengan hala tuju yang begitu jelas, kepimpinan yang tegas dan dasar yang konsisten dan semangat Bangsa Johor yang kukuh dan saya yakin negeri Johor ini akan bukan sahaja akan kekal sebagai peneraju pelaburan negara tetapi akan muncul sebagai pusat pertumbuhan paling penting di Asia Tenggara. Dan kita sedang bergerak dengan langkah yang yakin menuju Aspirasi Maju Johor 2030 dan semangat Belanjawan Bangsa Johor Sejahtera akan memastikan bahawa setiap rakyat Johor menikmati manfaat belanjawan ini. Sekian sahaja, terima kasih, salam maju Johor. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Tahniah Yang Berhormat Paloh. Tahniah di atas kecemerlangan portfolio. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran seramai 85 orang pemerhati ke dalam Dewan kita ini. Mereka adalah 36 orang dari DUN kawasan Larkin (Dewan bertepuk), 14 orang daripada DUN kawasan Kota Iskandar (Dewan bertepuk), dan 35 orang yang terdiri daripada ketua-ketua kampung, peneroka FELDA, Batin Orang Asli dan jabatan-jabatan di bawah Portfolio YB EXCO Pegerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor. Selamat datang ke Dewan Negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Datuk Timbalan Speaker, Kuda Kepang adat tersohor, Anyaman buluh cantik bergaya; Aman sentosa majulah Johor titah dijunjung memacu jaya. Sebelum memulakan ucapan penggulungan Yong Peng ingin merafak sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim, patik bagi pihak rakyat negeri Johor merafak sembah ucap setulus doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa dikurniakan kesihatan yang sempurna, usia yang diberkati serti budi kepimpinan yang terus memayungi seluruh Bangsa Johor dan rakyat Malaysia. Seterusnya, patik juga ingin menjunjung kasih kepada Duli Yang Amat Mulia kepada Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang sentiasa prihatin dan sentiasa memberi pandangan yang arif terhadap isu-isu negeri terutamanya isu yang melibatkan sektor kesihatan. Daulat Tuanku.

Setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pencapaian cemerlang kepimpinan negeri yang terus membawa Johor ke hadapan sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Baru-baru saja sahabat saya YB Paloh telah maklumkan kepada Dewan, FDI, atau pun *Foreign Direct Investment* negeri Johor ini adalah nombor 1 di antara semua negeri dalam Malaysia dan beliau juga telah memaklumkan di dalam Dewan pertumbuhan KDNK negeri Johor juga nombor 1 di Malaysia. Dan YB Buloh Kasap pula maklumkan kepada kita penghasilan pertanian di negeri Johor ini juga nombor 1 di Malaysia dan YB Larkin maklumkan bola sepak negeri Johor ini juga nombor 1 di Malaysia. Dan yang penting penjawat-penjawat awam kita di negeri Johor ini juga nombor 1 dan juga Wakil-wakil Rakyat di negeri Johor ini juga nombor 1. Dan yang penting *IC* kita semua nombor 1. (Dewan bertepuk).

Pencapaian ini adalah terjemahan kepada kepimpinan stabil kerajaan Barisan Nasional Johor yang sentiasa bergerak seiringan dalam merangka dasar mesra pelabur, memacu industri huluan dan hiliran serta memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan. Kerajaan Johor turut menjangkakan peningkatan hasil negeri kepada RM2.5 bilion selaras dengan prinsip Konsep Kongsi Rezeki yang diterapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di mana setiap hasil dan limpahan kekayaan negeri dipulangkan semula kepada rakyat agar manfaatnya dapat dirasai oleh semua lapisan Bangsa Johor. Sekarang bantuan kepada rakyat Johor pun nombor 1.

Datuk Timbalan Speaker, selaku EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah menyalurkan peruntukan yang begitu besar kepada sektor kesihatan awam yang berada di negeri Johor ini. Seperti yang kita tahu, tanggungjawab kesihatan ini merupakan tanggungjawab kerajaan pusat. Namun, kerajaan negeri telah menerapkan falsafah '*whole of government approach'* dan falsafah '*work as a team'* dengan izin, di mana kerajaan negeri Johor tetap mengambil tanggungjawab penuh untuk bersama-sama dengan kerajaan pusat dan dalam meningkatkan taraf perkhidmatan kesihatan awam.

Kita boleh lihat sebagai perbandingan, bermula tahun 2023, empat Belanjawan Negeri telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Pada belanjawan tahun 2023, cuma satu inisiatif dan RM200,000.00 sahaja untuk satu inisiatif dan untuk bajet tahun 2024 telah menjangkau ke RM14.74 juta kerajaan negeri peruntukkan untuk sektor kesihatan negeri Johor. Realitinya kerajaan negeri Johor sentiasa beri lebih daripada apa yang dibajetkan kerana sektor kesihatan ini kita akan mengikut masa ke semasa ataupun mengikut keperluan.

Datuk Timbalan Speaker dan juga seisi Dewan sekalian. Bukan semua negeri mempunyai keupayaan untuk memperkukuh dan melabur secara agresif dalam sistem kesihatan masing-masing. Namun, Johor muncul sebagai negeri yang ke hadapan dalam usaha ini, melalui pendekatan strategik, peruntukan berfokus serta keberanian membuat keputusan yang memberi impak terus kepada rakyat. Johor bukan sahaja meningkatkan perbelanjaan dalam

infrastruktur kesihatan, malah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Program Ubat Melalui Pos Secara Percuma yang ditanggung oleh kerajaan negeri dan buat masa ini telah mencapai penghantaran melebihan 23,674 *parcel* sebulan pada bulan September tahun 2025 dan ini juga nombor 1 di Malaysia.

Saya juga di kesempatan ini ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para penyumbang yang terdiri dari NGO ataupun pihak swasta yang telah menajakan katil hospital sebanyak 1,026 kepada Hospital Sultanah Aminah dan ini merupakan penukaran katil secara menyeluruh di HSA dan tuan-tuan dan puan-puan, ini juga nombor 1 di Malaysia.

Kerajaan negeri juga menggunakan peruntukan sendiri untuk membayar doktor *locum* di mana 2 doktor telah ditugaskan di HSA dan 2 doktor telah ditugaskan di HSI dan mereka ditugas di luar waktu pejabat bagi mengurangkan kesesakan dan mempercepatkan waktu menunggu pesakit di Jabatan Kecemasan dan Trauma. Tuan-tuan dan puan-puan ini juga nombor 1.

Pada ketika ini, kerajaan negeri maju Johor sedang berada di fasa akhir untuk pemindahan ataupun *decanting* perkhidmatan Klinik Ibu dan Anak di Klinik Kesihatan Gelang Patah ke Kawasan Perindustrian SiLC, Iskandar Puteri. Dan, suka saya maklumkan kepada seisi Dewan, Klinik Ibu dan Anak SILC akan beroperasi pada 8 Disember 2025, makluman YB Kota Iskandar sila maklumkan kepada penduduk. Dan, pemindahan ataupun *decanting* perkhidmatan Klinik Ibu dan Anak di Klinik Kesihatan Sultan Ismail di kawasan komersial Mount Austin yang asalnya bangunan pasar diubah menjadi klinik kesihatan yang akan beroperasi pada 15 Disember 2025. Dan, ini buat berita baik kepada kawasan Tiram dan juga Puteri Wangsa. Inisiatif *decanting* ini juga adalah inisiatif yang nombor satu (1) berlaku di Malaysia.

Terima kasih di atas keprihatinan kepada Yang Berhormat Permas, Kota Iskandar, Parit Yaani, Sri Medan, Kemelah, Simpang Jeram, Mengkibol dan Penggaram yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan kesihatan di negeri Johor. Datuk Timbalan Speaker, sebanyak 10 inisiatif kesihatan yang akan dilaksanakan pada tahun 2026, suka saya kongsikan dengan seisi Dewan. Menerusi inisiatif kerajaan negeri bagi memerangi Wabak Denggi dari tahun 2023 ke tahun 2025, setiap tahun kita menyalurkan peruntukan tidak kurang daripada RM200,000.00 kepada JKNJ untuk memerangi isu Denggi ini dan hasilnya kita dapat pada tahun ini adalah penurunan 56.7% kes di mana kes pada Minggu Epid 46 tahun 2025 adalah sebanyak 5,348 kes kalau berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2024 iaitu 12,342 kes. Ini ialah penurunan yang drastik dan positif, kerajaan negeri akan meneruskan inisiatif ini untuk terus memerangi wabak Denggi terutamanya di lokasi-lokasi *hotspot* Denggi di negeri Johor.

Yang kedua, berita baik buat warga Johor Tengah dan Johor Utara, sebelum ini kes yang melibatkan kecederaan otak ataupun kes *neurology*, yang berlaku di Johor Tengah atau Johor Utara perlu dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah yang terletak di Johor Bahru yang memakan masa perjalanan selama 2 jam daripada Johor Tengah dan 3 jam sekiranya daripada Johor Utara, dan tempoh perjalanan ini yang panjang akan meningkatkan risiko maut kepada mereka yang mengalami kecederaan otak disebabkan tidak mendapat rawatan dalam tempoh yang segera, ada sebahagian pengundi saya juga berlaku perkara yang sama, maka kerajaan negeri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM1.4 juta bagi pembelian *neurosurgery microscope* dan aset ini akan ditempatkan di Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat sekaligus membolehkan HSNI Batu Pahat melakukan pembedahan rawatan *neurosurgery* tanpa perlu dirujukkan kepada HSA.

Beberapa ADUN yang membangkitkan isu kekurangan ambulans, pada tahun 2025, Johor telah menerima 20 buah ambulans untuk fasa pertama pada September 2025, dan ia masih tidak mencukupi, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan menerima baki 26 buah ambulans pada tahun 2026. Kemudian, sebanyak 51 buah ambulans dijangka akan diterima secara berfasa dalam tempoh 3 tahun. Dan, untuk ambulans di Klinik Kesihatan Parit Sulong

dijangka akan diterima pada tahun hadapan dengan menggunakan peruntukan khas dan pada inisiatif Belanjawan 2026 ini juga sebanyak RM1.6 juta telah diperuntukkan untuk kerajaan negeri untuk pembelian ambulans, dan unit katil ICU.

Datuk Timbalan Speaker, beberapa inisiatif yang baik kerajaan negeri akan teruskan contohnya doktor *locum* berjumlah RM2.8 juta, Ubat Melalui Pos Secara Percuma berjumlah RM2.1 juta dan inisiatif lain yang baik dan bermanfaat. RM900,000.00 bagi mendigitalkan Perkhidmatan Kesihatan Primer di 5 klinik kesihatan dalam daerah Johor Bahru iaitu KK Cendana, KK Sultan Ismail, KK Taman Universiti, KK Bukit Indah, KK Cahaya Baharu. Dan, bagi memendekkan waktu menunggu untuk mendapat saringan *mammogram* dan *ultrasound,* pihak kerajaan negeri memperuntukkan RM1 juta bagi hospital kerajaan untuk merujuk pesakit ke Hospital KPJ Johor untuk menjalani saringan *mammogram* dan *ultrasound.*

Datuk Timbalan Speaker dan seisi Dewan yang saya hormati sekalian, Hospital Pasir Gudang sering menjadi tumpuan terutamanya dalam kalangan Ahli-Ahli Dewan yang berada di kawasan Pasir Gudang. Sukacitanya untuk saya memaklumkan pada Ahli Dewan bahawa Hospital Pasir Gudang pada ketika ini telah dibuka dan beroperasi secara berperingkat. Untuk makluman, sebanyak 11 daripada 14 kepakaran telah beroperasi termasuk Jabatan Kecemasan dan Trauma, Perubatan Am, Pembedahan Am, Pediatrik, Pergigian, Radiologi, Patologi, Forensik dan lain-lainnya dan 3 lagi kepakaran akan dibuka pada Mac tahun hadapan iaitu Ortopedik, *Otorhinolaryngology* dan *Opthalmology* dan 3 wad telah beroperasi, kesihatan ini banyak 'G' ya.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang memberikan pandangan bernas berkenaan dengan isu isu kesihatan dalam perbahasan. Datuk Timbalan Speaker, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Mahkota, YB Gambir, YB Sungai Balang dan YB Jementah yang telah menyentuh isu-isu berkaitan alam sekitar dalam perbahasan masing-masing. Segala pandangan dan teguran dan cadangan YB-YB sekalian adalah selari dengan komitmen kerajaan negeri untuk memperkukuh agenda kelestarian Johor.

Pada 24 November 2025, *Johor Sustainability Centre* (JSC) akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Agong, bertempat di Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC), Johor Bahru. Pusat ini merupakan salah satu komponen di bawah *Johor Green Deal*, dan pada masa yang sama Tuanku Permaisuri akan melancarkan tiga polisi Hijau Negeri Johor. JSC juga akan menggerakkan enam *working group,* dengan izin, Majlis Pembangunan Hijau Negeri Johor yang merangkumi aspek:

1. Perubahan Iklim dan Mitigasi Karbon.
2. Pemuliharaan Hutan dan Biodiversiti
3. Pengurusan Sisa dan Ekonomi Kitaran.
4. Air, Sungai dan Perlindungan Habitat.
5. Tenaga Boleh Baharu dan Kecekapan Tenaga.
6. Pembangunan Bandar Lestari dan Mobiliti Hijau.

Dengan adanya struktur kerja yang menyeluruh ini, Johor menjadi negeri ke hadapan dalam memperkenalkan polisi hijau sendiri. Saya berharap polisi-polisi ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk bergerak ke arah menjadi Kerajaan Tempatan yang Lestari dalam memacu pembangunan.

Datuk Timbalan Speaker, buat masa ini, pada tahun 2025, Johor mempunyai lebih daripada 440,994.96 hektar kawasan hutan simpan, iaitu 23.1% daripada keluasan negeri dan bagi belanjawan tahun ini, kerajaan negeri memperuntukkan RM2.625 juta bagi tujuan pemeliharaan serta pemuliharaan hutan di seluruh Johor.

Menjawab perbahasan daripada YB Sungai Balang, untuk makluman Dewan, kerajaan negeri telah menjalankan kerjasama aktif bersama pihak korporat dan NGO di Parit Kassim, Muar dan Sungai Santi, Kota Tinggi termasuk program penanaman hutan bakau, saya sendiri telah hadir dan turut serta dalam program tersebut sebagai tanda komitmen kerajaan negeri terhadap pemuliharaan eko-sistem hutan persisir.

Selain itu, dengan peruntukan RM700,000.00, Program Johor Bersih akan terus diperluaskan ke lebih banyak kawasan dan komuniti. Justeru, saya menyeru semua Ahli Dewan yang mulia ini, untuk bersama-sama menjayakan usaha memastikan Johor kekal sebagai negeri yang bersih, hijau dan lestari.

Datuk Timbalan Speaker, saya telah berjumpa dengan petugas kesihatan dan mereka menyampaikan salam dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri Johor atas inisiatif peruntukan khas ataupun inisiatif khas RM500.00 kepada setiap kakitangan kerajaan persekutuan yang sangat memberi manfaat kepada mereka. Selepas ini bolehlah *top up* barang keperluan di rumah mereka. Sekali lagi, terima kasih kepada semua Yang Berhormat, yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan kesihatan dan alam sekitar. Semoga komitmen, pandangan dan sumbangan yang membina ini dapat memacu kepada kesejahteraan rakyat Johor.

Tanjung Piai titik terselatan, alam hijau indah menawan; maju Johor seiring kemajuan, seia sepakat demi wawasan. Jika ingin bertemu salju, imbau kenangan di Kota Lama; jika ingin negeri maju, banting tulang, gerak bersama. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Yong Peng, tahniah Johor nombor satu. Selanjutnya dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Bismillahirrahmannirrahim. Terima kasih Timbalan Datuk Speaker. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor.

Bunga kasturi harum mewangi, disusun rapi dalam jambangan; Assalammualaikum pembuka bicara ini, izinkan Larkin mulakan penggulungan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, awal bicara saya merakamkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana sekali lagi diberikan kesempatan, peluang dan ruang bersama Yang Berhormat EXCO-EXCO Kerajaan Negeri Johor yang lain bagi menyampaikan ucapan penggulungan di dalam Dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Ketiga Belanjawan 2026 Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat DiRaja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan seluruh Bangsa Johor.

Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Insya-Allah, patik dan seluruh pasukan di bawah Portfolio patik akan bekerja dengan sinergi yang lebih baik, khususnya dalam merealisasikan hasrat Duli Yang Amat Mulia Tunku yang

mahu melihatkan Johor menerajui agenda *sport nation,* dengan izin, menjelang tahun 2030. Patik juga mendoakan agar Duli Yang Amat Mulia Tunku dan serta seluruh kerabat DiRaja Johor dikurniakan keafiatan yang berpanjangan untuk terus menaungi negeri Johor Darul Takzim.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ucapan tahniah dan juga jutaan terima kasih buat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz bin Ghazi di atas pembentangan Belanjawan Johor 2026, yang memperuntukkan sejumlah RM2.55 bilion melibatkan 260 inisiatif. Alhamdulillah, Portfolio Belia dan Sukan menerima RM74.6 bilion, juta, dengan 31 inisiatif. Manakala, pembangunan usahawan dan juga koperasi sebanyak RM9.95 juta dengan 8 inisiatif dengan keseluruhannya berjumlah RM84.55 juta. Menerusi Persidangan kali ini, terdapat pelbagai maklumat balas berkaitan dengan Portfolio saya yang diberikan. Sama ada dalam bentuk soalan, cadangan mahupun sokongan, teguran yang dilontarkan dari blok pengimbang mahupun rakan-rakan saya di pihak blok kerajaan dan semuanya, saya telah teliti dan ambil maklum.

Bagaimanapun, suka untuk saya nyatakan di sini, disebabkan masa yang cukup terhad, saya membahagikan penggulungan saya ini kepada dua, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, iaitu yang pertama, bagi menjawab beberapa persoalan penting yang dibangkitkan Ahli-Ahli Yang Berhormat ketika perbahasan. Mana-mana persoalan yang tidak sempat dijawab saya akan berikan secara bertulis. Manakala, bahagian kedua adalah perkongsian, inisiatif yang dilakukan di bawah Portfolio Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor bagi tahun 2025.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih, terima kasih kepada Yang Berhormat Benut, Kukup, Pulai Sebatang, Kahang, Bekok, Mahkota, Permas, Gambir, Sungai Balang dan juga Johor Lama. Yang bertanyakan dan memberi cadangan serta sokongan terhadap isu-isu atau perkara-perkara yang berkaitan dengan Portfolio-Portfolio di bawah tanggung jawab saya. Selain itu juga, saya telah memperhalusi soalan-soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Dewan dan setiap maklum balas yang diberikan, saya menerima dengan berlapang dada.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Pulai Sebatang atas pandangan dan cadangan berhubung dengan Dewan Muda Johor ataupun DMJ. Berhubung cadangan Yang Berhormat Pulai Sebatang supaya Alumni, Alumni Dewan Muda Johor diwujudkan secara rasmi. Pihak Institut Dato' Onn ataupun IDO panggilan singkatannya berpendapat bahawa cadangan tersebut adalah wajar dan selaras dengan aspirasi kerajaan Johor untuk memastikan kesinambungan peranan pemimpin muda yang telah dilatih melalui Program Dewan Muda Johor.

Untuk makluman Dewan, penubuhan alumni Dewan Muda Johor sememangnya telah dibincangkan di peringkat IDO, pada masa ini, pihak IDO sedang melaksanakan proses pemetaan alumni yang merangkumi pengesahan, pengesanan, pengumpulan maklumat serta penilaian status terkini alumni DMJ bermula 1.0 sehinggalah 3.0 melalui kaedah *survey* dan pengesahan data.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, berkaitan dengan pembinaan pusat komuniti di Seri Alam, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permas. Pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah pun mengambil maklum secara rasmi berhubung cadangan tersebut. Pihak MBPG juga telah melaksanakan proses pengumpulan maklumat daripada pihak pemaju dan juga perunding untuk meneliti komponen-komponen pembangunan serta kesesuaian cadangan tersebut sebelum diangkat ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, berkaitan dengan Yang Berhormat Mahkota pula tentang kerja menaiktaraf *Kluang Extreme Park* untuk dijadikan hab orang muda Johor atau *Kluang Youth Arena.* Sukacitanya, saya menjelaskan bahawa kawasan tersebut masih berada di bawah seliaan Pejabat Daerah Kluang. Penyerahan kepada Majlis Perbandaran

Kluang pernah dicadangkan pada tahun 2018, namun penyerahan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana tapak berkenaan perlu dibaik pulih terlebih dahulu mengikut spesifikasi teknikal yang sesuai. Kajian bersama antara Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran Kluang dan juga Majlis Sukan Negeri Johor perlu dilaksanakan bagi menentukan kesesuaian projek itu sebagai sebuah hab belia yang merangkumi pelbagai elemen dan aktiviti-aktiviti *extreme park*. Anggaran kos bagi kerja-kerja baik pulih dan juga menaiktaraf adalah sebanyak RM3 juta dan pelaksanaannya akan dicadangkan secara berfasa tertakluk kepada pelan cadangan dan juga hasil kajian teknikal.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bekok, Yang Berhormat Gambir serta Yang Berhormat Sungai Balang atas persoalan dan perhatian yang diberikan terhadap isu penyelenggaraan serta pengurusan gelanggang futsal di kawasan masing-masing. Justeru, saya menjawab persoalan-persoalan ini bersekali. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, Kerajaan Negeri Johor telah membina sebanyak 248 gelanggang futsal dan gelanggang-gelanggang sukan pelbagai guna di seluruh neegeri ini melalui pelbagai inisiatif dan kerjasama antara kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi pelaksana.

Jumlah yang besar ini menggambarkan komitmen kerajaan dalam memperluaskan akses kepada kemudahan riadah dan sukan untuk rakyat negeri Johor. Namun demikian, dengan jumlah dan kemudahan yang begitu banyak serta mengambil kira perubahan dasar penyelenggaraan di peringkat persekutuan, kerajaan negeri perlu menyemak semula. Keutamaan penyelenggaraan dan juga baik pulih agar fokus dapat diberikan kepada gelanggang-gelanggang yang benar-benar aktif dan menjadi tumpuan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, berkaitan permohonan khusus yang dirujuk oleh Yang Berhormat Bekok dan Yang Berhormat Gambir, kerajaan negeri ingin memaklumkan bahawa tidak semua permohonan rasmi bagi gelanggang yang dibangkitkan telah diterima setakat ini. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri sentiasa terbuka menerima dan menilai apa-apa permohonan yang dikemukakan dari semasa ke semasa. Insya-Allah, kerajaan negeri amat menghargai setiap cadangan dan juga teguran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana ia membantu kami menambah baik perancangan dan juga pengurusan kemudahan sukan demi manfaat rakyat Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih juga yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Benut atas persoalan yang sangat-sangat bernas dan kritikal berhubung bagaimana Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana, PMKS dapat manfaatkan pelaburan kerajaan negeri melalui 8 inisiatif di bawah Zon Ekonomi, *Johor Singapore-Special Economic Zone,* sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat, Belanjawan bukan sekadar dokumen angka tetapi sebuah pelaburan strategik yang perlu memberikan peluang kepada rakyat dan ekonomi negeri itu. Justeru, izinkan saya menjelaskan bagaimana PMKS Johor akan mendapat manfaat langsung daripada pembangunan *JS-SEZ* ini. Yang pertama, memperluaskan pasaran dan juga mengkukuhkan integrasi ekonomi dan memberi peluang kepada PMKS berada lebih dekat dengan rantaian bekalan global Singapura yang memang jauh lebih maju.

Yang kedua, peluang limpahan dan rantaian bekalan, *supply chain* dengan izin.

Yang ketiga, manfaat geografi dan juga infrastruktur untuk semua daerah di Johor, di mana pembangunan JS-SEZ ini tidak terhad kepada kawasan yang berada di sempadan sahaja. Pembangunan infrastruktur, peningkatan kekesambungan, penyediaan tenaga kerja kemahiran serta limpahan ekonomi yang akan dirasai oleh semua daerah di Johor, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, untuk bahagian kedua ucapan penggulungan saya izinkan Yang berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli yang Berhormat untuk saya

kongsikan sedikit sebanyak sebahagian pelaksanaan inisiatif di bawah Portfolio Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan juga Koperasi untuk makluman bersama Ahli-Ahli Dewan yang mulia. Pertama, menjunjung setinggi-tinggi kasih Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor, yang membawa pasukan Johor Darul Ta'zim terus menempah kejayaan demi kejayaan (Dewan bertepuk). Untuk tahun ini, sebagaimana semua maklum pasukan JDT berjaya mengekalkan kejuaraan Liga Super sebanyak 11 kali berturut-turut. Dan bagi musim 2025/2026 dengan sembila (9) kali perlawanan, JDT terus unggul mengekalkan kemenangan bagi semua perlawanan. Insya-Allah sama-sama sokongan dan doa kita berikan untuk kemenangan ke-12 di hujung musim nanti, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Johor terus menempah nama, kelmarin semua sedia maklum apabila Majlis Pecah Tanah Johor *Khabib Gym* disempurnakan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail menjadikan pertama di Asia Tenggara dan yang kedua di dunia selepas Emiriah Arab Bersatu (UAE). Insya-Allah apabila siap Johor Khabib Gym bakal menjadi hab latihan sukan tempur dan mampu menghasilkan bakat sukan tempur dari Johor yang mencipta nama ke persada dunia insya-Allah. Suka juga saya ingin kongsikan menerusi peruntukan berjumlah RM730,000.00 bagi memperbaiki dan menaiktaraf 20 fasiliti sukan diseluruh Johor. Alhamdulillah semuanya selesai 100% dilaksanakan pada Ogos lalu dan pecahannya seperti berikut yang digambarkan dalam *slide*, empat (4) di Muar, dua (2) di Tangkak, tujuh (7) di Pontian, tiga (3) di Kluang, dua (2) di Segamat dan satu (1) masing-masing di daerah Kulai dan juga Mersing.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seterusnya juga saya berkongsikan berkaitan dengan pembangunan tiga (3) gelanggang *pickelball, zero seven* yang sudah selesai dibina, Perbadanan Stadium Johor (PSJ) dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 tahun ini. Alhamdulillah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhoramt pada tahun hadapan diluluskan sebanyak RM1 juta bagi pembinaan gelanggang *pickelball* buat penggemar-penggemar sukan yang hari ini semua maklum begitu *trending* dan paling penting lagi iaitu Kempen Xtif Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pada 24 Ogos, Kempen Xtif Johor dilancarkan secara rasminya di Pantai Air Papan, Mersing. Insya-Allah, Kempen Xtif Johor ini akan terus menerus diperluaskan dan diperkasakan dengan bantuan Wakil-Wakil Rakyat, ketua-ketua jabatan agar pelaksanaan 1 keluarga, 1 sukan itu menjadi realiti. Menerusi pelaksanaan ini, setiap keluarga di seluruh daerah Johor digalakkan memilih sekurang-kurangnya satu jenis sukan yang dilakukan secara konsisten. Pelaksanaan melibatkan kerjasama dengan Majlis Sukan Negeri Johor, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, sekolah-sekolah dan juga persatuan-persatuan sukan negeri Johor. Pada 25 dan 26 Oktober lalu, Johor turut juga menjadi tumpuan dengan penganjuran julung-julung kalinya *Johor Business Summit And Expo 2025* dengan izin, yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Persada Johor. Secara ringkasnya saya ingin kongsikan Johor Business Summit And Expo 2025 telah menghimpunkan lebih 90 pempamer dengan jumlah keseluruhan jualan dan pembiayaan sebanyak RM42.47 juta.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, izinkan pada petang ini juga, saya selaku EXCO yang bertanggungjawab menjaga Hal Ehwal Belia, Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan juga Wakil Rakyat di DUN Larkin mengambil sedikit masa dan ruang menjelaskan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini berhubung penukaran taraf pegangan pajakan *leasehold* pada pegangan kekal di Kampung Melayu Majidee. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, petang ini juga membawakan sekali penduduk Kampung Melayu Majidee sebagai pemerhati sama-sama, mendengar dan dapat menyampaikan maklumat yang tepat kepada penduduk-penduduk di kawasan Kampung Melayu.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pertama, berkenaan dengan aspek proses dan perundangan, merujuk kepada Seksyen 76, Kanun Tanah Negara, Akta 828, pembelian milik

tanah kerajaan dilakukan oleh PBN kepada individu, syarikat atau agensi yang layak perlu diberikan secara pegangan bertempoh. Seksyen 76 (a), untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun. Seksyen 76 (a) (a) untuk tempoh selama-lamanya dalam keadaan berikut:

Jika kerajaan persekutuan memerlukan Pihak Berkuasa Negeri memberikan geran selama-lamanya kepada kerajaan persekutuan atau Pihak Berkuasa Awam.

Kedua, jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa tanah tersebut digunakan untuk tujuan awam.

Ketiga, jika terdapat keadaan khas untuk memerlukan pemberi milikan selama-lamanya. Peruntukan perundangan mengenai kuasa pemberi milikan ini telah dipinda pada tahun 1984, dalam Akta (a) 587 di mana kerajaan berfikiran perlunya satu kaedah untuk mengawal sumber tanah di negeri-negeri bagi tujuan perancangan serta mengimbangi semula kegunaan penjenisan dan juga pembangunan pada masa hadapan.

Catatan *Hansard* Parlimen semasa perbahasan Pindaan Kanun Tanah Negara pada 6 April 1984 telah menyebutkan Pihak Berkuasa Negeri tidak boleh sewenang-wenangnya melupuskan tanah pemberi milikan secara *freehold* kerana harus bertanggungjawab menyediakan tanah kepada generasi akan datang. Pindaan Kanun tanah Negara 1984, (Akta 587) telah memasukkan Seksyen 76 (a)(a) menyebabkan kuasa budi bicara Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi milik tanah secara *freehold* kepada mana-mana entiti difikirkan secara sesuai olehnya dihadkan, Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk melupuskan tanah secara pegangan *freehold* tanpa individu hanya dalam keadaan-keadaan khas.

Penetapan keadaaan-keadaan khas adalah sebagaimana Pekeliling KPTG Bil.1/2009, Ketetapan Majlis Tanah Negara Ke-64 mengenai pemberi milikan dalam keadaan-keadaan khas untuk pegangan selama-lamanya di bawah Seksyen 76 (a)(a) dan juga 3 KTN. Majlis Tanah Negara ke-64 pada 23 Disember 2008 juga telah menetapkan bahawa keadaan-keadaan khas menurut Seksyen 76 (a)(a) KTN adalah kurniaan tanah kerajaan atau tanah poket yang bersaiz kecil serta dikelilingi tersepit oleh tanah *freehold* ianya dicantumkan dengan tanah *freehold*. Kedua, proses cantuman tanah antara dua (2) plot iaitu tanah *leasehold* dan tanah *freehold* hasil cantuman boleh diberikan secara *freehold*. Jika hak milik asal adalah *freehold* maka apabila hak milik itu diserahkan oleh kerajaan dan diberi milik semula kepada tuan punya tanah asal maka adalah tanggungjawab mandatori kerajaan untuk memberi milik semula tanah itu secara *freehold*. Secara berstatus *freehold*, kemudiannya diambil proses pengambilan tanah maka kerajaan boleh mengurniakan semula tanah yang sama kepada agensi pengambil dan membayar pampasan yang status tanah *freehold*.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Dewan Negeri yang mulia, para-para pemerhati yang saya sayangi. Merujuk kepada buku bertajuk Menyelusuri Sejarah Tempatan Dalam Bandar raya Johor Bahru yang ditulis oleh Professor Dato' Kassim Thukiman telah menyatakan bahawa Kampung Melayu Majidee ini ditubuhkan pada tahun 1951, ia bermula apabila Almarhum Sultan Sir Ibrahim menitahkan Dato' Abdullah Isa, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor untuk mencari 100 buah keluarga untuk dikurniakan tanah di kawasan ini bagi memindahkan penduduk Stulang Laut. Berdasarkan kepada semakan serta perincian, didapati proses kurniaan tanah secara berhak milik tersebut adalah dengan status pajakan ataupun *leasehold*, saya ulang *leasehold*.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, maka dengan itu, tanah-tanah di Kampung Melayu Majidee ini tidak boleh ditukarkan kepada status *freehold* kerana ianya didapati tidak selaras dengan peruntukan Seksyen 76 (a)(a) KTN dan juga Pekeliling-Pekeliling KPTG Bil. 1/2009. Status tanah tersebut tidak tertakluk di dalam empat keadaan yang membenarkan status *leasehold* ditukar kepada *freehold.* Ini kerana semasa Kampung Melayu Majidee ini diperkenan ianya telah dikurniakan secara *leasehold.*

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya sekali lagi ingin mengingatkan Yang Berhormat Bukti Kepong, Bukit Kepong dan juga barisan-barisan di sebelah Perikatan Nasional pernah satu ketika khususnya Yang Berhormat Bukit Kepong pernah menjadi Menteri Besar, menjawat jawatan tertinggi di Johor yang ke-17. Apa tindakan Yang Berhormat? Di mana dasar-dasar Yang Berhormat ketika itu? Di mana pelan-pelan tindakan Yang Berhormat ketika itu? Di mana keputusan-keputusan status tentang tanah ini? Dan masa depan tanah Kampung Melayu Majidee dan kawasan-kawasan lain ketika itu Yang Berhormat Kepong? (Dewan bertepuk). Mana mungkin, mana mungkin hari ini tiba-tiba muncul seorang pejuang kononnya, pejuang tanah Melayu sedangkan ketika berkuasa dahulu satu dasar pun tidak digubal, tetapi hari ini lihat, lihatlah Yang Berhormat Bukit Kepong dan rakan-rakan Yang Berhormat daripada Perikatan Nasional seolah-olah menjadi hero yang nak menjayakan agenda politiknya.

Perkara ini Yang Berhormat, perkara yang sukar dan Yang Berhormat sendiri tidak dapat laksanakan ketika berkuasa Yang Berhormat. Kerajaan Barisan Nasional tidak menunggang sentimen, kita tidak sesekali bermain persepsi ataupun hasutan, kita kerja berdasarkan undang-undang.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Larkin, saya pun menerima juga pesanan *Whatapps* ini, tentang cadangan untuk mengubah hak milik kekal ini. Hak milik kekal ini tidak boleh dibiarkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperas : Sebab itu saya kata Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ini adalah agenda politik dibelakangnya adalah agenda politik, kerajaan barisan, sekali lagi saya ingatkan pemerhati-pemerhati daripada Kampung Melayu Majidee. Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah menunggang sentimen, tidak bermain persepsi. Kita bekerja berdasarkan undang-undang dan juga fakta. Dasar dan amalan Kerajaan Negeri Johor sejak 1951, rekod jelas, rekod jelas menunjukkan bahawa sejak 1951 sehingga hari ini tiada kerajaan Barisan Nasional pernah menggadai ataupun memansuhkan status tanah Kampung Melayu Majidee, masih kekal sehingga hari ini.

Kedua, ia kekal sebagai kawasan penempatan Melayu bandar yang dilindungi. Tiada sebarang pewartaan yang menunjukkan tanah ini pernah dicadangkan menjadi tanah pegangan kekal. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ini terbukti konsistennya bahawa kerajaan Barisan Nasional menjaga bukan mengambil, kerajaan negeri tidak pernah dan tidak akan mengeluarkan penduduk tanpa rumah gantian. Sebagai Wakil Rakyat Larkin, saya memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri Johor tidak akan sesekali mengusir ataupun mengeluarkan penduduk daripada tanah setinggan di Kampung Melayu Majidee selagi tiada pembangunan ataupun penempatan gantian siap dibina. Ini bukan retorik, ini adalah dasar, saya ulang, saya ulang untuk rekod Dewan. Mustahil tanah ini ditukar menjadi pegangan *freehold*. Bukan boleh dipolitikkan. Tuan-tuan, YB-YB bukan boleh diluluskan sesuka hati, bukan boleh diubah mengikut kepentingan sesiapa, selagi Kanun Tanah Negara berkuatkuasa, selagi Enakmen Rizab Melayu Johor ini wujud, selagi pihak berkuasa mempunyai kuasa mutlak, mana mungkin tanah ini boleh dinaik taraf menjadi pegangan kekal. Fitnah, fitnah bahawa kerajaan hari ini menggadai tanah Melayu. Adalah tidak berasas, mereka yang menyebarkan fitnah ini adalah mereka yang tidak memahami undang-undang tanah. Tidak pernah berbuat apa-apa ketika berkuasa tuan-tuan, kini cuba menangguk, menangguk di air yang keruh untuk kepentingan politik yang sempit.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang mulia. Buat penduduk-penduduk Kampung Melayu yang saya sayangi lagi saya kasihi. Percayalah, percayalah, isu ini sangat dekat di hati saya. Selaku Wakil Rakyat saya menyelami dan mendalami rasa, pandangan warga Kampung Melayu Majidee. Buat Pengerusi Persatuan Kebajikan Pemilik Tanah dan penduduk Kampung Melayu Majidee (PERKAM) dan juga jawatankuasa serta seluruh warga Kampung Melayu Majidee saya ingin ingatkan jangan sesekali memanipulasi,

manipulate perkara ini sehingga boleh menjatuhkan imej kerajaan, Menteri Besar mahu pun ADUN kawasan saya sendiri.

Saya melihat petikan video dan kenyataan yang dikeluarkan yang mendakwa tidak pernah berjumpa dan bersama Yang Amat Berhormat Machap, saya menafikan sekeras-kerasnya. Gambar di paparan *slide* ketika ini adalah bukti, bukti bahawa Yang Amat Berhormat Machap bersama saya, sama Ketua Bahagian hadir ke Program Semarak Subuh di Masjid Kampung Dato' Sulaiman Menteri. Dia memakai baju hijau belakang dan juga warna coklat. Kita berjumpa walaupun tidak lama tapi mendengar perkara yang diajukan pengerusi PERKAM dan juga dua (2) lagi jawatankuasa yang hadir ketika itu. Kerajaan negeri kemudian tidak berdiam diri malah kita meneliti, meneliti perkara ini sama ada relevan ataupun tidak supaya tidak kita lakukan satu keputusan yang terburu-buru. Malah yang dilakukan hari ini apa yang saya buat hari ini adalah bagi memastikan masyarakat Kampung Melayu Majidee tidak terpedaya.

Di sini juga saya ingin menjelaskan apabila PERKAM menyatakan mengenai permasalahan dan juga penyambungan semula pegangan pajakan, terbukti dengan gambar di paparan ini pada 26 Mei lalu. Di sini lah YB-YB, di sini lah Bangunan Sultan Ismail, Yang Amat Berhormat Machap menyerahkan Notis 5A, permohonan memperbaharui tempoh pajakan tanah kepada tujuh (7) orang penduduk di Kampung Melayu dan masih ada lagi dalam proses penyambungan semula yang menyatakan di luar kita tidak akan sambung dan sebagainya. Ini lah bukti kita sambung. Kerajaan negeri prihatin dan dengar nadi rakyat. Langkah ini bukan sekadar penyerahan dokumen tetapi bukti komitmen kerajaan negeri dalam mempertahankan hak dan kepentingan rakyat khususnya komuniti asal yang telah sekian lama menetap dan juga menyumbang kepada pembangunan dalam kawasan ini.

Di saat Johor sedang melangkah ke hadapan, dengan pelbagai agenda pembangunan dan juga pengukuhan ekonomi kerajaan negeri tidak pernah dan tidak akan sesekali membiarkan keresahan rakyat berlarutan. Kami mendengar dan juga mengambil tindakan terhadap kebimbingan yang timbul berkaitan dengan status tanah Kampung Melayu Majidee. Pelbagai langkah sedang dan akan terus dilaksanakan agar komuniti ini terus terbela dan juga terpinggir, tidak terpinggir dalam arus kemajuan. Prinsip Bangsa Johor akan terus menjadi pegangan kita. Kerajaan Negeri Johor tidak akan sesekali menggadaikan nasib dan juga kebajikan Bumiputera. Tidak sekarang, tidak esok dan tidak selamanya. Kerajaan ini bekerja, kerajaan ini melaksanakan dasar yang realistik, kerajaan ini menjaga warisan orang Melayu dan orang asal.

Sebagai kesimpulan, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Barisan Nasional diterajui oleh ketuanya Dato' Onn Hafiz Ghazi selaku Menteri Besar akan terus menerus membantu rakyat, memperkukuhkan ekonomi negeri, mempercepatkan proses penyambungan pajakan, menjaga hak dan keistimewaan Bumiputera dan mempertahankan Kampung Melayu Majidee sebagai nadi Melayu bandar. Yang lain boleh terus bermain politik, tapi kami kerajaan hari ini akan terus bekerja, bekerja dan bekerja untuk Bangsa Johor yang kita cintai.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kesimpulan daripada ucapan, jawapan dan cadangan yang telah saya utarakan sedikit sebanyak dapat memberi pencerahan, sedikit sebanyak. Kepada sesi sidang Dewan, soalan dan perkara yang telah diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, akhir sekali selaku EXCO Belia dan Sukan Pembangunan Usahawan dan Koperasi saya mengambil kesempatan ini, mengambil kesempatan untuk mengucapkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman di atas lantikan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang baru. Ucapan jutaan terima kasih juga buat Yang Berhormat Dato' Asman Shah yang banyak membantu memudah cara dan memastikan pelaksanaan daripada penjawat-penjawat awam berada dalam tahap yang cemerlang.

Seterusnya ucapan terima kasih buat kekanda saya Yang Berhormat Dato' Onn Jabar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang menjaga Hal Ehwal Sukan, Belia dan juga Sukarelawan yang tidak pernah letih memastikan Portfolio Belia Sukan terus memacu kejayaan. Seterusnya, saya mengambil kesempatan pada petang ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Haji Radzi bin Haji Mohd Amin, mantan Ketua Pegawai Eksekutif PUJB dan yang berusaha Encik Gadaffie bin Abdul Aziz, mantan Pengarah Insititut Dato' Onn (IDO), selamat datang juga buat Encik Ts. Mohd Johari bin Tarmidi, Pengarah Institut Dato' Onn yang baru dan juga tahniah kepada Yang Berusaha Tuan Haji Radif bin Haji Kosnin selaku Ketua Pegawai Eksekutif yang baru.

Terima kasih dan syabas juga buat semua jabatan-jabatan dan pasukan saya berada di bawah Portfolio saya yang terus bekerja keras siang dan malam bagi memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan sebaiknya. Pada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya dan juga dalam kawasan Larkin saya telah cuba yang terbaik, saya telah cuba yang terbaik untuk memberikan semua jawapan dan juga isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua jabatan saya mahu pun pejabat saya. Saya yakin, saya hanyalah manusia insan yang biasa yang pasti yang baik itu semuanya datang daripada Allah, yang lemah itu datangnya daripada diri saya. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dijernihkan, yang kurang ditambahkan. Saya akhiri ucapan penggulungan pada petang ini dengan serangkap pantun. Burung merpati terbang sekawan, hinggap sebentar di dahan jati; Ucapan diakhiri dengan harapan, Negeri Johor Allah berkati.

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Larkin. Yang kabur telah diterangkan mudah-mudahan tidak ada manipulasi daripada mana-mana pihak. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasan Perpaduan, Warisan dan Budaya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, salam sejahtera dan salam maju Johor. Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan di Mesyuarat Ketiga Belanjawan 2026 Penggal Persidangan Yang Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Terlebih dahulu patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucapan selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Ulang tahun Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat Diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dengan afiat yang sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada patik dan kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menzahirkan rasa bangga dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor mengenai ekonomi dan prestasi negeri Johor Darul Ta'zim negeri yang kita cintai. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengumumkan Johor sekali lagi telah mencatat kejayaan apabila muncul negeri tertinggi pelaburannya di Malaysia bagi tempoh Januari hingga September 2025 dengan nilai pelaburan mencecah RM91.1 billion. Sepanjang tempoh tiga (3) tahun enam (6) bulan ini pertumbuhan ekonomi Johor amat memberangsangkan. Buat julung kali dalam sejarah negeri Johor, kerajaan negeri mencapai hasil negeri yang bakal mencecah RM2.5 billion jauh

melangkaui unjuran asal yang dibentangkan dalam Belanjawan Johor 2025 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 13 November 2025 bagi Belanjawan 2026. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pencapaian kejayaan ini adalah mustahil tanpa kerjasama daripada Setiausaha Kerajaan Johor kita Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, rakan-rakan Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Daerah, Datuk-Datuk Bandar, YDP-YDP seluruh pegawai kanan kerajaan negeri dan persekutuan, badan-badan berkanun serta GLC negeri Johor yang telah memberikan kerjasama erat, dedikasi dan komitmen tinggi sepanjang tahun ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh Portfolio Perpaduan Warisan dan Budaya pada Belanjawan Johor 2026 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Johor tempoh hari saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peruntukan bajet bagi Portfolio Perpaduan Warisan dan Budaya Negeri Johor. Bermula daripada konteks perpaduan, kerajaan negeri telah memperuntukan RM500,000.00 bagi Program Semangat Bangsa Johor. Inisiatif ini bukan sekadar retorik tetapi diterjemahkan melalui program yang inklusif dan menyeluruh. Program ini akan menjadi *platform* utama untuk mempersembahkan dan menghayati kekayaan budaya serta warisan pelbagai kaum di negeri Johor. Kita akan menyaksikan pertunjukan keunikan budaya Melayu, India dan Cina serta tidak ketinggalan tradisi suku kaum dari Borneo yang kini turut menjadi sebahagian daripada keluarga besar Bangsa Johor. Kerajaan negeri sentiasa komited dalam memastikan rakyat di peringkat akar umbi tidak terpinggir dan rukun tetangga adalah tulang belakang kepada usaha perpaduan dan pembangunan komuniti ini.

Program Bantuan Khas KRT Negeri Johor yang diagihkan pada tahun ini merupakan yang pertama kali dilaksanakan oleh sesebuah negeri. Melangkaui peruntukan persekutuan dan inisiatif ini telah disambut baik oleh seluruh warga 600 KRT di negeri Johor. Melihat keberkesanan dan sambutan positif ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah sekali lagi bersetuju untuk meneruskan inisiatif ini dengan peruntukan sebanyak RM700,000.00. Peruntukan ini adalah bukti komitmen kita untuk memperkasa KRT sebagai agen perubahan dan memastikan kemakmuran dinikmati oleh setiap rakyat. Bagi memacu promosi dan pembangunan sosial warisan dan budaya, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.3 juta bagi Portfolio Warisan dan Budaya. Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor terus menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan pelbagai program yang dirancang dalam memberi matlamat untuk menunjukkan keunikan Bangsa Johor sebagai lambang perpaduan keharmonian dan kekayaan warisan negeri ini.

Program-program tahun 2025 yang dijalankan tahun ini adalah sebagai batu loncatan yang akan memberi impak kepada penglibatan Bangsa Johor dengan program-program bertaraf antarabangsa yang bakal dilancarkan pada tahun 2026. Bagi promosi-promosi pembukaan bangunan warisan, kita akan melancarkan pada awal Januari 2026 yang akan memberi impak bagi Tahun Melawat Johor 2026. Perasmian dan pembukaan Muzium Tokoh Johor yang akan dibuka semula dengan imej dan pengisian interaktif iaitu dengan 13 ruang pameran, 37 segmen pameran, 66 panel digital, 40 panel penulisan, 40 unit pengisian AR, 34 aktiviti menggunakan sensori menjadikan Muzium Tokoh Johor sebagai *museum immersive* pertama di negeri Johor. Manakala dengan sasaran 250,000 pengunjung, pelancaran *Lets Visit* KWSAB juga akan dibuat pada awal Januari 2026. Setiap tahun Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar sentiasa menerima pengunjung-pengunjung bagi lawatan berpandu. Tahun 2023 adalah seramai 70,608 pengunjung. Tahun 2024, 146,936 pengunjung. Tahun 2025 sehingga Oktober adalah seramai 102,166 pengunjung. Peningkatan pengunjung ini akan terus meroket dengan wajah baru Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar pada Disember 2025 ini serta pengisian yang telah disusun rapi bakal dijalankan setiap hujung minggu sehingga malam pada tahun 2026.

Lapan teras utama cadangan pengisian bagi memeriahkan Tahun Melawat Johor 2026 bakal berlaku di KWSAB. Pengisian ini juga telah mengetengahkan persembahan kebudayaan yang terbaik dari Bangsa Johor meliputi semua kaum dan artis budaya dari kalangan kaum itu sendiri. Bagi pembangunan sosial kebudayaan Melayu Teras Orang Muda Johor, Johor *Herritage Ranger* menjadi inisisatif baru dan mendapat perhatian daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di mana *Johor Heritage Ranger* akan menjadi sebuah *platform* yang terbaik bagi penglibatan pelajar-pelajar sekolah ke destinasi pelancongan negeri Johor bagi menerapkan kecintaan terhadap alam sekitar serta warisan budaya Bangsa Johor.

Penglibatan ini melibatkan kerjasama antara Yayasan Warisan Johor, Perbadanan Taman Negara Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Kita libatkan 56 DUN negeri Johor dengan menyasarkan 3,360 pelajar-pelajar sekolah negeri Johor untuk digerakkan sebagai peranan *heritage ranger* iaitu penyampai dan penggerak kepada usaha pemuliharaan warisan negeri melalui pengalaman, pendidikan, pelancongan dan aktiviti pemeliharaan.

Bagi program kebudayaan iaitu *Johor Cultural*. Inisiatif ini memberi peluang kepada penggiat-penggiat seni budaya untuk memberikan dan mengetengahkan budaya yang hampir pupus di setiap daerah untuk persembahkan di pentas program utama di peringkat daerah-daerah sehingga ke negeri. Keterlibatan melibatkan Majlis Kebudayaan Negeri Johor dan 10 Majlis Kebudayaan Daerah di sepuluh daerah tempatan pelancongan. Ucapan terima kasih juga kepada kerajaan negeri di atas peruntukan sebanyak RM500,000.00 bagi Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan. Pada tahun 2026, negara-negara luar akan memberi tumpuan ke negeri Johor di mana kita akan kumpulkan pakar-pakar dalam bidang pemuziuman dari seluruh negeri di Malaysia, Singapura, Brunei, Thailand dan Indonesia. Tumpuan program kebudayaan yang melibatkan komuniti luar juga turut dilaksanakan bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negari Johor. Telah dilaksanakan program Rewang Budaya Komuniti Gelang Patah dan juga Tenggaroh. Pengisiannya sangat meriah antaranya adalah Malam Nostalgia Rewang yang diserikan dengan persembahan artis tanah air. Pelancaran Senam Seni Johor, *Sarong Walk*, Sukan Rakyat selain juga bergotong royong dan merewang dalam menyediakan juadah kenduri raya. Warga komuniti sangat menyambut baik dengan inisiatif ini dalam memartabatkan dan mengangkat elemen budaya rewang yang hampir dilupakan.

Bagi pencukilan bakat-bakat muda, kita jalankan pencukilan bakat dalam program Rentak Gasing di Pemanis dan Pertandingan Kompang Tradisi Johor di Batu Pahat. Penganjuran ini adalah untuk memberi ruang kepada bakat-bakat muda sebagai pelapis seni budaya dalam mengetengahkan warisan budaya negeri Johor agar terus lestari dan tidak luput ditelan zaman. Melalui pertandingan seperti ini, bakat muda bukan sahaja dapat diasah dan ditonjolkan, malah turut diberi pendedahan kepada nilai sejarah serta kepentingan memelihara seni tradisi. Ia juga membuka peluang untuk mereka bergiat secara lebih aktif dalam program-program seni budaya di peringkat daerah dan negeri sebagai pelapis pada generasi sedia ada.

Manakala Festival Kota Selatan yang telah berlangsung di Dataran Majlis Perbandaran Pontian telah berjaya mencapai objektif penganjurannya sebagai sebuah program pelancongan budaya yang mengangkat keunikan serta keindahan seni budaya negeri Johor. Merangkumi penyertaan dan penglibatan pelbagai kaum, pelaksanaan festival ini menampilkan pelbagai aktiviti berimpak tinggi antaranya persembahan kebudayaan pelbagai kaum, Pertandingan Ghazal Johor, Pertandingan Kompang Tradisi dan Pertandingan Zapin Cilik. Festival yang di adakan di daerah Pontian ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan, melibatkan 1,453 orang peserta dan menarik kehadiran 67,509 orang pengunjung sepanjang 3 hari penganjurannya. Baru-baru ini juga kita telah menganugerahkan 13 penerima dalam 7 kategori bagi Anugerah Seni Johor. Majlis Anugerah Seni Johor merupakan penganjuran kali kedua yang mana pada kali pertama, ia diadakan iaitu pada tahun 2023. Program ini berbentuk penyampaian anugerah dan pengiktirafan di peringkat negeri kepada seorang tokoh ataupun pemain industri yang diiktiraf kewibawaannya

dalam bidang seni dan budaya. Program dan pengiktirafan ini juga terus, akan terus memberi impak yang besar dalam merintis kesinambungan penglibatan generasi muda dalam seni budaya tradisi. Sekaligus, menjadi asas kukuh kepada pelaksanaan program-program yang lebih berskala dan berimpak tinggi pada tahun 2026.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap kali Dewan memulakan perbahasaan saya mendengar dan mengambil cakna perbahasan Yang Berhormat ADUN-ADUN yang menekankan dan memberikan perhatian terhadap berkaitan perpaduan dan warisan dan budaya negeri walaupun berulang kali dibawa ke Dewan mulia ini. Saya menjawab kepada keprihatinan Yang Berhormat ADUN Johor Lama mengenai Muzium di Kota Tinggi. Buat makluman Yang Berhormat, Festival Hari Muzium Antarabangsa ini telah kita libatkan perbincangan dengan semua institusi muzium di seluruh daerah-daerah negeri Johor untuk bersama-sama berkolaborasi dalam Hari Muzium Antarabangsa 2026. Kita ingin memastikan seluruh daerah merasai tempias kemeriahan Festival Hari Muzium Antarabangsa ini secara menyeluruh melalui program seminar, pameran, bengkel, latihan, pertandingan dan lain-lain lagi yang semuanya akan melibatkan golongan belia terutamanya dalam membentuk identiti negeri Johor.

Tidak ketinggalan juga bagi daerah Kota Tinggi yang mana Muzium Kota Tinggi telah menerima jumlah pengunjung sebanyak 14,834 orang dari bulan Januari 2025 hingga 19 November 2025. Ini menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2024 yang mana hanya menerima sebanyak 12,966 orang pengunjung. Muzium Kota Tinggi juga rancak menjadi lokasi pilihan untuk diadakan pelbagai program yang melibatkan jabatan kerajaan, NGO, persatuan dan pihak media. Antara program yang dilaksanakan di Muzium Kota Tinggi sejak Januari 2025 sehingga November 2025 yang melibatkan belia dan orang awam seperti Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium, Program Bermalam di Muzium Perdana 2025, *Glamping at Museum Kota Tinggi,* Program Jelajah Kriteria Johor bagi daerah Kota Tinggi, *podcast* anjuran Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi, Program Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Kem Sanggar Bahasa Inggeris Peringkat Daerah Kota Tinggi dan yang telah dimaklumkan seperti dalam *list.*

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yayasan Warisan Johor akan memastikan Muzium Kota Tinggi bersedia untuk sambutan Hari Muzium Antarabangsa bagi Negeri Johor 2026. Dengan merancang pelbagai program dan penambahbaikan seperti menaik taraf kemudahan dan fasiliti galeri dan muzium serta menyediakan laluan OKU ke tandas awam muzium. Selain itu, antara perancangan lain adalah penjenamaan muzium iaitu penambahbaikan pengisian pameran dengan menaik taraf bilik tayangan sebagai satu ruang pameran dalam paparan *visual* berkaitan Kronologi Pelayaran Kesultanan Johor Lama 1528, era kesultanan di Teluk Belanga. Promosi dan pemasaran program di Muzium Kota Tinggi yang antaranya ialah program-program yang dirancang bagi tahun 2026 adalah seperti Bicara Tawarikh Kota Tinggi, Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium, Pameran *Eight Kingdom at Kota Tinggi*, Pakej *Heritage Glamping* di Muzium Kota Tinggi dan juga pelbagai, berbanyak lagi acara. Muzium Kota Tinggi merancang untuk memberikan bengkel pendedahan *story line* berkenaan sejarah kesultanan Johor Lama untuk membantu pemandu pelancong yang akan membawa kumpulan pelawat ke Muzium Kota Tinggi.

Manakala bagi perbahasan YB ADUN Senggarang, YB ADUN Pemanis dan YB ADUN Tiram mengenai program-program kebudayaan negeri Johor. Untuk tahun 2025 ini, Majlis Kebudayaan Negeri Johor telah menambah peruntukan daripada RM15,000.00 ke RM25,000.00 bagi Majlis Kebudayaan Daerah-daerah. Manakala persatuan kita telah tambahkan daripada RM5,000.00 kepada RM10,000.00. Bagi tahun 2026, saya yakin program dengan program kebudayaan yang semakin rancak dan mendapat tarikan, kita akan mendapat sokongan tambahan daripada kerajaan negeri bagi meyambut baik Tahun Melawat Johor 2026. Melalui keprihatinan YB ADUN Pemanis kepada penggiat-penggiat seni dan yang uzur, saya yakin kerajaan negeri juga telah meneliti kepentingan ini bagi menghargai jasa penggiat-penggiat seni negeri Johor. Meneliti cadangan dan persembahan kebudayaan

di lokasi-lokasi utama pelancongan, melalui Program *Johor Cultural* yang telah diumumkan dalam pembentangan belanjawan tempoh hari. Program tersebut akan memberikan dan mengetengahkan budaya yang hampir pupus di setiap daerah untuk dijadikan persembahan di pentas program utama di peringkat daerah-daerah terutama di lokasi-lokasi pelancongan daerah masing-masing. Sejak akhir tahun 2024, Majlis Kebudayaan Negeri Johor telah memperuntukkan 10 *PA system* lengkap di 10 daerah-daerah. Oleh itu, saya yakin daerah-daerah ini telah memulakan langkah ini bagi mempromosikan kebudayaan di daerah-daerah masing-masing. Begitu juga dengan cadangan YB ADUN Sedili yang meletakkan program kebudayaan di dalam *calendar event* Johor. Semua agensi di bawah Portfolio Perpaduan Warisan dan Budaya sentiasa berganding bahu dengan pihak *Tourism Johor* bagi memastikan setiap program yang dibuat akan dikemaskinikan dalam *calendar event* Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengambil masa ini juga untuk berbincang sedikit sebanyak mengenai masyarakat India, sebagai wakil Masyarakat India di dalam Dewan ini. Saya mendengar ucapan Yang Berhormat Kahang, Yang Berhormat Kemelah. Mereka telah banyak memuji dan juga Yang Berhormat Kahang ada telah bagi banyak idea-idea bernas yang baharu untuk dibawakan oleh kerajaan negeri untuk memainkan peranan masyarakat India yang lebih tinggi. Tapi sebelum saya nak cakap pada ini, saya pun di sini kena cakap pasal jasa. Jasa bila saya nak cakap Yang Berhormat Datuk Speaker, sekarang politik ini panas. KL kita tidak tahu apa berlaku. Saya boleh hari ini duduk sini, besok duduk sana atau duduk hujung sana, boleh berlaku apa-apa. Tapi, cakap politik itu lain, tapi apa yang penting kita kena faktakan jasa-jasa. Sebagai wakil masyarakat India saya kena beritahu apa yang jasa telah berlaku dan perlu direkodkan. Kalau kita tengok Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Saya kena beritahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor memang mementingkan masyarakat India, dia tak pinggirkan mana-mana kaum. (Dewan bertepuk). Saya bagi contoh, isu tapak khairat Yang Berhormat Kahang semasa dia EXCO, dia mula daripada 2013, diusahakan tapi kesudahannya dapat diselesaikan sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, tapak tu dapat dikenal pasti, dibagi peruntukan RM1.8 juta dan projek itu tengah jalan dan 80% siap lagi 20% bulan 1 siap projek tersebut. Itu jasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada masyarakat India.

Mengenai krematorium. Kita dekat Kluang Yang Berhormat Kahang, Yang Berhormat Paloh, Yang Berhormat Mahkota, Yang Berhormat Mengkibol, masyarakat India perlukan krematorium dekat Kluang. Mereka telah suarakan dan di Johor Bahru, kita ada satu krematorium. Yang Berhormat Pekan Nenas, Yang Berhormat Skudai, Yang Berhormat Kota Iskandar telah suarakan. Di tempat mereka ada banyak populasi India. Mereka perlukan satu krematorium. Perkara ini dibincang kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan dia peka, bawa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dapatkan dua kelulusan dekat Johor, satu dekat Kluang dan satu lagi dekat Ulu Choh yang bersempadan dengan Iskandar Puteri, RM2.5 juta, RM2.5 juta, RM5 juta duit dah dibagi dan peruntukan itu telah dijalankan. (Dewan bertepuk).

Lepas itu, saya nak juga cakapkan dekat isu kuil-kuil. Kita ada banyak isu tapak tanah kuil. Dan isu ini bukan sekarang, dia dari YB Vidya pun dia telah banyak usahakan, YB Kahang dan juga sebelum itu. Tapi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mulakan *task force* masyarakat India dan dipengerusikan bukan saya, bukan *task force* bukan Islam yang saya dengan YB Ah Soon ada sekali, dipengerusikan Dato' SS dipantau oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, lebih kurang kita *identify* dekat 80 isu tanah yang melibatkan masyarakat India dan Cina dan *by* hujung tahun ini dah boleh selesaikan 20 tapak. Itu satu rekod. Tapi bukan hanya Yang Amat Berhormat, saya kena cakap juga, ADUN-ADUN kita. Sebagai contoh, YB Bukit Permai, dia dekat Kulai saja, tapak kuil dekat Senai Airport City dan Bandar Putra dia kenal pasti, dia *identify* dia dapatkan. Lepas itu, dekat Taman Puteri, kuil itu ada tanah runtuh. Dia usahakan RM750,000.00, dua fasa untuk selesaikan masalah itu, dia seorang. Contoh YB Pasir Raja, dekat kawasan dia ada kuil, dia usahakan datang jumpa saya perlukan peruntukan, dapatkan RM200,000.00 untuk kuil sana, untuk selesaikan. Dan dia sekarang pun datang balik, dia nak tambahan. Saya nak tunjukkan kegigihan Wakil Rakyat yang

mewakili semua kaum. Bukan hanya sana, YB Bekok, YB Mahkota dekat kuil dekat tapak dia dan banyak rakan-rakan, saya minta izin.

YB Timbalan Speaker : YB Tenggaroh, beri laluan kepada azan.

(Dewan berhenti seketika bagi menghormati laluan azan).

YB Timbalan Speaker : YB Tenggaroh.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri Johor : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. *So*, bila saya cakapkan tadi, banyak semua YB-YB untuk isu kuil mereka telah bagi satu komitmen yang tinggi. Bukan kuil sahaja, saya kena cakap Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Di Johor kita ada lebih kurang 70 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Dalam itu lebih kurang 50% sekolah ini ialah sekolah kurang murid. Masalah dia, sekolah-sekolah ini berada di estet ataupun bandar-bandar yang kecil dan kebanyakan pemindahan masyarakat dah ke bandar. Keluarga dia sikit tapi macam contoh Segamat, Kluang, banyak sekolah Tamil tapi keluarga dia rendah. Bila sekolah masih kurang pelajar, kita tak boleh tutup sekolah. Tapi, bila kita bawa isu ini kepada Yang Amat Berhormat, dia minta saya bantuan daripada YB Aznan, dia cuba nak selesaikan. Negeri Johor dibawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar disokong oleh YB EXCO Pendidikan, kita tengah fikirkan macam mana nak buat pemindahan. Dan salah satu penyelesaian ini ialah, dekat Skudai dan juga dekat Impian Emas, kita tak ada sekolah Tamil dekat sana. Tak ada tapak pun nak carikan. Tapi, bantuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia telah tukarkan tapak yang rizab sekolah kebangsaan yang tak ada perancangan nak digunakan dua tapak ditukarkan untuk pindahkan SJK(T) MADOS dan SJK(T) Ladang Semberong di dua tapak ini. Dan, cukai dia saja lebih kurang RM800,000.00 lebih. Mereka beri pengecualian RM10.00 saja. Ini menunjukkan keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga barisan EXCO dan juga semua kakitangan kerajaan. Sebab bila kita nak cakap pasal isu kuil bukan hanya kita boleh bantu, DO-DO, Pentadbir Tanah, YDP-YDP pun prihatin. *So*, ini menunjukkan rekod kerajaan negeri membantu masyarakat India.

Bukan itu sahaja, baru-baru ini Deepavali, tahun lepas kita bagi bakul makanan 25,000 lebih. Tahun ini Yang Amat Berhormat cakap 40,000 bakul makanan. Semua ADUN kita bantukan untuk buat penyerahan 40,000 bakul makanan. Tertinggi antara *compare* semua negeri dekat Malaysia ini, dia tertinggi. Tadi YB Ah Soon cakap nombor 1, yang ni pun nombor 1 juga. (Dewan bertepuk). Ini menunjukkan rekod keprihatinan dan ini menunjukkan bagaimana Wakil Rakyat-Wakil Rakyat di Johor, kita mengamalkan konsep Bangsa Johor. Kita bagi kepentingan kepada semua masyarakat, tak kira kaum, agama, tak kira kulit. Dan saya mewakili masyarakat India, saya nak ucapkan terima kasih sebab benda ini penting dan perlu direkodkan sebab saya tak nak lain kali, lain pula diceritakan. Jasa-jasa yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya kena beritahu. Jasa-jasa yang dilakukan oleh rakan-rakan EXCO dan juga rakan-rakan Wakil Rakyat saya kena maklumkan. Dan saya mengambil kesempatan ini sekali lagi saya nak ucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan saya yang berada di sini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kesimpulan banyak jadi saya akhiri dengan satu pantun sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker. Bahasa Tamil punya pantun nanti. Bunga dedap di atas para, anak Dusun pasang pelita; kalau silap tutur bicara, jemari disusun, maaf dipinta. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Tenggaroh, tahniah. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan: Bismillahirrahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, salam Bangsa Johor, salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu izinkan saya Merafakkan Setinggi-Tinggi Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas segala titah nasihat serta perhatian yang sentiasa diberikan kepada negeri Johor khususnya dalam aspek keselamatan, kesejahteraan rakyat dan juga kesinambungan pembangunan negara. Menjunjung kasih juga kepada Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor atas titah peduli rakyat yang sentiasa menjadi kompas kepimpinan negeri ini dalam memastikan kesejahteraan Bangsa Johor terus terpelihara.

Saya turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor atas pembentangan Belanjawan Johor 2026 yang sangat komprehensif, inklusif dan berpaksikan kepentingan rakyat. Belanjawan ini bukan sekadar dokumen kewangan, tetapi satu hala tuju strategi yang menzahirkan keberanian, kecekapan tadbir urus serta keazaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membawa Johor ke tahap yang lebih tinggi melalui kerangka Maju Johor 2030.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, sahabat-sahabat barisan EXCO, ketua-ketua jabatan serta keseluruhan pentadbir negeri yang telah bekerja keras memastikan setiap dasar, angka dan inisiatif dalam belanjawan ini dibangunkan berdasarkan data, kajian mendalam serta libat urus bersama rakyat. Rancangan yang tersusun ini memperlihatkan iltizam pentadbiran negeri untuk memastikan Johor kekal sebagai negeri progresif, mampan dan berdaya saing di rantau ini. Belanjawan Johor 2026 yang dibahaskan dengan penuh semangat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat jelas menunjukkan bahawa seluruh Dewan berkongsi aspirasi yang sama iaitu memastikan kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan setiap lapisan rakyat terus terjamin. Justeru, sebagai EXCO yang dipertanggungjawabkan dalam portfolio Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya berdiri di Dewan ini dengan penuh rasa tanggungjawab untuk menggulung perbahasan ini dan menjelaskan komitmen kerajaan dalam melaksanakan agenda besar pembangunan negeri demi Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab perbahasan yang telah berlangsung, izinkan saya menyentuh dua komponen utama di bawah tanggungjawab saya, iaitu pertama, Perumahan dan yang kedua Kerajaan Tempatan. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang turut mengambil bahagian dalam perbahasan iaitu Kukup, Pulai Sebatang, Sri Medan, Kempas, Kota Iskandar, Permas, Kahang, Parit Yaani, Gambir, Benut, Panti, Mahkota, Sungai Balang diikuti juga oleh Perling, Mengkibol, Simpang Jeram serta Stulang, Penggaram, Bukit Kepong dan Endau yang telah menunjukkan keprihatinan dan komitmen tinggi dalam membahaskan isu-isu berkaitan perumahan. Pandangan serta cadangan Yang Berhormat akan dijadikan rujukan penting dalam memperkukuhkan dasar sedia ada dan merangka inisiatif baru yang lebih inklusif, mampan serta memfokus kepada keperluan sebenar rakyat.

Menjunjung Titah Ucapan Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Pemangku Sultan Johor, patik menjunjung kasih ke atas keprihatinan Tunku terhadap keperluan penyediaan perumahan mampu milik yang inklusif dan berdaya huni khususnya untuk golongan B40. Alhamdulillah, untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kerajaan negeri mengambil langkah berani memperkukuhkan dasar perumahan negeri agar lebih inklusif, lebih realistik dan lebih dekat dengan denyut nadi rakyat.

Perisai Temenggong teguh berdiri, panah dilepas menyambar udara; kerajaan berani memperkasa negeri, agar rakyat makmur sentiasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh perbahasan isu pembinaan rumah mampu milik, suka untuk saya maklumkan sehingga suku ketiga tahun 2025 sebanyak 20,183 unit rumah mampu milik telah disiapkan di seluruh negeri Johor. Menjadikan antara pencapaian perumahan rakyat paling signifikan dalam tempoh singkat. Sasaran 2026 sebanyak 8,915 juga akan dicapai dengan momentum pembinaan yang konsisten serta kerjasama kukuh di antara PKPJ, PBT-PBT, PTG dan pemaju-pemaju perumahan. Kerajaan negeri yakin bahawa sasaran 30,000 unit rumah mampu milik akan siap dibina menjelang akhir tahun 2026 mengikut sasaran dan KPI kerajaan negeri. Komitmen ini adalah sebahagian daripada agenda besar kerajaan negeri untuk memastikan 100,000 Rumah Mampu Milik Johor siap dibina menjelang tahun 2030. Pelaksanaan *task force* 100,000 RMMJ, pemantauan rapi PDRC serta tindakan tegas terhadap projek lewat dan terbengkalai menjadi pemacu utama kejayaan ini. Negeri Johor kekal teguh dalam memastikan setiap rakyat berpeluang memiliki kediaman yang selesa, berkualiti dan mampu milik seiring dengan aspirasi Maju Johor.

Sebagai menjawab beberapa persoalan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai Rumah Kasih Johor atau dipanggil Rumah Percuma Johor. Sukacita saya melaporkan bahawa pelaksanaan berjalan dengan sangat progresif sejak tahun 2023 dan pasti akan diteruskan hingga 2026 dan pada tahun 2023 sebanyak 50 unit telah berjaya disiapkan dan diserahkan kepada penerima dengan peruntukan RM6.5 juta. Tahun 2024 pula menyaksikan peningkatan dengan 120 unit melibatkan peruntukan RM17 juta. Komitmen ini diteruskan pada tahun 2025 di mana 165 unit sedang dalam pelaksanaan dengan peruntukan RM22 juta dan dijangka siap sepenuhnya mengikut jadual dan pada tahun 2026, kerajaan negeri memperkukuhkan lagi agenda perumahan rakyat dengan merancang 365 unit Rumah Kasih Johor tambahan dengan peruntukan keseluruhan RM96.5 juta sehingga tahun 2026 menjadikan jumlah keseluruhan 700 unit. Ini bermakna setiap Wakil-wakil Rakyat akan mendapat peruntukan enam buah rumah percuma di kawasan DUN masing-masing. Semua.

Menyentuh cadangan oleh YB ADUN Pulai Sebatang dalam perbahasan dan juga YB ADUN Kukup dalam sesi soal jawab lisan, berkenaan perluasan syarat penerima Rumah Prihatin Johor kepada golongan bujang serta melihat semula syarat pendapatan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri sentiasa mendengar dan memahami keperluan rakyat, termasuk golongan bujang yang turut berdepan cabaran mendapatkan kediaman selesa dan mampu milik. Selaras dengan agenda Maju Johor serta komitmen kerajaan dalam memastikan akses perumahan lebih inklusif, kerajaan negeri bersetuju untuk memperluaskan syarat permohonan Rumah Prihatin kepada golongan bujang khususnya mereka yang berpendapatan B40 dan memerlukan tempat tinggal yang lebih stabil. (Dewan bertepuk). Syarat pendapatan isi rumah RM6,000.00 bagi calon juga dinaikkan kepada RM8,000.00 bagi memperluaskan akses kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Untuk memudahkan, untuk memudahkan pemohon mendapat kelulusan pinjaman bank bagi kos Rumah Prihatin iaitu RM36,000.00 atau RM56,000.00, kerajaan negeri akan mengeluarkan sijil tawaran seperti penawaran rumah mampu milik. Kerajaan negeri telah memperuntukkan 1,500 unit dengan kos anggaran RM83.7 juta khusus untuk subsidi pembinaan Rumah Prihatin sehingga tahun 2030. Ini bermakna setiap ADUN akan menerima 27 unit Rumah Prihatin, setiap ADUN.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nasib baik dia terlajak sikit. Teruskan ya. Insentif. Sebagai makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelaksaan Bantuan Kasih Johor menunjukkan keberhasilan yang jelas dan berimpak besar kepada rakyat. Alhamdulillah, Bantuan Kasih Johor fasa 1, RM2.4 juta melibatkan 12,000 penerima dan setiap penerima menerima RM200.00 seorang telah pun diselesaikan. Manakala fasa 2 pula, menyaksikan peningkatan dengan 14,651 penerima menikmati bantuan tunai RM200.00 melibatkan jumlah peruntukan RM2.9 juta yang diagihkan bermula minggu ke empat November hingga minggu ke tiga Disember 2025. Keseluruhan pelaksanaan kedua-dua fasa ini membuktikan bahawa kerajaan negeri konsisten mengutamakan kebajikan rakyat melalui bantuan yang sampai ke tangan mereka tepat pada masanya dan memberi kelegaan nyata kepada keluarga yang memerlukan.

Insentif Rumah Kasih Johor. Rumah Kasih Johor, Bantuan Kasih Sewa Rumah. Inisiatif Perumahan Kasih Johor 2026 menampilkan tiga bentuk bantuan yang paling komprehensif. Pertama, Bantuan Kasih Sewa Rumah melibatkan 20,000 penerima dengan RM200.00 sebulan selama 10 bulan. Syarat utamanya adalah pemohon mestilah warga negara, pengundi Johor, berpendapatan isi rumah di bawah RM4,000.00, bekerja di Johor dan berumur 25 tahun hingga 40 tahun, sudah berkahwin, ibu tunggal, bapa tunggal, tidak memliliki rumah serta sedang menyewa rumah bukan milik keluarga. Bantuan ini dirangka untuk mengurangkan beban sewa dan memberi ruang keluarga B40 bernafas dalam keadaan ekonomi mencabar.

Yang kedua, Bantuan Kasih Masuk Rumah Pertama berjumlah RM2,000.00. Sebelum ini dasar RM1,000.00 kepada 8,915 pembeli rumah RMMJ pula memberi sokongan awal untuk menampung kos rendah, utiliti, keperluan asas ketika memasuki rumah baru. Bantuan ini memberi *signal* jelas bahawa kerajaan bukan hanya menumpukan pembelian semata-mata, tetapi turut memastikan proses berpindah dan memulakan kehidupan di kediaman baru tidak membebankan rakyat. Ini adalah pendekatan menyeluruh daripada menyewa, membeli hingga ke fasa berpindah.

Yang ketiga, Bantuan Kasih Beli Rumah Pertama. Sebanyak RM5,000.00 kepada 20,000 pembeli baru bagi rumah RMMJ, rumah lot Bumiputera dan pasaran sekunder. Antara syarat ringkas ialah pembeli mestilah warga negara, pengundi Johor, membeli rumah pertama dalam lingkungan harga di bawah RM500,000.00 melibatkan B40 dan M40, RM500,000.00 dan ke bawah. Bantuan ini bertujuan mengurangkan kos deposit, yuran guaman sekaligus membuka lebih banyak peluang pemilikan rumah kepada golongan muda dan pekerja negeri Johor. Semua inisiatif ini digerakkan dengan syarat yang telus, mekanisma yang jelas, penyasaran yang tegas, supaya bantuan sampai kepada mereka yang layak dan benar-benar memerlukan. Belanjawan Johor 2026 bukan sekadar angka atas kertas, tetapi manifestasi iltizam kerajaan untuk membina eko sistem perumahan rakyat yang lebih adil, lebih stabil dan lebih mampan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila ada pihak seperti Bukit Kepong mendakwa bahawa rakyat tidak merasai inisiatif kerajaan negeri, kenyataan itu sebenarnya tidak lebih daripada cerminan jauhnya beliau daripada realiti rakyat yang saban minggu menerima bantuan secara langsung dengan pelaksanaan Bantuan Kasih Johor yang meliputi semua segmen. (Dewan bertepuk). Bawah portfolio saya sahaja Bantuan Kasih Johor tadi untuk PPR dan RSK lebih 15,000 penerima melibatkan RM5.3 juta, RM200.00 seorang; Bantuan Kasih Sewa tadi melibatkan peruntukan RM40 juta melibatkan 20,000 penerima; Bantuan Masuk Rumah Percuma dengan peruntukan RM17.8 juta melibatkan 8,915 penerima dan Bantuan Beli Rumah Masuk Pertama 20,000 orang, RM100 juta peruntukan melibatkan 63,566 penerima, melibatkan RM163 juta. Amat sukar untuk mana-mana pemimpin yang benar-benar turun padang untuk mengatakan rakyat tidak merasai manfaatnya. Kerajaan negeri mengatur dan mengagih, PBT menyelaras, PKPJ agensi negeri, persekutuan membantu melaksana, jutaan rakyat menerima. Yang tidak nampak selalunya adalah hanyalah mereka yang tidak berada di lapangan bersama rakyat. (Dewan bertepuk). Apabila ada yang memilih naratif rakyat tidak rasa apa-apa, persoalan ini bukan pada dasar kerajaan, tetapi pada sejauh mana mereka sendiri hadir bersama rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Benut berkenaan pendirian kerajaan negeri tentang Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar. Setelah meneliti implikasi pelaksanaan URA, Kerajaan Negeri Johor pada masa ini tidak menyokong terhadap konsep tersebut. (Dewan bertepuk). Hal ini kerana kerajaan Johor berpendirian bahawa URA ini mempunyai pertindihan bidang kuasa dan perlu dipinda terlebih dahulu bagi perkara-perkara yang berkaitan tanah, perancangan bandar dan kelulusan terhadap pemajuan tanah. Kerajaan Johor juga tidak bersetuju khususnya tentang peranan dan fungsi jawatankuasa di peringkat persekutuan yang jelas

mengambil alih peranan kerajaan negeri sebagai pihak berkuasa dalam menentukan hala tuju pembangunan mengikut acuan dan aspirasi rakyat tempatan.

Selain itu, isu sensitif seperti ambang pemilikan, hak milik penduduk, penempatan semula, pampasan dan kawal selia pembangunan setempat memerlukan keputusan yang dibuat oleh PBT-PBT dan agensi-agensi yang lebih memahami dalam konteks tempatan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri kekal komited untuk melaksanakan pembaharuan kawasan perumahan lama melalui mekanisma sedia ada di bawah PBT dan agensi teknikal lain. Pendirian Johor adalah jelas selagi terdapat ketidakselarasan dari aspek perundangan, struktur kuasa dan perlindungan hak-hak penduduk, Kerajaan Negeri Johor mengekalkan pendirian tidak menyokong pelaksanaan URA di negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Menjawab persoalan YB ADUN Benut, Kota Iskandar, Bukit Naning, ADUN Simpang Jeram, Senai, Puteri Wangsa berhubung pembangunan pusat data di negeri Johor. Suka saya maklumkan bahawa sehingga November 2025, Johor telah meluluskan 51 projek pusat data menjadikan Johor antara hab digital paling pesat berkembang di rantau ini. Daripada jumlah tersebut, 17 pusat data telah beroperasi, 11 sedang dalam pembinaan dan 23 lagi baru diluluskan, melibatkan nilai pelaburan keseluruhan sebanyak RM180.96 bilion serta membuka 7,561 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada anak muda tempatan. Kerajaan negeri turut menekankan bahawa setiap pusat data yang dibangunkan perlu memenuhi piawaian moden yang lebih lestari, cekap tenaga dan bertaraf antarabangsa. Eko sistem pusat data Johor kini merangkumi kemudahan *tier* satu sehingga *tier* empat.

Untuk makluman Dewan, secara mudah untuk difahami, pusat data *tier* satu dan *tier* dua adalah pusat data yang paling banyak menggunakan air iaitu antara 40 hingga 50 juta liter sehari berbanding dengan *tier* tiga dan *tier* empat hanya menggunakan 200,000 liter sehari. Perbezaan lebih kurang 200 kali ganda. Penggunaan 200,000 liter air ini adalah setara dengan kegunaan industri biasa. Oleh itu, Kerajaan Negeri Johor telah membuat keputusan tidak lagi meluluskan permohonan pusat data dengan *tier* satu dan *tier* dua. Bagi memastikan pembangunan pusat data dilakukan secara terancang dan mematuhi segala keperluan teknikal, Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Pusat Data Negeri Johor telah ditubuhkan pada tahun 2024, seperti YB Lee maklumkan tadi. Sebagai platform penyelaras utama antara agensi teknikal dan bukan teknikal di peringkat negeri dan persekutuan, Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh saya sendiri manakala Timbalan Pengerusi disandang oleh YB Bukit Pasir, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya serta YB Paloh, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri Johor. Keanggotaan Jawatankuasa ini merangkumi 20 agensi strategik termasuk PTG, PlanMalaysia, ICT Johor, TNB, Ranhill-SAJ, BAKAJ, SKMM, MIDA, IRDA, Invest Johor dan MIDEC. Proses kelulusan pusat data ini melibatkan lima peringkat semakan, lima peringkat dan penilaian melalui 20 agensi. Dan, hasil asas pertimbangan adalah melibatkan penggunaan air, penggunaan elektrik, ketersediaan kabel internet, penggunaan teknologi, keperluan mendapatkan air alternatif dan aspek teknologi hijau.

Suka juga untuk saya nyatakan di Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri menggalakkan pembangunan pusat data tertumpu di kawasan industri tersusun iaitu di IBTEC Sedenak, MPKu dan MSM Green dan Iskandar Halal Park dalam kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Selain itu, beberapa pusat data di Johor telah mula mengadaptasikan teknologi *recycle water* melalui kerjasama bersama *Johor Special Water* atau JSW, ini agensi kerajaan dan Indah Water Konsortium (IWK) bagi memastikan operasi pusat data tidak menekan sumber air bersih rakyat. Pendekatan ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri untuk memacu pembangunan digital serta bertanggungjawab memperkukuhkan ekonomi berteknologi tinggi sambil mengekalkan keseimbangan dengan agenda kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat negeri Johor.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB ADUN Pemanis dalam sesi jawab lisan, suka untuk saya maklumkan bahawa Johor merupakan negeri pertama di Malaysia yang berjaya mencapai status *smart state* atau negeri pintar, (Dewan bertepuk), hasil usaha bersepadu

kesemua 16 PBT yang sekurang-kurangnya mencapai tahap 1 *Smart City Early Adopter* atau 10 syarat inisiatif di bawah piawaian MS ISO 37122. Lebih membanggakan, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menjadi satu-satunya PBT di Malaysia daripada jumlah 155 PBT dalam Malaysia mencapai tahap 3 ia ini *Leading Smart City* dengan 63 inisiatif, nombor 1 dalam Malaysia. (Dewan bertepuk). Pencapaian ini bukan sekadar pengiktirafan teknikal, tetapi manifestasi proses transformasi besar negeri Johor dalam mengubah pengurusan dokumen tradisional kepada ekosistem digital yang lebih cekap, responsif dan berasaskan data masa nyata.

Namun demikian, kerajaan negeri sedar bahawa kejayaan dalam agenda *Smart City* ini mesti bergerak selari dengan komitmen menyelesaikan isu harian rakyat. Digitalisasi bukan bertujuan mencantikkan statistik, tetapi menjadi pemangkin mempercepatkan tindakan, meningkatkan ketelusan, memudahkan aduan, serta mengukuhkan keberkesanan PBT dalam menangani cabaran sebenar seperti isu banjir, isu trafik, isu kebersihan, isu keselamatan dan penyelenggaraan *infrastructure* asas. Justeru, transformasi digital yang sedang berjalan ini akan terus diperkukuhkan agar manfaatnya dirasai secara langsung oleh rakyat, selaras dengan aspirasi Johor sebagai negeri moden, berdaya huni dan mampan di bawah Agenda Maju Johor 2030.

Menyentuh persoalan YB Parit Yaani berhubung Pusat Aduan Bersepadu Negeri Johor. Sukacita dimaklumkan bahawa pembangunan sistem ini telah dimulakan sejak 2 Disember 2024 melalui bengkel, mesyuarat teknikal dan lawatan bersama Biro Pengaduan Awam, latihan penggunaan sistem kepada pegawai, sesi penyelarasan bersama Ahli-Ahli Majlis MBJB, koordinasi bersama pegawai penyiasat serta penetapan KPI khusus bagi memastikan tahap *respons* lebih pantas dan berkesan. Bagi memastikan sistem ini benar-benar stabil dan mesra pengguna, kerajaan negeri telah memulakan tempoh percubaan atau sesi *dry run* melibatkan Ahli-Ahli Majlis MBJB dan aduan SISPA yang dimasukkan ke dalam sistem merangkumi enam kategori utama yakni:

1. Melibat jalan dan perabot jalan;
2. Lampu jalan dan lampu isyarat;
3. Sampah dan pembersihan awam;
4. Saliran dan perparitan;
5. Pokok dan landskap; dan
6. Gangguan haiwan.

Untuk memperkukuh prasarana digital dan keupayaan operasi, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM1.5 juta pada tahun 2025 dan RM2.65 juta pada tahun 2026 bagi penyelenggara sistem, penambahbaikan modul aduan serta peningkatan kapasiti pasukan penyiasat dan PBT. Pelaksanaan penuh sistem ini akan dijalankan secara berfasa bagi memastikan integrasi data, penyelarasan SOP dan keberkesanan tindakan dapat dicapai secara seragam di seluruh PBT.

Fasa pertama bermula dengan MBJB pada Q1 2026, ramai orang tanya saya, “Dato’, apa perbezaan antara pusat aduan dan Sistem SISPA?” Sistem SISPA ni orang mengadu satu hala sahaja, tetapi pusat aduan bersepadu ni bila dia mengadu, pegawai akan turun ke *site* lepas tu akan ambil tindakan, lepas tu pegawai akan ambil gambar tindakan dan *send* balik kepada pengadu. Ini bezanya antara Sistem SISPA dengan pusat aduan yang kita nak buat ini.

Menyentuh soalan pengurusan sampah yang dibangkitkan oleh Pekan Nanas, Skudai, Sri Medan, Sedili, Perling dan Panti. Untuk makluman Dewan, urusan pembinaan serta pengoperasian tapak pelupusan sampah di bawah bidang kuasa JPSPN KPKT, ini *federal* punya bidang kuasa. Justeru, sebarang perancangan atau pembangunan kemudahan TPS perlu melalui proses kelulusan kerajaan persekutuan. Namun begitu, melihat kepada peningkatan jumlah sisa pepejal dan tekanan terhadap tapak pelupusan sampah di Johor,

kerajaan negeri telah mengambil pendekatan proaktif dengan memulakan libat urus rentas agensi bagi memastikan perancangan ini diselaraskan dengan keperluan jangka panjang pengurusan sisa pepejal di negeri Johor.

Walaupun ia bukan bidang kuasa langsung kerajaan negeri, kita tetap komited untuk memastikan isu ini ditangani secara menyeluruh dan tidak dibiarkan berlarutan. Kerjasama erat antara PBT, agensi teknikal dan KPKT sedang digerakkan bagi memastikan solusi mampan dapat dicapai demi memastikan kebersihan bandar, kesejahteraan rakyat dan imej Johor terus berada di tahap tertinggi. Selaras dengan semangat Maju Johor, kita akan pastikan setiap langkah yang diambil pasti membawa hasil yang nyata dan memberi manfaat kepada rakyat.

Untuk makluman Datuk Speaker, isu sampah ni isu yang sentiasa ada. Cuma saya nak bagi kefahaman sedikit di dalam yang mulia ini ialah kita ada yang dulu dia panggil *dumping site* buang sampah terbuka. Maksudnya lori buang sampah, lepas tu bakar. Ini kaedah lama. Dan sekarang ni kita ada kaedah yang baharu yang dipanggil *sanitary*. *Sanitary* ni bila lori sampah apa buang, dia akan terus timbus. Di dalam satu kolam yang besar dan di dalam kolam itu ada sistem *piping*, ada sistem, apa *leacheate* air. Dan air *leacheate* ini akan diproses dalam bentuk tukaran energy.

Pada *level* yang ketiga pula, proses yang akan datang dipanggil technologi WTE, *Waste To Energy,* kita tak gunakan tanah *dumping site*, kita tak gunakan sistem *sanitary* tetapi sistem pembakaran dan pembakaran ini akan menghasilkan tenaga. Sebab tu di Johor ni di peringkat KPKT di bawah JPSPN bawah KPKT, kita sedang ke arah untuk menutup *dumping-dumping site* terbuka ini dan pergi kepada *sanitary*. Contohnya, kita sekarang ada di TPS Seelong dan juga di satu di Batu Pahat TPS Bukit Payung. Dan akan datang insya-Allah kita akan pergi kepada teknologi yang lebih tinggi iaitu WTE. Tidak menggunakan tanah, perlu tanah yang luas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, buat pertama kali dalam sejarah pentadbiran negeri, seperti diumumkan oleh YAB Menteri Besar, kesemua 16 PBT, Pihak Berkuasa Tempatan telah sepakat memperuntukkan RM14.9 juta bagi pelaksanaan Inisiatif Kos Sara Hidup Baucar Kasih Johor, melalui skim subsidi makanan yang sedang dimuktamadkan oleh kerajaan negeri. Inisiatif besar ini menunjukkan penyelarasan fiskal PBT yang lebih matang, berpaksikan data dan keperluan sebenar rakyat, sekaligus mengukuhkan kedudukan Johor sebagai negeri contoh dalam tadbir urus tempatan yang cekap, progresif dan berpaksikan rakyat.

Pelaksanaan inisiatif ini akan bermula secara berfasa mulai tahun 2026, melibatkan pengguna, melibatkan peniaga kecil dan keseluruhan ekosistem ekonomi tempatan di kawasan bandar. Matlamatnya adalah untuk meringankan beban kos sara hidup, merancakkan aktiviti ekonomi setempat serta menyokong kelangsungan peniaga kecil. Untuk memastikan ketelusan dan keberkesanan, sebuah *platform* khas akan digunakan bagi menyalurkan baucar terus kepada pengguna dan peniaga kecil bagi mengelakkan ketirisan serta memastikan subsidi sampai tepat kepada golongan sasar. Selaras dengan pelaksanaan ini, PBT turut akan menaik taraf medan selera, pasar dan ruang niaga mengikut model terbaik bagi memastikan kemudahan menjadi lebih selesa, moden dan berdaya saing. Langkah proaktif ini bukan sahaja menyokong keberkesanan penyampaian subsidi, tetapi juga seiring dengan pertumbuhan ekonomi Johor yang kukuh serta visi menjadikan Johor sebagai negeri maju, inklusif dan berdaya saing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya menutup penggulungan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Johor 2026 bagi portfolio Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Setiap pandangan, teguran dan cadangan sama ada menyokong, mencadang menambah baik atau memberi peringatan adalah suara jujur demi kepentingan

rakyat. Saya mendengar semuanya dengan hati terbuka, insaf bahawa amanah ini bukan sekadar tanggungjawab pentadbiran tetapi amanah besar yang akan dipersoalkan di akhirat nanti.

Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada seluruh pasukan di bawah portfolio saya, YB Datuk-Datuk Bandar, Datin Paduka, YDP-YDP, Ketua-Ketua Jabatan PBT-PBT, Ketua-Ketua Whip dan Ahli-Ahli Majlis, pasukan SUKT, YB Datin Paduka dan PKPJ, Faizal, PlanMalaysia Johor, Jabatan Bomba Penyelamat Negeri Johor dan Jabatan Landskap Negeri Johor. Serta semua jabatan dan agensi negeri dan persekutuan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam segala perkara dan urusan di bawah portfolio saya. Saya insaf bahawa kejayaan Kerajaan Negeri Johor bukan datang daripada seorang EXCO atau seorang Menteri Besar sahaja, tetapi daripada satu pasukan yang bergerak seiring dan sehati, sejiwa, memastikan setiap dasar yang diluluskan di Dewan ini benar-benar diterjemahkan dengan tindakan nyata untuk rakyat. (Dewan bertepuk).

Konsep gerak kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor berteraskan 3T dan 1M menjadi nadi kita bergerak. Pendekatan turun padang memastikan setiap dasar lahir daripada realiti lapangan, prinsip *teamwork* bekerja sebagai satu pasukan menggerakkan seluruh jentera kerajaan tanpa *work in silo*, falsafah Te Se Te Pan menggalakkan penyelesaian luar kotak dan tindakan luar biasa, manakala *micro manage* memastikan segala projek dipantau dekat, terperinci dan berdisiplin. Inilah rangka kerja yang menjamin setiap janji kerajaan sampai kepada rakyat dengan cepat, tepat dan menyeluruh.

Akhirnya, di sebalik setiap soalan yang dibangkitkan, terselit harapan besar rakyat agar kita bekerja dengan lebih cekap, lebih berintegriti dan lebih dekat dengan realiti kehidupan mereka. Maka segala teguran itu menjadi pendorong untuk memperkukuhkan dasar, mempercepatkan penyelesaian aduan, dan memastikan tiada sesiapa tercicir dalam arus pembangunan Maju Johor. Marilah kita melangkah ke hadapan dengan tekad bersama-sama memperkasakan negeri, menepati janji kepada rakyat dan menjaga kesejahteraan Bangsa Johor yang kita cintai. Semoga setiap kerja kita menjadi pahala berpanjangan mendapat ganjaran di sana kelak. Semoga Allah memberkati setiap langkah kita untuk terus menjadikan Johor negeri yang dihormati, disegani dan sentiasa di hadapan. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Aaamiin, Allah huma Aaamiin. Yang Berhormat mungkin yang tak merasa tu kemungkinannya tu telah hilang deria rasa. Yang Berhomat, dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah Ta'ala kerana kita diberikan ruang dan kelapangan untuk sampai pada hari ini untuk membincangkan dalam Mesyuarat Ketiga Belanjawan 2026 Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Kali Ke-15. Mewakili Portfolio Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar serta penduduk Buloh Kasap, patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah serta ucap selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Ibrahim, sempena ulang tahun hari keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini. Patik dengan penuh takzim memanjatkan doa kehadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat Diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat Bangsa Johor. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail,

Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mewakili pihak jabatan, agensi serta kumpulan sasar di bawah Portfolio Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, saya merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih serta tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor atas pembentangan Belanjawan Johor 2026 bertemakan, "Bangsa Johor Sejahtera".

Secara keseluruhannya sebanyak RM114 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 34 inisiatif utama di bawah Portfolio Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar. Peruntukan besar ini membuktikan janji kerajaan negeri bahawa limpahan ekonomi negeri yang akan dikongsi bersama seluruh rakyat Johor termasuk para petani, penternak, nelayan, masyarakat kampung, FELDA, Orang Asli dan semua lapisan masyarakat rakyat Johor. Data-data dan indikator ekonomi yang telah diterbitkan telah membuktikan keunggulan Johor sebagai peneraju utama sektor pertanian negara. Berdasarkan statistik terkini, banci pertanian DOSM, Johor kekal di tangga teratas dengan nilai jualan pertanian RM27.2 bilion. Melalui sumber MAQIS pula, eksport pertanian Johor, RM23.96 bilion serta nilai jualan industri asas tani (IAT), tertinggi Malaysia sebanyak RM348 juta. Prestasi cemerlang ini menjadikan Johor penyumbang terbesar kepada KDNK Pertanian Malaysia dengan sumbangan sebanyak 17.3%. Untuk itu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua para petani, penternak, nelayan Johor dan pengusaha sektor pertanian dan agro makanan keseluruhannya. Anda adalah wira sebenar di sebalik kejayaan yang terus menjadi kebanggaan Bangsa Johor.

Alhamdulillah, menerusi Belanjawan Johor 2026 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi sekali lagi meletakkan sektor pertanian sebagai antara fokus strategi negeri. Peruntukan besar berjumlah RM48.24 juta merangkumi 25 inisiatif utama adalah bukti komitmen kerajaan untuk memperkukuh ekosistem pertanian Johor secara menyeluruh daripada pengeluaran, teknologi, penyelidikan, pemasaran hinggalah kepada kebajikan petani, penternak dan nelayan. Insya-Allah, Johor bukan sahaja berhasrat untuk menjadi *food basket* kepada Malaysia malah bersedia menjadi *food bank* kepada negara serantau.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai sebuah kerajaan yang berteraskan kesejahteraan rakyat, Kerajaan Negeri Johor sentiasa menumpukan perhatian kepada isu kos sara hidup dan keperluan asas masyarakat. Justeru, Belanjawan 2026 memperkukuh lagi agenda kebajikan melalui inisiatif yang lebih menyeluruh dan berimpak langsung kepada rakyat. Antara program terbesar dalam belanjawan tahun hadapan ialah Jualan Kasih Johor yang bermula dengan peruntukan RM600,000.00, 2023, kini memperuntukkan RM15.4 juta untuk tahun 2026 melibatkan sasaran 266 lokasi di seluruh negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, khasnya Yang Berhormat Parit Yaani, jumlah peruntukan ini meningkat 113.3% lebih sekali ganda berbanding peruntukan yang diumumkan dalam Belanjawan Johor 2025. Setiap lokasi akan diperuntukkan subsidi atau apungan harga dengan anggaran RM40,000.00 bagi mengurangkan harga jualan untuk membolehkan rakyat mendapatkan barang keperluan asas kepada harga lebih istimewa termasuk jualan kombo bernilai RM15.00 setiap set. Ambil kesempatan nak ucap terima kasih kepada pegawai-pegawa FAMA dan usahawan FAMA yang telah menjalankan program Jualan Kasih Johor ini dengan sebaiknya. (Dewan bertepuk). Pada masa yang sama, Bantuan Kasih Johor dengan peruntukan berjumlah RM13.6 juta akan disampaikan kepada lebih 33,000 petani, penternak dan nelayan sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan kerajaan negeri terhadap wira-wira tani Johor atas sumbangan besar golongan ini kepada pembangunan sektor pertanian, bekalan makanan dan kestabilan ekonomi negeri. Moga Bantuan Kasih ini akan menguatkan lagi komitmen mereka untuk mengekalkan Johor negeri utama dalam sektor pertanian negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Dewan serta Yang Berhormat Kukup, Sungai Balang dan Kota Iskandar, memang tidak dapat dinafikan terdapat nelayan yang terbeban dengan kos operasi bagi pembelian peralatan bagi aktiviti tangkapan ikan. Selain Bantuan Kasih Johor bernilai RM600.00 setiap seorang kepada nelayan, pihak LKIM menyediakan bantuan peralatan penangkapan ikan melalui *Program Touch Point B40*, bagi membantu golongan nelayan terutamanya mereka yang berada dalam kategori B40. Pihak LKIM telah menyalurkan bantuan kepada golongan nelayan B40 termasuk antaranya:

1. Peruntukan sebanyak RM675,000.00 yang melibatkan 58 orang nelayan secara bersasar dalam tempoh 2023 hingga 2025.

2. Skim Pinjaman Nelayan Enjin Darat, Skim Pinjaman Enjin Dalam (SNED) dan Skim Pinjaman Nelayan Pantai (SNEP), untuk pembelian peralatan baru dan modal operasi kepada para nelayan yang layak memohon.

3. Seramai 3,063 orang nelayan Johor menerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), sebanyak RM300.00 sebulan. Ia antaranya di Kukup seramai 415 orang. DUN Kota Iskandar, 233 nelayan dan DUN Sungai Balang 246 nelayan.

Dalam usaha untuk memperkasakan industri perikanan juga, kerajaan Johor menerusi Belanjawan 2026 telah memperuntukkan RM2.2 juta untuk dimanfaatkan kepada kumpulan sasar sektor ini. Bagi memastikan kelestarian sumber perikanan dan manfaat ekonomi kepada nelayan darat, Jabatan Perikanan telah mencatat sejarah apabila menjayakan pelaksanaan pelepasan 1.6 juta ekor benih udang galah serentak seluruh Johor dan seterusnya diiktiraf oleh *Malaysia Book Of Record*. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan pemimpin setempat yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Naning dan Panti, Belanjawan 2026 memperkukuhkan agenda pertanian moden melalui peruntukan RM2 juta bagi program *Johor Agriculture Research and Development Centre* (JARDC). Pusat penyelidikan oleh JBiotech ini akan menjadi hab kolaborasi kerajaan dan industri bagi memacu inovasi dan pertanian moden. Kerajaan negeri turut memperkukuh, kerajaan negeri turut memperuntukkan RM3 juta pada tahun 2025 dan RM1 juta tahun 2026 bagi memperluaskan penggunaan amalan serta teknologi pertanian moden dalam kalangan usahawan tani. Seterusnya, meningkatkan kecekapan pengeluaran dan menarik minat golongan muda melalui automasi, digitalisasi dan mekanisasi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senggarang dan Mahkota, komitmen kerajaan negeri dalam memperkasakan belia tani turut diterjemahkan melalui program *Johor Future Agropreneur* . Dengan peruntukan RM2 juta, program ini telah dimanfaatkan oleh seramai 134 belia pada tahun 2025. Manakala Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar turut menawarkan lebih 120 kursus latihan secara percuma bagi memperkasa kemahiran dan pengetahuan belia dalam sektor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor kekal sebagai pengeluar terbesar buah-buahan negara khususnya durian dan nanas. Melalui peruntukan RM1 juta, kerajaan negeri bersama JBiotech, Jabatan Pertanian, LPNM dan FAMA dapat memperkukuhkan strategi penjenamaan dua komoditi sumber kekayaan baru negara ini sebagai ikon produk Pertanian Johor di peringkat domestik dan antarabangsa. Nanas MD2 serta durian premium seperti *Musang King* serta *variety* tempatan berkualiti tinggi terus menjadi penyumbang penting pasaran eksport dan Johor komited menerajui peluang pertumbuhan ini. Pembangunan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan, Pembungkusan dan Pengedaran (CPPDC), Durian Fama Tangkak menunjukkan perkembangan positif dan dijangka beroperasi sepenuhnya pertengahan Disember 2025 dengan kapasiti 50 matrik tan. Secara keseluruhan, CPPDC Tangkak ini berada pada landasan kukuh sebagai hab pemprosesan dan tambah nilai durian

Johor yang bakal menyokong pasaran domestik serta memberi manfaat langsung kepada pekebun dan usahawan setempat.

Kami ambil maklum apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Benut berkaitan potensi kelapa Johor. Kelapa turut menjadi komoditi fokus kerajaan bagi meningkatkan keluasan, pengeluaran dan Kadar Sara Diri (SSR). Jabatan Pertanian Johor telah menaik taraf fasiliti dan teknologi di pusat pengeluaran benih kelapa Jorak dan Parit Botak. Ia sekaligus meningkatkan kapasiti pengeluaran kelapa kepada sekitar 129,200 anak benih pelbagai *variaty* setahun bagi menyokong pembangunan industri kelapa negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor terus memperkukuh agenda pembangunan luar bandar melalui Belanjawan Johor 2026, yang memperuntukkan sebanyak RM65.7 juta bagi melaksanakan sembilan inisiatif utama merangkumi aspek kebajikan, sosial, institusi akar umbi, pendidikan awal, infrastruktur kampung serta peningkatan kesejahteraan komuniti FELDA dan Orang Asli. Kerajaan Negeri Johor juga merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) atas komitmen dan sokongan berterusan menyalurkan peruntukan tahun 2026, lebih RM323.3 juta merangkumi pelaksanaan 108 projek pembangunan desa. Ia mencerminkan komitmen kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi untuk memastikan masyarakat luar bandar tidak tercicir daripada pembangunan pesat Johor, selari dengan agenda Maju Johor menjelang 2030 yang menekankan pembangunan seimbang dan inklusif, membuktikan bahawa visi Johor Maju merangkumi seluruh negeri, bukan hanya kawasan bandar sahaja.

Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kukup dan Pulai Sebatang, kerajaan negeri amat menghargai dan menyokong penuh pandangan yang diberikan dalam memperkukuh institusi kepimpinan di peringkat kampung. Komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memperkasa kepimpinan akar umbi terus dipertegaskan melalui peruntukan berjumlah RM2.84 juta termasuk menaikkan elaun 667 ketua kampung dan 46 Batin Orang Asli kepada RM1,500.00. Ia sebagai tanda pengiktirafan kerajaan terhadap peranan mereka sebagai penghubung antara kerajaan dan masyarakat.

Kerajaan negeri turut memperuntukkan RM930,000.00 bagi geran pengurusan dan pentadbiran melibatkan persatuan ketua kampung, JKKP FELCRA dan JKKR FELDA sebagai usaha memastikan tadbir urus di peringkat akar umbi dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun, efisien dan berkesan. Selain meningkatkan elaun ketua kampung dan Batin Orang Asli, kerajaan negeri turut memperuntukan RM240,000.00 bagi inisiatif caruman lindung diri untuk ketua kampung, setiausaha JPKK, ketua masyarakat dan Batin Orang Asli bagi menjaga kebajikan barisan kepimpinan yang memainkan peranan penting dalam menyantuni rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor terus menunjukkan komitmen yang tinggi bagi menyantuni warga FELDA. Untuk tahun 2025 sahaja, sejumlah RM4.62 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan inisiatif berkaitan kebajikan warga FELDA. Dalam konteks menyelesaikan isu berkaitan pemilikan tanah FELDA, daripada keseluruhan 27,642 orang peneroka di negeri ini, seramai 27,429 peneroka atau 99% telah berjaya menerima geran hak milik mereka. Baki 213 peneroka atau 1% lagi sedang melalui proses akhir dan dijangka menerima geran hak milik masing-masing penghujung tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Kahang, sebanyak 79 lot peneroka di FELDA Kahang Timur telah pun mendapat kelulusan di peringkat kerajaan negeri dan kini berada dalam proses penyediaan Notis 5A. Dari segi permohonan lot perumahan generasi FELDA, rekod sehingga bulan September 2025, sejumlah 12,627 permohonan telah direkodkan di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, 9,731 permohonan telah diluluskan. Manakala 8,182 pemohon telah menerima Notis 5A. Daripada angka itu juga, 7,805 generasi FELDA iaitu 80% telah menyempurnakan bayaran Notis 5A dan seterusnya menerima geran hak milik masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat Penawar, Kerajaan Negeri Johor merupakan negeri pertama yang mengambil tanggungjawab melaksanakan inisiatif pelaksanaan projek pembangunan infra lot kediaman generasi FELDA. Sememangnya terdapat pelbagai cabaran bagi pelaksanaan projek ini dan untuk rekod semasa bagi pelaksanaan fasa 1 hanya 4 Rancangan dalam proses akhir penetapan reka bentuk. Insya-Allah selepas selesai pelaksanan fasa 1, Kerajaan Negeri Johor dan FELDA akan pertimbangkan bagi pelaksanaan di Rancangan lain juga mengikut keperluan dan keutamaan. Segala perkembangan ini membuktikan bahawa negeri Johor sentiasa serius mengambil berat akan kebajikan dan pembangunan warga FELDA dan generasi FELDA. Usaha ini bukan sekadar proses pentadbiran tetapi tanggungjawab untuk menjamin masa depan dan kesejahteraan warga FELDA yang telah banyak berjasa kepada pembangunan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebanyak RM8 juta telah diperuntukkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi meneruskan pelaksanaan Program Jelajah Orang Johor (JOJ) di semua 56 kawasan DUN. Sebagai *platform* libat urus akar umbi yang paling berkesan, program ini bukan sekadar siri lawatan atau turun padang semata-mata tetapi merupakan manifestasi, komitmen kerajaan negeri untuk memastikan kepimpinan tertinggi, ketua-ketua jabatan serta pemimpin akar umbi turun padang bagi mendengar denyut nadi rakyat dan memahami keperluan mereka secara lebih dekat. JOJ turut berperanan sebagai wadah penyampaian maklumat dasar dan inisiatif kerajaan secara terus kepada rakyat. Menjadi saluran maklum balas yang penting bagi memastikan pembangunan negeri dilaksana secara inklusif, menyeluruh dan berpaksikan realiti sebenar masyarakat di lapangan. Kami mengucapkan terima kasih kepada Pegawai-pegawai Daerah serta ketua-ketua jabatan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah yang bantu melancarkan Program Jelajah Orang Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Kahang dan Pulai Sebatang, selain peruntukan yang disediakan oleh pihak konsesi, kerajaan negeri turut memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi melaksanakan projek menaik taraf jalan kampung di seluruh Johor. Pada masa yang sama, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) juga menyediakan peruntukan sebanyak RM58 juta bagi tujuan pelebaran jalan, pembinaan parit, penambahbaikan struktur asas serta peningkatan akses yang lebih selamat dan selesa untuk masyarakat. Kerajaan negeri turut memperkasa inisiatif pembangunan Tabika Kemas melalui peruntukan sebanyak RM2 juta sebagai langkah menjadikan *feeder* utama kepada Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ). Usaha ini dilaksanakan melalui penyelarasan modul pembelajaran, penambahbaikan prasarana serta latihan guru yang lebih teratur dan komprehensif bagi memastikan murid-murid memasuki Sekolah Rintis Bangsa Johor nanti mempunyai kemahiran asas yang mantap, sahsiah terpuji dan kesiapsiagaan akademik yang lebih tinggi. Terdapat lima (5) Tabika Kemas yang berperanan sebagai *feeder* kepada SRBJ meliputi kawasan Johor Bahru dan Pasir Gudang. Antaranya Tabika Kemas Suria Muafakat, Tabika Kemas Rumah Rakyat Jalan Kasawari, Tabika Kemas Taman Kota Puteri 1 dan 2 dan Taman Megah Ria yang beroperasi sejak 2011 hingga 2017.

Belanjawan Johor 2026 sekali lagi menzahirkan komitmen kerajaan negeri dalam membela golongan luar bandar melalui peluasan Program Bantuan Kasih Johor. Melalui inisiatif ini, kesemua 5,041 ketua isi rumah Orang Asli di Johor akan menerima bantuan RM400.00 bagi meringankan beban kos sara hidup. Selain itu, sebanyak 2,548 ketua blok FELDA turut diberi RM400.00 sebagai tanda penghargaan terhadap peranan mereka mengurus kebajikan warga FELDA. Seramai 1,173 Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela Kemas menerima RM600.00 manakala 873 pemimpin akar umbi termasuk ketua kampung, ketua masyarakat, Batin dan pengerusi JAKOA akan menerima bantuan tunai RM100.00 sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam menyantuni rakyat dari peringkat lapangan hingga ke pedalaman.

Inisiatif menyeluruh ini, menggambarkan kesungguhan kerajaan negeri untuk memastikan tiada komuniti luar bandar yang terpinggir. Setiap pemimpin akar umbi terus diberi suntikan

motivasi dalam melaksanakan amanah dan khidmat kepada rakyat. Belanjawan Johor 2026 bukan sekadar angka atau hanya peruntukan kewangan. Tetapi, hala tuju menyeluruh untuk memodenkan sektor pertanian dan memperkukuhkan pembangunan luar bandar secara bersepadu. Dengan dokongan para petani, penternak,nelayan, usahawan tani, komuniti luar bandar, agensi kerajaan GLC serta rakan-rakan industri, Johor berada pada landasan tepat untuk lebih terkehadapan lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rata-rata Ahli Yang Berhormat menyatakan keterbukaan mereka menerima belanjawan besar kali ini. Ramai yang sempat juga mencadangkan beberapa cadangan untuk tambah baik setiap inisiatif yang ada. Cuma, ADUN Bukit Kepong saja yang beri komen kononnya rakyat masih tidak rasa manfaatnya. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Datuk Speaker, saya cuma beri satu contoh saja. Yang paling jelas, iaitu Jualan Kasih Johor. Pada tahun 2025 dengan peruntukan RM13 juta telah memberi manfaat kepada 1.3 juta orang. Manakala 2026 nanti peruntukan sebanyak RM15.4 juta bakal memberi manfaat kepada 2 juta rakyat Johor. Pergilah ke bawah dengar suara rakyat, menyambut program ini dengan sangat baik, kecuali ada Wakil-Wakil Rakyat yang mungkin jarang bersama pengundi atau masyarakat dan mungkin tak rasa apa yang rakyat rasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tak cukup kita boleh terima, tapi kalau tak rasa, saya fikir satu pembohongan atau mungkin cara untuk mengelirukan rakyat dan menutup kelemahan ketika membuat belanjawan satu ketika dulu berbanding belanjawan tahun 2026 yang sangat baik ini. Insya-Allah, melalui kerjasama erat antara kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan seluruh kumpulan sasar di bawah portfolio ini, kita akan terus bergerak sebagai satu pasukan bagi memastikan agenda Maju Johor 2030 dapat dicapai serta dinikmati oleh seluruh rakyat tanpa ada yang tertinggal. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pelbagai isu semasa Persidangan ini. Saya mohon maaf sekiranya maklum balas yang diberikan menerusi sesi penggulungan ini tidak dapat menjawab semua persoalan secara terperinci. Sekiranya terdapat persoalan yang kurang diperjelaskan, Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada pejabat kami untuk mendapatkan maklum balas tersebut.

Sebelum mengakhiri ucapan penangguhan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang pertama kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang kedua, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, yang ketiga, ketua-ketua jabatan dan agensi negeri dan persekutuan serta para pegawai terutamanya di bawah Portfolio Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar yang banyak membantu dan memberi kerjasama yang baik sepanjang 2025 ini termasuk semua pihak yang terlibat di lapangan. Semoga kerjasama erat ini dapat diteruskan untuk tahun-tahun akan datang. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Tahniah Yang Berhormat Buloh Kasap, Ahli-Ahli Yang Berhormat maka tamatlah sesi penggulungan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa yang ada di Dewan ini. Sama-sama kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan atas kecemerlangan kerja dan kejayaan serta kemajuan yang mereka cipta semua. Penggulungan yang disertakan dengan info grafik yang juga pertama kali diadakan ini adalah amat informatif dan sewajarnya seharusnya kita manfaatkan bersama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor akan membuat ucapan penggulungan pada hari esok Jumaat, 21 November 2025. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Sungai Balang ke Johor Lama, usaha bersama gali perigi; petang ini kita bersama, esok kita bersidang lagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga Jumaat, 21 November 2025, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:25 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15

HARI KEENAM	JUMAAT, 21 NOVEMBER 2025	BIL. 14 TAHUN 15

HADIR

YB Speaker Dewan Negeri Johor
YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.
(Rengit)

Menteri Besar Johor (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan)
YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.
(Machap)

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya
YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
YB Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi
YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid
(Semerah)

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
YB Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia
YB Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi
YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan
YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah
(Mahkota)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

YB Puan Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

TIDAK HADIR

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Setiausaha Kerajaan Johor.
Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, DMIJ., PIS II.

Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Yang Berhormat Datuk Abd Aziz bin Engan, DPSM.

Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Yang Berhormat Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, DMIJ., PIS, PSI.

Persidangan bermula jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(YB Speaker membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, patik dan seluruh Ahli Dewan Negeri dengan penuh takzim merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih serta merakamkan ucapan tahniah dan seterusnya ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda pada 22 November 2025. Patik sekalian berdoa semoga Allah SWT sentiasa mengurniakan keafiatan, hidayah dan inayah ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong serta ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong agar terus menaungi dan memayungi Bangsa Johor serta rakyat jelata dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan dimulakan sekarang.

Jurutulis : **SOALAN-SOALAN LISAN.**

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Endau.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan Endau nombor 1.

Apakah kerajaan bercadang untuk menambah jumlah kewangan untuk geran kepada pusat aktiviti warga emas dan adakah kerajaan bersedia menyediakan jumlah penambahbaikan kepada PAWE Sejahtera Endau memandangkan PAWE ini masih baru dan banyak keperluan masih belum ada?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Simpang Jeram.

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram) : Hadir persidangan naik skuter, baju melayu kemas bergaya; terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan dari Simpang Jeram nombor 2.

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan pusat perkhidmatan komuniti bercorak pendampingan sosial (*reaching out).* Apakah ada hasrat kerajaan negeri untuk meluaskan aktiviti pusat ini sebagai pusat jagaan warga emas terutama kepada mereka yang tidak mempunyai waris?

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirahmaanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Endau dan terima kasih Simpang Jeram. Datuk Speaker soalan yang diajukan kepada saya pada kali ini adalah berkaitan permerkasaan warga emas. Saya mohon izin Datuk Speaker untuk menjawab bersekali. Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited dalam memperkasa kebajikan serta kesejahteraan warga emas di negara ini. Pada masa ini terdapat 23 buah Pusat Aktiviti Warga Emas yang beroperasi di negeri Johor dengan peruntukan geran tahunan bagi setiap Pusat Aktiviti Warga Emas ini adalah sebanyak RM50,000.00 merangkumi

bayaran elaun penyelia dan pembantu, bayaran utiliti, sewaan dan aktiviti yang dijalankan di Pusat Aktiviti Warga Emas ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker Pusat Aktiviti Warga Emas Sejahtera Endau merupakan PAWE baharu yang ditubuhkan pada tahun 2024 dan menerima sejumlah RM49,460.00 daripada kerajaan persekutuan bagi kerja-kerja penyelenggaran dan pembaikan PAWE. Kerajaan negeri pada setiap tahun memperuntukan bantuan bagi pembaikan yang melibatkan bangunan pejabat Institusi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dan juga PAWE.

Selain itu kerajaan juga menggalakan kerjasama dengan pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan melalui konsep tanggungjawab sosial korporat bagi menyokong pembangunan dan kelasterian operasi PAWE. Yang Berhormat Datuk Speaker, Pusat Aktiviti Warga Emas ini ditubuhkan daripada manifestasi dasar dan pelan tindakan warga emas negara dengan objektif seperti berikut:

1. Mempelbagai dan memperluaskan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas.

2. Meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas yang produktif dan aktif.

3. Memberi ruang kepada warga emas agar dihargai melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran mereka.

4. Menggalakan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak dalam pembangunan warga emas selaras dengan dasar warga emas negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan,

5. Menyatupadukan pelbagai etnik dan agama dalam sesebuah komuniti.

Memandangkan PAWE adalah sebuah pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966, maka jawatankuasa PAWE berhak menentukan aktiviti yang dijalankan berdasakan kepada lima (5) dimensi. Namun begitu, kerajaan negeri akan mengkaji keperluan untuk memperluaskan PAWE sebagai pusat jagaan warga emas bagi memastikan nasib warga emas di negeri Johor ini sentiasa terbela. Walau bagaimanapun bagi menampung keperluan warga emas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan di negeri Johor adalah dimaklumkan bahawa sehingga November 2025, terdapat sebanyak 96 buah pusat jagaan warga emas yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan, terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Bukit Naning.

YB Datuk Haji Mohd. Fuad bin Tukirin (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Bukit Naning nombor 3.

Apakah langkah Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam mengawal dan mengharamkan aktiviti tabung sumbangan tidak berdaftar atau tidak diluluskan, terutamanya di kedai dan restoran serta apakah mekanisme alternatif yang boleh digunakan bagi menjaga kesucian dan integriti sumbangan umat Islam?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirahmaanirahim, terima kasih Datuk Speaker, salam Maju Johor. Yang Berhormat Bukit Naning tanya pasal langkah Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam kawal dan mengharamkan aktiviti tabung sumbangan yang tak berdaftar atau tak diluluskan terutama di kedai dan restoran. Apakah mekanisme alternatif yang boleh digunakan? Datuk Speaker, banyak kita pergi kedai mamak, restoran nanti dekat kaunter bayaran tu *cashier* itu ada tabung. Nasihat saya Datuk Speaker, Ahli

Dewan jangan sumbang tabung yang tidak dapat permit. Sebab, sebab dia salah Datuk Speaker. Siapa nak kutip derma mesti dengan kebenaran Majlis Agama Islam Negeri Johor sebab kuasanya diberikan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, ah itu dia. Dekat LED, dekat skrin masing-masing kita tunjukkan.

Datuk Speaker kuasanya bawah MAIJ, penguatkuasaannya bawah JAIJ - Jabatan Agama Islam. Datuk Speaker, peraturannya kita baca biar semua faham, biar semua dengar, biar semua tahu. Jabatan Agama Islam hanya membenarkan kutipan derma atau sumbangan dilakukan oleh pihak yang mempunyai kebenaran bertulis daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor seksyen 106 Enakmen Pentadbiran. Datuk Speaker, ini kuasa Majlis, kita boleh benarkan orang kutip, kita boleh benarkan orang pungut tapi dengan kebenaran. Datuk Speaker, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor ada buat garis panduan, siapa yang tak tahu tolong tengok dan dengar penerangan ni, ini carta alir dia, ada ditunjukkan kaedah-kaedah. badan, institusi, pusat pertubuhan boleh kutip dengan permohonan.

Datuk Speaker masa yang kita tengok dalam carta itu, antaranya Datuk Speaker ada semakan keselamatan. Ini yang kadang-kadang masing-masing tak jelas, kenapa MAIJ, JAIJ sedikit berhati-hati dalam beri kelulusan. Mana boleh awak mohon sebab mungkin awak pertubuhan dakwah semata-mata, awak mohon dua (2) bulan tak dapat awak terus kutip sendiri, tak boleh. Kalau kami lambat, ni Pengarah Jabatan Agama Islam ada, CEO MAIJ pun ada, dengar ni. Kalau kita punya proses lambat, saya arahkan Jabatan Agama Islam tengok balik proses dan percepatkan, jangan menyusahkan pertubuhan-pertubuhan nak mohon. Tapi saya harap pertubuhan pun sabar sikit. Sebab kalau tak ada permit kita boleh rampas, nanti kalau rampas kita tak seronok, yang dirampas tak seronok, yang merampas pun orang *aim,* ha ni ustaz ni rupanya yang merampas.

Orang tu buat kerja Datuk Speaker, jangan pulak marah dia. Ketelusan integriti mesti ada, wang pungutan mesti semata-mata bagi tujuan yang dibenarkan. Datuk Speaker kita banyak dapat tabung, tabung itu bukan dari Johor pun, dapat tabung kita rampas bukan dari Malaysia pun. Mana pulak orang dari negara luar boleh kutip dekat kita. Ini sebab dia ingat kita tak kuatkuasa. Saya nak bagitahu ada penguatkuasaannya dan semua mesti ikut dan patuh. Datuk Speaker ada tunjuk sikit, siapa yang tak patuh peraturan, 106 Seksyennya di bawah Enakmen Pasal 4 dan Pasal 5, mana-mana yang melanggar subseksyen 4 itu dia dikira buat salah dan kalau salah Datuk Speaker boleh kena denda tak lebih RM3,000.00 atau kena penjara atau kedua-duanya. Takkanlah sebab kutip derma kita nak masukkan tuan-tuan dalam penjara, tapi kalau tuan-tuan tak ikut, terpaksa saya buat tindakan. Maka, saya mohon kita patuh dan kita perbaharui.

Datuk Speaker ada data sikit tu saya kongsikan, setakat mana Januari sampai September tahun ini kita ada buat sitaan Datuk Speaker, tabung masjid, surau pun ada juga yang surau daripada negara luar pun tiba-tiba kutip derma dekat Segamat contohnya, orang negara luar, tu ada datanya, gambarnya pun ada. Macam gambar saya pun ada Datuk Speaker, kat situ. Dalam Johor Datuk Speaker tabung yang disita 59 tabung. Nilai keseluruhannya luar Johor , luar negara pun ada nilainya RM9,215.50. Data bagi sitaan madarasah ada juga ni, madrasan sekolah pondok, saya nasihatkan Tuan Mudir minta izin, berapa yang kita rampas 1,109 tabung, RM44,159.00 kita rampas, nasihat saya mohon.

Tabung Persatuan Pertubuhan 734 tabung kita sita. Ini tahun ini aje ni RM38,003.93 dan yang terakhir tuan-tuan ada keseluruhannya RM91,378.75 kita sita. Datuk Speaker kita harap tak berulang, kita raikan sangat orang nak mohon tapi kena minta kebenaran. Ada data Datuk Speaker pasal tangkapan ada juga itu bukan sita, tangkap pun ada, tengok tu jadual dia. Ada dua (2) kes Datuk Speaker, kesalahan berulang 2024 dah kena 2025 dia buat lagi, pihak yang sama. Ini macam mana ni nak dibagi nasihat tapi buat benda yang sama, berulang, tak bagus. Kita harap, tak naklah, saya pun kalau boleh kat Kluang pun ada, Johor Bahru ada orang Kota pun ada ni ha yang saya kena buat kempen kesedaran. Maka hari ini antaranya saya minta bantuan Yang Berhormat Yang Berhormat bagitahu pada semua pihak supaya mesti buat

perkara dengan baik dan supaya perkara itu dapat kita laksanakan dengan bagus. Datuk Speaker ada juga pertubuhan..

YB Speaker : Yang Berhormat panjang lagi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Sikit Datuk Speaker, nak bagi tahu bahawa pertubuhan-pertubuhan yang kita rampas ini Datuk Speaker, ada kita berikan pengecualian dengan syarat dia mohon cepat dan kita luluskan cepat, wallahualam, terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat kata jangan bagi kepada yang tak ada permit, tapi kalau dia banyak duit, dia kata ikhlas nak bagi RM10.00 tak boleh juga?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Kalau dia nak, Datuk Speaker ada slide saya sediakan hujung, siapa yang nak mendermakan gunakan tabung sedia ada, Datuk Speaker, tabung bawah Majlis Agama Islam ada, tabung bawah tanah perkuburan ada, Tabung Wakaf Johor, sumbang setiap tahun ha itu gambar-gambar ni.

YB Speaker : Ok baik.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Derma kat tabung tu, Terima kasih.

YB Speaker : Saya bagi satu lagi soalan tambahan, satu lagi soalan YB Kemelah. Sila.

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby (Kemelah) : Salam Maju Johor Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Kemelah nombor 4, terima kasih.

Bilakah projek perkhidmatan *train* elektrik (ETS) dari Segamat ke Johor Bahru dijangka siap sepenuhnya dan mula beroperasi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera. Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kemelah. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat projek *Electrified Double Track* dengan izin, atau pun ETS dari Gemas ke Johor Bahru dilaksanakan dengan kos kontrak berjumlah RM8.9 bilion dan telah pun mula memasuki tapak pembinaan pada 1 Disember 2016. Projek ini melibatkan pembinaan jajaran sepanjang 192 kilometer yang merentasi daerah Segamat, Kluang dan Kulai sehinggalah ke Johor Bahru. Sehingga 30 September 2025, kemajuan fizikal projek ini telah mencapai 99.94% dan baki kerja akhir sedang dimuktamadkan. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung bulan November dan pada bulan Disember ini akan ada apa kita sebut, *testing* terakhir dan tiket-tiket telah pun dijual bermula pada bulan ini untuk operasi pada 1 Januari 2026. Dah boleh beli tiket Yang Berhormat Datuk Speaker.

Seiring dengan kemajuan projek ini, perkhidmatan *train* elektrik atau pun ETS ini telah dilaksanakan secara berperingkat. Pada 15 Mac 2025, perkhidmatan ETS mula beroperasi sehingga Segamat dengan empat (4) trip sehari. Seterusnya pada 30 Ogos perkhidmatan ini dilanjutkan ke Kluang dengan dua (2) trip sehari. Kemudian pada 10 Oktober 2025 yang lalu, terdapat penambahan dua (2) lagi trip tambahan bagi hari Jumaat, Sabtu dan Ahad bagi menampung permintaan penumpang hujung minggu. Apabila projek ini siap sepenuhnya, perkhidmatan ETS akan mula beroperasi sehingga Johor Bahru. Secara keseluruhan, sebanyak 12 trip *train* ETS sehari akan disediakan iaitu lapan (8) trip Kuala Lumpur - Johor Bahru, dua (2) trip Johor Bahru ke Padang Besar dan dua (2) trip Johor Bahru ke Butterworth.

Yang Berhormat Datuk Speaker, projek ini akan memberi manfaat besar kepada penumpang harian, pelajar, pekerja, peniaga serta komuniti setempat di sepanjang laluan seperti Segamat, Layang-Layang, Kluang, Kulai dan Johor Bahru dengan perjalanan yang lebih

pantas, selesa dan kos efektif. Ia akan memberi lebih banyak pilihan mobiliti kepada rakyat. Selain itu, kewujudan laluan ETS sehingga ke Johor Bahru juga akan mengukuhkan rangkaian ekonomi wilayah selatan khususnya melalui peningkatan pergerakan pelancong dan pelawat, penggalakan aktiviti pelaburan dan pengwujudan rantaian perdagangan dan logistik yang lebih cekap. Secara keseluruhannya, projek ini ada pemangkin kepada pembangunan sosio ekonomi secara menjadikan Johor Bahru sebagai hab pengangkutan dan pintu masuk ekonomi yang lebih strategik. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika terdapat soalan-soalan yang tidak dijawab yang disenaraikan yang belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Saya hanya dapat membenarkan tiga (3) soalan sebab hari ini kita ada beberapa Rang Undang-Undang yang mengambil masa dan oleh kerana hari ini hari Jumaat maka, sebab itu saya terpaksa membenarkan tiga (3) soalan tanpa soalan tambahan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.

YB Speaker : Sebelum saya menjemput Yang Amat Berhormat, saya ingin mengalu-alukan Dewan yang mulia ini, mengalu-alukan kehadiran pemerhati seramai 100 orang yang terdiri daripada Dewan Muda Johor (Dewan bertepuk). Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Simpang Renggam, ha, ini tempat MB ini. Penggerak Masjid dan Surau, Ketua Kampung, Ahli-Ahli Majlis PBT, Masjid As-Syuhadah Pekan Gemas Baru Segamat, Persatuan Belia Xiang Lian Malaysia Negeri Johor. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor (UiTM), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), DUN kawasan Larkin. Mahasiswa dan guru-guru agama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025 disambung sekarang. Yang Amat Berhormat Dato' dijemput.

YAB Menteri Besar : Bismillahirrahmaanirrahim. (Bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, bersyukur saya kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua, dapat kita bersama-sama hadir dalam sesi penggulungan Belanjawan Johor 2026 yang bertemakan Bangsa Johor Sejahtera. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas membawa suara rakyat setempat dan negeri dengan penuh bersemangat, matang dan bernas. Saya mengikuti dengan rapat perbahasan yang telah berlangsung, mendengar segala cadangan, teguran, maklum balas malah ada juga yang mengambil kesempatan menangguk di air yang keruh. Apa pun keadaan, dan juga pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat sedang diteliti untuk dibawa ke peringkat kerajaan bagi tindakan seterusnya. Pada masa yang sama, setiap perkara yang dibangkitkan itu memerlukan *follow through* maka, saya menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk terus memantau dan memperjuangkan isu-isu kawasan masing-masing menerusi platform Majlis Tindakan DUN.

Yang Berhormat Datuk Speaker, melalui dua mesyuarat Tindakan DUN yang dilaksanakan di setiap DUN tahun ini. Kita telah berjaya menyelesaikan lebih 300 isu. Dalam pelaksanaan sebanyak 236 isu, dalam permohon 359 isu, dan dalam siasatan sebanyak 389 perkara. Bagi mempercepatkan isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat melalui Wakil-Wakil Rakyat, untuk

tahun hadapan saya telah meminta supaya Mesyuarat Tindakan DUN yang dipengerusikan oleh YB-YB EXCO angkat dilaksanakan sekurang-kurangnya empat (4) kali tahun hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga turut ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Timbalan Speaker yang telah mengatur perjalanan Persidangan Dewan Negeri Johor dengan baik dan bijaksana. (Dewan bertepuk). Kota Iskandar saksi negeri; Medan perbahasan sidang harmoni; Speaker dan Timbalan bijak bestari; Mengemudi Dewan penuh murni (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, sewaktu saya menyampaikan ucapan penggulungan Belanjawan Johor 2025 pada Disember tahun yang lepas, di dalam Dewan yang mulia ini saya telah menyatakan bahawa tahun ini, tahun 2025 akan menjadi tahun yang amat penting. Detik penentu atau *the defining moment* bagi kerajaan negeri serta seluruh Bangsa Johor. Pada ketika itu, kita berada di persimpangan terakhir. Sebelum sempadan ekonomi negeri Johor dibuka seluas-luasnya. Sebagai destinasi, para pelabur seluruh dunia menerusi perjanjian *Johor - Singapore Special Economic Zone* (JS-SEZ). Kita pada masa ketika itu mempunyai pilihan, *we had a choice* sama ada untuk kekal dengan status KOR atau merebut peluang keemasan yang berada di depan mata kita. Dalam keadaan penuh debaran dan rasa teruja saya telah memperingatkan seluruh barisan kepimpinan kerajaan negeri untuk bersiap sedia. Kita perlu bersiap sedia bagi memastikan limpahan ekonomi, pelaburan dan pekerjaan yang masuk dapat direbut dan dimanfaatkan oleh seluruh Bangsa Johor. Sebulan selepas penggulungan saya, kerajaan Malaysia bersama kerajaan Singapura telah secara rasmi menandatangani perjanjian JS-SEZ. Johor mencipta sejarah dengan pelaksanaan Zon Ekonomi Khas. Satu-satunya zon ekonomi dalam dunia yang merentasi dua negara. Ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga mencipta sejarah. Pertama kali dalam sejarah DUN, setahu saya lah kita berbaju Melayu dalam sidang DUN ini, terima kasih Datuk Speaker. (Dewan bertepuk), sempena hari Jumaat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, susulan dari perjanjian JS-SEZ yang dimertai awal tahun ini, alhamdulillah hasil kerja keras pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan. Johor terus melakar sejarah pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi dalam negara. Belanjawan dan pendapatan hasil yang paling tinggi, hasil jualan pertanian tertinggi dalam negara. Kita menjadi negeri pertama diiktiraf sebagai *smart state*. Kejayaan membawa ikon-ikon sukan dunia, untuk berada di Johor sebagaimana yang kita saksikan pada hari Selasa baru-baru ini. Kejayaan menjalinkan kerjasama dengan universiti-universiti terkemuka dunia dan yang terkini Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor telah merekodkan pelaburan tertinggi dalam negara, berjumlah RM91.1 bilion (Dewan bertepuk). Bahkan insya-Allah, Johor bakal merekodkan jumlah pelaburan melebihi RM102 bilion menjelang akhir tahun ini. Sekali gus, menjadi negeri dengan jumlah pelaburan tertinggi dalam sejarah negara. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, bukan niat saya untuk mendabik dada, mahu pun bermegah-megah dengan kejayaan yang telah kita capai bersama. Tetapi hakikatnya, syukur alhamdulilah, dengan deretan kejayaan inilah Johor mampu memulangkan setiap ringgit setiap sen yang diperolehi bagi memanfaatkan rakyat dan Bangsa Johor yang kita semua kasihi. Bermula September lalu, sehingga pembentangan Belanjawan Johor baru-baru ini, kerajaan negeri, telah meluluskan bantuan kewangan yang terbesar dalam sejarah negeri, untuk disalurkan kepada rakyat dengan jumlah keseluruhan melebihi RM225 juta yang memanfaatkan lebih daripada 1.5 juta penerima. Kerajaan negeri juga telah berjaya mencapai sasaran sifar miskin tegar dan kini kita beralih untuk mensifarkan keluarga miskin pula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menginsafi, bahawa segala rezeki dan kejayaan yang dicapai ini datangnya daripada Allah SWT. Pemilik segala kerajaan. Lahaulawalaquwataillabillah. Tiada daya dan upaya kecuali dengan pertolongan dan keizinan Allah SWT. Saya menyeru kepada semua yang berada di dalam Dewan ini, marilah kita sama-sama bersyukur di atas rezeki, kemakmuran serta pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh negeri Johor. Allah SWT berfirman dalam Surah Ibrahim Ayat Ke-7, yang berbunyi (doa).

Yang bermaksud, dan ingatlah, ketika tuhanmu mengingatkan, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya aku akan menambah nikmatku kepadamu. Dan demi sesungguhnya jika kamu kufur dan ingkar azabku amatlah pedih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada kesempatan ini, patik bagi pihak kerajaan negeri menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim atas segala titah, nasihat dan pandangan yang sentiasa menjadi pedoman dalam kami menggubal dasar serta melaksanakan amanah pentadbiran ini. Semoga Allah SWT terus mengurniakan keberkatan, kekuatan dan perlindungan kepada Seri Paduka Baginda dalam memayungi negeri dan negara. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail Pemangku Sultan Johor atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada patik dan kepimpinan negeri, demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan penghargaan, setinggi-tinggi pengiktirafan dan ucapan terima kasih kepada seluruh jentera pentadbiran kerajaan negeri dan persekutuan, khususnya mereka yang telah memainkan peranan besar dalam kejayaan Johor yang saya sebutkan tadi. Dari segi peningkatan luar biasa hasil negeri, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abdul Rahman, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Ridha bin Dato' Haji Abdul Kadir, Pegawai Kewangan Negeri dan pasukan PNJ. Tidak lupa juga kepada Tuan Haji Mohd. Shakib bin Haji Ali, Pengarah PTG dan seluruh pentadbiran Tanah Johor. Mana PTG?. Oh tak datang hari ni.

YB Speaker : Sila bangun.

YAB Menteri Besar : Haji Shakib tak datang hari ni. Kena amik *attendance* ni Datuk Speaker. Tuan Haji Ahmad Nazir bin Haji Mohd. Nasir, TSUK Pembangunan dan seluruh pasukan BPEN, termasuk Dr. Amirul. Mana Dr. Amirul datang tak hari ni? Majlis Agama Islam Negeri Johor, Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) Datuk-Datuk Bandar dan Yang DiPertua PBT-PBT dan juga GLC-GLC. Dari segi kejayaan rekod pelaburan tertinggi, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Menteri Besar Johor yang ke-18, yang juga mentor saya, Penasihat Ekonomi Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Hasni bin Mohammad. Terima kasih *Sir*. Tidak lupa juga saya ucapkan tahniah kepada Johor *Most Eligible Bachelor,* YB Lee Ting Han selaku EXCO Pelaburan (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Jafni bin Mohd Shukor, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan. YB Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh, EXCO Kerja Raya dan Infrastruktur, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Nor Azam bin Dato' Haji Osman, CEO IRDA dan pasukannya. Tuan Haji Natazha bin Hariss, CEO Invest Johor dan pasukannya, Encik Mohamad Reduan bin Mohd Zabri, Pengarah MIDA Johor, kita anggap dia orang Johor ye tok.

Dan tidak dilupakan rakan-rakan daripada kerajaan persekutuan Yang Berhormat Speaker yang memainkan peranan yang cukup penting contohnya, Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri MITI serta seluruh pasukannya; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Amir Hamzah bin Haji Zan, Menteri Kewangan Kedua; Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, KSP; Yang Berusaha Encik John Patrick, Setiausaha Bahagian Cukai MOF; Yang Berbahagia Dato' Nor Azmie bin Diron, KSU Kementerian Ekonomi dan pasukannya. Pasukan ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, menunjukkan betapa pentingnya gerak kerja berpasukan, koordinasi dan memecahkan silo-silo *u*ntuk mendapatkan kejayaan demi negeri dan negara yang kita cintai. Dari segi kejayaan merekodkan jualan pertanian tertinggi dalam negara. Terima kasih saya ucapkan kepada sahabat saya Dato' Zahari bin Sarip, EXCO Pertanian Industri dan Asas Tani. Dia begitu semangat hari ni Tok, bukan sahaja dibawa warga masjid As-Syuhadah dan Wak Mintato pun ada.

YB Speaker : Lepas ni ada jamuan buah-buahan tak Yang Berhormat?

YAB Menteri Besar : Wak Mintato tolong bangun. Kita nak kenal (Dewan bertepuk). Tahniah dan syabas atas infaq tempoh hari.

YB Speaker : Yang Amat Berhormat minta EXCO Pertanian lepas ni bagi kita *goodies bag* buah-buahan tempatan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Zahari, itu arahan daripada Speaker. Mana tadi? Terima kasih saya ucapkan kepada Pengarah Pertanian, Perikanan, Veterinar, FAMA, LPNM Johor dan GLC-CLC yang terlibat. Dari segi kejayaan mencapai pengiktirafan sebagai *smart state* pertama dalam negara. Terima kasih dan syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Jafni bin Md. Shukor, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tidak lupa juga kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar MBJB, Datuk-Datuk Bandar serta Yang DiPertua PBT-PBT dan juga Plan Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini bukan satu perkara mudah nak buat. Dia punya senarai *check list* untuk jadi *smart city* atau pun *smart state* ini berjela-jela, tapi berkat usaha *micro manage* setiap *item* kita telah berjaya melaksananya. Kita bagi tepukan germuruh kepada team Dato' Jafni (Dewan bertepuk). Dari segi kejayaan melaksanakan pelbagai agenda Orang Muda Johor, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada YB Mohd. Hairi bin Mad Shah, EXCO Belia dan Sukan, tidak lupa juga kepada YB Dato' Haji Onn bin Jabar, TSUK Sukarelawan Belia dan Sukan. Mana dia? Ini ada cerita sikit Datuk Speaker, Dato' Onn Jabar ni, dia sepatutnya dah bersara. Tapi bila dititah, diminta untuk sambung, beliau tak teragak-agak demi memperjuangkan dan berkhidmat untuk negeri ini. Terima kasih Dato'. Terima kasih Pengarah MSN, IDO, Jabatan Belia dan Sukan dan juga Majlis Belia Negeri Johor, Dewan Muda Johor dan juga *Southern Volunteers*.

Dari segi pencapaian kejayaan mencapai sasaran sifar miskin tegar, terima kasih saya ucapkan kepada YB Haji Mohd. Fared bin Haji Mohd. Khalid, EXCO Hal EhwaL Agama Islam, YB Hajah Khairin-Nisa binti Ismail, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Haji Abu, TSUK Pengurusan, Puan Norliyati binti Md. Nor, TSUK Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat, Pegawai-Pegawai Daerah, rakan-rakan EXCO dan semua Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang menjayakannya. Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Penghulu, Ketua-Ketua Kampung, Ahli-Ahli Majlis serta pemimpin-pemimpin akar umbi. Dari segi kerjasama universiti terkemuka dunia, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat YB Aznan bin Tamin, EXCO Pendidikan; Yang Berhormat Dato' Haji Ramlee bin Haji Abdul Rahman, Ketua Eksekutif PDT dan pasukannya; pasukan (JTDC) Johor Talent Development Council serta institusi-institusi Pendidikan Tinggi seperti UTM, UTHM, UiTM dan juga KPYPJ.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita bersyukur kerana kita berjaya mencapai semua perkara ini dengan kaedah gerak kerja berpasukan. Sebagai tanda penghargaan kepada seluruh kakitangan pentadbiran kerajaan negeri dan persekutuan Johor, semua yang telah bertungkus lumus bekerja keras dan memastikan kejayaan dicapai. Ahli-Ahli Yang Berhormat marilah kita semua berdiri, kita semua berdiri, ayuh kita berikan satu tepukan paling gemuruh kepada semua. (Dewan bertepuk). Terima kasih.

Saudara dan saudari ketahuilah, ketahuilah bahawa seluruh negeri dan Bangsa Johor berbangga dengan khidmat bakti, khidmat bakti yang telah anda curahkan. Saya sedar, ini bukan perjalanan yang mudah, begitu banyak liku yang telah kita tempuhi bersama, malah setiap kali saya menerima berita kejayaan-kejayaan besar negeri ini, bergenang, bergenang air mata, saya mengenangkan betapa saudara dan saudari telah berkorban, berusaha bermati-matian untuk mencapai hasil yang terbaik demi rakyat dan negeri yang kita cintai ini.

Semoga Allah SWT memberikan ganjaran sebesar-besarnya di dunia dan di akhirat, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ramai yang mungkin beranggapan bahawa destinasi akhir bagi Johor adalah JS-SEZ, namun bagi saya ia hanyalah satu permulaan, ia hanyalah detik *tip of the iceberg,* dengan izin. Jika dibandingkan dengan potensi sebenar negeri Johor, bayangkan semua kejayaan yang saya sebutkan tadi, telah dicapai meskipun ETS belum beroperasi. Menghubungkan JB dan Kuala Lumpur, RTS Datuk Speaker belum beroperasi menghubungkan JB dengan Singapura. Elevated ART masih lagi dalam peringkat kelulusan, lebuh raya PLUS sedang dilebarkan. Lebuh raya Pantai Timur LPT 4 dan West Coast Expressway (WCE) masih di peringkat kajian, bagi menghubungkan seluruh wilayah Pantai Timur dan juga Pantai Barat Johor.

Blue print untuk JS-SEZ yang komprehensif masih dalam proses untuk dimuktamadkan, insya-Allah apabila semua inisiatif ini selesai dilaksanakan, Johor saya yakin akan membangun dengan lebih pesat (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan segala yang telah dicapai kemanakah hala tuju Johor yang seterusnya? Adakah kita sudah boleh menghela nafas lega dengan harapan bahawa jalan di hadapan akan menjadi lebih mudah. Saya ingin menegaskan ini bukan masanya untuk kita merasa selesa. Kejayaan awal yang telah kita capai ini bukan sebab untuk kita bermegah-megah, untuk kita mendabik dada, jauh sekali untuk kembali kepada amalan biasa seperti dulu. Sebaliknya momentum yang telah kita bina ini menuntut kita untuk bekerja lebih keras dan bergerak lebih pantas bagi setiap puncak yang berjaya didaki, langkah seterusnya adalah untuk kita pergi lebih jauh dan mendaki lebih tinggi.

Disebalik deretan kejayaan demi kejayaan yang telah kita capai, apa yang paling mengujakan sebenarnya adalah semua ini hanyalah satu permulaan, *it is only the beginning,* Datuk Speaker. Saya mengambil maklum pandangan ikhlas dan kebimbangan yang mengatakan bahawa kerajaan negeri terlalu memberi tumpuan hanya kepada pembangunan di JB dan JS-SEZ. Sebagai Menteri Besar saya tidak sekali-kali lupa untuk memperjuangkan kemajuan dan pembangunan yang menyeluruh merentasi 10 daerah dan 16 PBT, demi memanfaatkan empat (4) juta rakyat Johor. Hakikatnya adalah JS-SEZ ini berperanan sebagai pemangkin, pencetus dan tapak asas dan batu loncatan, JS-SEZ destinasi untuk Johor. Impian dan cita-cita adalah jauh lebih besar iaitu supaya setiap penjuru, setiap daerah, setiap sisi dan sudut negeri ini mencapai tahap negeri maju menjelang tahun 2030.

Inilah destinasi hakiki, *our true north* dengan izin, yang menjadi kiblat pembangunan negeri Johor. Impian dan cita-cita ini akan dicapai melalui perancangan rapi dan terperinci di bawah Johor Economi Tranfomation Plan (JETP) yang akan membangunkan setiap daerah di negeri Johor. Johor Bahru dan Kulai akan terus menjadi hab AI, hab pembuatan berteknologi, ekonomi digital aero angkasa dan perkhidmatan berorientasikan eksport. Segamat diperkukuh sebagai zon tanaman bernilai tinggi dan pemprosesan bio jisim. Tangkak sebagai pusat transit strategik dan agro pelancongan, Muar sebagai kompleks tenaga perindustrian, pusat pelancongan, industri pemprosesan makanan bernilai tinggi, Batu Pahat diperkasa dengan industri pemprosesan dan juga pembuatan, Pontian sebagai hab tenaga biru hijau dan produk akuakultur, Kota Tinggi sebagai gerbang tenaga hab kimia hijau pertanian dan juga pelancongan, Mersing diposisikan sebagai hab ekonomi biru dan juga eko pelancongan dan Kluang, daerah saya, sebagai hab agro pemprosesan bernilai tinggi pertanian dan logistik. Yang Berhormat Speaker saya mohon minum air.

YB Speaker : Sila Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, insya-Allah melalui perancangan Johor *Economic Transformation Plan* ini Johor sedang bergerak menuju sasaran utama menjelang tahun 2030. Pertamanya, dari segi pertumbuhan ekonomi kita mahu menggandakan nilai KDNK Negeri Johor kepada RM260 bilion.

Kedua, dari segi pendapatan rakyat kita mahu meningkatkan KDNK perkapita melebihi RM69,000.00 sekaligus mengangkat bangsa Johor melepasi ambang pendapatan tinggi, insya-Allah.

Ketiga, dari segi peluang kejayaan kita mahu mengujudkan 200,000 pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi.

JETP ini memberi fokus kepada empat (4) intervensi strategik utama iaitu ketersediaan infrastruktur. Kedua, polisi mesra pelabur. Ketiga, insentif fizikal dan non-fizikal dan keempat penyediaan tenaga kerja. Daripada keseluruhan 32 inisiatif sebanyak 13 inisiatif berimpak tinggi telah dikenalpasti, diberikan keutamaan dan dipercepatkan pelaksanaannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker mungkin ada yang di dalam Dewan ini bertanya mengapa kita perlu lakukan semua ini. Sudah ada JS-SEZ mengapa perlu bercita-cita lebih tinggi nak buat JETP pula. Tidakkah cukup untuk kita tenang-tenang, hidup selesa sebagaimana selama ini. Mengapa perlu kita menyusahkan hidup kita sendiri. Jawapan saya Yang Berhormat Speaker mudah, kerana kita oleh dan mampu melaksanakannya. (Dewan bertepuk.) Potensi yang ada pada Johor adalah terlalu besar, untuk kita kekal bermain dalam gelanggang kecil yang sama. Selama berpuluh-puluh tahun kita melihat kemajuan dan kehebatan jiran di seberang, jiran di seberang. Kita sekadar dikenali sebagai jiran kepada sebuah negara yang maju. Negara kelas pertama. Mungkin, tidak terlintas dihati dan sanubari kita bahawa negeri dan Bangsa Johor ini sendiri sebenarnya berupaya untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju di pentas dunia. (Dewan bertepuk.)

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya memetik ucapan mendiang Lee Kuan Yew, Perdana Menteri *Singapore* pada tahun 1990. Beliau mengatakan *bahawa "Johor has basic infrastructures already in place. If Kuala Lumpur backs Johor with priority in infrastructure and builds polytechnics and engineering faculties there, if they catch up with us in technical education, they will overtake us economically".* Kenyataan ini telah diungkapkan lebih 30 tahun yang lepas. Pada zaman dan dunia yang jauh berbeza daripada hari ini. Hari ini Singapura telah jauh berada di hadapan. Matlamat kita sekarang bukan untuk bersaing tetapi menjadi rakan strategik yang melengkapi satu sama lain. Membina wilayah kemakmuran dengan menjadikan Singapura rakan strategik dan juga penanda aras, *the bench mark*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada hemat saya kenyataan mendiang Lee Kuan Yew itu masih lagi relevan, dalam konteks Johor sentiasa bersedia untuk menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Johor mempunyai tanah, Johor mempunyai bakat, Johor mempunyai industri, Johor mempunyai lokasi strategik serta momentum pelaburan yang melebihi negeri-negeri lain. Yang diperlukan ialah suntikan infrastruktur utama, peningkatan kapasiti bakat dan sokongan dasar yang konsisten daripada kerajaan persekutuan. Bila Johor maju Datuk Speaker, pastinya manfaat yang diperolehi oleh negera Malaysia ini jauh lebih besar. Johor berupaya muncul sebagai *the next engine of growth* kepada Malaysia dan sekali gus mempercepatkan lonjakan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, insya Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap tahun Johor merupakan antara penyumbang terbesar kepada pendapatan negara. Maka dalam pada kita menghargai segala sokongan dan kerjasama kerajaan persekutuan, tidak salah untuk Johor menegaskan pendiriannya dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan negeri. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Johor sentiasa menjunjung titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang menzahirkan agar kerajaan persekutuan menyalurkan kembali sekurang-kurangnya 25% hasil cukai pendapatan yang disumbangkan oleh Johor. (Dewan bertepuk.) Untuk digunakan semula demi pembangunan negeri Johor ini. YB Stulang minta macam-macam Yang Berhormat Speaker, mana hendak cari duit? Selain itu, jika isu-isu utama yang terus membelenggu Johor tidak diselesaikan segera, ia akan membawa mudarat besar kepada negara dan juga negeri ini. Tanpa penyelesaian bagi isu kesesakan lalu lintas di Johor, eko sistem trafik akan mencapai tahap kritikal, yang akan menyebabkan rakyat secara keseluruhan lebih merana. Tanpa penyelesaian bagi isu kesesakan dan juga kekurangan

tenaga perubatan di hospital-hospital utama Johor, sistem kesihatan awam di negeri ini akan lumpuh. Tanpa tindakan segera untuk menyelesaikan projek-projek yang masih berada pada tahap pra pelaksanaan, potensi Johor akan terus tersekat. Dalam hal ini, kerajaan negeri sekali lagi menjunjung titah Pemangku Sultan Johor yang menggesa perhatian di peringkat kerajaan persekutuan untuk menyegerakan projek-projek kritikal di Johor yang tertangguh khususnya projek *elevated* ERT, HSA 2, klinik-klinik kesihatan dan juga sekolah-sekolah daif.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya minum sikit lagi boleh? Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan bermulanya era JS-SEZ ini, kita tidak ada lagi ruang untuk menoleh ke belakang. Kita telah mendaki terlalu tinggi, melangkah terlalu jauh untuk kembali berpatah arah. Kapal yang kita kemudi telah jauh meninggalkan pelabuhan, maka yang ada hanyalah dua pilihan. Maju kehadapan atau ditinggalkan. Saya ingin menyatakan dengan setegas-tegasnya, jangan ada yang beranggapan bahawa usaha dan gerak kerja yang perlu kita galas akan menjadi mudah untuk tahun-tahun yang mendatang. Destinasi yang ingin kita tuju, destinasi yang ingin kita sampai memerlukan usaha yang berlipat ganda. Maka, saya ingin Datuk Speaker, mengambil kesempatan ini untuk berbicara hati ke hati dengan penuh ketulusan dan berterus terang dengan semua Ahli-Ahli yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semua yang berada di hadapan saya di kanan, kiri dan belakang saya adalah pemimpin-pemimpin tertinggi negeri Johor. Kita semua adalah khalifah-khalifah utama negeri ini. Daripada Yang Berhormat Datuk Speaker, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, barisan EXCO, Dato' PKN, Dato' LA, Ahli-Ahli Yang Berhormat, TSUK-TSUK, Pegawai-pegawai Daerah. Mana Pegawai-pegawai Daerah?

YB Speaker : Sebelah depan Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Dia dah pindah ke belakang. Datuk-Datuk Bandar, ketua-ketua jabatan negeri dan juga persekutuan, maju mundur negeri ini terletak di tangan kita. *We are the make of break of Johor*.

Dalam kita bergerak, membawa Johor ke hadapan, ramai orang boleh mengulas, ramai yang boleh mengkritik dan memberikan analisa. Mereka boleh bersorak, mereka boleh mengecam dan memberikan pandangan tetapi tanggungjawab yang sebenar berada di atas bahu kita. Tidak ada sesiapa diluar sana yang akan bekerja lebih kuat, lebih tekun dan lebih bersungguh-sungguh demi Johor jika bukan kita sendiri. Dan kita lakukan bukan semata-mata untuk generasi hari ini, tetapi juga untuk masa depan generasi anak cucu cicit kita.

Kepada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, para pegawai kanan kerajaan dan juga ketua-ketua jabatan, saya tahu bukan mudah untuk bekerja dengan saya. Ramai, ramai yang bergelut dan melalui masa yang sangat mencabar untuk menyesuaikan diri dengan rentak pentadbiran saya. Sebahagian besar saudara dan saudari telah berkhidmat sekian lama melalui pentadbiran Menteri-Menteri Besar yang pelbagai dengan pengalaman luas dan kebijaksanaan yang mendalam. Saya akui Yang Berhormat Speaker, cara kerja saya mungkin berbeza dan mengundang rasa tidak selesa. Ada yang mengatakan saya terlalu agresif, saya terlalu *pushy*, saya terlalu mendesak dengan *expectation* yang terlalu tinggi dan tidak munasabah. Teguran saya terlalu tegas dan tajam.

Saya menerima semua maklum balas ini dengan penuh insaf, berlapang dada dan hati yang terbuka. Saya memohon maaf. Saya memohon kepada semua yang pernah saya singgung, terluka atau terasa hati dengan tutur kata dan tindakan saya, dalam saya menunaikan tanggungjawab saya sebagai pemimpin. Wallahi, saya hanya mahukan yang terbaik untuk Bangsa Johor. Saya tidak membenci mana-mana individu, saya tidak mendesak saudara dan saudari dengan niat untuk menyusahkan. Segala tekanan, segala desakan, tuntutan yang berat itu adalah kerana saya memikul amanah, tanggungjawab yang besar untuk membela nasib 4 juta rakyat Johor. Tuan-tuan dan puan-puan, saya juga terbeban untuk menjawab

dengan Allah SWT nanti. Setiap kali menerima aduan dan rintihan, sama ada melalui *WhatsApp*, komen di *Facebook a*tau *instagram,* video di *Tik Tok,* saya tidak boleh memejamkan mata. Saya tidak boleh memekakkan telinga dan saya tidak boleh membutakan hati. Saya tidak tergamak untuk berkata ini bukan bidang kuasa saya. Kerana bagi rakyat di bawah sana, siapa lagi yang boleh mereka harap kalau bukan saya dan kalau bukan kita. Apa yang paling saya takuti adalah membayangkan hari di mana saya bersama semua yang berada di dalam Dewan ini, akan berdiri di hadapan Allah SWT. Dan ditanya tentang amanah dan tanggungjawab kita sebagai pemimpin, sebagai khalifah. Hari di mana segala pangkat, jawatan dan kedudukan yang kita miliki ini, menjadi saksi terhadap segala yang telah kita kerjakan. Tidak ada sesiapa pun dari kalangan kita yang akan terlepas daripada disoal. Bagi setiap aduan yang tidak diendahkan, setiap lubang jalan yang terbiar, setiap kemalangan yang berlaku atas kecuaian, setiap projek yang tertangguh, setiap keluarga yang sengsara dan menderita, saya bersama saudara dan saudari perlu menjawab di hadapan Allah SWT nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengenang kisah Sayyidina Umar Al-Khatab, seorang khalifah yang menyamar di malam hari untuk melihat sendiri keadaan rakyat di bawah. Pada suatu malam, Sayyidina Umar menemui seorang ibu yang begitu miskin sehingga terpaksa memasak batu sebagai helah untuk menenangkan anaknya yang kelaparan. Dengan harapan anaknya itu akan tertidur semasa menunggu. Sayyidina Umar mendengar ibu itu merintih, ibu itu mengatakan bahawa khalifah telah menzaliminya. Khalifah Umar menzalimi. Sayyidina Umar menangis, menangis mendengar rintihan ibu itu sehingga tangisan membasahi jubahnya, mengenangkan betapa berat amanahnya sebagai seorang pemimpin. Semasa Sayyidina Umar pulang untuk segera membawa bekalan makanan kepada ibu tersebut, pembantunya menawarkan diri untuk memikul makanan tersebut. Namun, khalifah menolak tawaran pembantunya dengan berkata, di hari pengadilan nanti engkau tidak akan dapat memikul beban-bebanku. Hari ini berapa banyak kisah yang sama, yang mungkin berlaku di luar sana. Dari Muar hingga ke Johor Bahru, dari Segamat hingga ke Mersing, yang tidak kita endahkan dan tidak kita peduli. Apakah nasib kita semua di hadapan Allah SWT nanti?

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekian sahaja penggulungan saya. Muafakat itu berkat, kepada Allah kita berserah. (Dewan bertepuk). Wabbilahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Machap. Saya yakin apa yang telah dihuraikan dalam penggulungan itu boleh dan akan dicapai. Terutamanya penghuraian tentang Teras Ekonomi iaitu perlaksanaan JETP dan satu *tag line* yang menangkap imaginasi saya yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat iaitu kita boleh dan kita mampu melaksanakannya. Ini adalah satu *tag line* yang harus kita dokong bersama. Dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *Do It, Believe It And Achieve It.* Kalau ini sama-sama didokong oleh kita, insya-Allah, Maju Johor 2030 akan tercapai. Cuma ada satu janji Yang Amat Berhormat belum dilaksanakan. Yang Amat Berhormat berjanji untuk belanja saya makan di restoran Korea, sampai sekarang belum dilaksanakan. Dan makanan Korea yang saya minat Yang Berhormat ialah *Sundubujjigae,* kalau tak ada di negeri Johor ini, kita terpaksa pergi Korea. Di *Myeon-deong* ada satu restoran namanya *Busan-Jib* ada makanan ini, *Sundubujjigae* ya. Insya-Allah Yang Berhormat ya, jangan lupa janji tersebut, saya tunggu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB Speaker : Dewan Negeri bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

YB Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM2,563,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.01 itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia : Bagi Maksud Bekalan B.01, peruntukan sebanyak RM2,563,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan bajet Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,340,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM1,223,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli Yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM240.843,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan sebanyak RM240,843,000.00 diperuntukkan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kerajaan bagi memajukan dan menaikkan taraf hidup rakyat negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:-

Pentadbiran Am Bahagian Pengurusan	-	RM37,627,000.00
Pelbagai Perkhidmatan	-	RM66,919.000.00
Menteri Besar Johor	-	RM19,891,000.00
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor	-	RM8,605,000.00
Dewan Negeri Johor	-	RM37,882,000.00
Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ)	-	RM10,727,000.00
Audit Dalam	-	RM2,539,000.00
Tourism Johor	-	RM 2,450,000.00
Pemberian kepada Agensi	-	RM19,200,000.00
Kem Sultan Ibrahim	-	RM19,360,000.00
Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor	-	RM7,207,000.00
Johor Economic, Tourism and Culture Office (JETCO)	-	RM5,060,000.00
Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat	-	RM3,376,000.00

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM42,391,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM42,391,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut:-

Kerajaan Tempatan	-	RM26,897,000.00

Perumahan	-	RM12,168,000.00
Landskap	-	RM3,326,000.00

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM15,000,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Peruntukan berjumlah RM15,000,000.00 disediakan bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran di bawah Kebudayaan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM14,500,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat: Peruntukan berjumlah RM14,500,000.00 disediakan bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran di bawah Hal Ehwal Wanita dan Keluarga.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM66,300,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM66.300,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti berikut:

Rakan Muda dan Sukan	-	RM45,500,000.00
Institut Dato'Onn	-	RM11,055,000.00
Sukan, Belia dan Sukarelawan	-	RM9,745,000.00

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM16,580,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia : Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM16,580.000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-	RM10,753,000.00
Invest Johor	-	RM2,489,000.00
Unit Strategik Modal Insan Johor	-	RM3,338,000.00

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM34,423,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan : Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM34,423.000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

ICT@Johor	-	RM26,584,000.00
Media Digital Johor	-	RM7,839,000.00

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM20,693.000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.04, Perbendaharaan Negeri itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bagi Maksud Bekalan B.04, peruntukan sebanyak sejumlah RM20,693.000.00 diperlukan bagi Pengurusan dan Pentadbiran Pebendaharaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM9,481,000.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan Emolumen, RM5,228,000.00 untuk perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan RM1,920,000.00 untuk Pemilikan Aset, RM1,064,000.00 untuk perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan baki RM3,000,000.00 untuk perbelanjaan Pulangan Balik Hasil dan Hapuskira.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM27,508.000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bagi Maksud Bekalan B.07, peruntukan sebanyak berjumlah RM27,508,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan Jabatan Pertanian. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM19,184.000.00 diperlukan untuk pembayaran Emolumen kepada anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM8,324.000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM95,111,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Bagi Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM95,111,000.00. Sejumlah RM35,946,000.00 disediakan untuk perbelanjaan Emolumen, RM57,450,000.00 diperlukan untuk Perkhidmatan dan Bekalan termasuk pengendalian dan penyelenggaraan sungai-sungai, RM970,000.00 disediakan untuk Pemilikan Aset jabatan dan RM745,000.00 pula disediakan untuk Pemberian dan

Kenaan Bayaran Tetap termasuk bayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM14,295,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bagi Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peruntukan sebanyak RM14,295.000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk Emolumen Kakitangan dan bagi melaksanakan tugas-tugas pengurusan yang berkaitan dengan haiwan serta meningkatkan kemajuan industri ternakan di seluruh negeri Johor.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM7,922,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja itu, RM8,222,000.00 Kepala Perbelanjaan B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan: Bagi Maksud Bekalan B.12, peruntukan berjumlah RM7,922,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor. Peruntukan sebanyak RM8,222.000.00 bagi Maksud Bekalan B.13 pula adalah untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan pembangunan fizikal penyelarasan perancangan fizikal, serta penyediaan rancangan-rancangan tempatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM23,605,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.19, Jabatan Perhutanan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bagi Maksud Bekalan B.19, peruntukan berjumlah RM23,605.000.00 diperlukan untuk perbelanjaan Pengurusan dan Pentadbiran Jabatan Perhutanan. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM17,117.000.00 adalah perbelanjaan Emolumen, manakala baki sebanyak RM6,488,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan, Pemilikan Aset serta Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM372,629,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.21, Jabatan Agama Islam itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, bagi Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam, peruntukan sebanyak RM372,629,000.00 diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan Agama Islam di dalam usaha-usaha memperkukuh Syiar Islam termasuk perbelanjaan pengurusan di bawah Pendidikan Agama Islam serta bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti ialah sebagaimana berikut:

Pentadbiran Am	-	RM78,846,000.00
Pendidikan Agama Islam	-	RM293,783,000.00

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM30,956,000.00 Bagi Kepala Perbelanjaan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Speaker, Bagi Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat, peruntukan yang diperlukan bagi Tahun 2026 ialah berjumlah RM30,956,000.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM7,560,000.00 diperlukan untuk pembayaran Emolumen kepada anggota jabatan, RM3,120.000.00 untuk perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, RM200,000.00 untuk Pemilikan Aset dan baki sebanyak RM20,076,000.00 untuk perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang merupakan bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat. Ini termasuklah bantuan kepada penduduk-penduduk miskin dan bantuan malapetaka seperti banjir.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM98,949,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.24, Jabatan Kerja Raya itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Bagi Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2026 ialah berjumlah RM98,949,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM61,009,000.00 diperlukan untuk pembayaran Emolumen kepada anggota jabatan, RM35,952,000.00 untuk perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, RM888,000.00 untuk pemilikan Aset. RM1.087.000.00 untuk perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap manakala baki sebanyak RM13,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM8,170,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Bagi Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar, peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM8,170,000.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM3,620,000.00 adalah perbelanjaan Emolumen, manakal baki sebanyak RM4,550,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk Perkhidmatan dan Bekalan jabatan, Pemilikan Aset dan Kenaan Bayaran Tetap.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini, maafkan saya. Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,085,300,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.28, sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun itu; hendaklah jadi sebahagian dari Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bagi Maksud Bekalan B.28 pula, peruntukan sebanyak RM1,085,300,000.00 diperlukan untuk

Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun. Jumlah tersebut diperlukan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang-Kumpulan Wang di bawah Seksyen 10 yang lain.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM16,773,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah itu; RM4,092,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.32, Jabatan Mufti itu; RM4,113,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.33, Jabatan Pendakwaan Syariah itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bagi Maksud Bekalan B.29, peruntukan sebanyak RM16,773,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah bagi tahun 2026. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM8,758,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, sebanyak RM7,042,000.00 untuk perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, sebanyak RM750,000.00 untuk perbelanjaan Pemilikan Aset dan sebanyak RM223,000.00 untuk perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

Bagi Maksud Bekalan B.32, peruntukan sebanyak RM4,092,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Mufti.

Bagi Maksud Bekalan B.33, peruntukan sebanyak RM4,113,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Pendakwaan Syariah.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM6,961,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru itu; RM7,770,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.42, Pejabat Daerah Muar itu; RM7,261,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat itu; RM6,290,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.44, Pejabat Daerah Pontian itu; RM7,270,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.45, Pejabat Daerah Segamat itu; RM5,545,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.46, Pejabat Daerah Kluang itu; RM6,603,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi itu; RM4,921,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.48, Pejabat Daerah Mersing itu; RM5,279,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.49, Pejabat Daerah Kulai itu; RM4,279,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.50, Pejabat Daerah Tangkak itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bagi Maksud Bekalan B.41 hingga B.50 di bawah pentadbiran daerah negeri Johor, sejumlah RM62,629,000.00 disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat daerah di seluruh negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan adalah sebagaimana berikut :

B.41	Pejabat Daerah Johor Bahru	-	RM6,961,000.00
B.42	Pejabat Daerah Muar	-	RM7,770,000.00
B.43	Pejabat Daerah Batu Pahat	-	RM7,261,000.00
B.44	Pejabat Daerah Pontian	-	RM6,290,000.00
B.45	Pejabat Daerah Segamat	-	RM7,270,000.00
B.46	Pejabat Daerah Kluang	-	RM5,545,000.00
B.47	Pejabat Daerah Kota Tinggi	-	RM6,603,000.00
B.48	Pejabat Daerah Mersing	-	RM4,921,000.00
B.49	Pejabat Daerah Kulai	-	RM5,279,000.00
B.50	Pejabat Daerah Tangkak	-	RM4,279,000.00

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM38,019,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.51, Pejabat Tanah dan Galian itu; RM9,341,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru itu; RM6,927,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.53, Pejabat Tanah Muar itu; RM9,191,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat itu; RM4,916,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.55, Pejabat Tanah Pontian itu; RM6,109,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.56, Pejabat Tanah Segamat itu; RM6,299,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.57, Pejabat Tanah Kluang itu; RM8,077,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi itu; RM4,527,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.59, Pejabat Tanah Mersing itu; RM4,678,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.60, Pejabat Tanah Kulai itu; RM4,661,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.61, Pejabat Tanah Tangkak itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bagi Maksud Bekalan B51 hingga B.61 di bawah Pentadbiran Tanah Negeri Johor, sejumlah RM102,745,000.00 disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan adalah sebagaimana berikut:

B.51	Pejabat Tanah dan Galian	-	RM38,019,000.00
B.52	Pejabat Tanah Johor Bahru	-	RM9,341,000.00
B.53	Pejabat Tanah Muar	-	RM6,927,000.00
B.54	Pejabat Tanah Batu Pahat	-	RM9,191,000.00
B.55	Pejabat Tanah Pontian	-	RM4,916,000.00
B.56	Pejabat Tanah Segamat	-	RM6,109,000.00
B.57	Pejabat Tanah Kluang	-	RM6,299,000.00
B.58	Pejabat Tanah Kota Tinggi	-	RM8,077,000.00
B.59	Pejabat Tanah Mersing	-	RM4,527,000.00
B.60	Pejabat Tanah Kulai	-	RM4,678,000.00
B.61	Pejabat Tanah Tangkak	-	RM4,661,000.00

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 1

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan

dipersetujukan tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan segera.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah Diperundang-Undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2026.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2026.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangkan anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2026 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2025 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Peruntukan yang diperlukan untuk Penganggaran Pembangunan Tahun 2026 adalah berjumlah RM1,100,000,000.00 di bawah 3 Jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor - RM897,322,800.00.

2. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor - RM60,250,000.00.

3. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor - RM142,427,200.00.

Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan Negeri Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM498,094,300.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor itu; RM260,104,500.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.71, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) itu; RM139,124,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.72, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bagi Maksud Pembangunan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor, peruntukan sebanyak RM498,094,300.00 disediakan bagi tahun 2026. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM113,156,000.00 diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja Pembangunan Fizikal, RM307,768,300.00 bagi Pembangunan Sosial dan RM63,170,000.00 bagi Pembangunan Kerja-Kerja Kecil. Manakala sebanyak RM14,000,000.00 pula disediakan untuk perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah bagi tujuan projek-projek pembangunan kemudahan awam.

Bagi Maksud Pembangunan P.71, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), peruntukan sebanyak RM260,104,500.00 disediakan untuk tahun 2026. Sebanyak RM50,560,000.00 disediakan bagi Projek Pembangunan Ekonomi dan Inklusif. Sejumlah RM137,130,000.00 pula diperuntukkan bagi Projek-Projek Pembangunan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selain daripada itu, RM11,008,000.00 disediakan bagi projek-projek di bawah Pertanian dan Industri Asas Tani. Untuk pembangunan Modal Insan, Keluarga dan Masyarakat diperuntukkan sejumlah RM8,395,000.00. Bagi pelaksanaan projek-projek berkaitan Pengurusan Sumber dan Alam Sekitar disediakan sejumlah RM13,419,500.00. Manakala RM13,742,000.00 disediakan bagi pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi. RM3,350,000.00 pula disediakan bagi program pembangunan Belia dan Sukan. Bagi menggalakkan aktiviti pelancongan negeri Johor, sejumlah, peruntukan sejumlah RM9,500,000.00 disediakan. Akhir sekali, sebanyak RM13,000,000.00 untuk Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Bagi Maksud Pembangunan P.72, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan) peruntukan sebanyak RM139,124,000.00 disediakan untuk tahun 2026. Sebanyak RM60,628,000.00 disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan, baik pulih dan naik taraf kuarters kerajaan dan bangunan negeri serta bangunan-bangunan kerajaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Kota Iskandar. Di samping itu juga, sebanyak RM18,050,000.00 pula disediakan bagi bangunan-bangunan kerajaan negeri dan akhir sekali sebanyak RM60,446,000.00 disediakan bagi kerja-kerja kecil dan projek khas daerah.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM60,250,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.73, Jabatan Agama Islam itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam : Datuk Speaker, bagi Maksud Pembangunan P.73, Jabatan Agama Islam, peruntukan sebanyak RM60,250,000.00 disediakan untuk tahun 2026.

Sejumlah RM1,100,000.00 disediakan untuk Pusat Islam Iskandar Johor dan RM43,770,000.00 pula untuk pembangunan sekolah agama di seluruh negeri Johor serta Pejabat Pendidikan Islam Negeri Johor. Peruntukan sebanyak RM150,000.00 bagi kenderaan penguatkuasaan dan jentera. Peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 bagi kelengkapan masjid-masjid dan pelaksanaan kerja-kerja yang dirancang bagi membina rumah pegawai, guru-guru agama dan kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Peruntukan sebanyak RM2,530,000.00 adalah bagi kelengkapan dan kemudahan di Makam DiRaja dan tanah perkuburan. Peruntukan sebanyak RM7,800,000.00 adalah untuk membina dan memperelok masjid-masjid Johor serta RM2,900,000.00 bagi bangunan-bangunan Pejabat-Pejabat Agama Islam Negeri Johor dan bangunan-bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor.

YB Pengerusi: Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM101,227,200.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.74, Jabatan Kerja Raya itu, RM41,200,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.75, Jabatan Pengairan dan Saliran itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Pembangunan P.74, Jabatan Kerja Raya peruntukan sebanyak RM101,227,200.00 disediakan untuk tahun 2026.

Sebanyak RM42,792,200.00 diperlukan untuk jalan dan jambatan negeri dan sebanyak RM10,440,000.00 untuk melebarkan jalan-jalan negeri, membina tembok tepi sungai, rancangan mengelak banjir dan menaik taraf. Sebanyak RM750,000.00 diperlukan, diperuntukkan untuk kenderaan dan jentera. Peruntukan sejumlah RM2,900,000.00 juga disediakan untuk menaik taraf sistem mekanikal dan elektrikal di bangunan-bangunan kerajaan dan RM2,400,000.00 diperuntukkan untuk kerja-kerja kecil yang lain. Sejumlah RM500,000.00 disediakan untuk kerja-kerja pembinaan bangunan-bangunan kerajaan di negeri Johor. Sebanyak RM3,445,000.00 disediakan bagi menaik taraf bangunan-bangunan utama kerajaan serta kemudahan dan keperluan bangunan. Akhir sekali berjumlah RM38,000,000.00 diperuntukkan untuk bangunan-bangunan negeri.

Bagi Maksud Pembangunan P.75, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan sebanyak RM41,200,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek-projek bagi tahun 2026.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,500,000.00 adalah bagi jentera kenderaan, loji dan pintu air serta kelengkapan. Manakala sebanyak RM540,000.00 disediakan untuk premis dan bangunan jabatan. Sebanyak RM961,000.00 disediakan untuk kajian dan reka bentuk. Di samping itu, sebanyak RM25,328,500.00 disediakan bagi rancangan tebatan banjir, saliran mesra alam, zon pantai dan lembangan sungai. Sebanyak RM5,890,500.00 disediakan bagi pengurusan sumber air dan hidrologi, pembangunan infrastruktur pengairan, saliran pertanian dan asas tani serta muara sungai di seluruh negeri Johor. Dan akhir sekali, sebanyak RM6,980,000.00 disediakan bagi pengurusan keselamatan empangan, lintasan dan jalan ladang serta kerja-kerja kecil.

YB Pengerusi: Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar: Yang Berhormat Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2025 itu telah pun selesai ditimbangkan, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

YB Pengerusi: Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2025.

Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu rundingan wang jumlah RM1,100,000,000.00 yang dicadangkan bagi peranggaran pembangunan tahun 2026 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan, dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM1,100,000,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 2026 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 2) TAHUN 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (No.2) Tahun 2025 dibacakan kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan kedua bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2025. Tambahan peruntukan diperlukan adalah sebanyak RM486,145,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2025 di bawah 11 Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan, Ekonomi dan Perancangan Negeri Johor - RM411,489,00.00.

2. Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar - RM3,409,000.00.

3. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor - RM3,264,000.00.

4. Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri Johor - RM352,000.000.

5. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor - RM1,702,000.00.

6. Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor - RM1,368,000.00.

7. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor - RM46,148,000.00.

8. Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor - RM3,120,000.00.

9. Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Johor - RM1,511,000.00.

10. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor - RM13,030,000.00 dan

11. Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor - RM752,000.00.

Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YB Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

YB Pengerusi : Perkara dihadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM138,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia : Suruhanjaya Perkhidmatan Awam peruntukan tambahan sebanyak RM138,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angka tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM7,829,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM7,829,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada kakitangan lantikan baharu. Kekurangan peruntukan juga adalah bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025

kepada kakitangan jabatan serta pembayaran ganjaran tamat perkhidmatan kakitangan jabatan bagi tiap-tiap aktiviti seperti berikut:

1. Pentadbiran Am, Bahagian Pengurusan - RM2,217,000.00
2. Menteri Besar Johor - RM650,000.00
3. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor - RM740,0000.00
4. Dewan Negeri Johor - RM2,141,000.00
5. Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) - RM323,000.00
6. Audit Dalam - RM281,000.00
7. Tourism Johor - RM144,000.00
8. Kem Sultan Ibrahim - RM318,000.00
9. Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor - RM699,000.00
10. Johor Economic, Tourism and Culture Office (JETCO) - RM14,000.00
11. Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat - RM302,000.00

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angka tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu sejumlah wang RM1,988,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM1,988,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada kakitangan lantikan baharu. Kekurangan peruntukan juga adalah bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan bagi tiap-tiap aktiviti seperti berikut:

1. Kerajaan Tempatan - RM468,000.00.
2. Perumahan - RM1,320,000.00.
3. Landskap - RM200,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,368,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Di bawah Maksud Bekalan B.03 - Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM1,368,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada kakitangan lantikan baharu, pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan. Peruntukan tambahan juga adalah bagi menampung kekurangan peruntukan bayaran kerja-kerja penyelenggaraan dan penganjuran program rasmi jabatan. Peruntukan tambahan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:

1. Institut Dato' Onn - RM703,000.00.
2. Sukan, Belia dan Sukarelawan - RM665,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,373,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia : Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM1,373,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada kakitangan lantikan baharu, pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan. Peruntukan tambahan juga adalah bagi menampung kekurangan peruntukan untuk bayaran kos perbelanjaan bagi mengikuti Kursus *Leadership Masterclass* ke Aston University Birmingham, United Kingdom oleh Pegawai Tadbir Negeri Johor. Peruntukan tambahan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:

1. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia - RM854,000.00.
2. Invest Johor - RM137,000.00.
3. Unit Strategik Modal Insan Johor - RM382,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM752,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan : Di bawah maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM752,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan bagi tiap-tiap aktiviti seperti berikut:

1. ICT @ Johor - RM548,000.00.
2. Media Digital Johor - RM204,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM990,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.04, Perbendaharaan Negeri itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Di bawah Maksud Bekalan B.04 Perbendaharaan Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM990,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM2,221,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.07, Jabatan Pertanian itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Di bawah Maksud Bekalan B.07 Jabatan Pertanian, peruntukan tambahan sebanyak RM2,221,000.00 diperlukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM4,965,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan tambahan sebanyak RM4,965,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada kakitangan lantikan baharu, pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,188,000.00 diperlukan bagi Kepala Perbelanjaan B.10, Jabatan Perkhidmatan Verterinar itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Di bawah Maksud Bekalan B.10 Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peruntukan tambahan sebanyak RM1,188,000.00 diperlukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM736,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor itu; RM540,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Di bawah Maksud Bekalan B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor; peruntukan tambahan sebanyak RM736,000.00 diperlukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa peruntukan tambahan sebanyak RM540,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM3,120,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.19 Jabatan Perhutanan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Di bawah Maksud Bekalan B.19 Jabatan Perhutanan peruntukan tambahan sebanyak RM3,120,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran elaun lebih masa bagi operasi penguatkuasaan, rondaan hutan, pemantauan aktiviti eko-pelancongan serta program rasmi jabatan dan pembayaran elaun perjalanan pegawai dan kakitangan jabatan. Peruntukan

tambahan juga diperlukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan serta pembayaran penyelenggaraan luar jangka jabatan dan pembayaran pelbagai bentuk perkhidmatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM44,026,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.21, Jabatan Agama Islam itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam, peruntukan tambahan sebanyak RM44,026,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran elaun tetap kakitangan, pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan, Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada Guru KAFA, pembayaran bekalan Pakaian Rasmi Pegawai Agama dan Pegawai Masjid Kerajaan, pembayaran bekalan makanan bermasak kenaikan harga tender serta pembayaran perkhidmatan pembersihan dan keselamatan. Peruntukan tambahan bagi tiap-tiap aktiviti seperti berikut:

1. Pentadbiran Am - RM6,328,000.00.
2. Pendidikan Agama Islam - RM37,698,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,702,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Di bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat, peruntukan sebanyak, peruntukan tambahan sebanyak RM1,702,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan dan Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, PDK.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM8,065,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.24, Jabatan Kerja Raya itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi: Maksud Bekalan B.24 Jabatan Kerja Raya, peruntukan tambahan sebanyak RM8,065,000.00 diperlukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM352,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Di bawah Maksud Bekalan B.26 Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM352,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM388,184,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.28, caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Di bawah Maksud Bekalan B.28 pula peruntukan tambahan sebanyak RM388,184,000.00 diperlukan untuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan kerana terdapat kelulusan tambahan peruntukan pembangunan tahun 2025 dan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan kerana terdapat kelulusan tambahan peruntukan Pembangunan tahun 2025 dan caruman ke Kumpulan Wang Amanah Pembinaan Istana Baru Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,221,000.00 bagi Kepada Perbelanjaan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah itu; RM307,000 bagi Kepala Perbelanjaan B.32, Jabatan Mufti itu, RM594,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.33, bagi Jabatan Pendakwaan Syariah itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah peruntukan tambahan sebanyak RM1,221,000.00 diperuntukkan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti peruntukan tambahan sebanyak RM307,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan.

Di bawah Maksud Bekalan B.33, Jabatan Pendakwaan Syariah peruntukan tambahan RM594,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada kakitangan baharu dilantik, kekurangan peruntukan juga bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM542,000.00 bagi Kepada Perbelanjaan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru itu; RM512,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.42, Pejabat Daerah Muar itu; RM638,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat itu; RM527,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.44, Pejabat Daerah Pontian itu; RM551,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.45, Pejabat Daerah Segamat itu dan RM415,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.46, Pejabat Daerah Kluang itu; RM526,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi itu; RM370,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM313,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.49, Pejabat Daerah Kulai itu; RM343,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.50, Pejabat Daerah Tangkak itu, hendaklah jadi sebahagian dari Jadual itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Bagi Maksud Bekalan B.41 hingga B.50 di bawah Pentadbiran Daerah Negeri Johor sejumlah RM4,737,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada kakitangan baharu jabatan, bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 kepada kakitangan jabatan Pejabat-Pejabat Daerah di seluruh negeri Johor.

Peruntukan yang diperlukan ialah sebagaimana berikut: B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM542,000.00, B.42, Pejabat Daerah Muar; RM512,000.00, B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM638,000.00, B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM527,000.00, B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM551,000.00, B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM415,000.00, B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM526,000.00, B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM370,000.00, B.49, Pejabat Daerah Kulai; RM313,000.00, B.50, Pejabat Daerah Tangkak; RM343,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM3,389,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.51, Pejabat Tanah dan Galian itu; RM925,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru itu; RM677,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.53, Pejabat Tanah Muar itu; RM976,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat itu; RM559,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.55, Pejabat Tanah Pontian itu; RM646,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.56, Pejabat Tanah Segamat itu; RM593,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.57, Pejabat Tanah Kluang itu; RM591,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi itu; RM372,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.59, Pejabat Tanah Mersing itu; RM555,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.60, Pejabat Tanah Kulai itu; RM466,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.61, Pejabat Tanah Tangkak itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Bagi Maksud Bekalan B.51 hingga B.61, di bawah Pentadbiran Tanah Negeri Johor sejumlah RM9,749,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada kakitangan baharu jabatan, pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025 serta pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan jabatan Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh negeri Johor.

Peruntukan yang diperlukan adalah sebagaimana berikut, B.51, Pejabat Tanah dan Galian RM3,389,000.00, B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru RM925,000.00, B.53 Pejabat Tanah Muar RM677,000.00, B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat RM976,000.00, B.55, Pejabat Tanah Pontian RM559,000.00, B.56, Pejabat Tanah Segamat RM646,000.00, B.57, Pejabat Tanah Kluang RM593,000.00, B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi RM591,000.00, B.59, Pejabat Tanah Mersing RM372,000.00, B.60, Pejabat Tanah Kulai RM555,000.00, B.61, Pejabat Tanah Tangkak RM466,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jurutulis : FASAL 1.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang Semula.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dipertimbang dalam Jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Pengerusi : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Kedua Tahun 2025 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperundang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2 Tahun) 2025.

PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KETIGA TAHUN 2025.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Ketiga Tahun 2025 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2025 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan pindaan atau tiada dipinda.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan ketiga bagi Peranggaran Pembangunan Tahun 2025. Tambahan peruntukan diperlukan adalah sebanyak RM168,982,000.00 sebagaimana yang dimasukkan dalam Peranggaran Tambahan Pembangunan Ketiga Tahun 2025 di bawah satu Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor, RM168,982,000.00. Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang sebagai Jawatankuasa.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Di bawah Maksud Pembangunan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor, peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM153,982,000.00 berdasarkan peningkatan hasil semasa dan demi kepentingan kesejahteraan rakyat sejumlah RM2,500,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran projek-projek di bawah Pembangunan Fizikal dan sebanyak RM151,482,000.00 untuk pembayaran bagi projek-projek di bawah Pembangunan Sosial. Di bawah Maksud Pembangunan P.71, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pembangunan peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM15,000,000.00 untuk menampung kekurangan peruntukan bagi penyaluran geran keseimbangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2025 telah pun selesai dipertimbangkan. Maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

YB Speaker : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2025. Dari itu saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM168,982,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Ketiga Tahun 2025 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM168,982,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN HOTEL JOHOR 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Rang Undang-Undang Enakmen Hotel Johor dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi perlesenan dan pengawalan hotel di Negeri Johor dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar Rundingan Untuk Bacaan Kali Kedua Bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, Salam Maju Johor, saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon izin untuk mencadangkan bacaan suatu Rang Undang-Undang yang bernama Enakmen Hotel Johor 2025, yang bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlesenan dan pengawalan hotel di negeri Johor dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan, yang dibaca bersama Perenggan 5(b) Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Badan Perundangan Negeri diberi kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan perkara perkhidmatan tempatan, termasuk rumah tumpangan dan rumah pemalaman.

Peruntukan ini membolehkan Kerajaan Negeri Johor menetapkan peraturan perlesenan, kawalan dan perkara-perkara lain yang berkaitan hotel, sekaligus memastikan aktiviti perhotelan dan penginapan dijalankan secara selamat, teratur dan berkualiti. Ia juga memberi peluang kepada kerajaan negeri untuk menyusun dasar yang sesuai untuk keperluan tempatan serta menyokong pertumbuhan industri perhotelan secara mampan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga hari ini, urusan permohonan lesen hotel di Johor adalah di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui kawalan Undang-Undang Kecil PBT masing-masing. Kaedah Pentadbiran ini merupakan amalan yang digunakan secara meluas oleh majoriti PBT di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, negeri Perak dan Pahang telah mengambil langkah penyeragaman dalam tadbir urus berkaitan urusan hotel di seluruh Negeri Perak dan Pahang sebagai usaha untuk memperkukuh industri perhotelan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Berhormat, negeri Perak dan Pahang, masing-masing telah meluluskan Enakmen Hotel Perak 2023 dan Enakmen Hotel Pahang 2020. Enakmen-Enakmen tersebut dijadikan rujukan asas oleh negeri Johor dalam penggubalan Enakmen Hotel, dengan penyelesaian mengikut keperluan dan keadaan khusus negeri Johor. Sebagai makluman, cadangan Enakmen baharu ini bukanlah untuk menarik balik kuasa Pihak Berkuasa Tempatan berhubung perlesenan hotel, tetapi sebagai satu cara penyelarasan perolehan yang seragam dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selaras dengan punca kuasa yang telah diperuntukkan, kerajaan negeri telah bersetuju cadangan pengenaan caj kembara melalui penggubalan Enakmen Hotel yang baru ini. Sebagai makluman, negeri Johor bukanlah negeri pertama yang

memperkenalkan caj kembara dan beberapa buah negeri lain telah pun melaksanakannya caj seumpama ini antaranya Melaka dikenali sebagai caj warisan. Negeri Pahang melalui caj kelestarian, negeri Perak melalui caj perkhidmatan tempatan dan Pulau Pinang melalui fi hotel.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Rang Undang-Undang Hotel Johor 2025 atau dikenali sebagai RUU Hotel yang dicadangkan ini mengandungi 37 seksyen yang dibahagikan kepada 5 bahagian. Bagi memberi gambaran keseluruhan tentang kandungan Rang Undang-Undang ini, izinkan saya menjelaskan secara ringkas lima bahagian utama yang terkandung di dalamnya.

Bahagian pertama, memperuntukkan mengenai tajuk ringkas, tarikh kuat kuasa, tafsiran istilah utama serta skop pemakaian enakmen, bagi menjelaskan dengan jelas tujuan dan bidang kuat kuasa undang-undang ini.

Bahagian kedua pula, menumpukan kepada perkara-perkara perlesenan, termasuk kewajipan untuk mendapatkan lesen, tatacara permohonan, tempoh sah laku lesen, pemindahan hak milik atau pengurusan hotel serta penggantungan dan pembatalan lesen. Bahagian ini juga menetapkan tanggung jawab pemohon dan pemegang lesen bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Bahagian ketiga, memperincikan kuasa Pihak Berkuasa Melesen untuk menetapkan caj kembara, fi perlesenan dan bayaran lain yang berkaitan di samping memperuntukkan mekanisme pengurusan kutipan hasil serta tanggung jawab hotel dalam pelaporan dan pembayaran kepada tabung amanah yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

Bahagian keempat, memberi kuasa penguatkuasaan kepada pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan penyiasatan, penggeledahan, penyitaan, penutupan premis serta melarang mana-mana pihak daripada menghalang atau mengganggu pegawai semasa menjalankan tugas rasmi.

Akhir sekali, bahagian lima, memperuntukkan pelbagai peruntukan pelengkap yang merangkumi perlantikan pegawai yang diberi kuasa, tanggung jawab terhadap kerahsiaan maklumat, kesalahan yang dilakukan oleh pegawai perkhidmatan, ejen ataupun perbadanan, penalti am, kuasa untuk mengkompaun kesalahan serta kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat peraturan tambahan bagi maksud pelaksanaan undang-undang ini dan dengan lebih teratur dan berkesan. Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa pembelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Rang Undang-Undang Hotel Johor 2025, yang dicadangkan adalah terutamanya bagi mengawal perlesenan dan operasi hotel di negeri Johor, memastikan keselamatan, kualiti dan kebersihan penginapan serta menyokong pertumbuhan industri pelancongan secara mampan. RUU ini adalah merangkumi hal perlesenan, caj kembara, kuasa penguatkuasaan, tanggungjawab pegawai, penalti dan peraturan tambahan dengan semua hasil disalurkan kepada Akaun Amanah Kerajaan Negeri tanpa kos tambahan. Adalah disasarkan dengan berkuat kuasanya RUU Hotel Johor 2025 ini nanti, maka ia dapat menjadi pemangkin kepada industri perhotelan negeri Johor dalam merealisasikan citra Tahun Melawat Johor 2025.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan, yang tak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi perlesenan dan pengawalan hotel di Negeri Johor dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

YB Speaker : Dewan Negeri Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7, Fasal 8, Fasal 9 dan Fasal 10.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7, Fasal 8, Fasal 9, Fasal 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7, Fasal 8, Fasal 9, Fasal 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 11, Fasal 12, Fasal 13, Fasal 14, Fasal 15, Fasal 16, Fasal 17, Fasal 18, Fasal 19 dan Fasal 20.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 11, Fasal 12, Fasal 13, Fasal 14, Fasal 15, Fasal 16, Fasal 17, Fasal 18, Fasal 19, Fasal 20 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 11, Fasal 12, Fasal 13, Fasal 14, Fasal 15, Fasal 16, Fasal 17, Fasal 18, Fasal 19, Fasal 20 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 21, Fasal 22, Fasal 23, Fasal 24, Fasal 25, Fasal 26, Fasal 27, Fasal 28, Fasal 29, Fasal 30.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 21, Fasal 22, Fasal 23, Fasal 24, Fasal 25, Fasal 26, Fasal 27, Fasal 28, Fasal 29, Fasal 30 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 21, Fasal 22, Fasal 23, Fasal 24, Fasal 25, Fasal 26, Fasal 27, Fasal 28, Fasal 29, Fasal 30 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 31, Fasal 32, Fasal 33, Fasal 34, Fasal 35, Fasal 36, Fasal 37.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 31, Fasal 32, Fasal 33, Fasal 34, Fasal 35, Fasal 36, Fasal 37 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 31, Fasal 32, Fasal 33, Fasal 34, Fasal 35, Fasal 36, Fasal 37 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Banyak betul fasalnya.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam jawatankuasa satu persatu dan dipersetujukan tanpa pindaan.

Dari itu, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Hotel Johor 2025 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan, bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini Diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Hotel Johor 2025.

Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam Warta dan terpakai bagi seluruh Negeri Johor.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana kita ada satu lagi Rang Undang-Undang ye, yang memerlukan masa dan sekarang ini, kita pun sudah masuk jam 12.32 dan azan ialah lebih kurang 12.51. Jadi, saya tangguhkan Sidang Dewan ini kepada jam 2.30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:32 tengah hari.

Persidangan bersambung semula pada jam 2:30 petang.

Jurutulis : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan dimulakan sekarang.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) (PINDAAN) 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmannirahim. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Rang Undang-Undang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 (Enakmen No. 4 Tahun 1997).

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar

rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan ini dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya mencadangkan bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 (Enakmen No.4 Tahun 1997) ini, izinkan saya memberikan ringkasan berkenaan yang sama. Datuk Speaker, sejak Enakmen ini diwartakan pada 8 Oktober 1998, belum ada sebarang pindaan terhadap Enakmen ini selepas 27 tahun ianya berkuatkuasa, sehinggalah pada hari ini. Maka saya ingin merakamkan bahawa ini adalah sejarah bagi Dewan yang mulia ini.

Datuk Speaker, saya terus kepada tujuan Rang Undang-Undang ini. Pertama, mengemaskini tafsiran seksyen terkini dalam Enakmen Kesalahan ini mengikut kepada Enakmen Pentadbiran terkini iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 sepertimana tafsiran Enakmen Pentadbiran, fatwa, Hukum Syarak, Mufti, Hakim, Mahkamah dan seterusnya menambah tafsiran baharu seperti perbuatan di seksyen 4 berkaitan doktrin ajaran sesat, mengikut sebagaimana tafsiran Kanun Keseksaan (Akta 574), pihak berkuasa agama, tempat awam dan tidak bermoral.

Juga yang kedua, menyemak kembali peruntukan seksyen ini agar ia selari dengan perkembangan semasa.

Ketiga, mewujudkan seksyen baharu iaitu menambah baik pematuhan umat Islam selari dengan Hukum Syarak seperti kesalahan wanita berpakaian dan berlagak seperti lelaki dan hukuman alternatif kepada pesalah jenayah syariah.

Datuk Speaker, Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya mohon mencadang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 (Enakmen No. 4 Tahun 1997)

YB Speaker : Dewan Negeri Bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7, Fasal 8.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7, Fasal 8 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7, Fasal 8 ini jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dipertimbangkan dalam jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dengan itu, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini Diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025.

Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) (PINDAAN) 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Rang Undang-Undang Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 (Enakmen No. 18 Tahun 2003).

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Datuk Speaker, Rang Undang-Undang ketiga adalah untuk meminda Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 [Enakmen No.18 Tahun 2003], izinkan saya memberikan penerangan secara ringkas.

Datuk Speaker, tujuan pindaan Enakmen ini dalam Rang Undang-Undang ini adalah untuk menyemak kembali tafsiran Hukum Syarak dan komputer dalam Enakmen keterangan agar selari dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 dan juga perkembangan semasa.

Kedua, tujuannya mewujudkan seksyen baharu untuk menambah baik peruntukan yang membabitkan penggunaan peranti komputer dan aplikasi atas talian seperti pembuktian dokumen awam yang dikeluarkan oleh komputer juga kebolehterimaan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer dan pernyataan yang terkandung di dalamnya, nilai yang boleh diberikan pada dokumen yang dikeluarkan oleh komputer dan pernyataan yang terkandung di dalamnya dan anggapan fakta dalam penyiaran. Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 (Enakmen No. 18 Tahun 2003).

YB Speaker : Dewan Negeri Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini Diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025.

Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) (PINDAAN) 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Dengan izin Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Rang Undang-Undang Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 (Enakmen No. 19 Tahun 2003).

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Dengan izin Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Rang Undang-Undang Ketiga yang saya nak bacakan kali kedua ini adalah untuk meminda Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 (*Enakmen No.19/2003)*, izinkan saya memberikan tujuan pindaannya.

Datuk Speaker, Enakmen ini sudah 22 tahun tidak dipinda. Tujuannya adalah untuk menyemak kembali peruntukan seksyen sedia ada dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah agar ia selari dengan perkembangan semasa seperti memasukkan peruntukan berkaitan kesalahan dengan penerbitan secara elektronik.

Dan yang kedua mewujudkan tafsiran dan seksyen baharu untuk menambah baik Enakmen Tatacara Jenayah Syariah seperti tafsiran capaian, dan seksyen baharu iaitu capaian kepada

data berkomputer. Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Datuk Speaker saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 (Enakmen No. 19 Tahun 2003).

YB Speaker : Dewan Negeri Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dengan itu, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis: Bahawa dengan ini Diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025.

Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam Warta.

Jurutulis: RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM (PINDAAN) 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Rang Undang-Undang Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam (Pindaan) 2025.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1991 [Enakmen No. 11 Tahun 1991].

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, Saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-Undang keempat dan yang terakhir pada hari ini adalah untuk meminda Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1991 [Enakmen No.11 Tahun 1991], sebelum saya meneruskan saya bacakan tujuannya.

Akta ini sudah 33 tahun Datuk Speaker tidak disemak dan tiada pindaan ini juga sejarah untuk sesi Dewan pada kali ini. Tujuannya adalah untuk mengemaskini tafsiran dan seksyen terkini dalam Enakmen Sekolah Agama ini agar selari dengan Enakmen Pentadbiran terkini iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 seperti tafsiran Sekolah Agama, Hukum Syarak, Majlis dan sebagainya.

Kedua, untuk menyemak kembali peruntukan seksyen sedia ada dalam Enakmen Sekolah Agama agar ia selari dengan perkembangan semasa seperti memasukkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan lantikan Pihak Berkuasa Negeri sebagai Pendaftar dan Timbalan Pendaftar, perakuan pendaftaran sementara untuk memberi peluang Sekolah Agama yang tidak cukup syarat untuk melengkapkan syarat pendaftaran, Sekolah Agama yang dalam siasatan juga boleh digantung dan sebagainya.

Tujuan yang ketiga, mewujudkan seksyen baharu untuk menambah baik pengurusan pentadbiran pendaftaran Sekolah Agama dan pemantauan serta tindakan yang boleh diambil pada Sekolah Agama yang tidak mahu mendaftar dengan Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor seperti syarat-syarat Sekolah Agama yang tidak boleh didaftarkan.

Dan keempat, memberi kuasa kepada Penguasa Agama untuk untuk memasuki, menyiasat, memeriksa Sekolah Agama dan kuasa Majlis untuk menutup Sekolah Agama yang tidak berdaftar serta apa-apa tindakan lain difikirkan Pendaftar adalah patut atau perlu dilakukan.

Rang Undang-Undang ini tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Datuk Speaker saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1991 [Enakmen No. 11 Tahun 1991].

YB Speaker : Dewan Negeri Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4.

YB Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju di jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3 dan Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Datuk Speaker, Saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Oleh itu, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi: Yang Berhormat Datuk Speaker,saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam (Pindaan) 2025 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini Diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam (Pindaan) 2025. Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam Warta.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirahmaanirahim, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu. (Dewan bertepuk)

YB Speaker : Alhamdulillah, selesai sudah persidangan kita kali ini. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri termasuk

di pihak pengimbang dan di pihak kerajaan yang sama-sama mendukung integriti Dewan Negeri Johor ini. Dan, alhamdulillah setinggi tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan seluruh yang terlibat terutamanya Ketua-ketua Jabatan, kaki-kakitangan kerajaan baik diperingkat negeri dan persekutuan yang sama-sama mendukung hasrat menjadikan Johor negeri maju menjelang 2030.

Oleh itu, saya berharap kita mengambil iktibar sepertimana contoh Sayyidina Umar yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Machap tadi iaitu bahawa kita ini turun ke bawah dan saya yakin Yang Berhormat semua adalah Wakil Rakyat yang sentiasa berada di kawasan dan tugas kita juga mencari orang miskin dan menyelesaikan masalah kita dan sebab itulah saya berharap habis sahaja Dewan ini bersidang kita kembali ke kawasan kita menjalankan tugas kita sebagai Ahli Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:00 petang.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Puan Zarina binti Abdul Kadir

Penolong Jurutulis

Encik Mohd Ezwan bin Abdul Ghani
Encik Muhammad Syahfiq Nizam bin Zulkipli

Koordinator

Puan Hajah Rohana binti Matang

Pembantu Tadbir (Penerbitan)

Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Hajah Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Khidmat Am (Bentara)

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd Norazri bin Kasim
Encik Mohd Sapri bin Manan
Encik Muhammad Khairul bin Arop
Encik Muhammad Zulhilmi bin Mohd Amran

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)

Puan Norazilawati binti Masri
Puan Norhafizah binti Osman
Puan Nurul Ain binti Zainal Abidin
Puan Shuriati binti Hajar
Puan Hajah Saniah binti Kassim
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Puan Hajah Azlin bin Bahrin
Puan Junaidah binti Paing
Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Puan Hajah Fareza binti Musa
Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Puan Raihanah binti Ismail
Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin
Puan Norlydialina binti Ithnain
Puan Hajah Rumiah binti Semirono
Puan Fakhrinnazia binti Fuad

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md Sidi
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

Juruaudio Video

Encik Ismail bin Abu Bakar
Encik Noorazhan bin Mohd Salleh
Encik Mohd Noriskandar binti Rosli
Encik Shamsul Anuar bin Kamarludin
Mohd Faizal bin Ja'ffar

UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR